



DISERTAKAN
HUKUM-HAKAM YANG PENTING BAGI
SEORANG MUSLIM

www.tafseer.info

www.islamic-invitation.com

MUKADIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah, selawat dan salam kepada junjungan Nabi dan kekasih kita, Rasulullah (^{sallallahu} 'alaihi ^{wa} ^{sallam}), amma ba'du:

Wahai saudaraku muslim dan muslimat, -semoga Allah merahmati kamu semua-. Ketahuilah, bahawa sesungguhnya diwajibkan ke atas kita mempelajari empat perkara:

Pertama: Ilmu; iaitu mengenal Allah, mengenal NabiNya dan mengenal agama Islam; kerana tidak boleh beribadah kepada Allah tanpa ilmu. Sesiapa yang berbuat demikian (ibadah tanpa ilmu), dia akan terjerumus kepada kesesatan dan menyerupai orang-orang Nasrani.

Kedua: Amal; sesiapa yang berilmu tetapi tidak beramal sesungguhnya dia telah menyerupai Yahudi, kerana mereka (Yahudi) berilmu tapi tidak beramal. Antara tipu helah syaitan, ia membuat manusia tidak suka terhadap ilmu dengan tanggapan dia akan dimaafkan di hadapan Allah nanti kerana kejahilannya. Dia juga tidak tahu bahawasanya sesiapa yang memiliki kesempatan untuk menuntut ilmu namun tidak melakukannya, maka telah tertegak hujah ke atasnya. Inilah dalil kaum Nabi Nuh ketika mana "*mereka memasukkan jari jemari mereka ke dalam telinga dan menutup muka dengan bajunya*" [Nuh: 7], agar hujah tidak tertegak ke atas mereka.

Ketiga: Berdakwah kepadanya (beramal dengan ilmu) kerana para ulama dan pendakwah adalah pewaris para Nabi. Allah (^{subhānahu} ^{wata'āla}) telah melaknat kaum Bani Israel kerana "*mereka antara satu sama lain tidak melarang perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya amat buruk perbuatan mereka itu*" [al-Maidah: 79]. Dakwah dan *ta'lim* itu merupakan fardhu kifayah; jika ada sebahagian orang yang mengerjakannya, maka yang lain

tidak berdosa. Jika semua orang mengabaikannya maka berdosalah mereka semua.

Keempat: Sabar atas kesusahan ketika menuntut ilmu, beramal dengannya dan berdakwah kepadanya.

Sebagai perkongsian daripada kami untuk membanteras kejahatan dan memudahkan untuk menuntut ilmu yang wajib, kami kumpulkan pada buku ringkas ini pengetahuan dengan kadar yang minimum dari pelbagai cabang ilmu Syariah dan tiga juzuk terakhir al-Quran bersama tafsirnya kerana kekerapan juzuk ini diulang-ulang. Sesuatu yang tidak dapat dicapai kesemuanya, jangan ditinggalkan kesemuanya terus.

Kami berusaha untuk menyampaikan apa yang terdapat di dalam buku ini secara ringkas, berdasarkan apa yang sahah dari Nabi Muhammad (*sallallahu 'alaihi wa sallam*) Kami tidak mengakui usaha ini mencapai kesempurnaan; kerana ianya (kesempurnaan) itu adalah hak milik Allah (*subhānahu wata'āla*) sahaja. Inilah usaha kami yang tidak seberapa. Apa yang benar, maka itu hanyalah dari Allah (*subhānahu wata'āla*). Apa yang salah itu dari syaitan dan diri kami. Allah dan RasulNya berlepas dari kesalahan kami. Moga Allah (*subhānahu wata'āla*) merahmati orang yang menunjukkan kepada kami kekurangan kami dengan kritikan-kritikan yang baik dan membangun.

Kami pohon pada Allah (*subhānahu wata'āla*), semoga setiap orang yang terlibat dalam penulisan, penerbitan, pengagihan, pembacaan, dan pembelajaran buku ini mendapat sebaik-baik balasan, diterima amal dan dilipatgandakan pahala mereka.

Hanya Allah (*subhānahu wata'āla*) yang Maha Mengetahui. Semoga Allah (*subhānahu wata'āla*) mencurahkan selawat dan salam kepada Nabi kita Muhammad (*sallallahu 'alaihi wa sallam*) beserta keluarga dan para sahabatnya.

Buku ini mendapat pujian dari sejumlah ulama dan penuntut ilmu di dunia Islam.

Untuk info, sumbangan, penglibatan atau permintaan buku:

Website: www.tafseer.info E-mail: mal@tafseer.info

DAFTAR ISI

Mukadimah	1
Keutamaan Al-Quran	3
Tafsir Surah Al-Fatihah	6
Tafsir Juz 28	8
Tafsir Juz 29	52
Tafsir Juz 30	93
Soalan-Soalan Penting Dalam Kehidupan Seorang Muslim	136
Nama-Nama Allah Yang Baik Dan Pengertiannya	139
Amalan-Amalan Hati	164
Perbuatan Yang Tenang	181
Kalimah Syahadah: لا إله إلا الله	207
Syahadah: محمد رسول الله	210
Bersuci	213
Hukum Hakam Untuk Wanita	219
Wanita dalam Islam	223
Solat	229
Zakat	239
Puasa	244
Haji Dan Umrah	249
Faedah Yang Pelbagai	257
Rukyah Syar`iyyah	265
Doa	278
Doa-Doa Penting Yang Patut Dihafal	282
Perniagaan Yang Menguntungkan	291
Wirid Harian Pagi Dan Petang	293
Percakapan Dan Perbuatan Yang Berpahala Besar	298
Perkara-Perkara Yang Ditegah Melakukannya	310
Perjalanan Abadi	319
Tata Cara Berwudhu	325
Tata Cara Solat	327
Ilmu Menuntut Pengamalan	331

KEUTAMAAN AL-QURAN

Al-Quran adalah kalamullah (firman Allah). Keutamaannya atas segala perkataan seperti keutamaan Allah atas seluruh makhluk-Nya. Membacanya adalah amalan yang paling utama dilakukan oleh lisan. Keutamaan Mempelajari, Mengajarkan dan Membaca al-Quran:

<p>Pahala Mengajarkannya</p>	<p>Sabda Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): “Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya”. (Al-Bukhari).</p>
<p>Pahala membacanya</p>	<p>Sabda Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): “Barangsiapa membaca satu huruf dari kitab Allah (al-Quran), maka baginya satu kebaikan, dan satu kebaikan itu dibalas dengan sepuluh kali ganda”. (H.R At-Tirmidzi).</p>
<p>Berkata Ibn Rajab rah.: Gandaan pahala dengan 10 kali ganda berlaku pada semua amalan sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah. Adapun tambahan atas gandaan yang sepuluh itu, maka ianya bagi sesiapa yang dikehendaki oleh Allah. Malah ia boleh sampai kepada 700 kali ganda dan lebih bergantung kepada khusyuk hati, penghayatan dan kefahaman.</p>	
<p>Keutamaan mempelajari al-Quran, menghafalnya dan mahir membacanya</p>	<p>Sabda Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): "Perumpamaan orang yang membaca al-Quran dalam keadaan dia menghafalnya adalah bersama para malaikat yang suci dan mulia, dan perumpamaan orang yang membaca al-Quran dan ia senantiasa membacanya meskipun hal itu sulit baginya maka baginya dua pahala." (H.R Muttafaq 'alaih). Dan sabda Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): "Dikatakan kepada ahli al-Quran: 'Bacalah, naiklah dan bacalah dengan tartil sebagaimana kamu membaca di dunia, sesungguhnya kedudukanmu terletak pada ayat terakhir yang kamu baca.'" (H.R At-Tirmidzi).</p>
<p>Al-Khaththabi berkata: "Disebutkan dalam atsar bahwa bilangan ayat al-Quran adalah sesuai dengan bilangan tingkatan dalam syurga. Dikatakan kepada pembaca (al-Quran): “Naiklah dalam tingkatan (syurga) sesuai dengan ayat al-Quran yang dulunya kamu baca (di dunia)”. Lantaran itu siapa yang membaca dengan sempurna seluruh al-Quran, maka ia menduduki tingkatan syurga yang paling tinggi di akhirat. Sedangkan siapa yang membaca sesuatu juz darinya, maka kenaikannya dalam tingkatan syurga sesuai dengan bacaannya itu. Justeru, pahalanya terakhir adalah pada akhir bacaannya”.</p>	

<p>Pahala bagi orang yang anaknya mempelajari al-Quran</p>	<p>Sabda Nabi (<small>sallallahu 'alaihi wa sallam</small>): "Barangsiapa membaca al-Quran, mempelajarinya dan mengamalkannya, maka dipakaikan kepada kedua ibubapanya pada hari kiamat mahkota dari cahaya yang sinarnya bagaikan sinar matahari, dan dipakaikan kepada kedua ibubapanya dua perhiasan yang nilainya tiada tandingannya di dunia. Keduanya pun bertanya: "Dengan (sebab) apa dipakaikan kepada kami semua ini?", Dijawab: "Disebabkan anakmu telah mempelajari Al-Qur'an". (H.R al-Hakim).</p>
<p>Al-Quran memberi syafa'at kepada pembacanya di Akhirat</p>	<p>Sabda Nabi (<small>sallallahu 'alaihi wa sallam</small>) : "Bacalah al-Quran, kerana ia akan datang pada hari Kiamat sebagai pemberi syafa'at kepada para pembacanya." (HR. Muslim). Dan sabda baginda (<small>sallallahu 'alaihi wa sallam</small>): "Puasa dan al-Quran keduanya akan memberikan syafa'at kepada seorang hamba pada hari Kiamat ..." (HR. Ahmad dan al-Hakim).</p>
<p>Pahala bagi orang yang berkumpul untuk membaca dan bertadarus (mempelajarinya)</p>	<p>Sabda Nabi (<small>sallallahu 'alaihi wa sallam</small>) : "Tidak berkumpul suatu kaum di sebuah rumah Allah Ta'ala, sedang mereka membaca kitab-Nya dan mempelajarinya, melainkan mereka akan dilimpahi ketenangan, dicurahi rahmat, dinaungi para malaikat, dan disanjung oleh Allah di hadapan para makhluk yang berada di sisi-Nya." (H.R Abu Dawud).</p>

Di antara hukum-hukum membacanya:

<p>Adab membaca al-Quran</p>	<p>Ibnu Katsir menyebutkan beberapa adab di antaranya: Tidak menyentuh al-Quran dan tidak membacanya kecuali dalam keadaan suci, bersiwak sebelum membacanya, memakai pakaian yang terbaik, menghadap kiblat, berhenti membaca jika menguap, tidak memotong bacaan dengan perkataan yang lain kecuali kerana keperluan, hadir fikirannya, ketika membaca ayat yang mengandungi janji baik maka memohon kepada Allah dan ketika membaca ayat yang mengandungi ancaman maka memohon perlindungan kepada-Nya, tidak meletakkan al-Quran berselerak, tidak meletakkan sesuatu di atasnya, tidak saling menguatkan suara bacaan terhadap orang lain, tidak</p>
-------------------------------------	---

	membaca di dalam pasar dan di tempat-tempat hiburan.
Bagaimana membaca Al-Quran	Bacaan Al-Quran di dalam solat tidak dikira melainkan seseorang melafazkan sehingga dia sendiri mendengarnya, tapi jangan sampai mengganggu orang lain. Anas (^{radhiyallahu} 'anhu ^{sallallahu 'alaihi wa} ^{sallam}), ketika ditanya tentang bacaan Nabi (^{sallallahu 'alaihi wa} ^{sallam}), dia menjawab: " Baginda senantiasa memanjangkannya (sesuai dengan panjang pendeknya). Jika baginda membaca 'Bimillahirrahmanirrahim', beliau memanjangkan 'Bismillah, memanjangkan 'Ar-Rahman' dan memanjangkan 'Ar-Rahim'. " (HR. Al-Bukhari).
Kadar Bacaan Al-Quran	Para sahabat Nabi (^{sallallahu 'alaihi wa} ^{sallam}) biasanya menjadikan untuk diri mereka sendiri sejumlah ayat al-Quran untuk dibaca setiap hari. Tidak menjadi kebiasaan bagi seorang pun dari mereka untuk khatam al-Quran kurang dari tujuh hari. Bahkan ada larangan berkenaan dengan mengkhatamkan al-Quran dalam waktu kurang dari tiga hari.
Membaca dari ingatan	Membaca dari ingatan secara hafaz lebih baik sekiranya dapat mentadabbur dan menghadirkan hati lebih dari membaca dengan melihat mushaf. Namun sekiranya tahap tadabbur dan hadir hatinya sama, ketika itu membaca dengan melihat mushaf lebih utama.

Maka berusaha dengan sungguh-sungguh wahai saudaraku, untuk **memanfaatkan waktu anda dengan membacanya.** Jadikanlah untuk diri anda **kadar bacaan harian** yang anda tidak akan tinggalkannya dalam keadaan apapun. Sedikit tapi berterusan lebih baik daripada banyak namun terputus. Kerana itu, jika anda lalai atau tertidur maka gantilah bacaannya pada esok hari. Nabi (^{sallallahu 'alaihi wa} ^{sallam}) bersabda: "**Barang siapa tidur dan melupakan hizbnya (kadar bacaan hariannya) atau sesuatu darinya, lalu dia membacanya pada waktu antara solat Subuh dan solat Zuhur, maka dicatat baginya pahala seakan-akan dia telah membacanya di malam hari.**" (HR. Muslim).

Janganlah anda termasuk orang yang meninggalkan al-Quran, atau melupakannya dengan cara apa pun, seperti **meninggalkan pembacaannya, pemahaman maknanya, pengamalannya, atau berubat dengannya.**

SURAH AL-FATIHAH (PEMBUKAAN)

Dinamakan surah ini dengan ‘Faatihatul Kitab’ (Pembuka Kitab) kerana Al-Quran dimulakan dengannya. Di mana ia adalah yang pertama ditulis dari mushaf, dan yang pertama dibacakan oleh orang yang membaca Al-Quran yang mulia. Namun ia bukanlah surah yang pertama diturunkan. Ada yang mengatakan ia diturunkan di Mekah dan ada juga yang mengatakan ia diturunkan di Madinah. Antara namanya ialah Fatihah al-Kitab, Umm al-Kitab, As-Sab’ul Mathani, Surah Al-Hamd (Pujian), Surah Solat dan Al-Waqiyah (Pelindung). Kelebihan bagi surah ini yang terdapat dalam banyak hadith antaranya, Rasulullah bersabda maksudnya: “Alhamdulillah Rabbil ‘Alamiin adalah As-Sab’ul Mathaani (Tujuh Ayat Ulangan) dan Al-Quran Al-Azim (Yang Agung) yang aku diberikannya”. HR Bukhari dan Ahmad.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ① الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ②

الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ③ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ④

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ⑤ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ⑥

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ⑦

① Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Lafaz Basmalah bukanlah satu ayat pada semua permulaan surah Al-Quran bahkan ianya satu ayat yang memisahkan antara setiap dua surah. Disunatkan membacanya kecuali pada permulaan surah At-Taubah; ketika itu hukumnya makruh.

② Allah: Satu nama yang tidak disebutkan kepada selain-Nya. Berasal dari kalimah ‘Ilaah’ yang bermaksud tuhan yang disembah. Perkataan ‘Ilaah’ merujuk kepada semua yang disembah sama ada secara benar atau batil. Namun apabila ia ditukar kepada ‘Allah’, maka ia hanya digunakan kepada yang berhak disembah dengan sebenarnya.

③ الرحمن الرحيم: Dua nama yang berasal dari rahmat. Ar-Rahman lebih luas maknanya dari Ar-Rahim. Ar-Rahman juga tidak digunakan untuk selain Allah (subhānahu wata’āla).

④ Segala puji hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam. ‘Alhamdu’ ialah pujian dengan lisan ke atas perkara yang cantik dan terpilih. Pujian hanya berlaku dengan lidah sahaja. Adapun syukur ianya berlaku dengan lidah, hati dan anggota badan. Syukur juga berlaku kerana mendapat nikmat manakala pujian ianya berlaku kerana kesempurnaan bagi yang dipuji walaupun yang memuji tidak mendapat nikmat. Bagi Allah kedua-duanya; pujian dan syukur. رَبِّ الْعَالَمِينَ kalimah Rabb (Tuhan) adalah satu nama dari nama-nama Allah dan ia juga tidak disebut pada selain dari Allah melainkan secara bersandar seperti: “Lelaki ini rabb (tuan) rumah”. Kalimah Rabb (Tuhan) bererti Raja, Tuan,

Yang Maha Menjaga, Mentadbir dan Yang Maha Disembah. ﴿الْعَالَمِينَ﴾ Kata plural bagi 'alam' dan ianya merujuk kepada semua yang wujud selain dari Allah Taala. Alam juga satu sebutan bagi mereka yang berakal dan ia terdapat empat kumpulan; alam manusia, jin, malaikat dan syaitan.

﴿الرَّحْمَنَ الرَّحِيمَ﴾ **Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang**. Apabila pada menyatakan sifat Allah Tuhan sekalian Alam mewujudkan rasa gerun kepada-Nya, maka Allah menyertakan selepas itu sifat Ar-Rahman Ar-Rahim iaitu Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang sebagai mewujudkan rasa sayang. Agar kedua sifat takut dan sayang kepada Allah membantu seseorang hamba dalam ketaatan kepada Allah ^(subhānahu wata'āla).

﴿مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ﴾ **Yang Menguasai hari Pembalasan** dengan Perbuatan-Nya dan Zat-Nya. Hari Pembalasan ialah hari Pembalasan dari Allah kepada hamba-hamba-Nya. Berkata Qatadah rah: "Hari pembalasan ialah hari Allah ^(subhānahu wata'āla) membalas semua amalan hamba-hambaNya. Iaitu menjatuhkan hukuman buat mereka berdasarkan amalan mereka.

﴿إِنَّا كُنَّا لَكُمْ سَمْعِينَ﴾ **Hanya kepada-Mu kami sembah dan hanya kepada-Mu kami mohon pertolongan**. Kami khususkan Engkau dengan ibadah dan permohonan tolong, TIDAK dengan selain-Mu. Ibadah itu adalah kemuncak tunduk dan merendahkan diri. Ibadah mengikut syarak ialah: satu sebutan yang merangkumi kesempurnaan cinta, tunduk dan takut. Didahulukan ibadah dari permohonan dalam ayat ini adalah kerana ibadah adalah perantara kepada permohonan. Dari Ibnu Abbas ^(radīyallāhu 'anhu) pada ayat: "Dan hanya kepada-Mu kami mohon pertolongan" bermaksud: Kepada-Mu sahajalah kami mentauhidkan dan kami takut. Hanya kepada-Mu sahaja kami minta pertolongan dalam mentaati-Mu, juga dalam semua urusan kami".

﴿أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ﴾ **Tunjukkan kami jalan yang lurus**. Hidayah ada dua jenis: **Hidayah Taufiq**; ianya khusus milik Allah. Firman Allah bermaksud : *Sesungguhnya kamu tidak dapat memberi hidayah kepada siapa yang kamu kehendaki malah Kami-lah yang memberikan hidayah kepada siapa yang Kami kehendaki*. [al-Qasas: 56]. Yang kedua: **hidayah petunjuk dan bimbingan**; ianya bagi para Nabi, ulama dan pendakwah. Firman Allah bermaksud: *Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) adalah memberi petunjuk kepada jalan yang lurus*. [asy-Syura: 52] Ayat ini menunjukkan kepada kedua-dua jenis hidayah kerana Allah adalah yang memberi tawfiq kepada kebaikan dan Allah juga yang mengutuskan para rasul untuk memberi petunjuk kepada-Nya. Jalan yang lurus menurut bahasa ialah jalan yang tiada bengkok padanya; iaitulah **jalan Islam**.

﴿صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ﴾ **Jalan orang-orang yang Engkau beri nikmat ke atas mereka**. Mereka itulah yang disebutkan Allah dalam firmanNya bermaksud: *Dan barangsiapa yang mentaati Allah dan Rasul maka mereka itu bersama dengan orang-orang yang Allah beri nikmat ke atas mereka dari kalangan para nabi, siddiqin (pembenar), syuhada (orang yang mati syahid) dan orang-orang yang soleh. Dan mereka itu sebaik-*

baik pendamping ﴿[an-Nisa` : 69].

﴿غَيْرَ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ﴾: bukan dari golongan yang dimurkai: Mereka adalah Yahudi. Demikian itu kerana mereka mengetahui kebenaran lalu mereka tinggalkan. Mereka berpaling dari kebenaran padahal mereka mengetahui, maka layaklah ke atas mereka kemurkaan Allah. Imam Ahmad dan Ibnu Majah meriwayatkan dari Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam), baginda bersabda: “Tidaklah Yahudi dengki dengan kamu atas sesuatu sebagaimana mereka dengki dengan kamu atas bacaan salam dan amin”. ﴿وَلَا الظَّالِمِينَ﴾: Bukan orang-orang yang sesat. Mereka ialah Kristian; kerana mereka berpaling dari kebenaran dalam keadaan jahil serta mereka berada di dalam kesesatan yang nyata tentang keadaan Nabi Isa (‘alahissalam). Makna ‘Aamiin’: Ya Allah, terimalah permohonan kami.

SURAH AL-MUJADILAH (WANITA YANG MENGADU)

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَادِلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ مَخَاوَرِكَمَا إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ ﴿١﴾

﴿1﴾ Sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenalkan) aduan perempuan yang mengadu kepadamu (wahai Muhammad) tentang suaminya dengan kata-katanya ﴿sambil dia berdoa merayu kepada Allah﴾. Dari ‘Aisyah r.ha katanya: “Maha Suci Allah yang Maha Luas Pendengarannya pada setiap sesuatu, sesungguhnya aku mendengar percakapan Khaulah binti Tsa’labah dan sebahagiannya tidak kudengari, ketika dia mengadu kepada Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) tentang suaminya dengan berkata: Ya Rasulullah, dia telah ambil masa mudaku, aku lahirkan untuknya anak yang ramai sehingga apabila aku sudah tua, sudah berhenti melahirkan kemudian dia men’zihar’kan aku. Ya Allah, aku mengadu kepadaMu! Tidak lama kemudian turunlah Jibril (‘alahissalam) dengan ayat-ayat ini”. ﴿mengenai suaminya﴾: iaitu Aus bin Shamit dari kalangan Ansar. ﴿sedang Allah sedia mendengar perbualan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat﴾.

الَّذِينَ يَظْهَرُونَ مِنْكُمْ مِنْ نِسَائِهِمْ مَا هُنَّ أُمَّهَاتُهُمْ إِنَّ أُمَّهَاتُهُمْ إِلَّا الَّتِي وَلَدْنَهُمْ وَإِنَّهُمْ لَيَقُولُونَ مُنْكَرًا مِنَ الْقَوْلِ وَزُورًا وَإِنَّ اللَّهَ لَعَفُوفٌ عَوْرٌ ﴿٢﴾

وَالَّذِينَ يَظْهَرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَا ذَلِكَ تَوَعُّطُونَ بِهِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٣﴾ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَا فَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَاِطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا ذَلِكَ لِتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤﴾

﴿2﴾ Orang-orang yang ‘menziharkan’ isterinya dari kalangan kamu Makna ‘Zihar’ ialah seorang lelaki berkata kepada isterinya: “(Hukum) engkau ke atasku seperti belakang badan ibuku”. ﴿Isteri-isteri mereka bukanlah ibu-ibu mereka﴾ Yang demikian itu adalah dusta, justeru ayat ini mencela orang yang melakukan zihar. ﴿ibu-ibu mereka tidak lain hanyalah perempuan-perempuan yang melahirkan mereka dan

sesungguhnya mereka (dengan melakukan yang demikian) memperkatakan suatu perkara yang mungkar dan dusta. Perkara itu mungkar dan ditegah agama kerana menyamakan isteri yang disetubuhinya dengan ibu yang melahirkannya. Padanya terdapat penghinaan berat terhadap ibu. (dan (ingatlah), sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun) di mana Allah menjadikan kaffarah sebagai jalan keluar dari perkara mungkar tersebut.

﴿3﴾ Dan orang-orang yang "menziharkan" isterinya, kemudian mereka menarik balik apa yang mereka ucapkan kepada keadaan mereka yang sebelumnya; iaitu hendak bersetubuh (maka hendaklah (suami itu) memerdekakan seorang hamba) lelaki atau perempuan (sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur). Maka dia tidak boleh mencampurinya sebelum dia membayar kaffarah. (Dengan hukum yang demikian, kamu diberi pengajaran (supaya jangan mendekati perkara yang mungkar itu) dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya terhadap apa yang kamu lakukan).

﴿4﴾ Kemudian, sesiapa yang tidak dapat (memerdekakan hamba) sama ada tidak memiliki hamba atau tidak berkemampuan membayar harganya atau tidak ada hamba yang boleh dibeli (maka hendaklah dia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu bercampur). Sekiranya dia terlepas satu hari tanpa keuzuran maka wajib bermula dari awal kembali. Begitu juga wajib bermula dari awal kembali sekiranya dia mencampuri isterinya dengan sengaja, sama ada pada waktu malam ataupun siang. (Akhirnya sesiapa yang tidak sanggup berpuasa) dua bulan berturut-turut (maka hendaklah dia memberi makan enam puluh orang miskin) setiap orang miskin setengah gantang gandum atau kurma atau nasi atau seumpamanya. Harus baginya memberi makanan yang sudah dimasak atau menyerahkan kepada mereka sesuatu yang mengenyangkan mereka. (Ditetapkan hukum itu untuk membuktikan iman kamu kepada Allah dan RasulNya): iaitu dengan mematuhi perintah-Nya serta menjauhi larangan-Nya serta tidak kembali kepada perbuatan zihar yang termasuk di dalam perkataan yang keji dan dusta. (Dan itulah batas-batas hukum Allah) maka jangan kamu melampauinya, malah telah dinyatakan bahawa zihar itu adalah maksiat, dan kaffarahnya boleh mendatangkan keampunan. (dan bagi orang-orang yang kafir) yang tetap melanggar hukum (disediakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya).

إِنَّ الَّذِينَ يُحَادُّونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ كِتَبُوا كَمَا كَتَبَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَوَقَدْ أَنْزَلْنَا
 آيَاتٍ بَيِّنَاتٍ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ مُهِينٌ ﴿٥﴾ يَوْمَ يَبْعَثُهُمُ اللَّهُ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا
 عَمَلُوا أَحْصَاهُ اللَّهُ وَنَسُوهُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٦﴾ أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي
 السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَا يَكُونُ مِنْ نَجْوَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ
 سَادِسُهُمْ وَلَا آذَنٌ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْتَرُ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا ثُمَّ يُنَبِّئُهُمْ بِمَا

عَمَلُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٥﴾

﴿5﴾ **Sesungguhnya orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya: memusuhi serta menyelesaikan dan menyalahi, mereka tetap ditimpa kehinaan sebagaimana orang-orang yang terdahulu dari mereka ditimpa kehinaan; kerana sesungguhnya Kami telah menurunkan keterangan-keterangan yang jelas nyata dan bagi orang-orang yang kafir disediakan azab seksa yang menghina.**

﴿6﴾ **Pada hari mereka semuanya dibangkitkan hidup semula oleh Allah; berkumpul di satu tempat pada hari kiamat, tiada yang tertinggal walaupun seorang lalu diterangkan kepada mereka segala yang mereka telah kerjakan di dunia daripada amalan buruk, sebagai pelengkap hujah ke atas mereka. Allah telah menghitung amal-amal mereka itu satu persatu, sedang mereka telah melupakannya. Dan mereka mendapatkan dalam kitab catatan amalan mereka (Dan (ingatlah), Allah menjadi Saksi yang meneliti dan melihat akan tiap-tiap sesuatu).**

﴿7﴾ **Tidakkah engkau memerhatikan bahawa sesungguhnya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi? Tiada ilmu-Nya meliputi segala yang berada di antara kedua-duanya? Tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan Dialah yang keempatnya yang meneliti bisikan tersebut, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dia-lah yang keenamnya; sedikit atau banyak, Allah Maha Mengetahui yang terang atau tersembunyi; tiada yang terlindung daripadanya, dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai: dalam apa jumlah sekali pun melainkan Dia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada: Dia mengetahui apa yang mereka bisikkan, tiada yang tersembunyi dariNya apa pun. Kemudian Dia akan memberitahu kepada mereka pada hari kiamat, apa yang mereka telah kerjakan agar mereka tahu bahawa Allah mengetahuinya dan sebagai penghinaan serta hujah kepada mereka yang berbisik dengan keburukan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.**

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ نُهُوا عَنِ التَّجْوَى ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا نُهُوا عَنْهُ وَيَتَنَجَّوْنَ بِالْآثِمِ وَالْعَادُونَ
وَمَعْصِيَتِ الرَّسُولِ وَإِذَا جَاءُوكَ حَيَّوْكَ بِمَا لَمْ يُحْيِكَ بِهِ اللَّهُ وَيَقُولُونَ فِي أَنفُسِهِمْ لَوْلَا
يُعَذِّبُنَا اللَّهُ بِمَا نَقُولُ حَسْبُكُمْ جَهَنَّمُ يَصَلَوْنَهَا فَيَنسَ الْمُصِيرُ ﴿٨﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
إِذَا تَنَجَّيْتُمْ فَلَا تَنَجَّوْا بِالْآثِمِ وَالْعَادُونَ وَمَعْصِيَتِ الرَّسُولِ وَتَنَجَّوْا بِالْبِرِّ وَالتَّقْوَى
وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٩﴾ إِنَّمَا التَّجْوَى مِنَ الشَّيْطَانِ لِيَحْزَنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا
وَلَيْسَ بِضَارِّهِمْ شَيْئًا إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٠﴾

﴿8﴾ **Tidakkah engkau memerhatikan (wahai Muhammad) akan orang-orang yang telah dilarang daripada perbuatan berbisik-bisik, kemudian mereka kembali melakukan perbuatan yang telah dilarang itu: Orang-**

orang Yahudi apabila seorang mukmin melintasi, mereka berbisik di hadapannya sehingga orang mukmin itu menyangka sesuatu yang buruk. Kemudian Allah melarang mereka tetapi mereka tidak berhenti melakukannya, maka turunlah ayat ini. ﴿serta mereka berbisik-bisik untuk melakukan dosa﴾: iaitu dengan mengumpat orang mukmin, menyakiti mereka dan seumpamanya seperti berdusta dan berbuat zalim, ﴿dan permusuhan﴾ ke atas orang mukmin ﴿serta kedherakaan kepada Rasulullah﴾: yakni menyelisih baginda. ﴿Dan lagi apabila mereka datang kepadamu, mereka memberi salam hormat bukan dengan lafaz salam hormat yang diberikan Allah kepadamu﴾: Orang-orang Yahudi apabila berjumpa dengan Rasulullah (ﷺ) mereka berkata: *As-Saam Alaikum* (Mati ke atas kamu); zahirnya memberi salam tapi batinnya mendoakan kematian. Nabi (ﷺ) kemudian menjawab: “Dan ke atas kamu juga”. ﴿dan mereka berkata sesama sendiri: “Bukankah sepatutnya kami disiksa oleh Allah disebabkan apa yang kami ucapkan itu?”﴾ Mereka berkata: “Kalau benar Muhammad itu nabi nescaya Allah akan menyiksa kami kerana perkataan kami yang menghinaNya?”. Dikatakan juga makna ayat ini: “Kalau benar Muhammad itu nabi, nescaya doanya diterima di saat dia menjawab: “Dan ke atas kamu juga”, maka matilah kami? Cukuplah untuk mereka azab Neraka Jahannam daripada kematian segera (yang mereka minta). ﴿mereka akan memasukinya; maka itulah seburuk-buruk tempat kembali﴾.

﴿9﴾ Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berbisik-bisik sesama sendiri, maka janganlah kamu berbisik-bisik untuk melakukan dosa dan permusuhan serta perbuatan derhaka kepada Rasulullah seperti yang dilakukan oleh Yahudi dan golongan munafik ﴿dan (sebaliknya) berbisiklah untuk berbuat kebajikan dan bertakwa﴾ dengan ketaatan dan meinggalkan maksiat ﴿dan hendaklah kamu tetap bertakwa kepada Allah yang kepada-Nya kamu semua akan dihimpunkan﴾ untuk Dia memberi balasan mengikut amalan kamu.

﴿10﴾ Sesungguhnya perbuatan berbisik itu: dengan kejahatan, permusuhan dan menyalahi Rasulullah (ﷺ) adalah dari Syaitan: bukan dari selainnya ﴿untuk menjadikan orang-orang yang beriman berdukacita﴾ dengan sangkaan bahawa mereka terperdaya ﴿sedang bisikan itu tidak akan dapat memudaratkan mereka sedikitpun﴾: Tidak syaitan dan tidak juga orang-orang yang berbisik ﴿melainkan dengan izin Allah﴾ dan kehendakNya ﴿dan kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman berserah diri﴾: iaitu menyerahkan segala urusan kepada-Nya, berlingung dengan-Nya dari syaitan dan tidak menghiraukan bisikan mereka. Dari Ibnu Mas’ud (رضي الله عنه), bersabda Rasulullah (ﷺ): “Apabila kamu bertiga, janganlah dua orang berbisik-bisik dengan membiarkan orang yang ketiga kerana perkara itu akan meresahkannya” (H.R. Al-Bukhari, Muslim dan lainnya).

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَأَفْسَحُوا يَفْسَحَ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا

قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

﴿11﴾ **Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu**: Allah memerintahkan mereka agar berkelakuan baik sesama mereka dengan melapangkan tempat duduk dan tidak bersempit- sempit padanya. Berkata Qatadah dan Mujahid rah.: Mereka dahulu berlumba-lumba untuk hadir ke majlis Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) lalu mereka diperintahkan supaya melapangkan tempat untuk sebahagian yang lain. **maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan untuk kamu** di syurga dan ianya umum meliputi semua bentuk majlis yang berkumpul padanya orang muslim, yang bertujuan untuk mendapat kebaikan dan pahala; sama ada perang, khutbah jumaat atau zikir. Setiap orang lebih berhak mendapatkan tempat yang awal dia dapati, tetapi lapangkanlah untuk saudaranya. Berkata (sallallahu 'alaihi wa sallam): *“Janganlah seseorang dari kamu membangunkan seseorang yang lain dari tempatnya, kemudian dia duduk di tempat itu, akan tetapi perluaskan tempat dan lapangkanlah”*. **dan apabila kamu diminta bangun maka bangunlah**: iaitu apabila diminta dari sebahagian orang yang duduk supaya bangun untuk memberikan tempat duduk kepada orang-orang yang mulia dalam agama dan ahli ilmu maka bangunlah **supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat**: iaitu dengan darjat yang tinggi pada kemuliaan di dunia dan pahala di akhirat. Maka barangsiapa yang menghimpunkan antara iman dan ilmu, maka Allah mengangkat kedudukannya dengan imannya, kemudian dengan ilmunya beberapa darjat, dan ia termasuklah dengan kemuliaannya apabila berada di dalam majlis **dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan**.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نَجِيتُمُ الرَّسُولَ فَقَدِمُوا بَيْنَ يَدَيْ جُؤُودِكُمْ صَدَقَةٌ ذَلِكَ خَيْرٌ لَكُمْ
وَأَطْرَهُ فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٢﴾
ءَأَشْفَقْتُمْ أَنْ تُقَدِّمُوا بَيْنَ يَدَيْ جُؤُودِكُمْ صَدَقَاتٍ فَإِذْ لَمْ تَفْعَلُوا وَتَابَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ فَأَقِيمُوا
الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٣﴾

﴿12﴾ **Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak menghadap dan bertanyakan sesuatu kepada Rasulullah, maka hendaklah kamu bersedekah (kepada fakir miskin) sebelum kamu menghadapnya**: Apabila Allah menurunkan ayat ini, berhentilah ahli kebatilan dari menghadap Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) kerana mereka tidak mendahulukan sedekah sebelum dari menghadap Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam). Orang-orang yang beriman juga merasakan terbeban dengan perintah itu dan mereka berhenti dari mengadap Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) kerana kebanyakan dari mereka tidak mampu bersedekah. Kemudian Allah meringankan beban

dari mereka dengan ayat yang datang selepasnya. **﴿itu﴾**: iaitu mendahulukan sedekah sebelum menghadap Rasulullah **(*sallallahu 'alaihi* *sallam*)** **﴿adalah lebih baik bagi kamu dan lebih bersih﴾** kerana terdapat padanya ketaatan kepada Allah. **﴿Dalam pada itu, kalau kamu tidak ada apa-apa yang hendak disedekahkan, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani﴾**: yakni barangsiapa yang tidak memiliki sedekah, maka tidak mengapa menghadap Rasulullah **(*sallallahu 'alaihi* *sallam*)** tanpa bersedekah sebelumnya.

﴿13﴾ Adakah kamu takut kerana kerap kali kamu memberi sedekah sebelum kamu menghadap?﴾: iaitu apakah kamu takut miskin dan papa kerana bersedekah sebelum menghadap Rasulullah **(*sallallahu 'alaihi* *sallam*)**? Berkata Muqatil: Perintah itu berlaku selama 10 malam kemudian dinasakahkan. **﴿Kalau kamu tidak melakukan itu﴾**: perintah untuk bersedekah sebelum menghadap Rasulullah **(*sallallahu 'alaihi* *sallam*)** kerana ianya berat ke atas kamu **﴿dan Allah pun memaafkan kamu﴾** dengan memberikan kelonggaran dalam meninggalkannya **﴿maka dirikanlah sembahyang dan berikanlah zakat (sebagaimana yang sewajibnya),﴾** maknanya: apabila kamu tidak mampu bersedekah sebelum menghadap Rasulullah **(*sallallahu 'alaihi* *sallam*)** maka tetaplah mendirikan solat dan menunaikan zakat **﴿serta taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya akan segala amalan yang kamu lakukan﴾** justeru Dia yang akan mengganjari kamu.

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ تَوَلَّوْا قَوْمًا غَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مَا هُم مِّنكُمْ وَلَا مِنْهُمْ وَيَحْلِفُونَ عَلَى الْكَذِبِ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٤﴾ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا إِنَّهُمْ سَاءَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾ أَخَذُوا أَيْمَانَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا عَنِ سَبِيلِ اللَّهِ فَلَهِمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿١٦﴾ لَنْ نَغْفِيَ عَنْهُمْ أَمْوَالَهُمْ وَلَا أَوْلَادَهُمْ مِّنَ اللَّهِ شَيْئًا أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١٧﴾ يَوْمَ يَبْعَثُهُمُ اللَّهُ جَمِيعًا فَيَحْلِفُونَ لَهُ كَمَا يَحْلِفُونَ لَكُمْ وَيَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ عَلَىٰ شَيْءٍ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْكَاذِبُونَ ﴿١٨﴾ اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَأَنسَهُمْ ذِكْرَ اللَّهِ أُولَئِكَ حِزْبُ الشَّيْطَانِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ الشَّيْطَانِ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿١٩﴾

﴿14﴾ Tidakkah engkau melihat orang-orang yang bersahabat karib dengan satu kaum?﴾: yakni mentaati mereka; iaitu golongan munafik yang bersahabat dan taat kepada Yahudi **﴿yang telah dimurkai Allah?﴾**: iaitu kaum Yahudi. **﴿Mereka itu bukanlah dari golongan kamu dan bukan pula dari golongan kaum yang tersebut itu﴾** sebagaimana Allah berfirman tentang mereka: **﴿Mereka tidak mempunyai pendirian yang tetap) antara (iman dan kufur) itu; mereka tidak berpihak terus kepada golongan (kafir) dan tidak pula berpihak kepada golongan (yang beriman)﴾** [An-Nisa :143]. Boleh jadi yang dimaksudkan itu adalah Yahudi di mana Allah berkata kepada orang mukmin: Orang Yahudi itu bukan dari kalangan kamu dan bukan juga dari kalangan munafiq, maka kerana itu mengapa orang munafiq tidak mentaati mereka. **﴿dan lagi mereka selalu bersumpah dengan dusta﴾**: iaitu mereka bersumpah bahawa mereka itu Muslim atau

bahawa mereka tidak menyampaikan khabar kepada orang Yahudi ﴿ sedang mereka mengetahui ﴾ kebatilan sumpah mereka serta hakikat ianya suatu pembbohongan yang direka-reka.

﴿15﴾ Allah telah menyediakan bagi mereka azab seksa yang berat dengan sebab kesetiaan mereka dan sumpah batil itu ﴿ sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah lakukan ﴾ dari amalan-amalan yang buruk.

﴿16﴾ Mereka menjadikan sumpahan mereka sebagai perisai untuk menyelamatkan diri daripada dibunuh dan mereka bersumpah sebagai menyelamatkan darah mereka, lalu lidah mereka melafazkan iman kerana takut dibunuh sedang hati mereka tidak beriman, ﴿ lalu mereka menghalang (diri mereka dan orang lain) dari jalan Allah; ﴾: iaitu menghalang manusia dari agama Islam dengan apa yang mereka lakukan dari penghinaan dan meremehkan urusan serta melemahkan kekuatan kaum muslimin. ﴿ oleh itu mereka beroleh azab seksa yang menghina ﴾.

﴿17﴾ Harta benda mereka dan anak pinak mereka tidak sekali-kali akan dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka dari azab Allah. Merekalah ahli Neraka, mereka tetap kekal di dalamnya).

﴿18﴾ Pada hari mereka semuanya dibangkitkan oleh Allah, maka mereka bersumpah kepadaNya (bahawa mereka adalah orang-orang mukmin) sebagaimana biasanya mereka bersumpah kepada kamu): mereka bersumpah dengan dusta sebagaimana yang mereka lakukan di dunia. Mereka berkata: Demi Allah kami tidak melakukan demikian (dusta). Inilah kecelakaan bagi mereka padahal segala kebenaran pada hari kiamat telah tersingkap dan segala perkara diketahui dan dilihat. ﴿ dan mereka menyangka bahawa (dengan berbuat demikian) mereka akan mendapat sesuatu ﴾ yang berfaedah kepada mereka atau menghalang kemudaratannya sebagaimana sangkaan mereka di dunia. ﴿Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya merekalah golongan pendusta ﴾.

﴿19﴾ Syaitan telah mempengaruhi mereka): yakni telah mengalahkan mereka dan berkuasa ke atas mereka ﴿ sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati Allah ﴾ lalu mereka meninggalkan perintah-Nya dan amalan ketaatan pada-Nya. ﴿mereka itulah puak Syaitan ﴾: iaitu tenteranya dan pengikutnya. ﴿Ketahuilah! Bahawa puak Syaitan itu sebenarnya orang-orang yang rugi ﴾ kerana mereka menjual syurga dengan neraka, petunjuk dengan kesesatan serta mereka mendustakan Allah dan rasul-Nya, maka mereka akan rugi di dunia dan akhirat.

إِنَّ الَّذِينَ يُحَادُّونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ فِي الْأَذَلِّينَ ﴿١٥﴾ كَتَبَ اللَّهُ لَأَعْلَبِينَ أَنَا وَرُسُلِي إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿١٦﴾ لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٍ مِّنْهُ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ أُولَئِكَ حِزْبُ اللَّهِ أَلَا

إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٢٢﴾

﴿20﴾ **Sesungguhnya orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan RasulNya**: makna menentang Allah dan RasulNya telah diterangkan di awal surah ini. **mereka termasuk dalam golongan yang amat hina**: iaitu dari kalangan umat yang dihinakan Allah di dunia dan akhirat.

﴿21﴾ **Allah telah menetapkan: Sesungguhnya Aku dan Rasul-rasul-Ku tetap mengalahkan**: iaitu Allah telah menentukan pada ilmu-Nya yang terdahulu bahawa; Aku dan Rasul-Ku akan menang dengan hujah dan kekuasaan. **Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa** dalam memenangkan wali-wali-Nya dan mengalahkan musuh-musuh-Nya. Tiada yang dapat mengalahkan-Nya.

﴿22﴾ **Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya**: berkasih mesra: **sayang dan setia kepada siapa yang memusuhi Allah dan Rasul-Nya** **sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka atau saudara-saudara mereka ataupun keluarga mereka**: Sesungguhnya iman menghalang perkara demikian dan melarangnya. Penjagaan iman lebih utama dari menjaga hubungan bapa, anak, adik-beradik dan keluarga. **Mereka itu**: yakni mereka yang tidak berkasih sayang dengan musuh Allah dan Rasul-Nya **Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka**, dikatakan juga: menjadikan atau menghimpunkan **dan telah menguatkan mereka dengan Ruh daripada-Nya**: iaitu dengan pertolongan ke atas musuh mereka di dunia. Dinamakan pertolongan dengan perkataan Ruh adalah kerana dengan pertolongan-Nya maka hiduplah urusan mereka **dan Dia akan memasukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka tetap kekal di dalamnya** selama-lamanya. **Allah reda akan mereka**: iaitu menerima amalan mereka dan melimpahkan ke atas mereka rahmat-Nya yang segera mahupun tangguh **dan mereka reda akan-Nya**: mereka gembira akan nikmat pemberian-Nya. **Merekalah puak Allah**: iaitu tentera-Nya yang melaksanakan perintah-Nya, memerangi musuh-Nya dan menolong wali-wali-Nya. **Ketahuiilah! Sesungguhnya puak Allah itulah orang-orang yang berjaya**: yang berjaya dengan kebahagiaan dunia dan akhirat. Ibnu Abi Hatim, at-Tabrani dan al-Hakim meriwayatkan bahawa bapa Abu Ubaidah bin al-Jarrah memburunya sewaktu perang Badr sedangkan Abu Ubaidah cuba melarikan diri daripadanya. Apabila bapanya bersungguh-sungguh memburunya, maka dia terus menuju ke arah bapanya lantas membunuhnya, lalu turunlah ayat ini.

SURAH AL-HASYR (PENGUSIRAN)

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١﴾ هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مِنْ دِيَارِهِمْ لِأَوَّلِ الْحَشْرِ مَا ظَنَّتُمْ أَنْ يَمُوتَ غَوْبًا وَمَاتُوا

مَا نَعْتُهُمْ حُصُونُهُمْ مِنَ اللَّهِ فَأَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ حَيْثُ لَمْ يَحْتَسِبُوا وَقَذَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّعْبَ يُجْرِبُونَ يُؤْتِهِمْ بِأَيْدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ ﴿١﴾ وَلَا أَنْ كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْهِمُ الْجَلَاءَ لَعَذَابُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابُ النَّارِ ﴿٢﴾ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ شَاقُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَمَنْ يُشَاقِقِ اللَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٣﴾ مَا قَطَعْتُمْ مِنْ لَيْتَةٍ أَوْ نَرَكْتُمْوهَا قَائِمَةً عَلَىٰ أُصُولِهَا فَبِإِذْنِ اللَّهِ وَلِيُخْرِجَ الْأَلْفَيْقِينَ ﴿٤﴾

﴿١﴾ Segala yang ada di langit dan di bumi tetap mengucap tasbih kepada Allah dan Dialah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

﴿٢﴾ Dialah yang telah mengeluarkan orang-orang kafir di kalangan Ahli Kitab dari kampung halaman mereka pada saat pengusiran yang pertama: Mereka itu Bani Nadhir, cabang dari kaum Yahudi dari keturunan Nabi Harun. Mereka tinggal di Madinah selepas fitnah menimpa Bani Israil. Kemudian mereka mengkhianati Nabi (ﷺ) setelah mengikat perjanjian dengannya, seterusnya mereka bersama dengan orang musyrikin dalam memerangi Baginda. Lantas Rasulullah (ﷺ) mengepung mereka sehingga mereka rela diusir. Berkata al-Kalbi: “Mereka adalah yang pertama diusir dari Jazirah Arab, kemudian yang terakhir diusir ialah pada zaman Umar (رضي الله عنه) Maka pengusiran mereka adalah perhimpunan pertama dan pengusiran zaman Umar (رضي الله عنه) adalah pengumpulan terakhir”. Dikatakan juga: “Pengumpulan terakhir adalah perhimpunan sekalian manusia di padang Mahsyar. ﴿Kamu (wahai umat Islam) tidak menyangka bahawa mereka akan keluar﴾: iaitu kamu tidak menyangka wahai sekalian Muslimin bahawa Bani Nadhir akan keluar dari kampung mereka disebabkan kedudukan mereka dan ketahanan mereka. Mereka memiliki kubu yang teguh, kebun kurma yang luas dan bilangan yang ramai dengan persiapan yang cukup ﴿dan mereka pula﴾: Bani Nadhir ﴿menyangka bahawa benteng-benteng mereka akan dapat menahan serta memberi perlindungan kepada mereka daripada azab Allah. Maka Allah menimpakan (azab-Nya) kepada mereka dari arah yang tidak terlintas dalam fikiran mereka﴾: yakni perintah Allah datang kepada mereka dari sudut yang tidak pernah terlintas di fikiran mereka iaitu Allah (سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ) memerintahkan Nabi (ﷺ) memerangi dan mengusir mereka. Mereka tidak pernah terfikir perkara sedemikian kerana dahulu mereka rasa lebih mulia dan kuat ﴿serta dilemparkanNya perasaan sangat takut ke dalam hati mereka﴾. Rasulullah (ﷺ) bersabda: “Aku dibantu (melawan musuhku) dengan perasaan sangat takut mereka sejauh jarak sebulan perjalanan”. ﴿lalu mereka membinasakan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri (dari dalam) sambil tangan orang-orang yang beriman (yang mengepung mereka berbuat demikian dari luar﴾: yang demikian itu ialah apabila mereka yakin akan diusir, mereka dengki terhadap kaum muslimin yang akan mengambil rumah mereka lalu mereka merosakkan rumah mereka dari dalam manakala orang Islam merosakkannya dari luar. Berkata az-

Zuhri dan Urwah bin Zubair: “Apabila Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) melakukan perjanjian dengan mereka bahawa mereka hanya boleh membawa apa yang dibawa oleh unta mereka, lantas mereka merosakkan rumah-rumah dan tiang-tiang yang dulunya mereka cantikkan serta membawanya ke atas unta mereka sementara kaum Muslimin meruntuhkan saki-bakinya. «Maka insafilah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya» Ketahuilah bahawa Allah akan memperlakukan seumpama itu pada orang yang menentang dan memusuhiNya.

﴿3﴾ «Dan kalaulah tidak kerana Allah telah menetapkan pengusiran (yang demikian buruknya) terhadap mereka, tentulah Dia akan menyiksa mereka di dunia»: iaitu kalaulah Allah tidak menetapkan pengusiran terhadap mereka dari tanah air mereka dan menghukum mereka nescaya Allah akan mengazab mereka dengan pembunuhan dan penahanan di dunia sebagaimana yang berlaku kepada Bani Quraizah. « dan mereka pula akan beroleh azab seksa Neraka pada hari akhirat kelak ».

﴿4﴾ «Demikian itu (mereka ditimpakan azab), kerana mereka menentang Allah dan RasulNya»: iaitu dengan sebab **permusuhan** mereka dengan Allah dan Rasul-Nya serta **pengkhianatan mereka** terhadap janji, maka layaklah mereka menerima hukuman. « dan (ingatlah), sesiapa yang menentang (perintah) Allah, maka sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya ».

﴿5﴾ «Mana-mana jua pohon kurma (kepunyaan musuh) yang kamu tebang atau kamu biarkan tegak berdiri seperti keadaannya yang asal, maka yang demikian adalah dengan izin Allah »: Sebahagian kaum muslimin menebang pokok kurma milik orang kafir dalam peperangan Bani Nadhir bertujuan menimbulkan kemarahan mereka, maka berkatalah Bani Nadhir yang juga Ahli Kitab: “Wahai Muhammad, bukannya kamu mendakwa kamu Nabi dan inginkan kebaikan? Lalu apakah termasuk kebaikan menebang pokok dan membakarnya? Apakah kamu dapati pada apa yang diturunkan pada kamu keharusan melakukan kerosakan di muka bumi?”. Soalan itu meresahkan Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) dan kaum muslimin. Kemudian turunlah ayat: «**kerana Dia hendak menimpakan kehinaan kepada orang-orang yang fasik** »: iaitu hinalah orang-orang yang keluar dari ketaatan -iaitu orang Yahudi- dan perbuatan menebang pokok kurma atau tidak, tetap menjadikan mereka marah kerana apabila mereka melihat orang-orang beriman mengambil harta mereka sesuka hati, bertambahlah kemarahan dan kehinaan bagi mereka.

وَمَا أَفَاءَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِهِ مِنْهُمْ فَمَا أَوْجَفْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ وَلَكِنَّ اللَّهَ يُسَلِّطُ رُسُلَهُ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦﴾ مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَاللِّرَسُولِ وَلِلَّذِي الْقُرَىٰ وَاللَّذِينَ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ

فَأْتَهُمْ وَأَتَقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٦﴾

﴿Dan apa jua yang Allah kurniakan kepada RasulNya dari peninggalan harta benda mereka (yang telah diusir itu) maka kamu tidak memecut seekor kuda pun dan tidak menunggang seekor unta pun (untuk berperang mengalahkan mereka)﴾: Memecut bermaksud menunggang dengan laju. Bererti apa yang Allah kembalikan kepada rasul-Nya dari harta Bani Nadhir itu, kamu tidak menunggang untuk mendapatkannya sama ada kuda mahupun unta, tiada juga kesusahan bagi kamu dan tiada perang malah jarak mereka dengan Madinah cuma dua batu (jauhnya); ﴿tetapi Allah memberikan kekuasaan kepada Rasul-rasulNya mengalahkan sesiapa yang dikehendakiNya (dengan tidak payah berperang) dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu﴾. Maka Allah (^{subhānahu} wata'ālā) menjadikan harta itu milik Rasulullah (^{sallālahu 'alaihi} wa ^{sallam}) semata-mata kerana bagindalah yang menawannya dengan perjanjian dan merampas harta mereka serta tidak membahagi-bahagikannya sesama mereka yang berhak mendapatkan harta rampasan.

﴿Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri﴾: Ini adalah keterangan berkaitan pembahagian harta fai' (rampasan tanpa perang) -selepas dari keterangan sebelumnya-bahawa ia adalah khas untuk Rasulullah (^{sallālahu 'alaihi} wa ^{sallam}), dan ia juga hukum bagi setiap kampung yang ditawan oleh Rasulullah (^{sallālahu 'alaihi} wa ^{sallam}) dan kaum muslimin selepas itu sehingga hari kiamat secara damai tanpa perang; tanpa memecut kuda dan unta (atau seumpamanya). ﴿maka adalah ia tertentu bagi Allah﴾: tertakluk kepada hukum-Nya ﴿dan bagi Rasulullah﴾ sebagai miliknya, kemudian pada masalahat muslimin ﴿dan bagi kaum kerabat (Rasulullah)﴾: Bani Hasyim dan Bani Muttalib; iaitu golongan fakir kerana mereka dilarang dari menerima sedekah, maka diberikan hak daripada harta fai' ﴿dan anak-anak yatim﴾: kanak-kanak belum baligh yang kematian bapa ﴿dan orang-orang miskin﴾: orang-fakir ﴿serta orang-orang musafir﴾: orang asing yang terputus bekalan ﴿supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu﴾ yang mana dengan itu orang kaya akan mendominasi orang miskin dan membahagikan harta di antara mereka ﴿dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (^{sallālahu 'alaihi} wa ^{sallam}) kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dia larang kamu melakukannya maka patuhilah larangannya﴾ bererti: apa yang Nabi beri kepada kamu dari harta fai' maka ambillah, dan apa yang Nabi tahan kamu darinya maka berhentilah, dan jangan kamu mengambilnya ﴿dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya﴾.

لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأَمْرُهُمْ رَبَّتْ لَدُونِ اللَّهِ مِنْ فَضْلِهِمْ
وَرِضْوَانًا وَيَنْصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿٨﴾

﴿(Pemberian itu hendaklah diberikan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah, yang telah diusir keluar dari kampung halamannya﴾ yakni:

Mekah; mereka terpaksa meninggalkannya, maka Allah menjadikan bagi mereka juga hak dalam harta fai' untuk menampung mereka «**untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredaan-Nya**» dengan mendapat rezeki di dunia dan keredaan di akhirat «**serta menolong (agama) Allah dan Rasul-Nya**» dengan jihad menentang orang kafir «**mereka itulah orang-orang yang benar**» iaitu sangat teguh dengan kebenaran.

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْأَيْمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شَخْخِ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾ وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾

﴿٩﴾ **Dan orang-orang yang mendiami negeri serta beriman sebelum mereka**: mereka itulah kaum Ansar yang mendiami Madinah sebelum kaum Muhajirin dan beriman kepada Allah dan Rasul «**mengasahi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka**»: Mereka berbuat baik kepada Muhajirin dan berkongsi harta dan tempat tinggal «**dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan**» sama ada hasad, marah atau benci «**terhadap apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu**»: iaitu dari apa yang diberikan kepada Muhajirin sahaja dari harta fai', bahkan jiwa mereka senang dengannya. Pada masa itu orang Muhajirin tinggal bersama dengan orang Ansar. Apabila Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) merampas harta Bani Nadhir, baginda memanggil kaum Ansar lantas berterima kasih kepada mereka di atas apa yang mereka lakukan bagi kaum Muhajirin dari segi penempatan dan perkongsian harta, kemudian baginda bersabda: “Sekiranya kamu mahu, aku akan bahagikan harta rampasan Bani Nadhir yang Allah berikan kepadaku ini di antara kamu dan Muhajirin, dan mereka (Muhajirin) berada di rumah kamu dan berkongsi harta dengan kamu. Dan sekiranya kamu mahu, aku berikannya kepada mereka supaya mereka keluar dari rumah kamu” Maka kaum Ansar reda dengan pembahagian itu tanpa menyimpan apa-apa perasaan. Akan tetapi hadis ini tidak dinyatakan oleh as-Syaukani siapa yang mengeluarkannya. Dalam sirah Ibnu Hisham dia berkata: “Sesungguhnya Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) membahagikan harta Bani Nadhir dan tidak memberikan kepada Ansar sesuatu pun. «**dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri**» mereka mendahulukan kaum Muhajirin dari diri mereka dalam bahagian dunia «**sekalipun pada mereka ada keperluan**» iaitu dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat «**dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya**» iaitu siapa yang Allah lindunginya dari keinginan nafsu dan sifat bakhil lalu dia menunaikan apa yang diwajibkan syarak ke atas dirinya pada harta

dari perintah zakat atau sesuatu hak maka sesungguhnya dia telah berjaya. **Siapa yang bakhil dan kedekut tidak akan berjaya.**

﴿10﴾ **Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka:** iaitu orang-orang yang mengikut mereka dengan kebaikan sehingga hari Kiamat ﴿(berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman﴾ orang-orang yang cinta kepada mereka yang terdahulu dari golongan Muhajirin dan Ansar serta memohon keampunan bagi mereka ﴿dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan benci dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman﴾ iaitu tipu, benci dan hasad. Terutama kepada golongan sahabat yang merupakan kaum mukminin yang paling mulia di mana ayat ini merujuk kepada mereka. Maka barang siapa yang terdapat dalam hatinya perasaan benci kepada sahabat seperti golongan Rafidhah, justeru dia telah terjerumus ke dalam tipu daya syaitan dan mendapat bahagian yang besar dari kemaksiatan kepada Allah dengan memusuhi wali-Nya dan sebaik-baik ummat Nabi-Nya. Demikian juga mereka yang mencela, menyakiti dan merendah-rendahkan para sahabat; mereka tiada apa-apa hak terhadap harta fai'. ﴿Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah belas kasihan dan rahmat-Mu﴾.

الْمَ تَرَى إِلَى الَّذِينَ نَافَقُوا يَقُولُونَ لِإِخْوَانِهِمُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَئِنْ أُخْرِجْتُمْ لَنَخْرُجَنَّ مَعَكُمْ وَلَا نُظَيِّعُ فِيكُمْ أَحَدًا أَبَدًا وَإِنْ قُوتِلْتُمْ لَنَنْصُرَنَّكُمْ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١٠﴾ لَئِنْ أُخْرِجُوا لَا يَخْرُجُونَ مَعَهُمْ وَلَئِنْ قُوتِلُوا لَا يَنْصُرُوهُمْ وَلَئِنْ نَصَرُوهُمْ لَيُؤْتُوا الْأَذْبُرَ ثُمَّ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١١﴾ لَأَنْتُمْ أَشَدُّ رَهْبَةً فِي صُدُورِهِمْ مِنَ اللَّهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُونَ ﴿١٢﴾ لَا يَقْتُلُونَكُمْ جَمِيعًا إِلَّا فِي قَرْيٍ مُّحْصَنَةٍ أَوْ مِنْ وَّرَاءِ جُدُرٍ بَأْسُهُمْ بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ تَحْسَبُهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّى ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ ﴿١٣﴾ كَمَثَلِ الشَّيْطَانِ إِذْ قَالَ لِلْإِنْسَانِ اكْفُرْ فَلَمَّا كَفَرَ قَالَ إِنِّي بَرِيءٌ مِّنكَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ ﴿١٤﴾ فَكَانَ عَاقِبَتَهُمَا أَنَّهُمَا فِي النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ جَزَاءُ الظَّالِمِينَ ﴿١٥﴾

﴿11﴾ **Tidaklah engkau (wahai Muhammad) melihat dan merasa hairan terhadap sikap orang-orang munafik itu?** mereka itu Abdullah bin Ubai dan pengikutnya. Mereka mengutuskan kepada Bani Nadhir: “supaya tetap dan bertahan. Sesungguhnya kami tidak akan membiarkan kamu ﴿Mereka tergamak berkata kepada saudara-saudara mereka yang kafir dari kalangan (kaum Yahudi) ahli Kitab: “Sesungguhnya, kalau kamu dihalau keluar sudah tentu kami akan keluar bersama-sama kamu﴾ Kami akan keluar dari rumah-rumah kami untuk bersama dengan kamu ﴿ dan kami tidak akan tunduk taat kepada sesiapaun﴾ yang menghalang kami dari keluar bersama kamu

«selama-lamanya»: Walaupun panjang masanya «dan kalau kamu diperangi, sudah tentu kami akan membela kamu!» dari musuh kamu. Kemudian Allah mendustakan mereka dengan firman-Nya: «Padahal Allah mengetahui dan menyaksikan bahawa sebenarnya mereka adalah pendusta» pada janji-janji mereka untuk keluar bersama mereka dan membela mereka.

12 «Demi sesungguhnya! Jika orang-orang (Yahudi) itu dihalau keluar (dari Madinah), mereka (yang munafik) ini tidak akan keluar bersama-sama dan demi sesungguhnya, jika orang-orang (Yahudi) itu diperangi, mereka (yang munafik) ini tidak akan membelanya»: sememangnya begitu. Sesungguhnya golongan munafik tidak keluar bersama dengan orang yang diusir dari kaum Yahudi -Bani Nadhir serta yang bersama dengan mereka- tidak juga menolong mereka yang diperangi dari kaum Yahudi -Bani Quraizhah dan penduduk Khaibar «dan demi sesungguhnya, jika ditakdirkan mereka membelanya sekalipun, sudah tentu mereka akan melarikan diri» dalam kekalahan «kemudian mereka tidak akan mendapat pertolongan» malah Allah akan menghinakan mereka dan sifat munafik tidak akan memberi manfaat kepada mereka.

13 «Sesungguhnya kamu dalam hati mereka, sangat ditakuti lebih dari Allah»: iaitu ketakutan dan kegerunan dalam hati mereka (yahudi mahupun munafik) terhadap kamu wahai kaum Muslimin lebih dari ketakutan mereka terhadap Allah. «yang demikian itu, kerana mereka ialah kaum yang tidak mengerti». Kalau sekiranya mereka mengerti, pasti mereka tahu bahawa yang memenangkan kamu ke atas mereka ialah Allah, maka Dia lebih berhak untuk ditakuti.

14 «Mereka semua (orang-orang Yahudi dan orang-orang munafik) tidak berani memerangi kamu» sekalipun dalam keadaan bersatu menentang kamu, «melainkan di kampung-kampung yang berbenteng kukuh»: kubu dan penempatan «atau dari sebalik tembok» yang mereka bersembunyi di belakangnya kerana pengecut dan takut. «Permusuhan di antara mereka sesama sendiri amatlah bersangatan»: sebahagian mereka keras dengan sebahagian yang lain. «engkau menyangka mereka bersatu padu, sedang hati mereka berpecah belah»: sesungguhnya kesatuan mereka hanya pada zahir, tetapi pada batinnya mereka berselisih disebabkan berlainan pendapat dan hawa nafsu. «Yang demikian itu, kerana mereka adalah kaum yang tidak memahami»; kalau mereka berakal pasti mereka mengetahui kebenaran dan mengikutinya, lantas mereka bersatu dan tidak berselisih.

15 «(Keadaan kaum Yahudi itu) samalah seperti orang-orang yang terdahulu» dari golongan kafir musyrikin «yang hampir dengan mereka»: dalam masa terdekat «yang telah merasai akibat yang buruk (di dunia) dengan sebab kekufuran mereka» di dunia dengan dibunuh dalam peperangan Badar; iaitu enam bulan sebelum peperangan Bani Nadhir. «dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya (pada hari akhirat kelak)».

16 «Samalah seperti (sikap) Syaitan ketika dia berkata kepada manusia: Berlaku kufurlah engkau!» Sikap kaum munafik dengan kaum Yahudi pada

membiarkan dan tidak menolong mereka samalah seperti syaitan dengan manusia yang menipunya dengan kekufuran, memperelokkan dan memperdayanya. ﴿Setelah orang itu berlaku kufur (dan tetap terkena azab), berkatalah Syaitan kepadanya: Sesungguhnya aku berlepas diri daripadamu﴾: iaitu apabila manusia menjadi kufur kerana mengikut dan termakan tipudaya syaitan berkatalah ia: “Aku berlepas diri daripada kamu ﴿kerana sebenarnya aku takut kepada Allah, Tuhan Yang Menguasai seluruh alam!﴾. Syaitan berkata demikian untuk berlepas diri dari manusia.

﴿17﴾ Maka kesudahan keduanya, mereka ditempatkan di dalam Neraka, kekal mereka di dalamnya dan yang demikian itulah balasan makhluk-makhluk yang zalim ﴾.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ
بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ هُمُ الْفَٰسِقُونَ
﴿١٩﴾ لَا يَسْتَوِي أَصْحَابُ النَّارِ وَأَصْحَابُ الْجَنَّةِ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمُ الْفَٰئِرُونَ ﴿٢٠﴾

﴿18﴾ Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah: Takutlah kepada Allah dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya ﴿dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan untuk hari esok﴾ iaitu: Hendaklah dia melihat apa saja yang dia sediakan dari amalan untuk hari Kiamat ﴿dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Meliputi Pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan ﴾.

﴿19﴾ Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah melupakan Allah: iaitu meninggalkan perintah-Nya dan tidak peduli pada mentaatinya ﴿lalu Allah menjadikan mereka melupakan diri mereka﴾: lalu mereka lupa kepada amalan-amalan yang boleh menyelamatkan mereka dari azab. Dikatakan juga: mereka lupa pada Allah sewaktu senang, maka Allah melupakan mereka sewaktu mereka susah ﴿Mereka itulah orang-orang yang fasik﴾: yang terkeluar dari ketaatan (derhaka).

﴿20﴾ Tidaklah sama ahli Neraka dan ahli Syurga; ahli Syurgalah orang-orang yang beroleh kemenangan: mendapat segala yang diinginkan dan terselamat dari segala yang dibenci.

لَوْ أَنزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَٰشِعًا مُّصَدَّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتِلْكَ
الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
عَلِيمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾ هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ
الْمَلِكُ الْقَدُّوسُ السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ الْمُهَيَّمِنُ الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ الْمُتَكَبِّرُ سُبْحَانَ
اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٢٣﴾ هُوَ اللَّهُ الْخَلِيقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ
الْحُسْنَىٰ يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

﴿21﴾ Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah terbelah kerana

takut kepada Allah): iaitu keadaan, keagungan, kesempurnaan serta mendalamnya al-Quran dalam memberi peringatan yang mampu melembutkan hati, sehingga jika ia diturunkan ke atas bukit yang keras, teguh dan besar, pasti engkau melihat bukit itu pecah kerana **takutkan Allah**, gerun akan azab-Nya dan bimbang tidak dapat menunaikan kewajipan mengagungkan kalam Allah **(dan ingatlah)**, **misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya** pada yang wajib mereka fikirkan untuk mengambil peringatan dan berwaspada.

22 **Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata**): yakni Allah Maha Mengetahui apa yang tersembunyi dari pancaindera, adapun yang nyata maka ia dapat dilihat dengan mata. **Dialah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani**.

23 **Dialah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia**: Allah mengulangnya dengan tujuan menegaskan dan mengukuhkan **Yang Maha Menguasai; Yang Maha Suci**: iaitu Yang Maha Suci dari setiap keaiban dan setiap kekurangan. Dikatakan juga: maknanya yang selamat sekalian makhluk-Nya dari kezaliman-Nya; **Yang Maha Selamat Sejahtera; Yang Maha Melimpahkan Keamanan**: iaitu Yang Maha Memberi keamanan kepada hamba-Nya dari kezaliman. Dikatakan juga: Yang Maha Membenarkan sekalian rasul-Nya dengan mukjizat; **Yang Maha Mengawal serta Mengawasi**: Yang Maha Menyaksikan amalan hamba-Nya dan Mengawasi mereka; **Yang Maha Perkasa**: Sentiasa menang dan tidak boleh dikalahkan; **Maha Menundukkan segala-galanya**: Maha Hebat dan Agung yang tidak disanggah kekuasaan-Nya; **Yang Melengkapi segala Kebesaran-Nya**: Maha Besar Diri-Nya dari segala kekurangan, Maha Agung dari segala yang tidak layak bagi-Nya. Sifat besar diri pada Allah adalah pujian tetapi pada makhluk adalah sifat tercela. **Maha Suci Allah dari segala yang mereka sekutukan dengan-Nya**

24 **Dialah Allah, Yang Menciptakan**: Yang menentukan setiap sesuatu mengikut kehendak-Nya **Yang Mengadakan**: Yang Merekacipta dan Mewujudkan dari tiada kepada ada; **Yang Membentuk rupa**: Yang Menjadikan rupa kejadian dalam berbagai bentuk; **bagiNya-lah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; segala yang ada di langit dan di bumi bertasbih kepada-Nya**: **memuji-Nya dengan keadaan atau dengan lisan** **(dan Dialah Yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana)**.

SURAH MUMTAHANAH (WANITA YANG DIUJI)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَاءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِالْمَوَدَّةِ وَقَدْ كَفَرُوا بِمَا جَاءَكُمْ مِنَ الْحَقِّ يُخْرِجُونَ الرَّسُولَ وَإِيَّاكُمْ أَنْ تُوْمِنُوا بِاللَّهِ رَبِّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ حَرِيصِينَ جِهَادًا فِي سَبِيلِي وَابْتِغَاءَ مَرْضَاتِي تُسِرُّونَ إِلَيْهِم بِالْمَوَدَّةِ وَأَنَا أَعْلَمُ بِمَا أَحْفَيْتُمْ وَمَا أَعْلَنْتُمْ وَمَنْ يَفْعَلْهُ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ ۝ إِن يَتَقَفُّوكُمْ يَكُونُوا لَكُمْ أَعْدَاءً وَيَسْطُوا إِلَيْكُمْ

أَيْدِيَهُمْ وَالسِّتْرَهُمْ بِالسُّوءِ وَوَدُّوا لَوْ نَكْفُرُونَ ﴿٢﴾ لَنْ تَنفَعَكُمْ أَرْحَامُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ يَوْمَ

الْقِيَامَةِ يَفْصَلُ بَيْنَكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٣﴾

﴿1﴾ **Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuh-Ku dan musuh kamu menjadi teman rapat**: Ayat ini turun dalam kisah Hatib bin Abi Balta'ah ketika dia menulis kepada kaum Musyrikin Quraisy memberitahu mereka tentang kedatangan Nabi (ﷺ) dalam peperangan Pembukaan Kota Mekah pada tahun 8H. Ayat ini menunjukkan larangan taat setia kepada orang kafir dalam apa jua bentuk **«dengan cara kamu menyampaikan (berita-berita Nabi) kepada mereka disebabkan kasih mesra yang ada di antara kamu, sedang mereka telah kufur ingkar terhadap kebenaran (Islam) yang telah sampai kepada kamu**»: Iaitu mereka telah kufur terhadap Allah dan Rasul serta apa yang datang kepada kamu dari Al-Quran dan hidayah ketuhanan. **«mereka pula telah mengeluarkan Rasul dan juga kamu**»: Iaitu mereka telah mengeluarkan Rasulullah (ﷺ) dan kamu dari Mekah kerana kekufuran mereka terhadap kebenaran yang datang kepada kamu, justeru bagaimana kamu berkasih mesra dengan mereka? **«disebabkan kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu**»: mereka mengeluarkan kamu disebabkan iman kamu kepada Allah atau kebencian mereka terhadap iman kamu **«jika betul kamu keluar untuk berjihad pada jalan-Ku dan untuk mencari keredaan-Ku**»: Maksudnya jika benar kamu demikian, maka janganlah ambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai teman setia **«kemudian kamu mengadakan hubungan kasih mesra dengan mereka secara rahsia**»: Iaitu kamu sampaikan khabar kepada mereka secara rahsia disebabkan kasih mesra **«sedang Aku amat mengetahui akan apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu zahirkan**»: Aku lebih tahu dari setiap orang apa yang kamu lakukan tentang menyampaikan berita kepada mereka **«Dan (ingatlah), sesiapa di antara kamu yang melakukan perkara yang demikian, maka sesungguhnya telah sesatlah dia dari jalan yang betul**»: Tersalah dari jalan yang benar dan sesat dari jalan yang lurus.

﴿2﴾ **Jika mereka dapat menguasai kamu, nescaya mereka menjadi musuh kamu**: Sekiranya mereka bertemu dengan kamu atau bertembung dengan kamu, maka mereka akan menzahirkan permusuhan yang ada dalam hati mereka **«dan mereka akan melepaskan tangan mereka dan lidah mereka terhadap kamu dengan kejahatan**»: Iaitu menghulurkan tangan dengan pukulan dan seumpamanya, serta menghulurkan lidah dengan cacian dan seumpamanya **«serta mereka suka jika kamu juga menjadi kafir**»: Mereka berharap kamu murtad dan kembali kepada kekufuran.

﴿3﴾ **Kaum kerabat kamu dan anak-anak kamu tidak sekali-kali akan mendatangkan sebarang faedah kepada kamu pada hari kiamat**: Sesungguhnya anak-anak kamu dan kaum kerabat tidak akan memberikan manfaat bagi kamu pada hari Kiamat -apatah lagi kamu taat setia kepada orang kafir demi (kemaslahatan) mereka-; seperti yang berlaku dalam

kisah Hatib bin Abi Balta'ah. Bahkan yang memberi manfaat kepada kamu ialah apa yang Allah perintahkan kamu dalam hal memusuhi orang kafir dan berjihad memerangi mereka serta tidak taat setia pada mereka. «Allah akan memutuskan di antara kamu semua (pada hari itu)». Dimasukkan ahli taat ke dalam syurga dan ahli maksiat ke dalam neraka «dan (ingatlah), Allah Maha Melihat segala yang kamu kerjakan».

فَدَكَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ مَعَهُ إِذْ قَالُوا لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرءُاُ مِنْكُمْ وَمِمَّا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ أَبَدًا حَتَّى تُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَحَدَهُ الْإِلَّا قَوْلَ إِبْرَاهِيمَ لِأَبِيهِ لَأَسْتَغْفِرَنَّ لَكَ وَمَا أَمْلِكُ لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ شَيْءٍ رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنبَأْنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ۝ رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِلَّذِينَ كَفَرُوا وَاعْفُ رْنَا رَبَّنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ۝ لَمَّا كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَمَنْ يَتَوَلَّ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ۝

4 Sesungguhnya adalah bagi kamu contoh ikutan yang baik: iaitu teladan yang baik untuk diikuti «pada Nabi Ibrahim (alaihissalam) dan pengikut-pengikutnya» baginda berkata: “Mengapa tidak kamu ikut Nabi Ibrahim wahai Hatib! Kamu berlepas diri dari keluargamu sebagaimana Nabi Ibrahim berlepas diri dari ayahnya dan kaumnya «semasa mereka berkata kepada kaumnya (yang kufur ingkar): Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu»: iaitu kami bebas dari kamu; maka kami bukan sebahagian dari kamu dan kamu bukan sebahagian dari kami kerana kamu kufur dengan Allah, «dan daripada apa yang kamu sembah yang lain dari Allah»: iaitu patung berhala. «kami ingkarkan dengan kamu»: iaitu dengan agama dan amalan kamu, «dan nyatalah perasaan permusuhan dan kebencian di antara kami dengan kamu selama-lamanya»: Inilah pendirian kami terhadap kamu selama kamu kufur «sehingga kamu menyembah Allah semata-mata» dan kamu meninggalkan kesyirikan kamu. Apabila kamu berbuat demikian, justeru jadilah permusuhan itu kesetiaan dan kebencian itu kasih sayang, «kecuali perkataan Nabi Ibrahim kepada bapanya (katanya): Aku akan memohon kepada Tuhanku agar mengampunkan dosamu»: iaitu semua perkataan Nabi Ibrahim adalah teladan bagi kamu kecuali doa baginda kepada ayahnya, maka janganlah kamu ikut yang tersebut, yang dengan itu kamu beristighfar buat orang kafir. Sesungguhnya ia hanyalah satu janji yang diucapkan Nabi Ibrahim kepada ayahnya, namun apabila jelas kepadanya bahawa ayahnya musuh Allah maka dia berlepas diri darinya. «dan aku tidak memiliki bagi kamu dari Allah sedikit juapun»: iaitu aku sedikit pun tidak mampu menahan azab Allah dari menimpa kamu «(Berdoalah wahai orang-orang yang beriman sebagaimana Nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya berdoa): Wahai Tuhan kami! Kepada Engkaulah sahaja kami bertawakal dan kepada Engkaulah kami bertaubat, serta kepada Engkaulah jua tempat kembali!».

﴿5﴾ **Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau jadikan kami fitnah bagi orang-orang kafir** ﴿Berkata Imam Mujahid: “Janganlah Engkau azab kami dengan tangan mereka atau dengan azab dari sisi-Mu” lalu mereka berkata: Kalaulah mereka (orang-orang beriman) itu benar, pasti azab ini tidak menimpa mereka dan ampunkanlah dosa kami wahai Tuhan kami; sesungguhnya Engkaulah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana﴾.

﴿6﴾ **Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada mereka itu contoh ikutan yang baik** ﴿: yakni pada Nabi Ibrahim dan pengikutnya teladan yang baik bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah dan hari akhirat ﴿: bahawa teladan baik ini adalah bagi mereka yang mendambakan kebaikan dari Allah di dunia dan akhirat dan sesiapa yang berpaling dari mencontohi mereka (maka padahnya akan menimpa dirinya sendiri) kerana sesungguhnya Allah Dialah Yang Maha Kaya dari berhajat kepada makhluk-Nya lagi Maha Terpuji terhadap para wali-Nya.

عَسَى اللَّهُ أَنْ يَجْعَلَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ الَّذِينَ عَادَيْتُمْ مِنْهُمْ مَوَدَّةً وَاللَّهُ قَدِيرٌ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ
لَا يَنْهَدِكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا
إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٦﴾ إِنَّمَا يَنْهَدِكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ

﴿7﴾ **Semoga Allah akan mengadakan antara kamu dengan orang-orang yang kamu musuhi itu perasaan kasih sayang** ﴿: yakni di antara kamu dan menyrikin Mekah, dengan jalan menjadikan mereka memeluk Islam lalu mereka menjadi sebahagian ahli agama kamu. Sememangnya satu kaum dari mereka telah masuk Islam selepas pembukaan kota Mekah dan baik pula Islam mereka lantas terhasil di antara mereka dan orang-orang yang terdahulu dalam Islam kasih sayang. Mereka berjihad dan melakukan pelbagai perkara yang mendekatkan diri kepada Allah. Malah Nabi ^(sallallahu 'alaihi wa sallam) telah mengahwini Ummu Habibah anak perempuan Abu Sufyan. Tidak terhasil kasih sayang ini melainkan selepas Abu Sufyan memeluk Islam pada hari Pembukaan Mekah dan beliau pula meninggalkan permusuhan dengan Rasulullah ^(sallallahu 'alaihi wa sallam). Abu Hurairah ^(radhiyallahu 'anhu) berkata: “Orang yang pertama memerangi golongan murtad dalam menegakkan agama Allah ialah Abu Sufyan bin Harb dan padanyalah turun ayat ini. dan (ingatlah), Allah Maha Berkuasa): sangat berkuasa dalam membalikkan hati orang yang degil dan ingkar untuk memasukkan mereka kepada keampunan dan rahmat-Nya dan Allah Maha pengampun, lagi Maha Mengasihani).

﴿8﴾ **Allah tidak melarang kamu daripada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu untuk berbuat baik** ﴿ seperti hubungan silaturrahim, kejiranan dan memuliakan tetamu dan berlaku adil kepada mereka dalam menunaikan hak di antara kamu seperti menepati janji, menunaikan amanah dan melunaskan harga pada apa

yang kamu beli dari mereka tanpa mengurangnya ﴿**sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil**﴾ maknanya: sesungguhnya Allah tidak melarang kamu daripada menyantuni orang kafir yang mengikat perjanjian dengan orang beriman untuk tidak berperang denganmu, serta tidak membantu orang kafir untuk memerangi kamu. Allah juga tidak melarang untuk berurusan dengan mereka secara adil.

﴿**Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada (menjadikan teman rapat) orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu) dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu**﴾: mereka itu pembesar yang kufur dari kaum Quraisy dan seumpamanya dari mereka yang memerangi kaum muslimin ﴿**serta membantu untuk mengusir kamu**﴾: iaitu membantu orang yang memerangi dan mengusir kamu. Mereka itu sekalian penduduk Mekah dan orang yang mengikat perjanjian dengan mereka. ﴿**dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim**﴾ kerana mereka setia kepada orang yang selayaknya dimusuhi; iaitu musuh Allah, Rasul-Nya dan kitab-Nya.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا جَاءَكُمْ الْمُؤْمِنَاتُ مَهْجِرَاتٍ فَامْتَحِنُوهُنَّ ۗ اللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِهِنَّ فَإِنْ عَلَّمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ لَا هُنَّ حِلٌّ لَّهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ وَءَاثُوهُمْ مَا ءَنفَقُوا وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَنْ تَنْكِحُوهُنَّ إِذَا ءَاتَيْتُمُوهُنَّ أَجْرَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصَمِ الْكُفَّارِ ۚ وَءَسْأَلُوا مَا ءَنفَقْتُمْ وَلَيْسَ لَكُمْ أَنْفَقُوا ۚ ذَٰلِكُمْ حُكْمُ اللَّهِ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾ وَإِنْ فَاتَكُمْ شَيْءٌ مِّنْ أَرْوَاجِكُمْ إِلَى الْكُفَّارِ فَعَاقِبْتُمْ فَتَأْتُوا الَّذِينَ ذَهَبَتْ أَرْوَاجُهُمْ مِّثْلَ مَا ءَنفَقُوا وَءَاتَقُوا اللَّهَ الَّذِي ءَاتَىٰكُمْ بِهِ ۗ مُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

﴿**Wahai orang-orang yang beriman! Apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman datang berhijrah kepada kamu**﴾: dari kalangan orang kafir. Demikian itu adalah apabila Nabi (^{sallallahu} ^{'alaihi} ^{wa} ^{sallam}) mengikat perjanjian damai dengan Quraisy pada hari Hudaibiyah bahawa orang yang datang ke Madinah sebagai muslim mesti dikembalikan kepada Quraisy. Apabila kaum wanita berhijrah ke Madinah, Allah melarang mereka dikembalikan dan diperintahkan untuk diuji ﴿**maka ujilah mereka**﴾ supaya kamu mengetahui kesungguhan mereka dengan Islam. Para wanita itu diminta bersumpah bahawa mereka tidak berhijrah kerana benci kepada suami atau kerana suka berpindah tempat tinggal atau kerana mencari dunia bahkan hendaklah kerana cintakan Allah dan Rasul-Nya serta agama-Nya. Apabila mereka bersumpah seperti itu maka Nabi (^{sallallahu} ^{'alaihi} ^{wa} ^{sallam}) akan membayar ganti mahar kepada suami mereka dan apa yang telah dia nafkahkan untuk mereka lalu mereka tidak dikembalikan ke Mekah. ﴿**Allah lebih mengetahui akan iman mereka**﴾ untuk menerangkan bahawa tiada yang mengetahui hakikat keadaan mereka melainkan Allah, sebaliknya Allah hanya memerintahkan agar mereka diuji untuk mengetahui kebenaran

dakwaannya bahawa mereka cenderung dengan Islam. ﴿Sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka beriman﴾ berdasarkan ujian yang kamu adakan, ﴿maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang yang kafir﴾: suami-suami mereka yang masih kafir. ﴿Mereka tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri) dan orang-orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami)﴾: Wanita Islam tidak halal bagi lelaki kafir dan keislaman seorang wanita mewajibkan dia dipisahkan dari suaminya yang kafir, bukan kerana hijrah semata-mata ﴿dan berilah kepada mereka itu apa yang mereka telah belanjakan﴾: berilah kepada suami-suami mereka mahar yang telah mereka belanjakan. Berkata Imam Syafie: “Sekiranya yang menuntutnya bukan suami malah kaum kerabatnya maka dia tidak dikembalikan tanpa ganti” ﴿dan tidaklah menjadi salah kamu berkahwin dengan mereka﴾: iaitu selepas tamat iddah kerana mereka sudah menjadi sebahagian ahli agama kamu ﴿apabila kamu memberi kepada mereka mas kahwinnya﴾: selepas tamat iddahnya ﴿dan janganlah kamu (wahai orang-orang Islam) tetap berpegang kepada perkahwinan kamu dengan perempuan-perempuan yang kafir﴾: maknanya sesiapa yang ada isteri yang masih kafir maka bukanlah dia isteri kamu kerana terputus hubungan dengan perbezaan agama. Dahulunya orang-orang kafir mengahwinkan anak-anak mereka dengan orang Islam dan orang Islam juga mengahwini wanita kafir lalu ia dinasakahkan dengan ayat ini. Dan ini hanya untuk wanita kafir musyrik dan tidak termasuk wanita kafir dari ahli Kitab ﴿dan mintalah balik mas kahwin yang kamu telah berikan﴾ dari bekas isteri kamu yang murtad ﴿dan biarkanlah mereka (suami-suami yang kafir itu) meminta balik apa yang mereka telah belanjakan﴾ Berkata ulama tafsir: Apabila wanita murtad kembali kepada orang kafir dikatakan: Berikan maharnya. Namun apabila wanita dari orang kafir datang kepada muslimin dikatakan: Kembalikan maharnya kepada suaminya (yang kafir). ﴿Demikianlah﴾ hukum mengembalikan mahar pada kedua belah pihak ﴿hukum Allah; Dia hukuman di antara kamu﴾ dengan orang musyrikin dalam perjanjian Hudaibiyah dan bukan orang musyrikin yang tiada perjanjian dengan mereka. Kemudian hukum ini terhapus. Berkata Imam Qurtubi: “Hukum ini khas untuk waktu itu dan dalam keadaan tersebut sahaja iaitu berkaitan dengan pembayaran balik mahar. Ianya tidak berlaku pada pasangan yang berpisah kerana masuk Islam salah seorang dari keduanya. ﴿(ingatlah), Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana﴾.

﴿Dan sekiranya kamu tidak dapat menerima balik sesuatu dari mas kahwin isteri-isteri kamu yang melarikan diri ke pihak orang-orang kafir﴾: iaitu dia murtad dan melarikan diri kepada orang kafir walaupun ahli Kitab, ﴿kemudian kamu menyerang puak yang kafir itu﴾ serta mendapat harta rampasan, ﴿maka berikanlah kepada orang-orang (Islam) yang isterinya lari itu, ganti mas kahwinnya sebanyak yang mereka telah bayar﴾ dari harta rampasan dan fai’, sekiranya orang kafir

tidak mengembalikan maharnya kepada dia «dan bertakwalah kamu kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya»: Berwaspadalah dari melakukan sesuatu yang mendatangkan akibat buruk ke atas kamu.

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ بِيَاعِكَ عَلَىٰ أَنْ لَا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِفْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِينَكَ فِي مَعْرُوفٍ فَبَايِعْنَهُنَّ وَأَسْتَغْفِرْ لَهُنَّ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٢﴾

﴿12﴾ Wahai Nabi! Apabila orang-orang perempuan yang beriman datang kepadamu untuk memberi pengakuan taat setia: bertujuan berbaiah kepada kamu atas Islam «bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatu pun»: dengan cara apa pun. Ini berlaku pada hari pembukaan Mekah di mana wanita-wanita Mekah datang berbaiah kepada Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi} wa ^{sallam}), maka Allah memerintahkan supaya baginda mengambil baiah daripada mereka untuk tidak melakukan syirik «dan mereka tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya»: iaitu apa yang mereka lakukan sewaktu Jahiliyyah dengan membunuh anak perempuan «tidak akan melakukan sesuatu perkara dusta yang mereka ada-adakan dari kemahuan hati mereka»: iaitu jangan berikan berikah kepada suami, anak yang bukan dari mereka. Berkata al-Farraa': "Wanita dahulu mengambil anak lelaki (orang lain) kemudian berkata kepada suaminya: Inilah anakku dari kamu". Berkata Ibnu Abbas: "Wanita yang melahirkan anak perempuan pada masa dulu akan menggantikannya dengan anak lelaki". «serta tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik»: iaitu pada setiap perintah yang mentaati Allah seperti tidak meratapi kematian, mengoyakkan pakaian, memotong rambut dan mencari belahan baju, menampar pipi dan berdoa dengan kecelakaan «maka terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonkanlah keampunan Allah untuk mereka» selepas bai'ah itu «sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani».

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَوَلَّوْا قَوْمًا غَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ قَدْ يَدْسُوا مِنَ الْأَخْرَجِ كَمَا يَدْسُ

الْكَافِرُ مِنْ أَصْحَابِ الْقُبُورِ ﴿١٣﴾

﴿13﴾ Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan mana-mana kaum yang dimurkai Allah sebagai pelindung kamu: iaitu semua kumpulan yang kafir. Dikatakan juga: Yahudi sahaja. «mereka telah berputus asa daripada mendapat kebaikan akhirat»: Mereka tidak yakin dengan akhirat sama sekali disebabkan kekufuran mereka «sebagaimana berputus asanya orang-orang kafir yang berada di dalam kubur»: juga seperti putus asanya mereka daripada dibangkitkan orang kafir yang telah mati kerana mereka tidak percaya dengan kebangkitan.

SURAH AS-SHAFF (BARISAN)

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١﴾ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾ كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقِيمُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًا كَأَنَّهُمْ بَيْنَ مَرْصُوصٍ ﴿٤﴾

﴿١﴾ Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, tetap bertasbih kepada Allah dan Dia-lah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

﴿٢﴾ Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya?! Dari Ibnu Abbas (radiallahu 'anhu): Ada beberapa orang dari kalangan mukminin yang berkata sebelum diwajibkan jihad: Kami suka sekiranya Allah mengkhabarkan kepada kami tentang amalan yang paling disukai-Nya lalu kami beramal dengannya. Lalu apabila dikhabarkan kepada mereka bahawa amalan yang paling Allah sukai adalah jihad, mereka tidak menyukainya dan rasa terbeban. Maka turunlah ayat ini.

﴿٣﴾ Amat besar kebenciannya di sisi Allah jika kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya: sesungguhnya Allah murka dengannya dengan sebesar-besar murka. Dikatakan juga bahawa ayat ini turun kepada satu kaum yang datang kepada Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) dan berkata: Aku perangi mereka dengan pedangku, aku pukul demikian dan demikian padahal mereka tidak melakukannya.

﴿٤﴾ Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi: Allah menerangkan kepada mereka di sini bahawa berperang pada jalan Allah adalah setinggi-tinggi apa yang disukai oleh Allah dari hamba-Nya. Dalam hadis ada disebutkan: *“Perkara paling utama ialah Islam, tiangnya adalah solat dan kemuncaknya adalah jihad pada jalan Allah”* seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh: Melekat satu dengan yang lain sehingga menjadi seperti kepingan yang satu. Demikian itu menunjukkan kepada keteguhan dan kekuatan mereka dalam mentaati perintah Allah, tidak longgar dan dipecahkan oleh musuh.

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ لَقَوْمِهِ يَتَّبِعُونَ لِمَ يُؤَدُّونَنِي وَقَدْ تَعَلَّمُونَ أِنِّي رَسُولٌ لِلَّهِ إِلَيْكُمْ فَلَمَّا زَاغُوا أَزَاعَ اللَّهُ قُلُوبَهُمْ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٥﴾ وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ يَا بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولٌ لِلَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي اسْمُهُ أَحْمَدُ فَلَمَّا جَاءَهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ قَالُوا هَذَا سِحْرٌ مُبِينٌ ﴿٦﴾

﴿٥﴾ Dan (ingatlah peristiwa) ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: Apabila Allah mengkhabarkan bahawa amalan yang paling disukaiNya adalah jihad pada jalan-Nya, Allah (subhānahu wa 'alāhi) kemudian menerangkan bahawa Nabi Musa dan Isa (alaihissalam) memerintahkan kaum mereka dengan tauhid dan jihad pada jalan-Nya serta telah berlaku hukuman ke atas mereka yang mengingkarinya. Ini bertujuan mengingatkan umat

Nabi Muhammad (^{sallallāhu 'alaihi wa sallam}) agar tidak melakukan apa yang dilakukan umat kedua nabi tersebut dengan nabi-nabi mereka. ﴿Wahai kaumku! Mengapa kamu menyakiti daku﴾ dengan mengingkari apa yang aku perintahkan dari syariat yang difardhukan Allah, atau menyakiti aku dengan cacian dan hinaan ﴿sedang kamu mengetahui bahawa sesungguhnya aku ini Pesuruh Allah kepada kamu?﴾: Maknanya: Bagaimana kamu sanggup menyakitiku sedang kamu mengetahui bahawa aku utusan Allah dan hak Rasul adalah dihormati dan dimuliakan. Kamu juga telah melihat mukjizat-mukjizat sehingga kamu mengakui kerasulan dan tiada lagi syak melainkan kamu mengetahuinya dengan yakin. ﴿Maka ketika mereka menyeleweng, Allah selewengkan hati mereka﴾: yakni apabila mereka menyakiti nabi mereka dengan meninggalkan kebenaran, Allah pun memesongkan hati mereka dari kebenaran sebagai balasan perbuatan mereka ﴿dan sememangnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang fasik﴾.

6 ﴿Dan (ingatlah juga) ketika Nabi Isa Ibnu Mariam berkata: Wahai Bani Israil, sesungguhnya aku ini Pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran Kitab yang diturunkan sebelumnya, iaitu Kitab Taurat﴾: Iaitu aku ini utusan Allah kepada kamu dengan Injil dan apa yang aku bawa tidak menyalahi Taurat. Malah Kitab Taurat ada menyatakan berita kedatanganku, justeru bagaimana kamu lari dan menyakitiku? ﴿dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku bernama Ahmad﴾ maka tiada sebab yang mendustakan aku. Ahmad adalah nama Nabi kita (^{sallallāhu 'alaihi wa sallam}) yang bermaksud orang yang dipuji kerana kebaikan yang ada padanya lebih dari pujian terhadap orang lain. ﴿Maka ketika dia datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berkata: Ini ialah sihir yang jelas nyata!﴾: iaitu apabila Nabi Isa datang kepada mereka dengan mukjizat mereka berkata: Dia datang membawa sihir yang nyata. Dikatakan juga bahawa yang dimaksudkan ialah Nabi Muhammad (^{sallallāhu 'alaihi wa sallam}).

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ وَهُوَ يُدْعَىٰ إِلَى الْإِسْلَامِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٧﴾
 يَرْيُدُونَ لِطُغْيَانِ نُورِ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِمُّ نُورِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿٨﴾ هُوَ الَّذِي
 أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾

7 ﴿Dan tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang mengada-adakan perkara dusta terhadap Allah, sedang dia diajak kepada Islam﴾ yang merupakan agama yang paling baik dan mulia, kerana orang yang sedemikian halnya tidak patut dia berdusta terhadap orang lain, lalu bagaimana mungkin dia berdusta terhadap Allah? ﴿dan (ingatlah), Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang zalim﴾ dan orang yang bersama mereka.

8 ﴿Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya Allah dengan mulut mereka﴾: Iaitu keadaan mereka yang ingin memadamkan

agama Islam dan menghalang hidayah dengan kata-kata dusta adalah seperti orang yang ingin memadamkan cahaya yang besar dengan tiupan mulut «sedang Allah tetap menyempurnakan cahaya-Nya, sekalipun orang-orang kafir tidak menyukainya» dengan menyebarkannya ke seluruh pelusuk dunia dan meninggikannya mengatasi yang lain.

﴿Dialah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad ^(sallallahu 'alaihi wa sallam)) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar, supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala agama yang lain): mengalahkan segala agama lain «walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya». Ia pasti akan berlaku, tiada yang dapat menghalangnya.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا هَلْ أَذِلُّكُمْ عَلَىٰ تَجْرَةِ تُنَجِّكُمْ مِّنْ عَذَابِ إِلَهِكُمْ ﴿١٠﴾ تَوَّمُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ
وَيُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ ذَلِكَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾ يَعْفِرْ لَكُمْ
ذُنُوبَكُمْ وَيُدْخِلْكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَسْكِنٍ طَيِّبَةٍ فِي جَنَّاتٍ عَدْنٍ ذَلِكَ الْفَوْزُ
الْعَظِيمُ ﴿١٢﴾ وَأُخْرَىٰ تُحِبُّونَهَا نَصْرٌ مِّنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ وَبَشِيرٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٣﴾

﴿Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan suatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?﴾: Allah meletakkan amalan pada kedudukan perniagaan kerana pada amalan ada untung sebagaimana ada untung pada perniagaan; iaitu dengan mendapat syurga dan diselamatkan dari neraka. Inilah perniagaan yang diterangkan dalam dua ayat berikut. Justeru, sesungguhnya iman dan jihad bayarannya adalah syurga. Itulah perniagaan yang menguntungkan.

﴿Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)﴾.

﴿(Dengan itu) Allah akan mengampunkan dosa-dosa kamu﴾: Allah menyebut sebelumnya barang dagangan yang diniagakan dan menyebutkan di sini harga yang dijanjikan iaitu sekiranya kamu beriman maka Kami ampunkan kamu «dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam Syurga "Adn"): iaitu kamu tinggal di dalam syurga-syurga, secara kekal, tidak mati atau dikeluarkan darinya. «Itulah kemenangan yang besar»: iaitu keampuan dan syurga yang tersebut itulah kemenangan yang tiada bandingannya.

﴿Dan ada lagi yang kamu sukai): limpah kurnia bagi kamu (iaitu pertolongan dari Allah) bagi kamu «dan kemenangan yang dekat»: yakni kemenangan ke atas Quraisy dan pembukaan kota Mekah. Berkata 'Ataa': "Allah memaksudkan pembukaan Parsi dan Rom". «dan sampaikanlah berita yang menggembirakan itu kepada orang-orang yang beriman» dengan kemenangan dan pembukaan di dunia serta syurga di akhirat.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا أَنْصَارَ اللَّهِ كَمَا قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ لِّلْحَوَارِيِّينَ مَن أَنْصَارِي إِلَىٰ

اللَّهُ قَالَ الْحَوَارِيُّونَ نَحْنُ أَنْصَارُ اللَّهِ فَعَامَتَ طَائِفَةٌ مِّنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَكَفَرَتَ طَائِفَةٌ فَأَيَّدْنَا الَّذِينَ ءَامَنُوا عَلَىٰ عَدُوِّهِمْ فَأَصْبَحُوا ظَاهِرِينَ ﴿١٤﴾

﴿١٤﴾ Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah diri kamu pembela-pembela Allah: yakni pembela agama Allah ﴿sebagaimana Nabi Isa Ibnu Mariam (ketika ia) berkata kepada penyokong-penyokongnya﴾: iaitu jadilah kamu pembela agama Allah seperti pengikut Nabi Isa di mana ketika baginda berkata: ﴿Siapakah penolong-penolongku kepada Allah dengan membantu aku menegakkan agamaNya?﴾ Mereka menjawab: Kamilah pembela-pembela Allah!﴾. Penyokong Nabi Isa digelar sebagai Hawariyyun. Mereka adalah pengikut setia yang pertama beriman dengannya dan bilangan mereka dua belas orang, ﴿maka sepuak dari kaum Bani Israil beriman dan sepuak lagi (tetap) kafir. Lalu Kami berikan pertolongan kepada orang-orang yang beriman untuk mengalahkan musuhnya﴾: Kami bantu golongan yang benar mengalahkan yang batil ﴿maka menjadilah mereka orang-orang yang menang﴾. Berkata Qatadah tentang ayat ini: Segala puji bagi Allah, telah datang kepada Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) tujuh puluh orang lelaki lalu berbaiah kepada baginda di Aqabah untuk melindungi dan membantu baginda sehingga Allah memenangkan agama-Nya. Pada saat itu Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda kepada mereka: *Keluarkan utukku dua belas orang lelaki dari kalangan kamu sebagai penjaga kaumnya seperti mana Hawariyyun menjaga kaum Nabi Isa.* Kemudian Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) berkata kepada 12 orang naqibnya: *“Kamu penjaga kaummu sebagaimana Hawariyyun menjaga kaum Nabi Isa dan aku penjaga kaumku”* Lalu mereka menjawab: Ya”.

SURAH AL-JUMUAH (HARI JUMAAT)

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١﴾ هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَمِينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾ وَعَآخِرِينَ مِنْهُمْ لَمَّا يَلْحَقُوا بِهِمْ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٣﴾ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٤﴾

﴿١﴾ Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi sentiasa mengucap tasbih kepada Allah Yang Maha Menguasai, Yang Maha Suci﴾ dari segala kekurangan, ﴿Yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana﴾.

﴿٢﴾ Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang yang buta huruf: iaitu orang Arab sama ada yang boleh menulis atau tidak kerana mereka itu bukan dari kalangan Ahli Kitab, dan kebanyakan orang Arab dahulu tidak tahu membaca dan menulis ﴿seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya﴾: yakni al-Quran walaupun dalam keadaan dia buta huruf; tidak tahu membaca dan menulis malah tidak pernah mempelajarinya ﴿dan membersihkan mereka﴾: iaitu membersihkan mereka dari kotoran kufur

dan dosa serta keburukan akhlak. Dikatakan juga: membersihkan hati mereka dengan iman **﴿serta mengajarkan mereka al-Kitab dan Hikmah﴾**: al-Kitab ialah al-Quran dan Hikmah ialah as-Sunnah. Dikatakan juga: Kitab itu tulisan dengan pena dan Hikmah itu kefahaman dalam agama sebagaimana kata Imam Malik bin Anas. **﴿dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata﴾**: dalam kesyirikan dan jauh dari kebenaran.

3 **﴿Dan juga (telah mengutuskan Nabi Muhammad) kepada orang-orang yang lain dari mereka, yang masih belum bertemu dengan mereka﴾** pada masa itu, yang akan datang selepas mereka. Maka dia (Nabi Muhammad) juga akan membersihkan mereka; iaitu orang yang datang selepas para sahabat r.hum dari kalangan muslim Arab dan selainnya sehingga hari kiamat. Imam Bukhari meriwayatkan Abu Hurairah (^{radhyallāhu} 'anhu) berkata: “Kami sedang duduk di sisi Nabi (^{sallallāhu} 'alaihi ^{wa} ^{sallam}) di waktu turunnya surah Jum'ah, lantas baginda membacanya sehingga sampai ke ayat **﴿وَأَخْرَيْنَ مِنْهُمْ لَنَا يُلْحَقُوا بِهِمْ﴾** seorang lelaki bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah mereka yang belum lagi menemui kami? Rasulullah (^{sallallāhu} 'alaihi ^{wa} ^{sallam}) meletakkan tangannya ke atas Salman al-Farisi seraya bersabda: **“Demi Allah yang nyawaku di tangan-Nya, kalaulah iman itu ada di bintang nescaya akan dicapai oleh lelaki dari kalangan mereka”**. **﴿Allah jualah Yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana﴾**.

4 **﴿Demikian itu (pengutusan Nabi Muhammad (^{sallallāhu} 'alaihi ^{wa} ^{sallam}), kepada umat manusia seluruhnya) adalah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan sememangnya Allah mempunyai limpah kurnia yang besar﴾**.

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا بِئْسَ
 مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾
 قُلْ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ هَادُوا إِنْ زَعَمْتُمْ أَنَكُمْ أَوْلِيَاءُ لِلَّهِ مِنْ دُونِ النَّاسِ فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ
 إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٦﴾ وَلَا يَتَمَنَّوْهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٧﴾
 قُلْ إِنْ الْمَوْتَ الَّذِي تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلْقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ
 وَاللَّهِدَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

5 **﴿Bandingan orang-orang yang dipertanggungjawabkan Kitab Taurat﴾**: Ini adalah perumpamaan bagi kaum Yahudi yang tidak beramal dengan kitab Taurat. Iaitu mereka diperintahkan untuk menegakkan dan beramal dengannya **﴿kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu﴾**: mereka tidak patuh pada apa yang diperintahkan dan tidak melaksanakannya. **﴿samalah seperti keldai yang memikul timbunan kitab besar﴾**: keldai itu tidak mengetahui apa yang berada di belakangnya; sama ada kitab atau sampah. **﴿Buruk sungguh bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah﴾** maka janganlah kamu (kaum muslimin) menjadi seperti mereka. Allah

memberi peringatan kepada mereka yang meninggalkan Rasulullah (*sallallahu 'alaihi wa sallam*) berkhotbah di atas mimbar dan pergi berjual beli malah kepada semua orang yang berpaling dari khutbah padahal dia mendengarnya sebagaimana dalam hadis: **“Sesiapa yang bercakap pada hari Jumaat sedang imam berkhotbah maka dia seperti keldai yang memikul lembaran kitab dan siapa yang berkata kepadanya: Diam! Maka tiada (pahala) Jumaat baginya”**. Namun hadis ini dhaif. **«dan (ingatlah), Allah tidak memberi hidayat petunjuk kepada kaum yang zalim»**.

6 **«Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang yang beragama Yahudi, kalau kamu menganggap bahawa kamulah sahaja orang-orang yang dikasihi Allah, tidak umat-umat manusia yang lain»**: di saat mereka mendakwa mereka lebih mulia dari orang lain dan mereka juga anak kesayangan Allah, maka Allah (*subhanahu wata'ala*) memerintahkan Rasul-Nya berkata kepada mereka: **«maka harapkanlah kematian kamu»** supaya kamu sampai kepada kemuliaan tersebut, **«jika betul kamu orang-orang yang benar!»**: Sesiapa yang mengetahui dia ahli syurga, pasti dia ingin cepat pergi kepadanya dan meninggalkan dunia!

7 **«Dan (sudah tentu) mereka selama-lamanya tidak akan mengharap kematian itu, dengan sebab dosa-dosa yang mereka telah lakukan»** dari kekufuran dan maksiat **«dan Allah sentiasa mengetahui tentang orang-orang yang zalim itu»**.

8 **«Katakanlah (wahai Muhammad): Sebenarnya maut yang kamu melarikan diri daripadanya itu, tetaplah ia akan menemui kamu»** dan berdepan dengan kamu **«kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata»** pada hari kiamat **«lalu Dia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah lakukan»** dari amalan-amalan buruk itu serta membalasnya.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾ فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

9 **«Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dilaukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat »**: iaitu apabila imam duduk di atas mimbar kerana pada zaman Rasulullah (*sallallahu 'alaihi wa sallam*) hanya terdapat satu azan. Adapun azan pertama untuk solat Jumaat (sebelum khutbah), ia dimulakan pada zaman Uthman (*radhyallahu 'anhu*) selepas meluasnya kawasan Madinah dengan disaksikan oleh para sahabat. **«maka segeralah kamu pergi mengingati Allah»**: iaitu dengan mendengar khutbah serta solat di masjid; bersiaplah diri dengan mandi, wudhu, bergerak ke masjid **«dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu)»** kerana apabila muazzin melaungkan azan pada hari Jumaat, maka tidak halal sebarang bentuk urusan jual beli pada waktu itu. **«yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui »**: iaitu mengingati Allah lebih baik dari jual beli kerana pahala dan ganjaran yang ada padanya.

﴿10﴾ «Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi» untuk menjalankan urusan perniagaan dan urusan hidup masing-masing «dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah»: keuntungan dari jual beli dan muamalah «serta ingatlah Allah sebanyak-banyaknya» sewaktu jual beli dan segala keadaan «supaya kamu berjaya» di dunia dan di akhirat.

وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا أَنْفَضُوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا قُلْ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ اللَّهْوِ
وَمِنَ التِّجَارَةِ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿١١﴾

﴿11﴾ «Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baru tiba) atau sesuatu hiburan, mereka bersurai lalu pergi kepadanya»: Sebab turun ayat ini ialah sewaktu penduduk Madinah dalam kesusahan dan kepayahan, tibalah satu rombongan dagang dari Syam ketika Nabi (ﷺ) sedang berkhotbah pada hari Jumaat. Melihat itu, orang ramai pun bangun dan pergi kepada rombongan dagang itu sehingga hanya tinggal 12 orang lelaki di masjid. Ada riwayat mengatakan bersamanya tujuh orang wanita «dengan meninggalkan engkau berdiri» di atas mimbar berkhotbah. «Katakanlah (wahai Muhammad: Yang ada di sisi Allah) dari pahala dan balasan syurga «lebih baik dari hiburan dan barang-barang dagangan itu» yang kamu sanggup tinggalkan masjid dan khutbah Nabi kerananya «dan Allah sebaik-baik pemberi rezeki».

SURAH AL-MUNAFIQUUN (GOLONGAN MUNAFIQ)

إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنُونَ قَالُوا نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشْهَدُ إِنَّ
الْمُنَافِقِينَ لَكَاذِبُونَ ﴿١﴾ اتَّخَذُوا أَيْمَانَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا عَن سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا
كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢﴾ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ ءَامَنُوا ثُمَّ كَفَرُوا فَطُبِعَ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٣﴾
وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ وَإِنْ يَقُولُوا تَسْمَعُ لِقَوْلِهِمْ كَأَنَّهِمْ خُشْبٌ مُّسْنَدَةٌ
يَحْسَبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ هُمُ الْعَدُوُّ فَاحْذَرْهُمْ قَتَلَهُمُ اللَّهُ أَنْى يُؤَفَّكُونَ ﴿٤﴾

﴿1﴾ «Apabila orang-orang munafik datang kepadamu (wahai Muhammad),»: iaitu datang dalam majlis kamu «merekah berkata: Kami mengakui bahawa sesungguhnya engkau benar-benar Rasul Allah»: mereka menegaskan begitu supaya menampakkan hati mereka ikhlas «dan Allah sememangnya mengetahui bahawa engkau ialah Rasul-Nya»: ini persaksian dari Allah terhadap benarnya risalah kenabian Muhammad (ﷺ) «serta Allah menyaksikan bahawa sesungguhnya pengakuan mereka adalah dusta»: iaitu dusta pada keikhlasan mereka. Adapun kenyataan mereka: Muhammad (ﷺ) itu nabi, maka ia adalah benar.

﴿2﴾ «Mereka menjadikan sumpah mereka sebagai perisai» yang menyelamatkan dan melindungi diri mereka daripada dibunuh atau ditawan «lalu mereka menghalang (dirinya dan orang lain) dari menurut jalan Allah»:

iaitu menghalang orang lain dari iman, jihad dan ketaatan dengan sebab keraguan dan kritikan mereka terhadap kenabian «**Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah kerjakan**» dari kemunafikan dan halangan.

﴿3﴾ **«Yang demikian itu kerana mereka mengaku beriman»**: berpura-pura «**kemudian mereka tetap kafir**» dalam diri mereka. Dikatakan ayat ini turun dalam hal satu kaum yang beriman kemudian dia murtad. «**maka dengan sebab itu dimeteraikan atas hati mereka**»: yakni dipaterikan atasnya dengan sebab kekufturan mereka, justeru iman tidak akan masuk ke dalam hati mereka. «**lalu mereka tidak dapat memahami**» yang mana baik untuk mereka.

﴿4﴾ **«Dan apabila engkau melihat mereka, engkau tertarik hati kepada tubuh badan mereka»**: keadaan dan kedudukan mereka yang cantik dan menarik «**dan apabila mereka berkata-kata, engkau juga mendengar tutur katanya**» kerana kefasihannya sehingga kamu menyangka ianya benar. Sememangnya Abdullah bin Ubai ketua munafik itu seorang yang fasih, tegap dan cantik. «**Namun mereka adalah seperti batang-batang kayu yang tersandar**» pada dinding (tidak terpakai); kerana tidak ada padanya kefahaman yang bermanfaat dan ilmu yang berguna untuk tuannya. «**Mereka menyangka setiap jeritan (atau riu rendah yang mereka dengar) adalah untuk membahayakan mereka**»: mereka dalam ketakutan andai turun wahyu yang menyingkap rahsia mereka justeru membinasakan nyawa dan harta mereka. «**Mereka itulah musuh yang sebenar-benarnya, maka berjaga-jagalah engkau terhadap mereka**» dari memberi mereka peluang memusnahkan kamu atau menampakkan rahsia kamu kepada mereka kerana mereka adalah mata-mata kepada musuh kamu dari kalangan kuffar. «**Semoga Allah membinasakan mereka**»: iaitu semoga Allah melaknat mereka. «**(Pelik sungguh!) Bagaimana mereka dipalingkan**» dari kebenaran dan kemudian cenderung kepada kekufturan?

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا يَسْتَغْفِرْ لَكُمْ رَسُولُ اللَّهِ لَوَأْ رُءُوسَهُمْ وَرَأْيَهُمْ يَصُدُّونَ وَهُمْ مُسْتَكْبِرُونَ ﴿٥﴾ سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَسْتَغْفَرْتَ لَهُمْ أَمْ لَمْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ لَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٦﴾ هُمُ الَّذِينَ يَقُولُونَ لَا تُنْفِقُوا عَلَى مَنْ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ حَتَّىٰ يَنْفَضُوا وَيَلَّهِ خَزَائِنُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٧﴾ يَقُولُونَ لِنَ رَجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لِيُخْرِجَنَا الْأَعْرَابُ مِنْهَا الْأَذَلَّ وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

﴿5﴾ **«Dan apabila dikatakan kepada mereka: Datanglah supaya Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) meminta ampun (kepada Allah) untuk kamu, mereka menggeleng-gelengkan kepalanya»** sambil mengejek dan enggan bertaubat «**dan engkau melihat mereka berpaling»**: meninggalkan Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) «**serta mereka berlaku sombong angkuh**» dari mendatangi Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) dan meminta ampun kerana mereka merasakan diri mereka lebih mulia serta memandang hina perbuatan tersebut.

﴿6﴾ Sama sahaja, sama ada engkau meminta ampun untuk mereka atau engkau tidak meminta ampun﴾ demikian itu tiada faedah bagi mereka. ﴿Allah tidak sekali-kali akan mengampunkan mereka﴾ selama mereka berpura-pura dan kufur. ﴿Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang fasik﴾: iaitu orang yang terkeluar dari ketaatan dan bergelumang dengan maksiat, termasuklah orang munafik yang paling utama dimaksudkan di dalam ayat ini.

﴿7﴾ Merekalah yang mengatakan (kepada orang Madinah): Janganlah kamu membelanjakan harta kamu kepada orang-orang yang ada bersama-sama Rasulullah supaya mereka bersurai﴾: meninggalkannya yakni golongan Muhajirin yang fakir. ﴿Padahal bagi Allah jualah perbendaharaan langit dan bumi﴾. Dialah Yang Maha memberi rezeki kepada orang Muhajirin itu ﴿akan tetapi orang-orang yang munafik itu tidak memahami﴾ bahawa perbendaharaan rezeki itu di tangan Allah, lalu mereka menyangka Allah tidak akan meluaskan rezeki ke atas orang Mukmin.

﴿8﴾ Mereka berkata lagi: Demi sesungguhnya! Jika kita kembali ke Madinah, sudah tentu orang-orang yang mulia lagi kuat akan mengusir keluar dari Madinah orang-orang yang hina lagi lemah﴾: Yang berkata demikian adalah Abdullah bin Ubai ketua munafik. Dia memaksudkan dengan orang yang mulia itu ialah dirinya dan pengikutnya, manakala orang yang hina ialah Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) serta pengikut baginda dan maksud katanya apabila kembali ke Madinah ialah selepas perang itu. ﴿Padahal bagi Allah jualah kemuliaan dan kekuatan itu dan bagi Rasul-Nya serta bagi orang-orang yang beriman; akan tetapi golongan yang munafik itu tidak mengetahui﴾. Zaid bin Arqam (radhiyallahu 'anhu) berkata: “Aku bersama Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) dalam satu peperangan lantas Abdullah bin Ubai berkata: Demi sesungguhnya! Jika kita kembali ke Madinah, sudah tentu orang-orang yang mulia lagi kuat akan mengusir keluar dari Madinah orang-orang yang hina lagi lemah. Zaid berkata: Lantas aku datangi Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) dan khabarkan padanya, kemudian Abdullah bin Ubai bersumpah bahawa dia tidak berkata begitu. Lantas kaumku mencelaku dan mereka berkata: Apa yang kamu mahukan? Kemudian aku pun pergi dan tertidur kesedihan. Kemudian datang utusan Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) kepadaku seraya berkata: Sesungguhnya Allah telah menurunkan alasan kamu justeru membenarkan kamu dan Allah menurunkan ayat ini”.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٩﴾ وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠﴾ وَلَنْ يُؤَخَّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجَلُهَا وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١١﴾

﴿9﴾ Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingat Allah﴾: Allah mengingatkan orang Mukmin tentang perangai orang

Munafik yang dilalaikan oleh harta benda dan anak-pinak dari mengingati Allah; iaitu melaksanakan kewajipan Islam. Dikatakan juga: dari membaca al-Quran. ﴿Dan (ingatlah), sesiapa yang melakukan demikian﴾: iaitu lalai dari agama disebabkan dunia, ﴿maka mereka itulah orang-orang yang rugi﴾ sepenuh kerugian.

﴿10﴾ Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu pada jalan kebaikan. Dikatakan juga ia bermaksud zakat wajib. ﴿sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya﴾: datang sebab-sebabnya atau tanda-tandanya. ﴿maka dia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: Wahai Tuhanku! Kalaulah Engkau tangguhkan daku kepada ajal yang dekat﴾ maksudnya: Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi ﴿supaya aku dapat bersedekah﴾ dengan hartaku ﴿dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh﴾.

﴿11﴾ Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali akan melambatkan kematian seseorang apabila sampai ajalnya dan habis umurnya dan Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya mengenai segala yang kamu kerjakan: tiada yang tersembunyi dari-Nya dan Dia akan membalas amalan kamu.

AT-TAGHABUN (HARI PENYESALAN)

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾
 هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ فَمِنْكُمْ كَافِرٌ وَمِنْكُمْ مُؤْمِنٌ وَاللَّهُ يَمَّا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢﴾ خَلَقَ
 السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿٣﴾ يَعْلَمُ مَا فِي
 السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسْرُونَ وَمَا تُعْلِنُونَ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بَدَاتِ الصُّدُورِ ﴿٤﴾

﴿1﴾ Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi sentiasa mengucap tasbih kepada Allah; bagi-Nyalah kuasa pemerintahan dan bagi-Nyalah segala pujian dan Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

﴿2﴾ Dialah yang menciptakanmu; lalu ada sebahagian dari kamu yang kafir dan ada sebahagian dari kamu yang beriman: Allah (^{subhānahu} wata'ālā) mencipta orang kafir dan perbuatannya; orang mukmin dan perbuatannya. Orang yang kafir memilih kekefuran dan orang mukmin memilih iman. Semuanya berlaku dengan izin Allah. Allah berfirman: ﴿Tidaklah mereka berkehendak melainkan Allah Tuhan sekalian alam berkehendak﴾ [at-Takwir:29]. ﴿dan Allah Maha Melihat akan segala yang kamu kerjakan﴾.

﴿3﴾ Dia menciptakan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak dan berhikmah, dan Dia menentukan bentuk rupa kamu serta memperelokkan rupa kamu: Allah (^{subhānahu} wata'ālā) mencipta kamu dengan sebaik-baik rupa dan bentuk. Jelas sekali keistimewaan anak Adam dalam kecantikan rupa bentuknya sekaligus ia merupakan bukti yang nyata tentang kehebatan kudrat-Nya dan hikmah keagungan-Nya. Malah kejadian manusia dari sudut rohani dan kemampuan akal yang menakjubkan merupakan bukti yang lebih besar dari itu sebagaimana

firman Allah: ﴿Dan pada bumi ada tanda-tanda bagi orang-orang yang yakin. Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?﴾ [Fathir: 20-21].

﴿dan kepada-Nyalah tempat kembali﴾.

﴿4﴾ Dia mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi, dan Dia mengetahui segala yang kamu rahsiakan serta yang kamu zahirkan, dan Allah sentiasa Mengetahui segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada﴾.

الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَبْلُ فَذَاقُوا وَبَالَ أَمْرِهُمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤﴾
ذَلِكَ بِأَنَّهُ كَانَتْ تَأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَقَالُوا أَبَشْرٌ يَهْدُونَنَا فَكَفَرُوا وَتَوَلَّوْا وَاسْتَغَفَى
اللَّهُ وَاللَّهُ عَنِّي حَمِيدٌ ﴿٥﴾

﴿5﴾ Bukankah telah sampai kepada kamu berita orang-orang kafir yang telah lalu?﴾: seperti kaum Nabi Nuh, kaum `Aad dan Tsamud. Bagaimana al-Quran menceritakan tentang mereka, bagaimana rasul-rasul mereka mengajak mereka kepada tauhid dan menyembah Allah serta meninggalkan sembah selain Allah? Bagaimana pula kesudahan mereka selepas mereka mendustakan rasul mereka? ﴿Lalu mereka merasai kesan yang buruk dari perbuatan kufur mereka﴾: iaitu azab di dunia ﴿dan mereka (pada hari akhirat kelak) beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya﴾: iaitu azab neraka Jahannam.

﴿6﴾ Yang demikian itu﴾: yakni balasan dunia dan akhirat ﴿kerana sesungguhnya mereka pernah didatangi Rasul-rasul (yang diutus kepada) mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas﴾ dari mukjizat-mukjizat yang nyata ﴿maka mereka berkata: Patutkah manusia memberi petunjuk kepada kami?﴾: Setiap kaum berkata demikian kepada rasul mereka sebagai mengingkari rasul itu dari kalangan manusia. ﴿Lalu mereka kufur ingkar serta berpaling﴾: kufur dengan rasul dan berpaling dari kebenaran serta tidak mentadabbur apa yang mereka bawa. ﴿dan Allah (tidak memerlukan)﴾ kepada iman dan ibadah mereka ﴿dan Allah sememangnya Maha Kaya, lagi Maha Terpuji﴾: iaitu tidak berhajat kepada alam dan ibadat mereka terhadap-Nya, terpuji melebihi setiap makhluk-Nya sama ada dengan lisan atau keadaan.

زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ لَنْ يُعَذِّبَهُمُ اللَّهُ وَرَبِّيَ لَسَاعِدٌ أَنْزَلْنَا وَأَلَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٨﴾ يَوْمَ يَجْمَعُكُمْ
لِيَوْمِ الْجَمْعِ ذَلِكَ يَوْمُ التَّغَابُنِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَعَمِلْ صَالِحًا يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُدْخِلْهُ
جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٩﴾ وَالَّذِينَ
كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا وَبِئْسَ الْمَصِيرُ

﴿7﴾ Orang-orang yang kafir menganggap bahawa mereka tidak sekali-kali akan dibangkitkan (sesudah mati). Katakanlah: Bahkan, demi Tuhanku, kamu pasti akan dibangkitkan﴾: Allah memerintahkan nabi-Nya agar

bersumpah dan memberitahu mereka bahawa Allah (*subhānahu wata'ālā*) akan menghidupkan mereka selepas mati. «Kemudian kamu akan diberitahu tentang segala yang kamu telah kerjakan» sebagai hujah ke atas kamu dan selepas itu Allah akan membalas kamu. «Dan yang demikian itu»: kebangkitan dan pembalasan «adalah mudah bagi Allah melaksanakannya».

8 «Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan kepada rasul-Nya serta kepada penerangan cahaya yang Kami turunkan»: itulah Al-Quran, kerana ia adalah cahaya yang menerangi dari gelap kesesatan. «Dan (ingatlah), Allah Amat Mendalam Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan».

9 «(Ingatkanlah) masa Allah menghimpunkan kamu pada hari perhimpunan»: iaitu hari kiamat, sesungguhnya ia adalah hari berhimpun padanya ahli Mahsyar untuk pembalasan, setiap pelaku dengan amalannya, setiap nabi dengan umatnya, setiap yang zalim dengan yang dizaliminya, yang awal dengan yang akhirnya. «itulah hari masing-masing nampak kerugiannya» antara sesama ahli Mahsyar; iaitu ahli hak dan batil. Tidak ada kerugian paling besar berbanding ahli syurga dan ahli neraka. Seakan-akan ahli nereka menukar kebaikan dengan keburukan, yang elok dengan yang buruk serta nikmat dengan azab, sedang ahli syurga pula sebaliknya. Dikatakan: Aku menjadikan si fulan itu rugi, apabila si fulan itu yang menanggung kerugian daripada sesuatu urusan tersebut. Justeru di sini, orang yang rugi ialah mereka yang kehilangan ahli keluarganya dan tempat tinggalnya di dalam syurga. «Dan (ingatlah), sesiapa yang beriman kepada Allah serta mengerjakan amal soleh, nescaya Allah mengampunkan dosa-dosanya»: iaitu siapa yang beriman dan beramal adalah layak untuk mendapat keampunan dosa-dosanya. «dan memasukkannya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; yang demikian itulah kemenangan yang besar».

10 «Dan orang-orang yang kafir serta mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, merekalah ahli Neraka, kekallah mereka di dalamnya dan itulah seburuk-buruk tempat kembali».

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ اللَّهُ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ فَإِنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ ﴿١٢﴾ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَعَلَىٰ اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٣﴾

11 «Tidak ada kesusahan (atau bencana) yang menimpa melainkan dengan izin Allah»: iaitu dengan ketentuan-Nya dan kudrat-Nya. Dikatakan sebab turun ayat ini adalah kerana orang-orang kafir berkata: “Kalau benar orang mukmin itu, pasti mereka akan dijaga Allah dari musibah-musibah dunia”. «Dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya»: yakni siapa yang percaya dan mengetahui bahawa musibah itu tidak berlaku kecuali apa yang Allah telah tentukan padanya, nescaya Allah akan memimpin hatinya ketika musibah. Lantas dia menerimanya dan berserah kepada ketentuan-Nya

serta kembali; sekiranya diuji dia sabar dan sekiranya diberi nikmat dia bersyukur. **﴿dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu﴾** tiada yang tersembunyi dari ilmu-Nya.

﴿12﴾ **﴿Dan taatlah kamu kepada Allah serta taatlah kepada Rasulullah﴾**: sibukkan diri dengan mentaati keduanya **﴿maka sekiranya kamu berpaling﴾**: enggan taat, maka kamulah yang akan menderita balasannya yang buruk, bukan rasul **﴿kerana sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan dengan jelas nyata﴾** tiada yang lain, dan **﴿baginda telah melaksanakan kewajibannya﴾**.

﴿13﴾ **﴿Allah, tiada Tuhan melainkan Dia dan dengan yang demikian, kepada Allah jualah orang-orang yang beriman wajib berserah diri﴾**.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن مِّنْ أَرْوَاحِكُمْ وَأَوْلَادِكُمْ عَدُوًّا لَّكُمْ فَاحْذَرُوهُمْ وَإِن تَعَفَوْا وَتَصَفَّحُوا وَتَغْفِرُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٣﴾ إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَاللَّهُ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٤﴾ فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَأَسْمَعُوا وَأَطِيعُوا وَأَنْفِقُوا خَيْرًا لِّأَنْفُسِكُمْ وَمَنْ يُوقْ شَحْ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥﴾ إِن تَقَرَّبُوا إِلَى اللَّهِ قَرَّبْنَا بِضِعْفِهِ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ وَاللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٦﴾ عَلِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿١٧﴾

﴿14﴾ **﴿Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ada di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu yang menjadi musuh bagi kamu﴾**: iaitu mereka itu menyibukkan kamu dari kebaikan. Sebab turun ayat ini, bahawasanya beberapa lelaki dari Mekah memeluk islam dan mereka mahu berhijrah tetapi tidak dibenarkan oleh isteri dan anak-anak mereka. Berkata Imam Mujahid: “Demi Allah mereka tidak memusuhinya di dunia, tetapi kecintaan mereka telah membawa mereka kepada perkara yang haram”. **﴿Oleh itu awaslah serta berjaga-jagalah kamu terhadap mereka﴾**: yakni janganlah kamu melebihi sayang terhadap mereka mengatasi ketaatan kepada Allah dan janganlah keinginan kamu untuk memberi kebaikan kepada mereka menjadikan kamu mencari rezeki dengan perkara maksiat. **﴿Dan kalau kamu memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka﴾**: iaitu kamu maafkan dosa mereka, tidak berendam dan menutup kesalahan mereka **﴿maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani﴾** bagi kamu semua. Dikatakan bahawa ada seorang lelaki yang dihalang isteri dan anak-anaknya dari berhijrah, kemudian apabila dia melihat orang-orang mendahuluinya (dalam hijrah) dan mendalami ilmu agama, dia berhasrat untuk menghukum mereka.

﴿15﴾ **﴿Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian﴾**: iaitu bala, ujian dan cabaran yang membawa kamu kepada pencarian rezeki secara haram dan melanggar hak Allah. **﴿dan di sisi Allah jualah pahala yang besar﴾**: bagi mereka yang melebihi ketaatan kepada Allah dan meninggalkan maksiat dalam kecintaannya kepada harta dan anak-anak.

﴿16﴾ Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu: selama mampu, sehabis tenaga kamu dan dengarlah serta taatlah akan perintah-perintah-Nya dan belanjakanlah harta kamu sebagai kebajikan untuk diri kamu: iaitu infaklah harta yang Allah rezekikan kepada kamu pada jalan-jalan kebaikan, janganlah bakhil dan buatlah kebaikan untuk diri kamu. (Ingatlah), sesiapa yang dipelihara dari tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya: yakni sesiapa yang Allah memeliharanya dari sifat bakhil lalu dia menginfak hartanya pada jalan Allah dan pintu-pintu kebajikan maka merekalah orang yang berjaya.

﴿17﴾ Dan kalau kamu memberi pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik, iaitu kamu belanjakan harta kamu pada jalan yang baik, dengan ikhlas dan kerelaan hati nescaya Allah akan melipat gandakan balasan-Nya kepada kamu: satu kebaikan dengan sepuluh kebaikan sehingga tujuh ratus kali ganda. serta mengampunkan dosa-dosa kamu: tambahan ke atas gandaan pahala pula diampunkan dosa. dan Allah Maha Menghargai golongan yang berbuat baik, lagi Maha Penyantun dengan mengganjari orang yang mentaati-Nya dengan pahala berganda serta tidak bersegera menghukum orang yang bersalah.

﴿18﴾ Dialah yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, (dan Dialah jua) yang Maha Perkasa, lagi Maha Bijaksana.

AT-TALAQ (PERCERAIAN)

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ وَأَحْصُوا الْعِدَّةَ وَاتَّقُوا اللَّهَ رَبَّكُمْ لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا يَخْرُجْنَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُبَيَّنَةٍ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ لَا تَدْرِي لَعَلَّ اللَّهَ يُحْدِثُ بَعْدَ ذَلِكَ أَمْرًا

﴿1﴾ Wahai Nabi! Apabila kamu (engkau dan umatmu) hendak menceraikan isteri-isteri: Maknanya apabila kamu benar-benar hendak menceraikan isteri maka ceraikanlah mereka untuk iddah mereka: iaitu sebelum iddah mereka. Maknanya ialah hendaklah mereka ceraikan dalam waktu suci yang belum disetubuhi, kemudian wanita itu ditinggalkan sehingga habis iddah. Dengan begitu, mereka telah menceraikannya dengan mengikut iddah mereka. Dari Ibnu Umar (radiallahu 'anhu) bahawa dia telah menceraikan isterinya dalam keadaan haid lalu Umar (radiallahu 'anhu) memberitahu Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) Lantas baginda memarahinya dan bersabda: "Hendaklah dia rujuk kembali kemudian menahannya sehingga dia suci. Kemudian haid dan suci lagi. Kemudian kalau dia ingin menceraikannya juga maka hendaklah dia ceraikan sewaktu suci sebelum dia 'menyetuhunya'. Itulah iddah yang Allah perintahkan agar diceraikan wanita untuknya. dan hitunglah masa iddah itu: iaitu jagalah waktu iddah itu dari mula talaq sehingga sempurna tempoh iddah tiga kali suci; perintah ini adalah untuk para suami. serta bertakwalah kepada Allah, Tuhan kamu: jangan kamu mengingkarinya dan jangan menyakiti wanita itu. Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah mereka: iaitu wanita yang diceraikan selama dalam iddah. Disandarkan rumah

kepada mereka dalam ayat ini untuk menguatkan lagi hak mereka untuk tetap tinggal. Dilarang juga wanita dalam iddah untuk keluar dari rumah ﴿dan janganlah pula mereka keluar (dari situ)﴾: iaitu jangan keluar dari rumah selama berada dalam iddah kecuali ada keperluan yang tidak dapat dielakkan ﴿kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata﴾: kecuali jika mereka berzina. Dikatakan juga perbuatan keji itu adalah keji dalam percakapan sehingga menyakiti orang yang tinggal bersamanya. ﴿dan itulah aturan-aturan hukum Allah﴾: iaitu sempadannya yang kamu tidak boleh melampauinya; maka janganlah kamu melanggarnya. ﴿dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah maka sesungguhnya dia telah berlaku zalim kepada dirinya﴾ dengan membawanya kepada kebinasaan. ﴿engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan sesudah itu, suatu ketentuan yang lain﴾: boleh jadi dengan tetap tinggalnya isteri di dalam rumah, Allah menyatukan kembali hati mereka lalu mereka akan rujuk semula.

فَإِذَا بَلَغَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوا ذَوَى عَدْلٍ مِّنكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ ذَٰلِكُمْ يُوعَظُ بِهِ مَن كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾

﴿Kemudian, apabila mereka habis tempoh iddahnya﴾: iaitu hampir habis tempoh, ﴿maka bolehlah kamu pegang mereka dengan cara yang baik﴾: yakni rujuk kembali dengan pergaulan yang baik tanpa maksud untuk memudaratkan sesiapa ﴿atau lepaskan mereka dengan cara yang baik﴾: iaitu sehingga habis iddah dan mereka bebas. Di samping itu kamu menyempurnakan hak-hak mereka serta tidak memberi kemudahan. Maka tidak ada pilihan di saat akhir iddah melainkan menahan dengan baik atau melepaskan dengan baik. Adapun sebaliknya seperti rujuk untuk kemudahan, cerai bersama cacian dan menghalang hak maka ia adalah haram. ﴿Dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu﴾ semasa kamu merujuk atau melepaskannya supaya tiada perbalahan ﴿dan hendaklah kamu menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata﴾: Perintah ini adalah kepada orang yang menjadi saksi. ﴿Dengan hukum-hukum yang tersebut diberi peringatan dan pengajaran kepada sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat﴾: dikhususkan orang mukmin kerana merekalah yang menerima manfaat dari hukum itu. ﴿dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah﴾ dengan tidak melanggar hukum yang ditetapkan atas hamba-Nya ﴿nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar﴾ dari segala perkara yang menyusahkannya.

وَيَرْزُقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بَلِغٌ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾ وَاللَّيْ يَسِّنَ مِنَ الْمَحِيضِ مِن نِّسَائِكُمْ إِن أَرْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَاللَّيْ لِمَ يَحْضُنَّ وَأَوْلَتْ الْأَحْمَالِ أَجَلَهُنَّ أَن

يَضَعَنَّ حَمْلَهُنَّ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٤﴾ ذَلِكَ أَمْرُ اللَّهِ أَنْزَلَهُ إِلَيْكُمْ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُعْظِمْ لَهُ أَجْرًا ﴿٥﴾

﴿Dan Dia memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya﴾: iaitu dari sudut yang tidak terlintas di fikirannya dan tidak ada dalam perkiraannya. Justeru sesiapa yang melafazkan talaq kemudian bersaksi di atas cerai atau rujuk maka Allah akan menjadikan baginya jalan keluar dan penyelesaian. Adapun kesempitan itu hanyalah bagi mereka yang menyalahi hukum Allah dalam urusan cerai dan rujuk. ﴿dan (ingatlah), sesiapa bertawakkal kepada Allah, maka cukuplah Allah baginya﴾: iaitu siapa yang menyerahkan urusannya kepada Allah dengan yakin, maka Dia akan mencukupkan keperluannya. ﴿Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya﴾ Tidak akan terlepas dari-Nya sesuatu pun. ﴿Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu﴾. Allah menjadikan bagi kesusahan tempoh tertentu sebagaimana kesenangan juga ada tempohnya. Berkata As-Suddiy: “Ia adalah tempoh haid dan iddah”.

﴿Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus haid﴾: mereka adalah wanita tua yang telah putus haid. ﴿jika kamu menaruh syak﴾: iaitu ragu terhadap tempoh iddah mereka atau tidak tahu bagaimana menghitungnya ﴿maka iddahnya ialah tiga bulan dan (demikian) juga iddah perempuan-perempuan yang tidak berhaid﴾: kerana masih kecil dan belum sampai umur baligh, maka iddah mereka ialah tiga bulan. ﴿Dan perempuan-perempuan yang mengandung, tempoh iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya﴾: iaitu iddahnya tamat dengan kelahiran anak. ﴿dan (ingatlah), sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya﴾. Berkata ad-Dhahhak: “Siapa yang mengikut sunnah dalam urusan talaq maka Allah akan memudahkan mereka dalam urusan rujuk”.

﴿Peraturan-peraturan yang demikian adalah hukum-hukum Allah yang diturunkan dan diterangkan-Nya kepada kamu dan (ingatlah), sesiapa yang bertakwa kepada Allah, nescaya Allah menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan akan membesarkan pahala balasannya﴾ di hari akhirat dengan ganjaran syurga.

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُجْدِكُمْ وَلَا تَضَارُّوهُنَّ لِيُضَيِّقُوا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمِلًا فَلْيَضْحَكُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآوِهِنَّ أَجُورَهُنَّ وَأَتَمِّرُوا بَيْنَكُمْ بِمَعْرُوفٍ وَإِنْ تَعَاسَرْتُمْ فَسَرِّضُوا لَهُنَّ آخَرَى ﴿٦﴾ لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِنْ سَعَتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَاءً آتَاهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

﴿Tempatkanlah mereka itu di tempat kediaman kamu﴾: ini adalah keterangan tentang kewajipan tempat tinggal bagi wanita-wanita yang ditalaq. ﴿sesuai dengan kemampuan kamu﴾: hukum ini untuk wanita

dalam iddah yang boleh dirujuk. Adapun wanita yang diceraikan talaq tiga, maka tiada nafkah dan tempat tinggal untuk mereka. ﴿dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka﴾ di tempat tinggal itu atau nafkah, supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu ﴿dan jika mereka sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya﴾: tiada khilaf di kalangan ulama bahawa wanita dalam iddah yang mengandung, wajib bagi mereka nafkah dan tempat tinggal. ﴿kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya﴾ kerana menyusukan ﴿dan berundinglah di antara kamu dengan cara yang baik﴾: pesanan ini ditujukan kepada pasangan yang bercerai dengan talaq agar berbincang dengan baik dan menerima kebaikan, demi kebaikan anak seperti firman Allah: ﴿...Apabila keduanya ingin berhenti menyusukan (sebelum dua tahun) dengan kerelaan keduanya dan permusyawaratan, maka tidak ada dosa atas keduanya...﴾ [al-Baqarah: 233] ﴿dan (sebaliknya) jika kamu mengalami kesulitan﴾ dari kemampuan upah; seperti isteri yang enggan menyusukan apabila suami enggan memberikan upah seperti yang dikehendaki oleh isteri ﴿maka bolehlah perempuan lain menyusukannya﴾: iaitu suami mengupah wanita lain untuk menyusukannya.

﴿Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya﴾: pada ayat ini terdapat perintah supaya orang yang berkemampuan melimpahkan kemampuannya kepada wanita yang menyusukan anak mereka. ﴿dan sesiapa yang disempitkan rezekinya﴾: iaitu orang fakir, ﴿maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya﴾: sekadar yang dia mampu. ﴿Allah tidak memberati seseorang melainkan yang diberikan Allah kepadanya﴾: iaitu dari rezeki. Orang yang fakir tidak diwajibkan memberi upah yang dia tidak mampu seperti upah dari orang kaya ﴿Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan﴾: iaitu selepas kesempitan dan kesusahan, Allah akan menjadikan ia kesenangan dan kekayaan.

وَكَايِنٍ مِّن قَرِيْبَةٍ عَتَتْ عَن أَمْرِ رَبِّهَا وَرُسُلِهِ فَحَاسَبْنَاهَا حِسَابًا شَدِيْدًا وَعَدَّ بِهَا عَذَابًا نُكْرًا ﴿٨﴾ فَذَاقَتْ وَبَالَ أَمْرِهَا وَكَانَ عَاقِبَةُ أَمْرِهَا خُسْرًا ﴿٩﴾ أَعَدَّ اللَّهُ لَهُمْ عَذَابًا شَدِيْدًا فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ الَّذِينَ ءَامَنُوا قَدْ أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكُمْ ذِكْرًا ﴿١٠﴾ رَسُولًا يَتْلُو عَلَيْكُمْ آيَاتِ اللَّهِ مُبَيِّنَاتٍ لِّيُخْرِجَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّوْرِ وَمَنْ يُؤْمِن بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا قَدْ أَحْسَنَ اللَّهُ لَهُ رِزْقًا ﴿١١﴾

﴿Dan bukan sedikit negeri-negeri yang penduduknya menderhaka terhadap perintah Tuhan mereka dan Rasul-rasul-Nya﴾: yakni ramai dari penduduk negeri yang ingkar kepada Allah dan rasul-rasul-Nya, ﴿maka Kami hitung amal mereka dengan hitungan yang sangat rapi﴾: Allah menghitung amalan perbuatan mereka di dunia, ﴿serta Kami seksakan mereka dengan

azab yang tidak pernah dikenal dahsyatnya: Azab besar yang tidak tertanggung di akhirat dan kelaparan, kemarau serta gempa di dunia.

﴿9﴾ **﴿Lalu mereka merasai kesan yang buruk dari perbuatan derhakanya﴾:** iaitu azab yang berat akibat kekufuran mereka **﴿dan menjadilah akibat perbuatan mereka satu kerugian yang besar﴾:** iaitu kebinasaan yang besar di dunia dan azab di hari akhirat. Maka mereka kerugian harta, keluarga dan diri mereka sendiri.

﴿10﴾ **﴿Allah menyediakan bagi mereka azab seksa yang seberat-beratnya﴾:** iaitu api neraka. **﴿Maka bertakwalah kepada Allah wahai orang yang berakal sempurna﴾:** Wahai orang yang memilik akal yang waras! Mereka itulah ummat Muhammad **﴿dari kalangan orang yang beriman﴾:** iaitu mereka yang bersedih diri kepada Allah dan mengikut petunjuk Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam) Maka janganlah kamu menjadi seperti umat-umat sebelum kamu yang dihitung dan diazab dengan jenis azab yang sama. **﴿Sesungguhnya Allah telah menurunkan kepada kamu peringatan﴾:** Peringatan itu adalah al-Quran. Dikatakan juga adalah Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa 'alaihi sallam) sendiri.

﴿11﴾ **﴿Seorang Rasul (Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wa 'alaihi sallam))﴾:** iaitu Allah turunkan kepada kamu al-Quran dan seorang Rasul yang diutuskan dengannya **﴿yang membacakan kepada kamu ayat-ayat Allah yang menerangkan kebenaran﴾** tentang hukum-hukum yang kamu perlukan, **﴿supaya Allah mengeluarkan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari gelap-gelita kepada cahaya﴾:** Allah (subhānahu wa'tā'ā) mengeluarkan dengan ayat-ayat-Nya orang-orang beriman dan beramal soleh dari gelap kesesatan kepada cahaya hidayah dan dari gelap kekufuran kepada cahaya iman. **﴿dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan beramal soleh, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, kekallah mereka di dalamnya selama-lamanya. Sesungguhnya Allah telah mengurniakan kepadanya sebaik-baik pemberian﴾.**

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ وَمِنَ الْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ الْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِيَتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا

﴿12﴾ **﴿Allah yang menciptakan tujuh petala langit dan dari bumi seperti itu juga﴾:** yakni tujuh petala bumi. Dalam hadis yang sahih ditegaskan perkara tersebut. Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Sesiapa yang mengambil secara zalim sejengkal tanah, dia akan dibenamkan dalam tujuh petala bumi”. **﴿Perintah Allah berlaku terus menerus di antara langit dan bumi﴾** dengan menurunkan hujan, menumbuhkan tumbuhan, menggantikan malam dan siang serta musim panas dan sejuk. **﴿(Berlakunya yang demikian) supaya kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu dan bahawa sesungguhnya Allah tetap meliputi ilmu-Nya akan tiap-tiap sesuatu﴾.**

AT-TAHRIM (MENGHARAMKAN)

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَا أَحَلَّ اللَّهُ لَكَ تَبَتَّغِيَ مَرْضَاتَ أَزْوَاجِكَ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾ قَدْ

فَرَضَ اللَّهُ لَكُمْ تَحْلَةَ أَيْمَانِكُمْ وَاللَّهُ مَوْلَاكُمْ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٤١﴾ وَإِذْ أَسْرَأَ النَّبِيُّ إِلَىٰ بَعْضِ أَزْوَاجِهِ حَدِيثًا فَلَمَّا نَبَأَتْ بِهِ وَأَظْهَرَهُ اللَّهُ عَلَيْهِ عَرَفَ بَعْضَهُ وَأَعْرَضَ عَنْ بَعْضٍ فَلَمَّا نَبَأَهَا بِهِ قَالَتْ مَنْ أَنْبَأَكَ هَذَا قَالَ نَبَأَنِيَ الْعَلِيمُ الْخَبِيرُ ﴿٤٢﴾ إِنْ تَوْبَا إِلَى اللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا وَإِنْ تَظَاهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ مَوْلَاهُ وَجِبْرِيلُ وَصَلِحَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمَلَائِكَةَ بَعْدَ ذَلِكَ ظَهِيرٌ ﴿٤٣﴾ عَسَىٰ رَبُّهُ إِنْ طَلَقَنَّ أَنْ يُبَدِّلَهُ زَوْجًا خَيْرًا مِنْكَ مُسَلِّمَاتٍ مُؤْمِنَاتٍ قَانِتَاتٍ تَيَبَّتْنَ عِبَادَاتٍ لَدَيْتِ سَخِرْتِ تَيْبَتِ وَأَبْكَرَاتٍ ﴿٤٤﴾

﴿1﴾ **Wahai Nabi!** Mengapa engkau haramkan apa yang diharamkan oleh Allah bagimu: di katakan bahawa Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) sering minum madu ketika berada di rumah Zainab binti Jahsy r.ha. Lalu Aisyah r.ha dan Hafsa r.ha berpakat untuk berkata kepada Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) apabila baginda datang kepada mereka: “Aku dapati dari kamu sesuatu bau”. Justeru Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) mengharamkan ke atas dirinya madu. **kerana engkau hendak mencari keredaan isteri-isterimu?** dengan mengharamkan atas dirimu apa yang Allah halalkan. **Dan Allah sememangnya Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani** terhadap apa yang telah engkau lakukan. Dikatakan bahawa dosa tersebut termasuk dosa kecil, kerana itu Allah menegur baginda.

﴿2﴾ **Sesungguhnya Allah telah menetapkan bagi kamu (wahai Nabi dan umatmu) perlepasan diri dari sumpah kamu** dengan membayar denda iaitu kaffarah seperti dalam firmanNya: **..Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana, yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba. Kemudian sesiapa yang tidak dapat (menunaikan denda yang tersebut), maka hendaklah dia berpuasa tiga hari** [al-Maidah: 89]. Tidak harus bagi seorang pun mengharamkan apa yang Allah halalkan. Sekiranya berlaku maka hukum tersebut tidak terpakai dan tidak wajib dipatuhi kerana menghalal dan mengharamkan adalah hak Allah (subhanahu wata'ala) Tetapi sekiranya berlaku juga maka sebahagian ahli fiqh berkata: sekiranya dia mengharamkan ke atas dirinya sesuatu baju atau pakaian atau makanan atau minuman atau apa sahaja yang Allah halalkan, maka ia dikira sebagai sumpah. Sekiranya dia ingin kembali maka hendaklah dia membayar kaffarah sumpah. Apabila dia membayarnya maka terungkailah sumpahnya. Perkara ini meliputi semua perkara termasuklah apabila dia mengharamkan isterinya ke atas dirinya. Berkata sebahagian lagi: Sekiranya dia mengharamkan isteri dengan niat talaq maka jatuh talaq. Wallahu a'lam. **Dan Allah ialah Pelindung:** iaitu yang mentadbir dan membantu urusan kamu **dan Dia Maha Mengetahui** dengan kebaikan dan kejayaan bagi kamu **lagi Maha Bijaksana** dalam perbuatan dan perkataan-Nya.

﴿3﴾ **Dan ketika Nabi memberitahu suatu perkara secara rahsia kepada**

salah seorang dari isteri-isterinya): iaitu Hafsa r.ha, sebagaimana telah disebut tentang mengharamkan madu. Berkata al-Kalbi: “Baginda memberitahu rahsia bahawa ayahmu dan ayah Aisyah akan menjadi khalifahku selepas kewafatanku”. «Kemudian apabila isterinya itu menceritakan rahsia yang tersebut» kepada seorang madunya «dan Allah menyatakan pembukaan rahsia itu kepada Nabi» maka Nabi pun menegur isterinya itu «lalu menerangkan kepadanya sebahagian» dari rahsia yang telah dibukanya «dan tidak menerangkan yang sebahagian lagi» supaya isterinya itu tidak banyak malunya. «Setelah Nabi menyatakan hal itu kepada isterinya, isterinya bertanya: Siapakah yang memberi tahu hal ini kepada tuan? Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) menjawab: Aku diberitahu oleh Allah Yang Maha Mengetahui, lagi Amat Mendalam Pengetahuannya» tentang segala perkara yang nyata dan yang tersembunyi.

4 «Jika kamu berdua bertaubat kepada Allah»: ditujukan kepada Hafsa r.ha dan ‘Aisyah r.ha «kerana sesungguhnya hati kamu berdua telah cenderung» kepada taubat lantaran perlakuan mereka terhadap Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) «dan jika kamu berdua saling membantu untuk menyusahkannya» dan membongkarkan rahsianya disebabkan perasaan cemburu kamu «maka sesungguhnya Allah adalah Pembelanya, dan selain dari itu Jibril serta orang-orang yang soleh dari kalangan orang-orang yang beriman»: yakni Allah akan membantu baginda, begitu juga Jibril dan orang-orang soleh dari kalangan hamba-Nya yang beriman seperti Abu Bakar (radhiyallahu 'anhu) dan Umar (radhiyallahu 'anhu) «dan malaikat-malaikat juga setelah itu menjadi penolongnya». Dikatakan juga bahawa pertikaian antara Hafsa r.ha dan ‘Aisyah r.ha adalah dalam masalah nafkah.

5 «Boleh jadi, jika Nabi menceraikan kamu, Tuhannya akan menggantikan baginya isteri-isteri yang lebih baik daripada kamu»: Allah Taala mengkhabarkan kepada isteri-isteri Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) akan kekuasaan-Nya yang mana sekiranya baginda menceraikan mereka maka Allah akan menggantikan baginya isteri-isteri yang lebih baik, sebagai peringatan kepada mereka «yang muslimah, yang ikhlas imannya»: iaitu yang melaksanakan kefardhuan dan percaya dengan keimanan pada Allah, malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya «yang taat» kepada Allah dan rasul-Nya «yang bertaubat»: yakni dari dosa «yang tetap beribadat»: tunduk kepada Allah «yang berpuasa, yang janda»: iaitu yang pernah berkahwin kemudian diceraikan atau kematian suami «dan yang anak dara»: yang belum pernah berkahwin.

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَوًّا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَفُودَهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
 مَلَائِكَةٌ غُلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾
 يَأْتِيهَا الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَعْتَدِرُوا الْيَوْمَ إِنَّمَا تُجْزَوْنَ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٧﴾
 يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا نُورًا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً صُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ
 سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يَوْمَ لَا يُجْزَىٰ اللَّهُ النَّبِيَّ

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ نُورُهُمْ يَسْعَىٰ بَيِّنَاتٍ أَيْدِيهِمْ وَيَآيْمَنُهُمُ يَقُولُونَ رَبَّنَا آتِنَا مِنَّا نُورًا وَأَغْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

﴿6﴾ **Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu:** iaitu jagalah apa yang kamu diperintahkan dan tinggalkan apa yang kamu dilarang **«dan keluarga kamu»** dengan menyuruh mereka mentaati Allah dan menjauhi laranganNya **«dari Neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu»:** iaitu neraka yang besar menyala dengan manusia dan batu sebagaimana api yang lain menyala dengan kayu api. Berkata Ibnu Jarir: “Maka wajib kita mengajarkan kepada anak-anak kita agama dan kebaikan serta apa yang perlu dari adab. **«Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar»:** layanan mereka kasar terhadap ahli neraka dan kasar. Apabila diminta belas kasihan mereka tidak mengasihani mereka. Malaikat tersebut diciptakan untuk mengazab **«mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan»** mereka melaksanakannya tanpa bertangguh dalam keadaan mereka mampu dan tiada yang boleh menghalang mereka.

﴿7﴾ **Hai orang-orang yang kufur ingkar! Janganlah kamu menyatakan uzur (dengan meminta ampun) pada hari ini:** kata-kata ini dikatakan kepada mereka pada saat mereka dimasukkan ke dalam neraka supaya mereka putus asa dan putus harapan (kerana masanya telah terlambat). **«Kamu hanyalah dibalas (dengan mengikut) apa yang kamu telah kerjakan»** dari amalan dunia.

﴿8﴾ **Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan Taubat Nasuha:** iaitu taubat yang benar atau murni. Iaitu penyesalan di hati atas apa yang telah berlaku dari dosa, beristighfar dengan lidah, berhenti dari perbuatan dosa serta berazam untuk tidak kembali **«mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari Allah tidak akan menghinakan Nabi dan orang-orang yang beriman bersama-sama dengannya; cahaya mereka, bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka»:** iaitu cahaya yang bersama mereka di waktu berjalan menyeberangi titian Sirat **«mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah bagi kami cahaya kami dan limpahkanlah keampunan kepada kami; sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu».**

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفْرَ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَغْلِبْ عَلَيْهِمُ وَمَا وَهُمْ جَاهُكُمْ وَيَسِّرْ أَلْمَصِيرَ ﴿٩﴾ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ كَفَرُوا أُمْرَاتٌ نُوحٍ وَأُمْرَاتٌ لُّوطٍ كُنَّا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَالِحَيْنِ فَخَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَقِيلَ ادْخُلَا النَّارَ مَعَ الدَّٰخِلِينَ ﴿١٠﴾

﴿9﴾ **Wahai Nabi! Berjihadlah menentang orang-orang kafir»** dengan

perang « dan orang-orang munafik » dengan menjalankan hudud ke atas mereka kerana mereka telah melakukan sesuatu yang mewajibkannya «serta bertindak keraslah terhadap mereka» agar mereka gerun « dan (sebenarnya) tempat mereka ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali ».

﴿10﴾ Allah mengemukakan satu misal perbandingan bagi orang-orang kafir iaitu: Perihal isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Lut; mereka berdua berada di bawah jagaan dua orang hamba yang soleh dari hamba-hamba Kami (yang sewajibnya mereka berdua taati); dalam pada itu mereka berlaku khianat kepada suami masing-masing»: Dikatakan isteri Nabi Nuh berkata kepada kaumnya: “Dia ini gila” dan isteri Nabi Lut mengkhabarkan kepada kaumnya tentang tetamunya. «maka kedua-dua suami mereka tidak dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka dari (azab) Allah» walaupun suami mereka nabi dan mulia di sisi Allah «dan (sebaliknya) dikatakan kepada mereka berdua (pada hari pembalasan): Masalah kamu berdua ke dalam Neraka bersama-sama orang-orang yang masuk» ke situ dari ahli kufur dan maksiat.

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا امْرَأَتِ فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ ابْنِ لِي عِنْدَكَ
بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ وَنَجِّنِي مِنْ فِرْعَوْنَ وَعَمَلِهِ وَنَجِّنِي مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿١١﴾ وَمَرِيَمَ
ابْنَتِ عِمْرَانَ الَّتِي أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهِ مِنْ رُوحِنَا وَصَدَقَتْ بِكَلِمَاتِ
رَبِّهَا وَكُنْتُمْ مِنَ الْفَائِزِينَ

﴿11﴾ Dan Allah mengemukakan satu misal perbandingan kepada orang-orang mukmin iaitu: Perihal isteri Firaun» bahawa kejahatan kufur tiada memberi mudharat kepada orang yang beriman sebagaimana tidak terjejas iman isteri Fir'aun padahal suaminya orang paling kufur. Lantas dengan imannya dia beroleh syurga. «ketika dia berkata: Wahai Tuhanku! Binalah utukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam Syurga» yang dekat dengan rahmat-Mu, dalam darjat orang-orang yang dekat dengan-Mu «dan selamatkanlah daku dari Firaun dan perbuatannya» yang kufur dan jahat «serta selamatkanlah daku dari kaum yang zalim»: iaitu kaum Qibti yang kafir.

﴿12﴾ Dan juga (satu misal perbandingan lagi, iaitu): Mariam binti Imran»: Allah menghimpunkan baginya kemuliaan dunia akhirat, memilihnya mengatasi wanita-wanita dunia padahal dia berada di antara kaum yang ingkar «yang telah memelihara kemaluan dan kesuciannya» dari zina «maka Kami perintahkan Jibril meniup masuk ke dalam kandungan tubuhnya dari roh (ciptaan) Kami» maka dia mengandungkan Nabi Isa (^{'alaihissalam}) «dan dia mengakui kebenaran Kalimah-kalimah Tuhannya»: yakni dari syariat yang Allah syariatkan dan apa yang dikatakan kepadanya oleh Jibril bahawa sesungguhnya aku adalah utusan Tuhanmu, serta kebenaran yang dikhabarkan kepadanya dari khabar gembira tentang Nabi Isa akan menjadi rasul yang mulia «serta Kitab-kitab-Nya dan adalah dia dari orang-orang yang tetap taat» dari kaum dan keluarga yang taat dan baik.

AL-MULK (KERAJAAN)

تَبَرَّكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾ الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾ الَّذِي خَلَقَ سَمَوَاتٍ طَبَاقًا مَا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِنْ تَفَوتٍ فَأَرْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِنْ فُطُورٍ ﴿٣﴾ ثُمَّ أَرْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ يَنْقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ ﴿٤﴾ وَلَقَدْ زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصْبِيحٍ وَجَعَلْنَاهَا رُجُومًا لِلشَّيْطَانِ وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ السَّعِيرِ

﴿1﴾ «Maha Berkah Tuhan yang menguasai pemerintahan»: iaitu Maha banyak kebaikan-Nya. Pemerintahan pula ialah kerajaan langit dan bumi; dunia dan akhirat «dan memanglah Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu».

﴿2﴾ «Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup»: Mati adalah terpisah dan terputusnya hubungan antara roh dengan badan. Manakala hidup adalah pertemuan dan perhubungan antara roh dengan badan. Ia bermaksud di sini penciptaannya sebagai insan yang mempunyai roh. «untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya»; iaitu mentaklifkan kamu kemudian menguji kamu lantas Dia mengganjari atas ujian tersebut. Maksud sebenar dari ujian adalah menzahirkan kesempurnaan kebaikan dan kesempurnaan taat pada pelakunya. «dan Dia Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun».

﴿3﴾ «Dialah yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah»; dari pertentangan dan kecacatan «maka ulangilah pandanganmu, dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?» seperti pecah atau retak padahal langit itu besar dan luas.

﴿4﴾ «Kemudian ulangilah pandanganmu berkali-kali» sebagai penguat hujah dan penghapus alasan keuzuran «nescaya pandanganmu itu akan berbalik kepadamu dengan hampa» daripada melihat sebarang kecacatan pada penciptaan langit, «sedang dia pula berkeadaan lemah lesu»: habis tenaga dengan sia-sia.

﴿5﴾ «Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan bintang-bintang dan Kami jadikan bintang-bintang itu sebagai rejaman terhadap Syaitan-syaitan» selain dari tujuan-Nya menghias langit dunia. Berkata Imam Qatadah: “Allah menciptakan bintang kerana tiga tujuan: Perhiasan langit, rejaman pada syaitan dan penunjuk arah dalam perjalanan”. «dan Kami sediakan bagi mereka» pada hari Kiamat «azab Neraka yang menjulang-julang».

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَيَسَّسُ الْمَصِيرُ ﴿٦﴾ إِذَا الْفُؤَاءُ فِيهَا سَمِعُوا لَهَا شَهيقًا وَهِيَ تَفُورٌ ﴿٧﴾ تَكَادُ تَمَيَّرُ مِنَ الْغَيْظِ كُلَّمَا أَلْفِي فِيهَا فُوجٌ سَأَلْتَهُمْ خَزَنَتُهَا أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ ﴿٨﴾ قَالُوا بَلَىٰ قَدْ جَاءَنَا نَذِيرٌ فَكَذَّبْنَا وَقُلْنَا مَا نَزَّلَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا فِي ضَلَالٍ

كَبِيرٍ ﴿١٠﴾ وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ ﴿١١﴾
فَأَعْتَفُوا بِذَنبِهِمْ فَسُحِّقًا لِأَصْحَابِ السَّعِيرِ ﴿١٢﴾

﴿6﴾ Dan bagi orang-orang yang kufur ingkar terhadap Tuhan mereka, disediakan azab Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.

﴿7﴾ Apabila mereka dicampakkan ke dalamnya, sebagaimana dicampaknya kayu api, mereka mendengar suara jeritannya meraung-raung seperti raungan keldai sedang ia menggelegak: merebus mereka seperti air yang mendidih.

﴿8﴾ Hampir-hampir ia pecah berkecai-kecai kerana kuat marahnya: iaitu neraka hampir berkecai disebabkan sangat marah kepada orang-orang kafir. Tiap-tiap kali dicampakkan ke dalamnya sekumpulan besar dari manusia, bertanyalah penjaga-penjaga Neraka itu kepada mereka: yakni malaikat, sebagai mencela dan mengejek, Tidakkah kamu pernah didatangi seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran di dunia dahulu tentang hari ini?

﴿9﴾ Mereka menjawab: Ada! Sebenarnya telah datang kepada kami seorang pemberi ingatan dan amaran: iaitu Rasul dari Tuhan yang mengingatkan kami tentang hari ini, lalu kami dustakan Rasul itu, serta kami katakan (kepadanya): Allah tidak menurunkan sesuatupun kepada kamu dari perkara ghaib dan cerita akhirat serta syariat yang mengandungi keterangan tentang apa yang Allah inginkan daripada kami, kamu hanyalah berada dalam kesesatan yang besar: iaitu kami katakan kepada Rasul itu: Kamu sesungguhnya melencong dari kebenaran dan jauh darinya!

﴿10﴾ Dan mereka berkata: Kalaulah kami dahulu mendengar dan memahami, tentulah kami tidak termasuk dalam kalangan ahli Neraka: iaitu kalaulah kami dahulu mendengar dan berakal lalu beriman dengan apa yang diturunkan oleh Allah dan mengikuti petunjuk Rasul, nescaya kami tidak menjadi ahli neraka.

﴿11﴾ Akhirnya mereka mengakui dosa-dosa mereka: iaitu kekufuran dan mendustakan Rasul sehingga melayakkan mereka diazab, namun tetaplah jauhnya bagi ahli Neraka: iaitu jauhlah mereka dari Allah dan rahmat-Nya. Pada hari akhirat Allah akan menimpakan ke atas mereka azab selepas mereka mengaku dengan dosa-dosa mereka dan tiada lagi hujah dan alasan bagi mereka.

إِنَّ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿١٢﴾ وَأَسِرُوا قَوْلَكُمْ أُو
أَجْهَرُوا بِهِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿١٣﴾ أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٤﴾
هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ ﴿١٥﴾

﴿12﴾ Sesungguhnya orang-orang yang takut akan Tuhannya semasa mereka tidak dilihat orang, mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar.

﴿13﴾ Dan tuturkanlah perkataan kamu dengan perlahan atau dengan nyaring, semua itu tetap diketahui oleh Allah, tidak tersembunyi dari-

Nya sesuatu pun «**kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan segala yang terkandung di dalam dada**»: iaitu isi hati.

﴿14﴾ **«Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui?»**: Bukankah Tuhan yang mencipta dan menjadikan manusia itu mengetahui segala rahsia dan isi hatinya? Dialah yang menciptakan dan pasti Maha Mengetahui tentang ciptaan-Nya. «**Sedang Dia Maha Halus Ilmu-Nya (tentang apa yang terdapat di dalam hati), lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya!**» tentang apa yang kamu sembunyikan dan rahsiakan. Tidak terselindung dari-Nya sesuatu.

﴿15﴾ **«Dialah yang menjadikan untuk kamu bumi yang mudah dijelajahi**: iaitu mudah didiami dan tidak keras sehingga kamu tidak boleh duduk dan berjalan di atasnya «**maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantainya**»: di jalan-jalan dan penjuru-penjurunya «**serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah**»: dari rezeki dan apa yang Allah ciptakan untuk kamu. Allah mengurniakan kepada Bani Adam tempat tinggalnya di bumi ini dan memberikan kepada mereka kemahiran untuk mendapatkan kebaikan-kebaikannya. Tetapi hendaklah mereka sedar bahawa mereka akan kembali menghadap Allah. Kerana itu Allah berfirman: «**dan (ingatlah), kepada Allah jualah kamu dibangkitkan hidup semula**»: iaitu dari kubur-kubur kamu.

﴿16﴾ **أَمْ أَمِنْتُمْ مِّنَ فِي السَّمَاءِ أَنْ يَخِفُّ بِكُمْ الْأَرْضُ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ ﴿16﴾**
 ﴿17﴾ **أَمْ أَمِنْتُمْ مِّنَ فِي السَّمَاءِ أَنْ يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرِ ﴿17﴾**
 ﴿18﴾ **وَلَقَدْ كَذَّبَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿18﴾**
 ﴿19﴾ **وَيَقْبِضَنَّ مَا يُمْسِكُهُنَّ إِلَّا الرَّحْمَنُ إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ ﴿19﴾**

﴿16﴾ **«Patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Tuhan yang di langit itu?»**: iaitu Allah Taala. «**bahawa Dia akan membalikkan bumi menimbus kamu**» sebagaimana yang telah berlaku kepada Qarun. Patutkah kamu begitu setelah Allah mempermudah bumi untuk kegunaan kamu? «**lalu bergegarlah bumi itu dengan serta-merta?**» berbanding sebelumnya; tetap dan tenang.

﴿17﴾ **«Atau patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Allah yang di langit itu**: Dia akan menghantarkan ke atas kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu» sepertimana Dia hantarkan ke atas kaum Nabi Luth dan tentera bergajah. «**maka dengan itu, kamu akan mengetahui kelak bagaimana buruknya kesan amaran-Ku?**» dan tiada lagi manfaat dari pengetahuan tentang itu.

﴿18﴾ **«Dan demi sesungguhnya! Orang-orang yang terdahulu daripada mereka telah mendustakan (rasul-rasul-Nya); dengan yang demikian, (perhatikanlah) bagaimana buruknya kesan kemurkaan-Ku»** yang menimpa mereka dengan azab yang mengerikan.

﴿19﴾ **«Tidakkah mereka memerhatikan burung-burung yang terbang di atas mereka mengembang dan menutupkan sayapnya?»**: berterbangan bebas di udara. «**Tidak ada yang menahannya**» daripada jatuh sewaktu

terbang dengan menutup dan mengepaskan sayapnya ﴿melainkan Yang Maha Pemurah﴾: Yang Maha Berkuasa di atas segala sesuatu iaitu Dia menjadikan burung itu dengan terperinci dari badannya yang ringan, ditumbuhkan bulu kemudian disusun bulu itu mengikut susunan tertentu; yang mana apabila dibukakan sayapnya dia terapung di udara dan maju ke depan. Maha Suci Allah! ﴿Sesungguhnya Dia Maha Melihat serta mengetahui akan tiap-tiap sesuatu﴾.

أَمَّنْ هَذَا الَّذِي هُوَ جُنْدٌ لَكُمْ يَصْرُكُمْ مِنْ دُونِ الرَّحْمَنِ إِنَّ الْكُفْرَ الْإِلَّا فِي عُورٍ ﴿٢٠﴾
 أَمَّنْ هَذَا الَّذِي يَرْزُقُكُمْ إِنْ أَمْسَكَ رِزْقَهُ، بَلْ لَجُوا فِي عُتْوٍ وَفُورٍ ﴿٢١﴾
 أَفَمَنْ يَمْشِي مُكِبًّا عَلَى وَجْهِهِ أَهْدَىٰ أَمَّنْ يَمْشِي سَوِيًّا عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٢٢﴾
 قُلْ هُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٢٣﴾
 قُلْ هُوَ الَّذِي ذَرَأَكُمْ فِي الْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَذَا الْوَعْدُ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٥﴾ قُلْ إِنَّمَا الْعِلْمُ عِنْدَ اللَّهِ وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُبِينٌ ﴿٢٦﴾ فَلَمَّا رَأَوْهُ زُلْفَةً سَيِّئَتْ وُجُوهُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَقِيلَ هَذَا الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تَدَّعُونَ ﴿٢٧﴾

﴿20﴾ Bahkan siapa dia yang menjadi tentera bagi kamu, yang akan menolong kamu selain dari Allah Yang Maha Pemurah? Maknanya: tiada seorang pun tentera yang dapat menghalang kamu dari azab Allah. Siapakah yang akan menolong kamu jika Allah tidak menolong kamu dengan rahmat dan pertolongan-Nya? ﴿Sebenarnya orang-orang yang kafir tidak lain hanyalah berada dalam keadaan terpedaya﴾ dengan tipudaya Syaitan.

﴿21﴾ Atau siapa dia yang dapat memberi rezeki kepada kamu jika Allah menahan rezeki-Nya? seperti rezeki hujan dan selainnya? Tidak ada sesiapa pun. ﴿bahkan mereka (yang musyrik itu) kekal terus dalam keadaan sombong angkuh serta melarikan diri﴾: iaitu degil, sombong dari kebenaran dan melarikan diri dari berfikir dan mengambil iktibar.

﴿22﴾ Maka adakah orang yang berjalan tersungkur di atas mukanya lebih mendapat hidayah? iaitu orang kafir di mana mereka tersungkur atas maksiat kepada Allah di dunia, lalu Allah membangkitkan mereka pada hari Kiamat dalam keadaan tersungkur atas wajah mereka. ﴿atau orang yang berjalan tegak betul﴾: seimbang dan dapat melihat apa yang di hadapannya ﴿melalui jalan yang lurus rata?﴾: jalan yang lurus tidak bengkok bengkok. Ini lah orang-orang mukmin yang berjalan di atas landasan Allah di dunia dengan petunjuk dan pengetahuan, lalu Allah bangkitkan mereka berjalan lurus menuju Syurga.

﴿23﴾ Katakanlah (wahai Muhammad): Allah yang menciptakan kamu dan menjadikan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (untuk kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

﴿24﴾ Katakanlah lagi: Dialah yang menjadikan kamu berkembang-biak di bumi: menciptakan kamu dan kemudian menyebarkan kamu di atasnya ﴿dan kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan﴾.

﴿25﴾ Dan mereka (yang ingkar) berkata: Bilakah datangnya janji (hari

kiamat) itu, jika betul kamu orang-orang yang benar? ﴿

﴿26﴾ Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya ilmu pengetahuan ﴿ tentang masa kedatangannya kiamat ﴿ hanya ada pada sisi Allah ﴿: tiada yang mengetahuinya selain Allah ﴿ dan sesungguhnya aku hanyalah seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran yang terang nyata ﴿ tentang akibat dari kekufuran kamu. Aku hanya mengkhabarkan apa yang diperintahkan untuk disampaikan dan Allah tidak menyuruhku mengkhabarkan tentang waktu berlaku kiamat.

﴿27﴾ Kemudian apabila mereka melihat apa yang dijanjikan itu secara dekat ﴿: iaitu melihat azab. ﴿ muramlah muka orang-orang yang kafir itu ﴿: berubah kehitaman, gundah dan gelisah kehinaan ﴿ serta dikatakan (kepada mereka): Inilah dia yang dahulu kamu kerap kali minta disegerakan kedatangannya! ﴿ sebagai ejekan.

﴿28﴾ قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكْنِي أَلَّهُ وَمَنْ مَعِيَ أَوْ رَحِمَنَا فَمَنْ يُجِيرُ الْكَافِرِينَ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ ﴿
﴿29﴾ قُلْ هُوَ الرَّحْمَنُ ءَامَنَّا بِهِ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا فَسَتَعْمَلُونَ مَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿
قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْحَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَاءٍ مَعِينٍ ﴿

﴿28﴾ Tanyalah (wahai Muhammad, kepada mereka): Bagaimana fikiran kamu, jika Allah binasakan daku ﴿: mati atau terbunuh sebagaimana yang kamu harapkan serta kamu menunggu-nunggu musibah dan kebinasaan menimpaku, ﴿ dan orang-orang yang bersama-sama denganku ﴿: orang mukmin, ﴿ atau Dia memberi rahmat kepada kami ﴿ dengan menangguhkan ajal kami. Kalau pun berlaku sedemikian, ﴿ maka siapakah yang dapat melindungi orang-orang yang kafir dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? ﴿: iaitu mereka akan tetap ditimpakan azab.

﴿29﴾ Tegaskan (wahai Muhammad, kepada mereka): Allah Dialah Yang Maha Pemurah, yang kami beriman kepada-Nya dan yang kepada-Nya kami berserah diri; oleh itu kamu akan mengetahui kelak siapakah yang berada dalam kesesatan yang nyata ﴿.

﴿30﴾ Katakanlah lagi: Bagaimana fikiran kamu, sekiranya air kamu hilang lenyap ﴿ dari mata air, perigi dan sungai. Kalau ianya lenyap atau mengalir dalam perut bumi yang dalam sehingga tiada yang menemukannya ﴿ maka siapakah (selain Allah) yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa terpancar mengalir? ﴿ dengan banyak dari sungai dan hujan sehingga kamu mendapat nikmat? ﴿

AL-QALAM (PENNA)

بِأَنزَالِ الْقَلَمِ ﴿١﴾ وَمَا يُسْطَرُّونَ ﴿٢﴾ مَا أَنْتَ بِنِعْمَةِ رَبِّكَ بِمَجْنُونٍ ﴿٣﴾

وَإِنَّ لَكَ لَأَجْرًا غَيْرَ مَمْنُونٍ ﴿٤﴾ وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٥﴾ فَسَتَبْصُرُ وَيُبْصِرُونَ ﴿٦﴾

بِأَيِّكُمْ الْمَقْتُولُونَ ﴿٧﴾ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٨﴾

﴿1﴾ Nuun: Satu huruf dari huruf hijaiyyah seperti permulaan beberapa surah dalam Al-Quran. ﴿ Demi Pena: Allah bersumpah dengan pena

kerana padanya terdapat keterangan. Lanya merangkumi semua pena. **﴿dan apa yang mereka tulis﴾**: semua yang tertulis dari ilmu.

﴿2﴾ **﴿Engkau (wahai Muhammad) dengan sebab nikmat pemberian Tuhanmu bukanlah seorang yang gila﴾** bahkan ia adalah kenabian dan kepimpinan yang bebas dari penyakit gila.

﴿3﴾ **﴿Dan sesungguhnya engkau tetap beroleh pahala yang amat besar﴾** di atas beban kenabian dan kesabaran di atas kepayahan **﴿yang tidak putus-putus﴾** yang bukan juga kurniaan yang datang daripada manusia.

﴿4﴾ **﴿Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia﴾** sebagaimana yang Allah perintahkan dalam al-Quran. Telah sabit dalam hadis yang sahih bahawa 'Aisyah r.ha telah ditanya tentang akhlak Nabi (sallallahu 'alaihi
wala
sallam) lalu beliau menjawab: **“Akhlak baginda adalah Al-Quran”**.

﴿5﴾ **﴿Maka engkau akan melihat dan mereka juga akan melihat﴾**: apabila telah jelas kebenaran dan tersingkap segala yang tertutup, kamu dan orang-orang kafir akan melihat pada hari kiamat.

﴿6﴾ **﴿Siapakah orangnya yang gila di antara kamu semua?﴾**: Ini adalah jawapan balas dari Allah kepada mereka yang mendakwa Nabi (sallallahu 'alaihi
wala
sallam) itu gila. Kerana itu ayat selepasnya menyebut:

﴿7﴾ **﴿Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya﴾**: maknanya merekalah sebenarnya yang sesat, kerana menyalahi apa yang bermanfaat untuk mereka, sebaliknya mereka memilih apa yang memudaratkan dunia dan akhirat mereka **﴿dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk﴾** kepada jalan yang menyampaikan kepada kebahagiaan dunia dan akhirat.

فَلَا تُطِعِ الْمُكَذِّبِينَ ﴿٨﴾ وَدُوا لَوْ تَدْرَهْنُ فَيَدْرَهُنَّ ﴿٩﴾ وَلَا تَطِعْ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿١٠﴾ هَمَّازٍ
مَشَّاءٍ بِنَمِيمٍ ﴿١١﴾ مَنَاعٍ لِلْخَيْرِ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿١٢﴾ عَتَلٌ بَعْدَ ذَلِكَ زَنِيمٍ ﴿١٣﴾ أَنْ كَانَ ذَا مَالٍ
وَبَنِينَ ﴿١٤﴾ إِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءِآيَاتُنَا قَالَ أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿١٥﴾ سَنَسِمُهُ عَلَى الْخُرُومِ ﴿١٦﴾

﴿8﴾ **﴿Oleh itu janganlah engkau menurut kemahuan orang-orang yang mendustakan (agama Allah)﴾**.

﴿9﴾ **﴿Mereka suka kalaulah engkau bertolak ansur, lalu mereka juga bertolak ansur, berlemah-lembut﴾** Dikatakan juga maknanya: mereka berharap kamu mengikut kemahuan mereka dengan meninggalkan kebenaran, justeru mereka menampakkan kelembutan terhadap kamu.

﴿10﴾ **﴿Dan janganlah engkau menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah﴾** dengan sumpah yang batil **﴿lagi hina﴾**.

﴿11﴾ **﴿Yang suka mencaci﴾**: mencaci ialah mengatakan keburukan di depan orang yang dicaci. Mengumpat pula mengatakan keburukan di belakang mereka. **﴿lagi yang suka berjalan sambil menyebarkan fitnah hasutan﴾**: iaitu mengadu domba sesama manusia.

﴿12﴾ **﴿Yang sering menghalangi amalan-amalan kebajikan, yang melanggar hukum-hukum agama, lagi yang amat berdosa;﴾**.

﴿13﴾ **﴿Yang jahat kejam﴾** buruk peribadi. Berkata az-Zajjaj: Jahat dan

keras hati. ﴿yang selain itu tidak tentu pula asal keturunannya﴾.

﴿14﴾ Bahawa dia seorang hartawan dan ramai anak-pinaknya﴾ Maknanya: Jangan kamu taatinya kerana harta dan anak-pinaknya. Dikatakan juga ayat ini celaan kepada mereka yang dikurniakan harta dan anak-anak tetapi kufur dengan Allah dan ayat-ayat-Nya.

﴿15﴾ Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat keterangan Kami, dia berkata: (Ini ialah) cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu kala﴾.

﴿16﴾ Kami akan adakan tanda di atas hidungnya (yang berupa belalai itu): yang demikian itu adalah dengan dihitamkan wajahnya dengan api sebelum dia memasuki neraka, juga terdapat tanda pada hidungnya sebagai penghinaan yang dikenali dan tidak terpisah dengannya.

إِنَّا بَلَوْنَهُمْ كَمَا بَلَوْنَا أَصْحَابَ الْجَنَّةِ إِذْ أَقْسَمُوا لَيَصْرُنَّهَا مُصْبِحِينَ ﴿١٧﴾ وَلَا يَسْتَنُونَ ﴿١٨﴾ فَطَافَ عَلَيْهَا طَائِفٌ مِّن رَّبِّكَ وَهُمْ نَائِمُونَ ﴿١٩﴾ فَأَصْبَحَتْ كَالصَّرِيرِ ﴿٢٠﴾ فَنَادُوا مُصْبِحِينَ ﴿٢١﴾ أَنْ أَعْدُوا عَلَيَّ حَرْشَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٢﴾ فَأَنْظَلْنَا وَهُمْ يَتَخَفَتُونَ ﴿٢٣﴾ أَنْ لَا يَدْخُلَهَا الْيَوْمَ عَلَيْكُمْ مَسْكِينٌ ﴿٢٤﴾ وَعَدُوا عَلَى حَرْقٍ قَدِيرِينَ ﴿٢٥﴾ فَلَمَّا رَأَوْهَا قَالُوا إِنَّا لَصَالُونَ ﴿٢٦﴾ بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ﴿٢٧﴾ قَالَ أَوْسَطُهُمْ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ لَوْلَا تُسَبِّحُونَ ﴿٢٨﴾ قَالُوا سُبْحَانَ رَبِّنَا إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٢٩﴾ فَأَقْبَلَ بَعْضُهُمْ عَلَى بَعْضٍ يَتَلَاومُونَ ﴿٣٠﴾ قَالُوا يَكْفُرْتُمَا إِنَّا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٣١﴾ عَسَىٰ رَبِّنَا أَنْ يَبْدِلَنَا خَيْرًا مِّنْهَا إِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا رَاغِبُونَ ﴿٣٢﴾ كَذَلِكَ الْعَذَابُ وَالْعَذَابُ الْأَخْرَجُ أَكْبَرُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

﴿17﴾ Sesungguhnya Kami telah timpakan mereka dengan bala bencana, sebagaimana Kami timpakan tuan-tuan punya kebun (dari kaum yang telah lalu), ketika orang-orang itu bersumpah (bahawa) mereka akan memetik buah-buah kebun itu pada esok pagi;﴾.

﴿18﴾ Serta mereka tidak menyebut pengecualian): laitu mereka tidak berkata: In syaa Allah. Dikatakan juga bahawa mereka tidak mengecualikan bahagian orang miskin dari hasil kebun mereka sebagaimana bapa mereka melakukannya.

﴿19﴾ Maka kebun itu didatangi serta diliputi oleh bala bencana dari Tuhanmu (pada malam hari), sedang mereka semua tidur): laitu Allah menghantar api yang mengelilingi kebun mereka sehingga bertukar menjadi hitam.

﴿20﴾ Lalu menjadilah ia sebagai kebun yang telah binasa semua buahnya): Hangus tidak berbuah.

﴿21﴾ Kemudian pada pagi-pagi, mereka panggil memanggil antara satu dengan yang lain:﴾.

﴿22﴾ Pergilah pada pagi-pagi ke kebun kamu, kalau betul kamu mahu memetik buahnya): sebelum datangnya orang-orang fakir dan meminta dari kamu.

﴿23﴾ Lalu berjalanlah mereka sambil berbisik (katanya):﴾.

﴿24﴾ Pada hari ini, janganlah hendaknya seorang miskin pun masuk ke kebun itu mendapatkan kamu): supaya mereka tidak meminta kamu memberikan sebahagian hasil kepada mereka sebagaimana bapa-bapa

kamu dahulu.

﴿25﴾ **«Dan pergilah mereka pada pagi-pagi itu, dengan kepercayaan mereka berkuasa»:** mampu menguruskan kebun mereka sendirian.

﴿26﴾ **«Sebaik-baik sahaja mereka melihat kebunnya, mereka berkata: Sebenarnya kita telah sesat jalan»:** iaitu mereka berkata: Ini bukanlah kebun kita. Setelah mereka teliti dan mengenalpasti kebun mereka yang telah dihukum Allah dengan rosaknya segala hasil tanaman, mereka berkata:

﴿27﴾ **«Bahkan kita orang-orang yang dihampakan»:** iaitu Allah haramkan hasil kebun kepada kita disebabkan kezaman buruk kita sendiri untuk tidak memberi kepada fakir miskin.

﴿28﴾ **«Berkatalah orang yang bersikap adil di antara mereka»:** orang yang paling baik: **«Bukankah aku telah katakan kepada kamu»** semasa kamu hendak menghampakan orang-orang fakir miskin dari habuannya: Perbuatan ini zalim! **«Amatlah elok kiranya kamu mengingati Allah»** serta membatalkan rancangan kamu yang jahat itu?

﴿29﴾ **«Mereka berkata (dengan kesal): Maha Suci Tuhan kami! Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang berlaku zalim!»:** Sebagai mensucikan Allah dari kezaliman kerana apa yang menimpa mereka adalah dari dosa mereka menghalang orang-orang miskin.

﴿30﴾ **«Kemudian setengahnya menghadap yang lain, sambil cela-mencela».**

﴿31﴾ **«Mereka berkata: Aduhai celakanya kita! Sesungguhnya kita adalah orang-orang yang melampaui batas».**

﴿32﴾ **«Semoga Tuhan kita»** dengan sebab kita bertaubat **«menggantikan bagi kita yang lebih baik daripada (kebun yang telah binasa) itu; sesungguhnya, kepada Tuhan kita sahajalah kita berharap»** kebaikan dan keampunan.

﴿33﴾ **«Demikianlah azab seksa»:** perumpamaan azab neraka yang telah ditimpakan kepada golongan yang ingkar di dunia. **«dan sesungguhnya azab hari akhirat lebih besar lagi; kalaulah mereka mengetahui»** tetapi mereka tidak mengetahui.

إِنَّ لِّلْمُتَّقِينَ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٍ التَّعْبِيرِ ﴿٢٤﴾ أَفَجَعَلُ الْمُسْلِمِينَ كَالْمُجْرِمِينَ ﴿٢٥﴾
 مَا لَكُمْ كَيْفَ تَحْكُمُونَ ﴿٢٦﴾ أَمْ لَكُمْ كِتَابٌ فِيهِ تَدْرُسُونَ ﴿٢٧﴾ إِنَّ لَكُمْ فِيهِ لَمَا تَخَيَّرُونَ ﴿٢٨﴾
 أَمْ لَكُمْ آيَاتُنَا عَلَيْنَا بَلِغَةٌ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ إِنَّ لَكُمْ لَمَا تَحْكُمُونَ ﴿٢٩﴾
 سَلِّمُوا لَهُمْ فِي يَوْمِ فَتْرِهِمْ إِنَّ لَهُمْ شُرَكَاءَ فَلَآتُوا بِشُرَكَائِهِمْ إِنْ كَانُوا صَادِقِينَ ﴿٣٠﴾

﴿34﴾ **«Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa, disediakan bagi mereka taman-taman Syurga yang penuh nikmat, di sisi Tuhan mereka».**

﴿35﴾ **«Patutkah Kami menjadikan orang-orang Islam (yang taat), sama seperti orang-orang yang berdosa (yang kufur ingkar)?»** Para pembesar Quraisy berkata: Kalau benar apa yang didakwa Muhammad, maka keadaan kami di akhirat sama dengan keadaan di dunia, yakni kami juga masuk syurga sebagaimana dia masuk syurga. Justeru Allah menempelak mereka bahawa tidak adil menyamakan orang yang taat dengan orang

yang ingkar dan berbuat maksiat.

﴿36﴾ «Apa sudah jadi kepada akal kamu? Bagaimana kamu menetapkan hukum?»: Hukum itu pincang, seolah-olah urusan memberi balasan itu telah diserahkan kepada kamu.

﴿37﴾ «Adakah kamu mempunyai sesebuah Kitab yang kamu baca dan pelajari?» yang menyatakan orang taat sama dengan orang ingkar?

﴿38﴾ «Bahawa di dalam Kitab itu membolehkan kamu mendapat apa sahaja yang kamu pilih» di akhirat kelak?

﴿39﴾ «Atau adakah kamu mendapatakuan-akuan yang ditegaskan dengan sumpah dari Kami, yang tetap hingga hari kiamat, menentukan bahawa kamu dapat mencapai apa yang kamu putuskan?»: bahawa Allah bersumpah akan memasukkan kamu ke dalam syurga dan kamu mendapat jaminan dari-Nya, bahawa kamu yang berkuasa memutuskan hukum pada hari akhirat?

﴿40﴾ «Bertanyalah kepada mereka: Siapakah orangnya di antara mereka yang memberi jaminan?»: pertanyaan sebagai menghina dan mencela.

﴿41﴾ «Atau adakah mereka mempunyai sekutu-sekutu» bagi Allah seperti dakwaan mereka «maka hendaklah mereka membawanya, jika betul mereka orang-orang yang benar»: boleh menjadikan mereka seperti orang Islam di hari Akhirat.

يَوْمَ يَكْشَفُ عَن سَاقِي وَيَدْعَوْنَ إِلَى السُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ ﴿٣٦﴾ خَشَعَةً أَبْصَرُهُمْ
تَرَهُمْ ذُلًّا وَقَدْ كَانُوا يُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُودِ وَهُمْ سَامُونَ ﴿٣٧﴾ فَذَرْنِي وَمَنْ يُكَدِّبْ بِهِذَا
الْحَدِيثِ سَسْتَدْرِجُهُمْ مِّنْ حَيْثُ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٨﴾ وَأَعْلَى لَهُمْ إِن كِيدِي مِنِّيْنَ ﴿٣٩﴾ أَمْ
تَسْأَلُهُمْ أَجْرًا فَهُمْ مِّنْ مَّعْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴿٤٠﴾ أَمْ عِنْدَهُمُ الْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُمُونَ ﴿٤١﴾

﴿42﴾ « Pada hari didedahkan kedahsyatan huru-hara (hari kiamat) »: didedahkan betis menunjukkan kepada kedahsyatan hari Kiamat. Imam al-Bukhari meriwayatkan dari Abi Saïd al-Khudri (^{radhiyallahu}) berkata: Aku mendengar Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi} ^{wa} ^{sallam}) bersabda: “Allah (^{subhānahu} ^{wata'ālā}) mendedahkan betis-Nya maka bersujudlah kepada-Nya setiap orang yang beriman lelaki dan perempuan (para ulama salaf memahami hadis ini sebagaimana yang diucapkan oleh Nabi (^{sallallahu 'alaihi} ^{wa} ^{sallam}) dan mensabitkan ia sebagaimana yang layak bagi keagungan dan kemuliaan Allah serta tidak sama dengan mana-mana makhluk. Maha Suci Allah dari disamakan dengan makhluk-Nya -pent.), lalu tinggallah mereka yang dahulu mereka sujud kerana riya' dan suka dipuji lantas mereka pergi untuk bersujud tetapi belakang mereka menjadi keras”. «dan mereka diseru supaya sujud maka mereka tidak dapat melakukannya»; seluruh makhluk tunduk bersujud kepada Allah serentak, tinggallah orang-orang kafir dan munafiq. Mereka hendak turut bersujud tetapi tidak boleh kerana belakang mereka menjadi keras. Ini disebabkan mereka tidak beriman kepada Allah dan tidak pernah bersujud kepada-Nya di dunia.

﴿43﴾ «Sambil pandangan mereka tunduk malu, serta mereka diliputi

kehinaan): hina dan menyesal. «dan sesungguhnya mereka dahulu telahpun diseru supaya sujud» di dunia «sedang mereka dalam keadaan sihat»: iaitu mampu. Berkata Ibrahim at-Taimi: “Mereka diseru dengan azan dan iqamah tetapi mereka enggan”.

44 «Biarkanlah Aku sahaja (wahai Muhammad) dengan orang yang mendustakan keterangan al-Quran ini»: serahkan mereka kepada-Ku, jangan kamu sibuk dengan mereka. Aku akan menguruskan mereka. «Kami akan menarik mereka sedikit demi sedikit» ke jurang kebinasaan «dari arah yang mereka tidak mengetahuinya»: bahawa ia adalah istidraj. Mereka sangka mendapat nikmat tetapi mereka tidak memikirkan akibat yang akan mereka terima akhirnya nanti.

45 «Dan Aku akan melanjutkan tempoh untuk mereka;» supaya bertambah dosa mereka. «sesungguhnya rancangan sulit-Ku amatlah kuat kukuh» untuk menatuhkan golongan yang kufur ingkar itu, tiada yang terlepas daripada-Ku.

46 «Pernahkah engkau (wahai Muhammad) meminta sebarang bayaran kepada mereka» mengenai seruanmu untuk beriman kepada Allah «sehingga mereka merasa berat menanggung bayaran itu» lalu menjauhkan diri daripada menyahut seruanmu?

47 «Atau adakah di sisi mereka perkara-perkara yang ghaib lalu mereka menuliskannya» untuk mereka jadikan hujah yang digunakan untuk menentangmu?.

فَأَصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تَكُنْ كَصَاحِبِ الْحُوتِ إِذْ نَادَىٰ وَهُوَ مَكْظُومٌ ﴿٤٨﴾

لَوْلَا أَن تَدَارَكُهُ نِعْمَةٌ مِّن رَّبِّهِ لَنُبِذَ بِالْعَرَاءِ وَهُوَ مَذْمُومٌ ﴿٤٩﴾

فَاجْتَبَاهُ رَبُّهُ فَجَعَلَهُ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿٥٠﴾ وَإِن يَكَادُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَيَلْفُقُونَكَ

بِأَبْصَارِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا الذِّكْرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُ لَمَجْنُونٌ ﴿٥١﴾ وَمَا هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ ﴿٥٢﴾

48 «Maka bersabartlah (wahai Muhammad) menerima hukum Tuhanmu dan janganlah engkau marah, gopoh dan melenting seperti orang yang telah ditelan oleh ikan»: iaitu Nabi Yunus (^{alahissalam}). «(Ingatlah kisahnyanya) ketika dia berdoa merayu» sebagaimana tersebut dalam surah al-Anbiyaa, Yunus dan as-Shaafat dengan berkata: (لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ) - “Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau! Maha Suci Engkau! Sesungguhnya aku adalah termasuk di kalangan orang yang menganiaya diri sendiri”.- «dengan keadaan sesak sebak» atau terkurung dalam perut ikan.

49 «Kalaulah dia tidak didatangi nikmat pertolongan dari Tuhannya»: iaitu petunjuk untuk bertaubat dan Allah menerima taubatnya «nescaya tercampaklah dia ke tanah yang tandus»: dimuntahkan dari perut ikan di tepi pantai «dalam keadaan dia ditempelak»: dicela kerana salah silapnya dan dijauhkan dari rahmat.

50 «Selepas itu Tuhannya memilihnya, serta menjadikan dia dari orang-orang yang soleh»: yang sempurna solehnya. Dikatakan bahawa dikembalikan kepadanya kenabian kemudian Allah membantunya pada kaumnya sehingga dia diutuskan kepada seratus ribu orang lantas

kesemua mereka beriman.

﴿51﴾ Dan sesungguhnya orang-orang yang kafir itu, hampir-hampir menggelincir dan menjatuhkanmu dengan pandangan mereka yang penuh dengan permusuhan dan kebencian, semasa mereka mendengar al-Quran sambil berkata: Sebenarnya (Muhammad) itu, sungguh-sungguh orang gila.

﴿52﴾ Padahal al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi umat manusia seluruhnya.

AL-HAAQQAH (HARI KIAMAT)

الْحَاقَّةُ ﴿١﴾ مَا الْحَاقَّةُ ﴿٢﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْحَاقَّةُ ﴿٣﴾ كَذَّبَتْ ثَمُودُ وَعَادٌ بِالْقَارِعَةِ ﴿٤﴾ فَأَمَّا ثَمُودُ فَأَهْلِكُوا بِالطَّاغِيَةِ ﴿٥﴾ وَأَمَّا عَادٌ فَأَهْلِكُوا بِرِيحٍ صَرْصَرٍ عَاتِيَةٍ ﴿٦﴾ سَخَّرَهَا عَلَيْهِمْ سَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَنِيَةَ أَيَّامٍ حُسُومًا فَتَرَى الْقَوْمَ فِيهَا صَرْعَى كَأَنَّهُمْ أُجْرَزٌ بِخَالٍ خَاوِيَةٍ ﴿٧﴾ فَهَلْ تَرَى لَهُمْ مِنْ بَاقِيَةٍ ﴿٨﴾ وَجَاءَ فِرْعَوْنُ وَمَنْ قَبْلَهُ وَالْمُؤْتَفِكِثَ بِالْحَاطَةِ ﴿٩﴾ فَعَصَوْا رَسُولَ رَبِّهِمْ فَأَخَذَهُمْ آخِذَةً رَبَّيَّةً ﴿١٠﴾ إِنَّا لَمَّا طَغَا الْمَاءُ حَمَلَتُكُمُ فِي الْجَارِيَةِ ﴿١١﴾ لَنَجْعَلَنَّ لَكُمْ تَذْكَرَةً وَتَعِيَهَا أُنْ وَاعِيَةً ﴿١٢﴾

﴿1﴾ Saat yang tetap berlaku itu: iaitu hari Kiamat kerana pada hari itu terserlah segala kebenaran.

﴿2﴾ Apakah dia sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu?

﴿3﴾ Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui tentang sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu?

﴿4﴾ Kaum Thamud dan Aad telah mendustakan hari yang menggemparkan dan mengharukan itu. Dinamakan dengan hari yang menggemparkan kerana ia menggemparkan umat manusia yang tinggal pada waktu itu.

﴿5﴾ Maka adapun Thamud: kaum Nabi Soleh, maka mereka telah dibinasakan dengan teriakan yang melampau dahsyatnya.

﴿6﴾ Adapun Aad: kaum Nabi Hud, maka mereka telah dibinasakan dengan angin ribut yang kencang, yang melampau sejuknya: angin yang dahsyat, bertipu kencang, lama tempohnya dan melampau sejuk.

﴿7﴾ Yang diarahkannya menyerang mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus: tidak berhenti dan tidak bertenang, membawa batu-batu kecil dan kemudian membunuh mereka. maka engkau akan melihat kaum itu di rumah-rumah mereka bergelimpangan mati di atas tanah seolah-olah mereka batang-batang pohon kurma yang (tumbang dan) lompong.

﴿8﴾ Dengan yang demikian, dapatkah engkau melihat lagi sisa-sisa mereka yang masih hidup sama ada individu atau kumpulan.

﴿9﴾ Dan (selain dari mereka) datanglah Firaun dan orang-orang yang terdahulu daripadanya dari kalangan kaum yang kafir serta penduduk negeri-negeri yang telah ditunggang balikkan: iaitu kampung kaum Luth dengan melakukan perkara-perkara yang salah: syirik dan maksiat.

﴿10﴾ Iaitu masing-masing menderhaka kepada Rasul (yang diutuskan oleh) Tuhan mereka, lalu Allah menyeksa mereka dengan azab yang sentiasa bertambah dari azab sebelumnya iaitu Allah membalikkan

tempat tinggal mereka dan menimpakan ke atas mereka batu-batu.

﴿11﴾ «**Sesungguhnya Kami, -ketika air (banjir) melampaui hadnya**» pada ketinggian- «**telah mengangkut kamu ke dalam bahtera Nabi Nuh yang bergerak laju pelayarannya**»: iaitu di waktu itu kamu berada dalam sulbi nenek moyang kamu di atas bahtera yang berlayar menempuh ribut.

﴿12﴾ «**(Kami lakukan yang demikian) untuk Kami jadikan peristiwa itu satu pelajaran bagi kamu**» wahai ummat Muhammad iaitu pengajaran yang menunjukkan kebesaran Allah dan kudratNya serta kerasnya balasanNya. «**dan untuk didengar oleh telinga (orang-orang) yang mahu menerima pengajaran**» serta diambil ingat selepas mendengar.

﴿13﴾ وَمَحْمَلَتِ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَاحِدَةً ﴿١٤﴾
 ﴿١٥﴾ وَأَنْشَقَّتِ السَّمَاءُ فَهِيَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾ وَالْمَلَكُ عَلَى أَرْجَائِهَا
 وَيَحْمِلُ عَرْشَ رَبِّكَ فَوْقَهُمْ يَوْمَئِذٍ ثَمَنِيَّةٌ ﴿١٧﴾ يَوْمَئِذٍ تَقْرُؤُونَ لَا تَخْفَى مِنْكُمْ خَافِيَةٌ ﴿١٨﴾

﴿13﴾ «**Kemudian (ketahuilah bahawa) apabila ditiup Sangkakala dengan sekali tiup**».

﴿14﴾ «**Dan bumi serta gunung-ganang diangkat (dari tempatnya) lalu dihancurkan keduanya dengan sekali hancur**».

﴿15﴾ «**Maka pada saat itu berlakulah hari yang berlaku**»: iaitu hari Kiamat.

﴿16﴾ «**Dan terbelahlah langit, lalu menjadilah ia pada saat itu reput (dan runtuh)**» kerana terbelah dan turunnya para malaikat.

﴿17﴾ «**Sedang malaikat-malaikat (ditempatkan) mengawal segala penjurunya**» menunggu arahan Allah. Apabila diperintahkan lantas mereka turun dan memenuhi pelusuk bumi. «**dan Arasy Tuhanmu pada saat itu dipikul oleh lapan malaikat di atas (kepala) mereka**»: iaitu lapan malaikat *muqarrabin* (yang hampir).

﴿18﴾ «**Pada hari itu, kamu semua dihadapkan**» untuk hitungan amal. «**tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi (kepada Allah) dari perkara-perkara kamu yang tersembunyi**»: daripada zat, perkataan dan perbuatan walau bagaimana halus pun ia.

فَأَمَّا مَنْ أَوْتَىٰ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ ۖ فَيَقُولُ هَذَا مَا أقرءُ وَأَكْبِيَةٌ ﴿١٩﴾
 إِنِّي ظَنَنْتُ أَنِّي مُلْكٌ حَسْبَابِيَةٌ ﴿٢٠﴾ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ ﴿٢١﴾ فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿٢٢﴾
 قُطُوفُهَا دَانِيَةٌ ﴿٢٣﴾ كُلُوا وَأَشْرَبُوا هَنِيئًا بِمَا أَسْلَفْتُمْ فِي الْأَيَّامِ الْخَالِيَةِ ﴿٢٤﴾

﴿19﴾ «**Maka sesiapa yang diberikan menerima Kitab amalnya dengan tangan kanannya, maka dia akan berkata: Nah! Bacalah kamu Kitab amalku ini!**» dengan sukacitanya setelah dia mendapati di dalamnya terdapat aqidah dan amalan soleh.

﴿20﴾ «**Sesungguhnya aku telah mengetahui dengan yakin, bahawa aku akan menghadapi hitungan amalku!**»: iaitu aku yakin semasa di dunia bahawa aku akan dihitung pada hari Akhirat.

﴿21﴾ «**(Maka (dengan itu) tinggallah dia dalam kehidupan yang diredai)**»: tiada perkara yang tidak disukai.

﴿22﴾ «Di dalam Syurga yang tinggi» tempatnya; kerana ia dilangit, atau kedudukan dan darjatnya.

﴿23﴾ «Buah-buahannya dekat untuk dipetik» sama ada berdiri, duduk, atau berbaring.

﴿24﴾ (Dikatakan): Makan dan minumlah kamu makanan dan minuman sebagai nikmat yang lazat dan baik kesudahannya, dengan sebab (amal-amal soleh) yang telah kamu kerjakan pada masa yang lalu»: yakni di dunia!

وَأَمَّا مَنْ أُوْتِيَ كِتَابَهُ بِشِمَالِهِ فَيَقُولُ يَلَيَّتَنِي لَوْ أُوتِيتَنِي لَرَأَيْتُهَا كَانَتْ الْقَاضِيَةَ ﴿٢٧﴾ مَا أَعْنَى عَنِّي مَالِيَةَ ﴿٢٨﴾ هَلَاكَ عَنِّي سُلْطَانِيَةَ ﴿٢٩﴾ حُدُودُهُمْ قَعْلُوهُ ﴿٣٠﴾ تُوْتِيَ الْجَحِيمَ صَبُوهُ ﴿٣١﴾ ثُمَّ فِي سَلْسِلَةٍ ذَرْعُهَا سَبْعُونَ ذِرَاعًا فَاسْلُكُوهُ ﴿٣٢﴾ إِنَّهُ كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ ﴿٣٣﴾ وَلَا يَحْضُ عَلَىٰ طَعَامِ الْمَسْكِينِ ﴿٣٤﴾ فَلَيْسَ لَهُ الْيَوْمَ هَهُنَا حَمِيمٌ ﴿٣٥﴾ وَلَا طَعَامٌ إِلَّا مِنْ غَسِيلِينَ ﴿٣٦﴾ لَا يَأْكُلُهُ إِلَّا الْخَاطِئُونَ ﴿٣٧﴾

﴿25﴾ «Adapun orang yang diberikan menerima Kitab amalnya dengan tangan kirinya» dengan sedih dan sesalnya selepas dia melihat keburukannya. «maka dia akan berkata: “Alangkah baiknya kalau aku tidak diberikan Kitab amalku”».

﴿26﴾ «Dan aku tidak dapat mengetahui hitungan amalku».

﴿27﴾ «Alangkah baiknya kalau kematianku di dunia dahulu, menjadi kematian pemutus»: iaitu yang menamatkan kesudahanku, tidak dibangkitkan lagi; dia bercita-cita untuk terus mati dan tidak dibangkitkan setelah melihat amalannya yang buruk dan azab yang akan menyimpannya.

﴿28﴾ «Harta kekayaanku tidak dapat menolongku sedikitpun» dalam menolak azab Allah.

﴿29﴾ «Kekuasaanku, telah binasa dan hilang lenyap dariku»: iaitu hujah-hujahku telah binasa. Dikatakan juga makna kekuasaanku ialah pangkat, kedudukan dan kerajaan. Di saat itu Allah (^{subhānahu} wata'āla) mengatakan:

﴿30﴾ «Tangkaplah orang yang berdosa itu serta belengguh dia»: ikatlah tangannya di lehernya dengan belenggu.

﴿31﴾ «Kemudian bakarlah dia di dalam Neraka Jahiim».

﴿32﴾ «Selain dari itu, belitlah dia dengan rantai besi yang ukuran panjangnya tujuh puluh hasta!» Berkata Sufyaan: “Telah sampai kepada kami bahawa ia dimasukkan dari dubur sehingga keluar dari mulutnya”.

﴿33﴾ «Sesungguhnya dia dahulu tidak beriman kepada Allah Yang Maha Besar».

﴿34﴾ «Dan dia juga tidak menggalakkan (dirinya dan orang lain) memberi makanan kepada orang miskin».

﴿35﴾ «Maka pada hari ini, tidak ada baginya di sini (seorangpun dari) kaum kerabat serta sahabat handai» yang dapat menolongnya, kerana pada hari itu mereka lari dari kerabat dan sahabat handai masing-masing.

﴿36﴾ «Dan tidak ada makanan (baginya) melainkan dari air danur»: iaitu apa yang mengalir dari tubuh mereka yang berupa nanah.

﴿37﴾ «Tidak memakannya melainkan orang-orang yang melakukan perkara yang salah»: iaitu pesalah dan pendosa.

فَلَا أَقْسِمُ بِمَا تُبْصِرُونَ ﴿٣٨﴾ وَمَا لَا تَبْصِرُونَ ﴿٣٩﴾ إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿٤٠﴾ وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَاعِرٍ قَلِيلًا مَّا تُوْمَنُونَ ﴿٤١﴾ وَلَا بِقَوْلِ كَاهِنٍ قَلِيلًا مَّا تَذْكُرُونَ ﴿٤٢﴾ تَنْزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٣﴾

﴿38﴾ Maka Aku bersumpah: Demi segala (yang nyata) yang kamu melihatnya.
 ﴿39﴾ Dan segala (yang ghaib) yang kamu tidak melihatnya: Allah bersumpah dengan segala sesuatu.

﴿40﴾ Bahawa sesungguhnya Al-Quran itu benar-benar bacaan (yang disampaikan oleh) Rasul yang mulia: iaitu Nabi Muhammad (sallallahu alaihi wa sallam).
 Dikatakan juga Jibril (alaihissalam).

﴿41﴾ Dan bukanlah Al-Quran itu perkataan seorang penyair sebagaimana yang kamu dakwakan; kerana ia bukan dari kumpulan syair. Amatlah sedikit kamu beriman: iaitu kepercayaan kamu nipis.

﴿42﴾ Dan juga bukanlah Al-Quran itu perkataan seorang dukun sebagaimana yang kamu katakan. Amatlah sedikit kamu mengambil peringatan.

﴿43﴾ (Al-Quran itu) diturunkan dari Allah Tuhan sekalian alam melalui lisan rasul-Nya.

وَلَوْ نَقُولُ عَلَيْنَا بَعْضُ الْأَقَاوِيلِ ﴿٤٤﴾ لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ ﴿٤٥﴾ ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ ﴿٤٦﴾ فَمَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَاجِزِينَ ﴿٤٧﴾ وَإِنَّهُ لَتَذِكْرٌ لِّالْمُتَّقِينَ ﴿٤٨﴾ وَإِنَّا لَنَعْلَمُ أَنَّ مِنْكُمْ مُّكَدِّبِينَ ﴿٤٩﴾ وَإِنَّهُ لَحَسْرَةٌ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٥٠﴾ وَإِنَّهُ لَحَقُّ الْيَقِينِ ﴿٥١﴾ فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ ﴿٥٢﴾

﴿44﴾ Dan kalaulah yang menyampaikan Al-Quran itu mengatakan atas nama Kami secara dusta sebarang kata-kata rekaan, sama ada Nabi Muhammad atau Jibril (alaihissalam), yakni mendatangkan sesuatu dari dirinya, kemudian menyandarkannya kepada Allah.

﴿45﴾ Sudah tentu Kami akan menyentapnya, dengan kekuasaan Kami: iaitu dengan tanganNya yang kanan.

﴿46﴾ Kemudian sudah tentu Kami akan memutuskan tali jantungnya: iaitu supaya dia mati dengan serta-merta. Ini adalah gambaran kemurkaan Allah.

﴿47﴾ Maka tidak ada seorangpun di antara kamu yang dapat menghalang (tindakan Kami itu) daripada menimpanya atau menyelamatkannya dari azab Kami, lalu bagaimana mungkin dia sengaja berbohong atas nama Allah semata-mata untuk (memenuhi kehendak) kamu?

﴿48﴾ Dan sesungguhnya (Al-Quran) itu tetap menjadi peringatan bagi orang-orang yang bertakwa kerana merekalah yang mengambil manfaat dari Al-Quran.

﴿49﴾ Dan sesungguhnya Kami sedia mengetahui bahawa ada di antara kamu yang mendustakan: yakni Al-Quran, maka Kami akan membalasnya.

﴿50﴾ Dan sesungguhnya Al-Quran itu sudah tentu akan menyebabkan penyesalan bagi orang-orang yang kafir (pada hari kiamat).

﴿51﴾ Dan sesungguhnya Al-Quran itu adalah kebenaran yang diyakini; kerana ianya dari Allah dan tidak diselubungi keraguan.

﴿52﴾ Oleh itu bertasbihlah dengan memuji nama Tuhanmu Yang Maha Besar.

SURAH AL-MAARIJ (TEMPAT-TEMPAT NAIK)

سَأَلَ سَائِلٌ بِعَذَابٍ وَاقِعٍ ۝۱ لِّلْكَافِرِينَ لَيْسَ لَهُ دَافِعٌ ۝۲ مِّنَ اللَّهِ ذِي الْمَعَارِجِ ۝۳
تَعْرُجُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ ۝۴
فَأَصْبَرَ صَبْرًا جَمِيلًا ۝۵ إِنَّهُمْ يَرَوْنَهُ بَعِيدًا ۝۶ وَرَأَوْهُ قَرِيبًا

1 Seseorang telah meminta kedatangan azab yang (dijanjikan) akan berlaku. Maknanya: Seseorang telah berdoa ke atas dirinya, meminta supaya disegerakan azab. Dikatakan peminta ini ialah an-Nadhr bin al-Harith sewaktu dia berdoa: “Wahai Tuhan kami! Jika betul (Al-Quran) itu ialah yang benar dari sisiMu, maka hujanilah kami dengan batu dari langit atau datangkanlah kepada kami azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

2 Azab yang disediakan untuk orang-orang yang kafir, yang tidak ada sesiapa pun dapat menolak kedatangannya.

3 Dari Allah yang menguasai tempat-tempat turun naik: iaitu tempat naik turun malaikat. Dikatakan juga ‘al-maarij’ adalah keagungan.

4 Yang dilalui oleh malaikat-malaikat dan Jibril naik ke pusat pemerintahannya. Ar-Ruh adalah nama Jibril (‘alahissalam’). Pada satu hari yang bersamaan tempohnya lima puluh ribu tahun: iaitu hari Kiamat, yang mana tempoh manusia berhimpun untuk dihisab adalah sepanjang itu. Kemudian selepas itu barulah ahli syurga ke syurga dan ahli neraka ke neraka.

5 Maka bersabarlah, dengan cara kesabaran yang sebaik-baiknya. Jangan mengadu kepada selain Allah.

6 Sebenamya mereka memandang azab itu jauh: mustahil daripada berlaku.

7 Sedang Kami memandangnya dekat: tetap akan berlaku.

يَوْمَ تَكُونُ السَّمَاءُ كَالْمُهْلِ ۝۸ وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ ۝۹ وَلَا يَسْأَلُ حَمِيمٌ حَمِيمًا ۝۱۰

يُبْصِرُونَهُمْ يَوْمَ الْمَجْزُؤِ لَوْ يَفْتَدِي مِّنْ عَذَابٍ يَوْمِئِذٍ بِبَنِيهِ ۝۱۱

وَصَلْبَتُهُ وَأَخِيهِ ۝۱۲ وَفَصِيلَتِهِ الَّتِي تُؤَيِّبُهَا ۝۱۳ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ يُنْجِيهِ ۝۱۴

كَلَّا إِنَّهَا لَطْفٌ ۝۱۵ نَزَاعَةٌ لِّلشُّوْىِ ۝۱۶ نَدْعُوا مِنْ أَدْبُرٍ وَتَوَلَّىٰ ۝۱۷ وَجَمَعَ فَأَوْعَىٰ

8 (Iaitu) hari langit menjadi seperti tembaga cair. Dikatakan juga seperti lelehan minyak.

9 Dan gunung-ganang pula menjadi seperti bulu yang berterbangan.

10 Dan sahabat karib tidak bertanya hal sahabat karibnya; kerana ketakutan yang amat sangat.

11 Padahal masing-masing melihat setengahnya yang lain tetapi mereka tetap tidak bertanya atau bercakap kerana sibuk dengan diri masing-masing dan pada saat itu. Orang yang berdosa yang berhak masuk neraka berharap kiranya dia dapat menebus dirinya dari azab itu dengan anak-anaknya sendiri.

12 Dan isteri serta saudaranya; kerana sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang paling berharga dan paling mulia yang dimilikinya.

Justeru jika boleh, nescaya dia akan menebus dirinya dengan mereka supaya dia dapat terlepas dari azab.

13 ﴿Dan kaum kerabatnya yang melindunginya﴾, yang dahulunya selalu membantunya ketika kesusahan.

14 ﴿Dan juga sekalian makhluk yang ada di bumi﴾: jin dan manusia serta makhluk-makhluk yang lain, kalaulah boleh dan dia berharap mereka itu dapat dijadikan tebusan ﴿kemudian tebusan itu dapat menyelamatkannya﴾ dari azab neraka Jahannam.

15 ﴿Tidak sekali-kali! Sesungguhnya ia adalah Neraka Lazha﴾: nama neraka; yang tetap menjulang-julang apinya.

16 ﴿(Membakar serta) mencabut kulit ubun-ubun﴾: iaitu kulit kepala.

17 ﴿Neraka itu juga memanggil dan menarik orang yang membelakangi serta berpaling﴾ dari kebenaran ketika di dunia.

18 ﴿Dan yang mengumpulkan harta kekayaan lalu menyimpannya﴾ dengan tidak membelanjakannya di jalan Allah.

إِنَّ الْإِنْسَانَ خَلِيقٌ هَلُوعًا ۖ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ۖ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَوْعًا ۗ ۝۱۳
 الْمُصَلِّينَ ۗ الَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ۗ وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ ۖ لِلسَّائِلِ
 وَالْمَحْرُومِ ۖ وَالَّذِينَ يُصَدِّقُونَ بِيَوْمِ الدِّينِ ۗ وَالَّذِينَ هُمْ مِنَ عَذَابِ رَبِّهِمْ مُشْفِقُونَ ۗ ۝۱۴
 إِنَّ عَذَابَ رَبِّهِمْ غَيْرُ مَأْمُونٍ ۗ وَالَّذِينَ هُمْ لِقُرُوبِهِمْ حَافِظُونَ ۗ إِلَّا عَلَىٰ أَرْوَامِهِمْ
 أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ۗ فَمَنْ أَتَّبَعِيَ ۗ وَرَأَىٰ ذَلِكَ فَالُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ۗ ۝۱۵
 وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ۗ وَالَّذِينَ هُمْ بِشَهَادَاتِهِمْ قَائِمُونَ ۗ ۝۱۶
 وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ۗ ۝۱۷ ۖ أُولَئِكَ فِي جَنَّاتٍ مُّكْرَمِينَ ۗ ۝۱۸

19 ﴿Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah﴾: sangat tamak dan gelisah.

20 ﴿Apabila dia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah﴾; seperti fakir, sakit atau seumpamanya.

21 ﴿Dan apabila dia beroleh kesenangan, dia sangat bakhil kedekut﴾; seperti kekayaan dan keluasan harta.

22 ﴿Kecuali orang-orang yang mengerjakan sembahyang﴾: mereka tidak akan bersifat gelisah dan kedekut.

23 ﴿Iaitu mereka yang tetap mengerjakan sembahyangnya﴾: walau apapun kesibukan, mereka tetap solat pada waktunya.

24 ﴿Dan mereka pada harta-hartanya, terdapat hak yang termaklum﴾: iaitu zakat. Dikatakan juga: silaturrahim.

25 ﴿Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)﴾; seperti dalam surah az-Zaariyaat.

26 ﴿Dan mereka yang percayakan hari pembalasan﴾: iaitu hari kiamat; mereka tidak meragui dan mengingkarinya.

27 ﴿Dan mereka yang cemas takut daripada ditimpa azab Tuhannya﴾ walaupun mereka beramal taat.

﴿28﴾ Kerana sesungguhnya azab Tuhan mereka, tidak patut (bagi seseorangpun) merasa aman terhadapnya: memang sepatutnya setiap orang merasa takut kepadanya.

﴿29﴾ Dan mereka yang menjaga kehormatannya.

﴿30﴾ Kecuali kepada isterinya atau kepada hambanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela; seperti dalam surah Mukminun.

﴿31﴾ Kemudian sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas.

﴿32﴾ Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.

﴿33﴾ Dan mereka yang memberikan keterangan dengan benar lagi adil semasa mereka menjadi saksi sama ada kepada orang yang terdekat, jauh, berpangkat tinggi atau rendah; mereka tidak menyembunyikan atau mengubah kebenaran.

﴿34﴾ Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya; yakni: tidak mencuaikannya serta tidak melakukan perkara yang membatalkannya serta menghilangkan pahalanya.

﴿35﴾ Mereka (yang demikian sifatnya) ditempatkan di dalam Syurga dengan diberikan penghormatan: tetap di dalamnya, dimuliakan dengan pelbagai bentuk penghormatan.

فَالَّذِينَ كَفَرُوا قَبْلَكَ مُهْطِعِينَ ﴿٣٥﴾ عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ عِزِينَ ﴿٣٦﴾ اِطْمَعُ كُلُّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ أَنْ يُخَلَّ جَنَّةً يَغِيبُ ﴿٣٧﴾ كَلَّا إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِّمَّا يَعْمَلُونَ ﴿٣٨﴾ فَلَا أُقْسِمُ بِرَبِّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ إِنَّا لَقَادِرُونَ ﴿٣٩﴾ عَلَى أَنْ نُبَدِّلَ خَيْرًا مِنْهُمْ وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوقِينَ ﴿٤٠﴾ فَذَرَهُمْ يَحْوِضُوا وَيَلْعَبُونَ حَتَّىٰ يَلْقَوُا يَوْمَهُمُ الَّذِي بُوْعِدُوا ﴿٤١﴾ يَوْمَ يَخْرُجُونَ مِنَ الْأَجْدَاثِ سِرَاعًا كَأَنَّهُمْ إِلَىٰ نُصَبٍ يُّفُضُونَ ﴿٤٢﴾ خَشَعَةً أَبْصَرُهُمْ تَرَهِقُهُمْ ذِلَّةٌ ذَلِكِ الْيَوْمِ الَّذِي كَانُوا يُوعَدُونَ ﴿٤٣﴾

﴿36﴾ Maka apakah yang menyebabkan orang-orang kafir, yang menentangmu (wahai Muhammad) datang berkejaran ke sisimu untuk mendustakan dan mempersendakanmu? Dikatakan makna 'muhtthi`in': mereka memanjangkan leher dan tetap memandang kepadamu.

﴿37﴾ (Sambil mereka) berkumpul berpuak-puak di sebelah kanan dan di sebelah kirimu).

﴿38﴾ Patutkah tiap-tiap seorang dari mereka berharap supaya dimasukkan ke dalam Syurga yang penuh nikmat (sedang dia tidak beriman)?

﴿39﴾ Tidak sekali-kali! Mereka tidak akan dapat memasukinya. Sesungguhnya Kami telah menciptakan mereka dari apa yang mereka sedia mengetahuinya: laitu dari setitis air mani yang hina, justeru atas alasan apakah mereka sombong? Imam Ahmad, Ibnu Majah dan Ibnu Saad meriwayatkan bahawa Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) membacakan ayat 36 sampai kepada ayat ini kemudian baginda meludah di atas tapak tangannya lantas meletakkan jari telunjuk di atasnya seraya berkata: "Allah berfirman: (Wahai) anak Adam, bagaimana kamu nak mengalahkan Aku sedangkan Aku menciptakan kamu dari sesuatu seperti ini".

﴿40﴾ Maka Aku bersumpah dengan (kebesaranKu) Tuhan yang menguasai tempat-tempat terbit dan tempat-tempat terbenamnya bagi setiap hari sepanjang tahun ﴿sesungguhnya Kami berkuasa﴾.

﴿41﴾ Menggantikan mereka dengan makhluk-makhluk yang lebih baik dari mereka: lebih taat kepada Allah berbanding mereka yang ingkar dan Kami binasakan mereka itu, dan Kami tidak sekali-kali dapat dikalahkan atau dilemahkan apabila Kami berkehendak melakukannya.

﴿42﴾ Oleh itu, biarkanlah mereka (wahai Muhammad) tenggelam dalam kesesatannya dan leka bermain-main dalam dunianya. Lakukanlah apa yang engkau diperintahkan melakukannya dan janganlah engkau merasa besar keadaan mereka itu; kerana tiadalah bagi kamu selain menyampaikan sehingga mereka menemui hari yang dijanjikan kepada mereka (untuk menerima balasan)! : iaitu hari Kiamat.

﴿43﴾ Iaitu hari mereka keluar dari kubur masing-masing dengan segera seakan-akan mereka berkejaran kepada sesuatu tanda atau bendera.

﴿44﴾ Sambil pandangan mereka tunduk memikirkan azab yang akan menimpa serta mereka diliputi kehinaan; itulah hari yang telah dijanjikan kepada mereka.

SURAH NUH (NUH)

إِنَّا أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ أَنْ أَنْذِرْ قَوْمَكَ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١﴾
 قَالَ يَاقَوْمِ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٢﴾ أَنْ أَعْبُدُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا وَأَطِيعُونَ ﴿٣﴾ يَعْفِرْ لَكُمْ
 مِنْ ذُنُوبِكُمْ وَيُخَذِّبْكُمْ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى إِنَّ أَجَلَ اللَّهِ إِذَا جَاءَ لَا يُؤَخَّرُ لَوْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤﴾

﴿1﴾ Sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya: Nabi Nuh adalah rasul pertama yang diutuskan. Tempoh dakwahnya pada kaumnya ialah 950 tahun sebagaimana diterangkan dalam surah al-Ankabut. Lalu Kami berfirman kepadanya: Berikanlah peringatan dan amaran kepada kaummu sebelum mereka didatangi azab yang tidak terperi sakitnya: iaitu azab neraka atau banjir taufan yang menimpa mereka.

﴿2﴾ Dia pun (menyeru mereka dengan) berkata: Wahai kaumku! Sesungguhnya aku ini diutus kepada kamu, sebagai pemberi ingatan dan amaran yang nyata.

﴿3﴾ Iaitu sembahlah kamu akan Allah dan bertakwalah kepadaNya, serta taatlah kamu kepadaku.

﴿4﴾ Supaya Allah mengampunkan bagi kamu sebahagian dari dosa-dosa kamu: iaitu dosa yang kamu lakukan sebelum taat kepada Rasul dan menyahut seruannya. dan memberi kamu hidup hingga ke suatu masa yang tertentu: iaitu menangguhkan kematian kamu sehingga kepada ajal yang ditakdirkan. Maksudnya: Allah memanjangkan usia umatmu dan menjadikan mereka pengurus bumi ini selagi mana mereka taat. Sesungguhnya ajal (yang telah ditetapkan) Allah, apabila sampai masanya (sedangkan kamu masih kufur), tidak dapat ditangguhkan; ia pasti berlaku, maka bersegeralah beriman dan beramal. kalaulah kamu mengetahui hakikat ini

bahawa ajal pasti berlaku tiada yang dapat menghalang.

قَالَ رَبِّ إِنِّي دَعَوْتُ قَوْمِي لَيْلًا وَنَهَارًا ﴿٥﴾ فَلَمْ يَرُدُّهُمْ دُعَايَ إِلَّا فِرَارًا ﴿٦﴾ وَإِنِّي كُلَّمَا
دَعَوْتُهُمْ لَتَعْفِرَنَّهُمْ جَعَلُوا أَصْبَعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ وَأَسْتَعْسَوْا ثِيَابَهُمْ وَأَصْرَبُوا
وَأَسْتَكْبَرُوا أَسْتَكْبَارًا ﴿٧﴾ ثُمَّ إِنِّي دَعَوْتُهُمْ جِهَارًا ﴿٨﴾ ثُمَّ إِنِّي أَعْلَنْتُ لَهُمْ وَأَسْرَرْتُ
لَهُمْ إِسْرَارًا ﴿٩﴾ فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ عَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلُ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ
مِدْرَارًا ﴿١١﴾ وَتُغْدِذُكُمْ بِأَمْوَالٍ غَنِيٍّ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٢﴾
مَا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٣﴾ وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾ أَلَمْ تَرَوْا كَيْفَ خَلَقَ اللَّهُ سَبْعَ
سَمَوَاتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾ وَجَعَلَ الْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ الشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾
وَاللَّهُ أَنْبَتَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ نَبَاتًا ﴿١٧﴾ ثُمَّ يُعِيدُكُمْ فِيهَا وَيُخْرِجُكُمْ إِخْرَاجًا ﴿١٨﴾
وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ بِسَاطًا ﴿١٩﴾ لَتَسْلُكُوا مِنْهَا سُبُلًا فِجَاجًا ﴿٢٠﴾

﴿5﴾ Nabi Nuh berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menyeru kaumku siang dan malam supaya mereka beriman.

﴿6﴾ Tetapi seruanmu itu tidak menambah (keimanan) mereka, malah mereka semakin lari dari dakwahmu dan semakin menjauh.

﴿7﴾ Dan sesungguhnya aku, tiap-tiap kali menyeru mereka (beriman) supaya Engkau mengampunkan dosa-dosa mereka: yakni aku menyeru mereka kepada sebab-sebab keampunan iaitu beriman kepada Allah dan taat padaNya. mereka menyumbatkan telinga mereka dengan jari masing-masing supaya tidak mendengar suaraku. dan berselubung dengan pakaian mereka supaya mereka tidak melihat dan mendengarku. serta berdegil: terus dengan kekufuran. dan berlaku sombong dari menerima kebenaran dengan kesombongan yang melampau.

﴿8﴾ Kemudian aku telah menyeru mereka dengan terang-terang: yakni menzahirkan dakwah.

﴿9﴾ Selain dari itu, aku (berulang-ulang) menyeru mereka secara beramai-ramai dengan berterus-terang dan menyeru mereka lagi secara diam-diam seorang demi seorang, dengan bermacam-macam cara. Dikatakan makna dakwah secara berseorangan ialah Nabi Nuh mendatangi rumah mereka dan berdakwah kepada mereka.

﴿10﴾ Sehingga aku berkata (kepada mereka): Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun.

﴿11﴾ (Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu. Dalam ayat ini terdapat dalil bahawa istighfar adalah di antara sebab diturunkan hujan dan dimurahkan rezeki.

﴿12﴾ Dan Dia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).

﴿13﴾ Mengapa kamu berkeadaan tidak menghargai kebesaran Allah (dan kekuasaanNya).

﴿14﴾ **Padahal sesungguhnya Dia telah menciptakan kamu dengan kejadian yang berperingkat-peringkat?﴾**: iaitu dari mani, kemudian darah, kemudian daging dan kemudian sempurna kejadian sebagaimana yang Allah nyatakan dalam surah al-Mukminun. Lalu dia lahir sebagai bayi, kemudian kanak-kanak, remaja dan akhirnya orang tua.

﴿15﴾ **Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah telah menciptakan tujuh petala langit bertingkat-tingkat?﴾**.

﴿16﴾ **Dan Dia menjadikan padanya﴾**: iaitu langit dunia **﴿bulan sebagai cahaya﴾** yang menerangi bumi tanpa rasa panas **﴿serta menjadikan matahari sebagai lampu﴾** untuk penduduk bumi.

﴿17﴾ **Dan Allah telah menumbuhkan kamu dari bumi﴾**: yakni Nabi Adam dijadikan dari tanah bumi, kemudian anak cucunya membesar dengan hasil bumi yang terdapat pada tumbuhan dan haiwan **﴿dengan pertumbuhan yang sungguh-sungguh sempurna﴾**.

﴿18﴾ **Kemudian Dia mengembalikan kamu ke dalam bumi﴾** sesudah mati kemudian hancur dan kembali menjadi tanah **﴿dan mengeluarkan kamu daripadanya﴾**: dibangkitkan pada hari kiamat **﴿dengan pengeluaran yang sungguh-sungguhnya?﴾**: sekaligus; bukan beransur-ansur seperti kehidupan yang pertama.

﴿19﴾ **Dan Allah telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan﴾**.

﴿20﴾ **Supaya kamu melalui jalan-jalan yang luas padanya﴾**.

قَالَ نُوحٌ رَبِّ إِنَّهُمْ عَصَوْنِي وَاتَّبَعُوا مِنْ لَدُنْهُمْ مَالَهُمْ وَوَلَدَهُمْ إِلَّا خَسَارًا ﴿٢١﴾
 وَمَكْرُؤًا مَكْرًا كَبِيرًا ﴿٢٢﴾ وَقَالُوا لَا تَنْدَرْنَ آءِالِهَتِكُمْ وَلَا تَنْدَرْنَ وِدَاً وَلَا سِوَاعَا وَلَا يَغُوتَ
 وَيَعُوقَ وَتَسْرًا ﴿٢٣﴾ وَقَدْ أَضَلُّوْا كَثِيْرًا وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِيْنَ إِلَّا ضَلَالًا

﴿21﴾ **Nabi Nuh (merayu lagi dengan) berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya, mereka telah menderhaka kepadaku dan mereka telah menurut orang yang harta bendanya dan anak-pinaknya﴾**: iaitu orang-orang kecil mengikut pemimpin mereka dan orang-orang berharta. **﴿tidak menambahinya melainkan kerugian﴾**: kesesatan di dunia dan hukuman di akhirat kelak.

﴿22﴾ **Dan mereka telah menjalankan tipu daya dengan merancang rancangan yang amat besar jahatnya﴾**: iaitu mereka menghasut orang bawahan agar membunuh Nabi Nuh.

﴿23﴾ **Dan mereka berkata:﴾**: iaitu berkata ketua mereka menghasut pengikutnya agar mengingkari Nabi Nuh. **﴿Jangan kamu meninggalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kamu﴾**: iaitu berhala dan gambar-gambar yang berasal daripada mereka, yang kemudiannya disembah oleh orang arab **﴿terutama (penyembahan) Wadd, Suwaa', Yaghuth, Ya'uuq, dan Nasr﴾**. Ini adalah nama orang-orang soleh di antara Nabi Adam dan Nuh. Pada awalnya mereka meletakkan gambar-gambar mereka di rumah ibadat. Kemudian datang generasi selepas mereka lalu syaitan berkata kepada mereka: Sesungguhnya orang-orang sebelum kamu menyembah gambar-gambar ini maka sembahlah oleh kamu akan

mereka. Maka bermulalah penyembahan mereka terhadap patung pada waktu itu sehingga sampailah berhala-berhala itu ke semenanjung Arab, lalu sebahagian kabilah Arab menyembahnya.

﴿24﴾ Dan sesungguhnya ketua-ketua itu telah menyesatkan ramai orang dari kalangan manusia. Dikatakan juga yang menyesatkan ialah berhala. ﴿dan janganlah Engkau (wahai Tuhanku) menambahi orang-orang yang zalim itu melainkan kesesatan jua﴾ dan kerugian.

مِمَّا حَطَّيْتَهُمْ أَغْرَقُوا فَأَدْحَلُوا نَارًا فَلَمْ يَجِدُوا لَهُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْصَارًا ﴿٢٤﴾
 وَقَالَ نُوحٌ رَبِّ لَا تَذَرْنِي عَلَى الْأَرْضِ مِنَ الْكَافِرِينَ دَيَّارًا ﴿٢٥﴾ إِنَّكَ إِن تَذَرْنَاهُمْ يَضِلُّوا
 عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوا إِلَّا فَاجِرًا كَفَّارًا ﴿٢٦﴾ رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْتِي
 مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِينَ إِلَّا تَبَارًا

﴿25﴾ Disebabkan dosa-dosa dan kesalahan mereka, mereka ditenggelamkan: iaitu lemas dengan banjir dan taufan. ﴿kemudian (pada hari akhirat) dimasukkan ke dalam neraka﴾: dikatakan juga azab kubur. ﴿maka mereka tidak akan beroleh sebarang penolong yang lain dari Allah﴾.

﴿26﴾ Dan Nabi Nuh (merayu lagi dengan) berkata: "Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan seorangpun dari orang-orang kafir itu hidup di atas muka bumi!": apabila Nabi Nuh sudah putus asa berdakwah kepada mereka dan diwahyukan kepadanya bahawa tidak akan ada lagi dari kaummu yang akan beriman, Nabi Nuh mendoakan ke atas mereka, lantaus Allah ^(subhānahu wata'āla) mengabulkan dan menenggelamkan mereka.

﴿27﴾ Kerana sesungguhnya jika Engkau biarkan mereka (hidup), nescaya mereka akan menyesatkan hamba-hambaMu dari jalan kebenaran. ﴿dan mereka tidak akan melahirkan anak melainkan yang berbuat dosa﴾ dengan meninggalkan ketaatan kepadaMu. ﴿lagi kufur ingkar﴾ terhadap nikmatMu.

﴿28﴾ Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua ibu bapakku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan (di segala zaman); dan janganlah Engkau tambahi orang-orang yang zalim melainkan kebinasaan! Doa Nabi Nuh ini mengenai semua orang yang zalim sampai hari Kiamat.

SURAH AL-JINN (JIN)

قُلْ أَوْحَىٰ إِلَيَّ إِلَٰهِي أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ الْجِنِّ فَقَالُوا إِنَّا سَمِعْنَا قُرْآنًا عَجَبًا ﴿١﴾ يَهْدِي إِلَى
 الرُّشْدِ فَآمَنَّا بِهِ وَلَنْ نُشْرِكَ بِرَبِّنَا أَحَدًا ﴿٢﴾ وَأَنَّهُ تَعَالَىٰ جَدُّ رَبِّنَا مَا اتَّخَذَ صَاحِبَةً وَلَا
 وَلَدًا ﴿٣﴾ وَأَنَّهُ كَانَ يَقُولُ سَفِيهُنَا عَلَى اللَّهِ شَطَطًا ﴿٤﴾ وَأَنَا ظَنَنَّا أَن لَّنْ نَقُولَ الْإِنسِ
 وَالْجِنِّ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا ﴿٥﴾ وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا
 ﴿٦﴾ وَأَنَّهُمْ ظَنُّوا كَمَا ظَنَنْتُمْ أَن لَّنْ يَبْعَثَ اللَّهُ أَحَدًا ﴿٧﴾

﴿1﴾ Katakanlah (wahai Muhammad): Telah diwahyukan kepadaku,

bahawa sesungguhnya» Allah telah mewahyukan kepadaku melalui Jibril (‘alaihis salam). «Satu rombongan jin telah mendengar» Al-Quran yang aku bacakan. Dikatakan surah yang sedang Nabi (sallallahu ‘alaihi wa sallam) bacakan ketika itu ialah: (أَفْرَأَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ) - “Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan”. Allah (subhanahu wata’ala) tidak mengutuskan rasul dari kalangan mereka, malah semua rasul adalah dari kalangan manusia. «lalu mereka berkata (kepada kaum mereka setelah kembali kepadanya): Sesungguhnya kami telah mendengar bacaan yang sungguh menakjubkan!» pada kefasihan dan kedalaman maknanya. Dikatakan juga: pada nasihatnya atau keberkatannya.

2 «Kitab yang memberi panduan ke jalan yang betul, lalu kami beriman kepadanya, dan kami tidak sekali-kali akan mempersekutukan sesuatu makhluk dengan Tuhan kami».

3 «Dan bahawa sesungguhnya: Tertinggilah kebesaran dan keagungan Tuhan kita daripada beristeri atau beranak».

4 «Dan (dengan ajaran Al-Quran, nyatalah) bahawa sesungguhnya: (Ketua) yang kurang akal pertimbangannya dari kalangan kita telah mengatakan terhadap Allah kata-kata yang melampaui kebenaran»: jin mengingkari perkataan jin-jin kafir dan jahil tentang pendustaan mereka terhadap Allah bahawa Allah beristeri dan beranak.

5 «Dan bahawa sesungguhnya dahulu kita menyangka bahawa manusia dan jin tidak sekali-kali akan berani mengatakan sesuatu yang dusta terhadap Allah»: iaitu pada ketika mereka mengatakan Allah (subhanahu wata’ala) memiliki isteri dan anak, lalu kita mempercayainya.

6 «Dan bahawa sesungguhnya dahulu ada beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta perlindungan kepada golongan jin»: Dikatakan bahawa orang Arab dahulu apabila singgah bermalam di satu lembah, mereka berkata: Aku berlindung dengan ketua lembah ini dari keburukan kaumnya yang bodoh. Lalu dia bermalam dengan perlindungan ketua jin sampai ke pagi. «kerana dengan permintaan itu para jin menambahkan bagi mereka kebodohan dan kejahatan» atau kelemahan dan ketakutan.

7 «Dan bahawa sesungguhnya dahulu manusia yang kafir menyangka sebagaimana yang kamu sangka (wahai para jin), bahawa Allah tidak sekali-kali akan membangkitkan sesiapaupun (selepas mati)».

وَأَنَّا لَمَسْنَا السَّمَاءَ فَوَجَدْنَا فِيهَا رَبًّا لَطِيفًا بِمَا نَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ وَإِنَّا لَكُنَّا بِآيَاتِهِ لَمُنْذِرِينَ ﴿٨﴾ وَأَنَّا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَاعِدَ لِلسَّمْعِ فَمَنْ يَسْتَمِعِ الْآنَ يَجِدْ لَهُ سَهَابًا مَّوْجِدًا ﴿٩﴾ وَأَنَّا لَا نَدْرِي أَشَرٌّ أُرِيدَ بِمَنْ فِي الْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ رَبُّهُمْ رَشَدًا ﴿١٠﴾ وَأَنَّا مِنَّا الصَّالِحُونَ وَمِمَّا دُونَ ذَلِكَ كُنَّا طَرَائِقَ قِدَدًا ﴿١١﴾ وَأَنَّا ظَنَنَّا أَنْ لَنْ نُعْجِزَ اللَّهَ فِي الْأَرْضِ وَلَنْ نُعْجِزَهُ هَرَبًا ﴿١٢﴾ وَأَنَّا لَمَّا سَمِعْنَا الْهُدَىٰ ءَامَنَّا بِهِ ۗ فَمِنْ يُؤْمِنُ بِرَبِّهِ ۗ فَلَا يَخَافُ بَخْسًا وَلَا رَهَقًا ﴿١٣﴾ وَأَنَّا مِنَّا الْمُسْلِمُونَ وَمِمَّا الْقَاسِطُونَ فَمَنْ أَسْلَمَ فَأُولَٰئِكَ تَحَرَّوْا رَشَدًا ﴿١٤﴾

وَأَمَّا الْفَالِطُونَ فَكَانُوا لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾ وَالْوَالَسَقَمُومُ عَلَى الطَّرِيقَةِ لَأَسْقِيَهُمْ مَاءً
عَدَا ﴿١٦﴾ لِنَفْسِهِمْ فِيهِ وَمَنْ يُعْرِضْ عَنْ ذِكْرِ رَبِّهِ يَسْلُكْهُ عَذَابًا صَعَدًا

﴿8﴾ Dan bahawa sesungguhnya kami telah berusaha mencari berita langit sebagaimana kebiasaan kami «lalu kami dapati langit itu penuh dengan pengawal-pengawal yang sangat kuat kawalannya»: iaitu malaikat menjaga langit dari dicuri dengar. «dan dengan rejaman-rejaman api yang menyala»: iaitu bintang-bintang. Ia berlaku selepas Nabi (ﷺ) diutus sebagai rasul.

﴿9﴾ Padahal sesungguhnya dahulu kami biasa menduduki tempat-tempat (perhentian) di langit untuk mendengar: iaitu mendengar dari malaikat tentang berita-berita langit lalu kami khabarkan kepada para dukun. «maka sekarang sesiapa yang cuba mendengar, akan mendapati api yang menyala, yang menunggu untuk merejamnya».

﴿10﴾ Dan bahawa sesungguhnya kami tidak mengetahui adakah (dengan adanya kawalan langit yang demikian) hendak menimpakan bala bencana kepada penduduk bumi, atau pun Tuhan mereka hendak melimpahkan kebaikan kepada mereka? Berkata Ibn Zaid: “Iblis berkata: Kami tidak tahu apakah yang Allah kehendaki dengan larangan ini, sama ada kerana menurunkan azab atau mengutuskan rasul”.

﴿11﴾ Dan bahawa sesungguhnya ada di antara kita golongan yang baik keadaannya (setelah mendengar al-Quran) yang menyeru kepada beriman dengan Nabi Muhammad (ﷺ) «dan ada di antara kita yang lain dari itu»: iaitu tidak beriman. «kita masing-masing adalah menurut jalan dan cara yang berlainan» yakni: kumpulan dan kelompok yang pelbagai serta keinginan yang jelas berbeza. Berkata Said: “Mereka juga ada yang Islam, Yahudi, Nasrani dan Majusi”.

﴿12﴾ Dan bahawa sesungguhnya kita (sekarang) mengetahui, bahawa kita tidak sekali-kali akan dapat melepaskan diri dari balasan Allah di bumi (walau di mana sahaja kita berada) dan kita juga tidak sekali-kali akan dapat melarikan diri dari balasanNya (walau ke langit sekalipun).

﴿13﴾ Dan bahawa sesungguhnya kami, ketika mendengar petunjuk (Al-Quran), kami beriman kepadanya; kerana sesiapa yang beriman kepada Tuhannya, maka tidaklah dia akan merasa takut dikurangkan (pahala), juga tidak akan dizalimi».

﴿14﴾ Dan bahawa sesungguhnya ada di antara kita golongan yang beragama Islam dan ada pula golongan yang zalim dengan menyeleweng dari jalan yang benar. «maka sesiapa yang menurut Islam (dengan beriman dan taat), maka merekalah golongan yang menuju ke jalan yang benar»: bersungguh-sungguh mencari sehingga dipertemukan dengannya.

﴿15﴾ Adapun orang-orang yang menyeleweng dari jalan yang benar, maka mereka menjadi bahan bakaran bagi Neraka Jahannam sebagaimana manusia yang kufur juga dibakar.

﴿16﴾ Dan bahawa sesungguhnya! Nabi Muhammad (ﷺ) diwahyukan menerangkan lagi «Kalaulah mereka (manusia dan jin) itu

berjalan betul di atas jalan ini (Islam), sudah tentu Kami akan memberi mereka minum air yang banyak».

﴿17﴾ «Untuk Kami menguji mereka» lalu terbukti bagaimanakah mereka bersyukur terhadap nikmat-nikmat tersebut. «dan (ingatlah), sesiapa yang berpaling dari mengingati Tuhannya»: iaitu **sesiapa berpaling dari Al-Quran atau pesanannya**, «maka Tuhan akan memasukkannya ke dalam azab yang sangat sukar dan getir».

وَأَنَّ الْمَسْجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾ وَأَنَّهُ لَمَّا قَامَ عَبْدُ اللَّهِ يَدْعُوهُ كَادُوا يَكُونُونَ عَلَيْهِ لِيَدًا ﴿١٩﴾ قُلْ إِنَّمَا أَدْعُوا رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِهِ أَحَدًا ﴿٢٠﴾ قُلْ إِنِّي لَا أَمْلِكُ لَكُمْ صِرًا وَلَا رَشْدًا ﴿٢١﴾ قُلْ إِنِّي لَنْ يُجِيرَنِي مِنَ اللَّهِ أَحَدٌ وَلَنْ أَجِدَ مِنْ دُونِهِ مُلْتَحَدًا ﴿٢٢﴾ إِلَّا بَلَاغًا مِنَ اللَّهِ وَرِسَالَاتِهِ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَإِنَّ لَهُ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدًا فِيهَا أَبَدًا ﴿٢٣﴾ حَتَّىٰ إِذَا رَأَوْا مَا يُوعَدُونَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ أَضَعَفَ نَاصِرًا وَأَقَلَّ عَدَدًا ﴿٢٤﴾

﴿18﴾ «Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk Allah semata-mata»: iaitu untuk beribadah kepada Allah bukan untuk berhala «maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapa pun bersama-sama Allah». Jangan kamu minta pertolongan dari seseorang atau sesuatu dari makhlukNya pada perkara yang tidak dapat melakukannya melainkan Allah; kerana sesungguhnya doa itu adalah ibadah.

﴿19﴾ «Dan bahawa sesungguhnya, ketika hamba Allah berdiri»: iaitu Nabi Muhammad (ﷺ) «mengerjakan ibadat kepadaNya» di tengah kebun kurma «merekah hampir-hampir menindih satu sama lain mengerumuninya»: Para jin bersesak-sesak mengerumuni baginda untuk mendengar bacaan Al-Quran.

﴿20﴾ «Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya aku hanyalah beribadat kepada Tuhanku semata-mata dan aku tidak mempersekutukanNya dengan sesiapa pun”».

﴿21﴾ «Katakanlah lagi: “Sesungguhnya aku tidak berkuasa mendatangkan sebarang mudarat dan tidak juga berkuasa mendatangkan sebarang kebaikan bagi kamu»: sama ada dalam urusan dunia mahupun agama.

﴿22﴾ «Katakanlah lagi: “Sesungguhnya aku, tidak sekali-kali akan dapat diberi perlindungan oleh sesiapa pun dari (azab) Allah dan aku tidak sekali-kali akan mendapat tempat perlindungan selain daripadaNya».

﴿23﴾ «Aku hanya menyampaikan (wahyu) dari Allah dan perintah-perintahNya» juga beramal dengannya; yang mana jika aku melakukannya aku akan selamat, jika tidak binasalah aku. «dan sesiapa yang menderhaka kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya disediakan baginya Neraka Jahannam; kekallah mereka di dalamnya selama-lamanya.».

﴿24﴾ «Sehingga apabila mereka»: iaitu orang-orang kafir «melihat (azab) yang dijanjikan kepada mereka, maka (pada saat itu) mereka akan mengetahui siapakah orangnya yang lemah penolong-penolongnya dan sedikit jumlah bilangannya»; apakah mereka atau orang mukmin?

قُلْ إِنْ أَدْرَىٰ أَقْرَبُ مَا تُوعَدُونَ أَمْ يَجْعَلُ لَهُ رَبِّي أَمَدًا ﴿٢٥﴾
 عَلَيْهِمُ الْعَذَابُ فَلَا يُظْهِرُ عَلَىٰ غَيْبِهِ أَحَدًا ﴿٢٦﴾ إِلَّا مَن أَرَادَ مِن رَّسُولِ فَإِنَّهُ
 يَسْلُكُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ رَصَدًا ﴿٢٧﴾ لِيَعْلَمَ أَن قَدِ ابْلَغُوا رِسَالَاتِ رَبِّهِمْ
 وَأَحَاطَ بِمَا لَدَيْهِمْ وَأَحْصَىٰ كُلَّ شَيْءٍ عَدَدًا ﴿٢٨﴾

﴿25﴾ Katakanlah: “Aku tidak mengetahui sama ada (azab) yang dijanjikan kepada kamu itu sudah dekat atau Tuhanku menentukan bagi kedatangannya satu tempoh yang lanjut”. Tiada yang mengetahui bila masa berlaku kiamat melainkan Allah.

﴿26﴾ Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Dia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahuinya itu kepada sesiapa pun).

﴿27﴾ Melainkan kepada mana-mana Rasul yang di redhaiNya: iaitu Allah mewahyukan kepada mereka beberapa perkara ghaib sebagai mukjizat yang membenarkan mereka. Tidak termasuk mereka yang diredhai: tukang tilik, tukang nujum yang mencampak batu, menilik tapak tangan, menggunakan burung dan sebagainya, malah mereka itu kufur dengan Allah, dan berdusta ke atasNya dengan menggunakan firasat, agakan dan penipuannya. ﴿Dia mengadakan di hadapan dan di belakang Rasul itu, malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasnya﴾ sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada rasul dan tidak dicuri oleh para sayitan lalu memberikannya kepada tukang tilik.

﴿28﴾ Supaya Dia mengetahui bahawa sesungguhnya (dengan jagaan mereka) Rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka (dengan sempurna) agar dipersaksikan perkara tersebut sepertimana ia diketahui secara ghaib, ﴿padahal Dia memang mengetahui dengan meliputi segala keadaan yang ada pada mereka﴾ yakni: pada pengawasan Malaikat, atau pada para Rasul yang menyampaikan perutusan-perutusanNya. ﴿serta Dia menghitung tiap-tiap sesuatu satu persatu﴾.

SURAH AL-MUZZAMMIL (ORANG YANG BERSELIMUT)

بَيِّنَاتٍ الْمُرْتَلِّ ﴿١﴾ فَرَّ الْبَلَّ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ بَصَفَهُ أَوْ أَنْصَصَ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْزَدَ عَلَيْهِ وَرَزَلِ
 الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾ إِنَّا سَأَلْنَا عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا ﴿٥﴾ إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْأًا وَأَوْقُمُ
 قِيْلًا ﴿٦﴾ إِنَّ لَكَ فِي النَّهَارِ سَبْحًا طَوِيلًا ﴿٧﴾ وَادْكُرْ اسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَتَبَّلًا ﴿٨﴾
 رَبِّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَاتَّخِذْهُ وَكِيلًا ﴿٩﴾

﴿1﴾ Wahai orang yang berselimut! Ayat ini ditujukan kepada Nabi (ﷺ) di mana baginda berselimut ketakutan apabila Jibril (ﷺ) mendatangnya dengan wahyu buat pertama kali. Apabila Nabi (ﷺ) mendengar suara Jibril (ﷺ) dan melihat kepadanya, baginda pulang kepada Khadijah r.ha dan berkata: Selimutkan aku! Selimutkan aku! Kemudian baginda (ﷺ) dilantik menjadi nabi dan

rasul lalu menjadi biasa dengan Jibril (^{'alaihisalam}).

﴿2﴾ Bangunlah sembahyang pada waktu malam, selain dari sedikit masa﴾.

﴿3﴾ Iaitu separuh dari waktu malam atau kurangkan sedikit dari separuh itu﴾.

﴿4﴾ Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya﴾: Seolah-olah Allah (^{subhānahu wata'ālā})

berkata: “Bangunlah dua pertiga, atau separuh, atau satu pertiga malam”. Imam Ahmad dan Muslim meriwayatkan dari Saad bin Hisham, dia berkata: Aku bertanya ‘Aisyah r.ha tentang qiam Rasulullah (^{ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam})

Lalu beliau menjawab: “Tidakkah kamu membaca surah Al-Muzzammil? Aku menjawab: Ya. Beliau berkata: Sesungguhnya Allah mewajibkan qiamullail pada permulaan surah ini. Maka Rasulullah (^{ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam})

berqiamullail bersama para sahabat selama setahun sehingga bengkak kaki mereka. Allah menahan akhir surah ini dan tidak diturunkan selama 12 bulan. Kemudian Allah menurunkan keringanan perintahNya di akhir surah ini, maka jadilah ia sebagai sunat. ﴿dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil"﴾: Adapun bacaan tartil adalah bacaan perlahan tidak laju sehingga jelas setiap hurufnya, dan dapat dihayati maknanya.

﴿5﴾ Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu yang berat﴾: iaitu Al-Quran yang berat kefarduannya dan sempadannya; halal dan haramnya; tidak mampu menanggungnya melainkan hati yang dikuatkan dengan taufiq dan jiwa yang dihiasi dengan tauhid.

﴿6﴾ Sebenarnya sembahyang dan ibadat malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa)﴾ kerana ia lebih berat untuk dilakukan berbanding solat siang; kerana malam adalah waktu tidur ﴿dan lebih tetap betul bacaannya﴾; kerana hati lebih khusyuk dengan suara yang tenang di tengah malam yang sunyi.

﴿7﴾ Kerana sesungguhnya engkau pada siang hari mempunyai urusan-urusan yang panjang kira bicaranya﴾ maka solatlah di malam hari.

﴿8﴾ Dan sebutlah akan nama Tuhanmu, serta tumpukanlah (amal ibadatmu) kepadaNya dengan sebulat-bulat tumpuan﴾ dan mengharapkan pahala dari sisiNya.

﴿9﴾ Dialah Tuhan yang menguasai timur dan barat, tiada Tuhan melainkan Dia, maka jadikanlah Dia Penjaga﴾ yang menyempurnakan urusanmu, dan bergantunglah sepenuhnya kepadaNya.

وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَأْتُونَ وَأَهْجُرْهُمْ هَجْرًا جَمِيلًا ﴿١١﴾ وَذَرْنِي وَالْمُكَذِّبِينَ أُولِي النَّعْمَةِ
وَمَهْلَهُمْ قَلِيلًا ﴿١٢﴾ إِنَّ لَدَيْنَا أَنْكَالًا وَجَحِيمًا ﴿١٣﴾ وَطَعَامًا ذَا غُصَّةٍ وَعَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٤﴾
يَوْمَ تَرْجُفُ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ وَكَانَتِ الْجِبَالُ كَثِيبًا مَّهِيلًا ﴿١٥﴾ إِنَّا أَرْسَلْنَا إِلَيْكُمْ رَسُولًا شَاهِدًا
عَلَيْكُمْ كَمَا أَرْسَلْنَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ رَسُولًا ﴿١٦﴾ فَعَصَىٰ فِرْعَوْنُ الرَّسُولَ فَأَخَذْنَاهُ أَخْذًا وَبِيلًا ﴿١٧﴾
فَكَيْفَ تَتَّقُونَ إِن كَفَرْتُمْ يَوْمًا يَجْعَلُ الْوِلْدَانَ شِيبًا ﴿١٨﴾
السَّمَاءُ مُنْقَطِرَةٌ بِئِهِ كَانَ وَعْدُهُ مَفْعُولًا ﴿١٩﴾

﴿10﴾ Dan bersabarlah terhadap apa yang dikatakan oleh mereka﴾ dari ejekan, celaan dan pendustaan. Janglah engkau bersedih kerananya.

﴿dan jauhkanlah dirimu dari mereka dengan cara yang baik﴾: Jangan mendedahkan diri dan jangan sibuk membalas perbuatan mereka. Perintah ini sebelum datangnya perintah jihad.

﴿Dan biarkanlah Aku sahaja membalas orang-orang yang mendustakan itu﴾: Aku akan menguruskan mereka dan membalas ﴿orang-orang yang berada dalam kenikmatan﴾: kekayaan, keluasan dan kemewahan serta kelazatan dunia. ﴿dan berilah tempoh kepada mereka sedikit masa﴾ sehingga sampainya ajal mereka atau sampai ditimpakan bencana ke atas mereka.

﴿Kerana sesungguhnya di sisi Kami disediakan (untuk mereka) belunggu-belunggu dan Neraka yang menjulang-julang﴾.

﴿Serta makanan yang menjadikan pemakannya tercekik﴾: tidak masuk ke dalam perut dan tidak keluar. ﴿dan azab seksa yang tidak terperi sakitnya﴾.

﴿Pada hari bumi dan gunung-ganang bergoncang kuat (serta hancur lebur)﴾: bergerak dan menggoncang orang yang berada di atasnya. ﴿dan menjadilah gunung-ganang itu timbunan pasir yang mudah bersepah﴾; disebabkan kuatnya goncangan tersebut.

﴿Sesungguhnya Kami telah mengutus kepada kamu (wahai umat Muhammad), seorang Rasul yang menjadi saksi terhadap kamu﴾: terhadap amalan-amalan (pengingkaran) kamu pada hari kiamat ﴿sebagaimana Kami telah mengutus kepada Firaun seorang Rasul﴾ Yakni: Musa (^{‘alaihissalam}).

﴿Maka Firaun menderhaka kepada Rasul itu﴾: mendustakan dan tidak beriman dengannya ﴿lalu Kami menyeksakannya dengan azab seksa yang seberat-beratnya﴾.

﴿Maka bagaimana kamu dapat menjaga﴾ dan menyelamatkan diri kamu ﴿kalau kamu tetap kufur ingkar (dari azab) hari yang huru-harunya menyebabkan kanak-kanak menjadi tua beruban?﴾: sehingga anak kecil yang hitam rambutnya bertukar menjadi uban kerana ketakutan yang amat sangat.

﴿Langit akan pecah terbelah pada hari itu﴾: pecah kerana kedahsyatan, terbelah kerana turunnya para malaikat. ﴿(Ingatlah), janji Allah adalah perkara yang tetap dilakukannya﴾: Pasti berlaku.

إِنَّ هَذِهِ تَذَكُّرَةٌ فَمَنْ شَاءَ اتَّخَذَ إِلَىٰ رَبِّهِ سَبِيلًا ﴿١٨﴾ إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقُومُ أَدْنَىٰ مِن
ثُلُثِي اللَّيْلِ وَاصْفَهُ وَنُفِثَهُ وَطَافَيْفَهُ مِنَ الَّذِينَ مَعَكَ وَاللَّهُ يَقْدِرُ اللَّيْلَ وَالتَّهَارَ عَلَيْهِمَ أَنْ لَنْ
تُحْصَوْهُ فَتَابَ عَلَيْهِمْ فَأَفْزَعُوا وَ مَا تَبَسَّرُوا مِنَ الْقُرْآنِ عَلِيمًا أَنْ سَيَكُونُ مِنْكُمْ مَرْجِيٌّ وَءَاخِرُونَ
بَصُرُوبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِن فَضْلِ اللَّهِ وَءَاخِرُونَ يَقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَأَفْزَعُوا وَ مَا
تَبَسَّرُوا مِنَ الصَّلَاةِ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ وَأَقْرَضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا وَمَا تَقْدِمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ
تَّجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ وَأَعْظَمُ أَجْرًا وَاسْتَغْفِرُوا لِلَّهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

﴿Sesungguhnya ini﴾: ayat-ayat yang tersebut. ﴿adalah peringatan!﴾: pesanan buat orang yang beriman. ﴿Oleh itu sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya dapatlah dia mengambil jalan yang membawa kepada

(keredaan) Tuhannya di syurga, yakni: jalan ketaatan, tauhid dan segala amalan soleh.

﴿20﴾ Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) mengetahui bahawasanya engkau bangun bertahajjud selama kurang dari dua pertiga malam, satu perduanya dan selama satu pertiganya; kerana hendak menepati perintah yang terdahulu. «dan (demikian juga dilakukan oleh) segolongan dari orang-orang yang bersama-samamu; padahal Allah jualah yang menentukan dengan tepat kadar masa malam dan siang. Dia mengetahui bahawa kamu tidak sekali-kali akan dapat mengira dengan tepat kadar masa itu». Dikatakan juga bahawa kamu tidak mampu mendirikan malam. «lalu Dia menarik balik perintahNya yang terdahulu kepada kamu» dengan memberi kemudahan untuk meninggalkan qiamullail dan mengampunkan kalau kamu tidak mampu. «Oleh itu bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat membacanya dari Al-Quran» tanpa mengira waktu. Ayat ini memansuhkan kewajipan berqiamullail ke atas umat ini. «Dia juga mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit» lalu tidak mampu berqiamullail. «dan yang lainnya orang-orang yang bermusafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah»; kerana perniagaan dan mencari keuntungan. «dan yang lainnya lagi orang-orang yang berjuang pada jalan Allah»: berjihad membela agamanya. Dalam ayat ini Allah menyatakan tiga sebab yang diberikan keringanan dari qiamullail dan kemudahan bagi hambaNya yang uzur. «Maka bacalah mana-mana yang sudah kamu dapat membacanya dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang» fardhu. «serta berikanlah zakat dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik» dengan menafkahi keluarga dan infaq pada jihad dan zakat wajib. «dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu dahulukan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya», berbanding kamu tangguhkan kebaikan itu ke saat kematian atau kamu mewasiatkan agar dikeluarkan setelah kamu mati. «dan mintalah ampun kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani».

SURAH AL-MUDDATTHIR (ORANG YANG BERSELIMUT)

Berkata para ulama tafsir: Apabila mula diturunkan wahyu kepada Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) dan Jibril ('alaihissalam) mendatangnya, baginda (sallallahu 'alaihi wa sallam) melihat Jibril ('alaihissalam) di atas singgahsana di antara langit dan bumi seperti cahaya yang bersinar. Lantas baginda (sallallahu 'alaihi wa sallam) berasa takut dan jatuh pingsan. Apabila tersedar, baginda (sallallahu 'alaihi wa sallam) pulang ke pangkuan Khadijah lalu memintai air kemudian disiram dan berkata: Selimutkan aku! Selimutkan aku! Kemudian baginda (sallallahu 'alaihi wa sallam) pun diselimutkan.

يَا أَيُّهَا الْمَدِينُ ﴿١﴾ قُمْ فَأَنْذِرْ ﴿٢﴾ وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ ﴿٣﴾ وَشِيبَاكَ فَطَهِّرْ ﴿٤﴾ وَالرُّجْزَ فَاهْجُرْ ﴿٥﴾
وَلَا تَمَنَّ تَسْتَكْبِرُ ﴿٦﴾ وَلِرَبِّكَ فَاصْبِرْ ﴿٧﴾ فَإِذَا نَفَرَ فِي الْتَأْوِيرِ ﴿٨﴾

فَذَلِكَ يَوْمَئِذٍ يَوْمٌ عَسِيرٌ ﴿٩﴾ عَلَى الْكَافِرِينَ وَعَبرٌ يَسِيرٌ ﴿١٠﴾

﴿1﴾ **Wahai orang yang berselimum!** dengan pakaianya.
 ﴿2﴾ **Bangunlah serta berilah peringatan dan amaran** kepada penduduk Mekah, sekiranya mereka tidak beriman.

﴿3﴾ **Dan Tuhanmu, maka ucaplah dan ingatlah kebesarannya!** Yakni: mengkhususkan ‘*takbir*’ (membesarkan) hanya kepada Tuan, Raja dan Pengelok urusanmu (Allah ^(subhānahu wata'āla)); iaitu dengan menyifatkannya dengan sifat sombong dan kemegahan. Sesungguhnya Allah Maha Besar dari disekutukan dengan sesuatu.

﴿4﴾ **Dan pakaianmu, maka hendaklah engkau bersihkan** dan jagalah ia dari terkena najis. Kata Qatadah rah: “Bersihkan jiwamu dari dosa”.

﴿5﴾ **Dan segala kejahatan, maka hendaklah engkau jauhi**: iaitu tinggalkan menyembah berhala dan patung sembah; kerana ia mendatangkan azab.

﴿6﴾ **Dan janganlah engkau memberi (sesuatu, dengan tujuan hendak) mendapat lebih banyak daripadanya**. Janganlah engkau mengungkit-ungkit dengan Tuhanmu atas apa yang engkau tanggung daripada beban kenabian seperti orang yang merasakan dia telah melakukan sesuatu yang besar apabila dia menanggung beban orang lain. Dikatakan juga maknanya: **Apabila engkau memberi kepada seseorang suatu pemberian, maka berilah ia kerana Allah dan janganlah engkau mengungkit pemberianmu di hadapan manusia.**

﴿7﴾ **Dan kerana Tuhanmu, maka hendaklah engkau bersabar** terhadap tentangan musuh dari Arab dan bukan Arab!

﴿8﴾ **Kerana apabila telah ditiup sangkakala**. Maknanya: Bersabarlah di atas kejahatan mereka; kerana kiamat sudah semakin hampir di mana mereka akan mendapati balasan perbuatan mereka.

﴿9﴾ **Maka saat yang demikian adalah saat (berlakunya) hari yang sukar**.

﴿10﴾ **Kepada orang-orang kafir, lagi tidak mudah** mengelak azabnya.

ذَرْنِي وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ﴿١١﴾ وَجَعَلْتُ لَهُ مَالًا مَمْدُودًا ﴿١٢﴾ وَبَيْنَ يَدَيْهِ شُهُودًا ﴿١٣﴾ وَمَهَّدْتُ لَهُ تَمْهِيدًا ﴿١٤﴾ ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ ﴿١٥﴾ كَلَّا إِنَّهُ كَانَ لِآيَاتِنَا عِينِدًا ﴿١٦﴾ سَاءَ رِهْقُهُ صَعُودًا ﴿١٧﴾ إِنَّهُ فَكَّرَ وَفَدَّرَ ﴿١٨﴾ فَقَتَلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾ ثُمَّ قَاتَلَ كَيْفَ فَدَّرَ ﴿٢٠﴾ ثُمَّ نَظَرَ ﴿٢١﴾ ثُمَّ عَبَسَ وَبَسَرَ ﴿٢٢﴾ ثُمَّ أَدْبَرَ وَاسْتَكْبَرَ ﴿٢٣﴾ فَقَالَ إِن هَذَا إِلَّا سِحْرٌ يُؤْتَرُ ﴿٢٤﴾ إِنْ هَذَا إِلَّا قَوْلُ الْبَشَرِ ﴿٢٥﴾ سَأَصْلِيهِ سَقَرٌ ﴿٢٦﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا سَقَرٌ ﴿٢٧﴾ لَا تُبْقِي وَلَا تَذَرُ ﴿٢٨﴾ لَوَاحِئُ اللَّبْرِ ﴿٢٩﴾ عَلَيْهَا نِسْعَةُ عَشْرِ ﴿٣٠﴾

﴿11﴾ **Biarkanlah Aku sahaja membalas orang (yang menentangmu) yang Aku ciptakan dia (dalam keadaan) bersendirian** sewaktu dalam perut ibu; tiada baginya harta mahupun anak. Dikatakan juga: tinggalkan Aku bersendirian dengannya dan Aku akan membalasnya. Ahli tafsir mengatakan: dia adalah Al-Walid bin Mughirah.

﴿12﴾ **Dan Aku jadikan baginya harta kekayaan yang banyak**.

﴿13﴾ **Serta anak pinak (yang ramai), yang sentiasa ada di sisinya** di Mekkah; kerana dengan kekayaannya, anak-pinaknya tidak perlu

berjauhan bermusafir mencari rezeki.

﴿14﴾ **«Dan Aku mudahkan baginya dengan semudah-mudahnya»**: laitu mendapat kesenangan hidup, panjang umur dan kekuasaan dalam kaum Quraisy.

﴿15﴾ **«Kemudian dia ingin sangat, supaya Aku tambah lagi»**.

﴿16﴾ **«Tidak sekali-kali!»**: tidak akan ditambahi! **«Kerana sesungguhnya dia menentang dengan degilnya akan ayat-ayat Kami»**: Al-Quran, yang disampaikan oleh Rasul Kami.

﴿17﴾ **«Aku akan menyeksanya (dengan azab) yang memuncak beratnya»**.

﴿18﴾ **«Kerana sesungguhnya dia telah memikirkan dan mereka-reka»** pelbagai tuduhan terhadap Nabi (^{sallallahu 'alaihi}wa ^{sallam}), maka Allah (^{subhanahu}wata'ala) mencelanya.

﴿19﴾ **«Maka binasalah dia hendaknya! Bagaimanakah dia berani mereka-reka yang demikian?»**.

﴿20﴾ **«Sekali lagi, binasalah dia hendaknya! Bagaimana dia berani mereka-reka»** tuduhan-tuduhan itu?

﴿21﴾ **«Kemudian dia merenung dan memikirkan berkali-kali»** jalan-jalan untuk menolak dan mencela Al-Quran.

﴿22﴾ **«Setelah itu dia memasamkan mukanya serta dia bertambah masam berkerut»** apabila dia gagal mencela Al-Quran.

﴿23﴾ **«Kemudian dia berpaling dan berlaku sombong»**.

﴿24﴾ **«Serta dia berkata: (Al-Quran) ini tidak lain hanyalah sihir yang dituntut serta dipelajari»** Muhammad daripada orang lain.

﴿25﴾ **«Ini tidak lain hanyalah kata-kata (rekaan) manusia!»**: Bukan kalam Allah!

﴿26﴾ **«Aku akan masukkan dia ke dalam Neraka Saqar»**.

﴿27﴾ **«Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan Neraka Saqar itu?»**.

﴿28﴾ **«Ia membakar mangsanya dengan tidak meninggalkan sisa dan tidak membiarkannya»** binasa terus.

﴿29﴾ **«Ia diperlihatkan kepada manusia dengan jelas»**. Dikatakan juga: ia merubah wajah-wajah mereka sehingga menjadi hitam.

﴿30﴾ **«Pengawal dan penjaganya ada sembilan belas»** malaikat penjaga. Dikatakan juga ada 19 jenis atau kumpulan malaikat.

وَمَا جَعَلْنَا أَصْحَابَ النَّارِ إِلَّا مَلَائِكَةً وَمَا جَعَلْنَا عَدَّتَهُمْ إِلَّا فِتْنَةً لِلَّذِينَ كَفَرُوا لِيَسْتَيْقِنَ
الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَيَزِدَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِيمَانًا وَلَا يَرْتَابَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْمُؤْمِنُونَ
وَلِيَقُولَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ وَالْكَافِرُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا كَذَلِكَ يُضِلُّ اللَّهُ
مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَمَا يَعْلَمُ جُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ وَمَا هِيَ إِلَّا ذِكْرَى لِلْبَشَرِ ﴿٣١﴾
كَلَّا وَالْقَمَرَ ﴿٣٢﴾ وَاللَّيْلَ إِذْ أَدْبَرَ ﴿٣٣﴾ وَالصُّبْحَ إِذَا أَصْفَرَ ﴿٣٤﴾ إِنَّهَا لَإِحْدَى الْكُبَرِ ﴿٣٥﴾
نَذِيرًا لِلْبَشَرِ ﴿٣٦﴾ لِمَنْ شَاءَ مِنْكُمْ أَنْ يَتَقَدَّمَ أَوْ يَتَأَخَّرَ ﴿٣٧﴾

﴿31﴾ Apabila turun ayat sebelumnya, berkatalah Abu Jahal: “Tidak adakah bagi Muhammad penolong melainkan 19? Nanti setiap seratus orang akan berpakat menyalahkan satu malaikat dan keluar dari neraka! Maka Allah pun menurunkan ayat ini. **«Dan Kami tidak menjadikan pengawal-pengawal**

Neraka itu melainkan (dari kalangan) malaikat; kerana merekalah sekuat-kuat dan sebenar-benar makhluk yang menjalankan perintah Kami lalu siapakah yang dapat mengalahkan mereka? «dan Kami tidak menerangkan bilangan mereka melainkan sebagai satu ujian yang menyebabkan kesesatan orang-orang kafir itu». Sehingga apabila mereka mendustakannya maka bertambahlah azab bagi mereka lantaran kemurkaan Allah terhadap mereka. «supaya orang-orang yang diberi Kitab (Yahudi dan Nasrani) boleh percaya dengan yakin» akan kebenaran Al-Quran; kerana bilangan itu sama dengan bilangan di dalam kitab mereka. «dan supaya orang-orang yang beriman bertambah imannya,» apabila melihat persamaan itu. «dan juga supaya orang-orang yang diberi Kitab dan orang-orang yang beriman itu tidak ragu-ragu (tentang kebenaran keterangan itu), dan (sebaliknya) supaya orang-orang (munafik) yang ada penyakit dalam hatinya dan orang-orang kafir berkata: Apakah yang di maksudkan oleh Allah dengan menyebutkan bilangan ganjil ini sebagai suatu perumpamaan? Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya dan memberi hidayat petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan tiada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dialah sahaja.» Yakni: pembantu dan tentera kepada Penjaga Neraka yang terdiri daripada malaikat juga. «Dan (ingatlah, segala yang diterangkan berkenaan dengan) Neraka itu dan penjaganya tidak lain hanyalah menjadi peringatan bagi manusia.» supaya manusia mengetahui kesempurnaan kuasa Allah bahawa Dia tidak perlu kepada pembantu dan penyokong.

﴿32﴾ **Sebenarnya! Demi bulan.**

﴿33﴾ **Dan malam apabila ia balik melenyapkan diri.**

﴿34﴾ **Dan waktu subuh apabila ia terang-benderang.**

﴿35﴾ **Sesungguhnya Neraka Saqar itu adalah salah satu (malapetaka) yang amat besar.** Dikatakan juga: yang dimaksudkan dengan malapetaka itu ialah pendustaan mereka terhadap Nabi (*sallallahu 'alaihi wa sallam*)

﴿36﴾ **Yang menjadi amaran bagi umat manusia.**

﴿37﴾ **(Iaitu) bagi sesiapa di antara kamu yang mahu maju dengan keimanan atau yang mahu mundur dengan kekufuran.**

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٣٨﴾ إِلَّا أَصْحَابَ الْيَمِينِ ﴿٣٩﴾ فِي جَنَّاتٍ بِتَسَاءُلُونَ ﴿٤٠﴾ عَنِ الْمُجْرِمِينَ ﴿٤١﴾ مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾ وَلَمْ نَكُ نَطْعُمُ الْمَسْكِينِ ﴿٤٤﴾ وَكُنَّا نَحُوضُ مَعَ الْخَائِضِينَ ﴿٤٥﴾ وَكُنَّا نَكْذِبُ يَوْمَ الدِّينِ ﴿٤٦﴾ حَتَّىٰ آتَانَا الْيَقِينَ ﴿٤٧﴾ فَمَا تَفْعَلُهُمْ شَفَعَةُ الشَّفِيعِينَ ﴿٤٨﴾ فَمَا لَهُمْ عَنِ التَّذْكَرَةِ مُعْرِضِينَ ﴿٤٩﴾ كَانَتْهُمْ حُمْرٌ مُّسْتَنْفِرَةٌ ﴿٥٠﴾ فَرَّتْ مِنْ قَسْوَرَةٍ ﴿٥١﴾ بَلْ يُرِيدُ كُلُّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ أَنْ يُؤْتَىٰ صُحُفًا مُّنتَشَرَةً ﴿٥٢﴾ كَلَّا بَلْ لَا يَخَافُونَ الْآخِرَةَ ﴿٥٣﴾ كَلَّا إِنَّهُ تَذَكَّرٌ ﴿٥٤﴾ فَهِنَ شَاءَ ذَكَرُهُ ﴿٥٥﴾ وَمَا يَذْكُرُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ هُوَ أَهْلُ التَّقْوَىٰ وَأَهْلُ الْمَعْرِفَةِ

﴿38﴾ **Tiap-tiap diri terikat dan tergadai dengan apa yang dikerjakannya sama ada ia menyelamatkannya atau membinasakannya.**

﴿39﴾ **«Kecuali puak kanan»**: iaitu orang Mukmin, mereka dibebaskan disebabkan amalan baik mereka.

﴿40﴾ **«Dalam Syurga (yang penuh nikmat), mereka bertanya-tanya»**.

﴿41﴾ **«Tentang (tempat tinggal) orang-orang yang bersalah»**.

﴿42﴾ Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata: **«Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (Neraka) Saqar?»**.

﴿43﴾ **«Orang-orang yang bersalah itu menjawab: Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang»**.

﴿44﴾ **«Dan kami tidak pernah memberi makan orang-orang miskin»**.

﴿45﴾ **«Dan kami dahulu selalu mengambil bahagian»: memperkatakan perkara yang salah «bersama-sama orang-orang yang memperkatakannya»**.

﴿46﴾ **«Dan kami sentiasa mendustakan hari pembalasan»**.

﴿47﴾ **«Sehinggalah kami didatangi oleh perkara yang tetap diyakini»**: iaitu kematian.

﴿48﴾ **«Maka tidak akan berguna kepada mereka sebarang syafaat pertolongan kalaulah ditakdirkan ada «sesiapa yang boleh memberikan syafaat itu»**.

﴿49﴾ **«Maka mengapa mereka berpaling lari dari peringatan?»**: Apakah yang menyebabkan mereka berpaling meninggalkan Al-Quran yang mengandungi peringatan dan nasihat yang sangat besar?

﴿50﴾ **«Seolah-olah mereka sekawan keldai liar yang lari»**.

﴿51﴾ **«Melarikan diri (ketakutan) dari pemanah yang memananya!»** atau singa yang menerkam memburu mereka.

﴿52﴾ **«Bahkan tiap-tiap seorang di antaranya mahu supaya diberi kepadanya lembaran surat yang terbuka»**. Berkata ulama tafsir: Sesungguhnya orang kafir Quraisy berkata kepada Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam): “Hendaklah setiap orang dari kami mendapati di kepalanya satu kitab dari Allah yang menyatakan bahawa kamu adalah Rasulullah”.

﴿53﴾ **«Bahkan! sebenarnya mereka (tidak percaya dan) tidak takut akan hari akhirat»**.

﴿54﴾ **«Ketahuilah! Sesungguhnya Al-Quran itu adalah satu peringatan yang sangat besar pengajarannya»**.

﴿55﴾ **«Oleh itu sesiapa yang mahu (beringat) dapatlah dia mengambil peringatan daripadanya»**.

﴿56﴾ **«Dan (dalam pada itu) tiadalah mereka dapat beringat melainkan jika Allah berkehendak»** memberi hidayah petunjuk. **«Dialah Tuhan yang berhak ditakuti»**: yakni dipatuhi perintahNya dan ditinggalkan laranganNya. **«dan Dialah jua yang berhak memberi keampunan»** kepada orang-orang yang beriman apabila mereka berdosa.

SURAH AL-QIYAMAH (HARI KIAMAT)

لَا أَسْأَلُكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۙ وَلَا أَسْأَلُكُمْ بِالنَّفْسِ الْوَالِمَةِ ۙ ۱ ﴿١﴾ أَيْحَسِبَ الْإِنْسَانُ أَنْ يَجْمَعَ عِظَامَهُ ۚ ۲ ﴿٢﴾ بَلَىٰ قَدِيرِينَ عَلَيْنَا أَنْ نُسَوِّيَ بَنَانَهُ ۚ ۳ ﴿٣﴾ بَلَىٰ يُرِيدُ الْإِنْسَانُ لِيَفْجُرَ أَمَامَهُ ۚ ۴ ﴿٤﴾ يَسْأَلُ أَيَّانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ ۵ ﴿٥﴾ فَإِذَا بَرِقَ الْبَصَرُ ۚ ۶ ﴿٦﴾ وَخَسَفَ الْقَمَرُ ۚ ۷ ﴿٧﴾ وَجُمِعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ ۚ ۸ ﴿٨﴾ يَقُولُ

الْإِنْسَانُ يَوْمَئِذٍ أَيْنَ الْمَقَرُّ ﴿١٠﴾ كَلَّا لَا وَزَرَ ﴿١١﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمُسْتَقَرُّ ﴿١٢﴾ يَتَّبِعُوا الْإِنْسَانَ
يَوْمَئِذٍ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾ بَلِ الْإِنْسَانُ عَلَىٰ نَفْسِهِ بَصِيرَةٌ ﴿١٤﴾ وَلَوْ أَلْقَىٰ مَعَاذِرَهُ ﴿١٥﴾

1 «Aku bersumpah dengan hari kiamat»: Allah (^{subhānahu} wata'ālā) bersumpah dengan hari Kiamat menunjukkan kebesaran dan keagunganNya. Allah boleh bersumpah dengan mana-mana makhlukNya.

2 «Dan Aku bersumpah dengan "Nafsul Lawwaamah"»: iaitu jiwa orang mukmin yang selalu mencela dirinya di atas apa yang berlaku dan menyesal kenapa dia melakukan keburukan dan tidak memperbanyakkan kebaikan. Berkata Muqatil: "Ia adalah jiwa orang kafir yang mencela dirinya atas apa yang dia abaikan dari perintah Allah". Atau kedua-duanya mencela diri masing-masing apabila dihidupkan kembali untuk dihitung dan dibalas.

3 «Patutkah manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan tulang-tulangnyanya» selepas ia menjadi debu dan menghidupkannya semula? Sungguh ianya sangkaan yang batil.

4 «(Bukan sebagaimana yang disangka itu), bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya segala) jarinya». Yakni: menjadikannya hanya seketul tulang, tetapi Allah (^{subhānahu} wata'ālā) mengurniakan kita jari-jari halus yang mempunyai sendi, kuku, urat dan tulang yang sangat teliti. Dikatakan juga: ia suatu perhatian daripada Allah (^{subhānahu} wata'ālā) bahawa jari-jari manusia itu mempunyai cap jari yang berbeza-beza, sedangkan Allah (^{subhānahu} wata'ālā) boleh menjadikan ia sama.

5 «Bahkan manusia (yang ingkar) sentiasa suka hendak meneruskan perbuatan jahat di (masa) depannya» sehingga dia bersegera dengan dosa dan menanggukhan taubat. Dia ingin melakukan maksiat sepanjang hayatnya dan lupa kepada kematian.

6 «Dia bertanya» secara mengejek: «Bilakah datangnya hari kiamat itu?».

7 «Maka (jawabnya: Hari kiamat akan datang) apabila mata terbeliak»; kerana gerun takutkan mati atau kebangkitan.

8 «Dan bulan hilang cahayanya» secara keseluruhan dan tidak kembali seperti gerhana.

9 «Dan matahari serta bulan dihimpunkan bersama», maka tiada lagi pergantian malam dan siang.

10 «Pada hari itu, berkatalah manusia: Ke manakah hendak melarikan diri?» dari perhitungan Allah dan azabNya.

11 «Tak usahlah bertanya demikian! Tidak ada lagi tempat perlindungan!»: tiada bukit, kubu atau tempat berlindung yang menyelamatkan pada hari itu.

12 «Pada hari itu, kepada Tuhanmulah sahaja terserahnya ketetapan segala perkara»: iaitu tempat kembali.

13 «Pada hari itu, manusia diberitahu akan apa yang dia telah lakukan dan apa yang dia telah tinggalkan».

14 «Bahkan manusia itu, (anggotanya) menjadi saksi terhadap dirinya sendiri»: mengenali hakikat dirinya dari keimanan atau kekufuran;

ketaatan atau maksiat; lurus atau menyimpang. Bahkan anggota badannya menjadi saksi ke atasnya.

﴿15﴾ **Walaupun dia memberikan alasan-alasannya** untuk membela diri, namun ia tidak bermanfaat kerana saksi-saksi membantah alasannya.

لَا تُحْرِكُ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ﴿١٦﴾ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُمْ وَفُرْقَانَهُ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأْتَ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ﴿١٨﴾ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ﴿١٩﴾ كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ ﴿٢٠﴾ وَتَذَرُونَ الْآخِرَةَ ﴿٢١﴾ وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ نَاضِرَةٌ ﴿٢٢﴾ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاطِرَةٌ ﴿٢٣﴾ وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ بَاسِرَةٌ ﴿٢٤﴾ تَظُنُّ أَنْ يُفْعَلَ بِهَا فَاقِرَةٌ ﴿٢٥﴾

﴿16﴾ **Janganlah engkau (wahai Muhammad) menggerakkan lidahmu membaca al-Quran yang diturunkan kepadamu**: Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi} _{wa} ^{sallam}) menggerakkan lidah dan bibirnya untuk membaca Al-Quran yang diturunkan kepadanya sebelum selesai dibacakan oleh Jibril (^{'alaihissalam}). kerana hendak segera menghafaznya. Maka turunlah ayat ini supaya baginda tidak gopoh dalam menerima wahyu kerana takut lupa.

﴿17﴾ **Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu** dalam dadamu agar kamu tidak lupa **dan menetapkan bacaannya** pada lidahmu dengan bacaan yang betul.

﴿18﴾ **Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya** kepadamu dengan perantaraan Jibril **maka bacalah menurut bacaannya itu** setelah engkau mendengar dengan teliti.

﴿19﴾ **Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya** dari yang halal dan haram serta perkara yang memerlukan penjelasan. Kemudian Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi} _{wa} ^{sallam}) selepas turunnya ayat ini diam mendengar apabila datang kepadanya Jibril (^{'alaihissalam}). Selepas Jibril pergi barulah baginda membacanya seperti yang dijanjikan Allah.

﴿20﴾ **Sedarlah wahai orang-orang yang lalai, bahkan kamu sentiasa mencintai (kehidupan dunia) yang sementara**.

﴿21﴾ **Dan kamu tidak menghiraukan hari akhirat** yang kekal abadi kehidupannya.

﴿22﴾ **Wajah-wajah (orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri**.

﴿23﴾ **Melihat kepada Tuhannya**. Riwayat hadis secara mutawatir menjelaskan bahawa orang mukmin akan melihat Tuhan mereka pada hari kiamat seperti mana mereka melihat kepada bulan purnama.

﴿24﴾ **Dan wajah-wajah (orang kafir) pada hari itu muram**.

﴿25﴾ **Sambil percaya dengan yakin bahawa mereka akan ditimpa malapetaka yang membinasakan** seakan-akan ia mematah-matahkan tulang belakang mereka.

كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ التَّرَاقِيَ ﴿٢٦﴾ وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ ﴿٢٧﴾ وَظَنَّ أَنَّهُ الْفِرَاقُ ﴿٢٨﴾ وَالْتَفَتِ الْأَسَاقُ بِالْأَسَاقِ ﴿٢٩﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمَسَاقُ ﴿٣٠﴾ فَلَا صَدَقَ وَلَا صَلَّىٰ ﴿٣١﴾ وَلَكِن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٣٢﴾ ثُمَّ دَهَبَ إِلَىٰ أَهْلِهِ يَمْتَطِي ﴿٣٣﴾ أُولَىٰ لَكَ فَأُولَىٰ ﴿٣٤﴾ ثُمَّ أُولَىٰ لَكَ فَأُولَىٰ ﴿٣٥﴾ أَيَحْسَبُ الْإِنْسَانُ أَنْ يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾ أَلَمْ يَكُ نَظْفَةً مِّن مِّمِّي يَمْنَىٰ ﴿٣٧﴾ ثُمَّ كَانَ عَاقِبَةَ فِئْتَانٍ فِئْتَانٍ ﴿٣٨﴾ وَفَجَعَلَ

مِنْهُ الرُّوحَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنثَى ﴿٣١﴾ أَلَيْسَ ذَلِكَ بِقَدِيرٍ عَلَيَّ أَنْ يُحْيِيَ الْمَوْتَى ﴿٣٢﴾

﴿26﴾ Sedarlah apabila rohnya sampai ke pangkal kerongkong: iaitu saat hampir mati.

﴿27﴾ Dan (orang-orang yang hadir di sisinya heboh) berkata: Siapakah yang dapat menawar jampi dan menyembuhkannya dengan jampinya itu? Mereka mencari untuknya perawat-perawat, namun ia tidak dapat merubah sedikitpun ketentuan Allah ^(subhānahu wata'āla)

﴿28﴾ Dan dia sendiri yakin, bahwa sesungguhnya saat itu saat perpisahan dengan dunia, keluarga dan hartanya.

﴿29﴾ Serta betis bertemu betis: saat datangnya kematian; kakinya menjadi kaku, betisnya menjadi kering, ia tidak lagi dapat menampung dirinya, membawanya berjalan ke mana-mana seperti dahulu. Lantas manusia pun menguruskan jasadnya manakala malaikat menguruskan rohnya.

﴿30﴾ (Maka) kepada Tuhanmulah pada waktu itu (roh) engkau dibawa setelah ia dicabut dari jasad.

﴿31﴾ Maka dia tidak mengakui kebenaran (risalah dan al-Quran) dan dia tidak mengerjakan sembahyang (untuk Tuhannya): iaitu dia tidak beriman dengan hatinya dan tidak beramal dengan anggotanya.

﴿32﴾ Akan tetapi dia mendustakan rasul dan risalahnya dan berpaling ingkar! dari ketaatan dan keimanan.

﴿33﴾ Kemudian dia pergi kepada keluarganya dengan berlagak sombong megah: bangga atas pendustaannya terhadap kebenaran, atau bermalas-malas terhadap penyeru kebenaran.

﴿34﴾ (Wahai orang yang kufur ingkar!) Sudahlah dekat kepadamu kebinasaanmu, sudahlah dekat!.

﴿35﴾ Kemudian api Nerakalah lebih layak bagimu, lebih layak.

﴿36﴾ Patutkah manusia menyangka, bahwa dia akan ditinggalkan terbiar tanpa perintah dan larangan, tanpa hisab dan hukuman?!

﴿37﴾ Bukankah dia berasal dari air mani yang dipancarkan ke dalam rahim?

﴿38﴾ Kemudian air mani itu menjadi sebuku darah beku, sesudah itu Tuhan menciptakannya, dan menyempurnakan kejadiannya sebagai manusia?

﴿39﴾ Lalu Tuhan menjadikan daripadanya sepasang lelaki dan perempuan.

﴿40﴾ Bukankah (Tuhan yang menjadikan semuanya) itu berkuasa menghidupkan orang-orang yang mati? Pastilah menghidupkan mereka semula lebih mudah dari menciptakannya buat kali pertama.

SURAH AL-INSAN (MANUSIA)

هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَانِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُنْ سَيِّئًا مَّذْمُورًا ﴿١﴾ إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِن نُّطْفَةٍ

أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ فَجَعَلْنَاهُ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٢﴾ إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا ﴿٣﴾

﴿1﴾ Bukankah telah berlaku kepada manusia: moyang mereka Adam (^{alāhissalam}). «satu ketika dari masa». Dikatakan: 40 tahun sebelum ditiupkan roh; ia diciptakan daripada tanah liat, kemudian ia berubah warna dan baunya seterusnya menjadi kering. «sedang dia (masih belum

wujud lagi dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut».

﴿2﴾ «**Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur**»: dari pati benih lelaki dan perempuan, atau dari jenis dan unsur tabiat yang berbeza. «**serta Kami tetap mengujinya**»: iaitu Kami ciptakan dengan tujuan mengujinya dengan kebaikan, keburukan dan kewajipan. «**oleh itu maka Kami jadikan dia mendengar dan melihat**». Kami berikan padanya pancaindra supaya dia mengetahui dan layak diuji.

﴿3﴾ «**Sesungguhnya Kami telah menunjukkan dengan jelas kepadanya jalan**» yang benar dan yang salah, baik dan buruk, serta Kami kenalkan kepadanya kebaikan dan keburukan yang boleh dicapai dengan fitrah dan akalunya yang sempurna. «**sama ada dia bersyukur ataupun dia berlaku kufur**».

إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلْكَافِرِينَ سَلَاسِلًا وَأَغْلَالًا وَسَعِيرًا ﴿١﴾ إِنَّ الْأَثَرَارَ بِشَرِّبُونَ مِنْ كَأْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا ﴿٢﴾ عَيْنًا يَشْرَبُ بِهَا عِبَادُ اللَّهِ يُفَجِّرُونَهَا تَفْجِيرًا ﴿٣﴾ يُؤْفُونَ بِاللَّذَرِ وَيُخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُ مُسْتَطِيرًا ﴿٤﴾ وَيُطْعَمُونَ الطَّعَامَ عَلَى حَيْهٍ مَسْكِينًا وَيَتِيمًا وَأَسِيرًا ﴿٥﴾ إِنَّمَا نَطْعَمُكُمْ لُوجَهُ اللَّهِ لَا نَزِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكُورًا ﴿٦﴾ إِنَّا نَخَافُ مِنْ رَبِّنَا يَوْمًا عَبُوسًا قَطَطِيرًا ﴿٧﴾ فَوْقَهُمْ اللَّهُ سَرَّ ذَلِكَ الْيَوْمِ وَلَقَّهْمُ نَضْرَةً وَسُرُورًا ﴿٨﴾ وَجَزَّهْمُ بِمَا صَبَرُوا جَنَّةً وَحَرِيرًا ﴿٩﴾

﴿4﴾ (Dalam pada itu), sesungguhnya Kami telah menyediakan bagi sesiapa yang berlaku kufur (atau menderhaka) beberapa rantai dan belunggu serta Neraka yang menjulang-julang».

﴿5﴾ «**Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan kebajikan), akan minum dari gelas: sejenis minuman yang bercampur dengan "Kafur"**»: untuk menyempurnakan bau wangi dan rasanya.

﴿6﴾ «**iaitu sebuah mata air (di Syurga), yang diminum daripadanya (bersama dengan arak) oleh hamba-hamba Allah (yang taat); mereka boleh mengalirkannya**» seperti aliran sungai «**dengan aliran yang semudah-mudahnya dan menurut kemahuaannya**».

﴿7﴾ Mereka dikurniakan kesenangan itu kerana «**mereka menyempurnakan nazarnya**»: iaitu seseorang yang mewajibkan ke atas dirinya kerana Allah, solat, puasa, sembelihan dan sebagainya yang tidak diwajibkan syarak ke atasnya. «**serta mereka takutkan hari (kiamat) yang azab seksanya merebak**» serata langit dan bumi; maka langit terbelah, bintang-bintang bertaburan, bumi bergoncang-goncang dan gunung-ganang hancur lebur.

﴿8﴾ «**Mereka juga memberi makan benda-benda makanan kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan walaupun mereka hanya ada sedikit sahaja; juga dalam keadaan mereka mencintai dan menginginkannya**». Dikatakan juga: dalam keadaan mereka mencintai Allah.

﴿9﴾ «**Sesungguhnya kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata; kami tidak berkehendakkan sebarang balasan dari kamu atau ucapan terima kasih**»: mereka tidak mengharapkan balasan dari manusia mahupun pujian; Allah mengetahuinya dalam hati mereka lalu

memuji mereka.

﴿10﴾ «Kami sebenarnya takutkan Tuhan kami, takut Dia kenakan kami azab hari yang padanya muka orang-orang yang bersalah masam berkerut-kerut». Dikatakan makna 'qamtharira': hari ujian yang sangat dahsyat dan panjang.

﴿11﴾ «Dengan sebab (merek mereka menjaga diri dari kesalahan), maka Allah selamatkan mereka dari kesengsaraan hari yang demikian keadaannya, serta memberikan kepada mereka (gantian wajah masam orang kafir) dengan keindahan yang berseri-seri (di muka) dan perasaan ria gembira (di hati)»: kesan daripada nikmat (syurgawi).

﴿12﴾ «Dan kerana kesabaran mereka (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya), mereka dibalas oleh Allah dengan Syurga dan (persalinan dari) sutera».

مُتَّكِئِينَ فِيهَا عَلَى الْأَرَائِكِ لَا يَرَوْنَ فِيهَا شَمْسًا وَلَا زَمْهَرِيرًا ﴿١٣﴾ وَدَانِيَةً عَلَيْهِمْ ظِلَالُهَا وَذُلَّتْ
فُطُوفُهَا تَذِيلًا ﴿١٤﴾ وَيُطَافُ عَلَيْهِمْ بِبَاقِيَةٍ مِّنْ فِضَّةٍ وَأَكْوَابٍ كَانَتْ قَوَارِيرًا ﴿١٥﴾ قَوَارِيرًا مِّنْ فِضَّةٍ
قَدَّرُوهَا تَقْدِيرًا ﴿١٦﴾ وَيُسْقَوْنَ فِيهَا كَأْسًا كَانَ مِزَاجُهَا زَنْجَبِيلًا ﴿١٧﴾ عَيْنًا فِيهَا تُسَمَّى سَلْسَبِيلًا ﴿١٨﴾
وَيُطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَانٌ مُّخَلَّدُونَ إِذَا رَأَيْتَهُمْ حَسِبْتَهُمْ لُؤْلُؤًا مَّنشُورًا ﴿١٩﴾ وَإِذَا رَأَيْتَ ثَمَّ رَأَيْتَ نَعِيمًا
وَمُلْكًا كَبِيرًا ﴿٢٠﴾ عَلَيْهِمْ ثِيَابٌ سُنْدُسٍ خُضْرٌ وَإِسْتَبْرَقٌ وَحُلُوعًا أَسَاوِرَ مِنْ فِضَّةٍ وَسَقَاهُمْ
رُبَّهُمْ شَرَابًا طَهُورًا ﴿٢١﴾ إِنَّ هَذَا كَانَ لَكُمْ جَزَاءً وَكَانَ سَعْيَكُمْ مَشْكُورًا ﴿٢٢﴾

﴿13﴾ «Mereka berehat di dalam Syurga dengan berbaring di atas pelamin-pelamin (yang berhias), mereka tidak nampak (teriknya) matahari (usahkan hawa panasnya), dan tidak juga merasai suasana yang terlampau sejuk».

﴿14﴾ «Sedang naungan pohon-pohon Syurga itu dekat kepada mereka dan buah-buahannya pula diredahkan (untuk mereka memetiknya) dengan semudah-mudahnya» sama ada mereka sedang berdiri, duduk atau baring.

﴿15﴾ «Dan (selain itu) diedarkan kepada mereka (oleh pelayan-pelayannya) bejana dan gelas-gelas minuman dari perak yang keadaannya laksana kaca (nampak jelas isinya)».

﴿16﴾ «Kaca, (sedang ia) dari perak» tidak seperti kaca dunia yang dibuat dari pasir. «pelayan-pelayan itu menentukan ukuran yang sesuai» dan tepat dengan kehendak mereka. Tidak lebih dan tidak kurang.

﴿17﴾ «Dan mereka dalam Syurga itu, diberi minum sejenis minuman» berupa arak «yang campurannya dari "Zanjabil"».

﴿18﴾ «Iaitu sebuah mata air dalam Syurga, yang disebutkan sifatnya sebagai "Salsabil"»: sifatnya halus, menyenangkan dan sedap diminum.

﴿19﴾ «Dan mereka dilayani oleh anak-anak muda lelaki yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya), yang sentiasa beredar di sekitar mereka; apabila engkau melihat anak-anak muda itu, nescaya engkau menyangkanya mutiara yang bertaburan»: disebabkan kecantikan, kehalusan warna kulit dan keserian wajah mereka. Mereka disifatkan dengan bertaburan kerana pergerakan mereka yang pantas dalam memberi layanan.

﴿20﴾ «Dan apabila engkau melihat di sana (dalam Syurga itu), engkau

melihat nikmat yang tidak terbayangkan dan kerajaan yang besar (yang tidak ada bandingannya)).

﴿21﴾ Mereka di dalam Syurga memakai pakaian hijau yang diperbuat dari sutera halus dan sutera tebal (yang bertekak), serta mereka dihiasi dengan gelang-gelang tangan dari perak dan emas; seperti yang disebutkan dalam surah Faathir: 33; mereka boleh memilih yang mana sahaja yang mereka suka. dan mereka diberi minum oleh Tuhan mereka dengan sejenis minuman (yang lain) yang bersih suci. Kata Abu Qilabah dan Ibrahim an-Nakha'ie: "Dibawakan kepada mereka makanan. Di akhirnya, dibawakan minuman yang bersih dan mereka pun meminumnya, lalu perut-perut mereka menyimpan minuman tersebut dan keluarlah peluh-peluh dari badan mereka seperti bauan kasturi".

﴿22﴾ (Serta dikatakan kepada mereka): Sesungguhnya (segala pemberian) ini adalah untuk kamu sebagai balasan dan adalah usaha amal kamu (di dunia dahulu) diterima dan dihargai (oleh Allah).

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ تَنْزِيلًا ﴿٢٢﴾ فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا نَظْعَ مِنْهُمْ ءِثْمًا أَوْ كُفُورًا ﴿٢٣﴾ وَأَذْكُرْ اسْمَ رَبِّكَ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٢٤﴾ وَمِنَ اللَّيْلِ فَاسْجُدْ لَهُ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا ﴿٢٥﴾ إِنَّ هَؤُلَاءِ لَجُحُودٌ الْعَاجِلَةِ وَيَذْرُونَ وِرَاءَهُمْ يَوْمًا ثَقِيلًا ﴿٢٦﴾ نَحْنُ خَلَقْنَاهُمْ وَشَدَدْنَا أَسْرَهُمْ وَإِذَا شِئْنَا بَدَلْنَا أَمْثَلَهُمْ تَبْدِيلًا ﴿٢٧﴾ إِنَّ هَذِهِ تَذْكَرَةٌ فَمَنْ شَاءَ أَخَذْ إِلَىٰ رَبِّهِ سَبِيلًا ﴿٢٨﴾ وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٢٩﴾ يُدْخِلُ مَنْ يَشَاءُ فِي رَحْمَتِهِ وَالظَّالِمِينَ أَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٣٠﴾

﴿23﴾ Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran kepadamu (wahai Muhammad), dengan beransur-ansur. Tidak sekaligus, juga bukan datang daripadamu seperti yang didakwa oleh orang musyrikin.

﴿24﴾ Oleh itu hendaklah engkau bersabar menerima hukum Tuhanmu (memberi tempoh kepada golongan yang menentangmu) dan janganlah engkau menurut kehendak orang yang berdosa di antara mereka atau orang yang kufur ingkar.

﴿25﴾ Dan sebutlah dengan lidah atau dengan hati akan nama Tuhanmu (di dalam dan di luar sembahyang), pada waktu pagi dan petang. Awal pagi: solat subuh, akhir pagi: solat asar.

﴿26﴾ Dan (dengan apa keadaan pun maka) pada sebahagian dari waktu malam, sujudlah kepada Tuhan (dengan mengerjakan sembahyang) dan (seboleh-bolehnya) bertasbihlah (memujinya) (dengan mengerjakan sembahyang Tahajjud), pada sebahagian yang panjang dari waktu malam.

﴿27﴾ Sesungguhnya orang-orang (yang menentangmu) itu sentiasa mencintai (kesenangan dan kemewahan dunia) yang sementara, serta mereka membelakangkan (tidak menghiraukan bekalan) untuk hari akhirat yang amat berat (penderitaannya kepada orang-orang yang tidak bertakwa).

﴿28﴾ Kamilah yang menciptakan mereka serta menguatkan tulang sendi dan urat saraf mereka; (Kami berkuasa membinasakan mereka) dan

apabila Kami kehendaki, Kami gantikan (mereka dengan) orang-orang yang serupa dengan mereka, dengan penggantian yang sebaik-baiknya»: Jika Kami kehendaki, nescaya kami boleh binasakan mereka dan datangkan yang lebih taat kepada Allah berbanding mereka.

﴿29﴾ «**Sesungguhnya (segala keterangan yang disebutkan) ini, menjadi peringatan, maka sesiapa yang mahukan (kebaikan dirinya) tentulah dia mengambil jalan yang menuju kepada keredaan Allah (dengan iman dan taat).**»

﴿30﴾ «**Dan tiadalah kamu berkemahuan (melakukan sesuatu perkara) melainkan dengan cara yang dikehendaki Allah**»: segala urusan bergantung kepadaNya, kebaikan dan keburukan dalam genggamanNya. Kehendak manusia semata-mata tidak akan mendatangkan kebaikan atau menolak keburukan jika Allah tidak mengizinkan ianya berlaku. «**sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana**» mengaturkan sebarang perkara yang dikehendakiNya.

﴿31﴾ «**Dia memasukkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditetapkan) ke dalam rahmatNya (dengan ditempatkannya di dalam Syurga) dan orang-orang yang zalim, Dia menyediakan untuk mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya.**»

SURAH AL-MURSALAAT (PARA MALAIKAT YANG DIUTUS)

وَالْمُرْسَلَاتِ عُرْفًا ﴿١﴾ فَالْحَصِفَتِ عَصْفًا ﴿٢﴾ وَالتَّنَشُرْتِ نَشْرًا ﴿٣﴾ فَالْفَرَقَتْ فَرَقًا ﴿٤﴾
فَالْمَلَقِيَّتِ ذِكْرًا ﴿٥﴾ عُدْرًا أَوْ نُذْرًا ﴿٦﴾ إِنَّمَاؤُ عَدْوَن لَوَاقِعٌ ﴿٧﴾ فَإِذَا التَّجُومُ طُمِسَتْ ﴿٨﴾
وَإِذَا السَّمَاءُ فُرِجَتْ ﴿٩﴾ وَإِذَا الْجِبَالُ سُفِفَتْ ﴿١٠﴾ وَإِذَا الرَّسُلُ أَقْتَتِ ﴿١١﴾ لِأَيِّ يَوْمٍ أُخِّلَتْ ﴿١٢﴾
لِيَوْمِ الْفَصْلِ ﴿١٣﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمَ الْفَصْلِ ﴿١٤﴾ وَيَوْمَ يُؤْمَدُ لِلْمَكْدِيدِ ﴿١٥﴾

﴿1﴾ «**Demi (para malaikat) yang dihantarkan**» dengan wahyu kepada para Nabi.

﴿2﴾ «**Juga yang merempuh mara dengan sekencang-kencangnya.**»

﴿3﴾ «**Dan demi (para malaikat) yang menebarkan (sayapnya) dengan tebaran yang sesungguhnya-sungguhnya.**»

﴿4﴾ «**Serta yang memisahkan**» antara yang benar dengan yang salah, halal dan haram «**dengan pemisahan yang sejelas-jelasnya.**»

﴿5﴾ «**Lalu menyampaikan wahyu (kepada para Nabi).**»

﴿6﴾ «**(Penyampaian wahyu oleh malaikat itu) sebagai menolak alasan**» makhluk terhadap Allah (^{subhānahu} wata'ālā), «**atau memberi peringatan**» daripada azabnya. Dikatakan juga: sebagai suatu keuzuran bagi mereka yang benar dan peringatan bagi mereka yang ingkar.

﴿7﴾ «**Sesungguhnya segala yang dijanjikan kepada kamu tetap berlaku.**»

﴿8﴾ «**(Oleh itu, apabila bintang-bintang (binasa dan) hilang lenap**»: padam dan hilang cahayanya.

﴿9﴾ «**Dan apabila langit terbuka dan terbelah.**»

﴿10﴾ «**Dan apabila gunung-ganang hancur lebur berterbangan**»: tercabut dari paksinya dan terbang ke udara seperti debu lalu tapaknya merata bersama dengan bumi.

11 «Dan apabila Rasul-rasul ditentukan waktunya» untuk memutuskan dan mengadili antara mereka dan umat manusia.

12 «(Jika ditanya): Ke hari yang manakah (perkara-perkara yang besar) itu ditangguhkan?». Yakni: Ke hari yang besar; di mana hamba-hamba merasa terpegun dengan kedahsyatan hari tersebut. Ia juga tempoh yang ditetapkan kepada para Rasul untuk berhimpun dan menjadi saksi kepada umat-umat mereka.

13 «(Jawabnya): Ke hari pemutusan hukum» sesama manusia berdasarkan amalan masing-masing kemudian mereka dipecah-pecahkan ke syurga dan neraka.

14 «Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari pemutusan hukum itu?». Yakni: ianya urusan yang tidak terhitung banyaknya.

15 «Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan» apa yang dijanjikan oleh Rasulnya!

أَلَمْ يَهْدِكِ الْأَوَّلِينَ ﴿١٦﴾ ثُمَّ نَبَّيْنَاهُمْ الْآخِرِينَ ﴿١٧﴾ كَذَلِكَ نَفْعَلُ بِالْمُجْرِمِينَ ﴿١٨﴾
وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٩﴾ أَلَمْ تَخْلُقْهُمْ مِنْ مَّاءٍ مَّهِينٍ ﴿٢٠﴾ فَجَعَلْنَاهُ فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿٢١﴾
إِلَى قَدَرٍ مَّعْلُومٍ ﴿٢٢﴾ فَقَدَرْنَا فَنِعْمَ الْقَادِرُونَ ﴿٢٣﴾ وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿٢٤﴾ أَلَمْ تَجْعَلِ الْأَرْضَ كَهَاتَا ﴿٢٥﴾
أَحْيَاءَ وَأَمْوَاتًا ﴿٢٦﴾ وَجَعَلْنَا فِيهَا رِوْاسِيَ شِمْخَاتٍ وَأَسْقَيْنَاكُمْ مَاءً فُرَاتًا ﴿٢٧﴾ وَيْلٌ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿٢٨﴾

16 «Bukankah Kami telah binasakan orang-orang dahulu»: yang ingkar derhaka, sejak Nabi Adam (^{'alaihissalam}) sehingga Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi wa sallam}) dengan azab dunia apabila mereka mendustakan para Rasul mereka?

17 «Kemudian kami akan iringi mereka dengan» membinasakan orang-orang yang ingkar derhaka, dari «kaum-kaum yang datang kemudian». Yakni: Kuffar Makkah dan mereka yang mendustakan Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi wa sallam})

18 «Demikian cara kami lakukan terhadap sesiapa yang berdosa».

19 «Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan» apa yang Kami janjikan!

20 «Bukankah Kami telah menciptakan kamu dari air (benih) yang hina?».

21 «Lalu Kami jadikan air (benih) itu pada tempat penetapan yang kukuh (rahim ibu)».

22 «Hingga ke suatu masa yang termaklum?»: iaitu tempoh hamil sembilan bulan bagi manusia.

23 «Serta Kami tentukan» anggota badan dan sifatnya seperti yang dikehendakinya, «maka Kamilah sebaik-baik yang berkuasa menentukan dan melakukan (tiap-tiap sesuatu)!».

24 «Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan» kekuasaan Kami!

25 «Bukankah Kami telah menjadikan bumi (sebagai tempat) penampung dan penghimpun (penduduknya)?».

26 «Yang hidup (di atasnya) dan yang mati (di dalamnya)?».

27 «Dan Kami telah jadikan padanya gunung-ganang yang teguh dan

tinggi menjulang; dan Kami telah memberi minum kepada kamu air yang tawar lagi menghilangkan dahaga?».

﴿28﴾ Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan ﴿nikmat-nikmat pemberian Kami!

أَنْطَلِقُوا إِلَى مَا كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ ﴿٢٩﴾ أَنْطَلِقُوا إِلَى ظِلِّ ذِي تَلْكَثِ شَعْبٍ ﴿٣٠﴾ لَا ظَلِيلٌ وَلَا بُعْيٌ مِّنَ
 اللَّهِ ﴿٣١﴾ إِنَّهَا تَرْمِي بِشَرِّ كَالْقَاصِرِ ﴿٣٢﴾ كَأَنَّهُ جُمُلَةٌ صَفَرٌ ﴿٣٣﴾ وَبِئْسَ يَوْمٌ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٤﴾
 هَذَا يَوْمٌ لَا يَنْطِقُونَ ﴿٣٥﴾ وَلَا يُؤَدُّنَ لَهُمْ فِعْزَ ذُرُونٍ ﴿٣٦﴾ وَبِئْسَ يَوْمٌ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿٣٧﴾

هَذَا يَوْمٌ الْفَصْلِ جَمَعْتَكُمْ وَالْأُولَىٰ ﴿٣٨﴾ فَإِن كَانَ لَكُمْ كَيْدٌ فَكِيدُوا ﴿٣٩﴾ وَبِئْسَ يَوْمٌ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٠﴾
 ﴿29﴾ (Dikatakan kepada mereka semasa ditimpakan dengan azab): Pergilah kepada azab yang dahulu kamu mendustakannya».

﴿30﴾ Pergilah kamu kepada naungan (asap Neraka) yang bercabang tiga».

﴿31﴾ Yang tidak dapat dijadikan naungan» seperti teduhan di dunia. «dan tidak dapat memberikan sebarang lindungan dari julangan api Neraka». Mereka di situ sehinggalah selesainya urusan perhitungan.

﴿32﴾ Sesungguhnya Neraka itu melemparkan bunga api, (yang besarnya) seperti bangunan besar».

﴿33﴾ (Banyaknya dan warnanya) bunga api itu seolah-olah rombongan unta kuning». Arab juga menamakan unta hitam dengan 'sufrun'. Dikatakan apabila bunga api terbang dan jatuh, maka akan terdapat kesan warna api yang seakan-akan warna unta hitam.

﴿34﴾ Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan keadaan yang demikian.

﴿35﴾ Inilah hari saat mereka tidak dapat berkata-kata» kerana masing-masing terpinga-pinga ketakutan.

﴿36﴾ Dan tidak pula diizinkan mereka bercakap, maka mereka tidak dapat meminta maaf».

﴿37﴾ Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan hari akhirat!

﴿38﴾ Inilah hari pemutusan hukum» yang menentukan siapa yang benar dan siapa yang salah. «Kami himpunkan kamu bersama orang-orang yang terdahulu (dari kamu)».

﴿39﴾ Oleh itu, kalau kamu ada sebarang tipu-helah melepaskan diri, maka cubalah kamu lakukan terhadap azabKu».

﴿40﴾ Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan apa yang telah dijanjikan oleh Allah!

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي ظِلَالٍ وَعِیُونَ ﴿٤١﴾ وَفُورًا مِّمَّا يَشْتَمُونَ ﴿٤٢﴾ كَلُوا وَأَشْرَبُوا هَنِيئًا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٤٣﴾
 إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿٤٤﴾ وَبِئْسَ يَوْمٌ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٥﴾ كَلُوا وَامْتَعُوا قَلِيلًا إِنَّكُمْ كُنْتُمْ جَزِئُونَ ﴿٤٦﴾
 وَبِئْسَ يَوْمٌ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٧﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ارْكَعُوا لَا يَرْكَعُونَ ﴿٤٨﴾
 وَبِئْسَ يَوْمٌ لِلْمُكَذِّبِينَ ﴿٤٩﴾ فَبِأَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ

﴿41﴾ Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa berada di tempat teduh (yang dipenuhi pelbagai nikmat) dan yang berdekatan dengan mata air-mata air (yang mengalir).﴾

﴿42﴾ Serta menikmati buah-buahan dari segala jenis yang mereka ingini﴾.

﴿43﴾ (Pada ketika itu dikatakan kepada mereka): Makanlah dan minumlah kamu dengan lazatnya, disebabkan apa yang kamu telah kerjakan﴾.

﴿44﴾ Sesungguhnya, demikianlah Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan amal-amal yang baik﴾.

﴿45﴾ Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan﴾ nikmat-nikmat Syurga!

﴿46﴾ Makanlah dan bersenang-senanglah kamu (wahai orang-orang yang ingkar derhaka) sementara waktu hidup, (kemudian kamu akan menghadapi bahaya), kerana sesungguhnya kamu adalah orang-orang yang berdosa﴾.

﴿47﴾ Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan﴾ amaran Allah.

﴿48﴾ Dan apabila dikatakan kepada mereka (yang ingkar): Taatlah dan kerjakanlah sembahyang, mereka enggan mengerjakannya﴾.

﴿49﴾ Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan﴾ perintah-perintah Allah dan laranganNya!

﴿50﴾ (Kalau mereka tidak juga mahu beriman kepada keterangan-keterangan yang tersebut) maka kepada perkataan yang mana lagi, sesudah itu, mereka mahu beriman?﴾.

SURAH AN-NABA' (BERITA BESAR)

عَمَّ يَتَسَاءَلُونَ ﴿١﴾ عَنِ النَّبِيِّ الْعَظِيمِ ﴿٢﴾ الَّذِي هُمْ فِيهِ مُخْتَلِفُونَ ﴿٣﴾ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ﴿٤﴾ ثُمَّ كَلَّا سَيَعْلَمُونَ ﴿٥﴾ أَلَمْ يَجْعَلِ الْأَرْضَ مِهْدًا ﴿٦﴾ وَالْجِبَالَ أَوْتَادًا ﴿٧﴾ وَخَلَقْنَاكُمْ أَزْوَاجًا ﴿٨﴾ وَجَعَلْنَا نَوْمَكُمْ سُبَاتًا ﴿٩﴾ وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ لِيَاسًا ﴿١٠﴾ وَجَعَلْنَا النَّهَارَ مَعَاشًا ﴿١١﴾ وَبَنَيْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعًا شِدَادًا ﴿١٢﴾ وَجَعَلْنَا سِرَاجًا وَهَاجًا ﴿١٣﴾ وَأَنْزَلْنَا مِنَ الْمُعْصِرَاتِ مَاءً ثَجَّاجًا ﴿١٤﴾ لِنُخْرِجَ بِهِ حَبًّا وَنَبَاتًا ﴿١٥﴾ وَجَعَلْنَا أَلْفَافًا ﴿١٦﴾

﴿1﴾ **Tentang apakah mereka bertanya-tanya?** Apabila Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) diutuskan, baginda mengkhabarkan tentang mentauhidkan Allah (subhanahu wata'ala) dan kebangkitan selepas mati. Baginda membacakan kepada kaumnya al-Quran sehingga mereka bertanya-tanya sesama mereka: “Apa yang telah terjadi kepada Muhammad dan apa yang ajaran yang dibawahnya?”, maka Allah (subhanahu wata'ala) menurunkan ayat ini.

﴿2﴾ **Tentang berita yang besar:** iaitu al-Quran al-'Azim; kerana ia memberitakan tentang tauhid, kebenaran Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) serta kebangkitan yang pasti berlaku.

﴿3﴾ **Yang mereka (ragu-ragu dan) berselisihan mengenainya:** iaitu al-Quran; ada yang mengatakannya: sihir, sebahagian yang lain mengatakannya: syair, ada juga yang mengatakannya: tilikan dan ada yang mengatakannya: cerita-cerita dongeng dahulu kala.

﴿4﴾ **Jangan!** (Janganlah mereka bersikap demikian!) Mereka akan

mengetahui» dengan yakin akibat peningkaran mereka itu.

﴿5﴾ «Sekali lagi jangan! (Janganlah mereka berselisihan!) Mereka akan mengetahui kelak (tentang apa yang akan menimpa mereka)». Tujuan pengulangan adalah penekanan dan pengukuhan.

﴿6﴾ «(Mengapa kamu ragu-ragukan kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang telah mati?) Bukankah Kami telah menjadikan bumi (terbentang luas) sebagai hamparan?». Seperti hamparan bayi yang dijadikan tempat tidurnya.

﴿7﴾ «Dan gunung-ganang sebagai pancang pasaknya?» supaya ia diam dan tidak bergoncang.

﴿8﴾ «Dan Kami telah menciptakan kamu berpasang-pasang?»: lelaki dan perempuan.

﴿9﴾ «Dan Kami telah menjadikan tidur kamu untuk berehat?»: iaitu berhenti daripada bergerak supaya badan mendapat kerehatan.

﴿10﴾ «Dan Kami telah menjadikan malam (dengan gelapnya) sebagai pakaian (yang menutupi)?».

﴿11﴾ «Dan Kami telah menjadikan siang (dengan cahaya terangnya) masa untuk mencari rezeki» yang telah ditetapkan bahagiannya oleh Allah ^(subhānahu wata'ālā)?

﴿12﴾ «Dan Kami telah membina di atas kamu tujuh petala (langit) yang kuat dan kukuh?».

﴿13﴾ «Dan Kami telah menjadikan matahari lampu yang terang-benderang cahayanya?».

﴿14﴾ «Dan Kami telah menurunkan dari awan» mendung yang sarat dengan air, «air (hujan) yang mencurah-curah».

﴿15﴾ «Untuk Kami mengeluarkan dengan air itu, biji-bijian» seperti gandum dan barli «dan tumbuh-tumbuhan» termasuk yang menjadi makanan binatang.

﴿16﴾ «Serta kebun-kebun yang subur bertaut-taut pokoknya?».

إِنَّ يَوْمَ الْفَصْلِ كَانَ مِيقَتَنَا ﴿١٧﴾ يَوْمَ يُفْخُ فِي الصُّورِ فَمَأْتُونُ أَوْجَادًا ﴿١٨﴾ وَفُتِحَتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ
أَنْبُوبًا ﴿١٩﴾ وَسَيَّرَتِ الْجِبَالَ فَكَانَتْ سَرَابًا ﴿٢٠﴾ إِنَّ جَهَنَّمَ كَانَتْ مِرْصَادًا ﴿٢١﴾ لِلظَّالِمِينَ مَعَابًا ﴿٢٢﴾
لَيْثِينَ فِيهَا أَحْقَابًا ﴿٢٣﴾ لَا يَدْخُلُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا ﴿٢٤﴾ إِلَّا حَمِيمًا وَعَسَاقًا ﴿٢٥﴾
جَزَاءً وَفِاقًا ﴿٢٦﴾ أَنَّهُمْ كَانُوا لَا يَرْجُونَ حِسَابًا ﴿٢٧﴾ وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا كِذَابًا ﴿٢٨﴾
وَكُلُّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ كِتَابًا ﴿٢٩﴾ فَذُوقُوا فَلَنْ نَزِيدَكُمْ إِلَّا عَذَابًا ﴿٣٠﴾

﴿17﴾ «Sesungguhnya hari pemutusan hukum itu, adalah satu masa yang ditentukan» untuk orang yang awal dan terkemudian; mereka mendapati apa yang dijanjikan daripada ganjaran dan hukuman pada hari akhirat. Iaitu hari Allah ^(subhānahu wata'ālā) memutuskan hukum kepada hamba-hambanya.

﴿18﴾ «Iaitu masa ditup sangkala»: seludang yang ditup oleh malaikat Israfil, «lalu kamu (bangkit hidup) serta datang berpuak-puak (ke Padang Mahsyar);».

﴿19﴾ «Dan (pada masa itu) langit dipecah belahkan» kerana turunnya malaikat «sehingga tiap-tiap belahannya menjadi ibarat pintu yang terbuka luas».

﴿20﴾ «Dan gunung-ganang, dicabut dari tempatnya dan diterbangkan ke

angkasa, lalu menjadilah ia bayangan semata-mata seperti riak sinaran panas di padang pasir».

﴿21﴾ «**Sesungguhnya Neraka Jahannam adalah tempat (penjaga neraka) mengintai golongan kuffar; untuk memastikan mereka diazab di dalamnya.**

﴿22﴾ «**Untuk orang-orang yang melampaui batas hukum Tuhan, sebagai tempat kembalinya.**

﴿23﴾ «**Mereka tinggal di dalamnya berkurun-kurun, selama-lamanya.**

﴿24﴾ «**Mereka tidak dapat merasai udara yang sejuk di dalamnya dan tidak pula sebarang minuman.**

﴿25﴾ «**Kecuali air panas yang menggelegak dan air danur (ahli neraka).**

﴿26﴾ «**Sebagai balasan yang sepadan dengan dosa; tiada dosa yang lebih besar dari syirik dan tiada azab yang lebih dahsyat dari api neraka. Kerana amalan mereka dahulunya buruk, maka Allah menghukum mereka dengan apa yang membinasakan mereka.**

﴿27﴾ «**Kerana sesungguhnya mereka dahulu tidak pernah mengharapkan perhitungan: tidak inginkan pahala dan tidak takutkan perhitungan; kerana mereka tidak beriman dengan hari kebangkitan.**

﴿28﴾ «**Dan mereka telah mendustakan dengan sungguh-sungguhnya akan ayat-ayat keterangan Kami.**

﴿29﴾ «**Dan tiap-tiap sesuatu dari kehidupannya, telah Kami hitung secara bertulis di Lauh Mahfuz. Dikatakan juga maksudnya: apa yang ditulis oleh malaikat Penjaga daripada amalan manusia.**

﴿30﴾ «**(Setelah mereka masuk ke dalam Neraka, dikatakan kepada mereka: Oleh sebab kamu telah mendustakan ayat-ayat Kami) maka rasalah kamu (azab yang disediakan), kerana Kami tidak akan melakukan selain dari menambah pelbagai azab kepada kamu.**

إِنَّ لِّلْمُتَّقِينَ مَفَازًا ﴿٣١﴾ حَدَائِقَ وَأَعْنَابًا ﴿٣٢﴾ وَكَوَاعِبَ أَتْرَابًا ﴿٣٣﴾ وَكَأْسِدَ هَاقَاةٍ ﴿٣٤﴾ لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا كِذَابًا ﴿٣٥﴾ جَزَاءً مِّن رَّبِّكَ عَطَاءً حِسَابًا ﴿٣٦﴾ رَبِّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا الرَّحْمَنُ لَا يَمْلِكُونَ مِنْهُ خِطَابًا ﴿٣٧﴾ يَوْمَ يَقُومُ الرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفًّا لَا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أِذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَقَالَ صَوَابًا ﴿٣٨﴾ ذَلِكَ الْيَوْمُ الْحَقُّ فَمَن شَاءَ اخْتَدِ إِلَىٰ رَبِّهِ مَنَابًا ﴿٣٩﴾ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا قَرِيبًا يَوْمَ يَنْظُرُ الْمَرْءُ مَا قَدَّمَتْ يَدَاهُ وَيَقُولُ الْكَافِرُ يَا لَيْتَنِي كُنْتُ تُرَابًا ﴿٤٠﴾

﴿31﴾ «**Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa, mendapat kemenangan: mendapat apa yang diinginkan dan keselamatan daripada api neraka.**

﴿32﴾ «**(Mereka akan beroleh) kebun-kebun dan buah-buahan anggur.**

﴿33﴾ «**Dan perawan-perawan; yang memiliki buah dada yang tegak dan menonjol (yang sebaya umurnya).**

﴿34﴾ «**Serta piala atau gelas yang penuh dengan minuman (arak).**

﴿35﴾ «**Mereka tidak mendengar di dalam Syurga itu perkataan yang sia-sia (batil) dan tiada pula perkataan yang dusta.**

﴿36﴾ «**Sebagai balasan dari Tuhanmu, iaitu satu limpah kurnia yang dikira cukup (menurut yang dijanjikanNya): iaitu satu kebaikan dibalas sepuluh,**

sehingga tujuh ratus gandaan, sehingga ke suatu ganjaran yang tidak terhad.

﴿37﴾ Tuhan yang mentadbirkan tujuh petala langit dan bumi serta apa yang ada di antara keduanya, Tuhan Yang Maha Pemurah, tidak ada sesiapa pun diberi kuasa berkata-kata denganNya: untuk memulakan percakapan denganNya kecuali apabila diizinkan dan tidak boleh memberi syafaat kecuali setelah diizinkan.

﴿38﴾ Pada masa 'roh': malaikat, atau Jibril AS, atau tentera Allah yang bukan dari kalangan malaikat. ﴿dan malaikat-malaikat yang lain berdiri bersaf-saf﴾ menunggu perintah Tuhan. ﴿tidak ada yang berani berkata-kata (atau memberi syafaat) melainkan yang telah diizinkan baginya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah, serta ia berkata benar﴾ di dunia dengan kesaksian tauhid.

﴿39﴾ Itulah keterangan-keterangan mengenai ﴿hari (kiamat) yang pasti berlaku; maka sesiapa yang mahukan (kebaikan dirinya), pastilah dia mengambil jalan dan cara kembali kepada Tuhannya﴾ dengan amal yang soleh!

﴿40﴾ Sesungguhnya (dengan keterangan-keterangan yang tersebut), Kami memberi amaran kepada kamu mengenai azab yang dekat (masa datangnya), iaitu hari seseorang melihat apa yang telah diusahakannya (baik atau buruk) ﴿dan orang yang kafir akan berkata (pada hari itu): Alangkah baiknya kalau aku menjadi tanah﴾ setelah dia melihat pelbagai jenis azab yang disediakan Allah ^(subhānahu wata'ālā) untuknya.

SURAH AN NAZI' AAT (PARA MALAIKAT YANG MENCABUT)

وَالَّذِينَ عَرَفُوا ۝ وَالَّذِينَ نَشِطُوا ۝ وَالَّذِينَ سَبَحُوا ۝ وَالَّذِينَ سَبَقُوا ۝
فَالْمُدْبِرَاتِ أَمْرًا ۝ يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ ۝ تَتَّبِعُنَّ الرَّادَةَ ۝ فُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ ۝
أَبْصُرُهَا حَشِيشَةٌ ۝ يَقُولُونَ إِنْ نَا لَمَرْدُودُونَ فِي الْحَافِرَةِ ۝ إِنْ ذَا كُنَّا عِظْمًا نَّخِرَةٌ ۝
قَالُوا تِلْكَ إِذْ أَكَرَّةٌ خَاسِرَةٌ ۝ فَا لَمَّا هِيَ زَجْرَةٌ وَاحِدَةٌ ۝ فَا ذَاهُمْ بِالسَّاهِرَةِ ۝

﴿1﴾ Demi (para malaikat) yang mencabut roh-roh manusia daripada badannya, seperti orang yang menarik tali panah sehingga ke hujungnya ﴿dengan cara yang sekasar-kasarnya;﴾ di mana malaikat mencabutnya sedalam-dalamnya dari hujung-hujung anggota badan.

﴿2﴾ Dan nyawa-nyawa (yang ditarik) keluar dari badan dengan cergas dan selembut-lembutnya.

﴿3﴾ Dan demi (malaikat) yang cergas bergerak turun dari langit dengan pantas kerana mendapat arahan Allah ﴿dengan gerak yang secergas-cergasnya;﴾ mereka terbang di udara seperti penyelam yang bergerak di dalam air.

﴿4﴾ Lalu masing-masing berlumba-lumba menjalankan perintah Allah ﴿dengan cara yang sesungguhnya-sungguhnya﴾ termasuk bersegera membawa roh orang yang beriman ke syurga.

﴿5﴾ Serta menyempurnakan tadbir urusan alam yang diperintahkan kepadanya: iaitu menurunkan hukum halal dan haram serta perinciannya serta urusan penduduk bumi seperti angin, hujan dan sebagainya.

﴿6﴾ Pada masa berlakunya tiupan sangkakala (yang pertama) yang

menggoncangkan alam,» sehingga mati segala yang bernyawa.

7 «Diikuti oleh tiupan yang kedua» yang berlaku padanya kebangkitan.

8 «Hati (manusia) pada hari itu berdebar-debar takut»; kerana melihat kedahsyatan hari kiamat.

9 «Pemandangan (orang yang kafir) tunduk gerun».

10 «Mereka (yang memungkirkan hari kebangkitan) berkata: Sungguhkah kita akan dikembalikan hidup seperti keadaan di dunia dahulu?»; setelah kita dimatikan dan ditanam di dalam kubur?

11 «Bolehkah (dihidupkan semula) sesudah kita menjadi tulang yang reput?».

12 «Mereka berkata lagi: Kalau demikian, itu adalah suatu pengembalian yang merugikan!» disebabkan mereka akan ditimpa perkara yang telah disebutkan oleh Muhammad ^(sallallahu 'alaihi wa sallam)

13 «Pengembalian itu hanyalah dengan sekali tiupan sahaja»: iaitu tiupan kedua yang akan berlakunya kebangkitan. Ia tidaklah sukar kerana besarnya kudrat Kami.

14 «Yang menyebabkan mereka dengan serta-merta berada di muka bumi yang putih rata.» Di situlah Allah ^(subhanahu wa ta'ala) menghisab hamba-hambanya.

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ مُوسَى ۗ إِذْ نَادَاهُ رَبُّهُ بِالْوَادِ الْمُقَدَّسِ طُوًى ۗ أَذْهَبَ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ۗ

فَقُلْ هَلْ لَكَ إِلَٰهٌ إِلَّا أَن تَرَىٰ ۗ وَأَهْدِيكَ إِلَىٰ رَبِّكَ فَتَخْشَىٰ ۗ فَأَرَاهُ الْآلِيَةَ الْكُبْرَىٰ ۗ

فَكَذَّبَ وَعَصَىٰ ۗ ثُمَّ إِدْبَارَ سَعَىٰ ۗ فحَشَرَ فَنَادَىٰ ۗ فَقَالَ أَنَارُهُ الْآخِلَىٰ ۗ

فَأَخَذَهُ اللَّهُ نَكَالَ الْآخِرَةِ وَالْأُولَىٰ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّمَن يَخْشَىٰ ۗ

15 «Sudakah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal Nabi Musa?».

16 «Ketika dia diseru oleh Tuhannya di "Wadi Tuwa" yang suci dan berkat»: sebuah wadi di gunung Sinai.

17 «(Lalu diperintahkan kepadanya): Pergilah kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampaui batas (dalam kekufuran dan kezalimannya)».

18 «Serta katakanlah kepadanya: Adakah engkau ingin mensucikan dirimu?» dari kesyirikan. Nabi Musa a.s diperintahkan untuk berlemah lembut dengannya.

19 «Dan mahukah, aku tunjuk kepadamu jalan mengenal Tuhanmu dengan tauhid dan ibadah, «supaya engkau merasa takut (melanggar perintahNya)?» Perasaan takut tidak akan terbit melainkan dari orang yang telah mendapat petunjuk dan bimbingan.

20 «Maka Nabi Musa memperlihatkan kepada Firaun: Mukjizat yang besar.»: tongkat atau tangan Nabi Musa AS.

21 «Tetapi Firaun mendustakan (Nabi Musa) dan menderhaka (kepada Allah)».

22 «Kemudian dia berpaling» dari beriman «sambil menjalankan usahanya» melakukan kerosakan di muka bumi serta bersungguh-sungguh menentang ajaran Nabi Musa.

23 «Lalu dia menghimpunkan orang-orangnya» sama ada tentera-tenteranya untuk dibawa berperang, atau para ahli sihir untuk menentang Nabi Musa AS, atau orang ramai untuk dipersaksikan apa yang berlaku «dan menyeru.».

﴿24﴾ Dengan berkata: Akulah tuhan kamu yang tertinggi﴾.

﴿25﴾ Maka Allah menghukum Firaun dengan hukuman akhirat (api neraka) dan seksaan di dunia ini (mati lemas),﴾ supaya orang yang mendengar kisah ini dapat mengambil pengajaran.

﴿26﴾ Sesungguhnya yang demikian itu mengandung pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang takut (dan bertakwa kepada Allah)﴾.

﴿٢٦﴾ أَنْتُمْ أَشَدُّ خَلْقًا أَوْ السَّمَاءُ بَدَنُهَا ﴿٢٧﴾ رَفَعَ سَمْعَهَا فَسَوَّيْنَاهَا ﴿٢٨﴾ وَأَعْطَشَ لَيْلَهَا وَأَخْرَجَ صُحُفَهَا ﴿٢٩﴾
 ﴿٣٠﴾ وَالْأَرْضَ بَعْدَ ذَلِكَ دَحَاهَا ﴿٣١﴾ أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَهَا ﴿٣٢﴾ وَالْجِبَالَ أَرْسَاهَا ﴿٣٣﴾
 ﴿٣٤﴾ مَتَاعًا لَكُمْ وَلِأَنْعَمَ عَلَيْكُمْ ﴿٣٥﴾ فَإِذَا جَاءَتِ الطَّامَةُ الْكُبْرَى ﴿٣٦﴾

﴿27﴾ Adakah (kamu menyangka) penciptaanmu﴾ sesudah mati dan kebangkitanmu ﴿lebih sukar, atau penciptaan langit?!﴾ yang mempunyai jirim yang besar serta apa yang dapat dilihat dengan jelas daripada penciptaannya yang mengkagumkan dan kudrat Tuhan yang tidak akan ditandingi. ﴿Tuhan telah membinanya (dengan kukuh)!﴾.

﴿28﴾ Dia telah meninggikan binaan langit itu lalu menyempurnakannya﴾ dengan menjadikan bentuk dan ciptaannya tepat dan setara; tiada kesenggangan, kebengkokan, belahan mahupun keretakan padanya.

﴿29﴾ Dan Dia menjadikan malamnya gelap-gelita, serta menjadikan siangya terang-benderang﴾.

﴿30﴾ Dan sesudah (penciptaan langit) itu, Dia menghamparkan bumi﴾.

﴿31﴾ Dia mengeluarkan dari bumi itu: Airnya﴾ sungai dan mata air ﴿dan tanamannya﴾.

﴿32﴾ Dan gunung-ganang pula dikukuhkan letaknya﴾ di bumi, sebagai pancang pasak yang menetapnya.

﴿33﴾ (Semuanya itu) untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu﴾.

﴿34﴾ Maka apabila datang hari yang bencananya amat besar;﴾: iaitu tiupan sangkakala kedua dimana ahli syurga dihantar ke syurga, manakala ahli neraka dihantar ke neraka.

﴿٣٤﴾ يَوْمَ يَتَذَكَّرُ الْإِنْسَانُ مَا سَعَى ﴿٣٥﴾ وَوُزِّرَتْ الْجَحِيمُ لِمَنْ يَرَى ﴿٣٦﴾ فَأَمَّا مَنْ طَغَى ﴿٣٧﴾ وَآتَتْهُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ﴿٣٨﴾
 ﴿٣٩﴾ فَإِنَّ الْجَحِيمَ هِيَ الْمَأْوَى ﴿٤٠﴾ وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَى ﴿٤١﴾ فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ
 الْمَأْوَى ﴿٤٢﴾ يَسْتَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا ﴿٤٣﴾ فِيمَا نَرَى مِنْ ذِكْرِهَا ﴿٤٤﴾ إِلَىٰ رَبِّكَ
 مُنْتَهَاهَا ﴿٤٥﴾ إِنَّمَا أَنْتَ مُنذِرٌ مَّنْ يَخْشَاهَا ﴿٤٦﴾ كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَهَا لَمْ يَلْبَسُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ ضُحَاهَا ﴿٤٧﴾

﴿35﴾ Iaitu hari manusia akan mengingati apa yang telah diusahakannya﴾.

﴿36﴾ Dan Neraka diperlihatkan kepada sesiapa sahaja yang dapat melihatnya;﴾ dengan penampakan yang sangat jelas.

﴿37﴾ Maka (dapatlah masing-masing mengetahui kesudahannya); adapun orang yang melampau﴾ kekufuran dan maksiatnya.

﴿38﴾ Serta dia mengutamakan kehidupan dunia semata-mata﴾ berbanding akhirat, lalu dia tidak bersedia dan tidak bermal untuknya.

- ﴿39﴾ Maka sesungguhnya Neraka Jahannamlah tempat kediamannya﴾.
- ﴿40﴾ Adapun orang yang takutkan keadaan semasa dia berdiri di hadapan Tuhannya﴾ pada hari kiamat, ﴿serta dia menahan dirinya dari menurut keinginan hawa nafsu﴾ yang condong kepada maksiat dan perkara yang dilarang.
- ﴿41﴾ Maka sesungguhnya Syurgalah tempat kediamannya﴾.
- ﴿42﴾ Mereka yang ingkar﴾ selalu bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang hari kiamat: Bilakah masa datangnya?﴾.
- ﴿43﴾ Apa hubungannya tugasmu dengan (soal) menerangkan masa kedatangan hari kiamat itu?﴾ Hanya Allah ^(subhānahu wata'āla) yang mengetahuinya.
- ﴿44﴾ Kepada Tuhanmulah terserah kesudahan ilmu mengenainya﴾.
- ﴿45﴾ Tugasmu hanyalah memberi amaran kepada orang yang takut akan berlakunya hari kiamat itu﴾.
- ﴿46﴾ (Sangatlah dahsyat huru-hara hari itu), sehingga orang-orang yang bersalah merasa pada masa melihatnya, seolah-olah mereka tidak tinggal (di dunia) melainkan sekadar satu petang atau paginya sahaja﴾.

SURAH ABASA (DIA BERMUKA MASAM)

عَبَسَ وَتَوَلَّى ۙ ۱ أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى ۚ ۲ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزْكِي ۚ ۳ أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنْفَعَهُ الذِّكْرَى ۚ ۴
 أَمَّا مَنْ أَسْتَعْتَبَ ۙ ۵ فَاتَّبَتْ لَهُ صُودَى ۙ ۶ وَمَا عَلَيْكَ الْأَلْبَابُ ۙ ۷ وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ يَسْعَى ۙ ۸
 وَهُوَ يَحْسَبُ ۙ ۹ فَاتَّبَتْ عَنْهُ آلِهَتِي ۙ ۱۰ كَلَّا إِنَّمَا تَذَكَّرُ ۙ ۱۱ فَمَنْ شَاءَ ذَكَرْهُ ۙ ۱۲ فِي صُحُفٍ مُّكَرَّمَةٍ ۙ ۱۳
 مَرْفُوعَةٍ مُّطَهَّرَةٍ ۙ ۱۴ بِأَيْدِي سَفَرَةٍ ۙ ۱۵ كِرَامٍ بَرَرَةٍ ۙ ۱۶

- ﴿1﴾ Dia (Nabi ^(sallallahu 'alaihi wa sallam)) memasak muka dan berpaling﴾.
- ﴿2﴾ Kerana dia didatangi orang buta﴾. Sebab turunnya ayat ini: bahawasanya sekumpulan pemimpin Quraisy sedang berada bersama dengan Nabi ^(sallallahu 'alaihi wa sallam); di mana baginda sangat mengharapkan keislaman mereka. Lalu datanglah kepadanya seorang lelaki buta yang bernama Abdullah ibni Ummi Maktum dan beliau termasuk dalam kalangan sahabat yang terpilih. Nabi ^(sallallahu 'alaihi wa sallam) tidak suka ibni Ummi Maktum memotong percakapannya, maka baginda berpaling daripadanya.
- ﴿3﴾ Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (tujuannya, wahai Muhammad)? Barangkali dia mahu menyucikan dirinya﴾ daripada dosa dengan amal soleh yang dipelajarinya daripadamu.
- ﴿4﴾ Ataupun dia mahu mendapat peringatan, lalu peringatan itu memberi manfaat kepadanya﴾.
- ﴿5﴾ Adapun orang yang merasa keadaannya telah cukup, tidak berhajat lagi﴾ kepada ajaran Al-Quran.
- ﴿6﴾ Maka engkau bersungguh-sungguh melayaninya﴾: menghadapnya dengan wajah dan percakapanmu, sedangkan dia tidak memerlukanmu serta berpaling daripada ajaranmu.
- ﴿7﴾ Padahal engkau tidak bersalah kalau dia tidak mahu membersihkan dirinya (dengan memeluk islam)﴾. Kerana engkau hanya dituntut untuk menyampaikan, maka janganlah engkau peduli urusan orang kafir seperti ini.

﴿8﴾ **«Adapun orang yang segera datang kepadamu»** meminta daripadamu bimbingan kepada kebaikan dan nasihat dengan pesanan-pesanan Allah

(*subhānahu*
wata'āla)

﴿9﴾ **«Dengan perasaan takutnya»** melanggar perintah-perintah Allah.

﴿10﴾ **«Maka engkau telah berpaling dan mengabaikannya».**

﴿11﴾ **«Janganlah melakukan lagi yang sedemikian itu! Sebenarnya ayat-ayat Al-Quran adalah pengajaran dan peringatan»** yang sepatutnya dijadikan nasihat, diterima dan diamalkan segala tuntutananya.

﴿12﴾ **«Maka sesiapa yang mahukan kebaikan dirinya, tentulah dia mengambil peringatan daripadanya».**

﴿13﴾ **«(Ayat-ayat Suci itu tersimpan) dalam naskah-naskah yang dimuliakan»** di sisi Allah kerana ia mengandungi ilmu dan hikmah atau kerana ia diturunkan dari Lauh Mahfuz.

﴿14﴾ **«Yang tinggi darjatnya»** di sisi Allah **«lagi suci»**: tidak menyentuhnya melainkan orang yang suci juga terpelihara dari gangguan syaitan dan orang kafir.

﴿15﴾ **«(Terpelihara) di tangan para utusan»**: iaitu malaikat yang mengutus wahyu daripada Allah (*subhānahu*
wata'āla) kepada RasulNya.

﴿16﴾ **«(Malaikat-malaikat) yang mulia, lagi yang berbakti»**: Bertakwa, taat kepada Tuhannya dan benar-benar beriman.

﴿١٦﴾ وَعَبَاً وَقَضَبًا ﴿١٨﴾ وَرَيْثُونَ وَتَحَلَّا ﴿١٩﴾ وَحَدَائِقُ غُلْبًا ﴿٢٠﴾ وَفِكَهَةٌ وَأَبَا ﴿٢١﴾ مَتَاعًا لَّكُمْ وَلَا تَنْعَمُكُمْ ﴿٢٢﴾
﴿١٧﴾ قُتِلَ الْإِنْسَانُ مَا أَكْفَرَهُ ﴿١٧﴾ مِنْ أَيِّ شَيْءٍ خَلَقَهُ ﴿١٨﴾ مِنْ نُطْفَةٍ خَلَقَهُ فَقَدَرَهُ ﴿١٩﴾ ثُمَّ السَّبِيلَ يَسَّرَهُ ﴿٢٠﴾ ثُمَّ أَمَانَةً وَأَقْبَرَهُ ﴿٢١﴾ ثُمَّ إِذَا نَسَاءً أَنْشَرَهُ ﴿٢٢﴾ كَلَّا لَمَّا يُقِضُ مَا أَمَرَهُ ﴿٢٣﴾
﴿٢٤﴾ فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ إِلَى طَعَامِهِ ﴿٢٤﴾ أَنَا صَبَبْنَا الْمَاءَ صَبًّا ﴿٢٥﴾ ثُمَّ شَقَقْنَا الْأَرْضَ شَقًّا ﴿٢٦﴾ فَأَنْبَتْنَا فِيهَا حَبًّا ﴿٢٧﴾

﴿17﴾ **«Binasalah hendaknya manusia (yang ingkar) itu, betapa besar kekufurannya?».**

﴿18﴾ **«(Tidakkah dia memikirkan) dari apakah dia diciptakan oleh Allah?».**

﴿19﴾ **«Dari air mani»**: yang hina; bagaimana orang yang keluar dari saluran kencing boleh berlaku sombong? **«Dia menciptakannya, lalu menentukannya»** yakni: menyempurnakan kejadiannya dan membangunkan dirinya dengan segala pancaindera; dan ini semua untuk kebaikan dirinya juga.

﴿20﴾ **«Kemudian jalan (baik dan jahat), dimudahkan Tuhan kepadanya»** untuk menimbang dan mengambil mana satu yang dia pilih.

﴿21﴾ **«Kemudian dimatikannya, lalu diperintahkan supaya dia dikuburkan»**; sebagai memuliakannya. Kerana itu dia tidak terbuang begitu sahaja setelah mati di atas muka bumi, lalu dimakan binatang buas dan burung-burung.

﴿22﴾ **«Kemudian apabila Allah kehendaki dibangkitkannya»**: hidup semula selepas mati, pada masa yang dikehendaki Allah (*subhānahu*
wata'āla)

﴿23﴾ **«Janganlah hendaknya dia kufur ingkar lagi! Sebenarnya dia belum menunaikan apa yang diperintahkan kepadanya»** kecuali sebahagian kecil. Bahkan sebahagian mereka memungkirinya dengan kekufuran dan sebahagian lagi dengan maksiat.

﴿24﴾ (Kalaulah dia tidak memikirkan asal dan kesudahan dirinya), maka hendaklah manusia melihat kepada makanannya﴾ yang menjadi asbab kehidupannya; bagaimana Allah ^(subhānahu wata'ālā) menciptakan makanannya.

﴿25﴾ Sesungguhnya Kami telah mencurahkan hujan dengan curahan yang menakjubkan﴾.

﴿26﴾ Kemudian Kami belah-belahkan bumi dengan sebaik-baiknya﴾ sehingga biji benih mampu tumbuh; walaupun saiznya kecil dan lemah.

﴿27﴾ Lalu Kami tumbuhkan pada bumi biji-bijian﴾ yang menjadi makanan manusia.

﴿28﴾ Dan buah anggur serta sayur-sayuran﴾ termasuk yang menjadi makanan binatang ternak.

﴿29﴾ Dan zaitun serta pohon-pohon kurma﴾.

﴿30﴾ Dan taman-taman yang menghijau subur﴾: iaitu pohon-pohon kurma yang telah teguh dan banyak berbuah.

﴿31﴾ Dan pelbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput (yang tumbuh liar)﴾.

﴿32﴾ Untuk kegunaan kamu dan binatang-binatang ternak kamu﴾.

فَإِذَا جَاءَتِ الصَّاحَةُ ﴿٣٣﴾ يَوْمَ يَفِرُّ الْمَرْءُ مِنْ أَخِيهِ ﴿٣٤﴾ وَأُمِّهِ وَأَبِيهِ ﴿٣٥﴾ وَصَلْبَتِهِ وَوَيْبِهِ ﴿٣٦﴾ لِكُلِّ أَمْرٍ مِّنْهُمْ يَوْمَئِذٍ شَأْنٌ بَعْضُهُ لِبَعْضٍ ﴿٣٧﴾ وَجُوهٌ يَوْمَئِذٍ مُّسْفَرَةٌ ﴿٣٨﴾ صَاحِكَةٌ مُّسْتَبْشِرَةٌ ﴿٣٩﴾ وَوُجُوهٌ يَوْمَئِذٍ عَلَيْهَا غَبَرَةٌ ﴿٤٠﴾ تَرَهَقَهَا فَتْرَةٌ ﴿٤١﴾ أُولَئِكَ هُمُ الْكٰفِرَةُ الْفٰجِرَةُ ﴿٤٢﴾

﴿33﴾ Kemudian (ingatlah keadaan yang berlaku) apabila datang suara jeritan yang memekakkan telinga (pada hari kiamat)﴾.

﴿34﴾ Pada hari seseorang itu lari dari saudaranya﴾.

﴿35﴾ Dan ibunya serta bapanya﴾.

﴿36﴾ Dan isterinya serta anak-anaknya﴾: mereka yang disebutkan ini adalah kaum kerabat yang paling hampir dan paling disayangi; justeru manusia tidak melarikan diri daripada mereka melainkan disebabkan suatu ketakutan dan keadaan yang mengerikan.

﴿37﴾ Kerana tiap-tiap seorang dari mereka pada hari itu, ada perkara-perkara yang cukup untuk menjadikannya sibuk dengan hal dirinya sahaja﴾. Berbanding sibuk dengan kaum kerabat; mereka mengelak dan melarikan diri daripada kerabat kerana takut dituntut haknya dan supaya tidak dilihat keadaan mereka yang dalam kesusahan.

﴿38﴾ Muka (orang-orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri﴾.

﴿39﴾ Tertawa, lagi bersuka ria﴾.

﴿40﴾ Dan muka (orang-orang yang ingkar) pada hari itu penuh berdebu﴾.

﴿41﴾ Diliputi oleh warna hitam legam dan gelap-gelita﴾.

﴿42﴾ Mereka itu ialah orang-orang yang kafir, penuh dengan kefasikan dan penipuan﴾.

SURAH AT-TAKWIR (MENGGULUNG)

إِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ ﴿١﴾ وَإِذَا النُّجُومُ انْكَدَرَتْ ﴿٢﴾ وَإِذَا الْجِبَالُ سُيِّرَتْ ﴿٣﴾ وَإِذَا الْعِشَارُ عُطِّلَتْ ﴿٤﴾
وَإِذَا الْوُحُوشُ حُشِرَتْ ﴿٥﴾ وَإِذَا الْبِحَارُ سُجِّرَتْ ﴿٦﴾ وَإِذَا النُّفُوسُ زُوِّجَتْ ﴿٧﴾

وَإِذَا الْعَمَوْدُ دَعُوهُ سَبَيْتَ ﴿٨﴾ يَا بَيْتَ ذَنْبٍ قُتِلَتْ ﴿٩﴾ وَإِذَا الصُّحُفُ نُشِرَتْ ﴿١٠﴾ وَإِذَا السَّمَاءُ كُشِطَتْ ﴿١١﴾
وَإِذَا الْجَحِيرُ سُعِرَتْ ﴿١٢﴾ وَإِذَا الْجِنَّةُ أُرْلِفَتْ ﴿١٣﴾ عَلِمْتَ نَفْسٌ مَّا أَحْضَرْتَ ﴿١٤﴾

1. Apabila matahari digulung seperti bola; digumpal dan dicampak.
2. Dan apabila bintang-bintang gugur berselerak; Dikatakan juga: dipadam cahayanya.
3. Dan apabila gunung-ganang di terbangkan ke angkasa (setelah dihancurkan menjadi debu);
4. Dan apabila unta-unta yang bunting terbiar; tanpa gembala kerana melihat malapetaka yang menggerunkan. Allah menyebut unta bunting secara khusus kerana ia adalah aset yang paling mahal di sisi orang Arab.
5. Dan apabila binatang-binatang liar dihimpunkan; dilepaskan sehingga sebahagiannya menerkam yang lain. Dikatakan juga maksudnya: dimatikan.
6. Dan apabila lautan dipanaskan sehingga menjadi lautan api yang menyala-nyala.
7. Dan apabila tiap-tiap diri disatukan (dengan pasangannya); Roh orang yang beriman dipasangkan dengan bidadari, dan roh orang yang kafir dipasangkan dengan syaitan. Kata al-Hasan: "Setiap orang dimasukkan bersama-sama dengan puaknya; yahudi dengan yahudi, nasrani dengan nasrani, majusi dengan majusi, munafiqin dengan munafiqin dan orang yang beriman dengan orang yang beriman".
8. Dan apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup: Ditanya.
9. Dengan dosa apakah dia dibunuh? Dahulunya orang Arab, sekiranya mereka mendapat kelahiran anak perempuan, mereka akan menanamnya hidup-hidup kerana takut mendapat malu atau kerana adanya keperluan tertentu, maka Allah mencela pembunuhnya dengan soalan ini; kerana anak itu dibunuh tanpa sebarang dosa.
10. Dan apabila surat-surat amal dibentangkan untuk dihisab.
11. Dan apabila langit pecah dan ditanggalkan dari tempatnya;.
12. Dan apabila Neraka dinyalakan menjulang; yang menyalakannya adalah kemurkaan Allah (^{subhānahu} wata'ālā) dan kesalahan anak Adam.
13. Dan apabila Syurga didekatkan kepada para *muttaqin*. Dikatakan: 12 perkara yang disebut ini; enam daripadanya berlaku di dunia, iaitu daripada permulaan surah sehingga firmanNya: ﴿ وَإِذَا الْحَاذِرُ سُجِرَتْ ﴾ ﴿٦﴾, dan enam lagi di akhirat bermula dari firmanNya: ﴿ وَإِذَا النُّفُوسُ زُوِّجَتْ ﴾ ﴿٧﴾ sehingga ke ayat ini.
14. Tiap-tiap orang akan mengetahui tentang amal yang telah dibawanya apabila surat-an amal dibentangkan; baik mahupun buruk.

فَلَا أَقْسِمُ بِالْخَنَسِ ﴿١٥﴾ الْجَوَارِ الْكُنَاسِ ﴿١٦﴾ وَاللَّيْلِ إِذَا عَسَسَ ﴿١٧﴾ وَالصُّبْحِ إِذَا تَنَفَّسَ ﴿١٨﴾
إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿١٩﴾ ذِي قُوَّةٍ عِنْدَ ذِي الْعَرْشِ مَكِينٍ ﴿٢٠﴾ مُطَاعٍ ثَمَّ أَمِينٍ ﴿٢١﴾ وَمَا صَاحِبُكُمْ
بِمَجْنُونٍ ﴿٢٢﴾ وَلَقَدْ رَآهُ بِالْأُفُقِ الْمُبِينِ ﴿٢٣﴾ وَمَا هُوَ عَلَى الْغَيْبِ بِضَنِينٍ ﴿٢٤﴾ وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَيْطَانٍ رَجِيبٍ

﴿٢٥﴾ فَأَيَّنَ تَذْهَبُونَ ﴿٢٦﴾ إِنَّهُوَ لَا ذِكْرَ لِلْعَالَمِينَ ﴿٢٧﴾ لِمَنْ شَاءَ مِنْكُمْ أَنْ يَسْتَقِيرَ ﴿٢٨﴾
وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٢٩﴾

﴿15﴾ Oleh itu, Aku bersumpah dengan bintang-bintang yang tenggelam timbul; yang mengilang dan tidak kelihatan pada waktu siang di sebalik cahaya matahari.

﴿16﴾ Yang beredar pada orbitnya juga yang mengilang pada waktu terbenamnya.

﴿17﴾ Dan malam, apabila ia semakin larut.

﴿18﴾ Dan waktu subuh, apabila ia menyingsing.

﴿19﴾ Sebenarnya Al-Quran itu, sungguh-sungguh Kalamullah (yang disampaikan oleh Jibril), Utusan yang mulia daripada Allah (subhanahu wata'ala) kepada Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam).

﴿20﴾ Yang kuat gagah, lagi berkedudukan tinggi di sisi (Allah) yang mempunyai Arasy.

﴿21﴾ Yang ditaati di sana (dalam kalangan malaikat), lagi dipercayai dalam urusan wahyu dan lain-lain.

﴿22﴾ Dan sebenarnya sahabat kamu (Nabi Muhammad) itu, bukanlah dia seorang yang gila. Disifatkan Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) sebagai 'sahabat' menunjukkan mereka mengenali keadaan Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) sebagai orang yang paling waras dan sempurna di kalangan mereka.

﴿23﴾ Dan sesungguhnya! Dia (Muhammad) telah melihatnya (Jibril) pada rupa asalnya yang mempunyai 600 sayap. di ufuk yang nyata. Kata Mujahid rah: "Baginda melihatnya pada arah Ajyad; iaitu di timur Mekkah".

﴿24﴾ Dan dia (Muhammad) bukanlah seorang yang bakhil (juga tidak cuai) dalam menyampaikan perkara-perkara yang ghaib, bahkan baginda mengajar manusia Kalamullah dan hukum-hakamnya.

﴿25﴾ Dan sebenarnya Al-Quran itu bukanlah perkataan Syaitan yang kena rejam dengan api, yang mencuri-curi dengar (berita dari langit).

﴿26﴾ Maka ke manakah kamu hendak pergi? Yakni: jalan manakah yang lebih jelas dari jalan yang telah aku terangkan kepada kamu semua?

﴿27﴾ Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan (dan nasihat) bagi seluruh penduduk alam.

﴿28﴾ (Iaitu) bagi sesiapa dari kamu yang mahu tetap teguh di atas jalan (Islam) yang betul.

﴿29﴾ Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu untuk beristiqamah, dan kamu tidak akan mampu beristiqamah kecuali dengan kehendak Allah dan taufikNya, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam.

SURAH AL-INFITHAR (TERBELAH)

إِذَا السَّمَاءُ انْفَطَرَتْ ﴿١﴾ وَإِذَا الْكَوَاكِبُ انْتَبَرَتْ ﴿٢﴾ وَإِذَا الْبِحَارُ فُجِّرَتْ ﴿٣﴾ وَإِذَا الْقُبُورُ بُعْثِرَتْ ﴿٤﴾
عَلِمْتَ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ وَأَخَّرَتْ ﴿٥﴾ يَا أَيُّهَا الْإِنْسَانُ مَا عَرَبَكَ بِرَبِّكَ الْكَرِيمِ ﴿٦﴾

الَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّاكَ فَعَدَلَكَ ﴿٧﴾ فِي أَيِّ صُورَةٍ مَّا شَاءَ رَكَّبَكَ ﴿٨﴾ كَلَّا بَلْ تُكذِّبُونَ بِالَّذِينَ ﴿٩﴾
وَأَنْ عَلَيْكُمْ لِحَفِظِينَ ﴿١٠﴾ كِرَامًا كَتِّيبِينَ ﴿١١﴾ يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ ﴿١٢﴾

1 ﴿Apabila langit terbelah;﴾ disebabkan turunnya para malaikat.

2 ﴿Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan;﴾.

3 ﴿Dan apabila lautan-lautan pecah bercampur-baur;﴾ sehingga menjadi satu lautan sahaja, atau ia meletus seperti gunung berapi, dan ini berlaku sebelum kiamat.

4 ﴿Dan apabila kubur-kubur dibongkarkan;﴾: dikorek tanahnya dan dikeluarkan mayat daripadanya.

5 ﴿(Setelah semuanya itu berlaku), tiap-tiap orang akan mengetahui﴾ ketika dibentangkan surat amalan «apa yang telah dikerjakan dan ditinggalkannya» dari kebaikan dan keburukan.

6 ﴿Wahai manusia! Apakah yang memperdayakanmu (sehingga engkau berlaku derhaka) kepada Tuhanmu Yang Maha Pemurah?﴾. Dikatakan: yang memperdayakannya ialah keampunan Allah (^{subhānahu wata'āla}); kerana Allah (^{subhānahu wata'āla}) tidak segera mengenakan hukuman.

7 ﴿Tuhan yang telah menciptakanmu﴾ dari setitis mani «lalu menyempurnakan kejadianmu»; boleh mendengar, melihat dan berfikir, «serta menjadikan (binaan tubuh badanmu) seimbang;» dan sesuai serta elok rupa bentuknya.

8 ﴿Dalam bentuk dan rupa apa sahaja yang dikehendakiNya, Dia menyusun kejadianmu;﴾ kamu tidak boleh memilih rupa bentukmu sendiri.

9 ﴿Jangan sekali-kali!﴾ terpedaya dengan kurniaan Allah (^{subhānahu wata'āla}) yang banyak lalu menjadikannya jalan kepada kekufuran. «Bahkan kamu sendiri tidak percayakan adanya hari pembalasan».

10 ﴿Padahal sesungguhnya, ada malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawas segala (pekerjaan) kamu».

11 ﴿(Mereka adalah makhluk) yang mulia (di sisi Allah), lagi ditugaskan menulis (amal-amal kamu)».

12 ﴿Mereka mengetahui apa yang kamu lakukan»: mereka menulis segala percakapan dan perbuatan kamu untuk dihisab pada hari kiamat.

إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ ﴿١٣﴾ وَإِنَّ الْفُجَّارَ لَفِي جَحِيمٍ ﴿١٤﴾ يَصَلُّونَهَا يَوْمَ الَّذِينَ ﴿١٥﴾
وَمَا هُمْ عَنْهَا بِغَائِبِينَ ﴿١٦﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمَ الَّذِينَ ﴿١٧﴾ ثُمَّ مَا أَدْرَاكَ مَا يَوْمَ الَّذِينَ ﴿١٨﴾
يَوْمَ لَا تَمْلِكُ نَفْسٌ لِنَفْسٍ شَيْئًا وَالْأَمْرُ يَوْمَئِذٍ لِلَّهِ ﴿١٩﴾

13 ﴿Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan amal kebajikan), pasti berada dalam Syurga yang penuh nikmat».

14 ﴿Dan sesungguhnya orang-orang yang bersalah, pasti berada dalam Neraka yang menjulang-julang».

15 ﴿Mereka menderita bakaran Neraka itu pada hari pembalasan» yang mereka dustakan dulu.

16 ﴿Dan mereka tidak mungkin keluar daripadanya» selama-lamanya.

﴿17﴾ «Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari pembalasan itu?».

﴿18﴾ «Sekali lagi, apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari pembalasan itu?»: Persoalan ini diulang untuk menunjukkan besar dan pentingnya perkara ini.

﴿19﴾ «(Hari itu ialah) hari seseorang tidak dapat memberikan pertolongan sedikitpun kepada orang lain dan segala urusan pada hari itu tertentu bagi Allah.»: Tiada sesiapaupun yang memutuskan atau melakukan sesuatu kecuali Allah Tuhan semesta alam. Allah tidak menjadikan sesiapaupun sebagai raja pada hari kiamat itu sepertimana Allah menjadikannya di dunia dulu.

SURAH AL-MUTAFFIFIN (ORANG YANG CURANG)

Daripada Ibnu Abbas ^(radhiyallahu anhu), katanya: “Ketika Nabi ^(sallallahu alaihi wa sallam) datang ke Madinah, mereka (orang-orang Madinah) merupakan orang yang paling buruk timbangannya, maka Allah ^(subhanahu wata’ala) menurunkan: ﴿ وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴾, lalu mereka memperelokkan timbangan mereka sesudah itu”.

﴿1﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿2﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوَّزَوْهُمْ يَخْسِرُونَ ﴿3﴾
 ﴿4﴾ لَيْسُوا بِعَدُوِّكُمْ أَوْ لِيَوْمِ عَظِيمٍ ﴿5﴾ يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿6﴾

﴿1﴾ «Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan)». Maksud ‘*tathfif*’ di dalam ayat ini: mengurangkan sedikit timbangan atau sukatan (daripada yang sepatutnya). Boleh jadi ada dikalangan mereka yang mempunyai dua penimbang; satu digunakan untuk orang ramai dan satu lagi untuk diri mereka sendiri.

﴿2﴾ «Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup».

﴿3﴾ «Dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurang».

﴿4﴾ «Tidakkah mereka menyangka»: terlintas di fikiran mereka «bahawa mereka akan dibangkitkan (hidup semula sesudah mati)?» Lalu mereka akan dipertanggungjawabkan atas perbuatan mereka. Tidakkah mereka menyangka sehingga mereka mampu mentadabbur dan mengkaji tentangnya, seterusnya meninggalkan apa yang mereka takuti daripada akibat buruknya.

﴿5﴾ «Pada hari (kiamat) yang amat besar (huru-haranya)».

﴿6﴾ «Hari manusia berdiri untuk menghadap Tuhan sekalian alam?»: menunggu perintah, balasan dan perhitungan Allah ^(subhanahu wata’ala) Ini menunjukkan besarnya dosa dan buruknya akibat mengurangkan sukatan atau timbangan kerana ia melibatkan pemecahan amanah dan memakan hak orang lain.

﴿7﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا سَجِّينٌ ﴿8﴾ كِتَابٌ مَّرْهُومٌ ﴿9﴾ وَيْلٌ لِّلْمُكْذِبِينَ ﴿10﴾ الَّذِينَ يُكْذِبُونَ بِعَمَلِ الدِّينِ ﴿11﴾ وَمَا يَكْتُوبُ بِهِ إِلَّا كُلُّ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿12﴾ إِذِ اتَّخَذَ عَلَيْهِمْ إِبْرَاهِيمُ ﴿13﴾ الْأَوْلِيَاءَ ﴿14﴾ كَلَّا إِنَّهُمْ عَنْ رَبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَمَّحْجُوبُونَ ﴿15﴾

ثُمَّ إِنَّهُمْ لَصَالُوا الْحَجِيرِ ﴿١٦﴾ ثُمَّ يُقَالُ هَذَا الَّذِي كُنتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ ﴿١٧﴾

﴿7﴾ Jangan sekali-kali (begitu)! Sesungguhnya surat amal orang-orang yang berdosa itu (didaftarkan) di dalam 'Sijjiin'. 'Sijjin' ialah daftar rekod ahli neraka, atau kurungan yang sempit.

﴿8﴾ Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui: Apa dia "Sijjiin" itu?.

﴿9﴾ (Iaitu) kitab yang berisi catatan (nama-nama mereka).

﴿10﴾ Kecelakaan besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan.

﴿11﴾ Iaitu mereka yang mendustakan hari pembalasan.

﴿12﴾ Dan tiada yang mendustakannya melainkan tiap-tiap orang yang melampaui batas (kebenaran), lagi amat berdosa!»: derhaka, zalim, tenggelam dalam perkara-perkara yang menyebabkan dosa.

﴿13﴾ (Sehingga) apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, yang diturunkan kepada Muhammad (sallallahu 'alaihi wa salam) dia berkata: Ini ialah dongeng orang-orang dahulu kala! yang terdapat di dalam kitab-kitab mereka.

﴿14﴾ Sekali-kali tidak (seperti yang mereka katakan)! Bahkan selaput yang membalut hati mereka adalah disebabkan (banyaknya dosa dan maksiat) yang mereka kerjakan. Daripada Abu Hurairah (radhiyallahu 'anhu) bahawasanya Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: "Sesungguhnya apabila seseorang hamba itu melakukan suatu dosa, dititikkan pada hatinya satu titik hitam. Jika dia bertaubat, segera berhenti dan beristighfar hatinya menjadi bersih semula. Jika dia kembali (melakukan dosa), bertambahlah (titik hitam) itu sehingga ia membalut hatinya. Yang demikian itulah 'ar-raan' (selaput) yang disebut oleh Allah (subhanahu wa ta'ala) di dalam al-Quran".

﴿15﴾ Jangan lagi mereka berlaku demikian! (Kalau tidak), mereka pada hari itu, tetap terhalang daripada (melihat) Tuhannya pada hari kiamat, sepertimana orang beriman yang akan melihat Tuhannya. Sepertimana Allah menghalang mereka di dunia daripada mentauhidkanNya, begitulah Dia menghalang mereka di akhirat daripada melihatNya.

﴿16﴾ Kemudian, sesungguhnya mereka akan memasuki Neraka dan merasai kepanasannya.

﴿17﴾ Kemudian dikatakan (kepada mereka): Inilah dia (azab seksa) yang kamu dustakan dahulu.

كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْأَبْرَارِ لَفِي عَلْتَيْنَ ﴿١٨﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا عَلْتُونَ ﴿١٩﴾ كِتَابٌ مَّرْقُومٌ ﴿٢٠﴾ يَشْهَدُهُ الْمُقَرَّبُونَ ﴿٢١﴾

إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ ﴿٢٢﴾ عَلَى الْأَرَائِكِ يَنْظُرُونَ ﴿٢٣﴾ تَعْرِفُ فِي وُجُوهِهِمْ نَضْرَةَ النَّعِيمِ ﴿٢٤﴾

يُسْقَوْنَ مِنْ رَحِيقٍ مَخْمُومٍ ﴿٢٥﴾ خِتْمُهُ مَسْكٌ وَفِي ذَلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ الْمُتَنَفِسُونَ ﴿٢٦﴾

وَمِنْ أَرْجَائِهِمْ مَسْنِينٌ ﴿٢٧﴾ عَيْنًا يَشْرَبُ بِهَا الْمُقَرَّبُونَ ﴿٢٨﴾

﴿18﴾ Benarlah! Sesungguhnya surat amal orang-orang yang berbakti yakni: orang-orang yang taat adalah (didaftarkan) dalam 'Illiyiin': iaitu syurga atau syurga yang tinggi-tinggi.

﴿19﴾ Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apa dia "Illiyiin" itu? sebagai membesarkan perihal 'Illiyiin' ini.

﴿20﴾ (Iaitu) kitab yang berisi catatan (nama-nama mereka).

﴿21﴾ Yang disaksikan oleh (sekumpulan malaikat), yang didampingkan Tuhan di sisiNya﴾. Para malaikat membawa dan menyaksikan kitab tersebut. Dikatakan juga: Para malaikat menyaksikan apa yang terkandung di dalamnya pada hari kiamat.

﴿22﴾ Sesungguhnya orang-orang yang berbakti pasti berada di dalam Syurga yang penuh nikmat﴾.

﴿23﴾ Mereka berehat di atas pelamin-pelamin (yang berhias), sambil melihat﴾ segala kemuliaan yang disediakan untuk mereka di situ. Dikatakan juga: mereka melihat kepada wajah Allah ^(subhānahu wata'āla)

﴿24﴾ Engkau dapat melihat pada wajah mereka: Cahaya nikmat﴾; keelokan, putih berseri dan kegembiraan.

﴿25﴾ Mereka diberi minum dari 'khamar' murni yang termeterai bekasnya﴾: ia dicegah daripada disentuh oleh sebarang tangan sehinggalah ia dibuka kepada para 'abrar'.

﴿26﴾ (Rasanya) yang terakhir adalah bauan kasturi﴾. Dikatakan juga: penutup bekasnya daripada kasturi. ﴿Maka untuk (memperolehi nikmat kesenangan) itu hendaknya berlumba-lumba mereka yang ingin merebut kelebihan dan kesenangan﴾; maka setiap orang menginginkannya untuk dirinya sahaja dengan berlumba-lumba mendapatkannya.

﴿27﴾ Dan campuran minuman itu adalah dari 'Tasnim'﴾: iaitu minuman yang dituang dari tempat tinggi. Ia juga minuman syurga yang paling mulia.

﴿28﴾ Iaitu mata air yang diminum daripadanya oleh orang-orang yang didampingkan (Tuhan di sisiNya)﴾.

إِنَّ الَّذِينَ أَجْرَمُوا كَانُوا مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا يَضْحَكُونَ ﴿٢٩﴾ وَإِذَا مَرُّوا بِهِمْ يَتَغَامِرُونَ ﴿٣٠﴾
وَإِذَا انْقَلَبُوا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ انْقَلَبُوا فَكِهِينَ ﴿٣١﴾ وَإِذَا رَأَوْهُمْ قَالُوا إِنَّ هَٰؤُلَاءِ لَضَالُّونَ ﴿٣٢﴾
وَمَا أَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ حَفَظِينَ ﴿٣٣﴾ فَالْيَوْمَ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنَ الْكُفَّارِ يَضْحَكُونَ ﴿٣٤﴾
عَلَىٰ الْأَرْيَافِ يَنْظُرُونَ ﴿٣٥﴾ هَلْ تُؤِيبُ الْكُفَّارَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٣٦﴾

﴿29﴾ Sesungguhnya orang-orang yang derhaka (orang kafir), mereka selalu mentertawakan orang-orang yang beriman): mempersenda dan menghina orang yang beriman.

﴿30﴾ Dan apabila orang-orang yang beriman melintas di hadapan mereka, mereka mengering dan mengerdipkan mata sesama sendiri): memalukan dan mengaibkannya dengan islam.

﴿31﴾ Dan apabila mereka (orang kafir) kembali kepada kaum keluarganya, mereka kembali dengan riang gembira): mencela dan mempermain-mainkan orang yang beriman.

﴿32﴾ Dan apabila mereka melihat orang-orang yang beriman, mereka berkata: Sesungguhnya orang-orang itu adalah golongan yang sesat!﴾.

﴿33﴾ Pada hal mereka tidak diutus (dari sisi Allah) sebagai penjaga (amalan) orang-orang yang beriman itu!﴾.

﴿34﴾ Maka pada hari ini, orang-orang yang beriman pula mentertawakan orang yang kafir itu﴾ apabila melihat mereka dalam keadaan hina dan ditewaskan, sepertimana orang-orang yang kafir itu mentertawakan

mereka ketika di dunia.

﴿35﴾ «Sambil mereka berehat di atas pelamin-pelamin (yang berhias), serta melihat» kepada musuh Allah yang sedang diazab.

﴿36﴾ «Tidakkah orang-orang yang kafir itu telah dibalas akan apa yang mereka telah kerjakan dahulu?» di dunia ketika mereka mentertawakan dan mengejek orang-orang yang beriman.

SURAH AL-INSYIQAQ (TERBELAH)

إِذَا السَّمَاءُ انشَقَّتْ ﴿١﴾ وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٢﴾ وَإِذَا الْأَرْضُ مُدَّتْ ﴿٣﴾ وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ ﴿٤﴾
وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٥﴾ يَتَأَيَّهَا الْإِنْسَنُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمَلَقِيهِ ﴿٦﴾

﴿1﴾ «Apabila langit terbelah»: ia antara tanda-tanda kiamat.

﴿2﴾ «Serta mematuhi perintah Tuhannya dan sudah semestinya ia patuh (dan dengar)».

﴿3﴾ «Dan apabila bumi diratakan», dan bukit-bukau dihancurkan sehingga bumi menjadi rata lagi licin.

﴿4﴾ «Serta mengeluarkan apa yang di dalamnya» daripada mayat-mayat dan «menjadi kosong», serta menyerahkan mereka kepada Allah untuk dilaksanakan perintahNya terhadap mereka.

﴿5﴾ «Serta mematuhi (perintah) Tuhannya dan sudah semestinya ia patuh; (maka pada saat itu tiap-tiap seorang akan mengetahui apa yang telah dilakukannya)».

﴿6﴾ «Wahai manusia! Sesungguhnya engkau telah berkerja keras untuk (bertemu) Tuhanmu, kemudian engkau tetap akan menemuiNya (dengan membawa amalanmu)».

فَأَمَّا مَنْ أوتىٰ كِتَابَهُ وَيَمِينِهِ ﴿٧﴾ فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ﴿٨﴾ وَيَتَقَلَّبُ إِلَىٰ أَهْلِهِ مَسْرُورًا ﴿٩﴾
وَأَمَّا مَنْ أوتىٰ كِتَابَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ ﴿١٠﴾ فَسَوْفَ يَدْعُوا ثُبُورًا ﴿١١﴾ وَيَصْلَىٰ سَعِيرًا ﴿١٢﴾

إِنَّهُ كَانَ فِي أَهْلِهِ مَسْرُورًا ﴿١٣﴾ إِنَّهُ وَظَنَ أَنْ لَّنْ يَحُورَ ﴿١٤﴾ بَلَىٰ إِنَّ رَبَّهُ كَانَ بِهِ بَصِيرًا ﴿١٥﴾

﴿7﴾ «Adapun sesiapa yang diberi menerima surat amalnya dengan tangan kanannya»; iaitu orang-orang yang beriman.

﴿8﴾ «Maka dia akan dihisab dengan cara yang mudah dan ringan»: iaitu dibentangkan dihadapannya kejahatan-kejahatannya kemudian Allah (^{subhānahu} wata'ālā) mengampunkannya tanpa perlu dipersoaljawabkan di penghisaban. Daripada Aisyah r.ha katanya sabda Nabi (^{sallāluhu 'alaihi wa sallam}):

«Barangsiapa yang dipersoaljawabkan oleh penghisaban, maka dia pasti disiksa. Aku berkata: Bukankah Allah (^{subhānahu} wata'ālā) berfirman: {Maka dia akan dihisab dengan cara yang mudah dan ringan}? Sabda Nabi (^{sallāluhu 'alaihi wa sallam}): Itu bukanlah penghisaban, tetapi pembentangan. Barangsiapa yang dipersoaljawabkan oleh penghisaban pada hari kiamat, dia pasti diazab».

﴿9﴾ «Dan dia akan kembali kepada keluarganya»: isteri dan bidadari yang berada di syurga «dengan gembira»; kerana diberikan kebaikan dan kemuliaan.

﴿10﴾ «Dan sesiapa yang diberi menerima surat amalnya (dengan tangan kiri), dari sebelah belakangnya»; kerana tangan kanannya diikat ke lehernya, maka tangan kirinya berada di belakangnya. Mereka itu ialah

orang-orang kafir dan pelaku maksiat.

﴿11﴾ **Maka dia akan meraung menyebut-nyebut kebinasannya**﴾. Apabila dia membaca surat amalannya, dia akan berkata: “Aduhai celakalah aku!”, “Aduhai binasalah aku”.

﴿12﴾ **Dan dia akan masuk ke dalam Neraka yang marak menjulang**﴾.

﴿13﴾ **Sebenarnya dia semasa di dunia dahulu bersukaria dalam kalangan keluarganya (yang juga kufur ingkar!**﴾ dengan mengikuti hawa nafsunya secara sombong kerana tidak pernah terlintas atau memikirkan bahaya hari akhirat.

﴿14﴾ **Sesungguhnya dia menyangka bahawa dia tidak sekali-kali akan kembali (kepada Kami untuk menerima balasan!**﴾.

﴿15﴾ **(Sangkaannya itu tidak betul,) bahkan (dia tetap kembali)! Sesungguhnya Tuhannya sentiasa Melihat dan Mengetahui keadaannya!**﴾ dan amalannya; tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripada pengetahuanNya.

فَلَا أَقْسِمُ بِاللَّفْحِقِ ﴿١٦﴾ وَاللَّيْلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾ وَالْقَمَرِ إِذَا اتَّسَقَ ﴿١٨﴾
لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٍ ﴿١٩﴾ فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾ وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْءَانُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٢١﴾
بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا يَكْذِبُونَ ﴿٢٢﴾ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُوعُونَ ﴿٢٣﴾ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾
إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٢٥﴾

﴿16﴾ **Maka Aku bersumpah, demi cahaya merah pada waktu senja;**﴾ dari selepas terbenam matahari sehingga waktu isyak.

﴿17﴾ **Dan malam serta segala yang dihimpunkannya;**﴾ yakni: menghimpunkan segala yang bertebaran pada waktu siang. Ini kerana apabila masuk waktu malam, semua hidupan akan kembali ke tempat tinggalnya.

﴿18﴾ **Dan bulan apabila (penuh cahayanya) menjadi purnama**﴾.

﴿19﴾ **Sesungguhnya kamu tetap melalui keadaan demi keadaan**﴾: kaya dan miskin, hidup dan mati, masuk syurga atau neraka.

﴿20﴾ **Maka apakah alasan bagi mereka bersikap tidak mahu beriman?**﴾ dengan al-Quran sedangkan wujud faktor-faktor yang mewajibkan mereka beriman dengannya.

﴿21﴾ **Dan apabila dibacakan al-Quran kepada mereka, mereka tidak mahu sujud?**﴾. Apakah yang menghalang mereka untuk sujud dan merendah diri apabila dibacakan al-Quran? Dikatakan maknanya: mereka tidak melakukan sujud tilawah apabila dibacakan ayat yang memerintahkan sujud.

﴿22﴾ **Bahkan orang-orang yang kafir, semata-mata mendustakannya**﴾: al-Quran yang mengandungi penetapan terhadap tauhid, kebangkitan, dosa dan pahala.

﴿23﴾ **Sedang Allah mengetahui apa yang mereka rahsiakan dalam hati (daripada pendustaan)**﴾.

﴿24﴾ **Maka khabarkanlah kepada mereka dengan azab yang tidak terperi sakitnya**﴾.

﴿25﴾ **Kecuali orang yang beriman dan melakukan kebaikan, mereka akan mendapat pahala yang tidak putus-putus**﴾: yang tidak diungkit-ungkit lagi tentangnya.

SURAH AL-BURUJ (GUGUSAN BINTANG)

وَالسَّمَاءَ ذَاتَ الْبُرُوجِ ﴿١﴾ وَالْيَوْمَ الْمَوْعُودِ ﴿٢﴾ وَشَاهِدٍ وَمَشْهُودٍ ﴿٣﴾ قَبْلِ أَصْحَابِ الْأَحْدُودِ ﴿٤﴾ النَّارِ
ذَاتِ الْوُجُودِ ﴿٥﴾ إِذْ هُمْ عَلَيْهَا قُعُودٌ ﴿٦﴾ وَهُمْ عَلَى مَا يَفْعَلُونَ بِالْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ ﴿٧﴾ وَمَقْنَعُوا مِنْهُمْ إِلَّا
أَنْ يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿٨﴾ الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ
﴿٩﴾ إِنَّ الَّذِينَ فَتَنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَرَّجْنَا لَهُمْ عَذَابَ جَهَنَّمَ وَأَلْهَمْنَا الْهَارِيقِ ﴿١٠﴾

﴿١﴾ Demi langit yang mempunyai tempat-tempat peredaran bintang-bintang: iaitu 12 buruj bagi 12 jenis bintang.

﴿٢﴾ Dan hari (pembalasan) yang dijanjikan: hari kiamat.

﴿٣﴾ Dan makhluk-makhluk yang hadir menyaksikan hari itu, serta segala yang disaksikan: iaitu segala yang disaksikan oleh saksi terhadap jenayah berat yang dilakukan oleh penjenayah, termasuk jenayah yang dilakukan terhadap saksi itu sendiri; iaitu setiap nyawa yang gugur syahid di jalan Allah; seperti di dalam kisah ‘*ashab al-ukhdud*’ yang akan disebut nanti. Allah (^{subhānahu} wata’alā) juga menjadi saksi atas perbuatan mereka seperti yang akan disebut selepas kisah tersebut.

﴿٤﴾ Celakalah kaum yang menggali parit (*ashab al-ukhdud*): iaitu salah seorang raja yang kafir serta bala tenteranya. Apabila sebahagian rakyatnya beriman, dia menggali untuk mereka parit-parit dan dinyalakan padanya api lalu mencampak mereka semua ke dalam api sehingga mereka terbakar, sedangkan raja dan orang-orangnya hanya memerhatikan.

﴿٥﴾ (Parit) api yang penuh dengan bahan bakaran.

﴿٦﴾ (Mereka dilaknat) ketika mereka duduk (memerhati) di kelilingnya.

﴿٧﴾ Sambil mereka melihat apa yang mereka lakukan kepada orang-orang yang beriman; yang diugut dengan api supaya orang yang beriman berpatah balik ke agama asal mereka. Mereka sendiri akan menjadi saksi perlakuan mereka pada hari kiamat. Begitu juga lidah-lidah, tangan-tangan dan kaki-kaki mereka.

﴿٨﴾ Dan mereka tidak marah dan menyiksa orang-orang yang beriman itu melainkan kerana orang-orang itu beriman kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji!

﴿٩﴾ Tuhan yang menguasai segala alam langit dan bumi dan (ingatlah), Allah sentiasa menyaksikan tiap-tiap sesuatu: tidak ada yang terselindung bagi Allah (^{subhānahu} wata’alā) apa yang mereka lakukan terhadap orang yang beriman. Ini adalah amaran keras kepada ‘*ashab al-ukhdud*’ dan janji baik bagi orang beriman yang disiksa kerana agamanya.

﴿١٠﴾ Sesungguhnya orang-orang yang menimpakan bencana untuk memesonkan orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman: iaitu membakar mereka dengan api dan tidak menjadikan untuk mereka pilihan selain mengkufurkan Allah (^{subhānahu} wata’alā). Justeru, mereka menguji agama orang yang beriman supaya mereka berpatah balik ke agama asal mereka. «kemudian mereka tidak bertaubat» dari keburukan perbuatan mereka dan kembali daripada

kekufuran dan tindakan menguji orang beriman itu, «maka mereka akan beroleh azab Neraka Jahannam dan mereka akan beroleh lagi azab api yang kuat membakar» sebagai balasan terhadap bakaran yang mereka kenakan kepada orang-orang yang beriman.

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْكَبِيرُ ﴿١١﴾
 إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿١٢﴾ إِنَّهُ هُوَ بَدِيٌّ وَيُعِيدُ ﴿١٣﴾ وَهُوَ الْعَفْزُ الْوَدُودُ ﴿١٤﴾ دُؤَالِ الْعَرْشِ الْمَجِيدِ ﴿١٥﴾
 فَعَالٍ لِمَا يُرِيدُ ﴿١٦﴾ هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْجُنُودِ ﴿١٧﴾ فِرْعَوْنَ وَثَمُودَ ﴿١٨﴾ بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي تَكْذِيبٍ ﴿١٩﴾
 وَاللَّهُ مِنْ وَرَائِهِمْ مُحِيطٌ ﴿٢٠﴾ بَلِ هُوَ قَرِئٌ نَجِيمٌ ﴿٢١﴾ فِي لَوْحٍ مَحْفُوظٍ ﴿٢٢﴾

﴿11﴾ Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka akan beroleh Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; yang demikian itu ialah kemenangan yang besar.

﴿12﴾ Sesungguhnya azab Tuhanmu terhadap penindas dan penzalim amatlah berat, berkali-kali ganda.

﴿13﴾ Sesungguhnya Dialah yang memulakan menciptakan» sekalian makhluk di dunia «dan yang mengembalikannya» hidup semula sesudah mati.

﴿14﴾ Dan Dialah Yang Maha Pengampun: sangat pengampun terhadap dosa-dosa hambaNya yang beriman; Dia tidak akan memalukan mereka dengan dosa tersebut. «lagi Maha Pengasih»: sangat penyayang terhadap orang-orang yang taat dari kalangan para waliNya.

﴿15﴾ Tuhan yang mempunyai Arasy lagi Maha Mulia».

﴿16﴾ Yang berkuasa melakukan segala yang dikehendakinya».

﴿17﴾ Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal hukuman yang ditimpakan terhadap bala tentera» yang dikumpulkan oleh golongan kuffar dan pendusta, ketika mereka memerangi para nabi mereka?

﴿18﴾ (Mereka itu ialah kaum) Firaun dan Thamud (kaum Nabi Soleh)».

﴿19﴾ Bahkan orang-orang yang kafir: orang arab musyrik «terus tenggelam dalam keadaan mendustakan kebenaran» yang dibawa oleh Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam), dan mereka tidak mengambil iktibar daripada kaum-kaum kuffar sebelum mereka.

﴿20﴾ Sedang Allah, mengepung dari belakang mereka: berkuasa menurunkan hukuman yang sama dengan kaum-kaum terdahulu.

﴿21﴾ (Sebenarnya apa yang engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau sihir), bahkan ialah Al-Quran yang tertinggi kemuliaan (dan keberkatannya)».

﴿22﴾ Yang (tersimpan) dalam Luh Mahfuz: 'Ummul kitab' yang tertulis dan tertaja di sisi Allah daripada dihampiri syaitan.

SURAH AT-THORIQ (YANG MUNCUL DI MALAM HARI)

وَالسَّمَاءِ وَالطَّارِقِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الطَّارِقُ ﴿٢﴾ التَّجَمُّ التَّقَابِ ﴿٣﴾ إِنَّ كُلَّ نَفْسٍ لَمَاعَلَيْهَا حَافِظٌ ﴿٤﴾
 فَلْيَنْظُرِ الْإِنْسَانُ مِمَّ خُلِقَ ﴿٥﴾ خُلِقَ مِنْ مَّاءٍ دَافِقٍ ﴿٦﴾ يَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ الصُّلْبِ وَالتَّرَائِبِ ﴿٧﴾

إِنَّهُ عَلَىٰ رَجْعِهِ لَقَادِرٌ ﴿٨﴾ يَوْمَ تُبْلَى السَّرَائِرُ ﴿٩﴾ فَمَا لَهُ مِن قُوَّةٍ وَلَا نَاصِرٍ ﴿١٠﴾

﴿1﴾ Demi langit dan 'At-Thoriq': iaitu bintang yang muncul pada waktu malam dan hilang pada siang hari.

﴿2﴾ Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia "At-Thoriq" itu?.

﴿3﴾ (Iaitu) bintang yang bersinar tajam, seolah-olah ia terbakar dalam kepekatan malam.

﴿4﴾ Tiada sesuatu diri juapun melainkan ada (malaikat) yang menjaga percakapan dan perbuatannya serta menghitung segala kebaikan dan keburukan yang dilakukan.

﴿5﴾ (Setelah mengetahui yang demikian), maka hendaklah manusia memikirkan dari apa dia diciptakan.

﴿6﴾ Dia diciptakan dari air (mani) yang memancut (ke dalam rahim); kerana manusia diciptakan daripada keduanya yang telah bercampur dan bersatu menjadi satu.

﴿7﴾ Yang keluar dari "tulang sulbi" lelaki dan "tulang dada" perempuan, dan seorang bayi datangnya daripada kedua air (mani ayah dan ibu). Dikatakan juga datang dari seluruh bahagian badan.

﴿8﴾ Sesungguhnya Allah Maha Kuasa untuk mengembalikannya: hidup semula sesudah mati.

﴿9﴾ Pada hari didedahkan segala yang terpendam di hati: iktiqad, niat dan lain-lainnya. Ketika itu jelaslah kebaikan daripada keburukan.

﴿10﴾ Maka (pada saat itu) tidak ada bagi manusia sebarang kekuatan pada diri sendiri untuk mencegah azab Allah (^{subhānahu} wata'ālā) dan tidak ada penolong yang dapat menyelamatkannya.

وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الرَّجْعِ ﴿١١﴾ وَالْأَرْضِ ذَاتِ الصَّدْعِ ﴿١٢﴾ إِنَّهُ لَقَوْلُ فَضْلٍ ﴿١٣﴾ وَمَا هُوَ بِأَهْرِلٍ ﴿١٤﴾

إِنَّهُمْ يَكِيدُونَ كَيْدًا ﴿١٥﴾ وَأَكِيدُ كَيْدًا ﴿١٦﴾ فَمَهْلُ الْكٰفِرِينَ أَمَهُلُهُمْ رُوَيْدًا ﴿١٧﴾

﴿11﴾ Demi langit yang berulang-ulang mencurahkan hujan.

﴿12﴾ Dan bumi yang merekah mengeluarkan tumbuh-tumbuhan, buah-buahan dan pokok-pokok.

﴿13﴾ Sesungguhnya keterangan Al-Quran adalah kata-kata pemutus antara hak dan batil.

﴿14﴾ Dan bukanlah ia kata-kata yang olok-olok.

﴿15﴾ Sesungguhnya mereka (yang menentangmu, wahai Muhammad) bermati-mati menjalankan rancangan jahat untuk membatalkan ajaran benar yang dibawa oleh Rasulullah (^{sallālahu 'alaihi} wa ^{wa} ^{sallam}).

﴿16﴾ Dan Aku pula tetap bertindak membalas rancangan jahat (mereka) dengan keras dan tanpa mereka sedari.

﴿17﴾ Oleh itu tangguhkanlah (masa kebinasaan) orang-orang kafir itu, berilah tempoh kepada mereka sedikit masa.

SURAH AL-A'LA (YANG MAHA TINGGI)

سَبِّحْ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى ﴿١﴾ الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى ﴿٢﴾ وَالَّذِي قَدَّرَ فَهَدَى ﴿٣﴾ وَالَّذِي أَحْرَجَ الْمَرْعَى ﴿٤﴾

فَجَعَلَهُ رُغَاءً أَحْوَى ٥ سَفَرْتُكَ فَلَا تَنْسَى ٦ إِنْ أَمَا شَاءَ اللَّهُ إِنَّهُ بِعَلَمِ الْجَهْرِ وَمَا يَخْفَى ٧
وَيَسِّرْكَ لِلْيُسْرَى ٨ فَذَكِّرْ إِنْ نَفَعَتِ الذِّكْرَى ٩ سَيَذَكِّرْ مَنْ يَحْشَى ١٠ وَتَجَنَّبَهَا الْأَشْفَى ١١
الَّذِي يَصِلِي النَّارَ الْكُبْرَى ١٢ ثُمَّ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَى ١٣

1 ﴿Bertasbihlah mensucikan nama Tuhanmu Yang Maha Tinggi﴾ dari segala sifat-sifat kekurangan dengan menyebut: (سبحان ربي الأعلى).

2 ﴿Yang telah menciptakan (manusia) lalu menyempurnakan (kejadiannya)﴾ dengan seimbang dan meluruskan kefahamannya serta menjadikan dia boleh dipertanggungjawabkan.

3 ﴿Dan Yang telah mengatur﴾ kategori, jenis, sifat, perbuatan, percakapan serta ajal setiap sesuatu ﴿serta memberikan hidayat petunjuk﴾ ke jalan yang sepatutnya.

4 ﴿Dan Yang telah mengeluarkan tumbuh-tumbuhan untuk binatang-binatang ternak﴾.

5 ﴿Kemudian Dia menjadikan (tumbuh-tumbuhan yang menghidu) itu kering (berubah warnanya) kehitam-hitaman﴾.

6 ﴿Kami akan membacakan (al-Quran) kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau tidak akan lupa﴾ apa yang engkau baca. Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) suatu ketika apabila Jibril (alaihissalam) menurunkan wahyu, belum pun lagi Jibril (alaihissalam) menghabiskan ayat yang terakhir, Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) sudah mula membaca awal ayat kerana takut lupa, maka turunlah ayat ini, lalu Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) sentiasa mendapat pimpinan Allah (subhanahu wata'ala) dan dilindungi daripada melupai al-Quran.

7 ﴿Kecuali apa yang dikehendaki Allah engkau lupakan. Sesungguhnya Dia mengetahui (segala keadaan yang patut berlaku), yang nyata dan yang tersembunyi﴾.

8 ﴿Dan Kami tetap memberi kemudahan kepadamu untuk (melaksanakan agama) yang mudah﴾.

9 ﴿Oleh itu berilah peringatan﴾ wahai Muhammad kepada manusia dengan apa yang Kami wahyukan kepadamu, dan bimbing mereka ke jalan kebaikan serta tunjukkan mereka kepada syariat agama; ﴿kerana peringatan itu bermanfaat﴾. Adapun orang yang telah diberi peringatan dan diterangkan kebenaran dengan jelas, namun dia memilih untuk mengikut hawa nafsunya dan tetap degil melakukan maksiat, maka tidak perlu lagi untuk mengingatkannya.

10 ﴿Kerana orang yang takut (Allah (subhanahu wata'ala)) akan menerima peringatan itu) lalu bertambah rasa takut dan kebaikan dirinya.

11 ﴿Dan (sebaliknya) orang yang sangat celaka (kafir) akan menjauhinya﴾.

12 ﴿Yang akan memasuki api (neraka) yang amat besar﴾. Api yang kecil pula ialah api di dunia.

13 ﴿Selain dari itu, dia tidak mati di dalamnya﴾ supaya dia tidak berhenti daripada diazab ﴿dan tidak pula hidup﴾: kehidupan yang berguna untuknya.

فَدَأْفَلِحْ مَنْ تَزَكَّى ١٤ وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى ١٥ بَلْ نُؤْتِرُونَ الْحَيَوَةَ الدُّنْيَا ١٦ وَالْآخِرَةَ حَيْرًا وَأَبْقَى

﴿١٧﴾ إِنَّ هَذَا لَفِي الصُّحُفِ الْأُولَى ﴿١٨﴾ صُحُفٍ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى ﴿١٩﴾

﴿14﴾ **Sesungguhnya berjyalah orang yang menyucikan diri** daripada syirik; maka dia beriman dan mentauhidkan Allah (*subhānahu wata'āla*) serta mengamalkan syariatNya.

﴿15﴾ **Dan mengingati nama Tuhannya (dengan lidah) serta mengerjakan sembahyang (fardu)**.

﴿16﴾ **Tetapi kebanyakan kamu tidak melakukan yang demikian**, bahkan kamu mengutamakan kehidupan dunia.

﴿17﴾ **Padahal kehidupan akhirat lebih baik dan lebih kekal**.

﴿18﴾ **Sesungguhnya (keterangan-keterangan yang dinyatakan) ini ada (disebutkan) di dalam Kitab-kitab yang terdahulu**.

﴿19﴾ **iaitu Kitab-kitab Nabi Ibrahim dan Nabi Musa**.

SURAH AL-GHASYIAH (HARI PEMBALASAN)

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ الْعُنْيَةِ ﴿١﴾ وَجُوهٌ يُومِئِدُ حَشَعَةً ﴿٢﴾ عَامِلَةٌ نَّاصِبَةٌ ﴿٣﴾ تَصَلَّى نَارًا حَامِيَةً ﴿٤﴾

سَقَى مِنْ عَيْنٍ أَيْنِيَّةٍ ﴿٥﴾ لَيْسَ لَهُمْ طَعَامٌ إِلَّا مِنْ صَرِيحٍ ﴿٦﴾ لَا يُسْمِنُ وَلَا يُغْنِي مِنْ جُوعٍ ﴿٧﴾

﴿1﴾ **Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal hari kiamat yang huru-harunya meliputi?**

﴿2﴾ **Wajah-wajah (manusia) pada hari itu tunduk**: manusia pada hari kiamat terbahagi kepada dua kumpulan; pertama: wajah yang tertunduk hina kerana diazab.

﴿3﴾ **Mereka menjalankan kerja yang berat lagi berpenat lelah** dalam ibadah, tetapi tiada pahala bagi mereka kerana mereka dalam kekufuran dan kesesatan.

﴿4﴾ **Mereka memasuki Neraka yang amat panas (membakar)**.

﴿5﴾ **Mereka diberi minum dari mata air yang menggelegak panasnya**.

﴿6﴾ **Tiada makanan bagi mereka (di situ) selain dari pokok-pokok yang berdiri**.

﴿7﴾ **Yang tidak menggemukkan dan tidak pula dapat menghilangkan sedikit kelaparan pun**.

وَجُوهٌ يُومِئِدُ نَاعِمَةً ﴿٨﴾ لَسَعِيهَا رَاضِيَةٌ ﴿٩﴾ فِي جَنَّةٍ عَالِيَةٍ ﴿١٠﴾ لَا تَسْمَعُ فِيهَا لَغِيَةً ﴿١١﴾ فِيهَا عَيْنٌ

جَارِيَةٌ ﴿١٢﴾ فِيهَا سُرُرٌ مَرْفُوعَةٌ ﴿١٣﴾ وَأَكْوَابٌ مَوْضُوعَةٌ ﴿١٤﴾ وَنَارُقٌ مَصْفُوفَةٌ ﴿١٥﴾ وَرِزْقًا مُمْتَوْنَةً ﴿١٦﴾

﴿8﴾ **(Sebaliknya) muka (orang-orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri**; kerana melihat kesudahan urusan mereka; mereka inilah kumpulan kedua.

﴿9﴾ **Berpuas hati dengan balasan amal usahanya** yang baik yang telah dikerjakannya di dunia.

﴿10﴾ **(Mereka tinggal) di dalam Syurga yang tinggi (tempat kedudukannya darjatnya)**.

﴿11﴾ **Mereka tidak mendengar di situ sebarang perkataan yang sia-sia**.

﴿12﴾ **Di dalam Syurga itu ada mata air yang mengalir**.

﴿13﴾ **Di situ juga ada pelamin-pelamin (berhias) yang tinggi (tempatnyanya)**.

﴿14﴾ **Dan piala-piala minuman yang disediakan (untuk mereka)**.

﴿15﴾ **Dan bantal-bantal yang teratur (untuk mereka berbaring atau bersandar)**.

﴿16﴾ Serta hampanan-hampanan yang terbentang﴾.

﴿١٨﴾ أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ﴿١٧﴾ وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ ﴿١٨﴾
وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿١٩﴾ وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ﴿٢٠﴾

﴿17﴾ Tidakkah mereka memerhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan dengan ciptaan dan sifat yang unik serta badannya yang besar dan kuat?

﴿18﴾ Dan keadaan langit bagaimana ia ditinggikan? di atas bumi tanpa tiang, yang sukar untuk difahami dan tidak tercapai oleh akal.

﴿19﴾ Dan keadaan gunung-ganang bagaimana ia ditegakkan? di atas bumi sebagai pancang yang kukuh; tidak goyang, condong mahupun hancur lebur.

﴿20﴾ Dan keadaan bumi bagaimana ia dihamparkan?﴾.

﴿٢٣﴾ فَذَكِّرْ إِنَّمَا أَنْتَ مُذَكِّرٌ ﴿٢١﴾ لَسْتَ عَلَيْهِمْ بِمُصَيِّرٍ ﴿٢٢﴾ إِلَّا مَن تَوَلَّى وَكَفَرَ ﴿٢٣﴾
فِيَعَذِّبُهُ اللَّهُ الْعَذَابَ الْأَكْبَرَ ﴿٢٤﴾ إِنَّ إِلَيْنَا إِيَابَهُمْ ﴿٢٥﴾ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا حِسَابَهُمْ ﴿٢٦﴾

﴿21﴾ Oleh itu berikanlah sahaja peringatan (wahai Muhammad); kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang pemberi ingatan﴾.

﴿22﴾ Bukanlah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka (beriman)﴾.

﴿23﴾ Akan tetapi sesiapa yang berpaling (dari kebenaran) serta dia kufur ingkar﴾.

﴿24﴾ Maka Allah akan menyeksanya dengan azab seksa yang sebesar-besarnya﴾: azab neraka jahannam yang kekal.

﴿25﴾ Sesungguhnya kepada Kamilah kembalinya mereka﴾ selepas mati.

﴿26﴾ Selain dari itu, sesungguhnya atas Kamilah soal menghitung amal mereka﴾ setelah mereka kembali kepada Allah (^{subhānahu} wata'āla) pada hari kebangkitan.

SURAH AL-FAJR (FAJAR)

﴿١﴾ وَالْفَجْرِ ﴿١﴾ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾ وَالشَّفْعِ وَالْوَتْرِ ﴿٣﴾ وَاللَّيْلِ إِذَا يَسِرُ ﴿٤﴾ هَلْ فِي ذَلِكَ قَسَمٌ لِذِي حَجْرِ ﴿٥﴾
الَّذِي تَرَى كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ ﴿٦﴾ إِرْمَ ذَاتِ الْعِمَادِ ﴿٧﴾ الَّتِي لَمْ يُخَلِّقْ مِثْلَهَا فِي الْعَالَمِ ﴿٨﴾
وَتَمُودَ الَّذِينَ جَابُوا الصَّخْرَ بِالْوَادِ ﴿٩﴾ وَفِرْعَوْنَ ذِي الْأَوْتَادِ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ طَغَوْا فِي الْبِلَادِ ﴿١١﴾
فَأَكْبَرُوا فِيهَا الْفَسَادَ ﴿١٢﴾ فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾ إِنَّ رَبَّكَ لَبِالْمِرْصَادِ ﴿١٤﴾

﴿1﴾ Demi waktu fajar﴾; kerana ia waktu hilangnya kegelapan daripada waktu siang. Kata Mujahid rah: "Maksudnya waktu fajar hari Nahar (10 Zulhijjah)".

﴿2﴾ Dan malam yang sepuluh﴾ yang pertama dari bulan Zulhijjah.

﴿3﴾ Dan bilangan yang ganap serta yang ganjil﴾. Dikatakan maksud ganap ialah dua hari Tasyriq yang diperbolehkan bersegera, dan ganjil ialah hari ke tiga.

﴿4﴾ Dan malam, apabila ia berlalu﴾: datang dan pergi.

﴿5﴾ Bukankah yang demikian itu mengandungi sumpah (yang diakui kebenarannya) oleh orang yang berakal sempurna?﴾.

﴿6﴾ Tidakkah engkau perhatikan, bagaimana Tuhanmu telah melakukan terhadap kaum 'Aad (yang kufur derhaka)?﴾.

﴿7﴾ Iaitu penduduk "Iram" yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi tiangnya, (dipahat)﴾. 'Iram': Nama lain bagi kaum 'Aad yang

pertama, atau nama datuk mereka, atau nama tempat tinggal mereka yang terletak di Damsyiq atau di al-Ahqaf.

8 ﴿Yang belum pernah diciptakan (suatu bandar) seperti di segala negeri﴾; dari segi besar dan kukuhnya.

9 ﴿Dan (terhadap) kaum Thamud yang memahat batu-batu besar﴾ dan menebuknya untuk dijadikan tempat tinggal ﴿di lembah﴾: iaitu al-Hijr atau wadi al-Qura, yang terletak di jalan menuju ke Sham daripada Madinah Munawarah.

10 ﴿Dan (terhadap) Firaun yang menguasai bangunan-bangunan yang handal kukuh﴾: iaitu piramid yang dibina oleh rakyatnya untuk dijadikan perkuburan mereka. Dikatakan maksud ‘al-autad’: bala tenteranya yang memancangkan khemah-khemah yang banyak.

11 ﴿(Semuanya itu ialah) orang-orang yang telah bermaharajalela di negeri (masing-masing)﴾.

12 ﴿Lalu mereka melakukan dengan banyaknya kerosakan dan bencana di negeri-negeri itu﴾ dengan kekufuran dan maksiat terhadap Allah (*subhānahu wata’āla*) serta kezaliman terhadap hamba-hambanya.

13 ﴿Dengan yang demikian, Tuhanmu menimpakan ke atas mereka pelbagai paluan azab﴾.

14 ﴿Sesungguhnya Tuhanmu tetap mengawas dan membalas﴾ amalan setiap manusia supaya yang baik dibalas baik dan yang jahat dibalas jahat. Kata al-Hasan: “Demikianlah perjalanan hidup seorang hamba; tiada seorang pun yang terlepas”.

فَأَمَّا الْإِنْسَانُ إِذَا مَا ابْتَدَأَهُ رَبُّهُ فَأَكْرَمَهُ وَنَعَّمَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِ ﴿١٥﴾ وَأَمَّا إِذَا مَا ابْتَدَأَهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقَهُ فَيَقُولُ رَبِّي أَهْدَانِ ﴿١٦﴾ كَلَّا بَلْ لَا تَكْفُرُونَ الْيَتِيمَ ﴿١٧﴾ وَلَا تَحْضُونَ عَلَى طَعْمِ الْمُسْكِينِ ﴿١٨﴾ وَتَأْكُلُونَ التُّرَاثَ أَكْلًا لَمًّا ﴿١٩﴾ وَتُحِبُّونَ الْمَالَ حُبًّا جَمًّا ﴿٢٠﴾

15 ﴿Maka adapun manusia apabila Tuhan mengujinya lalu memuliakannya﴾ dengan harta ﴿dan memberinya kesenangan﴾ dengan meluaskan rezekinya, ﴿maka dia berkata: Tuhanku telah memuliakanku﴾ dengan anggapan ia suatu kemuliaan dan gembira dengan apa yang telah dicapai.

16 ﴿Dan sebaliknya apabila dia diuji oleh Tuhannya, dengan disempitkan rezekinya, maka dia berkata: Tuhanku telah menghinakan daku!﴾. Inilah sifat orang yang kafir. Adapun orang yang beriman, kemuliaan di sisi mereka ialah: Allah (*subhānahu wata’āla*) memuliakan mereka dengan ketaatan kepadaNya dan diberi taufiq beramal untuk hari akhirat, manakala penghinaan ialah: tiadanya taufiq dari Allah (*subhānahu wata’āla*) untuk melakukan ketaatan dan amalan ahli syurga.

17 ﴿Jangan demikian! Bahkan kamu tidak memuliakan anak yatim﴾ dengan kekayaan yang Allah (*subhānahu wata’āla*) berikan kepadamu. Jika kamu memuliakan mereka, nescaya ia suatu kemuliaan buat kamu di sisi Allah (*subhānahu wata’āla*)

18 ﴿Dan kamu tidak menggalakkan﴾ diri kamu dan sesama kamu ﴿untuk memberi makanan kepada orang miskin﴾; kamu tidak menyuruh juga tidak membimbing ke arah itu, maka orang-orang miskin itu tetap

tertindas, tiada tangan yang sudi menghulurkan bantuan.

﴿19﴾ **«Dan kamu sentiasa makan harta pusaka»** anak yatim, wanita dan orang-orang yang lemah **«secara rakus»**.

﴿20﴾ **«Serta kamu pula sayangkan harta secara tamak haloba!»**.

كَلَّا إِذَا دُكَّتِ الْأَرْضُ دَكًّا دَكًّا ﴿٢١﴾ وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا ﴿٢٢﴾ وَجِئْنَا بِحَمِيمٍ ﴿٢٣﴾
يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ الْأُنْسَانُ وَأَنَّى لَهُ الذِّكْرَى ﴿٢٤﴾ يَقُولُ يَا لَيْتَنِي قَدَّمْتُ لِحَيَاتِي ﴿٢٥﴾ فَيَوْمَئِذٍ
لَا يُعَذِّبُ عَذَابُهُ أَحَدًا ﴿٢٦﴾ وَلَا يُؤْتِيهِمْ وَثَاقَهُ أَحَدًا ﴿٢٧﴾ يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٨﴾

أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٩﴾ فَأَدْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٣٠﴾ وَأَدْخُلِي جَنَّاتِي ﴿٣١﴾

﴿21﴾ **«Jangan sekali-kali (berbuat demikian)! Apabila bumi digoncang berturut-turut, atau bukit-bukau dihancurkan serata-ratanya»**.

﴿22﴾ **«Dan Tuhanmu pun datang, sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah)»**.

﴿23﴾ **«Serta diperlihatkan Neraka Jahannam pada hari itu, (maka) pada saat itu manusia akan ingat (hendak berlaku baik) dan bagaimana ingatan itu akan berguna lagi kepadanya?»**.

﴿24﴾ **«Dia akan berkata: Alangkah baiknya kalau aku dahulu sediakan amal-amal baik untuk hidupku (di sini)!»**.

﴿25﴾ **«Maka pada hari itu tiada sesiapaupun yang dapat menyiksa seperti azab (yang ditimpakan oleh) Allah»**.

﴿26﴾ **«Dan tiada sesiapaupun yang dapat mengikat serta membelenggu seperti ikatan dan belenggunya»**.

﴿27﴾ **«Wahai orang yang mempunyai jiwa yang tenang» dengan keyakinan iman dan mentauhidkan Allah (^{subhānahu wataʿālā}) tanpa bercampur sebarang keraguan.**

﴿28﴾ **«Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati dengan ganjaran pahala yang diberikan (lagi diredhai) di sisi Tuhanmu!**

﴿29﴾ **«Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaku (yang soleh)»**.

﴿30﴾ **«Dan masuklah ke dalam SyurgaKu!»** bersama mereka. Demikian itulah kemuliaan yang tiada bandingannya.

SURAH AL-BALAD (NEGERI)

لَا أَقْسِمُ بِهَذَا الْبَلَدِ ﴿١﴾ وَأَنتَ حِلٌّ بِهَذَا الْبَلَدِ ﴿٢﴾ وَوَالِدٍ وَمَا وَالدٌ ﴿٣﴾ لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي كَبَدٍ ﴿٤﴾
أَيَحْسَبُ أَن لَّنْ يَقْدِرَ عَلَيْهِ أَحَدٌ ﴿٥﴾ يَقُولُ أَهْلَكْتُ مَا لَا لَبَدٌ ﴿٦﴾ أَيَحْسَبُ أَن لَّوِيْرَهُ أَحَدٌ ﴿٧﴾
أَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عَيْنَيْنِ ﴿٨﴾ وَلِسَانًا وَشَفَتَيْنِ ﴿٩﴾ وَهَدَيْنَاهُ النَّجْدَيْنِ ﴿١٠﴾

﴿1﴾ **«Aku bersumpah dengan negeri ini»**: iaitu tanah haram Mekkah. Sumpah itu untuk menekankan kemuliaan Umm al-Qura (Mekkah) di sisi Allah (^{subhānahu wataʿālā}); kerana padanya terdapat 'Baitullah al-Haram', negeri Nabi Ismail dan Nabi Muhammad (^{sallāllāhu ʿalaih wa sallam}) serta tempat dilaksanakan ibadat Haji.

﴿2﴾ **«Sedang engkau (wahai Muhammad) menetap di negeri ini»**, sebagai suatu kemuliaan dan kebesaran utukmu dan untuk negeri ini juga.

﴿3﴾ **«Demi (pertalian) bapa dan anak»**; seperti Adam dan keturunannya, serta setiap bapa dan anak bagi semua jenis haiwan, sebagai menarik

perhatian terhadap kebesaran bukti penciptaan keturunan dan kelahiran yang menunjukkan kekuasaan, kebijaksanaan dan ilmu Allah ^(subhānahu wata'āla)

﴿4﴾ «**Sesungguhnya Kami telah menjadikan manusia sentiasa dalam keadaan menghadapi kesulitan dan kesukaran**»; di dunia sehingga dia mati, kemudian kesusahan dan kepayahan alam kubur dan barzakh seterusnya alam akhirat.

﴿5﴾ «**Apakah manusia itu menyangka bahawa tiada sesiapa pun**» termasuk Tuhannya «**yang berkuasa ke atas dirinya**» dan mampu membalas kejahatannya?

﴿6﴾ «**Dia berkata: Aku telah menghabiskan harta benda yang banyak**».

﴿7﴾ «**Adakah dia menyangka bahawa tidak ada sesiapa pun yang melihatnya?**». Adakah dia menyangka Allah tidak mengetahui dan tidak akan menyoalnya tentang hartanya; dari mana dia perolehi dan ke mana dia belanjakan?

﴿8﴾ «**Bukankah Kami telah menjadikan untuknya sepasang mata?**».

﴿9﴾ «**Dan lidah serta dua bibir?**».

﴿10﴾ «**Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan**»; jalan kebaikan, dan jalan kejahatan yang telah diperjelaskan.

فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ ﴿١١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ﴿١٢﴾ فَكَيْ رَقِيبَةً ﴿١٣﴾ أَوْ إِنْطَعَمٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ ﴿١٤﴾ يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ﴿١٥﴾ أَوْ مَسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ ﴿١٦﴾ ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَوَصَّوْا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ ﴿١٧﴾ أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ ﴿١٨﴾ وَالَّذِينَ كَفَرُوا يُرِيدُونَ يَأْتِنَاهُمْ أَصْحَابُ الْمَشْأَمَةِ ﴿١٩﴾ عَلَيْهِمْ نَارٌ مُّؤَصَّدَةٌ ﴿٢٠﴾

﴿11﴾ «**Tetapi tidakkah dia menempuh jalan yang mendaki dan sukar?**» Yakni: Tidakkah dia bersemangat dan merempuh dinding yang menghalang antara dirinya dan ketaatan kepada Allah ^(subhānahu wata'āla); iaitu godaan nafsu dan mengikut kehendak hawa nafsu dan syaitan.

﴿12﴾ «**Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apakah jalan yang mendaki dan sukar itu?**».

﴿13﴾ «**(Iaitu) memerdekakan hamba abdi**».

﴿14﴾ «**Atau memberi makan pada hari kelaparan**»: di mana makanan sukar didapati.

﴿15﴾ «**(Juga) kepada anak yatim dari kaum kerabat**».

﴿16﴾ «**Atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah**»; yang tidak mempunyai apa-apa. Kata Mujahid: “Iaitu orang yang tidak dilindungi oleh sebarang pakaian daripada mengenai tanah”.

﴿17﴾ «**Kemudian dia tergolong di kalangan orang yang beriman**»; kerana amalan-amalan tersebut hanya bermanfaat jika disertakan dengan iman dan dilakukan kerana Allah «**dan saling berpesan untuk bersabar**» dalam mentaati Allah ^(subhānahu wata'āla), daripada melakukan maksiat dan atas ujian yang menimpa «**dan saling berpesan untuk berkasih sayang**» sesama hamba Allah ^(subhānahu wata'āla)

﴿18﴾ «**Mereka itulah golongan kanan**».

﴿19﴾ «**Dan (sebaliknya) orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Kami, merekalah golongan kiri**».

﴿20﴾ «**Mereka ditimpakan (azab seksa) Neraka yang ditutup rapat**».

SURAH AS-SYAMS (MATAHARI)

وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا ① وَالْقَمَرِ إِذَا تَلَّهَا ② وَالنَّهَارِ إِذَا جَلَدَهَا ③ وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَاهَا ④
وَالسَّمَاءِ وَمَا بَنَدَهَا ⑤ وَالْأَرْضِ وَمَا طَحَلَهَا ⑥ وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا ⑦
فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ⑧ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا ⑨ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا

① «Demi matahari dan cahayanya pada waktu duha»: iaitu waktu matahari meninggi dengan cahayanya yang terang.

② «Dan bulan apabila ia mengikutinya» selepas terbenam matahari.

③ «Dan siang apabila ia memperlihatkannya dengan jelas nyata»: dengan terangnya matahari seterang-terangnya.

④ «Dan malam apabila ia menyelubunginya (dengan gelap-gelita)» pada segenap sudut.

⑤ «Demi langit serta pembinaannya (yang menakjubkan)».

⑥ «Serta bumi dan hamparannya (untuk kemudahan makhlukNya)».

⑦ «Demi diri manusia serta penyempurnaan ciptaannya»: pada anggota badannya, dimasukkan padanya roh dan kekuatan dalaman yang hebat, serta dijadikan kehidupannya lurus di atas fitrah. Sabda Nabi (ﷺ): “Setiap bayi dilahirkan di atas fitrah, lalu kedua ibu bapanya menjadikannya yahudi, nasrani atau majusi”.

⑧ «Maka dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaannya»: yakni memperkenalkan dan memahaminya keadaan kedua-dua jalan tersebut sama ada baik ataupun buruk.

⑨ «Sesungguhnya berjajalah orang yang menyucikan (diri)nya» dan membangunkannya dengan takwa; sesungguhnya dia telah mendapat apa yang dicita dan dicintainya.

⑩ «Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya»: yakni menyesatkannya.

كَذَّبَتْ ثَمُودُ بِطَغْوَاهَا ⑪ إِذِ انْبَعَثَ أَشْقَاهَا ⑫ فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللَّهِ نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيَاهَا ⑬

فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهُمَا فَذَمَّ عَلَيْهِمْ رَبُّهُم بِذُنُوبِهِمْ فَسَوَّاهَا ⑭ وَلَا يَخَافُ عُقْبَاهَا ⑮

⑪ «(Ingatlah), kaum Thamud telah mendustakan (Rasulnya) kerana mereka melampaui batas» dalam melakukan maksiat.

⑫ «Ketika orang yang paling jahat di antara mereka»: iaitu Qadar bin Salif «bangkit (menyembelih unta)».

⑬ «Maka berkatalah Rasul Allah (Nabi Soleh) kepada mereka (dengan memberi amaran): (Janganlah kamu ganggu) unta betina dari Allah itu dan minumannya»: pada hari gilirannya.

⑭ «Namun mereka mendustakannya serta menyembelih unta itu. Dengan sebab dosa mereka, maka Tuhan menimpakan mereka dengan azab yang membinasakan serta Dia meratakan azab itu meliputi mereka» dengan menjadikan mereka semuanya di bawah tanah.

⑮ «Dan Allah tidak hiraukan kesudahan (mereka) yang demikian»; kerana Allah Maha Berkuasa.

SURAH AL-LAIL (MALAM)

وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَىٰ ۝۱ وَالنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ ۝۲ وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ۝۳ إِنَّ سَعْيَكُمْ لَشَتَّىٰ ۝۴
فَأَمَّا مَنْ أَعْطَىٰ وَاتَّقَىٰ ۝۵ وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَىٰ ۝۶ فَسَنِيَرُهُ لِلْيُسْرَىٰ ۝۷ وَأَمَّا مَنْ بَخِلَ وَاسْتَغْنَىٰ ۝۸
وَكَذَّبَ بِالْحُسْنَىٰ ۝۹ فَسَنِيَرُهُ لِلْعُسْرَىٰ ۝۱۰ وَمَا يُغْنِي عَنْهُ مَالُهُ إِذَا تَرَدَّىٰ ۝۱۱

﴿1﴾ Demi malam apabila ia menyelubungi segala-galanya (dengan gelap-gelitanya)﴾.

﴿2﴾ Dan siang apabila ia terang-benderang﴾.

﴿3﴾ Demi Yang menciptakan (mahluk-mahlukNya) lelaki dan perempuan, (jantan dan betina)﴾.

﴿4﴾ Sesungguhnya amal usaha kamu adalah berbagai-bagai keadaannya: ada amalan ke syurga dan ada amalan ke neraka; berkisar antara orang yang berusaha untuk menyelamatkan dirinya dan membinasakannya.

﴿5﴾ Maka sesiapa yang memberikan﴾ hartanya di jalan kebaikan ﴿dan bertakwa﴾ dengan meninggalkan perkara-perkara haram yang telah ditegah oleh Allah ^(subhānahu) ^(wata'āla)

﴿6﴾ Serta dia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik﴾: janji Allah untuk memberi pahala sebagai ganti kepada apa yang telah diinfakkan.

﴿7﴾ Maka Kami akan memberikannya kemudahan untuk melakukan kesenangan﴾: yakni infak di jalan kebaikan dan melakukan ketaatan. Ayat ini diturunkan berkenaan Abu Bakar ^(radīyallāhu) ^(anhū) apabila beliau membeli dan membebaskan enam orang hamba yang beriman daripada tangan penduduk Mekkah yang menyeksa mereka kerana keislaman mereka.

﴿8﴾ Sebaliknya orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan merasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya﴾.

﴿9﴾ Serta dia mendustakan perkara yang baik﴾.

﴿10﴾ Maka Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusahan dan kesengsaraan﴾: jalan-jalan kebaikan menjadi sukar untuknya sehingga dia menjadi lemah untuk melakukannya yang dengan sebab itu akan membawanya ke neraka.

﴿11﴾ Dan hartanya tidak berguna baginya apabila dia telah binasa﴾ dan jatuh ke neraka jahannam.

إِنَّ عَلَيْنَا لَلْهُدَىٰ ۝۱۲ وَإِنَّ لَنَا لَلْآخِرَةَ وَالْأُولَىٰ ۝۱۳ فَأَنْذَرْتُكُمْ نَارًا تَلَظَّىٰ ۝۱۴ لَا يَصْلَاهَا إِلَّا الْأَشْقَىٰ ۝۱۵
الَّذِي كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ۝۱۶ وَسَيُجَنَّبُهَا الْأَتْقَىٰ ۝۱۷ الَّذِي يُؤْتِي مَالَهُ يَتَزَكَّىٰ ۝۱۸ وَمَا لِأَحَدٍ عِنْدَهُ مِن

نِعْمَةٍ يُحْزَىٰ ۝۱۹ إِلَّا أبتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِ الْأَعْلَىٰ ۝۲۰ وَلَسَوْفَ يَرْضَىٰ ۝۲۱

﴿12﴾ Sesungguhnya Kamilah yang memberi hidayat petunjuk﴾ jalan yang benar berbanding jalan yang salah. Kata al-Farra': "Barangsiapa yang menelusuri petunjuk, maka Allah pasti akan mendorong jalan untuknya". Kata misalan: "Barangsiapa yang mahu kepada Allah, maka dia akan mendapatNya dalam perjalanannya itu. Barangsiapa yang mahu kepadaNya, dia akan didorong kepadaNya".

13 ﴿Dan sesungguhnya Kamilah yang menguasai hari akhirat dan alam dunia﴾; Kami melakukan apa yang Kami inginkan.

14 ﴿Maka Aku memberi amaran mengingatkan kamu akan api Neraka yang marak menjulang﴾.

15 ﴿Yang hanya dimasuki dan dirasai bakarannya oleh orang yang sungguh celaka﴾.

16 ﴿Yang telah mendustakan﴾ kebenaran yang dibawa oleh para Rasul ﴿dan berpaling ingkar﴾ daripada ketaatan dan iman.

17 ﴿Dan (sebaliknya) akan dijauhkan (azab Neraka) itu daripada orang yang sungguh bertakwa﴾ daripada melakukan kekufuran. Kata al-Wahidi: “Yang dimaksudkan dengan ‘*al-atqa*’ ialah Abu Bakar as-Siddiq mengikut pendapat semua ahli tafsir”. Yakni: Ia diturunkan tentang beliau. Namun begitu hukumnya tetap umum. Wallahu a’lam.

18 ﴿Yang mendermakan hartanya﴾ pada jalan kebaikan ﴿dengan tujuan membersihkan dirinya﴾: yakni menjadi bersih di sisi Allah ^(subhānahu wata’āla)

19 ﴿Sedang dia tidak menanggung budi sesiapaupun, yang patut di balas﴾.

20 ﴿Hanyalah mengharapkan keredaan Tuhannya Yang Maha Tinggi﴾.

21 ﴿Dan demi sesungguhnya, dia pasti akan berpuas hati﴾ dengan apa yang Kami berikan daripada kemuliaan dan balasan yang besar.

SURAH AD-DHUHA (DUHA)

Nabi ^(ṣallānahu waṣallam) jatuh sakit, sehingga baginda tidak bangun bersolat malam selama dua atau tiga malam. Apabila seorang wanita mendatangi Nabi ^(ṣallālahu waṣallam), dia berkata: “Wahai Muhammad, aku tidak melihat syaitanmu (dia maksudkan Jibril ^(‘alaihissalam))-pent) melainkan dia telah meninggalkanmu; sudah dua atau tiga malam ia tidak datang dekat denganmu”. Maka Allah ^(subhānahu wata’āla) menurunkan surah ini.

وَالضُّحَىٰ ۝ وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ ۝ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ۝
 وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ۝ وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ ۝
 أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ ۝ وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَىٰ ۝ وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنَىٰ ۝
 فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ ۝ وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا تَنْهَرْ ۝ وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ۝

1 ﴿Demi waktu Dhuha﴾.

2 ﴿Dan malam apabila ia sunyi-sepi﴾. Kata al-Ashma’i: “makna ‘*saja*’ bagi malam ialah ia menyelubungi siang; seperti lelaki yang diselubung pakaian.

3 ﴿Bahawa Tuhanmu (wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu﴾, juga tidak memutuskan wahyu kepadamu ﴿dan Dia tidak benci kepadamu﴾.

4 ﴿Dan sesungguhnya yang kemudian adalah lebih baik bagimu daripada permulaannya﴾ yakni: Syurga lebih baik dari dunia; ia juga termasuk kemuliaan kenabian yang kamu terima di dunia ini.

5 ﴿Dan sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu﴾ pembukaan pada agama, pahala, telaga, dan syafaat untuk umatnya di akhirat ﴿sehingga engkau reda﴾.

6 ﴿Bukankah Dia mendapati engkau seorang yatim﴾: tiada ayah ﴿lalu

Dia memberikan perlindungan?».

7 ﴿Dan didapatiNya engkau mencari-cari﴾: tidak mengetahui al-Quran mahupun syariat, ﴿lalu Dia memberikan hidayat petunjuk (dengan wahyu Al-Quran)﴾.

8 ﴿Dan didapatiNya engkau miskin﴾ mempunyai tanggungan serta tidak berharta, ﴿lalu Dia memberikan kecukupan?﴾ dengan rezeki yang diberikan.

9 ﴿Oleh itu, adapun anak yatim maka janganlah engkau berlaku kasar terhadapnya﴾; kerana kelemahannya, bahkan berikan dia haknya dan kenanglah keyatimanmu dulu.

10 ﴿Adapun orang yang meminta maka janganlah engkau herdik﴾; sesungguhnyanya engkau dulunya fakir juga; sama ada engkau memberinya makan, atau engkau menolaknya dengan lembut.

11 ﴿Adapun nikmat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan﴾: zahirkan dan syukuri. Dikatakan juga yang dimaksudkan dengan 'nikmat' ialah al-Quran, maka Allah (^{subhānahu} wata'ālā) memerintahkan Nabi (sallallāhu 'alaihi wa sallam) agar membaca dan menyebut-nyebutnya.

SURAH AS-SYARH (KELAPANGAN)

أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ ۖ وَوَضَعْنَا عَنكَ وِزْرَكَ ۖ
الَّذِي أَنْقَضَ ظَهْرَكَ ۖ وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ ۖ
فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ ۖ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْجَبْ ۖ

1 ﴿Bukankah Kami telah melapangkan bagimu dadamu?﴾: wahai Muhammad untuk menerima kenabian, lalu engkau mengerjakan dakwah, menanggung beban kenabian dan menjaga wahyu.

2 ﴿Dan Kami telah mengangkat daripadamu bebanmu﴾: perkara yang telah berlalu ketika jahiliyyah.

3 ﴿Yang memberati tanggunganmu﴾.

4 ﴿Dan Kami telah meninggikan bagimu: sebutan namamu﴾: di dunia dan akhirat antaranya: perintah kepada orang yang beriman untuk menyebut syahadah kepada Nabi (sallallāhu 'alaihi wa sallam) apabila disebut syahadah kepada Allah (^{subhānahu} wata'ālā), begitu juga ketika menyebut zikir azan, serta perintah bersalawat dan salam ke atasnya.

5 ﴿Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan﴾.

6 ﴿(Sekali lagi ditegaskan): Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan﴾.

7 ﴿Kemudian apabila engkau telah selesai﴾ daripada solatmu, atau berdakwah, atau berperang, ﴿maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha﴾ berdoa dan memohon hajatmu daripada Allah (^{subhānahu} wata'ālā), atau bersungguh-sungguh beribadah.

8 ﴿Dan kepada Tuhanmu sahaja hendaklah engkau berharap﴾ dengan merendah diri, dijauhkan daripada neraka dan didekatkan dengan syurga.

SURAH AT-TIIN (BUAH TIN)

وَالْتِّينِ وَالزَّيْتُونِ ۝ وَطُورِ سِينِينَ ۝ وَهَٰذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ ۝ لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ۝

ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ ﴿٦﴾ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٧﴾
فَمَا يَكْذِبُكَ بَعْدَ الْإِيمَانِ ﴿٧﴾ أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَحْكَمَ الْحَاكِمِينَ

﴿1﴾ Demi buah tin yang dimakan dan zaitun yang diperah minyaknya. Kedua-duanya melambangkan bumi Palestin.

﴿2﴾ Dan gunung Tursina: iaitu gunung tempat Nabi Musa (‘alaihissalam) bercakap dengan Tuhannya.

﴿3﴾ Serta negeri (Mekkah) yang aman ini; Allah (subhānahu wata‘āla) bersumpah dengan ketiga-tiga tempat ini kerana ia adalah tempat turunnya wahyu kepada Nabi Musa, Isa dan Muhammad (‘alaihissalam), tempat turunnya tiga kitab samawi dan daripadanya terpancar cahaya hidayah buat manusia.

﴿4﴾ Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya: diciptakan berilmu, mampu bertutur, mengurus, dan bijaksana; yang membolehkan manusia menjadi khalifah Allah di bumi seperti yang dikehendaki Allah (subhānahu wata‘āla) untuknya.

﴿5﴾ Kemudian Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah: usia nyanyuk dan lemah setelah dulunya dia muda dan kuat. Dikatakan juga maknanya: dikembalikan menjadi lebih buruk daripada binatang, seburuk-buruk keadaan; kerana ia dikembalikan ke tingkatan neraka yang paling bawah.

﴿6﴾ Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka akan ke syurga Allah yang luas di tingkatan yang tinggi-tinggi (maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus).

﴿7﴾ (Setelah engkau mengetahui hal yang demikian), maka apa pula yang menjadikan engkau seorang yang mendustakan hari kebangkitan dan balasan.

﴿8﴾ Bukankah Allah seadil-adil Hakim?; ketentuan dan keadilanNya; apabila Dia memperelokkan kejadian manusia, kemudian Dia menghumbankan orang yang kufur ke neraka paling bawah dan mengangkat orang yang beriman beberapa darjat.

SURAH AL-A’LAQ (SEGUMPAL DARAH)

Surah yang pertama diturunkan.

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾
الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

﴿1﴾ Bacalah (wahai Muhammad) dengan memulakan, atau memohon pertolongan dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).

﴿2﴾ Dia menciptakan manusia dari segumpal darah beku: bermula dengan setitis mani, kemudian bertukar dengan izin Allah kepada segumpal darah dan ia adalah seperti seketul darah yang beku.

﴿3﴾ Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Antara keperamahannya ialah Dia menjadikan kamu boleh membaca sedangkan engkau buta huruf (ummiy).

4 ﴿Yang mengajar manusia (tulisan) dengan pena﴾. Allah (*subhānahu wata'ālā*) memulakan dakwah Islam dengan seruan dan galakan kepada membaca dan menulis kerana manfaatnya yang sangat besar.

5 ﴿Dia mengajarkan manusia (melalui pena) apa yang tidak diketahuinya﴾.

كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنَّاظٍ ﴿٦﴾ أَنْ رَأَاهُ اسْتَعْجَلَنِي ﴿٧﴾ إِنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الرُّجْعَىٰ ﴿٨﴾ أَرَأَيْتَ الَّذِي
يَنْهَىٰ ﴿٩﴾ عَبْدًا إِذَا صَلَّىٰ ﴿١٠﴾ أَرَأَيْتَ إِنْ كَانَ عَلَىٰ الْهُدَىٰ ﴿١١﴾ وَأَمَرَ بِالْتَّقْوَىٰ ﴿١٢﴾ أَرَأَيْتَ إِنْ كَذَّبَ
وَتَوَلَّىٰ ﴿١٣﴾ لَمْ يَعْلَمْ بِأَنَّ اللَّهَ يَرَىٰ ﴿١٤﴾ كَلَّا لَئِنْ لَمْ يَنْتَهِ لَسَفَعْنَا بِالنَّاصِيَةِ ﴿١٥﴾ نَاصِيَةٍ كَذِبَةٍ خَاطِئَةٍ ﴿١٦﴾
فَلْيَدْعُ نَادِيَهُ ﴿١٧﴾ سَنَدْعُ الزَّبَانِيَةَ ﴿١٨﴾ كَلَّا لَا نَبْغِيكَ وَأَسْجُدَ وَاقْتَرِبَ ﴿١٩﴾

6 ﴿Ingatlah! Sesungguhnya manusia itu benar-benar melampaui batas﴾.

7 ﴿Dengan sebab dia melihat dirinya serba cukup﴾ harta dan makanannya.

8 ﴿(Ingatlah) sesungguhnya kepada Tuhanmulah tempat kembali; bukan selainNya.﴾

9 ﴿Bagaimana pendapatmu tentang orang yang melarang (Abu Jahal)﴾.

10 ﴿Seorang hamba Allah (Muhammad (*sallāllāhu 'alaihi wa sallam*)) apabila dia mengerjakan sembahyang?﴾.

11 ﴿Bagaimana pendapatmu jika dia﴾ yang dilarang solat itu; iaitu Muhammad (*sallāllāhu 'alaihi wa sallam*) ﴿berada di atas petunjuk?﴾: iaitu jalan lurus. Baginda menjadi petunjuk bagi orang yang mengikutinya.

12 ﴿Atau dia menyuruh orang bertakwa?﴾ dengan ikhlas, tauhid dan amal soleh yang dijadikan pelindung daripada api neraka.

13 ﴿Bagaimana pendapatmu jika dia (Abu Jahal) mendustakan﴾ apa yang dibawa oleh Rasulullah (*sallāllāhu 'alaihi wa sallam*) ﴿dan berpaling﴾ daripada iman.

14 ﴿Tidakkah dia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat﴾ segala amal perbuatannya dan membalasnya?

15 ﴿Jangan sekali-kali berlaku derhaka! Demi sesungguhnya jika dia tidak berhenti﴾ dari perbuatannya yang buruk itu, ﴿nescaya Kami akan menyentap ubun-ubunnya﴾ dan menyeretnya ke dalam Neraka.

16 ﴿Ubun-ubun (orang) yang berdusta, yang bersalah﴾.

17 ﴿Kemudian biarlah dia memanggil kumpulannya (untuk menyelamatkannya)﴾. Dikatakan: Abu Jahal berkata kepada Rasulullah (*sallāllāhu 'alaihi wa sallam*): “Adakah engkau mengugutku sedangkan aku penduduk wadi (Mekkah) yang paling ramai kumpulannya!”, lalu turunlah ayat ini.

18 ﴿Kami pula akan memanggil malaikat Zabaniyah﴾ yang kasar dan bengis untuk mengambilnya dan menghumbkannya ke dalam api yang menyalanya.

19 ﴿Ingatlah! Janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendaknya﴾ untuk engkau tinggalkan solat ﴿dan (sebaliknya) sujudlah﴾: solatlah kepada Allah tanpa mempedulikan larangannya ﴿dan dampirkanlah dirimu kepada Allah!﴾ dengan taat dan beramal soleh.

SURAH AL-QADR (KEMULIAAN)

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾

- نَزَّلَ الْمَلَائِكَةَ وَالرُّوحَ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ ۗ سَلَّمَ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ۝
- 1 ﴿Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Malam al-Qadar﴾. Diturunkan sekaligus pada malam al-Qadar dari Lauh Mahfuz ke langit dunia. Kemudian diturunkan kepada Nabi (ﷺ) beransur-ansur mengikut keperluan dalam tempoh 23 tahun. Malam al-Qadar adalah salah satu malam dari malam-malam terakhir bulan Ramadan dan terdapat riwayat hadis yang pelbagai dalam menentukannya (secara spesifik).
- 2 ﴿Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apakah malam al-Qadar itu?﴾. Dinamakan demikian kerana Allah (ﷻ) menentukan segala perkara yang Allah inginkan sehingga ke setahun akan datang. Dikatakan juga: kerana besarnya nilai dan kemuliaannya.
- 3 ﴿Malam al-Qadar lebih baik daripada seribu bulan﴾. Yakni: amalan padanya, walaupun ia hanya satu malam.
- 4 ﴿Pada malam itu, turun malaikat dan roh (Jibril) dari langit ke bumi dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara﴾.
- 5 ﴿Sejahteralah malam itu﴾: tiada kejahatan padanya, sehingga syaitan juga tidak boleh melakukan padanya sebarang kejahatan dan gangguan **hingga terbit fajar!** Malaikat turun tidak putus-putus satu gerombolan demi gerombolan.

SURAH AL-BAYYINAH (BUKTI YANG NYATA)

لَوْ يَكُنُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ مُنْفَكِينَ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ الْبَيِّنَةُ ۝
 رَسُولٌ مِنَ اللَّهِ يَتْلُو صُحُفًا مُطَهَّرَةً ۝ فِيهَا كُتِبَ الْقِيمَةُ ۝
 وَمَا تَفَرَّقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ الْبَيِّنَةُ ۝ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ
 مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ الْحَقْفَاءُ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيمَةِ ۝

- 1 ﴿Orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab﴾: Yahudi dan Nasrani **serta orang-orang musyrikin**: musyrik arab; mereka adalah penyembah berhala. **tidak akan meninggalkan**: tidak akan berhenti dari kekufuran. **sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas nyata**: iaitu Nabi (ﷺ) dan ajarannya; baginda telah menerangkan kesesatan dan kejahilan mereka serta menyeru mereka kepada iman.
- 2 **iaitu seorang Rasul dari Allah**: Muhammad (ﷺ) **yang membacakan (kepada mereka) lembaran-lembaran suci** yang terpelihara daripada penyelewengan dan kekeliruan, bahkan ia benar-benar Kalam Allah.
- 3 **Terkandung di dalamnya ayat-ayat dan hukum-hukum bertulis yang benar**; lurus, seimbang dan jelas. Tiada perkara yang menyimpang daripada kebenaran, bahkan segala yang ada padanya adalah baik, membimbing, petunjuk dan hikmah seperti Firman Allah (ﷻ): “Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan kepada hambaNya (Muhammad), al-Quran, dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang terpesong. (Bahkan keadaannya) tetap benar lagi untuk memberi peringatan...”. [al-Kahfi:1-2]. Barangsiapa yang mengikuti ayat-ayat

tersebut, maka dia telah berada di atas jalan Allah yang lurus.

4 ﴿Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Kitab (Taurat dan Injil) itu, tidak berpecah-belah melainkan setelah datang kepada mereka bukti yang jelas nyata﴾. Yakni: perpecahan dan perselisihan mereka bukan disebabkan perkara yang samar-samar, tetapi ianya berlaku setelah jelas dan zahirnya kebenaran. Kemudian apabila Allah ^(subhānahu wa ta'ālā) mengutuskan Muhammad ^(sallālahu 'alaihī wa sallam), sebahagian mereka beriman dan sebahagian yang lain mengkufurinya, sedangkan sepatutnya mereka mengambil satu jalan yang sama dengan mengikuti agama Allah ^(subhānahu wa ta'ālā) dan jalan Rasulullah ^(sallālahu 'alaihī wa sallam).

5 ﴿Padahal mereka tidak diperintahkan﴾ dalam kitab-kitab samawi dan al-Quran ﴿melainkan supaya mereka beriltizam menyembah Allah dengan mengikhlasakan ibadat kepadaNya﴾; tidak mensyirikkanNya dengan sesuatu, juga mengikhlasakan diri untuk agama ﴿lagi tetap teguh di atas tauhid﴾: tidak cenderung melainkan hanya kepada agama Islam ﴿dan supaya mereka mendirikan sembahyang﴾ mengikut cara yang dikehendaki Allah dan pada waktunya ﴿serta memberi zakat﴾ pada tempohnya ﴿dan yang demikian itulah agama yang benar﴾: agama yang lurus, yang tidak sepatutnya seseorang pun meninggalkannya.

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ الْبَرِيَّةِ
 6 إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ
 جَزَاءُ هُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ عَدْنٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ
 وَرَضُوا عَنْهُ ذَلِكَ لِمَنْ حَشِيَ رَبَّهُ

6 ﴿Sesungguhnya orang-orang yang kafir di kalangan Ahli Kitab dan orang-orang musyrik itu akan ditempatkan di dalam Neraka Jahannam, kekalah mereka di dalamnya. Mereka itulah sejahat-jahat makhluk﴾; kerana mereka meninggalkan kebenaran disebabkan perasaan hasad dan benci, dan kerana itu mereka akan menjadi seburuk-buruk makhluk kesudahannya.

7 ﴿Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk﴾.

8 ﴿Balasan mereka di sisi Tuhannya ialah Syurga 'Adn yang mengalir di bawahnya): di bawah pohon-pohon dan bilik-bilik ﴿beberapa sungai; kekalah mereka di dalamnya selama-lamanya): tidak keluar dan meninggalkannya, bahkan tidak mati. ﴿Allah reda akan mereka dan mereka pun reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. Balasan yang demikian itu untuk orang-orang yang takut (melanggar perintah) Tuhannya﴾.

SURAH AZ-ZALZALAH (KEGONCANGAN)

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا 1 وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا 2 وَقَالَ الْإِنْسَانُ مَا لَهَا 3
 يَوْمَئِذٍ تُحَدِّثُ أَخْبَارَهَا 4 يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَسْمِعُوا الْبُرُوقَ أَنْ تَحْمِلَهُمْ 5
 فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ 6 وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ 7
 8

1) Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-

dahsyatnya» sehingga pecah remuk segala yang berada di atasnya.

﴿2﴾ «Serta bumi itu mengeluarkan segala isinya»: mayat-mayat dan segala benda yang tertimbus. Adapun mayat-mayat, bumi akan mengeluarkannya pada tiupan sangkakala kedua.

﴿3﴾ «Dan berkatalah manusia» kerana terkejut dan hairan melihat keadaan bumi: «“Apa yang sudah terjadi kepada bumi?”».

﴿4﴾ «Pada hari itu bumi pun menceritakan khabar beritanya», dan apa yang dilakukan di atasnya sama ada baik mahupun buruk; Allah ^(subhānahu wata‘āla) menjadikannya boleh berkata-kata supaya ia menjadi saksi kepada manusia.

﴿5﴾ «Bahawa Tuhanmu telah memerintahkan kepadanya»: memberitakan dengan wahyu Allah ^(subhānahu wata‘āla) dan menyaksikan dengan perintahNya.

﴿6﴾ «Pada hari itu manusia akan keluar berselerak» dari kubur masing-masing ke tapak penghisaban. Sebahagian mereka menuju ke kanan dan sebahagian yang lain ke kiri, mengikut perbezaan agama dan amalan masing-masing «untuk dipertihatkan kepada mereka (balasan) amal-amal mereka».

﴿7﴾ «Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah» ketika di dunia, «nescaya dia akan melihatnya» pada hari kiamat terbentang dalam surat amalnya, lalu dia bergembira dengannya.

﴿8﴾ «Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah» ketika di dunia, «nescaya dia akan melihatnya» pada hari kiamat lalu memuramkan wajahnya.

SURAH AL-A’ADIYAAT (KUDA PERANG)

وَالْعَدِيَّتِ صَبْحًا ﴿١﴾ فَالْمُورِيَّتِ قَدْحًا ﴿٢﴾ فَالْمُغِيرَاتِ صُبْحًا ﴿٣﴾
فَأَثَرُنَّ بِهِ نَفْعًا ﴿٤﴾ فَوَسَطْنَ بِهِ جَمْعًا ﴿٥﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِرَبِّهِ لَكَنُودٌ ﴿٦﴾
وَإِنَّهُ عَلَىٰ ذَٰلِكَ لَشَهِيدٌ ﴿٧﴾ وَإِنَّهُ لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيدٌ ﴿٨﴾ أَفَلَا يَعْلَمُ إِذَا بُعْثِرَ مَا فِي الْقُبُورِ ﴿٩﴾
وَحُصِّلَ مَا فِي الصُّدُورِ ﴿١٠﴾ إِنَّ رَبَّهُم بِهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّخَبِيرٌ ﴿١١﴾

﴿1﴾ «Demi kuda perang yang berlari kencang» dipacu oleh orang-orang yang berjihad di jalan Allah menentang musuh dari kalangan orang kafir yang derhaka terhadap Allah dan RasulNya «termengah-mengah».

﴿2﴾ «Serta kuda yang memercikkan api» apabila kuku kakinya memukul batu dan tanah yang keras.

﴿3﴾ «Dan kuda yang menyerang (dengan tiba-tiba) pada waktu pagi».

﴿4﴾ «Sehingga menerbangkan debu» ke muka musuh ketika perang.

﴿5﴾ «Lalu menyerbu ke tengah-tengah kumpulan musuh».

﴿6﴾ «Sesungguhnya manusia sangat tidak bersyukur akan nikmat Tuhannya».

﴿7﴾ «Dan sesungguhnya dia (manusia) menyaksikan (mengakui) keingkarannya»; kerana jelasnya kesan tersebut ke atas dirinya.

﴿8﴾ «Dan sesungguhnya cintanya kepada harta benar-benar berlebihan»; bersungguh-sungguh mendapatkannya dan sanggup bermati-matian untuknya.

﴿9﴾ «(Patutkah dia bersikap demikian?) Tidakkah dia mengetahui (bagaimana keadaan) ketika dibongkarkan segala yang ada dalam kubur?».

﴿10﴾ «Dan dikumpul serta didedahkan segala yang terpendam dalam dada?»: dibezakan dan diterangkan kebaikan dan keburukan yang terkandung di dalamnya.

﴿١١﴾ **Sesungguhnya Tuhan mereka Maha Mengetahui dengan mendalam tentang mereka pada hari itu**﴾. Juga pada hari-hari yang lain; tiada yang tersembunyi daripada pengetahuanNya. Kerana itu, adalah tidak patut harta benda mereka menyibukkan mereka daripada bersyukuri Tuhannya, beribadat kepadaNya dan beramal untuk hari kebangkitan.

SURAH AL-QARI'AH (HARI KIAMAT)

الْقَارِعَةُ ﴿١﴾ مَا الْقَارِعَةُ ﴿٢﴾ وَمَا أَذْرَكَ مَا الْقَارِعَةُ ﴿٣﴾ يَوْمَ يَكُونُ النَّاسُ كَالْفَرَاشِ الْمَبْثُوثِ ﴿٤﴾ وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ الْمَنْفُوشِ ﴿٥﴾ فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ ﴿٦﴾ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ ﴿٧﴾ وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ ﴿٨﴾ فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾ وَمَا أَذْرَكَ مَا هِيَ ﴿١٠﴾ نَارُ حَامِيَةٍ ﴿١١﴾

﴿١﴾ **Hari yang menggemparkan** hati dengan perasaan gerun, atau menggemparkan musuh Allah dengan azab.

﴿٢﴾ **Apakah hari yang menggemparkan itu?**

﴿٣﴾ **Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari yang menggemparkan itu?**

﴿٤﴾ **(Hari itu ialah: Hari kiamat). Hari manusia menjadi seperti kelkatu yang terbang berkeliaran tanpa arah tuju**﴾; kerana dahsyatnya hari tersebut sehingga mereka dihimpunkan di mahsyar.

﴿٥﴾ **Dan gunung-ganang menjadi seperti bulu (yang berwarna-warni) yang dihambur-hamburkan**﴾: hancur-lebur dan berterbangan.

﴿٦﴾ **(Kemudian Allah ^(subhānahu wata'āla) menyatakan keadaan manusia ketika dihisab di mana mereka dibahagi kepada dua kumpulan secara umum): Maka adapun orang yang berat timbangan**﴾: amal baiknya melebihi amal buruknya.

﴿٧﴾ **Maka dia berada dalam kehidupan (nikmat syurga) yang memuaskan**﴾.

﴿٨﴾ **Sebaliknya orang yang ringan timbangan (amal baiknya)**﴾.

﴿٩﴾ **Maka tempat kembalinya ialah 'Haawiyah'**﴾: neraka jahannam. Dia 'kembali' ke situ seperti seorang anak yang pasti kembali kepada ibunya. Dinamakan 'Haawiyah' kerana ia jatuh terhumban jauh ke dalamnya.

﴿١٠﴾ **Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apakah "Haawiyah" itu?**﴾. Diulang persoalan ini untuk menimbulkan rasa gerun dan menerangkan bahawa ia sesuatu yang di luar kebiasaan.

﴿١١﴾ **(Haawiyah itu ialah): Api yang panas membakar sehingga ke kemuncaknya**﴾.

SURAH AT-TAKAATHUR (BERMEGAH-MEGA)

أَلْهَدِكُمُ التَّكْوِينَ ﴿١﴾ حَتَّىٰ زُرْتُمُ الْمَقَابِرَ ﴿٢﴾ كَلَّا سَوْفَ تَعْمُونَ ﴿٣﴾ ثُمَّ كَلَّا سَوْفَ تَعْمُونَ ﴿٤﴾ كَلَّا لَوْ تَعْمُونَ ﴿٥﴾ عَمَّا يُبْتَلَوْنَ بِهِ ﴿٦﴾ ثُمَّ لَنْ نَسْتَعْتِبَ يَوْمَ مِذِّ عَنِ النَّعِيمِ ﴿٧﴾

﴿١﴾ **Kamu telah dilalaikan** daripada mengerjakan ketaatan dan amal akhirat oleh perbuatan berlumba-lumba untuk mendapat dengan sebanyak-banyaknya harta benda, anak-pinak, pangkat dan pengaruh.

﴿٢﴾ **Sehingga kamu masuk kubur**﴾: datangnya kematian ketika kamu masih dalam keadaan tersebut.

﴿٣﴾ **Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak** akitabnya yang buruk pada hari kiamat!

﴿4﴾ Sekali lagi (diingatkan): Jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak﴾ akibatnya yang buruk pada hari kiamat!

﴿5﴾ Demi sesungguhnya! Kalaulah kamu mengetahui﴾ apa yang kamu akan hadapi ﴿dengan pengetahuan yang yakin﴾, seperti perkara yang kamu yakini ketika di dunia, tentulah kamu tidak akan bermegah-megah dan dilalaikan daripada perkara yang lebih besar lagi, iaitu menyiapkan bekalan akhirat.

﴿6﴾ (Ingatlah) demi sesungguhnya! Kamu akan melihat Neraka yang marak menjulang﴾ di akhirat kelak.

﴿7﴾ Selepas itu, demi sesungguhnya! Kamu akan melihatnya dengan penglihatan yang yakin﴾: melihat dengan mata kepala sendiri!

﴿8﴾ Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat﴾ dunia yang telah melalaikan kamu daripada beramal untuk akhirat; maka kamu akan ditanya tentang keamanan, kesihatan, kelapangan, kelazatan makanan dan minuman, air sejuk yang diminum ketika haus, keteduhan tempat tinggal dan lain-lain lagi.

SURAH AL-ASR (MASA)

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾

إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالْحَقِّ وَتَوَّصُوا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

﴿1﴾ Demi Masa!﴾. Allah (^{subhānahu} wata'ālā) bersumpah dengan masa kerana padanya terdapat pelajaran dari sudut perjalanan siang dan malam, juga gelap dan terang yang silih berganti, di mana terletak padanya kelangsungan bagi sebuah kehidupan dan kepentingan hidupnya. Yang demikian itu adalah bukti nyata kewujudan Pencipta dan kewajipan mentaahidkanNya. Kata Muqatil rah.: “Yang dimaksudkan dengan masa di dalam ayat ini ialah waktu solat asar”.

﴿2﴾ Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian﴾; apabila berkurang dan hilangnya modal.

﴿3﴾ Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran﴾ yang wajib dilakukan; iaitu beriman kepada Allah (^{subhānahu} wata'ālā) dan mentaahidkanNya, menegakkan perkara yang disyariatkan Allah dan meninggalkan laranganNya. ﴿serta berpesan-pesan dengan sabar﴾; daripada melakukan maksiat kepada Allah (^{subhānahu} wata'ālā), atas kewajiban-kewajibanNya dan ketentuan-ketentuanNya yang memeritkan.

SURAH AL-HUMAZAH (PENGUMPAT)

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ ﴿١﴾ الَّذِي جَمَعَ مَالًا وَعَدَّدَهُ ﴿٢﴾ يُحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ ﴿٣﴾

كَلَّا لَيُنْبَذَتِ فِي الْحُطْمَةِ ﴿٤﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْحُطْمَةُ ﴿٥﴾ نَارُ اللَّهِ الْمَوْقَدَةُ ﴿٦﴾

الَّتِي تَطَّلِعُ عَلَى الْأَفْئِدَةِ ﴿٧﴾ إِنَّهَا عَلَيْهِمْ مُّوَصَّدَةٌ ﴿٨﴾ فِي عَمَدٍ مُمَدَّدَةٍ ﴿٩﴾

﴿1﴾ Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencela (yang berkata secara berhadapan) dan pengumpat (yang berkata di belakangnya)﴾.

﴿2﴾ Yang mengumpulkan harta dan berulang-ulang menghitung

kekayaannya» dengan penuh taajub, lalu dia merasakan dirinya lebih mulia; kerana itulah dia memandang hina pada orang lain dengan mencela dan mengumpat mereka.

3 ﴿Dia menyangka bahawa hartanya itu dapat mengekalkannya (tidak mati)!﴾; kerana dia terlalu sayangkan hartanya sehingga dia tidak memikirkan langsung tentang apa yang akan berlaku selepas mati.

4 ﴿Tidak (ia bukan seperti yang disangkan)! Sesungguhnya dia (dan hartanya) akan dicampakkan ke dalam 'al-Hutamah'﴾ yang membakar sehingga hancur segala yang dicampakkan kepadanya.

5 ﴿Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui, apakah "al-Hutamah" itu?﴾.

6 ﴿(Al-Hutamah) ialah api Allah yang dinyalakan (dengan perintahNya);﴾.

7 ﴿Yang naik menjulang (kepanasannya sampai) ke hati﴾; kerana ia tempat terbitnya matlamat yang serong, niat yang keji dan akhlak yang buruk seperti sombang dan menghina orang yang mulia.

8 ﴿Sesungguhnya api Neraka itu ditutup rapat atas mereka﴾ segala pintu-pintunya; maka mereka tidak boleh keluar daripadanya.

9 ﴿(Mereka terikat) pada batang-batang palang yang melintang panjang﴾. Kata Muqatil rah.: "Pintu-pintu tertutup rapat, kemudian mereka diikat pada pasak daripada besi, tidak dibuka pintu untuk mereka dan tiada udara yang dapat masuk kepada mereka".

SURAH AL-FIIL (GAJAH)

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفِيلِ ۗ ۱ أَلَمْ يَجْعَلْ كَيْدَهُمْ فِي تَضَلُّيلٍ ۚ ۲
وَأَرْسَلَ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ ۖ ۳ تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِّن سِجِّيلٍ ۚ ۴ فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَّأْكُولٍ ۚ ۵

1 ﴿Tidakkah engkau mengetahui bagaimana Tuhanmu telah melakukan kepada angkatan tentera bergajah?﴾: kaum Nasrani dari Habsyah yang menguasai Yaman; mereka bergerak dari sana untuk menghancurkan Kaabah. Apabila mereka hampir sampai ke Makkah, Allah ^(subhānahu wata'āla) menghantar kepada mereka burung yang disebut di dalam surah ini, lalu ia membinasakan mereka. Peristiwa itu menjadi suatu tanda kekuasaan Tuhan dan ianya berlaku 40 tahun sebelum pengutusan Nabi ^(sallāluhu 'alaihi wa sallam) di mana sebahagian yang menyaksikan peristiwa tersebut masih hidup ketika pengutusan Baginda ^(sallāluhu 'alaihi wa sallam).

2 ﴿Bukankah Tuhanmu telah menjadikan rancangan jahat mereka﴾ dan usaha mereka untuk memusnahkan Kaabah. ﴿sebagai suatu kesesatan﴾ yang membawa mereka kepada kebinasaan?

3 ﴿Dan Dia telah menghantarkan kepada mereka (rombongan) burung berpasuk-pasukan﴾; iaitu burung berwarna hitam yang datang berbondong-bondong dari arah laut, pada setiap burung tiga biji batu; dua di kaki dan satu di paruh, ia tidak mengenai sesuatu melainkan akan menghancurkannya.

4 ﴿Yang melontar mereka dengan batu-batu dari sejenis tanah liat yang dibakar﴾ dengan api neraka jahannam dan tertulis padanya nama-nama mereka. Apabila batu itu mengenai salah seorang daripada mereka, maka keluarlah daripadanya penyakit virus yang merebak. Saiz batu-batu tersebut seperti kacang kuda dan lebih besar dari kacang dal.

﴿5﴾ «Lalu Dia menjadikan mereka hancur berkecai seperti daun-daun (tanaman) yang dimakan (ulat)﴾.

SURAH QURAI SY (SUKU QURAI SY)

Dinamakan juga 'Surah al-lilaaf'.

﴿1﴾ لِأَيِّفِ فُرَيْشٍ ﴿2﴾ إِلَى فَيْهَمِ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ ﴿3﴾ فَلْيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ﴿4﴾
الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَءَامَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ ﴿5﴾

﴿1﴾ «(Laitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman yang panas) dan pada musim panas (ke negeri Syam yang sejuk)﴾.

﴿2﴾ «(Laitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman yang panas) dan pada musim panas (ke negeri Syam yang sejuk)﴾. Jika tidak kerana Allah memudahkan untuk mereka dua perjalanan ini dan keamanan yang mereka kecapai kerana mereka berjiran dengan Baitullah, mereka tidak akan mampu berbuat apa-apa; maka hendaklah mereka mengkhususkan ibadah hanya kepada Allah (*subhānahu*).

﴿3﴾ «Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang menguasai rumah (Kaabah) ini». Allah (*subhānahu*) memperkenalkan DiriNya sebagai Tuan rumah ini sebagai membezakan DiriNya dengan berhala-berhala yang mereka sembah. Kerana wujudnya Kaabah ini juga, mereka menjadi lebih mulia daripada sekalian arab.

﴿4﴾ «(Tuhan) yang memberi mereka penghidupan, menyelamatkan mereka dari kelaparan» melalui dua perjalanan tersebut. «dan mengamankan mereka dari ketakutan» permusuhan dan penghambaan sesama arab, kerana mereka di tempat yang suci. Mereka juga diamankan daripada ketakutan tentera bergajah Habsyah.

SURAH AL-MAA'UN (BARANG-BARANG YANG BERGUNA)

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالْإِيمَانِ ﴿1﴾ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ ﴿2﴾ وَلَا يُحِصْ عَلَى
طَعَامِ الْمَسْكِينِ ﴿3﴾ فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿4﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿5﴾
الَّذِينَ هُمْ بِرِءَاءِ وَنَ ﴿6﴾ وَيَمْنَعُونَ الْمَاعُونَ ﴿7﴾

﴿1﴾ «Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama?»: hari hisab dan pembalasan.

﴿2﴾ «(Jika engkau memerhatikan dan mencari,) orang itu ialah yang menafikan (sekeras-kerasnya hak) anak yatim». Menjadi kebiasaan orang arab jahiliyyah tidak mewariskan kepada wanita dan kanak-kanak.

﴿3﴾ «Dan dia tidak menggalakkan» dirinya dan sesiapa pun «untuk memberi makanan kepada orang miskin» kerana bakhilnya terhadap harta.

﴿4﴾ «Maka celakalah bagi orang yang solat;».

﴿5﴾ «(Laitu) mereka yang lalai terhadap solatnya»: tidak enghiraukannya; jika mereka bersolat, mereka tidak mengharapkan pahala daripadanya. Jika mereka meninggalkannya, mereka tidak takut kepada hukumannya; mereka lalai sehingga luput waktunya.

﴿6﴾ (Juga) orang-orang yang riak): menunjuk-nunjuk kepada manusia dengan solatnya jika dia bersolat, atau riak dengan segala amalan kebajikan yang dilakukan demi mendapat pujian manusia.

﴿7﴾ (Dan orang-orang yang enggan memberikan pertolongan), atau enggan membayar zakat.

SURAH AL-KAUTHAR (NIKMAT YANG BANYAK)

﴿1﴾ إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿2﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَحْسِرْ ﴿3﴾ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ﴿4﴾
﴿1﴾ Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak: iaitu sungai di dalam syurga yang Allah jadikan sebagai suatu kemuliaan untuk Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) dan umatnya.

﴿2﴾ Oleh itu, kerjakanlah sembahyang (fardu) kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban. Dulunya, manusia bersolat dan berkorban kepada selain Allah (subhānahu wata'āla), maka Allah (subhānahu wata'āla) memerintahkan NabiNya untuk melakukannya semata-mata kerana Allah (subhānahu wata'āla) Kata Qatadah, 'Atoo' dan 'Ikrimah: "Maksudnya solat hari raya dan sembelihan korban".

﴿3﴾ Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, dialah orang yang terputus. Yakni: tidak kekal sebutan namanya selepas kematiannya. Lelaki yang 'terputus' pula ertinya: lelaki yang tidak mempunyai anak. Apabila anak lelaki Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) meninggal dunia, berkatalah salah seorang musyrikin: "Bahawasanya dia (Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam)) telah terputus (keturunan)", lalu turunlah surah ini.

SURAH AL-KAFIRUN (ORANG-ORANG KAFIR)

﴿1﴾ قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ ﴿2﴾ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿3﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿4﴾ وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ﴿5﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿6﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿7﴾

﴿1﴾ Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir! Sebab turunnya surah ini: bahawasanya orang-orang kafir meminta Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) menyembah tuhan-tuhan mereka setahun dan mereka akan menyembah Allah (subhānahu wata'āla) setahun juga, maka Allah (subhānahu wata'āla) memerintahkan Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) untuk berkata kepada mereka:

﴿2﴾ Aku tidak akan (melakukan apa yang kamu minta, iaitu) menyembah apa yang kamu sembah (dari berhala-berhala kamu).

﴿3﴾ Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Yakni: kekal di dalam kesyirikan dan kekufuran kamu.

﴿4﴾ Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Yakni: pada hari yang mendatang daripada umurku, aku selama-lamanya tidak akan menyembah sesuatu pun dari berhala-berhala yang kamu sembah.

﴿5﴾ Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat pada masa akan datang, selagi kamu masih dalam kekufuran meyakini menyembah berhala. Sesungguhnya ibadah seorang yang kafir dan musyrik kepada Allah (subhānahu wata'āla) adalah tertolak dan tidak dikira. Dikatakan juga: ayat ini berulang dan tujuannya adalah penegasan, supaya golongan kuffar putus asa daripada

mengharapkan Nabi (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}) menyambut tawaran mereka.

﴿6﴾ **«Bagi kamu agama kamu; bagiku agamaku»**. Yakni: jika kamu reda dengan agama kamu, maka aku juga reda dengan agamaku. Agama syirikmu terbatas untukmu dan agama tauhidku terbatas untukku.

SURAH AN-NASR (PERTOLONGAN)

Dinamakan juga surah 'at-Taudi' (perpisahan).

Dikeluarkan oleh Imam Ahmad dan Ibnu Jarir, daripada Ibnu Abbas (^{radhiyallahu}
^{'anhu} ^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}) katanya: “Apabila turun ﴿ وَإِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴾, Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}) bersabda: **“Kematianku telah disampaikan kepadaku”**.

﴿1﴾ **إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ ﴿1﴾ وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا ﴿2﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرْ لَهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا ﴿3﴾**

﴿1﴾ **«Apabila datang kepada engkau (wahai Muhammad) pertolongan Allah ke atas musuhmu: Quraisy, (dan kemenangan): dibukakan untukmu kota Makkah. Kemenangan juga berarti: pembukaan terhadap penempatan-penempatan musuh dan terbukanya hati mereka untuk menerima kebenaran.**

﴿2﴾ **«Dan engkau melihat manusia masuk dalam agama Allah beramai-ramai»**. Apabila Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}) membuka kota Makkah, orang-orang arab berkata: “Jika Muhammad berjaya memenangi penduduk tanah suci ini sedangkan mereka pernah mendapat perlindungan Allah (^{subhānahu}
^{wata'āla}) daripada tentera bergajah, ketahuilah bahawasanya dia (Muhammad) di atas kebenaran, dan kamu tidak akan mampu mengalahkannya. Lalu mereka memeluk Islam beramai-ramai -setelah dulunya hanya seorang dua yang memeluk islam- sehingga menjadi keseluruhan kabilah memeluk Islam.

﴿3﴾ **«Maka ucapkanlah tasbih dengan memuji Tuhanmu dan mintalah ampun kepadaNya»** atas kesalahan dan kecuaiannya, sebagai tanda merendah diri kepada Allah (^{subhānahu}
^{wata'āla}) **«sesungguhnya Dia amat menerima taubat»** dan merahmati orang yang memohon keampunan. Dihimpunkan antara tasbih yang mengandungi makna takjub atas kemudahan Allah (^{subhānahu}
^{wata'āla}) ke atas Nabi (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}), yang tidak pernah terlintas di fikiran sesiapa pun, dengan pujian kepadaNya atas kecantikan ciptaanNya dan kebesaran kurniaanNya yang memberi pertolongan dan pembukaan ke atas 'Umm al-Qura'(Mekkah) serta masuknya manusia ke dalam Islam secara beramai-ramai.

Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan selainnya, daripada Ibnu Abbas katanya tentang surah ini: “Ia adalah ajal Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}) yang diberitahu oleh Allah (^{subhānahu}
^{wata'āla}) kepadanya”.

SURAH AL-MASAD (YANG DIPINTAL)

﴿1﴾ **تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ ﴿1﴾ مَا أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُ وَمَا كَسَبَ ﴿2﴾ سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ﴿3﴾ وَأَمْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ ﴿4﴾ فِي جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍ ﴿5﴾**

﴿1﴾ **«Binasalah (dan rugilah) kedua-dua tangan Abu Lahab dan dia juga akan binasa»**. Sesungguhnya doa tersebut telah benar-benar berlaku. Abu Lahab adalah bapa saudara Nabi (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}) dan namanya Abdul 'Uzza.

﴿2﴾ Hartanya dan segala yang diusahakannya﴾ daripada keuntungan dan kemegahan ﴿tidak dapat menolongnya﴾ daripada kebinasaan dan azab Allah ^(subhānahu wata'āla).

﴿3﴾ Dia akan menderita bakaran api Neraka jahannam yang marak menjulang (membakar kulitnya)﴾.

﴿4﴾ Dan juga isterinya, seorang perempuan pemungguh kayu api﴾: iaitu Ummu Jamil binti Harb, saudara perempuan Abu Sufyan, di mana dia pernah membawa kayu api dan duri lalu meletakkannya pada waktu malam di laluan Nabi ^(sallallāhu 'alaihi wa sallam).

﴿5﴾ Di lehernya sejenis tali, dari tali-tali yang dipintal﴾. Dia pernah memiliki kalung permata yang sangat mahal, lalu dia berkata: “Nescaya aku akan belanjakannya demi memusuhi Muhammad”, maka sebagai balasannya, diikat pada lehernya tali tersebut pada hari kiamat sebagai ganti kepada kalungnya itu.

SURAH AL-IKHLAS (IKHLAS)

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾
لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

﴿1﴾ Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa﴾. Berkata orang-orang musyrik: “Wahai Muhammad! Sebutkan kepada kami nasab Tuhanmu”, maka turunlah surah ini.

﴿2﴾ Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat﴾; kerana Dia mampu menunaikannya. Daripada Ibnu Abbas ^(radīyallāhu 'anhu) katanya: “As-Samad: ‘Tuan’ yang sempurna ketuannya, ‘as-Syarif’ yang sempurna kemuliaannya, ‘al-Haliim’ yang sempurna ketenanganNya, ‘al-Ghaniyy’ yang sempurna kekayaannya, ‘al-Jabbar’ yang sempurna kekuasaanNya, ‘al-‘Aalim’ yang sempurna kebijaksanaanNya, Dialah Allah ^(subhānahu wata'āla), dan sifat ini tiada yang layak melainkan untukNya.

﴿3﴾ Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan﴾; kerana tiada yang sejenis denganNya, dan mustahil untuk dinisbahkan sifat ‘tiada’ kepadaNya sama ada dahulu atau kemudian; sedangkan Allah tidak berbapa sehingga boleh dinasabkan. Kata Qatadah rah: “Sesungguhnya orang musyrik di kalangan arab berkata: malaikat itu anak perempuan Allah, sedang orang yahudi pula berkata: ‘Uzair anak lelaki Allah, manakala orang nasrani pula berkata: al-Masih (Isa) anak lelaki Allah, maka Allah menafikan kesemua mereka dengan berkata: Dia tidak beranak dan tidak pula diperanakkan”.

﴿4﴾ Dan tidak ada sesiapa yang serupa denganNya﴾: setara, semisal atau bersama denganNya pada sesuatu daripada sifat kesempurnaanNya.

SURAH AL-FALAQ (WAKTU SUBUH)

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾
وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٤﴾ وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

﴿1﴾ Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan waktu subuh﴾. Dikatakan: maksudnya semua ciptaan Allah (^{subhānahu} wata'ālā) yang terbelah sama ada haiwan, cahaya subuh, biji dan benih, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain. Dikatakan juga: maksudnya penerimaan bahawa yang berkuasa menghilangkan kegelapan dari seluruh alam ini, pastilah juga berkuasa untuk menolak segala yang ditakuti dan dibimbangi oleh pemohon perlindungan.

﴿2﴾ Dari kejahatan makhluk-makhluk yang Dia ciptakan﴾.

﴿3﴾ Dari kejahatan malam apabila ia datang﴾; kerana pada waktu malam, binatang buas dan berbisa keluar dari sarangnya, begitu juga orang-orang jahat yang melakukan kerosakan.

﴿4﴾ Dari kejahatan wanita-wanita sihir yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan﴾ apabila melakukan sihir.

﴿5﴾ Serta dari kejahatan orang yang dengki apabila dia melakukan kedengkiannya﴾. Maksud hasad ialah mengharapkan hilangnya nikmat yang Allah berikan kepada orang yang dihasadkan.

SURAH AN-NAAS (MANUSIA)

﴿1﴾ قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾
 إِلَهِ النَّاسِ ﴿٣﴾ مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٤﴾
 الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾

﴿1﴾ Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Pemilik sekalian manusia﴾; Pencipta, Pengurus dan Pengeloh urusan mereka.

﴿2﴾ Yang Menguasai sekalian manusia﴾ dengan kekuasaan yang mutlak.

﴿3﴾ Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia﴾, dan sebutan 'Ilah' itu khas bagiNya, tiada sekutu bagiNya.

﴿4﴾ Dari kejahatan pembisik penghasut (syaitan) yang timbul dan tenggelam﴾.

﴿5﴾ Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia﴾; supaya patuh kepadanya.

﴿6﴾ (laitu pembisik dan penghasut) dari kalangan jin dan manusia﴾. Syaitan dari kalangan manusia menghasut dengan menunjukkan dirinya pemberi nasihat yang prihatin, lalu ia mempengaruhi hati melalui kata-katanya yang dilemparkan dalam bentuk nasihat, sepertimana syaitan dari kalangan jin menghasut hati dengan bisikannya. Dari Ibnu Abbas (^{radīyallāhu} anhu) katanya: "Tiada bayi yang dilahirkan melainkan pada hatinya was-was (bisikan jahat). Apabila dia mengingati Allah ia (was-was) hilang, dan apabila dia lalai ia membisikkan". Kita memohon perlindungan Allah (^{subhānahu} wata'ālā) daripada tipu daya dan bisikannya.

SOALAN-SOALAN PENTING DALAM KEHIDUPAN SEORANG MUSLIM

1. Daripada manakah seseorang Muslim itu mengambil Aqidahnya? Aqidah seorang Muslim itu diambil dari Kitab Allah dan Sunnah NabiNya (^{ṣallāllāhu 'alaihī wa sallam}) yang sahih, yang tidak berkata-kata dengan hawa nafsu, firman Allah dalam Surah an-Najm: 4

﴿إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى﴾ Yang bermaksud: “(la) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya”. Ia seperti yang difahami para sahabat dan salafussoleh (^{radīyalāhu 'anhum}).

2. Jika timbul perselisihan pandangan, ke manakah kita perlu membuat rujukan? Kita perlu merujuk kembali kepada syarak dan hukum berlandaskan al-Quran dan Sunnah Rasulullah (^{ṣallāllāhu 'alaihī wa sallam}) sebagaimana firman Allah (^{subhānahu wata'āla}) dalam surah an-Nisa':59

﴿فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ﴾ Yang bermaksud: “Kemudian, jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (Sunnah)”. Sabda Rasulullah (^{ṣallāllāhu 'alaihī wa sallam}): “Telah aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang kepada keduanya: Kitab Allah (al-Quran) dan sunnah NabiNya”. (Al-Muwata’).

3. Siapakah golongan yang akan terselamat di hari kiamat nanti? Telah bersabda Rasulullah (^{ṣallāllāhu 'alaihī wa sallam}): “Umat aku nanti akan terbahagi kepada tujuh puluh tiga pecahan, semuanya di dalam neraka kecuali satu kumpulan sahaja. Mereka bertanya: siapakah mereka wahai Rasulullah? Rasulullah (^{ṣallāllāhu 'alaihī wa sallam}) bersabda: mereka yang bersama aku dan juga sahabatku.” (H.R Ahmad). Maka kebenaran dalam agama itu adalah apa yang Nabi (^{ṣallāllāhu 'alaihī wa sallam}) dan para sahabat berada di atasnya, dan hendaklah kamu mengikuti mereka dan menjauhi rekaan (dalam agama), jika kamu inginkan kejayaan dan diterima segala amalan.

4. Apakah syarat-syarat penerimaan amalan yang soleh? Syarat pertama: Beriman kepada Allah dan mentauhidkanNya, dan tidak diterima amalan daripada mereka yang syirik kepada Allah. Syarat kedua: Ikhlas, iaitu dengan mengharapkan sesuatu hanya dari Allah (^{subhānahu wata'āla}). Syarat ketiga: Mengikuti petunjuk Nabi (^{ṣallāllāhu 'alaihī wa sallam}) padanya; iaitu amalan itu sama seperti yang disampaikan olehnya, maka seseorang itu tidaklah menyembah Allah (^{subhānahu wata'āla}) kecuali dengan apa yang telah disyorkan. Maka, apabila telah hilang salah satu dari tiga syarat tersebut, amalan itu akan ditolak. Allah (^{subhānahu wata'āla}) berfirman dalam surah al-Furqan: 23 ﴿وَقَدِمْنَا إِلَىٰ مَا عَمِلُوا مِنَّ عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ

﴿هَبَاءٌ مَّنْشُورًا﴾ Yang bermaksud: “Dan Kami hadapi segala amalan yang mereka telah lakukan (yang mereka rasakan baik), lalu Kami jadikan ia terbuang sebagai debu yang berterbangan”.

5. Apakah tingkatan dalam beragama? Kedudukan agama terbahagi kepada tiga iaitu: Islam, Iman dan Ihsan.

6. Apa itu Islam, dan berapakah rukun-rukunnya? Islam ialah penyerahan diri kepada Allah dengan mentauhidkanNya, patuh dan taat kepadaNya, serta bebas dari syirik dan seumpama dengannya. Rukun Islam terbahagi kepada lima sebagaimana sabda Nabi (ﷺ) “Telah terbina Islam diatas lima perkara, bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, menunaikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa dibulan Ramadhan”. (Muttafaqu alaihi).

7. Apa itu Iman, dan berapakah rukun-rukunnya? Iman adalah meyakini dengan hati, mengakui dengan lidah dan beramal dengan anggota badan. Ia bertambah dengan ketaatan dan berkurang dengan kemaksiatan. Allah berfirman dalam surah al-Fath ayat:4: ﴿لِيَزِدَّاوَأَإِيمَانًا مَّعَ إِيْمَانِهِمْ﴾, yang bermaksud: “Untuk menambahkan iman atas keimanan mereka yang sedia ada”. Telah bersabda Rasulullah (ﷺ): “Iman itu mempunyai lebih dari 70 cabang. Yang paling utama adalah ucapan ‘la ilaha illallahu’ dan yang paling rendah adalah menyingkirkan rintangan dari tengah jalan, serta rasa malu itu adalah salah satu cabang dari cabang keimanan.” (HR. Muslim). Ia diperkuatkan lagi dengan apa yang dirasakan oleh seorang muslim pada dirinya, dengan kekuatan untuk melakukan ketaatan dalam musim kebaikan (ibadah), sebaliknya rasa lemah ketika melakukan maksiat. Allah berfirman dalam surah Hud: 144 ﴿إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ أَلْسَفَاتِ﴾, yang bermaksud: “Sesungguhnya kebaikan-kebaikan itu menghapuskan kejahatan-kejahatan”. Rukun-rukun iman terbahagi kepada enam perkara, sebagaimana sabda Rasulullah (ﷺ): “(Iman itu) adalah beriman kepada Allah, malaikat-malaikatNya, kitab-kitabNya, rasul-rasulNya, hari akhirat, serta qada’ dan qadar”. (H.R Bukhari).

8. Apakah yang dimaksudkan dengan (لا إله إلا الله)? Menafikan kelayakan beribadah untuk selain Allah, dan menetapkanNya hanya kepada Allah Tuhan yang satu.

9. Adakah Allah bersama-sama kita? Ya, Allah (subhānahu wata’āla) bersama-

sama kita dengan ilmunya, pendengarannya, penglihatannya, pemeliharannya, kesempurnaanNya, kudratNya, dan kehendakNya. Manakala zatNya, tidak menyerupai makhluk-makhlukNya, dan tiada satu pun daripada makhlukNya yang dapat menanggapiNya.

10. Adakah mampu untuk seseorang melihat Allah dengan mata?

Telah disepakati oleh seluruh umat Islam bahawa manusia tidak dapat melihat Allah di atas dunia. Akan tetapi orang beriman akan melihat Allah pada hari akhirat di Padang Mahsyar dan di dalam Syurga. Allah ^(subhānahu wata'āla) berfirman dalam surah al-Qiyamah: 22-23 ﴿وَجْهٌ يُومِئُ تَأْخِذَةٌ ۖ إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ﴾ Yang bermaksud: “*Wajah-wajah (orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri. Memandang Tuhannya*”.

11. Apakah faedah mengetahui nama-nama Allah dan sifat-sifatNya? Sesungguhnya kewajipan pertama manusia ke atas penciptanya adalah mengenaliNya. Maka apabila manusia telah mengenali dan mengetahuiNya, ibadatnya akan menjadi sebenar-benar ibadat kepada Allah ^(subhānahu wata'āla). Allah ^(subhānahu wata'āla) berfirman dalam surah Muhammad: 19 ﴿فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَغْفِرْ لِذَنبِكَ﴾ yang bermaksud: “*Ketahuiilah sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan beristighfarlah kepadaNya atas dosa yang engkau telah lakukan*”. Maka mengingati Allah pada keluasan rahmat Allah ^(subhānahu wata'āla) dapat mendatangkan pengharapan, pada ujian dan kesukaran pula mendatangkan rasa takut, begitu juga pada meletakkan Allah satu-satunya pemberi nikmat mampu mendatangkan rasa syukur.

Maksud beribadat dengan nama-nama Allah dan sifat-sifatNya adalah memperhalusi ilmu tentangnya, memahami maknanya dan beramal dengannya. Di antara nama-nama Allah dan sifat-sifatNya itu, ada yang elok dipersifatkan oleh hambaNya seperti yang maha Alim, yang maha Kasih dan yang maha Adil. Dan ada yang dicela untuk seseorang hamba bersifat dengannya seperti ketuhanan, angkuh, dan takabur. Selain dari itu, terdapat sifat-sifat yang elok bahkan diperintahkan untuk seorang hamba bersifat dengannya seperti perhambaan, memerlukan, menghajatkan, ketundukan, permintaan dan sebagainya yang mana Allah ^(subhānahu wata'āla) tidak boleh dipersifatkan dengannya. Manusia yang paling dicintai Allah ialah mereka yang bersifat dengan sifat yang disukai-Nya, sebaliknya manusia yang paling dibenci-Nya ialah mereka yang

bersifat dengan sifat yang dibenci-Nya.

12. Apakah nama-nama Allah al-Husna? Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman dalam surah al-A'raf: 180 ﴿وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا﴾, yang bermaksud: “Dan Allah mempunyai nama-nama yang mulia, maka hendaklah kamu berdoa dengannya”. Dan sabit daripada Rasulullah (^{sallāluhu} wa ^{'alaihi} sallam) bahawa baginda bersabda: “*Sesungguhnya Allah mempunyai 99 nama, iaitu 100 kurang satu. Siapa yang menghafalnya akan masuk syurga*”. (Muttafaqun alaihi). **Menghitung nama-nama Allah ini mengandungi tiga cara:** 1) Pengiraan lafaz-lafaz dan bilangannya. 2) Memahami makna dan kandungan serta beriman dengannya; maka apabila disebut Yang Maha Bijaksana (al-Hakim) maka dia menyerahkan semua urusannya kepada Allah kerana semua urusan dibawah kebijaksanaanNya. 3) Berdoa kepada Allah dengan nama-namaNya, sebagai contoh, “Wahai Pelindung, lindungilah aku, wahai yang maha Mulia, muliakanlah aku. Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman dalam surah Sad: 35 { قَالَ رَبِّ اغْفِرْ لِي وَهَبْ لِي مُلْكًا لَا يَبْتَغِي } { لِأَحَدٍ مِّنْ بَعْدِي إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ } . Yang bermaksud: “*Katanya: Wahai Tuhanku! Ampunkanlah kesilapanku, dan kurniakanlah kepadaku sebuah kerajaan yang tidak dimiliki oleh sesiapaupun selepasku, sesungguhnya Engkau yang sentiasa melimpah kurniaanNya*”.

Sesiapa yang memerhatikan ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis yang sahih akan dapat mengumpulkannya: iaitu

N	NAMA	PENGERTIANNYA
	Allah (الله)	Pemilik ketuhanan dan pengabdian ke atas seluruh makhlukNya, Dialah tuhan yang disembah dengan ketundukan, kehinaan, rukuk dan sujud. Hanya kepadaNya dipersembahkan segala ibadah.
1	Ar-Rahman (الرحمن)	Maha Pengasih; nama yang menunjukkan keluasan rahmatNya atas sekalian makhlukNya. Nama ini hanya khas untuk Allah dan tidak boleh diletakkan pada selainNya.
2	Ar-Rahim (الرحيم)	Maha Penyayang; mengampuni orang mukmin di dunia dan akhirat. Dia hidayahkan mereka untuk menyembahNya lalu memuliakan mereka di akhirat dengan syurga.
3	Al-Afuww (العفو)	Maha Pemaaf; yang menghapus segala dosa dan melepaskannya. Dia tidak menghukum hambaNya walau mereka sebenarnya layak dihukum.
4	Al-Ghafuur (الغفور)	Maha Pengampun; yang menutup kesalahan pesalah, tidak menghinakan dan menghukumnya.
5	Al-Ghaffaar	Maha Pengampun (senantiasa); yang banyak keampunanNya

	(الغفار)	ke atas pelaku dosa yang banyak beristighfar.
6	Ar-Rauuf (الرؤوف)	Maha Mengasihani; yang bersangatan dan kemuncak rahmatNya. Ianya meliputi semua makhlukNya di dunia dan sebahagiannya di akhirat iaitu hambaNya yang beriman.
7	Al-Haliim (العليم)	Maha Penyantun; yang menanggung azab ke atas hambaNya padahal Dia mampu mengazab mereka, malah memberi peluang dan mengampunkan apabila mereka beristighfar.
8	At-Tawwaab (التواب)	Maha Penerima Taubat; yang memberi taufiq kepada hambaNya untuk bertaubat kemudian menerima taubat mereka.
9	As-Sittiir (الستير)	Maha Menutup; yang menutup kesalahan hambaNya lalu tidak membuka keaiban sehingga terhina. Malah Dia suka hambaNya menutupi keaiban sendiri dan orang lain.
10	Al-Ghaniyy (الغني)	Maha Kaya; Dia tidak berhajat kepada seseorang pun dari makhlukNya kerana kesempurnaan zatNya dan sifatNya. Sebaliknya sekalian makhluk berhajat kepadaNya dan memerlukan pertolonganNya.
11	Al-Kariim (الكريم)	Maha Mulia; banyak kebaikan dan luas pemberianNya. Dia memberi apa saja dengan kehendakNya kepada sesiapa yang meminta dan tidak meminta. Dia juga Maha Mulia; mengampuni dan menutup keaiban hambaNya.
12	Al-Akram (الأكرم)	Maha Termulia; kemuncak kemuliaan adalah Dia. Tiada yang setanding kemuliaanNya. Segala kebaikan datang dariNya.
13	Al-Wahhaab (الوهاب)	Maha Mengurniakan; mengurniakan anugerah yang banyak tanpa balasan, memberi nikmat tanpa diminta.
14	Al-Jawaad (الجواد)	Maha Pemurah; banyak pemberian kepada makhlukNya terutama kepada mereka yang beriman.
15	Al-Waduud (الودود)	Maha Penyayang; kepada hambaNya dan mengasihi mereka dengan cara memberi keampunan, nikmat dan redha.
16	Al-Mu'thi (المعطي)	Maha Memberi; kepada sesiapa dari hambaNya dari khazanah kekayaanNya terutama kepada para waliNya. Dia juga memberikan pada kejadian; bentuk dan rupa.
17	Al-Waasi' (الواسع)	Maha Luas; sifatNya, keagunganNya, kerajaanNya, keampunanNya, rahmatNya, kemuliaan dan belas ihsan.
18	Al-Muhsin (المحسن)	Maha Elok; yang sempurna keelokanNya pada zatNya, namaNya, sifatNya dan perbuatanNya. Dia juga memperelokkan penciptaan makhlukNya dan berbuat elok kepada mereka.
19	Ar-Raaziq	Maha Memberi Rezeki; dariNya datang semua rezeki

	(الرازق)	makhluk. Dia menentukan rezeki mereka sebelum penciptaan sekalian alam dan Dia pasti menyempurnakan rezeki mereka.
20	Ar-Razzaaq (الرزاق)	Maha Luas Rezeki; menunjukkan banyaknya rezeki yang Dia berikan pada makhlukNya. Dia memberi rezeki tanpa diminta malah kepada mereka yang bermaksiat kepadaNya.
21	Al-Lathiif (اللطيف)	Maha Halus; Dia mengetahui perincian segala perkara, tiada yang tersembunyi dariNya. Dia memberi kebaikan dari jalan yang tidak disangka.
22	Al-Khabiir (الخبير)	Maha Mengetahui; yang meliputi pengetahuanNya segala yang zahir dan tersembunyi.
23	Al-Fattaah (الفتاح)	Maha Membuka; yang membuka khazanah perbendaharaanNya, rezekiNya dan rahmatNya untuk sekalian hambaNya sesuai hikmah dan kebijaksanaanNya.
24	Al-'Aliim (العليم)	Maha Berilmu; yang meliputi ilmuNya segala yang zahir dan batin, yang rahsia dan nyata, yang dahulu, sekarang dan masa depan, tiada yang terlepas dari ilmuNya.
25	Al-Barr (البر)	Maha Berbuat Baik; yang luas kebaikannya. Apabila Dia memberi tiada siapa yang dapat menghitung pemberianNya. Dia menerima kebaikan yang sedikit lalu menggandakannya menjadi banyak.
26	Al-Hakiim (الحكيم)	Maha Bijaksana; yang meletakkan sesuatu pada tempatNya, tiada kecacatan dan kekurangan pada pentadbiranNya.
27	Al-Hakam (الحكم)	Maha Mengadili; yang menghukum antara makhlukNya dengan adil. Dia tidak menzalimi sesuatu pun. Malah Dia menurunkan al-Quran sebagai pemutus hukum antara manusia.
28	As-Syaakir (الشاکر)	Maha Menyukuri; Dia memuji sesiapa yang mentaatinya, membalas mereka dengan kebaikan walau sekecil mana amalan itu lalu Dia menambahkan nikmat di dunia dan pahala di akhirat.
29	As-Syakuur (الشکور)	Maha Luas Menyukuri; menerima amal yang sedikit lalu menggandakan pahalanya dan membalasnya dengan ganjaran yang banyak.
30	Al-Jamiil (الجميل)	Maha Cantik; pada zatNya, namaNya, sifatNya, perbuatanNya dengan kecantikan sebenar. Semua kecantikan pada makhluk datang dariNya.
31	Al-Maajid (الماجد)	Maha Mulia; yang bagiNya segala kemegahan, kemuliaan, ketinggian darjat dan kedudukan di langit dan bumi.

32	Al-Waliyy (الولي)	Maha Penjaga; yang menjaga segala urusan makhlukNya dan mentadbir kerajaanNya terutama menjaga para waliNya.
33	Al-Hamiid (الحميد)	Maha Terpuji; atas namaNya, sifatNya dan perbuatanNya. Yang berhak dipuji pada waktu susah dan senang; semua keadaan secara mutlak kerana Dia bersifat dengan kesempurnaan.
34	Al-Maula (المولى)	Maha Penolong; Dialah Tuhan, Raja, Tuan, Penolong yang membantu hamba-hamba dan kekasihNya.
35	An-Naashir (الناصر)	Maha Penolong; Dialah yang membantu dengan pertolonganNya kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Tiada yang dapat menghalang pertolonganNya.
36	As-Samii' (السميع)	Maha Mendengar; yang meliputi pendengarannya pada segala rahsia dan bisikan, suara yang kuat dan nyata. Bahkan Dia mendengar setiap suara dan doa lantas menerimanya.
37	Al-Basiir (البصير)	Maha Melihat; yang meliputi penglihatannya pada semua yang wujud sama ada dalam alam ghaib atau nyata, yang zahir atau tersembunyi, yang halus atau besar.
38	As-Syahiid (الشهيد)	Maha Menyaksikan; Dialah yang mengawasi sekalian makhlukNya dan menyaksikan atas diriNya dengan keEsaan.
39	Ar-Raqiib (الراقب)	Maha Mengawasi; yang mengamati sekalian makhlukNya dan menghitung amalan mereka. Tidak luput dariNya walau sekelip mata.
40	Ar-Rafiiq (الرفيق)	Maha Lembut; yang banyak kelembutan dalam perbuatanNya, Dia memperlakukan hambaNya dengan lemah lembut; maka Dia tidak membebankan hambaNya dengan perkara yang mereka tidak mampu. Malah Dia suka pada hambaNya yang lembut.
41	Al-Qariib (القريب)	Maha Dekat; dengan ilmunya dan kekuasaanNya kepada sekalian hambaNya. Juga dengan pertolonganNya pada hambaNya yang beriman.
42	Al-Mujiib (المجيب)	Maha Memperkenan; yang memperkenan permohonan hamba yang berdoa dan meminta sesuai dengan ilmu dan hikmahNya.
43	Al-Muqiit (المقيت)	Maha Mencukupkan; yang menciptakan makanan dan rezeki serta menjaminnya sampai kepada hambaNya sebagaimana yang Dia tentukan. Dia juga menjaga rezeki dan amalan hambaNya tanpa mengurangnya.
44	Al-Haseeb	Maha Mencukupkan/Menghitung; yang mencukupkan

	(الحسيب)	bagi hambaNya segala keperluan dunia dan agama; khususnya bagi orang mukmin. Dia juga menghitung amalan mereka pada hari akhirat.
45	Al-Mukmin (المؤمن)	Maha Membenarkan/Mengamankan; dengan mukjizat kepada para nabi sebagai bukti kebenaran risalah mereka. Dia juga mengamankan orang mukmin pada hari akhirat dari ketakutan dan azab.
46	Al-Mannaan (المنان)	Maha Mengurnia; sangat banyak kurnia, besar nikmatNya dan belas ihsanNya pada makhlukNya.
47	At-Tayyib (الطيب)	Maha Baik; yang suci dan sejahtera dari segala keaiban dan kekurangan. BagiNya segala kesempurnaan dan Dia tidak menerima amalan dan sedekah melainkan yang baik dan halal.
48	As-Syaafi (الشافى)	Maha Menyembuhkan; yang menyembuhkan hati dan badan dari penyakit. Dia mempermudah bagi hambaNya ubat-ubatan namun kesembuhan hanya dariNya.
49	Al-Hafiiz (الحفيظ)	Maha Menjaga; yang menjaga hambaNya yang beriman serta amalan mereka. Malah menjaga sekalian makhluk dengan kekuasaanNya.
50	Al-Wakiil (الوكيل)	Maha Menjaga Urusan; yang menciptakan dan mentadbir sekalian makhluk. Orang mukmin berserah dan bertawakkal kepadaNya dalam usaha mereka serta mereka redha dan bersyukur atas apa yang berlaku selepasnya.
51	Al-Khallaaq (الخالق)	Maha Banyak Ciptaan; yang menunjukkan bahawa Dia senantiasa mencipta dan banyak ciptaanNya.
52	Al-Khaaliq (الخالق)	Maha Pencipta; yang menciptakan sekalian makhluk tanpa ada contoh pun sebelumnya.
53	Al-Baari (البارى)	Maha Menjadikan; yang mewujudkan makhluk seperti mana yang telah ditulis dan ditakdirkan.
54	Al-Musawwir (المصور)	Maha Merekabentuk; yang menjadikan sekalian makhluk dalam rupa dan bentuk yang sesuai dengan hikmah, ilmu dan rahmatNya.
55	Ar-Rabb (الرب)	Maha Pemilik; yang menjaga makhlukNya dengan nikmat sehingga matang. Dia juga menjaga wali-waliNya dengan menyuburkan hati-hati mereka. Dialah Pencipta, Penguasa dan Tuan (sekalian makhlukNya)
56	Al-Aziim (العظيم)	Maha Besar; bagiNya segala kebesaran pada zatNya, namaNya dan sifatNya. Wajib ke atas sekalian hamba membesarkannya; perintah dan laranganNya.

57	Al-Qaahir (القاھر)	Maha Menguasai; yang tunduk kepadaNya semua makhluk, Dia menguasai mereka dan mereka tunduk merendah diri padaNya.
58	Al-Qahhaar (القاھار)	Maha Sangat Menguasai; menunjukkan bersangatan atas sifat menguasai.
59	Al-Muhaimin (المھيمن)	Maha Mengawasi; yang menegakkan sesuatu dan menjaga serta mengawasinya.
60	Al-Aziiiz (العزیز)	Maha Perkasa; bagiNya segala kemuliaan dari sudut kekuatan, kekayaan, kekuasaan dan kemenangan; tiada yang bergerak melainkan dengan izinNya.
61	Al-Jabbaar (الجبار)	Maha Memaksa/Maha Memperbaik; dengan kehendakNya semua yang berlaku. Sekalian makhluk tunduk padaNya. Dia juga memperbaiki yang rosak, mengkaya yang miskin, menyembuh yang sakit.
62	Al-Mutakabbir (المتكبر)	Maha Megah; yang mulia dari segala kekurangan, berkuasa atas hamba sesuai kehendakNya. Siapa yang bersifat takabbur maka Dia akan mengazabnya.
63	Al-Kabiir (الكبير)	Maha Besar; iaitu pada zatNya, sifatNya dan perbuatanNya. Tiada sesuatu yang lebih besar dariNya.
64	Al-Hayiy (الحيي)	Maha Pemalu; yang memiliki sifat malu yang sesuai dengan keagungan dan kemuliaanNya.
65	Al-Hayy (الحي)	Maha Hidup; bagiNya hidup yang berkekalan dan sempurna. Tiada awal dan tiada akhir. Semua yang hidup datang dariNya.
66	Al-Qayyum (القیوم)	Maha Berdiri Sendiri; yang tidak memerlukan pertolongan makhlukNya malah mereka yang memerlukanNya.
67	Al-Waarith (الوارث)	Maha Mewarisi; yang kekal selepas binasa sekalian makhluk dan semua perkara kembali kepadaNya. Makhluk hanya menjaga amanah yang akan kembali kepada tuannya.
68	Ad-Dayyaan (الديان)	Maha Membalas; yang patuh kepadaNya sekalian makhluk lantas Dia membalas amalan. Sekiranya baik, Dia menggandakannya dan sekiranya buruk dia menghukumnya atau mengampuni mereka.
69	Al-Malik (الملك)	Maha Raja; milikNya perintah dan larangan serta kekuasaan. Berbuat sesuai kehendakNya. Tidak ada sesuatu pun yang lebih berkuasa atas kerajaanNya.
70	Al-Maalik (المالك)	Maha Memiliki; pemilik sekalian makhluk sejak dari asal dan selamanya.
71	Al-Maliik (المليک)	Maha Memiliki; nama yang menunjukkan pemilikan secara mutlak.

72	As-Subbuh (السبوح)	Maha Suci; dari segala keaiban atau kekurangan kerana ia mempunyai sifat kesempurnaan dan kecantikan yang mutlak.
73	Al-Quddus (القدوس)	Maha Suci; yang bersih dari kekurangan dan keaiban dari segala sudut. Tiada sesuatu yang sebanding denganNya.
74	As-Salaam (السلام)	Maha Sejahtera; yang sejahtera dari kekurangan dan keaiban. Segala kesejahteraan dunia dan akhirat berasal dariNya.
75	Al-Haq (الحق)	Maha Benar; yang tiada syak dan ragu pada ketuhananNya. Dialah tuhan yang berhak disembah sebenar-benarnya.
76	Al-Mubiin (المبين)	Maha Nyata; yang jelas urusanNya pada keesaan, hikmah dan rahmat. Dia juga menjelaskan pada hambaNya tentang jalan petunjuk menyembahNya.
77	Al-Qawiy (القوي)	Maha Kuat; yang memiliki kekuatan bersama kemahuanNya secara mutlak.
78	Al-Matiin (المتين)	Maha Teguh; yang bersangatan pada kekuatan dan kudratNya. Tidak ada bagiNya penat atau susah.
79	Al-Qaadir (القادر)	Maha Berkuasa; iaitu atas segala sesuatu. Tidak ada yang melemahkanNya sesuatu pun sama ada di langit atau di bumi.
80	Al-Qadiir (القدير)	Maha Berkuasa; sama seperti sebelumnya, melainkan ia menunjukkan pujian yang lebih tinggi.
81	Al-Muqtadir (المقتدر)	Maha Sangat Berkuasa; menunjukkan kekuasaanNya dalam menjadikan apa yang telah Dia tentukan sebelumnya.
82	Al-Aliyy (العلي)	Maha Tinggi; yang menunjukkan ketinggian kedudukanNya, kekuasaanNya dan zatNya. Semua makhluk di bawah kekuasaanNya dan tiada sesuatu pun di atasNya.
83	Al-A'ala (الأعلى)	Maha Tertinggi; yang segala sesuatu tunduk dan hina di hadapanNya.
85	Al-Muqaddim (المقدم)	Maha Mendahului; yang mendahului sesuatu dan meletakkannya pada tempatnya. Dia juga mendahului sebahagian hamba ke atas yang lain berdasarkan ilmu dan amalannya.
86	Al-Muakhhir (المؤخر)	Maha Mengakhirkan; yang menurunkan sesuatu dari kedudukannya sesuai kehendak dan hikmahNya. Dia juga mengakhirkan azab supaya hamba-hambaNya sempat bertaubat.
87	Al-Musa'ir (المسعر)	Maha Menilai; Dialah yang meninggikan nilai harga sesuatu dan Dia juga yang merendharkannya sesuai

		dengan hikmah dan ilmuNya.
88	Al-Qaabidh (القابض)	Maha Memegang; yang mencabut ruh dan menahan rezeki dari sesiapa yang Dia kehendaki sesuai hikmah dan kudratNya.
89	Al-Baasith (الباسط)	Maha Melimpahkan; yang melimpahkan rezeki kepada hambaNya dengan kemurahan dan rahmatNya sebagai nikmat dan ujian. Dia juga melimpahkan keampunanNya pada mereka yang bertaubat.
90	Al-Awwal (الأول)	Maha Awal; yang tiada sesuatu pun wujud sebelumNya. Malah Dialah pencipta sekalian makhluk. Tiada permulaan bagi kewujudan Allah.
91	Al-Aakhir (الأخر)	Maha Akhir; yang tiada sesuatu pun ada selepasNya. Setiap makhluk yang ada akan binasa dan kembali kepadaNya. Dia kekal dan tiada penghujung pada kewujudanNya.
92	Az-Zhaahir (الظاهر)	Maha Zahir; yang mengatasi sekalian sesuatu. Tiada sesuatu pun yang mengatasi dan mengalahkan Dia.
93	Al-Baathin (الباطن)	Maha Batin; yang tiada lebih dalam/hampir berbandingNya. Dia sangat dekat dengan hambaNya namun mereka terhibab dari melihatNya di dunia.
94	Al-Witr (الوتر)	Maha Tunggal ; tidak ada sekutu bagiNya. Yang satu-satunya tidak ada sebanding denganNya.
95	As-Sayyid (السيد)	Maha Mengetuai; bagiNya ketuanan yang mutlak ke atas makhlukNya. Sekalian mereka adalah makhluk dan hambaNya.
96	As-Shamad (الصمد)	Tempat Bergantung; Dialah Tuan yang maha sempurna ketuananNya. Segala makhluk berhajat dan memerlukanNya. Dia yang memberi BUKAN yang diberi.
97	Al-Waahid (الواحد)	Maha Satu; yang tunggal dengan segala kemuliaan secara mutlak. Tiada sekutu yang berkongsi denganNya.
98	Al-Ahad (الأحد)	Tiada sesuatu sepertiNya. Dia mewajibkan atas hamba agar tidak menyekutukanNya dalam ibadah.
99	Al-Ilah (الإله)	Maha Disembah; dengan sebenar-benarnya. Satu-satunya yang berhak disembah tanpa selainNya.

13. Apakah perbezaan diantara nama-nama Allah dengan sifat-sifatNya? Nama-nama Allah dan sifat-sifatNya adalah bersamaan dalam keharusan berlindung dan bersumpah dengannya. Namun di antara keduanya terdapat perbezaan. **Pertama: Harus PENGHAMBAAN dan PERMOHONAN dengan nama-nama Allah tanpa melalui sifat-sifatNya.** Sebagai contoh penghambaan: Seseorang muslim itu boleh

dinamakan dengan Abdul Karim (عبدالكريم-hamba Yang Maha Mulia) dan ditegah dengan nama Abdul Karam (عبد الكرم-hamba kemuliaan). Dalam contoh berkaitan dengan doa (permohonan) diharuskan menggunakan ayat (يا كريم-wahai Yang Maha Mulia) dan ditegah dengan menggunakan (wahai kemuliaan Allah-يا كرم الله-).

Kedua: Nama-nama Allah diterbitkan daripadanya sifat-sifatNya, seperti (Ar-Rahman) yang diterbitkan darinya sifat (Rahmah). Namun sifat-sifatNya tidak boleh diterbitkan daripadanya nama-namaNya yang sebelumnya tidak ada, seperti sifat (الاستواء) ianya tidak diterbitkan kepada nama (المستوي). **Ketiga:** Segala perbuatan Allah (^{subhānahu} wata'ala) tidak diterbitkan dari nama-namaNya yang sebelumnya tiada. Di antara perlakuan-perlakuan Allah adalah (الغضب-marah), maka tidak dikatakan daripada nama-nama Allah ialah (الغاضب- Yang Maha Pemarah), namun sifat-sifatNya itu diterbitkan dari perlakuanNya, maka sifat (الغضب-marah) disabitkan bagi Allah kerana marah adalah dari perlakuan-perlakuanNya.

14. Apakah makna beriman dengan malaikat? Mengakui secara mutlak kewujudannya, dan sesungguhnya Allah (^{subhānahu} wata'ala) mencipta mereka untuk beribadah kepadaNya dan melaksanakan segala perintahNya. Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman dalam surah al-Anbiya':26-27: ﴿عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ ۝ لَا يَسْخَرُونَهُ بِالْقَوْلِ ۝ وَهُمْ بِأَمْرِهِ يُعْمَلُونَ﴾ Yang bermaksud: *“Dan mereka berkata: (Allah) Yang Maha Pemurah mengambil anak. Maha Sucilah Dia. Bahkan (mereka yang dikatakan menjadi anak Allah itu) ialah hamba-hambaNya yang dimuliakan. Mereka tidak mendahuluiNya dengan perkataan dan mereka pula melaksanakan perintahNya”*.

Beriman dengan malaikat meliputi beberapa perkara:

1) Beriman dengan kewujudan mereka. 2) Beriman dengan mereka yang diketahui nama-namanya seperti Jibril (^{'alaihissalam}). 3) Beriman dengan sifat-sifat mereka yang kita tahu seperti besarnya kejadian mereka. 4) Beriman dengan tugas-tugas mereka yang telah dikhususkan kepada mereka seperti malaikat pencabut nyawa.

15. Apakah itu Al-Quran? Al-Quran ialah kalam Allah (^{subhānahu} wata'ala) dan membacanya adalah salah satu ibadat. DaripadaNya ia bermula dan kepadaNya ia akan kembali. Allah berbicara denganNya secara hakiki melalui huruf-huruf dan suara. Jibril (^{'alaihissalam}) telah mendengarnya dari Allah (^{subhānahu} wata'ala), kemudian Jibril (^{'alaihissalam}) menyampaikannya

kepada Nabi Muhammad (ﷺ) Kitab-kitab samawi (wahyu dari langit) kesemuanya adalah kalam dari Allah (subhānahu wata'āla).

16. Adakah mencukupi al-Quran tanpa Sunnah Nabi Muhammad (ﷺ)? Tidak mungkin. Allah (subhānahu wata'āla) telah memerintahkan hambaNya untuk berpegang dengan Sunnah dalam surah al-Hashr: 7: ﴿وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا﴾ Bermaksud: “Apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (ﷺ) kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah”. Sunnah berfungsi sebagai pentafsir bagi al-Quran. Tidak diketahui perincian agama melainkan dengan keterangan daripada Sunnah seperti halnya solat. Rasulullah (ﷺ) bersabda: “Ketahuilah sesungguhnya telah diberikan kepadaku al-Kitab (al-Quran) dan seumpama dengannya (as-Sunnah). Ketahuilah akan datang seorang lelaki yang kekenyangan di atas sofanya dan berkata: Hendakah kamu berpegang teguh kepada al-Quran ini; apa yang kamu dapati di dalamnya sesuatu yang halal, maka halalkannya. Begitu juga jika kamu dapati sesuatu yang haram, maka haramkannya”. (H.R Abu Daud).

17. Apakah makna beriman dengan rasul? Iaitu membenarkan dengan mutlak bahawa sesungguhnya Allah (subhānahu wata'āla) telah mengutuskan bagi setiap umat seorang rasul dari kalangan mereka untuk menyeru supaya beribadah kepada Allah (subhānahu wata'āla) semata-mata dan mengkufuri semua yang disembah selainNya. Sesungguhnya mereka (rasul) adalah orang yang benar, membenarkan, memberi petunjuk, orang yang mulia, orang yang berbuat kebaikan, bertaqwa, beriman, orang yang tenang, dan orang yang mendapat petunjuk. Sesungguhnya mereka telah menyampaikan risalah Allah. Mereka merupakan sebaik-baik ciptaan, dan bersih dari melakukan syirik kepada Allah (subhānahu wata'āla) sejak dari kelahiran hingga ke saat kematian mereka.

18. Apakah jenis-jenis syafaat pada hari Kiamat nanti? Ada beberapa jenis syafaat. **Pertama:** Syafaat yang paling besar ialah **Syafaat al-Uzma (syafaat terulung)**. Ia berlaku pada hari kiamat selepas 50 ribu tahun berdirinya manusia di padang mahsyar menunggu keputusan mereka, Nabi Muhammad (ﷺ) memohon pertolongan (syafaat) dari Allah untuk memutuskan hukum di antara manusia. Syafaat ini hanya dikhususkan kepada Saidina Nabi Muhammad (ﷺ)

sahaja, yaitu suatu kedudukan atau tempat terpuji yang telah dijanjikan kepadanya. **Kedua:** Syafaat pada pembukaan pintu syurga. Orang yang pertama akan membuka pintu syurga adalah Nabi Muhammad (^{sallāllāhu 'alaihi wa sallam}), dan umat yang pertama masuk adalah umatnya. **Ketiga:** Syafaat kepada kaum-kaum yang diperintahkan ke neraka untuk tidak masuk ke dalam neraka. **Keempat:** Syafaat kepada ahli maksiat yang telah dimasukkan ke dalam neraka dari kalangan orang yang beriman, lalu dikeluarkan dari neraka. **Kelima:** Syafaat dalam meningkatkan darjat orang-orang yang menjadi penghuni syurga. **Keenam:** Syafaat bagi kaum-kaum untuk masuk ke syurga tanpa hisab. **Ketujuh:** Syafaat bagi meringankan azab bagi sebahagian orang kafir dan ianya khusus untuk Nabi Muhammad (^{sallāllāhu 'alaihi wa sallam}) dalam meringankan azab bapa saudaranya Abu Talib. **Kelapan:** Allah akan mengeluarkan kaum-kaum yang telah mati atas agama tauhid dari api neraka dengan rahmatNya tanpa pertolongan sesiapaupun, sebanyak bilangan yang hanya Allah mengetahuinya, maka mereka akan masuk ke Syurga dengan rahmatNya.

19. Adakah diharuskan untuk memohon pertolongan (syafaat) dari orang yang masih hidup? Ya, diharuskan. Sesungguhnya Islam menggalakkan memberi pertolongan atau manfaat kepada orang lain. Allah (^{subhānahu wata'āla}) berfirman dalam surah al-Maidah: 2 ﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ﴾
Bermaksud: “Saling tolong menolonglah dalam kebaikan dan taqwa”. Rasulullah (^{sallāllāhu 'alaihi wa sallam}) bersabda: “Allah (^{subhānahu wata'āla}) akan menolong seseorang hamba itu sebagaimana hamba itu menolong saudaranya”. (H.R Muslim). Selain itu, kelebihan syafaat sangat besar iaitu pengantaraan, sebagaimana firman Allah (^{subhānahu wata'āla}) dalam surah An-Nisa': 85 ﴿مَنْ يَشْفَعْ شَفَعَةً حَسَنَةً يَكُنْ لَهُ نَصِيبٌ مِّنْهَا﴾
Bermaksud: “Sesiapa yang memberikan syafaat yang baik nescaya dia akan memperoleh bahagian (pahala) daripadanya”
 Rasulullah (^{sallāllāhu 'alaihi wa sallam}) bersabda: “Berilah kamu syafaat, kamu akan mendapat ganjaran.” (H.R Bukhari).

Di antara syarat-syaratnya: 1) Hendaklah diminta pertolongan (syafaat) dari orang yang hidup. Permohonan kepada si mati dinamakan doa, dan si mati tidak mendengar doa tersebut. Allah (^{subhānahu wata'āla}) berfirman dalam surah Fathir: 14 ﴿إِنْ تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُوا دَعَاءَكُمْ وَتُسْمَعُونَ مَا اسْتَجَابُوا لَكُمْ﴾
Bermaksud: “Kalau kamu memohon kepada mereka (yang kamu sembah itu): Mereka tidak

mendengar permohonan kamu dan kalaulah mereka mendengar pun, mereka tidak dapat memberikan apa yang kamu pohonkan itu". Persoalannya bagaimana mungkin meminta pertolongan dari orang yang telah mati sedangkan merekalah yang berhajat kepada doa orang yang masih hidup. Sesungguhnya telah terputus amalan seseorang dengan kematiannya kecuali apa yang diperoleh melalui doa dan seumpama dengannya. Rasulullah (ṣallallāhu 'alaihi wa sallam) bersabda: "Apabila telah mati anak Adam, maka terputuslah amalannya kecuali dengan tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak soleh yang mendoakan mereka." (H.R Muslim)

2) Memahami apa yang diungkapkan. 3) Orang yang diminta pertolongan itu hadir 4) Dalam kemampuan dirinya.

5) Perkara-perkara yang melibatkan hal keduniaan.

6) Perkara-perkara yang harus dan tidak memudharatkan.

20. Berapakah pembahagian tawassul (mengambil perantara dalam doa)? Terbahagi kepada dua bahagian,

Pertama: Harus; dipecahkan kepada tiga jenis.

1) Bertawassul kepada Allah dengan nama-nama dan sifat-sifatNya.

2) Bertawassul kepada Allah dengan sebahagian amalan-amalan soleh sebagaimana kisah tiga pemuda di dalam gua.

3) Bertawassul kepada Allah melalui doa orang muslim yang soleh yang masih hidup dan diharapkan doanya mustajab.

Kedua: Haram; dipecahkan kepada dua jenis.

1) Memohon kepada Allah melalui kemuliaan Nabi Muhammad (ṣallallāhu 'alaihi wa sallam) atau para wali, seperti mengungkap doa: اللهم إني أسألك بجاه نبيك (Ya Allah, aku memohon kepadaMu dengan kemuliaan NabiMu), atau dengan kemuliaan Hussin sebagai contoh. Benar, kemuliaan Nabi Muhammad (ṣallallāhu 'alaihi wa sallam) di sisi Allah adalah sangat tinggi dan begitu juga kemuliaan yang ada pada orang-orang soleh. Akan tetapi para sahabat -mereka adalah manusia yang paling bersungguh-sungguh dalam berbuat kebaikan- apabila tandusnya bumi ditimpa kemarau mereka tidak merayu-rayu dari kemuliaan Nabi Muhammad (ṣallallāhu 'alaihi wa sallam) padahal kubur baginda dekat dengan mereka, malah mereka bertawassul dengan doa daripada bapa saudara Nabi iaitu Abbas (radīyallāhu 'anhu) 2) Seseorang hamba memohon kepada Tuhannya apa yang dihajatnya secara bersumpah dengan

NabiNya atau waliNya sebagaimana mereka berkata: “Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepadaMu sesuatu demi waliMu si fulan, atau dengan hak NabiMu”. Ini kerana bersumpah dengan makhluk ke atas makhluk yang lain adalah dilarang apatah lagi ke atas Allah (^{subhānahu} wata’alā), maka ia lebih ditegah dengan sebenar-benarnya. Sesungguhnya tiada hak bagi seseorang hamba ke atas Allah dengan hanya ketaatan yang dilakukan kepadaNya.

21. Apakah makna beriman dengan hari Akhirat? Iaitu membenarkan dengan teguh akan terjadinya hari kiamat. Termasuk juga di dalamnya; beriman dengan kematian dan apa yang selepasnya dari fitnah kubur; azab dan nikmatnya, serta tiupan sangkakala lalu bangkitlah manusia kepada Tuhan mereka serta beberapa perkara lain seperti buku amalan, neraca timbangan, titian sirat, kolam, syafaat, seterusnya syurga dan neraka.

22. Apakah tanda-tanda Kiamat besar? Nabi Muhammad (^{sallallāhu ‘alaihi wa sallam}) bersabda: “Tidak akan terjadi hari kiamat sehingga kamu melihat sebelumnya sepuluh tanda-tanda, maka baginda menyebut: Asap, dajjal, binatang (daabbah), terbit matahari dari tempat tenggelamnya, turunnya Nabi Isa bin Maryam (^{‘alaihissalam}), Ya’juj dan Ma’juj, tiga kali gempa bumi sekali di timur sekali di barat dan yang ketiga di Semenanjung Arab dan yang terakhir adalah api yang keluar dari arah negeri Yaman yang akan menghalau manusia kepada padang Mahsyar mereka” (H.R. Muslim).

23. Apakah fitnah terbesar yang datang ke atas manusia? Nabi Muhammad (^{sallallāhu ‘alaihi wa sallam}) bersabda: “Tidak ada satu pun makhluk sejak Adam diciptakan hingga terjadinya kiamat yang fitnahnya lebih besar dari Dajjal. (H.R. Muslim). Dajjal merupakan seorang lelaki dari keturunan anak Adam yang datang pada hari akhir zaman dan tertulis di antara kedua matanya perkataan kafir (ك ف ر) yang boleh dibaca oleh semua orang yang beriman, matanya sebelah kanan buta seperti biji anggur yang tertonjol di dalam matanya. Pada permulaannya dia keluar menyeru kepada kebaikan kemudian mendakwa kenabian dan kemudian mengaku tuhan. Apabila dia mengajak satu kaum beriman kepadanya lalu mereka mendustakannya maka dia meninggalkan mereka. Kemudian harta-harta kaum tersebut akan mengikuti Dajjal sehingga kaum tersebut tidak lagi memiliki apa-apa. Sebaliknya

apabila satu kaum mengikutinya dan percaya kepadanya, Dajjal memerintahkan langit supaya menurunkan hujan maka turunlah hujan, dia memerintahkan bumi menumbuhkan tumbuhan lalu tumbuhlah tumbuhan. Dia juga datang kepada manusia membawa api dan air namun sebenarnya apinya adalah air yang sejuk dan airnya adalah api yang panas. Seharusnya bagi setiap mukmin untuk berlindung dengan Allah dari fitnah Dajjal dengan doa pada setiap penghujung solat sebelum salam dan membaca kepadanya permulaan surah Al-Kahfi sekiranya bertemu Dajjal. Hendaklah juga berusaha menjauhi Dajjal dan tidak mendekatinya kerana takut terjebak kepada fitnah. Sabda Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): “Sesiapa yang mendengar Dajjal berada, maka hendaklah dia menjauhi darinya. Sesungguhnya demi Allah! Seorang lelaki yang datang berjumpa dengannya dalam keadaan menyangka dia beriman namun kemudian dia mengikuti Dajjal disebabkan perkara-perkara syubhat yang ditimbulkan olehnya”. (H.R Abu Daud). Dajjal akan menetap dibumi selama 40 hari; sehari seperti setahun, sehari seperti sebulan, sehari seperti satu minggu dan hari-hari seterusnya sebagaimana hari-hari kita sekarang. Dia akan pergi ke setiap negeri dan tempat kecuali Makkah dan Madinah. Kemudian turunlah Nabi Isa (^{'alahissalam}) dan membunuhnya.

24. Adakah Syurga dan Neraka Wujud? Ya, Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}) telah mencipta kedua-duanya sebelum mencipta manusia. Kedua-duanya tidak musnah dan terhapus buat selama-lamanya. Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}) mencipta penghuni bagi syurga dengan kelebihanNya, dan penghuni bagi neraka dengan keadilanNya. Setiap individu dipermudahkan sesuai dengan apa yang Allah ciptakan untuknya.

25. Apakah makna beriman dengan Qadar? Iaitu membenarkan dengan mutlak semua kebaikan dan keburukan yang datang dari ketentuan dan taqdir Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}). Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) bersabda: “Kalaulah Allah menyiksa seluruh penghuni langit dan penghuni bumiNya, maka tidaklah Allah berbuat zalim kepada mereka. Dan kalaulah Allah memberikan rahmat kepada mereka semuanya, maka rahmat Allah jauh lebih baik dari semua amal mereka. Seandainya kamu bersedekah dengan emas sebesar gunung Uhud di jalan Allah, nescaya Allah tidak akan menerima sedekahmu itu sehingga kamu beriman kepada taqdir. Dan

ketahuilah bahawa apa yang ditaqdirkan menimpa kamu, pasti tidak akan meleset. Sedangkan apa yang (ditadirkan) meleset daripadamu pasti tidak akan menimpamu. Seandainya kamu mati dengan keyakinan selain ini (berkenaan taqdir), nescaya kamu masuk ke dalam neraka”. (H.R Ahmad dan Abu Daud).

Beriman kepada qadar terbahagi kepada 4 bahagian:

1) Beriman dengan sesungguhnya bahawa Allah mengetahui semua perkara sama ada umum ataupun terperinci. 2) Beriman bahawasanya Allah telah menulisnya di Luh Mahfuz. Rasulullah (ṣallāllāhu 'alaihi wa ṣallam) bersabda: “Allah (ṣubḥānahu wata'āla) telah menulis takdir sekalian makhluk, 50 ribu tahun sebelum Dia menciptakan langit-langit dan bumi”. (H.R Muslim). 3) Beriman dengan kehendak Allah yang pasti berlaku tanpa ada sesuatupun yang dapat menolaknya, begitu juga kudrat Allah yang tiada sesuatupun dapat melemahkannya. Apa yang Allah kehendaki pasti berlaku dan apa yang Allah TIDAK kehendaki pasti TIDAK akan berlaku. 4) Beriman sesungguhnya Allah (ṣubḥānahu wata'āla) adalah Pencipta yang mewujudkan segala sesuatu, dan semua perkara selainNya adalah ciptaanNya.

26. Adakah makhluk memiliki kemampuan, keinginan dan kehendak mereka yang sebenarnya? Ya, manusia memiliki kemampuan, keinginan dan pilihan, tetapi tidak terkeluar dari kehendak Allah (ṣubḥānahu wata'āla). Allah (ṣubḥānahu wata'āla) berfirman dalam surah al-Insan: 30 ﴿ وَمَا نَشَاءُ وَلَا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ ﴾, yang bermaksud: “Kamu tidak mampu (melakukan sesuatu perkara) kecuali apabila dikehendaki Allah”. Rasulullah (ṣallāllāhu 'alaihi wa ṣallam) bersabda: “Beramallah, kerana semuanya akan dipermudahkan terhadap sesuatu yang telah ditentukan.” (Muttafaqun Alaihi). Allah telah mengurniakan kita akal, pendengaran dan penglihatan supaya dapat membezakan di antara perkara yang baik dan yang buruk. Maka apakah ada seseorang yang waras itu mencuri dan dia berkata: Allah telah tetapkan ke atasku seperti ini! Kalau pun ada yang berkata sedemikian, sudah tentu orang tidak memaafkannya, bahkan menghukumnya. Mereka akan menempelak: Allah telah tetapkan ke atas kamu hukuman. Maka, permohonan maaf dan membantah dengan Qadar Allah adalah tidak dibenarkan dan merupakan satu pendustaan terhadap firman Allah (ṣubḥānahu wata'āla) dalam surah al-An'am: 148

﴿ سَيَقُولُ الَّذِينَ أَشْرَكُوا لَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَشْرَكْنَا وَلَا آبَاؤُنَا وَلَا حَرَمْنَا مِنْ شَيْءٍ كَذَلِكَ كَذَّبَ

الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ

yang bermaksud: “Orang-orang musyrik akan mengatakan: Kalau Allah menghendaki tentulah kami dan datuk nenek kami tidak mempersekutukanNya (dengan sesuatu yang lain) dan tidak pula kami haramkan sesuatu apa pun. Demikianlah juga orang-orang yang dahulu sebelum mereka telah mendustakan (Rasul-rasul)”.

27. Apakah itu Ihsan? Nabi Muhammad (^{sallallāhu 'alaihi wa sallam}) telah ditanya tentang Ihsan, maka Rasulullah (^{sallallāhu 'alaihi wa sallam}) bersabda: “Iaitu kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya, tetapi jika kamu tidak melihatNya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu.” (H.R Muslim). Ihsan merupakan peringkat tertinggi dalam tiga peringkat agama.

28. Berapakah pembahagian Tauhid? Tauhid terbahagi kepada tiga:

1) Tauhid Rububiyah: Iaitu meyakini dengan sebenar-benarnya bahawa Allah satu-satunya Pencipta, Penguasa dan Pemelihara alam semesta, Pemberi rezeki, yang menghidupkan, yang mematikan dan lain-lain. Sesungguhnya golongan orang-orang kafir mengakui tauhid ini sebelum Nabi Muhammad diutuskan lagi.

2) Tauhid Uluhiyyah: Mengikhlaskan seluruh ibadah dan memurnikannya hanya kepada Allah (^{subhānahu wata'ālā}) sahaja seperti solat, nazar, sedekah dan lain-lain. Demi menyempurnakan matlamat mentauhidkan Allah dalam perkara ibadah, maka diutuskan para rasul dan diturunkan kitab-kitab.

3) Tauhid (al-Asma wa as-Sifat) Nama-nama dan sifat-sifat Allah: Menetapkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah dan RasulNya terhadap nama-nama dan sifat-sifat Allah yang mulia tanpa merubah (tahrif) atau menghilangkan makna (ta`thil) nas-nas (berkaitan nama dan sifat Allah), atau merupabentukkan (takyif), atau menyamakan (tamthil) sifat Allah (dengan makhluk).

29. Siapakah itu wali? Wali ialah orang mukmin yang soleh dan bertaqwa kepada Allah (^{subhānahu wata'ālā}).

Allah (^{subhānahu wata'ālā}) berfirman dalam surah Yunus: 62-63

﴿أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفَ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ﴾

Yang bermaksud: “Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan terhadap mereka dan mereka pula tidak bersedih.

(Iaitu) orang yang beriman serta sentiasa bertaqwa”. Rasulullah (^{sallallāhu 'alaihi wa sallam}) bersabda: “Sesungguhnya wali Allah itu ialah orang soleh dari kalangan orang beriman”. (Muttafaqun Alaihi).

30. Apakah kewajipan kita ke atas para sahabat Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi sallam)? Kewajipan kita kepada mereka adalah menyayangi, meredhai, mendamaikan hati-hati kita dan lidah-lidah kita kepada mereka, menyebarkan kelebihan mereka serta menahan diri kita daripada menghukum tentang pertelingkahan antara mereka. Mereka bukanlah maksum yang dapat lari dari melakukan kesalahan, akan tetapi mereka telah berjihad. Siapa yang betul atau tepat dari mereka adalah mendapat dua ganjaran, dan siapa yang salah mendapat satu ganjaran di atas ijihad mereka dan setiap kesalahan akan terus disusuli dengan pengampunan. Malah mereka memiliki keutamaan yang mampu memadam kesalahan mereka. Sebahagian mereka lebih utama dari yang lain. Paling utama ialah sepuluh orang iaitu: **Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Talhah, Zubair, Abdul Rahman bin Auf, Said bin Abi Waqqas, Said bin Zaid, dan Abu Ubaidah bin al-Jarah.** Kemudian, para muhajirin, syuhada' Badr daripada Muhajirin dan Ansar dan yang selebihnya kaum Ansar dan para sahabat yang lain. Rasulullah (sallallahu 'alaihi sallam) bersabda: “Jangan kamu kecam sahabat-sahabatku! Kerana demi Allah yang nyawaku di tanganNya, jika seseorang kamu menginfaqkan emas sebesar bukit uhud sekalipun, nescaya tidak menyamai nilai secupak atau setengah cupak apa yang diinfaqkan oleh mereka”. (Muttafaqun Alaihi). Rasulullah (sallallahu 'alaihi sallam) bersabda: “Barangsiapa yang mencela sahabatku, maka atasnya laknat Allah, laknat malaikat, dan laknat seluruh umat manusia”. (H.R Thabrani).

31. Bolehkah kita berlebih-lebih memuji Rasulullah (sallallahu 'alaihi sallam) melampaui kadar yang Allah tetapkan bagi baginda? Tidak dinafikan lagi, Rasulullah (sallallahu 'alaihi sallam) adalah mulia-mulia ciptaan Allah dan lebih baik dari yang lain. Akan tetapi kita TIDAK boleh melampau-lampau dalam pujian ke atas baginda sebagaimana kaum nasrani yang melemparkan pujian yang melampau-lampau ke atas Nabi Isa bin Maryam (alaihissalam). Rasulullah (sallallahu 'alaihi sallam) melarang perkara tersebut di dalam sabda baginda: “Janganlah kamu melampau-lampau memujiku sebagaimana kaum Nasrani melampau-lampau memuji Isa ibn Maryam, maka sesungguhnya aku hambaNya. Maka katakanlah: Hamba Allah dan RasulNya”. (H.R Bukhari).

32. Adakah Ahli Kitab orang yang beriman? Yahudi, Nasrani dan

para pengikut agama lain adalah kuffar, meskipun mereka mengikuti agama asal mereka secara benar. Sesiapa yang tidak meninggalkan agama mereka selepas Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam) diutuskan dan memeluk Islam, Allah (subhanahu wata'ala) berfirman dalam surah al-Imran: 85 “Maka tidak akan diterima agama mereka dan kelak di akhirat mereka termasuk orang-orang yang rugi”. Jika seorang muslim tidak beriktikad bahawa mereka itu kufur atau ragu tentang kebatilan agama mereka, maka dia boleh jadi kafir. Ini kerana mereka telah melanggar ketentuan Allah dan Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam) tentang kekufuran mereka. Allah (subhanahu wata'ala) berfirman dalam surah Hud: 17 *«dan sesiapa di antara mereka dan sekutu-sekutunya ingkar akan Al-Quran itu, maka Nerakalah dijanjikan menjadi tempatnya»*. Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Demi jiwa Muhammad yang berada di tanganNya, tidaklah seseorang jua dari umat ini yang mendengar tentang aku, baik Yahudi mahupun Nasrani, kemudian dia mati tanpa beriman kepada apa yang aku diutus dengannya (Islam) melainkan dia menjadi sebahagian dari kalangan ahli neraka”. (H.R Muslim).

33. Adakah diharuskan menzalimi orang kafir? Wajib untuk berlaku adil. Allah (subhanahu wata'ala) berfirman dalam surah an-Nahl: 90, yang bermaksud: *«Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan»*. Membuat kezaliman adalah diharamkan sebagaimana firman Allah dalam hadis qudsi: “Wahai hamba-hambaKu! Sesungguhnya aku mengharamkan ke atas diriKu kezaliman dan Aku jadikan ia di kalangan kamu sebagai suatu perkara yang diharamkan, maka janganlah kamu saling zalim-menzalimi”. (H.R Muslim). Dan bagi orang yang dizalimi pula, mereka akan membalas perbuatan orang yang melakukan kezaliman kepadanya pada hari kiamat. Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Tahukah kamu siapakah orang muflis? Para sahabat menjawab orang yang muflis di antara kami adalah orang yang tidak mempunyai dirham dan tidak mempunyai harta. Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: Orang yang muflis dari umatku adalah orang yang datang pada hari kiamat dengan (pahala) solat, puasa dan zakat, namun ia datang dengan (membawa dosa) mencela seseorang, menuduh seseorang, memakan hartanya dan menumpahkan darahnya serta memukulnya. Maka akan diberinya orang-orang

tersebut dari kebbaikannya. Dan jika kebbaikannya telah habis sebelum ia melunaskan kesalahannya, maka diambillah keburukan dan dosa-dosa mereka, lalu dicampakkan padanya dan dilemparkan ke dalam neraka”. (H.R Muslim). Bahkan mereka juga akan dihukum walaupun kezaliman itu kepada haiwan dan binatang.

34. Apakah itu Bid’ah? Telah berkata Ibn Rajab: Yang dimaksudkan dengan bid’ah ialah sesuatu perbuatan yang tidak memiliki dasar syariat yang menguatkannya, namun jika suatu perbuatan ini memiliki dasar syariat yang menguatkannya maka tidak dinamakan bid’ah sekalipun perkara itu bid’ah menurut bahasa.

35. Adakah dalam agama terdapat bid’ah baik dan bid’ah buruk? Ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis telah menerangkan berkaitan celaan kepada perkara-perkara bid’ah dengan kefahaman syarie, iaitu: sesuatu perbuatan yang tidak memiliki dasar dalam syariat. Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Barangsiapa yang melakukan suatu amalan yang bukan berasal dari kami, maka perkara tersebut tertolak”. (Muttafaqun Alaihi). Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Setiap perkara yang diada-adakan adalah bid’ah, dan setiap bid’ah adalah kesesatan, dan setiap kesesatan tempatnya dalam neraka”. (H.R Abu Daud). Imam Malik telah berkata: “Barangsiapa yang membuat bid’ah dalam Islam yang ia memandangnya baik, maka sesungguhnya ia telah menuduh Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam) mengkhianati risalah”. Allah (subhanahu wata'ala) berfirman dalam surah al-Maidah: 3. **أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا**). Yang bermaksud: “*Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah sempurnakan nikmatKu kepada kamu, serta Aku telah reda Islam itu menjadi agama kamu*”. Namun terdapat sebahagian hadis-hadis yang turut memuji perkara-perkara bid’ah dengan kefahaman bahasa; iaitu apa yang dibawa melalui syariat, tetapi telah dilupai. Maka Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) menggesa supaya boleh digunakan perkara bid’ah tersebut bagi memberi peringatan kepada manusia dengannya. Sabda baginda: “Barangsiapa yang memulakan dalam Islam Sunnah yang baik, maka ia mendapat pahalanya dan pahala orang yang mengikutinya tanpa mengurangkan pahala orang yang mengikutinya sedikitpun”. (H.R Muslim). Pengertian inilah yang dimaksudkan Saidina Umar (radhiyallahu 'anhu) apabila dia berkata: “In

adalah bid'ah yang baik”, yang dia tujukan kepada solat sunat tarawih. Ianya telah disyariatkan dan Nabi (^{sallallahu}wa^{'alaihi}sallam) menggalakkannya, bahkan baginda telah melakukan solat tersebut pada tiga malam berturut-turut namun kemudian meninggalkannya kerana bimbang ianya akan menjadi kefarduan. Saidina Umar (^{radiyallahu}'anhu) kemudiannya mengerjakan solat tersebut dan mengumpulkan manusia untuk melaksanakannya.

36. Berapakah jenis-jenis munafik atau sifat kepura-puraan?
Nifak atau munafik terbahagi kepada dua:

1) Nifaq Iktikad (kepercayaan) iaitu menzahirkan keimanan dan menyembunyikan kekufuran dan apabila seseorang yang bersifat munafik ini mati, maka kematiannya adalah dalam keadaan kafir. Allah (^{subhanahu}wata'ala) berfirman dalam surah an-Nisa: 145, yang bermaksud: *«Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terke bawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) Neraka dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka»*. Dan diantara sifat-sifat mereka adalah: mereka menipu Allah dengan pura-pura beriman, mereka memperolokkan orang-orang beriman, mereka juga membantu orang kafir dalam memerangi Islam, dan mereka mencari dunia dengan menunjukkan amal soleh di dunia.

2) Nifaq Amali (yang kecil); tidak terkeluar seseorang itu dari Islam, akan tetapi kesalahan mereka boleh membawa kepada munafiq yang besar sekiranya tidak bertaubat. Di antara sifat-sifat mereka adalah: Apabila berkata-kata dia berdusta, apabila berjanji dia mungkir, apabila berkelahi dia melakukan kejahatan, apabila berpakat dia khianati, apabila diberi jawatan dia belot. Para sahabat sangat takut kepada perbuatan munafiq (yang kecil) ini. Telah berkata Ibnu Abi Mulaikah rah: “Aku menemui 30 dari sahabat-sahabat Nabi Muhammad (^{sallallahu}wa^{'alaihi}sallam), semua mereka takut munafiq ada di dalam diri mereka”, dan berkata Ibrahim at-Taimi rah: “Aku tidak letakkan kata-kataku di atas amalanku kecuali aku takut aku dikira berdusta”. Hassan Basri rah berkata: “Tidaklah takut kepada kemunafikan melainkan orang mukmin dan tidaklah merasa aman darinya melainkan orang munafik”. Berkata Umar (^{radiyallahu}'anhu) kepada Huzaifah (^{radiyallahu}'anhu): “Aku bertanya kamu dengan nama Allah, apakah Rasulullah (^{sallallahu}wa^{'alaihi}sallam) menamakan aku dari mereka

(golongan munafik)? Huzaifah (^{radiyallāhu}_{'anhu}) menjawab: “Tidak, dan aku tidak menyebutkannya kepada seseorang pun sesudah kamu”.

37. Apakah dosa-dosa besar disisi Allah (^{subhānahu}_{wata'ala})? Syirik kepada Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) sebagaimana firman Allah dalam surah Lukman: 13 { إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ }, bermaksud: “*Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar*”. Ketika ditanya kepada Nabi Muhammad (^{sallallāhu}_{wa 'alaihi}^{sallam}): Apakah dosa yang paling besar? Rasulullah (^{sallallāhu}_{wa 'alaihi}^{sallam}) bersabda: “Kamu menjadikan sekutu bagi Allah sedangkan Dia yang menciptamu”. (Muttafaquun Alaihi).

38. Berapakah jenis-jenis syirik? Syirik terbahagi kepada dua. **Pertama: Syirik besar** iaitu yang mengeluarkan seseorang dari Islam dan Allah tidak akan mengampunkan dosanya. Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) berfirman dalam surah an-Nisa: 48 (إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ) bermaksud: “*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa kerana mempersekutukanNya, dan Dia mengampuni selain syirik bagi sesiapa yang Dia kehendaki*”.

Syirik besar pula terbahagi kepada 4 jenis.

1) Syirik dalam permohonan atau berdoa. 2) Syirik niat iaitu kehendak dan tujuan; mereka mengerjakan amal soleh tapi ditujukan pada selain Allah. 3) Syirik ta'at iaitu mereka mematuhi ajaran-ajaran orang-orang alim dan rahib-rahib dengan membabi buta, biarpun orang-orang alim dan rahib-rahib itu menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal. 4) Syirik kecintaan iaitu orang yang mencintai seseorang seperti dia mencintai Allah.

Kedua: Syirik kecil; ia tidak mengeluarkan seseorang itu dari Islam. Syirik ini terbahagi kepada dua bahagian.

1) Nyata; sama ada melalui **perkataan** seperti bersumpah dengan selain nama Allah atau berkata: “Apa yang Allah **dan** kamu kehendaki” atau berkata: “kalau tidak kerana Allah **dan** seseorang itu”. Atau menzahirkannya melalui perbuatan seperti memakai tali atau benang untuk menghalang bala dan menolaknya, atau membuat tangkal (penghalang) seperti memakai azimat untuk mengelakkan penyakit 'ain, atau melihat petanda melalui burung, nama, kata-kata, tempat dan sebagainya. 2) Tersembunyi; iaitu syirik dalam niat dan tujuan seperti riak dan sum'ah.

39. Apakah perbezaan diantara syirik besar dan syirik kecil?

Syirik besar hukumnya adalah seseorang itu dikeluarkan dari agama

Islam di atas dunia dan kekal mereka di dalam neraka Allah ^(subhānahu wata'āla) di akhirat. Syirik kecil pula tidak dihukumkan seseorang itu sebagai kafir di atas dunia dan tidak pula kekal mereka di dalam neraka. Tidak sebagaimana syirik besar yang menghapuskan semua amalannya, syirik kecil hanya menghapuskan beberapa amalan yang disertai syirik kecil sahaja. Tinggal lagi satu persoalan: Adakah syirik kecil tidak diampunkan oleh Allah kecuali dengan bertaubat sebagaimana syirik besar atau ia seperti dosa besar yang terletak pada kehendak Allah ^(subhānahu wata'āla)? Walau apapun yang benar dari dua pandangan ini, syirik kecil adalah sangat bahaya.

40. Adakah syirik kecil ini boleh dicegah sebelum terjadi atau ditebus dengan kaffarah apabila sudah terjadi? Ya, dengan menjaga diri dari riya' dan beramal kerana Allah. Rasulullah ^(ṣallāllāhu 'alaihī wa sallam) bersabda: *“Wahai manusia! Takutlah kamu semua dari syirik. Karena ia lebih tersembunyi dibandingkan dengan seekor semut. Lalu ada yang bertanya kepada baginda, “Wahai Rasulullah, bagaimana kita menjauhinya, sedangkan ia lebih tersembunyi dari seekor semut?” Maka baginda bersabda: “Berdoalah ‘Ya Allah, sesungguhnya kami berlindung kepada Kamu dari menyekutukan-Mu dengan sesuatu dalam keadaan kami ketahui dan kami memohon ampun kepada-Mu dari apa yang tidak kami ketahui”.* (H.R Ahmad). Kaffarah bagi mereka yang bersumpah selain dari nama-nama Allah sebagaimana sabda baginda: *“Sesiapa bersumpah, lalu ia menyebutkan dalam sumpahnya; ‘Demi Lata dan ‘Uzza’, maka hendaklah ia (menginsafi dirinya dan) melafazkan; ‘لا إله إلا الله.’”* (Muttafaqun Alaihi). Bagi kaffarah yang menjadikan burung sebagai penilik nasib, Rasulullah telah menerangkan dengan jelas sebagaimana dalam sabdanya: *“Barangsiapa yang meninggalkan sesuatu perbuatan kerana melihat petanda buruk dari burung maka dia telah syirik.”* Lalu para sahabat ^(radīyallāhu 'anhu) pun bertanya *“Ya Rasulullah, apakah kaffarah bagi hal tersebut? Lalu baginda pun menjawab, “Hendaklah orang yang melakukannya mengatakan bahawa; Ya Allah, tiadalah kebaikan melainkan apa yang datang daripada Kamu dan tiadalah perkara buruk kecuali keburukan yang datang daripada Kamu dan tiada Tuhan yang berhak disembah selain Kamu”.* (H.R Ahmad).

41. Berapakah pembahagian Kufur? Kufur terbahagi kepada dua.

Pertama: Kufur besar; iaitu terkeluar seseorang itu dari Agama Islam. Kufur besar dipecahkan pula kepada lima bahagian iaitu; 1) Kufur dusta. 2) Kufur takabbur dengan kepercayaan. 3) Kufur syak wasangka atau was-was. 4) Kufur berpaling dari Allah. 5) Kufur kepura-puraan. **Kedua: Kufur Kecil;** iaitu dengan melakukan maksiat atau dosa, kufur ini tidak menyebabkan seseorang itu terkeluar dari Islam, sebagai contoh hukum membunuh sesama Muslim.

42. Apakah hukum Nazar? Nabi membenci nazar sebagaimana sabda baginda: *“**Sesungguhnya nazar itu tidak datang dengan sesuatu kebaikan**”*. (H.R Bukhari). Namun nazar boleh dilakukan sekiranya ikhlas kerana Allah. Tetapi jika nazar itu bukan kerana Allah seperti nazar untuk kubur atau wali, maka nazar itu haram dan tidak dibolehkan serta tidak perlu ditunaikan.

43. Apakah hukum berkunjung ke tempat tukang tilik atau ahli nujum? Hukumnya HARAM. Apabila seseorang itu berkunjung ke tempat penilikan semata-mata untuk memohon dan meminta sesuatu, namun mereka tidak mempercayai dakwaan bomoh berkaitan perkara ghaib, maka solat yang mereka kerjakan tidak akan diterima selama 40 hari. Sebagaimana sabda Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam): *“**Barangsiapa yang pergi berjumpa dengan tukang tilik dan bertanyakan sesuatu, maka tidak diterima solatnya selama 40 malam.**”* (H.R Muslim). Dan jika mereka pergi dan mempercayai apa yang disampaikan tentang perkara ghaib, maka mereka telah kufur, sebagaimana sabda baginda: *“**Barangsiapa yang datang berjumpa tukang tilik atau ahli nujum dan mempercayai apa yang dikatakan, maka sesungguhnya mereka telah kufur dengan apa yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad (terkeluar dari Islam)**”*. (H.R Abu Daud).

44. Bilakah membuat ramalan turunnya hujan dengan bintang dikira syirik dan adakah syirik itu besar atau kecil? Apabila seseorang mempercayai bahawa bintang memiliki pengaruh pada hujan dan itu bukan dari kehendak Allah, malah bintanglah yang menjadikan dan menciptakannya, maka kepercayaan ini merupakan syirik yang besar. Namun jika seseorang mempercayai bahawa sesuatu bintang itu merupakan penyebab turunnya hujan dengan kehendak Allah ataupun Allah (subhānahu wata'āla) secara kebiasaannya menurunkan hujan ketika mana terpancarnya cahaya dari bintang-

bintang tertentu, maka ini juga haram dan termasuk dalam syirik kecil kerana dia menjadikan sesuatu sebagai penyebab hujan tanpa dalil yang benar dari sudut pandangan syarak atau pancaindera atau akal yang waras. Adapun jika seseorang itu menghitung peredaran bintang untuk mengira musim-musim dalam setahun dan masa ketika mana musim hujan turun, maka perkara ini adalah harus.

45. Apakah kewajipan kita terhadap pemimpin umat Islam? Kewajipan kita terhadap mereka adalah dengar dan taat dalam perkara yang disukai atau terpaksa, tidak boleh keluar memerangi mereka walaupun mereka berbuat zalim, tidak membatalkan bai'ah taat setia dari mereka, tidak mendoakan kebinasaan ke atas mereka malah kita mendoakan agar mereka berbuat baik, diberi hidayah dan petunjuk. Kami melihat taat kepada pemimpin termasuk dalam ketaatan kepada Allah selama mana dia tidak memerintahkan untuk melakukan maksiat. Namun jika pemimpin menyuruh agar melakukan maksiat, maka haram taat kepada perintah maksiat tersebut. Dalam masa yang sama masih wajib taat kepada perintahnya yang baik. Rasulullah ^(sallallahu 'alaihi sallam) bersabda: *“Dengar dan taatlah pada pemimpin, sekalipun ia memukul belakangmu dan mengambil hartamu, maka tetaplah dengarkan dan patuhi perintahnya”*. (H.R Muslim).

46. Adakah diharuskan untuk bertanya tentang hikmah Allah dalam sesuatu tegahan dan larangan? Ya, dengan syarat tidak menggantungkan keimanan atau amalan hanya kepada pengetahuan hikmah. Ia hanya merupakan pertambahan ilmu dan keyakinan di hati. Malah menyerah diri kepada Allah secara mutlak tanpa mempersoalkan hikmah perintahNya termasuk dari kesempurnaan penghambaan kepada Allah dan keyakinan kepada kebijaksanaanNya seperti mana keadaan para sahabat ^(radhiyallahu 'anhu).

47. Apakah yang dimaksudkan dengan firman Allah ^(subhānahu wata'āla) dalam surah an-Nisa':79 {Apa jua kebaikan yang engkau dapati maka ia adalah dari Allah dan apa jua keburukan yang menimpamu maka ia adalah dari dirimu sendiri} ?

Yang dimaksudkan dengan (الحسنة -yang baik) ialah nikmat, manakala (السيئة - yang buruk) ialah ujian atau bala. Semua ini merupakan ketentuan Allah ^(subhānahu wata'āla). Oleh itu, (الحسنة -yang baik) disandarkan terus kepada Allah kerana Dia yang memberikan

kebaikan itu. Yang buruk itu dicipta olehNya dengan hikmah dan hikmah itu dikira sebagai sesuatu kebaikan dariNya. Segala perbuatanNya adalah yang terbaik sebagaimana sabda Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam): “*Segala yang baik itu ada ditanganMu dan keburukan itu bukan daripada kamu*”. (H.R Muslim). Maka perbuatan hamba merupakan ciptaan oleh Allah (subhānahu wata'āla), dalam masa yang sama ia juga usaha dari hamba itu. Allah (subhānahu wata'āla) berfirman dalam surah al-Layl: 5-7: “*Adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertakwa. Serta dia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik. Maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (Syurga)*”.

48. Adakah diharuskan untuk berkata orang itu mati syahid? Menghukum seseorang sebagai syahid sama hukumnya dengan menjamin baginya syurga. Mazhab ahli Sunnah tidak menjamin orang-orang Muslim tertentu sebagai ahli syurga ataupun ahli neraka, kecuali setelah apa yang telah diberitahu oleh Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam) tentang mereka sama ada dari ahli syurga ataupun neraka. Ini adalah kerana hakikat itu merupakan perkara tersembunyi. Kita tidak mengetahui sepenuhnya bagaimana seseorang itu meninggal. Seseorang itu dinilai dengan amalannya yang terakhir dan hanya Allah yang Maha Mengetahui urusan niat di hatinya. Akan tetapi kita tetap mengharapkan kebaikan kepada orang-orang yang baik dan takut terhadap balasan buruk kepada orang-orang yang jahat.

49. Adakah harus untuk menghukum seseorang Muslim itu kafir? Tidak boleh menghukum seseorang Muslim itu sebagai kafir atau syirik atau munafik selagi tidak ada bukti yang nyata menunjukkan perkara sedemikian, dan selagi masih ada halangan yang menjatuhkan hukum berkenaan. Segala yang tersembunyi dan rahsia, kita serahkan urusannya kepada Allah.

50. Adakah dibolehkan untuk tawaf selain Kaabah? Tidak ada satu tempat di atas muka bumi ini yang dibolehkan untuk tawaf kecuali Kaabah yang mulia di Makkah. Oleh itu, kita ditegah untuk menyamakan sesuatu tempat lain dengan tempat yang mulia ini walau bagaimana pun ia. Jika ada sesiapa yang tawaf di tempat selain dari Kaabah, maka jelas dia telah mengingkari perintah Allah (subhānahu wata'āla).

AMALAN-AMALAN HATI

Allah telah menciptakan hati lalu dijadikannya sebagai raja manakala seluruh anggota badan merupakan para tenteranya, sekiranya baik raja maka baiklah tenteranya. Rasulullah (ṣallāllāhu 'alaihi wa sallam) bersabda, mafhumnya: *“**Sesungguhnya pada jasad itu terdapat seketul daging, sekiranya baik maka baiklah keseluruhannya. Ketahuilah ia adalah hati**”*. (Muttafaqun alaihi). Hati merupakan tempat untuk iman dan taqwa, atau untuk kufur, nifaq, dan syirik. Sabda Rasulullah (ṣallāllāhu 'alaihi wa sallam): *“**Taqwa terletak di sini - sambil menunjukkan dadanya sebanyak 3 kali-**”*. (H.R Muslim).

✿ **Iman adalah iktikad, ucapan, dan amalan.** Iktikad di hati, ucapan di lisan, dan amalan hati serta anggota badan. Maka hati beriman dan membenarkan dan kesan daripada itu adalah ucapan dua kalimah syahadah dari lisan. Kemudian hati itu berfungsi mendatangkan kecintaan, ketakutan, dan harapan. Maka bergeraklah lisan untuk berzikir dan membaca al-Quran. Bergerak jugalah badan untuk menunaikan solat yang mana ianya bertujuan mendekatkan diri kepada Allah. Jasad juga akan mengikuti hati, jadi tidaklah ada sesuatu pada hati melainkan akan terzahir kesannya ke atas badan walau dengan apa cara sekalipun.

✿ **Maksud amalan pada hati** ialah amalan yang terjadi pada hati dan apa yang berkaitan dengannya. Amalan hati yang paling besar adalah beriman kepada Allah. Dan dari hati juga wujudnya kepercayaan dan pengakuan. Ditambah lagi dengan apa yang terletak pada hati seseorang hamba untuk Tuhannya seperti kasih-sayang, ketakutan, harapan, tawakkal, kesabaran, keyakinan, kekhushyukan dan sebagainya.

✿ **Setiap amalan dari amalan-amalan hati lawannya ialah penyakit dari penyakit-penyakit hati.** Jika ikhlas lawannya riak, jika yakin lawannya ragu-ragu, jika kasih-sayang lawannya kemarahan. Sekiranya kita abaikan hati kita, akan terkumpulah dosa-dosa pada hati tersebut, dan hati akan binasa. Rasulullah (ṣallāllāhu 'alaihi wa sallam) bersabda: *“**Sesungguhnya apabila seorang hamba berbuat kesalahan, di hatinya akan muncul setitik titik hitam. Jika dia beristighfar dan bertaubat maka hati itu akan kembali cerah. Dan jika dia kembali berbuat kesalahan serupa maka ditambahkan lagi titik hitam sehingga hati tersebut tertutup.**”*

Demikianlah firman Allah dalam surah al-Muthaffifin: {Demikian sebenarnya apa yang mereka lakukan itu telah menutupi hati mereka}”. (H.R At-Tarmizi). Dan bersabda lagi Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam): “Akan datang pelbagai fitnah satu demi satu pada hati seperti (anyaman) tikar satu demi satu. Maka mana-mana hati yang dimasuki fitnah akan dititik padanya titik hitam, manakala hati yang dapat mengingkari fitnah akan dititikan pula pada hatinya titik putih sehingga jadilah hati itu dua jenis. Pertama: seperti batu putih yang tidak akan terkesan dengan fitnah selama ada langit dan bumi. Kedua: hati yang hitam pekat seperti cangkir yang terbalik dan tidaklah hati itu mengetahui yang ma’ruf dan tidak dapat mengingkari yang mungkar, kecuali apa yang diserap oleh hawa nafsunya”. (H.R Muslim).

✿ Ibadat hati itu lebih wajib diketahui dan lebih dipentingkan ke atas seseorang hamba dari amalan-amalan tubuh badan, kerana hati adalah induk manakala amalan anggota adalah cabang daripadanya, pelengkap serta hasil terbit daripadanya. Sabda Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam): “**Sesungguhnya Allah tidak melihat pada rupa dan harta kalian tetapi Allah (subhanahu wata'ala) melihat hati dan perbuatan kalian**”. (H.R Muslim). Pada hatilah terletaknya ilmu dan penghayatan. Oleh itu, perbezaan di antara manusia di sisi Allah adalah dengan apa yang terletak di dalam hati daripada keimanan, keyakinan, keikhlasan, dan sebagainya. Imam Hassan al-Basri Rahimahullah pernah berkata: “Demi Allah, tidaklah Abu Bakar mendahului para sahabat dengan kelebihan puasa dan solat, bahkan dengan sesuatu yang ada di dalam hatinya iaitu iman”.

✿ **Amalan-amalan hati ini lebih mulia dari amalan-amalan anggota lain dari beberapa sudut:**

1. Meremehkan ibadah hati boleh membawa kepada rosaknya ibadah anggota contohnya; riyā' dalam amalan.
2. Amalan hati merupakan asas utama. Maka apa yang berlaku melalui lafaz atau pergerakan anggota tanpa niat di hati, ianya tidak dikira.
3. Amalan hati juga merupakan sebab kepada kedudukan yang tinggi di syurga seperti zuhud.
4. Amalan hati lebih susah dari ibadah anggota lain. Berkata Ibnu al-Munkadir: “Aku berusaha merawat jiwaku selama 40 tahun

sehingga ia menjadi baik”.

5. Memberi kesan yang lebih indah seperti cinta kepada Allah.
6. Ganjarannya yang lebih besar. Berkata Abu Darda' (^{radīyallāhu}_{'anhu}): “Berfikir sejenak lebih baik daripada bangun semalaman”.
7. Hati merupakan kunci yang menggerakkan anggota.
8. Hati akan menggandakan pahala ibadat atau mengurangkannya ataupun menghilangkannya; seperti khusyuk dalam solat.
9. Terkadang ia menggantikan ibadat anggota badan yang lain seperti niat untuk bersedekah dalam keadaan tidak mempunyai harta.
10. Ganjaran pahala yang tidak terbatas; seperti sabar.
11. Ganjarannya berterusan walaupun anggota badan tidak mampu atau lemah untuk bergerak.
12. Ia bermula sebelum berlakunya amalan anggota badan dan seiring dengannya.

Hati akan melalui beberapa keadaan terlebih dahulu sebelum anggota badan bergerak:

- i. **Bisikan:** laitu perkara pertama yang berlaku di dalam hati.
- ii. **Lintasan hati:** laitu apa yang melekat padanya.
- iii. **Kata hati:** laitu sama ada akan melakukan atau meninggalkan.
- iv. **Keinginan:** laitu hasrat dan kecenderungan untuk melakukan.
- v. **Azam:** Niat yang kuat dan kesungguhan untuk melakukan.

Tiga perkara yang terawal di atas tidak akan memberi kesan kepada pahala dan juga dosa pada kemaksiatan. Adapun tahap keinginan; sekiranya baik maka akan ditulis sebagai ganjaran pahala, namun jika perkara buruk tidak akan dicatatkan dengannya. Sekiranya ia berterusan sehingga menjadi keazaman, dilihat; jika perbuatan tersebut adalah baik maka akan diberi ganjaran, manakala sekiranya perbuatan tersebut buruk, maka berdosa baginya walaupun tidak melakukannya. Ini kerana keinginan bersama kemampuan secara lazimnya akan mewujudkan perlaksanaan. Firman Allah dalam surah an-Nur: 19 ﴿إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾
 “Sesungguhnya orang-orang yang suka tersebarny tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui”.

Dan bersabda Nabi Muhammad (^{sallallahu} ^{'alaihi} ^{wa} ^{sallam}): *“Sekiranya bertemu dua orang muslim dengan pedang mereka (untuk saling) berbunuh, maka si pembunuh dan yang dibunuh merupakan ahli neraka. Sahabat berkata: Wahai Rasulullah! Pembunuh dimaklumi, kenapa yang dibunuh juga ahli neraka? Maka jawab baginda: Disebabkan dia juga bersungguh-sungguh untuk membunuh sahabatnya”*. (H.R Bukhari).

Sekiranya seseorang meninggalkan maksiat selepas berazam untuk melakukannya, keadaannya terbahagi kepada 4 perkara:

1. Meninggalkannya kerana takut kepada Allah: akan diberi ganjaran ke atasnya. **2. Meninggalkannya kerana takut kepada manusia:** hukumnya berdosa, kerana meninggalkan maksiat merupakan satu ibadat dan wajib kerana Allah.

3. Meninggalkannya kerana tidak mampu tanpa melakukan apa-apa yang berkait dengannya: maka ini juga dikira berdosa sekiranya disertai dengan niat keazaman. **4. Meninggalkannya kerana tidak mampu dan telah melakukan apa-apa yang berkait dengannya,** akan tetapi tidak mencapai tujuannya: maka akan ditulis baginya dosa sepertimana si pelaku; kerana dia sudah melakukannya cuma tidak berhasil -seperti mana yang diterangkan pada hadis sebelum ini-. Apabila perbuatan sudah diiringi keinginan, maka dia tetap akan dihukum walaupun perbuatan tersebut dilakukan atau ditangguhkan seperti seorang yang melakukan satu dosa kemudian dia berazam untuk melakukannya lagi apabila mampu, maka dia ditulis sebagai orang yang berterusan melakukan dosa dan dihukum atas niatnya itu walaupun dia belum melakukannya.

✿ **Sebahagian dari amalan-amalan hati:** ✿

✿ **Niat:** iaitu keinginan dan tujuan, tidak sah dan tidak diterima amalan tanpanya. Sabda Nabi Muhammad (^{sallallahu} ^{'alaihi} ^{wa} ^{sallam}): *“**Sesungguhnya setiap amalan itu dengan niat dan sesungguhnya (balasan) bagi seseorang itu berdasarkan niat mereka**”*. Berkata pula Ibnul Mubarak rah: “Kemungkinan amalan yang kecil dibesarkan pahalanya disebabkan oleh niat dan kemungkinan amalan yang besar dkecilkan pahalanya juga disebabkan oleh niat”. Dan berkata juga al-Fudhail rah: “Sesungguhnya Allah (^{subhanahu} ^{wata'ala}) menginginkan daripada kamu niat dan keinginan. Sekiranya amalan itu dilakukan dengan niat

semata-mata kerana Allah ta'ala, ia dinamakan dengan ikhlas. Dan jika amalan itu diniatkan selain dari Allah (^{subhānahu} wata'ala), maka ia dinamakan dengannya *riya'* atau nifaq atau selainnya”.

Faedah: Manusia kesemuanya akan binasa melainkan orang-orang yang berilmu. Orang-orang yang berilmu kesemuanya akan binasa melainkan orang yang beramal. Orang-orang yang beramal kesemuanya akan binasa melainkan orang-orang yang ikhlas. Maka menjadi tugas setiap hamba yang ingin mentaati perintah Allah (^{subhānahu} wata'ala) agar mempelajari niat, seterusnya memperbaikinya dengan amalan-amalan selepas memahami kebenaran dan keikhlasan. Maka amalan tanpa niat adalah merupakan satu **keletihan**, niat tanpa ikhlas adalah **riya'**, dan keikhlasan tanpa hakikat iman adalah **sia-sia**.

Amalan terbahagi kepada tiga jenis: 1) Maksiat: Niat yang baik pada kemaksiatan tidak akan menjadikannya ketaatan, bahkan sekiranya ia disandarkan kepada niat yang buruk akan bergandalah balasannya.

2) Perkara harus: Tidak ada satu pun daripada perkara-perkara yang harus melainkan ada satu atau beberapa niat. Boleh sekiranya seseorang itu ingin menjadikan amalannya yang harus sebagai cara untuk mendekati diri pada Allah (^{subhānahu} wata'ala).

3) Ketaatan: Ketaatan terikat dengan niat pada kesahihannya dan gandaan pahala setiap amalannya¹, namun jika dia berniat untuk

¹ Nabi (^{sallāluhu 'alaihi} wa sallam) bersabda: “*Barangsiapa yang berniat melakukan kebaikan, tapi dia belum melakukannya, maka Allah akan menuliskan baginya di sisiNya satu kebaikan yang sempurna. Jika dia melakukannya, maka Allah akan menuliskan baginya sepuluh hingga tujuh ratus kebaikan; berlipat kali ganda. Sebaliknya jika dia berniat melakukan kejahatan tapi dia tidak mengerjakannya, maka akan ditulis baginya satu kebaikan. Jika dia melakukannya, maka Allah akan mencatat baginya satu kejahatan*”. [Muttafaquun 'alaihi].

Baginda juga bersabda: “Perumpamaan umat ini adalah seperti empat orang: seseorang yang Allah anugerahkan harta dan ilmu, lalu dia mengamalkan ilmunya dengan menginfakkan harta di jalanNya. **Seorang lagi yang Allah anugerahkan ilmu tapi tidak memiliki harta, lalu dia berkata:** “*Seandainya aku memiliki harta seperti dia, aku akan melakukan sebagaimana yang dia lakukan*”. Sabda Rasulullah (^{sallāluhu 'alaihi} wa sallam): “*Kedua-duanya mendapat ganjaran yang sama*”. Seorang yang lain yang Allah anugerahkan harta tapi tidak diberi ilmu, maka dia membelanjakan hartanya bukan pada haknya. Sedangkan seorang lagi yang Allah tidak anugerahkan ilmu mahupun harta, lalu dia mengatakan: “*Seandainya aku memiliki seperti dia, tentu aku akan melakukan seperti dia*”. Sabda Rasulullah (^{sallāluhu 'alaihi} wa sallam): “*Kedua-duanya menanggung dosa yang sama*”. [H.R. Tirmizi].

menunjuk-nunjuk (riya'), maka amalannya akan menjadi maksiat (dosa) serta syirik kecil dan mungkin boleh bertukar kepada syirik yang besar. Perkara ini terbahagi kepada tiga keadaan:

a. Asas yang mendorongnya melakukan sesuatu ibadah itu adalah niat untuk menunjuk-nunjuk kepada orang ramai, maka ini merupakan syirik seterusnya membatalkan ibadahnya.

b. Amalan tersebut dilakukan hanya kerana Allah (^{subhānahu wata'āla}), namun kemudian datang niat riya' dalam diri. Maka sekiranya ibadahnya tidak berkait antara awal dan akhir seperti sedekah yang mana pada permulaannya dilakukan semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah, kemudian bercampuranya niat riak dalam diri, maka sedekahnya yang awal sah sementara yang kemudian itu adalah batal. Sekiranya akhir amalan itu berkait dengan yang awal seperti solat, ia terbahagi kepada dua situasi:

i. Menolak perasaan riya': Maka ianya tidak memberikan kesan kepada amalan seseorang itu. **ii. Tenang dan selesa dengan amalan riak:** Ibadahnya batal secara keseluruhannya.

c. Sekiranya terjadi riya' selepas beramal. Maka ini merupakan waswas yang tidak akan memberi kesan kepada amalan dan orang yang mengamalkannya. Namun, terdapat juga pintu-pintu (punca) riya' secara tersembunyi. Maka wajiblah kita mengetahui dan berjaga-jaga dengannya.

Sekiranya niat dari amalan soleh itu untuk dunia, maka pahala atau dosanya akan mengikut kadar niatnya. Perkara ini mempunyai tiga keadaan:

1) Dorongan amalan soleh hanya kerana dunia. Seperti seorang

Ucapan orang yang kedua dan keempat di dalam hadis, didatangkan dengan sesuatu yang di dalam kemampuan iaitu niat berserta keinginan, dan ia dinyatakan melalui percakapan kedua-dua mereka: "Seandainya aku memiliki seperti dia, tentu aku akan melakukan seperti dia". Maka setiap dari mereka mendapat sama seperti pelakunya; pahala atau dosa. Kata Ibnu Rajab rah.: "Ucapannya: "Kedua-duanya mendapat ganjaran yang sama" menunjukkan kedua-duanya sama dalam pahala yang pokok dari amalan tersebut dan bukan pada gandaan pahala; kerana ianya dikhususkan untuk orang yang melakukan amalan tersebut, bukan bagi orang yang hanya berniat tetapi belum melakukannya. Sebab jika pahala kedua-duanya sama dari segala segi, tentu orang yang berniat melakukan (kebaikan) dan belum melakukannya akan ditulis baginya sepuluh kebaikan, dan hal ini bertentangan dengan seluruh nas yang ada.

yang menjadi imam hanya untuk mendapatkan gaji maka dia salah dan berdosa. Sabda Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): *“Barangsiapa yang mempelajari ilmu (yang seharusnya dia lakukan) dengan mengharap redha Allah, tidaklah dia mempelajarinya melainkan untuk memperoleh harta dunia, maka dia tidak akan mencium haruman syurga pada hari kiamat”*. (H.R Abu Daud).

2) Melakukan amalan kerana Allah dan kerana dunia: perbuatan ini akan mengurangkan keimanan dan keikhlasan; sebagai contoh seseorang yang menunaikan haji sambil berniaga. Maka amalan itu akan diberi ganjaran mengikut kadar keikhlasannya.

3) Beramal kerana Allah tetapi mengambil upah sebagai jalan untuk meneruskan kehidupan sehariannya. Ganjarannya sempurna dan tidak berkurang disebabkan upahnya. Sabda Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): *“Sesungguhnya perkara yang paling berhak mendapat ganjaran ialah kitab Allah (al-Quran).”* (H.R Bukhari).

Orang-orang yang beramal dengan ikhlas terbahagi kepada beberapa peringkat:

I. Rendah: Beramal dengan ketaatan kepada Allah kerana mengharapkan pahala atau takut daripada azab Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}).

II. Pertengahan: Beramal dengan ketaatan sebagai rasa syukur kepada Allah.

III. Tinggi: Beramal dengan ketaatan sebagai rasa cinta dan mengagungkan Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}). Ini merupakan martabat orang-orang *Siddiqin*¹.

☀️Taubat: Wajib bagi seseorang untuk sentiasa bertaubat kepada Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}) di atas dosa yang telah dilakukan, kerana melakukan

¹ Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}) berfirman: *“Dan aku bersegera kepadaMu wahai Tuhanku, agar Engkau reda (kepadaku)”*. [Taha: 84]. Nabi Musa AS ingin berjumpa dengan Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}) agar Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}) reda kepadanya dan bukan hanya untuk memenuhi perintahNya. Yang semisal dengan itu adalah berbakti kepada kedua orang tua pada tingkatan terendah; iaitu jika anda berbakti pada kedua-duanya kerana takutkan hukuman derhaka dan mengharapkan pahala. Tingkatan pertengahan, anda berbakti pada kedua-duanya sebagai ketaatan kepada Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}) dan sebagai balasan kasih-sayang mereka dalam mendidikmu semasa kecil sedangkan kedua-duanya adalah sebab keberadaannya di dunia. Tingkatan yang tertinggi adalah berbakti kepada kedua-duanya sebagai membesarkan perintah Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}) agar berbakti kepada kedua orang tua, serta rasa cinta dan keagungan kepada Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}).

dosa adalah tabiat bagi manusia. Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: *“Setiap anak Adam itu melakukan kesalahan dan sebaik-baik pesalah itu adalah yang bertaubat”*. (H.R Tarmizi). Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda lagi: *“Sekiranya kamu tidak berbuat dosa, maka Allah akan mematikanmu dan menggantikanmu dengan satu kaum yang berbuat dosa kemudian mereka meminta ampun kepada Allah, lalu Allah mengampuni mereka”*. (H.R Muslim).

Melewat-lewatkan taubat dengan sengaja adalah satu kesalahan. **Syaitan ingin memperdaya dan mengalahkan manusia dengan satu dari tujuh pintu dosa. Apabila dia tidak berjaya memperdaya melalui satu pintu, maka dia akan berpindah kepada pintu yang lain:**

- 1) Syirik dan kufur. 2) Jika tidak mampu, dengan bid'ah dalam iktikad serta meninggalkan ikutan Nabi dan para sahabat.
- 3) Jika tidak mampu, maka dengan dosa besar. 4) Jika tidak mampu, maka dengan dosa kecil. 5) Jika tidak mampu, maka dengan lalai dalam memperbanyakkan perbuatan yang harus.
- 6) Jika tidak mampu, maka dengan melakukan amalan kebaikan yang kurang kelebihannya. 7) Jika tidak mampu, maka dengan kekuasaan syaitan jin dan manusia ke atasnya.

Maksiat terbahagi kepada beberapa bahagian:

1) **Dosa besar:** iaitu apa yang disebutkan pada hukum di dunia atau janji buruk (azab) Allah di akhirat kelak, murkaNya, laknatNya, atau penafian keimanan.

2) **Dosa kecil:** iaitu selain dari dosa besar. Akan tetapi dosa kecil ini juga boleh menjadi penyebab terjadinya dosa besar sekiranya seseorang itu sentiasa melakukan dosa kecil, atau sentiasa mengulanginya, meremehkannya atau berbangga dengan melakukannya atau menghebohkan perbuatannya itu. Taubat boleh dipohon untuk semua jenis dosa, dan ia tetap diterima sehingga terbitnya matahari dari ufuk barat, atau sebelum roh berada di kerongkong ketika sakaratul maut. Ganjaran bagi orang yang bertaubat dengan sebenar-benarnya adalah kejahatannya ditukar kepada kebaikan, walaupun dosanya melangit tinggi.

Syarat-syarat taubat yang diterima;

1. Meninggalkan dosa yang dilakukan.
2. Menyesali di atas apa yang telah dilakukan.
3. Berazam dengan bersungguh-sungguh untuk tidak lagi mengulanginya.

Jika ia berkait dengan makhluk, maka akan ditambah satu lagi syarat, iaitu memulangkan semula hak yang dizalimi itu¹.

Taubat seseorang manusia terbahagi kepada 4 peringkat:

1) Taubat yang berterusan sehingga akhir hayatnya dan tidak kembali melakukan dosa-dosanya yang telah lepas. Melainkan perlakuan salah yang biasanya tidak terpisah dari manusia. Ini merupakan istiqamah dalam bertaubat. Taubat ini merupakan Taubat Nasuha. Juga dikenali sebagai Jiwa Mutmainnah (yang tenang).

2) Taubat yang berterusan dengan menjaga ibadat-ibadat utama. Kecuali dia tidak dapat mengelakkan dosa yang mendatangi dirinya, ketika dia diuji atau berhadapan dengannya dia melakukan dosa tersebut tanpa niat pada asalnya. Namun dia setiap kali dia melakukan dosa, dia mencela dirinya dan berazam untuk tidak mengulangi dosa itu lagi dengan menjauhi sebab-sebab dosa tersebut. Maka ini disebutkan sebagai Jiwa Lawwamah (yang mencela diri).

3) Taubat yang berterusan dalam beberapa tempoh waktu, kemudian syahwat menguasai dirinya dengan dosa lalu dia melakukan dosa tersebut dan dalam masa yang sama dia melakukan ketaatan. Dia juga meninggalkan sejumlah dosa-dosa yang mampu dilaksanakan sekiranya dia mahu. Namun, satu atau dua syahwat telah berjaya menguasai dirinya. Setiap kali dia melakukannya dia menyesal dan kembali bertaubat daripada dosa tersebut. Ini disebut dengan Jiwa Mas-ulah (yang dipertanggungjawab) yang akibatnya sangat bahaya sekiranya

¹ Diriwayatkan bahawa Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: "Catatan di sisi Allah (subhānahu wata'āla) ada tiga: Catatan yang Allah (subhānahu wata'āla) tidak mempedulikannya sedikitpun, catatan yang Allah (subhānahu wata'āla) tidak tinggalkan sedikitpun, dan catatan yang Allah (subhānahu wata'āla) tidak akan ampuni. Adapun catatan yang Allah (subhānahu wata'āla) tidak akan ampuni adalah perbuatan syirik kepadaNya. Allah (subhānahu wata'āla) berfirman: *"**Sesungguhnya barangsiapa yang mensyirkkan Allah, maka Allah akan mengharamkan syurga atasnya dan tempat kembalinya adalah neraka**".* [al-Maaidah: 72]. Catatan yang Allah (subhānahu wata'āla) tidak akan mempedulikannya adalah kezaliman seorang hamba kepada dirinya, yang berkait hubungannya dengan Tuhannya; kerana Allah (subhānahu wata'āla) akan mengampuni dan memaafkan jika Dia menghendaki. Adapun catatan yang Allah (subhānahu wata'āla) tidak akan tinggalkan sedikitpun ialah kezaliman sebahagian manusia terhadap orang lain; ia pasti dikenakan qisas". [H.R. Ahmad; padanya ada kelemahan].

melambatkan atau melewatkan taubat kemudian dia mati sebelum sempat untuk bertaubat. Oleh itu, amalan tersebut adalah yang terakhir akan dikira pada akhir hayatnya.

4) Bertaubat dan beristiqamah buat sementara dan kembali melakukan dosa dan tidak bertaubat serta tidak menyesal di atas perbuatannya. Maka ini disebut sebagai Jiwa Amarah (tegar) dengan keburukan. Dikhuatiri ke atasnya kesudahan yang buruk.

❖ **Jujur;** Jujur atau benar adalah sumber amalan-amalan hati secara keseluruhannya. **Dan lafaznya pula digunakan pada enam makna:**

1) Jujur dalam berkata-kata. 2) Jujur dalam kehendak dan niat (ikhlas). 3) Jujur dalam keazaman. 4) Jujur dalam menyempurnakan keazaman. 5) Jujur dalam beramal, iaitu sama zahirnya dengan batinnya; seperti khusyuk dalam solat. 6) Jujur dalam mendirikan keseluruhan agama, dan ini adalah setinggi-tinggi darjat.

Sekiranya seseorang itu jujur pada semua yang disebutkan itu, maka mereka adalah orang yang benar lagi membenarkan. Sabda Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): *“Berpeganglah kalian pada kejujuran, kerana kejujuran akan membimbing kepada kebaikan, dan kebaikan akan membimbing ke syurga. Sentiasa seorang hamba berbuat jujur dan membiasakan sifat ini sehingga dia dicatat oleh Allah sebagai orang yang jujur”*. (Muttafaquun Alaih).

Sekiranya dia samar dalam memilih kebenaran, namun hatinya jujur dengan Allah, maka Allah akan membantunya. Sekiranya tersalah, Allah akan mengampuninya.

Lawan bagi kebenaran adalah pendustaan. Permulaan kesan pendustaan kepada diri seseorang adalah lisan lalu ia merosakkan percakapan. Seterusnya merebak kepada anggota badan dan merosakkan amalan yang telah dilakukannya. Apabila penipuan mendominasi ke atas percakapan dan perbuatan seseorang, meluaslak kerosakan ke atas dirinya.

❖ **Kasih-Sayang;** Dengan kasih-sayang kepada Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman, seseorang itu akan memperoleh kemanisan iman, sabda Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): *“Tiga perkara yang jika ada pada seseorang itu, nescaya dia telah merasakan manisnya iman, iaitu: Mencintai Allah dan RasulNya lebih dari yang lain, mencintai seseorang tidak lain hanya kerana Allah serta tidak suka kembali kepada kekufuran sebagaimana ia tidak*

suka dicampakkan ke dalam api neraka”. (Muttafaqun Alaih). Sekiranya pokok kasih-sayang ditanam dalam hati dan disiramnya dengan air keikhlasan serta mengikuti Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}), maka akan tumbuh bermacam jenis buah dan akan sentiasa berbuah pada setiap musimnya dengan keizinan Tuhannya.

Kasih-sayang terbahagi kepada empat jenis: 1) Kasih-sayang pada Allah; ini adalah asas keimanan. 2) Kasih-sayang kerana Allah dan marah kerana Allah; ia merupakan kewajipan¹.

3) Berkasih-sayang bersama Allah; iaitu menyirikkan selain dari Allah melalui rasa kasih-sayang. Sepertimana kasihnya orang

¹ **Manusia itu dinilai dari segi cinta dan benci (al-wala' dan al-baraa') terbahagi kepada tiga: a)** golongan yang dicintai dengan sepenuh kecintaan tanpa sedikitpun perasaan benci. Mereka adalah orang yang benar-benar beriman seperti para Nabi dan siddiqin. Penghulu mereka adalah Nabi kita Muhammad (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}), isteri-isteri dan puteri-puteri baginda, serta para sahabat rhum. **(b)** Golongan yang dibenci secara mutlak. Mereka adalah orang-orang kafir, musyrik dan munafik. **(c)** Mereka yang dicintai dari satu sisi dan dibenci dari sisi yang lain. Mereka adalah pelaku maksiat di kalangan orang yang beriman. Mereka dicintai kerana keimanan yang ada pada mereka dan sebaliknya dibenci kerana kemaksiatan yang berlaku pada diri mereka.

➤ **Cinta dan kesetiaan kepada orang-orang kafir terbahagi kepada dua: (1)** Menyebabkan kemurtadan dan keluar daripada Islam; iaitu apabila kesetiaan berlaku terhadap agama mereka.

(2) Hukumnya haram tapi tidak sampai mengeluarkan seseorang itu daripada Islam; iaitu kesetiaan dalam urusan dunia mereka.

➤ Adakalanya berlaku kekeliruan antara bersikap baik terhadap orang-orang kafir (yang bukan kafir harbi) dan sikap benci serta berlepas diri daripada mereka. Ia harus dibezakan. Sikap adil dan berbuat baik dalam berurusan dengan mereka dengan tidak disertai rasa cinta dalam batin; seperti berlemah-lembut dengan orang yang lemah di kalangan mereka, lembut dalam ucapan serta kasihan belas terhadap mereka adalah harus. Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) berfirman: **“Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil”**. [al-Mumtahanah: 8].

➤ Adapun membenci dan memusuhi mereka, maka ia adalah perkara lain yang Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) perintahkan di dalam firmanNya: **“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuhmu menjadi teman-teman setia yang kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita Muhammad) kerana perasaan kasih sayang”**. [al-Mumtahanah:1]. Maka bersikap adil dalam berurusan dengan mereka, serta membenci dan tidak mencintai mereka itu adalah mungkin untuk dilakukan; sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) terhadap orang-orang Yahudi Madinah.

musyrikin kepada tuhan-tuhan mereka, maka ini merupakan syirik.

4) Kasih sayang yang semula jadi; iaitu kasih-sayang terhadap kedua ibubapa, anak-anak dan makanan. Perkara ini hukumnya harus dan agar Allah mengasihi kita; bersikap zuhudlah terhadap dunia. Sabda Nabi (sallallahu 'alaihi
wa
sallam): **“Zuhudlah kamu terhadap dunia nescaya Allah mengasihi kamu”**. (HR Ibnu Majah).

Tawakal: Menyerahkan hati serta pergantungan hanya kepada Allah (subhānahu
wata'āla) untuk mendapatkan apa yang dihajati dan menolak apa yang dibenci disamping meletakkan keyakinan hanya pada Allah (subhānahu
wata'āla) dan berusaha dengan melakukan sebab untuk mendapatkan perkara tersebut. Meninggalkan tawakal kepada Allah (subhānahu
wata'āla) adalah kecacatan pada tauhid. Manakala meninggalkan usaha adalah kelemahan dan kekurangan pada akal. Tempat tawakal itu adalah pada hati dan ia adalah terhasil dari keyakinan.

Jenis-jenis tawakal terbahagi kepada tiga iaitu:

1. Wajib: Tawakal kepada Allah pada apa yang tidak mampu bagi manusia melakukannya; seperti menyembuhkan orang yang sakit.

2. Haram:

2.1. Syirik besar. Bergantung sepenuhnya kepada ‘sebab’, dengan keyakinan ia satu-satunya faktor yang memberi kesan kepada terhasilnya manfaat atau tertolaknya kemudahan¹.

¹ Adakah melakukan sebab bertentangan dengan sikap tawakal? Ada beberapa sudut pandang: **(1)** Mendatangkan kemanfaatan yang telah hilang. Ia terbahagi kepada tiga: **(a)** Sebab yang meyakinkan; seperti menikah untuk mendapatkan anak. Maka meninggalkan sebab ini adalah suatu kegilaan dan sama sekali tidak termasuk dalam bertawakal. **(b)** Sebab-sebab yang tidak meyakinkan, tetapi sering kali apa yang diusahakannya tidak didapatkan melainkan dengannya; seperti seorang musafir di padang pasir tanpa membawa bekalan, maka perbuatannya ini tidak termasuk dalam tawakal. Ia diperintahkan untuk membawa bekal, kerana Rasulullah (sallallahu 'alaihi
wa
sallam) apabila bermusafir, baginda membawal bekalan dan menyewa seorang penunjuk jalan ke Madinah. **(c)** Sebab-sebab yang disangka dapat menyampaikan apa yang diinginkan tanpa ada keyakinan yang nyata; seperti orang yang merancang dengan penuh teliti dalam mencari nafkah, maka hal itu tidaklah terkeluar dari konteks tawakal. Bahkan tidak melakukan sebab itulah yang tidak termasuk dalam tawakal. Umar (radhiyallahu
'anh) berkata: “Orang yang bertawakal adalah orang yang meletakkan biji benih di tanah lalu dia bertawakal kepada Allah (subhānahu
wata'āla)”.

(2) Memelihara yang ada: Orang yang mempunyai makanan yang halal, maka menyimpannya tidak berlawanan dengan tawakal, terutamanya jika dia mempunyai keluarga; kerana Nabi (sallallahu 'alaihi
wa
sallam) menjual pohon kurma Bani Nadhir

2.2. Syirik kecil.

Seperti bergantung kepada seseorang dalam mendapatkan rezeki tanpa meyakini bahawa orang itu adalah satu-satunya sebab yang mendatangkan rezekinya. Dalam masa yang sama, dia percaya pergantungannya terhadap orang itu lebih dari sekadar sebab.

3. Harus: iaitu mewakili dan bergantung kepada orang lain dalam sesuatu perbuatan yang ia mampu melakukannya seperti jual beli. Akan tetapi tidak harus untuk dia berkata: “Aku bertawakal kepada Allah kemudian kepada kamu”. Bahkan hendaklah dia berkata: “Aku mewakili kamu”.

✿ Syukur:

Menzahirkan kesan nikmat yang dikurniakan oleh Tuhan ke atas hambaNya di dalam hati dengan keimanan, pada lisan dengan pujian dan pada anggota tubuhnya dengan ibadat. Maka syukur berlaku dengan hati, lisan, dan anggota tubuhnya. Syukur itu bermakna menggunakan nikmat yang dikurniakan untuk menzahirkan ketaatan kepada Allah (^{subhānahu} wata'ala).

✿ Sabar:

Meninggalkan pengaduan kepada selain Allah -terhadap sakit dan susah- dan menyerahkan segala urusan hanya kepada Allah. Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman: *{Sesungguhnya Allah mengganjari orang yang sabar dengan ganjaran tanpa hisab}*. Rasulullah (^{sallāluhu 'alaihi} wa sallam) bersabda: *“Barangsiapa yang berusaha untuk sabar, maka Allah memberikannya kesabaran. Dan tidaklah diberikan kepada*

dan menyimpan makanan untuk keluarganya selama setahun. [Muttafaquun 'alaihi].

(3) Menolak kemudaran yang belum berlaku. Bukan termasuk dalam tawakal meninggalkan sebab-sebab yang dapat menolak kemudaran; seperti memakai baju besi, mengikat unta dengan tali pengikat lalu bertawakal kepada Allah (^{subhānahu} wata'ala) dan bukan kepada sebab. Kemudian reda dengan apa yang Allah (^{subhānahu} wata'ala) takdirkan.

(4) Menghilangkan kemudaran yang sedang menimpa; iaitu tiga bahagian: (a) perkara yang telah pasti; seperti air menghilangkan dahaga. Maka meninggalkannya sama sekali tidak termasuk dalam tawakal. (b) Sekadar sangkaan; seperti berbekam dan sejenisnya. Maka melakukannya tidak berlawanan dengan tawakal; kerana Rasulullah (^{sallāluhu 'alaihi} wa sallam) telah berubat dan memerintahkan untuk berubat. (c) Sebab yang dianggap (dapat menghilangkan kemudaran); seperti melakukan kaiy (besi panas) agar tidak sakit, maka melakukannya berlawanan dengan kesempurnaan tawakal.

seseorang itu suatu pemberian yang lebih baik dan lebih luas daripada kesabaran”. (Muttafaqun Alaih). Saidina Umar ^(radhiyallahu 'anhu) telah berkata: “Tidaklah aku diuji dengan sesuatu ujian melainkan Allah memberikan kepadaku empat nikmat: Ujian itu bukan dalam agama, bukan yang terbesar, aku pula tidak diharamkan dari redha Allah, dan aku boleh mengharapkan pahala melaluinya.

Sabar mempunyai 3 darjat:

Rendah: Meninggalkan pengaduan bersama kebencian (tidak redha).

Pertengahan: Meninggalkan pengaduan bersama keredhaan.

Tinggi: Memuji Allah atas ujian yang menimpanya.

Maka sesiapa yang dizalimi lalu dia mendoakan (keburukan) ke atas orang yang menzaliminya, bererti dia telah memenangkan dirinya dan mengambil haknya serta dia tidak bersabar.

Dua jenis kesabaran:

1) Fizikal: Ini tidak termasuk perbincangan kita.

2) Jiwa: Sabar terhadap keinginan semula jadi dan kehendak hawa nafsu¹.

Kesemua apa yang didapati oleh seorang hamba di dunia ini tidak sunyi daripada dua perkara:

A) Apa yang selari dengan hawa nafsu. Maka ia memerlukan kesabaran dalam menunaikan hak-hak Allah dan tidak menggunakannya untuk melakukan maksiat kepada Allah.

B) Apa yang bertentangan dengan nafsu. Ianya terbahagi kepada tiga bahagian;

1. Sabar dalam ketaatan kepada Allah: Wajib bersabar dalam melakukan perkara yang difardhukan, dan sunat bersabar dalam melakukan perkara yang disunnahkan.

2. Sabar dari maksiat kepada Allah: Wajib bersabar dalam meninggalkan perkara yang haram, dan digalakkan bersabar dalam meninggalkan perkara yang makruh.

3. Sabar pada takdir yang telah ditentukan oleh Allah:

Wajib bersabar dengan menahan lidah dari mengadu, dan menjaga hati dari membangkang takdir Allah, serta menjaga anggota badan

¹ Jenis kesabaran ini sekiranya pada nafsu perut dan kemaluan dinamakan iffah; dalam peperangan dinamakan berani; dalam menahan marah dinamakan santun; dalam menyembunyikan sesuatu dinamakan menutup rahsia; dalam hidup berlebihan dinamakan zuhud; dalam mengambil apa yang perlu dinamakan *qana'ah*.

dari bertindak selain dari apa yang direhai Allah seperti meratapi kematian dan selainnya. Manakala digalakkan meredhai dengan hati, dengan apa yang telah ditakdirkan oleh Allah.

Manakah yang lebih baik? Orang kaya yang bersyukur atau orang fakir yang sabar. Sekiranya orang kaya membelanjakan harta pada jalan ketaatan, maka dia adalah yang lebih baik dari orang yang fakir. Namun sekiranya hartanya lebih banyak dibelanjakan untuk perkara harus, maka orang fakir lebih baik. Sabda Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam): “Orang yang sedang makan dan dia bersyukur atas nikmatnya itu, kedudukannya sama seperti seorang yang berpuasa dan dia bersabar atas puasanya itu”. (H.R Ahmad).

❁ **Redha:** Berpada dengan sesuatu dan merasa cukup dengannya. Tempatnya adalah setelah berlaku sesuatu. Redha dengan qada' Allah adalah maqam (kedudukan) paling tinggi di kalangan orang-orang yang hampir kepada Allah. Ianya adalah buah hasil dari kasih sayang dan tawakal kepada Allah. Dan berdoa kepada Allah (subhanahu wata'ala) agar menghilangkan perkara yang dibenci adalah tidak bercanggah dengan keredhaan kita terhadapnya.

❁ **Khusyuk:** Pengagungan, rendah diri serta ketundukkan. Telah berkata Huzaifah: “Berhati-hatilah kamu ke atas ‘khusyuk yang nifaq’. Maka dia ditanya: Apakah khusyuk yang nifaq itu? Maka jawabnya: Kamu melihat seseorang khusyuk pada anggotanya tapi tidak pada hatinya”. Katanya lagi: “Perkara pertama yang hilang dari agamamu ialah khusyuk. Mana-mana ibadah yang disyariatkan padanya kekhusyukan, maka ganjaran baginya mengikut tahap kekhusyukannya; seperti solat, Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) pernah berkata mengenai orang yang solat tetapi tidak mendapat apa-apa melainkan $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{4}$, sehingga $\frac{1}{10}$. Bahkan boleh jadi solatnya tiada pahala sedikit pun kerana tiada kekhusyukan sama sekali.

❁ **Pengharapan:** Melihat kepada keluasan rahmat Allah dan lawan baginya adalah putus harapan. Beramal atas pengharapan kepada Allah adalah lebih tinggi dari beramal atas ketakutan kerana pengharapan itu membawa sifat bersangka baik kepada Allah (subhanahu wata'ala). Allah berfirman (dalam hadis qudsi): “*Aku menurut sangkaan hambaKu terhadapKu*”. (H.R Muslim).

Pengharapan kepada Allah (subhanahu wata'ala) terbahagi kepada dua peringkat:

1. **Tinggi:** Berbuat ketaatan seterusnya mengharapkan pahala dari

Allah. Telah berkata Aisyah r.ha: “Wahai Rasulullah, {Dan orang-orang yang memberikan apa yang telah mereka berikan sedang hati mereka takut}. [Ghafir: 60]. Adakah dia yang mencuri, berzina, dan meminum arak, lalu dia takut kepada Allah? Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Tidak wahai anak perempuan *as-Siddiq*, akan tetapi mereka itu ialah orang yang mengerjakan solat, puasa, dan sedekah dalam keadaan mereka takut Allah tidak menerima amalan mereka. {Mereka bersegera untuk mendapatkan kebaikan}” (H.R Tarmizi).

2. Rendah: Pendosa yang bertaubat dan mengharapkan keampunan dari Allah (^{subhānahu} wata'āla). Ada pun mereka yang terus melakukan maksiat dan meninggalkan taubat tetapi mengharapkan kerahmatan dari Allah (^{subhānahu} wata'āla), maka ini merupakan angan-angan dan bukannya suatu harapan. Golongan sebegini dikeji sedang golongan pertama (pendosa yang bertaubat) dipuji. Orang yang beriman menghimpun di dalam dirinya sifat ihsan (berbuat baik) dan ketakutan, manakala orang munafik pula menghimpun kesalahan dan rasa aman dari azab.

❁ **Ketakutan (*Khauf*):** Ketakutan merupakan kegelisahan di dalam jiwa disebabkan sangkaan berlaku sesuatu yang dibenci. Sekiranya seseorang itu yakin pada perkara yang dibenci, ia dinamakan dengan ketakutan (خشية). Lawan bagi ketakutan adalah rasa aman dan bukannya pengharapan. Ia mencetuskan rasa gerun sementara pengharapan mencetuskan rasa terdorong. Justeru, kasih-sayang, ketakutan, dan pengharapan kepada Allah (^{subhānahu} wata'āla) mesti berada dalam diri seseorang. Ibnul Qayim berkata: “Hati dalam perjalanannya menuju Allah (^{subhānahu} wata'āla) adalah seperti burung; kasih-sayang adalah kepalanya, manakala ketakutan dan pengharapan adalah sayapnya. Apabila ketakutan mendiami hati seseorang, ia membakar nafsu syahwat yang berada di dalamnya, sekaligus menyingkirkan dunia dari dalam hatinya”.

Ketakutan yang wajib: Apa yang membawa kepadanya perbuatan yang wajib, dan meninggalkan perkara yang haram.

Ketakutan yang sunat: Apa yang membawa kepadanya perbuatan yang sunat, dan meninggalkan perkara yang makruh.

Takut kepada SELAIN Allah terbahagi kepada beberapa jenis:

1) Syirik besar: Ketakutan yang tersembunyi dan mempertuhankan -la sepatutnya diperuntukkan hanya kepada Allah (^{subhānahu} wata'āla) sahaja-

seperti perasaan takut bahawa berhala Musyrikin boleh mendatangkan mudarat atau menimpakan sesuatu yang tak diingini.

2) Syirik kecil: Meninggalkan perkara yang wajib dan melakukan perkara yang haram kerana takut pada manusia.

3) Harus: Seperti ketakutan yang normal pada serigala dan lain-lain.

❖ **Zuhud:** Memalingkan keinginan terhadap sesuatu kepada apa lebih baik darinya. Zuhud pada dunia memberi kerehatan pada hati dan badan, serta kecintaan pada dunia menambahkan kegelisahan dan kesedihan. Cinta pada dunia adalah punca segala kesalahan, manakala benci kepada dunia adalah punca segala ketaatan. Zuhud pada dunia adalah dengan mengeluarkannya dari hati kamu; bukan mengeluarkannya dari tangan kamu **sedangkan hati masih bergantung dengannya; ini merupakan zuhud orang-orang jahil.** Sabda Rasulullah (^{sallallahu}_{wa} 'alaihi ^{sallam}): **“Alangkah baiknya harta yang baik diberikan kepada orang yang soleh.”** (H.R Ahmad).

Orang-orang yang fakir dengan harta ada 5 keadaan:

1) Melarikan diri dari mengambil harta kerana benci padanya dan menjaga diri dari keburukan serta kesibukan duniawi. Orang ini dinamakan sebagai zuhud.

2) Tidak gembira bila mendapatkannya, namun tidak pula membencinya sampai ke tahap rasa terganggu dengannya. Sifat ini dinamakan sebagai redha.

3) Berharta lebih dia sukai dari tiada harta kerana keperluannya. Namun tidaklah sampai dia berpenat lelah sepenuh tenaga untuk mencarinya. Bahkan kalau harta itu datang dia mengambilnya dan gembira; tetapi kalau perlu berpenat lelah untk mendapatkannya dia meninggalkannya. Sifat ini dinamakan sebagai qana`ah.

4) Dia meninggalkan harta kerana tidak mampu. Hakikatnya dia menyukainya. Kalau ada jalan untuk mendapatkannya nescaya dia akan mencarinya. Orang ini dinamakan bersungguh-sungguh.

5) Sangat memerlukan kepada harta dan terpaksa mencarinya seperti orang yang lapar dan bertelanjang yang tidak mempunyai makanan dan pakaian. Pemilik keadaan ini dinamakan sebagai orang yang terdesak.

PERBUALAN YANG TENANG

Telah bertemu seorang lelaki yang bernama **Abdullah** dengan lelaki bernama **Abdul Nabi**. **Abdullah** mengingkari nama tersebut dalam hatinya. Dia berkata: Bagaimana seseorang boleh menyembah selain dari Allah azza wajalla? Kemudian dia bertanya kepada **Abdul Nabi**: “Apakah kamu menyembah sesuatu selain Allah?

Jawab **Abdul Nabi**: Tidak! Aku tidak menyembah selain Allah. Aku adalah muslim dan hanya menyembah Allah.

Berkata **Abdullah**: “Kalau begitu mengapa nama kamu seperti nama orang Nasrani. Mereka menggunakan nama Abdul Masih. Tidak pelik kerana mereka menyembah Nabi Isa (^{'alaihissalam}). Orang yang mendengar nama kamu akan segera berfikir bahawa kamu menyembah Nabi. Orang Islam tidak beriktikad begitu malah mereka meyakini bahawa Nabi Muhamad (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}) adalah hamba Allah dan rasulNya.

Jawab **Abdul Nabi**: Tetapi Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}) seorang manusia yang terbaik dan penghulu sekalian rasul. Kami menggunakan dengan nama ini adalah untuk mendapatkan keberkatan dan mendekatkan diri kepada Allah (^{subhanahu}
^{wata'ala}) melalui kebesaran dan kedudukan baginda serta kami memohon kepada **Nabi** (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}) syafaatnya. Dan jangan terkejut dengan nama abang saya iaitu Abdul Hussain, dan bapa saya bernama Abdur Rasul. Nama-nama ini telah diberikan oleh orang-orang pada zaman dahulu dan tersebar di kalangan orang ramai. Datuk dan nenek kami pun berbuat seperti ini. Oleh itu, janganlah memperbesarkan masalah dalam perkara ini. Perkara ini kecil dan agama ini memudahkan.

Berkata **Abdullah**: Ini (memohon kepada Nabi (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam})) adalah perkara mungkar yang lebih besar dari yang pertama (menggunakan nama Abdul Nabi). Iaitu memohon sesuatu yang hanya dimiliki oleh Allah dari sesuatu selain Allah, biarpun yang dipohon kepadanya adalah Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi}
^{wa} ^{sallam}) atau orang-orang soleh yang lain seperti Hussain (^{radhyallahu}
^{'anhu}) atau selainnya. Ini bertentangan dengan tauhid yang kita diperintahkan dengannya, dan menafikan syahadah ‘La ilaha illa Allah’. Saya akan bertanya kepadamu beberapa soalan, bertujuan menerangkan kepada kamu betapa besarnya perkara ini dan

akibat menggunakan nama ini serta contohnya yang telah ada. Tidak ada matlamat dan niat yang lain melainkan hanya untuk mendapatkan kebenaran dan mengikutinya serta menjelaskan perkara yang batil serta menjauhkannya. Ini juga termasuk mengajak kepada makruf dan mencegah perkara mungkar. Allah merupakan penolong dan ke atasNya segala penyerahan. Tiada upaya dan tiada kekuatan kecuali dengan bantuan Allah Yang Maha Kuasa. Tetapi, sebelum itu aku ingin mengingatkanmu dengan firman Allah (*subhānahu wata'āla*) dalam surah an-Nur: 51 {*Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak kembali kepada Kitab Allah dan Sunnah RasulNya agar keduanya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata: Kami dengar dan kami taat; dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan*}. Allah (*subhānahu wata'āla*) berfirman lagi dalam surah an-Nisa': 59 {*Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (Al-Quran) dan RasulNya (Sunnah) jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya*}.

Abdullah: Kamu berkata bahawa kamu mengesakan Allah, dan kau bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah, oleh itu bagaimanakah kamu boleh jelaskan padaku maknanya?

Abdul Nabi: Tauhid adalah beriman dengan sesungguhnya bahawa Allah (*subhānahu wata'āla*) itu wujud. Dia menciptakan langit dan bumi, dan Dialah yang menghidupkan dan mematikan, Dialah yang memberi rezeki, yang Maha Mengetahui, yang Maha Besar, dan yang Maha Berkuasa.

Abdullah: Jika ini sahaja definisi tauhid, maka Firaun dan kaumnya, Abu Jahal dan lain-lain juga mengesakan Allah, kerana mereka tidak jahil tentang suruhan ini sepertimana kebanyakan orang musyrikin. Maka Firaun yang mendakwa dirinya tuhan, dia juga mengetahui dan mempercayai kewujudan Allah dan hanya Allah yang mencipta alam ini. Allah (*subhānahu wata'āla*) berfirman dalam surah An-Naml: 14 {*Dan mereka mengingkarinya kerana kezaliman dan kesombongannya*}.

Akan tetapi **hakikat tauhid** yang kerananya diutuskan para rasul serta diturunkan kitab-kitab dan diperangi orang Quraish adalah

mengesakan Allah dengan ibadah. Ibadah itu: Semua perkara yang disukai oleh Allah (^{subhanahu} wata'ala) dan diredhaiNya dari segala percakapan dan perbuatan sama ada zahir atau batin. Makna tuhan pada kalimah (Tiada tuhan selain Allah) ialah: Tuhan yang disembah dan tidak layak dipersembahkan ibadah melainkan kepadaNya.

Abdullah: Adakah kamu tahu mengapa para rasul dihantar ke bumi dimulai dengan Nabi Nuh (^{'alahissalam})?

Abdul Nabi: Untuk mengajak orang-orang syirik supaya beribadah kepada Allah semata-mata dan meninggalkan segala perbuatan syiriknya.

Abdullah: Apakah sebab syiriknya kaum Nabi Nuh?

Abdul Nabi: Saya tidak tahu!

Abdullah: Allah telah mengutus Nuh kepada kaumnya yang melampau dalam memuja orang-orang yang soleh; Wadd, Suwaa', Yaghuts, Yau'q, dan Nasr.

Abdul Nabi: Adakah kamu maksudkan yang berkenaan adalah nama orang-orang yang baik dan bukan nama orang-orang kafir?

Abdullah: Ya, ini merupakan nama orang-orang soleh yang dijadikan oleh kaum Nabi Nuh sebagai tuhan, dan diikuti pula oleh orang Arab. Ini terbukti melalui riwayat dari Ibn Abbas, (^{radhiyallahu} 'anhu): "Patung-patung yang ada pada kaum Nuh menjadi sembah bagi orang Arab setelah itu. Patung 'Wadd' menjadi sembah bagi Bani Kalb di Daumatul Jandal, patung 'Suwa' bagi Bani Hudzail, patung 'Yaghuts' bagi Bani Murad kemudian Bani Ghuthaif di al-Juruf sebelah kawasan Saba', 'Yau'q' bagi Bani Hamdaan, dan 'Nasr' bagi Bani Himyar daripada keluarga Dzul-Kalaa'. Mereka (Nama patung) adalah nama-nama orang yang soleh dari kaum Nuh. Ketika mereka meninggal, maka syaitan membisikkan kepada mereka (kaum Nuh) agar meletakkan patung-patung mereka (orang-orang soleh) dalam majlis-majlis di mana kaum Nuh biasa mengadakan pertemuan, sekaligus memberi nama-nama mereka. Maka mereka pun melakukannya. Patung tersebut tidaklah disembah pada ketika itu. Akhirnya setelah generasi pertama meninggal dan pengetahuan (tentang perkara sebenar) telah dilupakan, maka patung-patung tersebut akhirnya disembah". (H.R Al-Bukhari).

Abdul Nabi:Kata-kata ini sungguh aneh!

Abdullah: Mahukah kamu aku tunjukkan apa yang lebih pelik

darinya? Untuk pengetahuan kamu, Nabi yang terakhir iaitu Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi}_{wa sallam}) telah diutuskan oleh Allah kepada kaum yang beristighfar, yang mengabdikan diri, yang bertawaf, yang bersai'e, yang mengerjakan haji dan yang membayar zakat. Akan tetapi mereka menjadikan sebahagian dari makhluk sebagai orang tengah di antara mereka dan Allah. Mereka berkata: Kami mahu mereka mendekatkan kami kepada Allah dan kami mahukan syafaat mereka di sisiNya seperti malaikat, Nabi Isa AS dan orang-orang soleh yang lain. Maka Allah membangkitkan Muhammad (^{sallallahu 'alaihi}_{wa sallam}) untuk memperbaharui agama moyang mereka Nabi Ibrahim dan mengkhabarkan kepada mereka bahawa kepercayaan dan ibadah ini adalah HAK ALLAH semata-mata malah tidak harus dipersembahkan kepada selainNya. Dia adalah satu-satunya Sang Pencipta dan tiada yang lain. Tiada yang memberi rezeki melainkan Dia. Tujuh petala langit dan tujuh petala bumi serta sekalian hamba yang berada di dalamnya, semuanya tunduk di bawah kekuasaanNya sehingga tuhan-tuhan palsu yang mereka sembah juga mengakui bahawa ia adalah di bawah penguasaanNya.

Abdul Nabi: Ini adalah fakta yang berbahaya dan menakjubkan. Adakah terdapat dalil ke atasnya?

Abdullah: Terdapat banyak bukti, firman Allah (^{subhanahu}_{wata'ala}) dalam surah Yunus: 31 {Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? Dan siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam? (Dengan pertanyaan-pertanyaan itu) maka mereka (yang musyrik) akan menjawab dengan berkata: Allah. Oleh itu, katakanlah: (Jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertakwa?}.

Allah (^{subhanahu}_{wata'ala}) berfirman lagi dalam surah al-Mukminun, 84- 89: {Tanyakanlah (wahai Muhammad): Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya, kalau kamu mengetahui? Mereka akan menjawab: Kepunyaan Allah. Katakanlah: Mengapa kamu tidak mahu ingat (dan insaf)? Tanyakanlah lagi: Siapakah Tuhan yang memiliki dan mentadbirkan langit yang tujuh dan Tuhan

yang mempunyai Arasy yang besar? Mereka akan menjawab: (Semuanya) kepunyaan Allah. Katakanlah: Mengapa kamu tidak mahu bertakwa? Tanyakanlah lagi: Siapakah yang memegang kuasa pemerintahan tiap-tiap sesuatu, serta dia dapat melindungi (segala-galanya) dan tidak ada sesuatupun yang dapat disembunyi daripada kekuasaanNya? (Jawablah) jika kamu mengetahui! Mereka akan menjawab: (Segala-galanya) dikuasai Allah. Katakanlah: Jika demikian, bagaimana kamu tertarik hati kepada perkara yang tidak benar?}

Dan ketika orang-orang Musyrikin menunaikan haji mereka menyebut (ucapan Talbiyah): “Aku datang memenuhi panggilanMu Ya Allah! Aku datang memenuhi panggilanmu Ya Allah! Tiada sekutu bagiMu, kecuali sekutu milikMu, Kamu memiliki apa yang dia miliki”. Maka pengiktirafan Musyrikin Quraish bahawa sesungguhnya Allah pentadbir alam semesta, atau apa yang dinamakan (Tauhid Rububiyah) tidak memasukkan mereka ke dalam islam. Perginya mereka kepada para malaikat, para nabi, dan para wali semata-mata menginginkan pertolongan mereka dan melaluinya mereka mendekati diri kepada Allah (^{subhānahu} wata'ala). Inilah yang menjadikan darah mereka dan harta mereka halal (diperangi). Maka wajiblah berdoa hanya kepada Allah, bernazar hanya kerana Allah, menyembelih hanya kerana Allah, meminta bantuan semuanya dari Allah dan segala jenis ibadah semuanya milik Allah (^{subhānahu} wata'ala).

Abdul Nabi: Jika tauhid itu bukan dengan mengakui kewujudan Allah dan Dialah yang mentadbir sekalian alam, maka apakah ia?

Abdullah: Tauhid yang kerananya Rasul diutuskan dan Musyrikin enggan mengakuinya adalah: **mengesakan** Allah dengan ibadah. Maka tidak boleh mempersembahkan sesuatu perkara pun dalam beribadah kepada selain Allah (^{subhānahu} wata'ala); seperti doa, nazar, sembelihan, meminta pertolongan, meminta bantuan, dan lain-lain lagi. Tauhid inilah yang dimaksudkan dengan syahadah kamu: Tidak ada Tuhan selain Allah; maka sebenarnya ‘tuhan’ di sisi Musyrikin Quraisy adalah yang ditujukan padanya ibadah sama ada ianya seorang raja atau Nabi, atau wali, atau pokok, atau makam, atau jin. Mereka tidak maksudkan ‘tuhan’ adalah pencipta, pemberi rezeki, pentadbir lantaran mereka mengetahui bahawa semua itu milik Allah (^{subhānahu} wata'ala) semata-mata. Justeru datangnya

Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) untuk mengajak mereka kepada kalimah tauhid iaitu; Tiada tuhan selain Allah. Ianya bukan sekadar lafaz dibibir sahaja, bahkan pada perlaksanaan dalam ibadah.

Abdul Nabi: Seakan-akan kamu katakan: Orang musyrikin Quraish lebih memahami kalimah “Tiada tuhan selain Allah” daripada kebanyakan orang Islam pada zaman kita ini.

Abdullah: Ya, dan ini merupakan satu kenyataan yang menyakitkan, sesungguhnya orang kafir yang jahil mengetahui bahawa maksud Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) dengan kalimah ini ialah: **Pengesaan Allah dengan ibadah** serta kufur terhadap apa yang disembah selain Allah. Apabila mereka diseru untuk mengatakan: “Tiada tuhan selain Allah” . Mereka menjawab: {Apakah dia menjadikan tuhan-tuhan itu Tuhan yang satu? Sungguh, ini benar-benar sesuatu yang menghairankan}. [Shaad 38:5].

Sedangkan mereka mengakui sesungguhnya Allah adalah pentadbir alam semesta. Apabila orang kafir lagi jahil juga mengetahui tentang perkara tersebut, maka peliklah bagi sesiapa yang mengaku Islam, tetapi tidak mengetahui tafsir kalimah ini seperti mana orang kafir lagi jahil mengetahuinya. Bahkan mereka (yang mengaku Islam ini) menyangka bahawa Islam itu sekadar melafazkan syahadah dengan huruf-hurufnya tanpa beriktikad dalam hati sesuatu dari maknanya. Manakala yang cerdik dari kalangan mereka (kafir yang jahil) pula percaya bahawa tidak mencipta, tidak memberi rezeki, tidak mentadbir, dan tidak memerintahkan selain dari Allah. Maka tiadalah kebaikan pada orang yang mengaku Islam tetapi orang kafir yang jahil mengetahui lebih darinya tentang makna: Tiada tuhan selain Allah.

Abdul Nabi: Akan tetapi aku tidak menyirikkan Allah, bahkan aku bersaksi bahawa tiada pencipta, tiada yang memberi rezeki, tiada yang memberi manfaat, dan tiada yang memberi mudharat melainkan Allah satu-satunya dan tiada sekutu baginya, dan bahawasanya Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) tidak memiliki untuk dirinya manfaat dan mudharat, apatah lagi Ali (^{radhiyallahu}_{'anhu}), Hussin (^{radhiyallahu}_{'anhu}), Abdul Qadir dan selainnya. Akan tetapi aku berdosa, manakala orang-orang soleh, mereka mempunyai pangkat di sisi Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}), oleh itu aku memohon kepada mereka supaya memberikan syafaat kepadaku dengan darjat mereka di sisi-Nya.

Abdullah: Aku menjawab sama seperti persoalan tadi, sesungguhnya orang yang diperangi oleh Nabi Muhammad (ﷺ) juga mengakui sedemikian. Mereka juga mengakui bahwa patung berhala mereka tidak dapat memberikan sesuatu kepada mereka. Yang mereka mahukan hanyalah kedudukan dan syafaat mereka sebagaimana dalil-dalil sebelum ini yang telah termaktub di dalam al-Quran.

Abdul Nabi: Akan tetapi ayat ini diturunkan bagi sesiapa yang menyembah berhala. Maka bagaimana kamu membuat para Nabi dan orang yang soleh sebagai berhala?

Abdullah: Kita telah sepakat bahawa sebahagian daripada berhala-berhala mereka dinamakan dengan nama orang yang soleh seperti pada zaman Nuh (عليه السلام). Sesungguhnya orang kafir tidak menginginkan kecuali pertolongannya (syafaat) di sisi Allah (Subhanahu wata'ala) kerana mereka (para Nabi dan orang soleh) mempunyai darjat di sisi-Nya. Allah (Subhanahu wata'ala) berfirman: {Dan orang-orang yang mengambil pelindung selain dari-Nya berkata “Kami tidak menyembah mereka melainkan berharap agar mereka mendekatkan diri kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya”}. Az-Zumar 39:3.

Adapun perkataan kamu: bagaimanakah kamu menjadikan para nabi dan para wali sebagai patung berhala? Maka kita katakan: Sesungguhnya orang kafir yang telah diutuskan Nabi kepada mereka, ada daripada kalangan mereka yang berdoa kepada wali. Allah (Subhanahu wata'ala) berfirman: {Orang-orang yang mereka seru itu, mereka sendiri juga mencari jalan kepada tuhan. Siapa di antara mereka yang lebih dekat (kepada Allah). Mereka mengharapkan rahmatNya dan takut akan azabNya. Sungguh, azab Tuhanmu itu sesuatu yang (harus) ditakuti}. Al-Israa 17:57. Di antara mereka juga ada yang menyeru Nabi Isa AS dan dan ibunya. Allah (Subhanahu wata'ala) berfirman dalam surah al-Maidah: 116: {Dan (ingatlah) ketika Allah berfirman: Wahai Isa ibni Mariam! Kamukah yang berkata kepada manusia: Jadikanlah daku dan ibuku dua tuhan selain dari Allah? Nabi Isa menjawab: Maha Suci Kamu (wahai Tuhan)! Tidaklah layak bagiku mengatakan sesuatu yang aku tidak berhak (mengatakannya). Jika aku ada mengatakannya, maka tentulah Kamu telah mengetahuinya. Kamu mengetahui apa yang ada pada diriku, sedang aku tidak mengetahui apa yang ada pada diriMu;

kerana sesungguhnya Kamu jualah Yang Maha Mengetahui perkara-perkara yang ghaib}. Dan ada di antara mereka yang menyeru para malaikat. Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) berfirman dalam surah Saba':40: {Dan (ingatkanlah) masa Allah menghimpunkan mereka semua (pada hari kiamat), kemudian Dia bertanya kepada malaikat: Adakah orang-orang ini (kamu setuju) menyembah kamu dahulu?}.

Maka perhatikan ayat-ayat ini, Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) telah mengkafirkan mereka yang menyeru berhala sebagaimana Allah juga mengkafirkan mereka yang menyeru orang-orang soleh, para nabi, malaikat, wali dalam keadaan yang sama rata. Malah Nabi Muhammad memerangi mereka semua tanpa membezakan antara mereka.

Abdul Nabi: Akan tetapi orang kafir menginginkan manfaat daripada mereka, dan aku bersaksi bahawa Allah-lah yang memberi manfaat dan memberi mudharat, dan aku tidak inginkan apa-apa melainkan dariNya. Orang-orang soleh tidak memiliki apa-apa, cuma yang aku harapkan ialah pertolongan mereka di sisi Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}).

Abdullah: Kata-katamu sama seperti kata-kata orang kafir. Buktinya Allah berfirman: {Dan mereka menyembah selain dari Allah pada apa yang tidak dapat mendatangkan kemudharatan kepada mereka dan tidak pula kemanfaatan, dan mereka berkata: "Mereka itu adalah pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah"}. Yunus 10:15.

Abdul Nabi: Akan tetapi aku tidak menyembah selain Allah, perlindungan dan doa-doa kepada mereka bukanlah dari ibadah.

Abdullah: Tetapi aku menyoalmu: Adakah kamu pernah membaca bahawasanya Allah mewajibkan ke atasmu untuk tulus ikhlas dalam beribadah kepadaNya seperti firmanNya: {Padahal mereka tidak disuruh kecuali menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam (menjalankan) agama yang lurus}. Al-Bayyinah 98:15.

Abdul Nabi: Ya, Allah mewajibkan ke atasku begitu.

Abdullah: Aku memohon kepadamu supaya terangkan kepadaku tentang perkara yang difardhukan Allah ke atasmu iaitu ikhlas dalam beribadah?

Abdul Nabi: Aku tidak faham, apa yang dimaksudkan dengan soalan itu, boleh kamu terangkannya kepadaku.

Abdullah: Dengar baik-baik kerana aku akan terangkan

kepadamu, Allah (*subhānahu wata'āla*) berfirman: {Berdoalah kepada Tuhanmu dengan rendah hati dan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas}. Al-A'raaf 7:55. Maka adakah doa merupakan ibadah kepada Allah?

Abdul Nabi: Ya, doa merupakan asas dalam ibadah. Sepertimana sabda Rasulullah (*sallāllāhu 'alāihi wa sallam*): “*Doa adalah ibadah*”. (H.R Abu Daud).

Abdullah: Selama mana kamu telah memperakui bahawasanya doa adalah ibadah kepada Allah, kemudian kamu berdoa kepada Allah malam dan siang dalam ketakutan serta dalam mengharap pada apa yang dihajati, kemudian kamu berdoa untuk hajat yang sama kepada Nabi, Malaikat, dan orang-orang soleh di makamnya, bukankah kamu telah mempersekutukan Allah dalam ibadah ini?

Abdul Nabi: Ya aku bersetuju, dan kata-kata ini benar dan jelas.

Abdullah: Contoh yang lain, sekiranya kamu ketahui firman Allah (*subhānahu wata'āla*) dalam surah al-Kauthar 108:2: {Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu dan lakukanlah ibadah korban}. Kamu taati perintah ini dan kamu melakukan penyembelihan kerana Allah, adakah penyembelihanmu ini dikira sebagai ibadah kepada Allah atau tidak?

Abdul Nabi: Ya, ia adalah ibadah.

Abdullah: Sekiranya penyembelihan kerana makhluk seperti Nabi, jin atau selainnya, adakah kamu menyetujui perkara ini adalah ibadah untuk selain Allah?

Abdul Nabi: Ya, tanpa syak lagi ini adalah syirik.

Abdullah: Aku memberikan contoh doa dan sembelihan kerana doa adalah salah satu jenis ibadah utama dari sudut percakapan, dan sembelihan adalah jenis ibadah utama dari segi perbuatan. Tidaklah ibadah hanya terkhusus pada kedua-duannya, bahkan ianya lebih umum daripada itu. Termasuk padanya nazar, sumpah, meminta perlindungan, meminta pertolongan, dan lain-lain lagi. Akan tetapi orang Musyrikin yang diturunkan kepada mereka al-Quran, adakah mereka menyembah para malaikat, orang soleh, patung-patung, dan sebagainya?

Abdul Nabi: Ya, mereka melakukan begitu.

Abdullah: Bukankah ibadah mereka kepada yang berkenaan hanya pada doa, penyembelihan, minta perlindungan, minta pertolongan, dan berlindung? Jika tidak, mereka sebenarnya mengakui bahawa mereka adalah ciptaan Allah serta tertakluk di bawah

penguasaannya dan sesungguhnya Allah adalah yang mentadbir segala urusan, namun mereka menyeru yang berkenaan untuk darjat dan pertolongan (syafaat) di sisi Allah. Perkara ini sangat jelas.

Abdul Nabi: Adakah kamu ingkar dan berlepas diri -wahai Abdullah- terhadap syafaat Rasulullah (*sallallahu 'alaihi wa sallam*)?

Abdullah: Tidak, aku tidak mengingkari dan tidak pula menjauhinya. Bahkan demi sesungguhnya baginda adalah pemberi syafaat dan yang diterima syafaatnya, malah aku mengharapkan syafaatnya. Akan tetapi kesemua syafaat adalah milik Allah (*subhānahu wata'āla*), sepertimana firman Allah dalam surah az-Zumar: 44: {Katakanlah: syafaat itu hanya milik Allah semuanya}. Dan tak akan terjadi melainkan dengan izinNya. Sepertimana firman Allah (*subhānahu wata'āla*): {Tiada siapa yang dapat memberi syafaat di sisi Allah tanpa izinNya}. al-Baqarah 2:255. Dan tiada diterima syafaat kepada seseorang melainkan selepas diizinkan oleh Allah (*subhānahu wata'āla*). Firman Allah (*subhānahu wata'āla*) dalam surah al-Anbiya 21:28: {dan mereka tidak memberi syafaat kecuali kepada orang yang diredhai Allah}. Allah pula tidak redha melainkan tauhid kepadanya. Firman Allah (*subhānahu wata'āla*) dalam surah ali Imran 3:85: {Barangsiapa mencari agama selain agama islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan di akhirat kelak dia tergolong di kalangan orang yang rugi}. Apabila syafaat itu kesemuanya milik Allah, tidak akan terjadi syafaat tersebut melainkan dengan keizinanNya. Tiada syafaat Nabi (*sallallahu 'alaihi wa sallam*) dan tiada satu pun sehingga diberi keizinan oleh Allah. Malah Allah tidak mengizinkannya melainkan kepada orang yang mengesakanNya sahaja. Setelah nyata bahawa syafaat semuanya milik Allah, maka aku akan memohonnya dari Allah dengan berdoa; “Ya Allah, janganlah Kamu haramkan atasku syafaat Nabi-Mu. Ya Allah, kurniakan padaku syafaat Rasul-Mu”, dan seumpama denganya.

Abdul Nabi: Kita bersepakat bahawasanya tidak harus meminta dari seseorang sesuatu yang tidak dimilikinya. Nabi Muhammad (*sallallahu 'alaihi wa sallam*) telah Allah berikan padanya syafaat. Oleh itu, harus untuk kita meminta daripadanya apa yang telah dimilikinya dan tidak akan terjadi syirik ketika kita membuat permohonan kepadanya.

Abdullah: Ya, kata-kata ini benar kalaulah Allah tidak menghalang kamu dari itu, seperti firman Allah (*subhānahu wata'āla*): {Maka

janganlah kamu seru sesiapa pun bersama Allah}. [al-Jinn 72:18].

Memohon syafaat adalah doa, dan yang memberikan syafaat kepada Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa sallam}) adalah Allah (^{subhanahu}_{wata'ala}). Dan Dia jualah yang menghalangmu daripada memohon syafaat dari sesiapa pun selainNya. Dan syafaat juga diberikan kepada selain dari Nabi. Telah sahah malaikat juga boleh memberikan syafaat, anak-anak kecil yang mati sebelum baligh juga memberi syafaat, para wali juga bersyafaat. Maka kamu akan kata: “Bahawasanya Allah memberikan mereka syafaat, maka mohonlah kepada mereka”. Sekiranya kamu katakan sebegini, maka kembalilah kamu kepada penyembahan orang-orang soleh sepertimana yang telah disebutkan oleh Allah dalam kitabNya. Sekiranya kamu katakan: Tidak, terbatallah kata-katamu: “Allah memberikan syafaat dan aku memohon padanya dengan apa yang diberikan oleh Allah.

Abdul Nabi: Akan tetapi aku tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu, dan berlindung dengan para soleh bukanlah syirik.

Abdullah: Adakah kamu ketahui dan mengakui bahawa Allah mengharamkan syirik lebih besar berbanding zina, dan Allah tidak akan mengampuninya?

Abdul Nabi: Ya aku mengakuinya, dan ianya jelas di dalam kalam Allah (^{subhanahu}_{wata'ala}).

Abdullah: Sekarang kamu menafikan diri kamu perkara syirik yang telah diharamkan oleh Allah. Maka bolehkah kamu -demi Allah- terangkan kepadaku, apa itu syirik kepada Allah yang tidak terjadi ke atasmu dan kamu menafikannya.

Abdul Nabi: Syirik adalah perbuatan menyembah patung berhala iaitu bergantung kepadanya, meminta padanya, dan takut kepadanya.

Abdullah: Apakah yang dimaksudkan dengan menyembah patung berhala? Adakah kamu sangka bahawa orang kafir Quraish berpegang dan mempercayai dengan kayu-kayuan dan batu-batuan (yang mereka sembah) itu mencipta, memberi rezeki, dan mengawal segala urusan para penyembahnya? Mereka tidak beri'tiqad sebegini sepertimana yang kamu katakan.

Abdul Nabi: Aku juga tidak berpegang sebegini, bahkan sesiapa menuju kepada kayu, batu, dan binaan di atas kubur atau selain darinya kemudian berdoa kepadanya dan menyembelih untuknya, lalu mereka berkata: “Sesungguhnya ia mendekatkan kami

kepada Allah, dan Allah menolak keburukan dengan keberkatannya, maka inilah ibadah kepada patung berhala”.

Abdullah: Benarlah, tetapi inilah yang kamu lakukan pada batu-batuan, binaan, dan tugu di atas kubur dan sebagainya. Dan kamu katakan: “Syirik adalah menyembah patung berhala!” Adakah kamu ingin katakan sesungguhnya syirik itu khusus bagi sesiapa yang berbuat begitu sahaja? Adakah bergantung pada para solihin, dan berdoa kepada mereka tidak dikira sebagai syirik?

Abdul Nabi: Ya itulah apa yang ingin aku katakan.

Abdullah: Jadi dimanakah kamu dari ayat-ayat Allah yang menyebutkan tentang pengharaman bergantung kepada para Nabi dan para solihin, malaikat, serta jatuh kafir bagi sesiapa yang melakukannya seperti mana yang dinyatakan sebelum ini berserta dalilnya.

Abdul Nabi: Tetapi orang yang berdoa kepada para Nabi dan para malaikat tidak menjadi kafir disebabkan perkara ini, akan tetapi mereka menjadi kafir sekiranya berkata: “Bahawa malaikat adalah anak perempuan Allah, dan Isa AS adalah anak lelaki Allah”. Dan kami tidak katakan: “Abdul Qadir anak lelaki Allah” dan tidak juga: “Zainab anak perempuan Allah”.

Abdullah: Menisbahkan anak kepada Allah adalah kafir secara tersendiri. Firman Allah (^{subhānahu}_{wata’āla}) dalam surah al-Ikhlās: {Katakanlah dialah Allah yang Maha Esa. Allah tempat bergantung segala sesuatu. Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan. Dan tidak ada satu pun yang setara denganNya}. Sesiapa yang mengingkari ayat ini, maka dia telah kafir walaupun dia tidak mengingkari hingga ke akhir surah. Allah (^{subhānahu}_{wata’āla}) berfirman dalam surah al-Mu’minun: {Allah tidak sekali-kali mempunyai anak, dan tidak ada tuhan yang besertaNya, (kalaulah ada) nescaya masing-masing tuhan itu akan membawa makhluk yang diciptakannya, dan sebahagian mereka akan mengalahkan yang lain}. [23:91]. Maka Allah telah bezakan antara dua bentuk kekufuran itu, dan dalil yang menunjukkan dua perkara ini berbeza juga adalah; orang yang kafir dengan menyembah Al-Laata (patung lelaki soleh) tidak menjadikan dia anak lelaki Allah. Orang-orang yang kafir sebab beribadah kepada jin tidak juga menjadikan jin anak tuhan. Dalam empat mazhab juga menyebut dalam bab (hukum

murtad) iaitu, sesungguhnya orang Islam sekiranya mendakwa Allah mempunyai anak maka dia adalah murtad dan sekiranya mereka mensyirikkan Allah dia juga murtad. Maka mereka bezakan kepada dua jenis ini.

Abdul Nabi: Tetapi Allah (*subhānahu wata'āla*) berfirman dalam surah Yunus: {Ingatlah, wali-wali Allah itu, tidak ada rasa takut pada mereka. Dan mereka tidak bersedih hati}. [10:62].

Abdullah: Kita semua beriman ianya benar dan sesungguhnya kami juga berkata demikian tetapi kami tidak menyembahnya. Kami tidak mengingkari kecuali pada menyembah mereka bersama Allah dan menjadikan mereka sekutu Allah. Selainnya maka wajib ke atas kamu untuk mencintai dan mengikuti mereka, serta mengakui dengan karamah (kelebihan) mereka. Tiada yang mengingkari karamah para wali melainkan ahli bida'ah. Agama Allah di pertengahan antara dua pihak pelampau, petunjuk antara dua kesesatan dan kebenaran di antara dua kebatilan.

Abdul Nabi: Orang-orang yang turun pada mereka al-Quran, mereka tidak mengaku yang sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah dan mereka mendustakan Rasullullah (*sallāluhu 'alaihi wa sallam*) serta mengingkari hari kebangkitan. Selain itu mereka juga mendustakan al-Quran dan menjadikannya sebagai sihir. Kami pula mengaku bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Rasullullah (*sallāluhu 'alaihi wa sallam*) adalah pesuruh Allah. Kami mempercayai al-Quran dan kami beriman pada hari kebangkitan dan kami mendirikan solat serta berpuasa. Namun bagaimana kamu menjadikan kami seperti mereka?

Abdullah: Tidak ada perselisihan di antara para ulama, sesungguhnya seorang lelaki sekiranya mempercayai Rasul pada sesuatu dan mendustakannya pada sesuatu yang lain sesungguhnya dia telah kafir dan terkeluar dari Islam (murtad). Begitu juga sekiranya seseorang beriman kepada sebahagian al-Quran dan mengingkari sebahagian daripadanya seperti memperakui tauhid dan mengingkari solat serta mengingkari kewajipan zakat. Atau mereka memperakui semua itu kecuali kewajipan puasa, ataupun mereka memperakui semua itu dan mengingkari kewajipan haji - ketika zaman Rasullullah, sebahagian manusia tidak mempercayai kewajipan haji. Maka Allah (*subhānahu wata'āla*) berfirman dalam surah Ali

Imran: {dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah; iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya, dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk}. [3:97] - Sekiranya mengingkari hari kebangkitan pula, maka hukumnya adalah kafir mengikut pandangan ijmak ulama. Begitulah Allah terangkan di dalam kitabNya bahawa barangsiapa yang beriman dengan sebahagian dan kafir dengan sebahagian yang lain, maka dia telah kafir sebenar-benarnya. Allah juga memerintahkan agar mengambil Islam secara keseluruhan, dan barangsiapa yang mengambil sesuatu dan meninggalkan sesuatu, maka dia juga telah kafir. Oleh itu, adakah kamu memperakui seseorang yang beriman dengan sebahagiannya dan meninggalkan sebahagiannya adalah kafir? **Abdul Nabi:** Ya! Aku memperakui sedemikian dan ia adalah jelas dalam al-Quran.

Abdullah: Sekiranya kau memperakui sesiapa yang beriman kepada rasul pada sesuatu namun mengingkari kewajipan solat, ataupun memperakui kesemuanya kecuali hari kebangkitan, maka dia adalah kafir menurut pandangan ijmak ulama, sedangkan al-Quran juga telah menyebut seperti mana yang diterangkan sebelum ini, maka ketahuilah bahawa tauhid adalah kewajipan paling agung yang dibawa oleh Nabi dan ianya adalah lebih besar dari zakat, solat dan haji. Maka bagaimana sekiranya manusia yang mengingkari sesuatu dari perkara berkenaan boleh jadi kafir walaupun dia melakukan semua amalan lain namun apabila mengingkari tauhid yang merupakan agama para rasul dia tidak jadi kafir?! Subhanallah! Alangkah peliknya kejahilan ini? Perhatikan pada sahabat Nabi ketika memerangi bani Hanifah di peperangan Yamamah, mereka (Bani Hanifah) telah Islam bersama Nabi dan mengakui bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasullullah, mereka solat serta melaungkan azan.

Abdul Nabi: Akan tetapi mereka memperakui bahawa Musailamah sebagai Nabi dan kami mengatakan tiada nabi selepas Nabi Muhammad (^{sallallahu} ^{'alaihi} ^{sallam}).

Abdullah: Akan tetapi kamu malah mengangkat orang yang soleh, Nabi, malaikat, sahabat atau selain mereka setinggi martabatnya

Penguasa langit dan bumi. Sekiranya seseorang mengangkat martabat seorang lelaki setinggi martabat Nabi lalu dia kafir dan halal hartanya serta darahnya bahkan tidak bermanfaat baginya dua kalimah syahadah serta solatnya, lalu bagaimana dengan mereka yang memartabatkan seseorang sama seperti Tuhan. Begitu juga mereka yang dibakar oleh Ali (^{radhiyallahu}_{'anhu}) dalam api, mereka adalah orang Islam dan mereka juga adalah pengikut beliau akan tetapi mereka beriktikad pada Ali (^{radhiyallahu}_{'anhu}) seperti kepercayaan kamu pada Abdul Qadir dan yang lain-lain. Lantas bagaimana para sahabat bersepakat (ijmak) pada membunuh dan mengkafirkan mereka? Adakah kamu menyangka sahabat-sahabat mengkafirkan sesama Islam? Adakah kamu menyangka iktiqad kamu pada *Sayyid* (orang soleh) tidak memudaratkan? Sedang beriktiqad sebegitu pada Ali (^{radhiyallahu}_{'anhu}) hukumnya kafir? **Dan dikatakan juga:** Jika orang-orang dahulu (musyrikin) tidak kafir kecuali sebab mereka mengumpulkan di antara syirik, mendustakan rasul, al-Quran serta mengingkari hari qiamat, maka apakah makna yang disebutkan oleh para ulama dalam setiap mazhab dalam (bab hukum murtad): Seorang muslim yang menjadi kafir setelah kelislamannya. Kemudian mereka menyebut banyak perkara dan setiap perkara itu boleh mengeluarkan seseorang itu dari Islam. Sehingga mereka menyebut perkara yang remeh pada pelakunya seperti satu perkataan yang dimurkai Allah disebutnya secara lisan tanpa di dalam hatinya atau disebut secara bergurau senda dan bermain-main. Demikian Allah telah berfirman dalam surah at-Taubah: {**Katakanlah: Patutkah nama Allah dan ayat-ayatNya serta RasulNya kamu memperolok-olok dan mengejeknya? Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu beriman}. [9:65-66].** Orang-orang yang dijelaskan oleh Allah bahawa telah kafir selepas beriman; mereka bersama Nabi di dalam perang Tabuk, namun mereka telah berkata satu kalimah (kufur) secara lawak atau bergurau.

Dikatakan juga: Apa yang diceritakan oleh Allah tentang bani Israel pada ketika mereka Islam, berilmu dan soleh lantas mereka berkata pada Nabi Musa (^{alaihissalam}): “Jadikanlah untuk kami satu tuhan” dibandingkan dengan perkataan beberapa sahabat yang

baru masuk Islam kepada Nabi: “Jadikan bagi kami pokok pujaan sebagaimana mereka (orang Jahiliyyah) ada pokok pujaan”, lalu Nabi bersumpah bahawa sesungguhnya kata-kata ini sama dengan perkataan bani Israel: “**Jadikanlah untuk kami satu tuhan sebagaimana tuhan-tuhan mereka**”.

Abdul Nabi: Akan tetapi bani Israel dan mereka yang meminta dengan Nabi (^{sallallahu} 'alaihi ^{wa} 'sallam) agar dijadikan untuk mereka pokok pujaan tidak pula menjadi kafir dengan perkara itu.

Abdullah: Jawapannya adalah, sesungguhnya Bani Israel dan mereka yang bertanya pada Rasulullah tidak melakukannya. Jika mereka melakukan perkara tersebut nescaya mereka menjadi kafir. Kalaulah mereka tidak taat kepada Nabi dan mereka memuja pokok setelah dilarang oleh Nabi nescaya mereka menjadi kafir.

Abdul Nabi: Tetapi padaku ada kemusykilan yang lain, seperti kisah Usamah bin Zaid (^{radiyallahu} 'anhu) ketika dia membunuh seseorang yang telah berkata: *La ilaha illa Allah*. Lalu Rasulullah tidak bersetuju akan perbuatannya dan baginda berkata kepadanya: “**Wahai Usamah, adakah kamu telah membunuhnya selepas dia mengucapkan *La ilaha illa Allah*?**” (H.R Bukhari). Demikian juga sabda baginda: “**Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka berkata: “Tiada tuhan selain Allah”.** (H.R Muslim). Maka, bagaimana aku hendak menggabungkan antara apa yang telah kamu katakan tadi dengan kedua-dua situasi ini? Bimbinglah aku nescaya Allah akan membimbingmu.

Abdullah: Seperti yang diketahui, Rasulullah (^{sallallahu} 'alaihi ^{wa} 'sallam) memerangi kaum yahudi dan menawan mereka padahal mereka berkata: “tiada tuhan selain Allah”. Kemudian para sahabat Nabi telah memerangi bani Hanifah dalam keadaan mereka bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah serta mereka menunaikan solat. Demikian juga mereka yang telah dibakar oleh Ali (^{radiyallahu} 'anhu) Kamu telah mengakui bahawa sesiapa yang mengingkari Hari Kebangkitan maka dia kafir dan halal dibunuh walaupun dia berkata: *La ilaha illa Allah* dan sesiapa yang menidakkan salah satu dari rukun-rukun Islam maka dia juga telah kafir. Dia dihukum bunuh meskipun dia mengucapkan kalimah syahadah. Jadi, bagaimana ketika kalimah syahadah tidak bermanfaat baginya di kala dia mengingkari

sesuatu dari cabang agama, tiba-tiba ia menjadi bermanfaat di kala kamu mengingkari asas kepada agama iaitu tauhid?! Boleh jadi kamu tidak faham akan makna sebenar hadis ini.

Adapun Hadis Usamah: Sesungguhnya dia telah membunuh seorang lelaki yang mengaku Islam. Usamah menyangka bahawa lelaki itu mengucapkan syahadah kerana perasaan takut dan risau akan kehilangan nyawa dan hartanya. Seorang lelaki yang menzahirkan kelslamannya tidak boleh dibunuh sehingga nyata sesuatu yang menyanggahnya. Allah berfirman: **“Wahai orang yang beriman apabila kamu berjuang di jalan Allah maka selidiklah dan pastikanlah terlebih dahulu”**. Ayat ini menunjukkan bahawa wajib seseorang itu untuk menahan diri daripada membunuh dan hendaklah dia mengambil kepastian terlebih dahulu. Namun sekiranya jelas dan nyata bahawa seseorang menentang Islam, maka dia harus dibunuh atas dasar firman Allah: **“maka selidiklah”**. Kerana sekiranya dia tidak boleh dibunuh semata-mata kerana mengucapkan syahadah, nescaya tiada faedah dari perintah **“maka selidiklah”**.

Seperti juga hadis yang kedua bermaksud: sesiapa yang mengatakan tauhid dan Islam maka wajib ditahan dari dibunuh kecuali nyata darinya sesuatu yang menyanggahi perkataannya. Dalilnya adalah, Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) yang mengatakan: **“Adakah kamu telah membunuhnya selepas dia berkata: tiada Tuhan melainkan Allah”**. (H.R Bukhari). Juga yang mengatakan: **“Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka berkata: tiada Tuhan selain Allah”**. (H.R Muslim). Bagindalah juga yang bersabda berkenaan kaum khawarij: **“Di mana saja kalian bertemu mereka maka bunuhlah mereka”**. (H.R. Bukhari). Walhal Khawarij merupakan segolongan manusia yang banyak melakukan ibadah dan mengucapkan kalimah syahadah, sehingga para sahabat berasa rendah diri apabila melihat mereka beribadah. Mereka belajar sesuatu ilmu daripada para sahabat, namun kalimah syahadah, ibadah yang banyak dan dakwaan Islam mereka tidak menghalang para Sahabat memerangi mereka setelah zahir pada mereka apa yang bertentangan dengan syariat.

Abdul Nabi: Apa yang kamu katakan tentang sabda Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): **“Sesungguhnya pada hari Kiamat akan berpusu-pusu**

manusia meminta pertolongan Nabi Adam, kemudian Nuh (^{'alaihissalam}), kemudian pada Musa (^{'alaihissalam}), kemudian Isa (^{'alaihissalam}), maka mereka semua tidak mampu untuk menolong sehingga terakhirnya mereka meminta syafaat dari Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi wa sallam}). Ini menunjukkan bahawa meminta pertolongan selain Allah bukanlah syirik.

Abdullah: Kamu keliru hakikat sebenar masalah tersebut. Kami tidak mengingkari minta pertolongan dengan makhluk yang hidup, hadir dan mengikut kemampuan makhluk tersebut sebagaimana firman Allah (^{subhānahu wata'ālā}) dalam kisah Nabi Musa (^{'alaihissalam}): {Maka orang yang dari golongannya meminta tolong kepadanya melawan orang yang dari pihak musuhnya}. al-Qasas. [28:15]. Begitu juga seseorang insan meminta pertolongan dari sahabatnya di dalam medan perang dan selain darinya mengikut apa yang termampu. Namun, kita mengingkari pertolongan di dalam ibadah seperti melakukannya di kubur-kubur para wali atau ketika mereka tiada, pada sesuatu yang tidak ada kuasa padanya melainkan Allah. Manusia akan berpusu-pusu kepada para Nabi pada Hari Akhirat, mereka ingin para Nabi berdoa kepada Allah supaya menghisab manusia sehingga ahli syurga boleh berehat dari kesengsaraan padang Mahsyar. Ini dibolehkan di dunia dan akhirat sepertimana datangnya seorang lelaki soleh lalu dia duduk di sebelahmu dan dia mendengar kata-katamu, seterusnya kamu berkata: Berdoalah kepada Allah untukku, sebagaimana para sahabat Nabi (^{sallallahu 'alaihi wa sallam}) meminta kepada baginda semasa hidupnya. Namun selepas kematiannya, para sahabat tidak lagi meminta kepada baginda. Bahkan para ulama salaf menolak cara sesiapa yang meminta pertolongan kepada Allah melalui doa di tempat kubur.

Abdul Nabi: Apa yang kau katakan di dalam kisah Nabi Ibrahim ketika dia dicampakkan ke dalam api, lalu Jibril datang kepadanya sewaktu dia di udara lantas berkata: “Adakah kamu mempunyai hajat?”. Maka Nabi Ibrahim (^{'alaihissalam}) menjawab: “Adapun pada kamu maka tidak”. Jika meminta pertolongan kepada Jibril ini adalah syirik maka pasti dia takkan tawarkan pada Nabi Ibrahim (^{'alaihissalam})!

Abdullah: Ini adalah satu keraguan sejenis kesamaran tadi. Kisah itu tidak sah. Seandainya sah sekali pun, maka sesungguhnya

Jibril (^{'alaihissalam}) telah menawarkan sesuatu yang ada dalam kemampuannya. Allah berfirman: {Wahyu itu (disampaikan dan) diajarkan kepadanya oleh (malaikat jibril) yang amat kuat gagah}. an-Najm: 53:5. Sekiranya Allah mengizinkannya untuk mengambil api dari Ibrahim dan apa yang berada di sekitarnya dari gunung dan tanah kemudian mencampakkannya ke arah timur atau barat nescaya dia mampu melakukannya. Ini seperti seorang lelaki yang kaya menawarkan kepada seseorang yang memerlukan untuk memberinya pinjaman harta bagi membantunya. Tetapi orang itu menolak dan dia sabar sehinggalah Allah mendatangkan rezeki padanya tanpa bantuan sesiapa pun. Oleh itu, dimanakah perkara ini jika dibandingkan apa yang dikatakan meminta pertolongan melalui ibadah dan syirik yang kamu lakukan sekarang?

Ketahuiilah saudaraku, orang-orang terdahulu yang diutuskan Nabi Muhammad (^{sallallahu} ^{'alaihi} ^{sallam} ^{wa}) **kepada mereka lebih ringan syiriknya daripada mereka di zaman kita sekarang ini kerana tiga perkara:** **Pertama:** Sesungguhnya orang-orang yang terdahulu tidak mensyirikkan Allah dengan yang lain kecuali ketika dalam keadaan senang. Namun ketika di dalam kesusahan, mereka mengikhhlaskan agama untuk Allah (^{subhānahu} ^{wata'ala}). Allah berfirman: {Apabila mereka menaiki bahtera (lalu menemui sesuatu bahaya di laut), mereka memohon pertolongan kepada Allah dengan doa yang tulus ikhlas kepadaNya. Kemudian setelah Allah menyelamatkan mereka (naik) ke darat, mereka berlaku syirik kepadaNya}. Al-Ankabut 29:65. **Selain itu, firman Allah** (^{subhānahu} ^{wata'ala}): {Dan apabila mereka dirempuh serta diliputi oleh ombak yang besar seperti kelompok-kelompok awan yang menyerkup, pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhhlaskan kepercayaan mereka kepadaNya semata-mata. Kemudian bila sahaja Allah menyelamatkan mereka ke darat maka sebahagian sahaja di antara mereka yang bersikap adil (lalu bersyukur kepada Allah serta mengesakanNya) dan sememangnya tiada yang mengingkari bukti-bukti kemurahan Kami melainkan tiap-tiap orang yang bersifat khianat, lagi amat tidak mengenang budi}. Luqman 31:32. Orang-orang musyrikin yang diperangi oleh Nabi (^{sallallahu} ^{'alaihi} ^{sallam} ^{wa}), mereka berdoa kepada Allah dan berdoa kepada selainnya ketika

senang. Apabila mereka di dalam kesusahan mereka tidak berdoa kepada sesiapa melainkan kepada Allah yang Maha Esa, dan mereka melupakan ketua-ketua mereka. Namun orang-orang musyrikin pada zaman kita ini, mereka berdoa selain dari Allah ketika senang dan susah. Apabila salah seorang dari mereka berada dalam kesempitan maka dia berkata: Wahai Rasulullah, Wahai Hussain dan yang lain-lain. Di manakah mereka yang memahami mengenai perkara itu?

Kedua: Sesungguhnya orang-orang yang terdahulu menyeru bersama Allah, orang-orang yang dekat kepada Allah sama ada Nabi, wali atau malaikat. Paling kurang batu atau pokok yang taat kepada Allah dan tidak berbuat maksiat. Namun, pada zaman sekarang ini mereka berdoa kepada Allah melalui jalan orang-orang yang paling fasik. Sungguh mereka yang percaya pada orang soleh dan yang tidak melakukan sebarang maksiat pada Allah seperti batu dan kayu lebih ringan berbanding mereka yang mempercayai golongan yang fasik dan sentiasa membuat kerosakan.

Ketiga: Orang musyrikin pada zaman Nabi (ﷺ) secara umumnya hanya syirik di dalam tauhid Uluhiyah dan bukan pada tauhid Rububiyah, berbeza dengan syirik golongan akhir-akhir ini. Banyak berlaku kesyirikan pada tauhid Rububiyah sepertimana yang berlaku pada Uluhiyah dan sebagainya. Mereka menjadikan alam semulajadi inilah yang berkuasa dalam menghidupkan, mematikan dan sebagainya.

Aku habiskan kata-kataku ini dengan menyebut masalah yang besar dan dapat kamu fahami berdasarkan apa yang kita bincangkan tadi iaitu sesungguhnya tiada khilaf bahawa tauhid itu kepercayaan dengan hati, perkataan dengan lisan serta perbuatan dengan anggota. Jika hilang salah satu daripadanya, maka seseorang itu tidak akan dipanggil sebagai muslim. Oleh itu, sekiranya seseorang mengetahui tauhid dan tidak mengamalkannya maka dia adalah kafir yang degil seperti Firaun dan Iblis.

Ramai manusia berbuat silap dalam perkara ini dan mereka berkata *“Ini adalah benar, tetapi kita tidak berkuasa melakukannya.* Ianya tidak sesuai bagi penduduk negeri ini dan kami tidak boleh menyelisihinya kerana kami takut dan risau dari kejahatan mereka. Kasihan orang-orang sebegini kerana mereka tidak

mengetahui bahawa kebanyakan pemimpin yang kafir itu mengetahui akan kebenaran namun mereka meninggalkannya dengan pelbagai alasan yang dikemukakan.

Seperti firman Allah: *{Mereka menukarkan ayat-ayat Allah dengan harga yang sedikit (dari faedah-faedah dunia), lalu mereka menghalangi (dirinya dan orang-orang lain) dari agama Allah; sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah kerjakan}*. At-Taubah 9:9.

Sesiapa yang beramal dengan tauhid secara zahir tetapi dia tidak memahaminya dan tidak meyakinkannya di dalam hati, maka dia adalah munafik dan itu lebih jahat dari kafir yang sebenar, seperti firman Allah: *{Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terbawah sekali dari (lapisan-lapisan) Neraka}*. An-Nisaa 4:145.

Sekiranya kamu meneliti percakapan manusia, kamu akan melihat orang yang mengetahui kebenaran dan meninggalkannya kerana takut kehilangan dunianya seperti Qarun, atau kerana takut hilang pengaruhnya seperti Haman, ataupun kerana takut hilang kekuasaannya seperti Firaun. Kamu juga akan melihat orang yang beramal dengan kebenaran secara zahir tetapi tidak secara batin seperti orang munafiq. Apabila kamu bertanya tentang apa yang dia percaya di dalam hatinya maka dia sebenarnya tidak mengetahui tentang itu.

Hendaklah kamu memahami dua ayat dari Kitab Allah ^(subhānahu wata'āla):

AYAT PERTAMA: Allah ^(subhānahu wata'āla) berfirman: *{Janganlah kamu berdalih kerana sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu beriman}*. At-Tawbah, 9:66. Apabila kamu mengetahui bahawa terdapat sebahagian mereka yang memerangi Rom bersama Rasulullah ^(sallāllāhu 'alaihi wa sallam) telah menjadi kufur disebabkan perkataan yang telah mereka katakan dalam keadaan bermain dan bergurau, maka jelaslah bagimu bahawa orang yang mengatakan perkataan kufur atau melakukannya kerana takut kehilangan harta, pangkat dan kekuasaan adalah lebih teruk dari itu. Kerana kebiasaannya orang yang bergurau tidak meletakkan dalam hatinya apa yang dikatakannya. Hanya sekadar untuk membuat orang ketawa. Namun, orang yang mengatakan kekufuran atau beramal dengannya dalam keadaan takut atau mengharapkan

sesuatu pada makhluk, mereka sebenarnya telah: **membenarkan janji-janji syaitan**; Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) berfirman: {Syaitan itu menjanjikan (menakut-nakutkan) kamu dengan kemiskinan dan kepapaan (jika kamu bersedekah atau menderma) dan ia menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji (bersifat bakhil kedekut)}. Al-Baqarah, 2:268, **takut dengan ancaman syaitan**; Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) berfirman: {Sesungguhnya yang demikian itu ialah syaitan yang (bertujuan) menakut-nakutkan (kamu terhadap) pengikut-pengikutnya (kaum kafir musyrik)}. Ali Imran, 3:175, **malah tidak membenarkan Ar-Rahman (Allah) dengan janji-janjinya**; Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) berfirman: {Sedangkan Allah menjanjikan kamu (dengan) keampunan daripadaNya serta kelebihan kurniaNya}. Al-Baqarah, 2: 268, dan **tidak takut dengan ancaman Al Jabbar (Allah)**; Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) berfirman: {Oleh itu janganlah kamu takut kepada mereka tetapi takutlah kepadaKu (janganlah cuaikan perintahKu) jika kamu betul-betul orang yang beriman}. Ali Imran, 3:175. Maka dalam keadaan ini, adakah dia berhak menjadi sebahagian daripada pengikut Ar-Rahman atau sebahagian daripada pengikut Syaitan?

AYAT KEDUA: Firman Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}):

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مِنْ أَكْرَهٍ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ
صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: {Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedangkan hatinya tenang tenteram dengan iman, akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur, maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah dan mereka pula beroleh azab yang besar}. An-Nahl, 16:106.

Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) tidak akan memberi keuzuran kecuali orang yang dipaksa sedang hatinya tenang tenteram dengan iman. Adapun selain dari mereka, maka hukumnya kufur sama ada melakukan kekufuran kerana takut, mengharapkan sesuatu, cintakan negara, cintakan keluarganya atau hartanya, perbuatannya dalam bentuk gurauan atau lain-lain kecuali orang yang dipaksa. Sesungguhnya ayat ini menunjukkan bahawa manusia tidak akan dipaksa melainkan pada kata-kata dan perbuatan. Sebaliknya tiada paksaan dalam pegangan hati. Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) berfirman:

{(Kekufuran mereka) yang sedemikian, ialah kerana mereka lebih mengutamakan kehidupan dunia dari hari akhirat, dan kerana Allah tidak memberi hidayah petunjuk yang menyampaikan kaum yang kufur ingkar (kepada kebahagiaan di akhirat)}. An-Nahl, 16:107.

Maka jelas dalam ayat ini, sesungguhnya azab berkenaan tidak berlaku disebabkan pegangan, kejahilan, kebencian pada agama dan cintakan kekufuran. Sebaliknya kerana cinta sebahagian dari dunia lalu ia memberi kesan kepada agama. Wallahu A'lam

Dan selepas semua ini, adakah belum sampai lagi waktu untuk kau bertaubat kepada Tuhan dan kembali kepadaNya serta meninggalkan keingkaran kepada Allah? Maka sesungguhnya perkara ini seperti mana yang kamu telah dengar, ia sangatlah bahaya, juga masalah dan musibah yang besar.

Abdul Nabi: Aku memohon ampun pada Allah dan aku bertaubat kepadaNya. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Sesungguhnya aku mengkufuri setiap apa yang aku telah sembah selain Allah sebelum ini. Aku memohon pada Allah memberi keuzuran padaku dengan apa yang berlaku sebelum ini, mengasihani aku, memperlakukan aku dengan kelembutanNya, keampunanNya dan rahmatNya serta menetapkan diriku pada Tauhid dan pegangan yang betul sehingga aku bertemuNya. Aku memohon kepadaNya agar memberi balasan kepadamu dengan kebaikan -wahai Abdullah- atas nasihat ini. Sesungguhnya agama itu nasihat. Terima kasih kerana menegur namaku Abdul Nabi. Dengan ini aku menukar namaku kepada Abdul Rahman dan terima kasih juga menegur kemungkarannya di hatiku iaitu pegangan salah dan sesat yang seandainya aku bertemu dengan Allah dengan kepercayaan berkenaan nescaya aku tidak selamat. Permintaan terakhir dariku, bolehkah kamu sebutkan padaku sebahagian kemungkarannya yang banyak manusia keliru pada ketika ini.

Abdullah: Tiada masalah, dengarkan nasihatku.

❖ **Janganlah syiarmu dalam perkara yang diperselisihkan,** mengikut sesuatu yang menyelisihi al-Quran dan Sunnah; kerana ingin menimbulkan fitnah dan mencari-cari takwilan (yang kamu sukai), padahal hakikatnya tidak seorang pun yang mengetahui takwilannya melainkan Allah (*subhānahu wata'āla*). Jadikan syiarmu adalah

syiar orang yang tetap teguh dalam ilmu pengetahuan. Mereka mengatakan pada ayat mutasyabihat dan perkara yang diperselisihkan: {Kami beriman dengannya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami}. Ali Imran, 3:7. Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Tinggalkan apa yang meragukanmu kepada apa yang tidak meragukanmu”. (H.R Ahmad dan Tirmizi). Nabi bersabda lagi: “Maka barangsiapa menjaga dirinya dari melakukan perkara yang meragukan (syubhah), maka selamatlah agama dan harga dirinya, tetapi siapa yang terjatuh dalam perkara syubhat maka dia terjatuh kepada keharaman”. (Muttafaqun Alaihi).

Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Dosa ialah perbuatan atau tindakan yang menyesakkan dada, dan engkau sendiri benci jika perbuatanmu itu diketahui orang lain”. (H.R Muslim).

Sabda baginda lagi: “Mintalah fatwa dari hatimu. Kebajikan itu ialah suatu perkara yang diri dan hati merasa tenang tenteram terhadapnya, dan dosa itu ialah suatu perkara yang mencari jiwamu dan teragak-agak di hati. Sekalipun ada orang yang memberikan fatwa kepadamu”. (H.R Ahmad).

✿ Jauhkan diri kamu dari mengikut nafsu. Allah telah memberi peringatan dan amaran dalam firmanNya: {Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya: tuhan yang dipuja lagi ditaati?}. Al-Furqan, 25:43.

✿ Jauhkan diri kamu dari taksuf kepada individu, pandangan atau amalan turun temurun. Kerana sifat taksuf boleh menghalang kamu dari kebenaran. Sedangkan kebenaran itu harta yang dicari orang mukmin; di mana sahaja dia mendapati kebenaran, dialah yang paling berhak untuk mengikutinya. Allah berfirman: {Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Ikutilah apa yang telah diturunkan Allah," mereka menjawab: "(Tidak), tetapi kami hanya mengikuti apa yang telah kami dapati dari (perbuatan) nenek moyang kami". "Bagaimana sekiranya nenek moyang mereka itu tidak mengetahui suatu apa pun, dan tidak mendapat petunjuk?"}. Al-Baqarah 2:70.

✿ Jauhkan diri kamu dari perkara yang menyerupai orang kafir kerana ia adalah ketua segala bala. Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Siapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia termasuk dari

kaum tersebut”. (H.R Abu Daud).

✿ Jauhkan diri kamu dari bertawakal kepada selain Allah: Allah (subhānahu wata'āla) berfirman dalam surah At-Talak, 65:3: {Sesiapa yang bertawakal kepada Allah, maka cukuplah Allah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya)}.

✿ Janganlah mentaati perintah makhluk dalam melakukan maksiat kepada Allah. Rasulullah (sallallāhu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Janganlah taat pada makhluk dalam perkara maksiat”. (H.R Tarmizi).

✿ Jauhi dari bersangka buruk dengan Allah. Allah (subhānahu wata'āla) berfirman dalam hadis Qudsi: “Aku sebagaimana sangkaan hambaKu terhadapKu”. (Muttafaquon Alaihi).

✿ Jauhilah kamu dari memakai gelang atau benang atau selainnya untuk menolak bala; sebelum atau setelah berlakunya bala.

✿ Jauhilah kamu dari bergantung pada azimat untuk menghindarkan penyakit ‘ain’, ia adalah syirik. Rasulullah (sallallāhu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Siapa yang menggantung sesuatu (azimat), maka diserahkan urusannya (Allah tidak menjaganya)”. (H.R Tarmizi).

✿ Jauhilah kamu daripada mengambil berkat/restu dari batu-batu, pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan kerana ia adalah syirik.

✿ Jauhilah kamu dari amalan tatayyur/tasyaum (mempercayai sesuatu yang mendatangkan kesialan) kerana ia merupakan syirik. Rasulullah (sallallāhu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Percaya kepada sial itu syirik, percaya kepada sial itu syirik, percaya kepada sial itu syirik”. (H.R Abu Daud).

✿ Jauhilah kamu dari mempercayai ahli sihir dan ahli nujum yang mendakwa ilmu ghaib, menyatakan bintang-bintang dalam lembaran, kebahagiaan dan nasib seseorang, mempercayainya adalah syirik, kerana tidak ada sesiapaupun yang tahu ilmu ghaib kecuali Allah.

✿ Janganlah kamu menisbahkan turunnya hujan disebabkan bintang dan musim, ia adalah syirik dan perlu dinisbahkan hanya kepada Allah.

✿ Hati-hati dari bersumpah selain dari nama Allah, bersumpah dengan selain dari Allah adalah syirik. Sabda Nabi (sallallāhu 'alaihi wa sallam): “Sesiapa yang bersumpah dengan selain Allah adalah kufur”. (H.R Ahmad). Ia seperti bersumpah dengan nama Nabi, amanah, maruah, perlindungan ataupun dengan kehidupan.

❖ **Janganlah mencaci masa**, mencerca angin, matahari, cuaca dingin atau panas; kerana ia seperti mencerca Allah yang menciptakan itu semua.

❖ **Jangan menyebut perkataan ‘kalaulah’ apabila ditimpa sesuatu yang dibenci**; perkataan ini akan membuka pintu amalan syaitan, seolah-olah kita menentang takdir Allah. Sebaliknya katakanlah: Allah sudah takdirkan, apa yang Dia kehendaki pasti Dia lakukan.

❖ **Hati-hati dari jadikan kubur sebagai masjid**. Janganlah solat di masjid yang di dalamnya terdapat kubur kerana berdasarkan hadis dari Aisyah r.ha ketika mana Nabi dalam keadaan sakaratulmaut, Nabi bersabda: **“Allah melaknat yahudi dan nasrani yang menjadikan kubur nabi-nabi mereka sebagai rumah ibadat mereka”**, (Nabi (^{sallallahu}_{wa} ^{'alaihi}_{sallam})) memberi peringatan tentang amalan mereka. Kata Aisyah: Kalau bukan kerana sabdaan baginda itu, nescaya aku pindahkan kubur baginda (dari dalam rumahnya). Kata Nabi lagi: **“Orang-orang sebelum kamu telah menjadikan kubur para Nabi mereka dan orang-orang soleh sebagai masjid. Maka janganlah kamu menjadikan kubur sebagai masjid. Sesungguhnya aku melarang kamu dari perkara tersebut”**. (H.R Abu Awanah).

❖ **Janganlah kamu percaya kepada hadis palsu yang dinisbahkan oleh para pendusta kepada Nabi** dalam menggalakkan tawassul dengan baginda atau dengan orang soleh daripada umatnya. Ia adalah rekaan dan dusta ke atas baginda. Diantaranya ialah: **“Bertawassullah kalian dengan kedudukanku, sesungguhnya kedudukanku di sisi Allah sangat agung”**. Hadis palsu yang lain adalah: **“Apabila kamu terbelit suatu urusan, maka hendaklah engkau berdoa dengan ahli kubur”**. **Di antaranya**: **“Sesungguhnya Allah telah mewakilkan satu malaikat di kubur setiap wali yang akan menunaikan hajat dan keperluan manusia”**. Antara lain adalah: **“Seandainya kamu berbaik sangka pada seketul batu, maka pasti batu itu akan mampu mendatangkan manfaat kepada kamu”**, dan banyak lagi.

❖ **Jauhilah dari menyambut perayaan agama** seperti maulid Nabi, israk mikraj dan selainnya, kerana peristiwa tersebut tidak mempunyai dalil yang dikaitkan ke atasnya dan tidak pernah dilakukan oleh para sahabat yang lebih mencintai Nabi berbanding kita. Kalaulah perkara itu baik nescaya mereka lakukannya lebih dahulu daripada kita.

KALIMAH SYAHADAH: لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Kalimah ini merangkumi dua rukun:

Pertama (لا إِلَهَ) iaitu menafikan hakikat ketuhanan selain Allah.

Kedua (إِلَّا اللَّهُ) iaitu menetapkan hakikat ketuhanan untukNya yang Maha Esa. Firman Allah (^{subhānahu} ^{wata'ala}) dalam surah az-Zukhruf: 26-27:

﴿وَأَذَّ قَالَ ابْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ إِنَّنِي بَرَاءٌ مِّمَّا تَعْبُدُونَ ﴿٢٦﴾ إِلَّا الَّذِي فَطَرَنِي فَإِنَّهُ سَيَهْدِينِ ﴿٢٧﴾﴾

{Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Ibrahim berkata kepada bapanya dan kaumnya: Sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu sembah; Yang lain dari Tuhan yang menciptakan daku, kerana sesungguhnya Dia tetap memberi hidayat petunjuk kepadaku}.

Tidak cukup dengan sekadar beribadah kepada Allah, bahkan ia hendaklah dipastikan hanya kepada Allah semata-mata. Tidak sah tauhid kecuali dengan menghimpunkan antara mengesakan Allah dengan tauhid dan berlepas diri dari syirik serta ahlinya. Diriwayatkan dalam atsar: kunci syurga ialah ‘la ilaha illa Allah’.

Maka, adakah setiap orang yang mengucapkannya layak dibuka untuknya pintu syurga? Wahab bin Munabbih telah ditanya: “Adakah kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ merupakan kunci syurga? Jawabnya: Ya, namun setiap kunci itu pasti ada giginya. Jika engkau datang membawa kunci yang memiliki gigi, maka ia akan terbuka. Namun jika giginya tiada, maka ia tidak akan terbuka”.

Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi} ^{wa} ^{sallam}) telah bersabda dalam beberapa hadis di mana keseluruhan hadis-hadis ini menerangkan gigi-gigi kunci tersebut. Sabda baginda (^{sallallahu 'alaihi} ^{wa} ^{sallam}): “Sesiapa yang mengucapkan ‘la ilaha illa Allah’ dengan penuh keikhlasan”, “dengan penuh keyakinan di dalam hatinya...”, “benar-benar dari hatinya...” dan lain-lain, di mana hadis-hadis ini menyatakan sifat masuk syurga dengan kalimah syahadah bergantung kepada mengetahui maknanya, tetap di atasnya sampai mati, tunduk kepada tuntutananya dan sebagainya. Setelah dihimpunkan dalil-dalil, para ulama telah mengeluarkan syarat-syarat yang mesti dipenuhi -tanpa ada faktor yang menghalangnya- sehingga kalimah ‘La ilaha illa Allah’ menjadi kunci syurga yang memberi manfaat kepada orang yang mengucapkannya. Inilah syarat-syarat yang merupakan ‘gigi-gigi’ kunci syurga tersebut:

① **ILMU:** Setiap kalimah mempunyai makna. Maka wajib

seseorang mengetahui makna kalimah ‘la ilaha illallah’. Ia merupakan penafian hak disembah (uluhiyyah) kepada selain Allah dan ditetapkan ketuhanan untuknya. Bermakna: Tiada tuhan yang berhak disembah selain Allah, firman Allah dalam surah Az-Zukhruf: 86 ﴿إِلَّا مَنْ شَهِدَ بِالْحَقِّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ﴾

Yang bermaksud: {sesiapa yang mengetahui hak (tauhid), maka mereka merupakan golongan yang tahu}. Sabda Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam): “Sesiapa yang mati dalam keadaan dia mengetahui tiada Tuhan selain Allah, syurgalah tempat baginya”. (H.R Muslim).

② **YAKIN:** Hendaklah seseorang itu yakin dan teguh dengan maksudnya, kerana tidak diterima kalimah jika syak ataupun ragu-ragu; tidak juga sangsi malah wajib melakukannya dengan keyakinan yang sebenar-benarnya serta pasti dan jelas. Allah menyifatkan orang beriman seperti dalam firmannya dalam surah Al-Hujurat: 15:

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ﴾

Maksudnya: {Orang mukmin itu ialah yang beriman kepada Allah dan rasulNya, kemudian tidak sangsi, serta berjihad dengan harta dan diri mereka di jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar}. Tidak cukup sekadar pada lafaznya sahaja, malah perlu yakin dengan hati. Sekiranya tiada keyakinan di dalam hati maka itulah dia munafik sejati. Sabda Nabi (sallallahu 'alaihi wa sallam) “Aku bersaksi tiada Tuhan selain Allah dan aku adalah utusan Allah; tidak bertemu seorang hamba dengan Allah, membawa keduanya (syahadah) tanpa keraguan padanya kecuali dia akan masuk syurga”. (H.R Muslim).

③ **PENERIMAAN:** Apabila kamu mengetahui dan kamu yakin, maka seharusnya ilmu itu memberi kesan. Demikian itu dengan menerima apa yang dibawa oleh kalimah ini dengan hati dan lisan. Sesiapa yang menolak ajaran tauhid dan tidak menerimanya, ia adalah kafir sama ada melalui sebab sombong ataupun kedegilan berserta hasad dengki. Allah berkata kepada orang kafir yang menolak tauhid dengan sombong:

﴿إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ﴾

{sesungguhnya dahulu apabila dikatakan mereka: ‘la ilaha

illallah', mereka menyombongkan diri}. As-Saffat 37:35.

4 KEPATUHAN: Pada tauhid perlu ada kepatuhan yang sempurna. Ia merupakan kayu ukur yang sebenar dan petanda amali dalam keimanan dan ia direalisasikan dengan melaksanakan segala apa yang disyariatkan oleh Allah (^{subhānahu} wata'ala) serta meninggalkan apa yang dilarang Allah. Firman Allah (^{subhānahu} wata'ala) dalam surah Luqman 31:22:

﴿وَمَنْ يُسْلِمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ وَإِلَى اللَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ﴾
Maksudnya: {Dan barangsiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah sedangkan mereka berbuat kebaikan, maka sesungguhnya mereka telah berpegang pada tali Allah dengan kukuh}.

5 JUJUR: Pada ucapan syahadah, perlu berkata benar dan tidak berdusta. Jika hanya berkata di mulut namun hatinya berdusta maka mereka adalah munafiq. Dalilnya Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman dalam surah Al-Fath: 11: ﴿يَقُولُونَ بِأَلْسِنَتِهِمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ﴾
Maksudnya: {Mereka hanya berbicara di mulut mereka tapi bukan di hati mereka}.

6 SAYANG: Orang-orang beriman menyayangi syahadah ini, dan suka beramal dan mempraktikkannya. Mereka menyukai ahlinya yang beramal dengannya. Di antara tanda-tanda seseorang hamba mencintai TuhanNya adalah dia akan mendahulukan cinta Allah walau bertembung dengan nafsu. Mereka mencintai siapa yang dicintai Allah, memusuhi siapa yang memusuhi Allah, mengikut petunjuk rasulNya, menjejak langkahnya dan menerima hidayahNya.

7 IKHLAS: Tidaklah dia maksudkan dari ucapan syahadah itu melainkan keredhaan Allah. Firman Allah (^{subhānahu} wata'ala) dalam surah Al-Bayyinah: 5:

﴿وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ﴾
Maksudnya: {Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan menunaikan ketaatan kepadaNya dalam (menjalankan) agama dengan lurus, dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat; dan yang demikian itu agama yang lurus}.

Sabda Rasulullah (^{sallāluhu 'alaihi} wa sallam): “Sesungguhnya Allah mengharamkan ke atas neraka siapa yang mengucapkan ‘La ilaha illa Allah’ kerana mencari redha Allah”. HR Bukhari.

SYAHADAH: محمد رسول الله

Si mati di dalam kubur diuji dan ditanya tiga soalan. Sekiranya dia menjawab maka dia akan berjaya. Namun, jika dia tidak dapat menjawab tentangnya maka mereka akan disiksa. Di antara soalan tersebut adalah: “Siapa Nabi kamu?”. Tiada yang dapat menjawabnya melainkan orang yang diberi taufiq oleh Allah untuk memenuhi syaratnya sehingga Allah memberi keteguhan kepadanya untuk menjawab di dalam kuburnya, seterusnya memberi manfaat buatnya pada hari harta dan anak tidak dapat menolong mereka sedikitpun. Di antara syarat-syarat syahadah kedua ini adalah:

1 PATUH PADA PERINTAH NABI: Allah memerintahkan kita untuk patuh pada perintah Nabi. Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman: {siapa yang patuh pada rasul maka dia juga telah taat pada Allah}, firmanNya lagi: {Jika kamu mencintai Allah maka ikutlah aku nescaya Allah mengasihi kamu}. Masuknya seseorang ke dalam syurga kelak bergantung kepada tahap ketaatannya pada Allah. Sabda Nabi Muhammad (^{sallālahu 'alaihi} wa sallam): “Semua umat aku akan masuk syurga kecuali orang yang enggan memasukinya. Para sahabat bertanya: Siapakah yang enggan masuk ke Syurga itu ya Rasullullah? Baginda menjawab: Sesiapa yang mentaatiku maka dia akan masuk syurga dan siapa yang ingkar, maka dialah golongan yang enggan masuk syurga”. (H.R Bukhari). Sesiapa yang mencintai Nabi (^{sallālahu 'alaihi} wa sallam), dia wajib mentaati baginda, kerana ketaatan adalah buah kasih sayang. Ini adalah dalil amali bagi kasih sayang.

2 MEMPERCAYAI APA YANG DIKHABARKAN: Jika sesiapa mendustakan sesuatu yang pasti atau sahih dari Rasulallah (^{sallālahu 'alaihi} wa sallam) kerana syahwat dan nafsu maka dia telah mendustakan Allah dan Rasul. Nabi merupakan manusia terpilih dan terpelihara daripada melakukan kesalahan dan pendustaan. Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman dalam surah An-Najm: 3: وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ﴿٣﴾
Maksudnya: {Tidaklah baginda berucap dengan hawa nafsunya}.

3 MENJAUHI APA YANG DITEGAHNYA: Bermula dengan meninggalkan dosa yang paling besar iaitu syirik kemudian dosa-

dosa besar yang membinasakan. Seterusnya dosa-dosa kecil dan perkara makruh. Seorang muslim bertambah imannya seiring dengan kasih sayangnya pada Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) Apabila bertambah imannya maka Allah menjadikan dia suka kepada amal soleh dan benci kepada kekufuran, kefasikan dan kemaksiatan.

④ **TIDAK MENYEMBAH ALLAH MELAINKAN DENGAN SYARIAT**

NABI-NYA: Hukum asal berkaitan ibadah adalah terlarang. Tidak boleh seseorang menyembah Allah melainkan dengan cara yang diajarkan oleh Rasul. Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) bersabda: “Siapa yang melakukan sesuatu amalan yang tiada padanya perintah kami maka amalannya tertolak”. (H.R Muslim).

FAEDAH: Ketahuilah mencintai Rasulullah dan mencintai apa yang dibawa oleh Rasulullah adalah wajib. Sesiapa yang membenci sesuatu yang dibawa oleh Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}); walaupun dalam keadaan dia sedang melakukannya, hukumnya adalah kafir. Tidak cukup sekadar kecintaan sahaja, bahkan hendaklah mencintai Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) lebih dari mencintai diri sendiri. Sesiapa yang mencintai sesuatu pasti dia akan mendahulukannya dan berusaha menyerupainya. Orang yang benar-benar mencintai Nabi akan terzhahir tanda-tanda cinta itu dengan menjadikan baginda sebagai tauladan serta mengikut sunnah baginda dari segi kata-kata, perbuatan, ketaatan, perintah dan menjauhi dari larangan, beradab dengan akhlaknya ketika dalam keadaan susah atau senang. Maka sesungguhnya patuh dan taat adalah tanda kecintaan pada Nabi. Tanpa sifat-sifat tersebut maka tidak ada kejujuran dalam kasih sayang kepada baginda. **Banyak tanda-tanda orang yang mencintai Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) di antaranya:** Banyak mengingati dan berselawat kepada baginda, jika kita mengingati sesuatu yang disayangi maka kita akan banyak menyebutnya. **Selain itu, rindu untuk bertemu dengannya. Setiap kekasih merindui untuk berjumpa dengan kekasihnya. Selain itu, memuliakan dan menghormatinya ketika menyebut namanya.** Berkata Ishak rah.: “Para sahabat Nabi tidak akan menyebut nama baginda kecuali dengan penuh penghayatan dan kekhusyukan yang

seikhlasnya sehingga gemetar kulit mereka merintih menangis. **Selain itu, Membenci apa yang dibenci Nabi**, memusuhi siapa yang memusuhi Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) dan menjauhi orang yang menyelisihi sunnahnya; ahli bidaah dan orang munafik. **Diantaranya lagi, mencintai siapa yang Nabi cintai** dari kalangan ahli-ahli bayt, isterinya, sahabat-sahabatnya, orang-orang Muhajirin dan Ansar. Dalam masa yang sama menentang orang yang memusuhi Nabi atau memakinya. **Selain itu, menjadikan akhlak Nabi sebagai tauladan** yang mana Nabi ialah semulia-mulia manusia, kata Aisyah r.ha: “Akhlak Nabi ialah al-Quran”. Ini menunjukkan Nabi tidak akan membuat perkara selain yang termaktub di dalam al-Quran.

Sifat-sifat Nabi Muhammad (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam})

Nabi merupakan manusia yang berani. Ketika menghadapi peperangan yang dahsyat baginda adalah orang yang paling berani. Baginda adalah manusia yang paling mulia dan paling dermawan terutamanya pada bulan Ramadhan. Baginda adalah orang yang paling banyak nasihatnya terhadap makhluk dan merupakan selembut-lembut manusia. Nabi tidak pernah membalas dendam untuk dirinya, namun baginda sangat tegas dalam melakukan perintah Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}). Baginda merupakan manusia yang sangat merendah diri dalam ketenangan. Beliau juga lebih pemalu dari anak dara yang berada di rumahnya. Baginda manusia yang sangat baik kepada keluarganya dan paling penyayang kepada sesama makhluk serta banyak lagi.

BERSUCI

Solat itu merupakan rukun Islam kedua, dan tidak sah solat melainkan dengan bersuci. Bersuci tidak akan terjadi melainkan dengan air atau tanah.

Jenis-jenis air: 1) **Bersih/suci:** iaitu suci dan menyucikan yang lain. Ia mampu mengangkat hadas dan menghilangkan najis.

2) **Bernajis:** iaitu air yang terkena najis jika airnya sedikit, atau berubah rasa, warna, atau baunya jika airnya banyak.

Peringatan: Air yang banyak tidak menjadi najis melainkan jika najis itu mengubah salah satu sifatnya; iaitu warna, rasa, atau baunya. Air yang sedikit akan menjadi najis dengan percampuran kotoran (najis) di dalamnya. Air ini boleh digunakan sekiranya jumlah kandungan banyak dan melebihi 2 kolah iaitu lebih kurang 210 liter.

Bejana: Setiap bejana (bekas) yang suci harus digunakan kecuali bejana dari emas atau perak. Bersuci dengan kedua-duanya itu adalah sah namun berdosa. Dan diharuskan menggunakan bejana dan pakaian orang kafir kecuali apabila kita mengetahui terdapat najis padanya.

Kulit bangkai: Kulit daripada bangkai merupakan najis secara mutlak. Bangkai terbahagi kepada dua: 1) Bangkai yang tidak boleh dimakan dagingnya secara mutlak. 2) Bangkai yang boleh dimakan dagingnya, yang tidak disembelih. Bangkai yang dagingnya boleh dimakan sekiranya disamak kulitnya diharuskan penggunaannya pada benda kering dan tidak harus untuk cecair.

Istinja': Menghilangkan apa yang keluar dari (kemaluan) qubul dan dubur. Jika menggunakan air ia dinamakan istinja', dan jika menggunakan batu atau kertas dan seumpama dengannya ia dinamakan istijmar. Syarat-syarat istijmar mestilah (batu atau kertas) yang bersih, harus digunakan, menyucikan, bukan makanan, dan perlu tiga batu atau lebih. Istinja' atau istijmar wajib dilakukan bagi setiap yang keluar (melalui qubul atau dubur).

Diharamkan ke atas sesiapa yang membuang air besar dan air kecil untuk tetap berada di tempat pembuangan melebihi kadar keperluannya. Diharamkan juga membuang pada sumber air, jalan laluan, di bawah tempat lindungan yang digunakan atau di bawah pokok yang berbuah, serta diharamkan juga menghadap kiblat pada ruang terbuka.

Makruh bagi sesiapa yang memasuki tandas dengan membawa sesuatu

yang di dalamnya terdapat zikrullah dan kalamullah, bercakap ketika membuang, kencing dalam lubang binatang atau seumpamanya, menyentuh kemaluan dengan tangan kanan dan menghadap kiblat di dalam binaan. Semua itu diharuskan sekiranya ada keperluan.

Digalakkan bagi orang yang qada' hajat menggunakan bilangan ganjil ketika basuhan atau sapuan, dan menggunakan air dan batu bersama-sama.

Bersugi: Disunatkan untuk bersugi dengan menggunakan kayu lembut seperti kayu ara', lebih-lebih lagi ketika ingin menunaikan solat, membaca al-Quran, ketika wudhu sebelum berkumur-kumur, ketika bangun dari tidur, ketika masuk masjid atau rumah, ketika berubah bau mulut dan seumpama dengannya. **Disunatkan** memulakan sebelah kanan dalam bersiwak dan bersuci dan menggunakan tangan kiri untuk menghilangkan apa yang tidak disukai.

Wudhu: Rukun rukunnya:

1) Membasuh muka termasuk berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung. 2) Membasuh tangan dari hujung jari-jemari ke kedua-dua siku. 3) Menyapu rambut keseluruhannya bersama kedua-dua telinga. 4) Membasuh kedua belah kaki sehingga kedua-dua buku lali. 5) Tertib. 6) Berturutan.

Perkara wajib wudhu: Membaca bismillah sebelum berwudhu, membasuh kedua-dua tapak tangan bagi orang yang bangun dari tidur pada waktu malam sebanyak tiga kali sebelum mencelupkannya (tapak tangan) ke dalam air.

Perkara sunat wudhu: Bersiwak, membasuh kedua tapak tangan pada permulaan wudhu, mendahulukan berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung sebelum membasuh muka serta bersungguh dalam berkumur, memasukkan air ke dalam hidung bagi mereka yang tidak berpuasa, menyela janggut yang tebal, menyela antara jari jemari, memulakan dengan anggota sebelah kanan, membasuh anggota tiga kali, memasukkan air ke dalam hidung dengan tangan kanan, mengeluarkan air dari dalam hidung dengan tangan kiri, menggosok anggota, dan melebihkan basuhan wudhu serta berdoa selepas berwudhu.

Perkara makruh wudhu: Berwudhu dengan air panas atau air sejuk, berlebih dari tiga kali basuhan pada anggota yang sama serta membasuh dalam mata. Mengeringkan anggota wudhu adalah harus.

Peringatan: Berkumur mestilah ada pergerakan air dalam mulut dan perbuatan istinsyaq iaitu memasukkan air ke dalam hidung dengan cara sedutan, bukan dengan tangan sahaja dan begitu juga perbuatan mengeluarkan air dari dalam hidung dan tidak sah melainkan dengan sifat ini.

Sifat-Sifat Wudhu: Iaitu dimulakan dengan niat di dalam hati, membaca bismillah, membasuh tangan sebanyak tiga kali, berkumur dan memasukkan air ke dalam rongga hidung, kemudian membasuh muka (dari pangkal rambut kepala hingga ke dagu dan di antara telinga hingga telinga), kemudian membasuh kedua belah tangan hingga ke siku dan lengan, menyapu kepala sampai ke belakang -termasuk kulit belakang telinga-, memasukkan jari telunjuk ke dalam telinga dan menyapu belakang telinga dengan ibu jari dan akhir sekali membasuh kedua belah kaki sampai buku lali.

Perhatian: Jika seseorang yang mempunyai janggut yang sedikit, dia perlu membasuh kulit di bawah janggut. Jika janggut tebal, cukuplah dengan membasuh janggutnya.

Menyapu atas Khuf: Khuf ialah sarung kaki yang dibuat dari kulit. Jika dibuat daripada bulu atau seumpamanya dinamakan dengan stokin. Menyapu kedua-duanya adalah harus bagi mereka yang berhadas kecil sahaja.

Harus menyapu Khuf dengan syarat:

- 1) Memakai kedua-dua belah khuf dalam keadaan berwudhuk (selepas membasuh kedua belah kaki).
- 2) Hendaklah bersuci sebelumnya menggunakan air.
- 3) Khuf hendaklah menutupi tempat yang wajib dibasuh ketika berwudhu.
- 4) Dalam waktu harus menyapu atas khuf.
- 5) Kedua-duanya bersih dari najis.

Serban: Harus menyapunya dengan syarat:

- 1) Mestilah yang memakai serban itu adalah lelaki.
- 2) Perlu menutupi kepala.
- 3) Menyapunya untuk mengangkat hadas kecil.
- 4) Wudhuknya dengan air.

Khimar (Kain tudung/penutup kepala):

Harus menyapunya dengan syarat:

- 1) Hendaklah yang memakainya adalah wanita.

- 2) Menutupi sampai ke bawah tekak/leher.
- 3) Untuk mengangkat hadas kecil sahaja.
- 4) Bersuci menggunakan air. 5) Menutupi anggota kepala.

Tempoh Menyapu: Bagi sesiapa yang bermuqim tempohnya ialah sehari semalam, dan bagi yang bermusafir -jarak qasar 85 km-tempohnya tiga hari tiga malam).

Permulaan penyapuan: Dari mula hadas pertama selepas memakai khuf sehingga waktu yang sama pada keesokan harinya bagi mereka yang bermuqim (24 jam).

Kadar menyapu kedua-dua khuf: Menyapu kebanyakan bahagian atas kaki sehingga ke pangkal betis dan menyapu menggunakan tangan yang direnggangkan.

Faedah: Siapa yang menyapu atas khuf dalam musafir kemudian bermukim atau bermukim kemudian bermusafir atau ragu bila waktu dia mula menyapu atas khuf; hukumnya hukum orang bermukim (sehari semalam).

Jabirah (pembalut tangan/pakai simen): Jabirah ialah pembalut atau simen yang digunakan bertujuan untuk mencantumkan tulang. Harus menyapu atasnya dengan syarat:

- 1) Sangat memerlukan pembalut tersebut.
- 2) Tidak dibalut melebihi kawasan yang diperlukan.
- 3) Berturutan dengan basuhan anggota wudhuk yang lain. Sekiranya balutan melebihi kawasan yang diperlukan, hendaklah dibuka bahagian tersebut. Jika membukanya membawa mudharat maka harus disapu atasnya.

Faedah: ✱ Sebaiknya menyapu kedua-dua khuf serentak ✱ tidak disyariatkan menyapu dibahagian bawah khuf dan belakangnya ✱ Makruh membasuh khuf atau menyapu khuf berulang-ulang kali ✱ Serban dan kain kerudung keduanya hendaklah disapu kebanyakan darinya.

Pembatal wudhu:

- 1) Keluar sesuatu dari tempat kencing (qubul) dan dubur sama ada suci seperti kentut dan air mani atau najis seperti kencing dan mazi.
- 2) Hilang akal ketika tidur atau pengsan kecuali tidur sebentar dalam keadaan duduk ataupun berdiri.
- 3) Keluar kencing dan tahi bukan melalui salurannya.
- 4) Keluar najis selain kencing dan tahi daripada badan seperti darah yang banyak. 5) Makan daging unta.

- 6) Menyentuh kemaluan tanpa lapik.
- 7) Lelaki menyentuh perempuan atau sebaliknya dengan bernafsu.
- 8) Murtad. **Sesiapa yang yakin bersuci kemudian syak dalam hadas atau sebaliknya; dikira mengikut apa yang dia yakin.**
Mandi wajib: kewajibannya adalah:

- 1) Keluar mani berserta rasa nikmat bagi orang yang jaga, atau bagi orang yang tidur; dengan nikmat mahupun tidak.
- 2) Memasukkan zakar ke dalam faraj sama ada keluar air mani ataupun tidak.
- 3) Murtad. 4) Keluar darah haid.
- 5) Keluar darah nifas. 6) Matinya seorang muslim.

Fardhu mandi: Meratakan air yang secukupnya ke seluruh badan; termasuk dalam hidung dan mulut dengan niat mandi.

Kesempurnaan mandi wajib seseorang dengan 9 perkara:

- 1) Niat. 2) Baca Bismillah.
- 3) Membasuh tangan sebelum memasukkannya dalam bekas.
- 4) Membasuh kemaluan.
- 5) Berwudhu'. 6) Siram air atas kepala tiga kali.
- 7) Meratakan air ke badan. 8) Menggosok badan dengan tangan.
- 9) Dimulakan dengan anggota kanan.

Diharamkan kepada orang yang berhadass kecil:

- 1) Menyentuh al-Quran. 2) Solat. 3) Tawaf.

Haram bagi seseorang yang hadas besar (ditambah dari yang kecil):

- 4) Membaca al-Quran. 5) Berhenti seketika di masjid tanpa wudhu.

Makruh orang yang berjunub tidur tanpa wudhu dan berlebihan dalam menggunakan air ketika mandi mengangkat hadas besar.

Tayammum: Syarat-syaratnya:

- 1) Ketiadaan air.
- 2) Debu tanah yang suci, dan bukan tanah yang terbakar.

Rukun-rukunnya: Menyapu seluruh muka kemudian kedua-dua belah tangan hingga ke pergelangan tangan secara tertib dan berturut-turunan.

Perkara yang membatalkannya:

- 1) Apa-apa perkara yang membatalkan wudhu.
- 2) Wujudnya air jika dia bertayammum sebab ketiadaan air.
- 3) Hilang sebab yang membolehkan tayammum seperti orang yang bertayammum disebabkan sakit kemudian dia sembuh.

Sunat Tayammum:

- 1) Tertib dan berturut-turut jika tayammum bagi hadas besar.
- 2) Melewatkan tayammum hingga akhir solat.
- 3) Membawa niat menggantikan wudhu.

Makruh Tayammum: Menepuk debu dengan tangan berulang kali.

Sifat Tayammum: Berniat dan membaca bismillah, menepuk debu sekali dengan tangannya dan menyapu ke mukanya dahulu dengan melalukan tapak tangan di atas muka dan jambangnya, kemudian menyapu pergelangan tangannya menggunakan belakang tapak tangan kanan dengan telapak tangan kiri.

Menghilangkan najis. Najis terbahagi kepada dua jenis;
1) **Ainiyah** iaitu apa yang tidak boleh dibersihkan seperti khinzir sekalipun dibasuh tetap tidak suci.

2) **Hukmiyyah** iaitu najis yang jatuh pada tempat asalnya yang suci seperti baju dan tanah.

Kategori		Hukumnya
Haiwan	Najis	Anjing, Khinzir dan semua binatang yang tidak boleh dimakan seperti burung dan binatang yang lebih besar: Hukumnya: haiwan itu dan apa yang keluar daripadanya adalah najis seperti air kencing, tahi, air liur, peluh, air mani, susu dan muntahnya.
	Suci	Manusia: Hukumnya: apa yang keluar daripadanya adalah suci seperti mani, peluh, air liur, susu dan bendalir faraj semasa waktu sucinya. Kecuali kencing, najis, mazi, wadi, dan darah kerana ia adalah najis.
		Haiwan yang boleh dimakan dagingnya: Hukumnya adalah apa yang keluar daripadanya seperti kencing, tahi, mani, susu, peluh, muntah dan mazinya adalah suci. Binatang yang susah untuk dihindarkan diri daripadanya seperti keldai, kucing, dan seakan-akan dengannya seperti tikus dan selainnya. Hukumnya, air liur dan peluhnya sahaja suci.
Bangkai	Semuanya najis kecuali mayat manusia, ikan, belalang dan darah yang tidak mengalir seperti kala jengking, lalat dan nyamuk adalah suci.	
Pepejal	Tanah, batuan dan sejenis dengannya hukumnya suci kecuali yang telah disebutkan di atas.	

Faedah: Darah, nanah, air bisa (nanah cair yang bercampur)

adalah najis. Dimaafkan sekiranya kuantiti najis tersebut adalah sedikit sama ada dalam keadaan solat atau sebagainya. Dan dimaafkan sekiranya darah, nanah dari haiwan yang suci.

Darah yang suci terbahagi kepada dua jenis: 1) Ikan. 2) Sisa darah dalam daging dan urat dari binatang yang disembelih.

✳Bahagian yang dipotong dari haiwan yang boleh dimakan semasa ia masih hidup; embrio atau janin, semuanya adalah najis. ✳Membersihkan najis tidak memerlukan niat. Jika najis hilang kerana hujan maka ia telah suci. ✳Menyentuh najis dengan tangan ataupun memijaknya tidak membatalkan wudhu tetapi wajib menghilangkannya daripada badan dan pakaian.

✳**Syarat-syarat menyucikan najis adalah:** 1) Membasuh dengan air yang suci. 2) Diperah jika ia benda yang boleh diperah. 3) Menghilangkan najis dengan menyental sekiranya tidak hilang dengan basuhan. 4) Dibasuh dengan 7 kali dan kali ke-8 dengan menggunakan air tanah atau sabun jika ia najis kerana anjing.

Perhatian: Najis berbentuk cecair yang berada di atas tanah/ lantai cukup sekadar dijirus dengan air sehingga hilang warna dan baunya, namun sekiranya najis tersebut aini/pejal seperti tahi maka perlu di buang terlebih dahulu sehingga hilang kesannya sebelum disiram dengan air yang bersih. ✳Jika mustahil untuk menghilangkan najis **kecuali** dengan air, maka wajib membasuh dengan air. ✳Jika dikhuatiri sesuatu tempat itu ada najis maka perlu dibasuh tempat itu terlebih dahulu. ✳Barangsiapa yang berwudhu untuk solat sunat maka wudhu itu boleh digunakan untuk solat fardhu. ✳Tidak perlu bagi orang yang tidur atau kentut untuk beristinja, kerana kentut itu suci, tetapi dia perlu mengambil wudhu jika ingin melaksanakan solat.

HUKUM HAKAM UNTUK WANITA

Hukum-hukum berkaitan darah wanita

Pertama: Haid dan Istihadah

MASALAH	HUKUM
Kurang atau lebih bilangan umur seseorang perempuan yang datang Haid	Kurang daripada sembilan tahun. Sekiranya keluar darah dari farajnya sebelum tempoh itu, maka darah tersebut adalah istihadah. Tiada had bagi yang lebih dari umur 9 tahun.

Paling kurang bilangan hari kitaran haid	Satu hari satu malam (24 jam). Sekiranya kurang daripada itu, maka darah tersebut adalah istihadah.
Lebih bilangan hari kitaran haid	15 hari. Sekiranya bertambah darah yang keluar daripada tempoh ini maka ia adalah istihadah.
Suci diantara dua kali kitaran haid	13 hari. Sekiranya keluar darah sebelum sempurnanya penyucian haid maka ia adalah istihadah ¹ .
Kebiasaan tempoh haid bagi wanita	Enam atau tujuh hari.
Kebiasaan tempoh penyucian haid bagi wanita	23 atau 24 hari.
Adakah darah ketika hamil darah haid	Apa yang keluar daripada faraj wanita yang hamil seperti darah atau cecair yang berwarna coklat ² atau lendir kuning ³ ia adalah istihadah.
Bilakah seseorang itu mengetahui yang dia telah suci dari haid	Mengetahuinya dengan dua cara: 1) Lendir putih ⁴ , jika dia dapat melihatnya. 2) Keringnya lubang vagina dari darah, cecair coklat atau kekuningan jika dia tidak dapat melihat lendir putih tersebut.
Apakah keluar daripada faraj wanita sebarang cecair ketika suci	Jika ia jernih atau putih melekit maka ia adalah suci. Namun jika bercampur darah, cecair coklat atau kekuningannya maka ia adalah najis dan semuanya membatalkan wudhu. Jika berterusan cecair itu keluar maka ia adalah istihadah.
Cecair coklat atau kekuningan daripada faraj	Jika ia bersambung dengan haid sebelumnya atau selepasnya maka ia adalah haid dan jika berasingan maka ia adalah istihadah.
Sesiapa yang mempunyai jumlah	la dihukumkan sebagai suci

¹ **Haid adalah:** darah normal yang (keluar) dalam keadaan sihat dan bukan kerana sebab melahirkan. Istihadah adalah darah yang mengalir bukan pada waktu biasanya, disebabkan kerana penyakit. Perbezaan antara darah haid dan istihadah adalah: **1)** Darah haid merah pekat kehitam-hitaman, sedangkan darah istihadah merah terang seperti darah yang mengalir dari hidung. **2)** Darah haid kental, adakalanya berketul manakala darah istihadah lebih cair mengalir seperti darah luka. **3)** Darah haid berbau tidak menyenangkan sedangkan darah istihadah baunya seperti darah biasa. Beberapa perkara yang diharamkan disebabkan haid antaranya: bersetubuh di kemaluan, talak, solat, puasa, tawaf, membaca al-Quran, memegang mushaf (al-Quran) dan duduk di dalam masjid.

² Cairan darah yang keluar dari vagina warnanya coklat gelap.

³ Cairan darah yang keluar dari vagina warnanya kekuning-kuningan.

⁴ Cairan (lendir) putih yang keluar dari vagina pada masa suci. Cairan ini suci (bukan najis) tetapi membatalkan wuduk.

hari yang tetap daripada setiap bulan namun suci sebelum tempohnya	apabila tiada lagi darah yang terlihat walaupun hari kebiasaan haidnya belum habis.
Keluarnya haid lebih awal daripada waktu kebiasaan ataupun lewat	Jika ia mempunyai sifat-sifat haid, maka ia adalah haid; tidak kira pada mana-mana waktu pun ia datang, dengan syarat tempoh antara dua kitaran haid ialah lebih daripada 13 hari (tempoh suci minimum). Jika tidak ia adalah istihadah.
Jika bertambah haid atau kurang daripada bilangan biasa	ia adalah haid dengan syarat ia tidak lebih daripada tempoh haid
Apabila keluarnya darah wanita pada tempoh yang panjang seperti cukup sebulan atau lebih	Ada beberapa keadaan: 1) Sekiranya dia mengetahui waktu dan bilangan hari haidnya pada setiap bulan, maka dia mesti berpandukan waktu dan bilangan hari tersebut, sama ada darahnya boleh dibezakan atau tidak. 2) Dia mengetahui waktu haidnya pada setiap bulan tetapi tidak mengetahui bilangan harinya, maka hendaklah dia mengira enam atau tujuh hari (kebiasaan haid) pada waktu kebiasaannya. 3) Dia mengetahui bilangan hari haidnya tetapi tidak mengetahui waktu datang haidnya, maka hendaklah dia mengira mengikut bilangan hari yang dia ketahui pada awal setiap bulan hijri.

Kedua: Darah Nifas

MASALAH	HUKUM
Apabila seorang wanita melahirkan anak tetapi tiada darah yang dilihat	Tiada hukum nifas, tidak wajib mandi, dan tidak membatalkan puasanya
Apabila terlihat tanda-tanda wiladah	Apa yang dilihat seperti darah dan air ketika sakit sebelum wiladah. Pada waktu itu ia tidak dihukum sebagai nifas bahkan istihadah
Darah yang keluar dari wanita ketika wiladah	Darah ini adalah darah nifas, walaupun anak itu belum keluar atau telah keluar sebahagiannya, maka tidak wajib untuk wanita itu qada solatnya pada waktu ini.
Bila bermulanya bilangan hari nifas?	Setelah keluarnya janin dari perut ibunya secara sempurna ke bumi.
Bilangan nifas yang paling kurang	Tiada ketetapan padanya. Namun sekiranya wanita itu melahirkan anak kemudian terputus darahnya selepas itu, maka wajib baginya untuk mandi dan solat dan tidak perlu menunggu

	sehingga sempurnanya 40 hari.	
Bilangan nifas yang paling banyak	40 hari. Sekiranya masih keluar darah ketika itu, maka wajib baginya untuk mandi dan solat kecuali apabila datang haid sebelum hamil maka ia dikira sebagai darah haid	
Apabila seorang wanita melahirkan bayi kembar atau lebih		Bilangan hari nifas bermula selepas dia melahirkan anak pertama
Darah selepas gugur	Jika umur janin yang keguguran 80 hari atau kurang maka darah yang keluar selepasnya adalah istihadah. Sekiranya 90 hari maka darah itu adalah nifas. Sekiranya diantara 80 dan 90 hari, maka hukum itu bergantung pada bentuk janin. Jika ada bentuk manusia maka darah selepasnya adalah nifas. Namun jika tidak, maka ia adalah istihadah.	
Jika dia suci sebelum 40 hari kemudian darah datang semula sebelum genap tempoh 40 hari.	Apabila seseorang wanita telah suci dari nifas pada tempoh 40 hari, maka ia telah suci dan wanita itu perlu mandi serta mula mengerjakan solat. Namun sekiranya darah kembali dalam tempoh 40 hari, maka ia dihukum sebagai nifas sehingga tamatnya 40 hari.	

Keterangan: ✳Wajib bagi orang yang beristihadah untuk bersolat, akan tetapi dia mesti berwudhu untuk setiap waktu solat. ✳Seorang wanita yang suci daripada haid dan nifas sebelum terbenam matahari maka dia mesti solat zohor dan asar pada hari yang sama, dan sekiranya dia suci daripadanya sebelum terbit fajar maka dia harus bersolat maghrib dan isya' pada malam itu. ✳Apabila telah datang waktu solat kemudian dia datang haid atau nifas sebelum melakukan solat maka dia tidak perlu qada' solat tersebut setelah suci. ✳Wajib bagi wanita untuk menguraikan rambutnya ketika mandi daripada haid atau nifas dan tidak wajib menguraikannya ketika mandi janabah. ✳Ditegah berjima' dengan isteri yang istihadah, tetapi dibolehkan sekiranya suaminya berhajat untuk melakukannya. ✳Wajib bagi orang yang istihadah mengambil wudhu setiap kali hendak menunaikan solat selepas mandi daripada haid sehingga darahnya terhenti. ✳Harus bagi wanita mengambil ubat untuk memutuskan haid buat sementara waktu ketika menunaikan manasik haji dan umrah ataupun untuk menyempurnakan puasa ramadhan, dengan syarat ia mestilah bebas dari sebarang kesan sampingan.

Wanita dalam Islam

Wanita juga seperti lelaki di dalam meraih pahala dan ganjaran dari Allah (^{subhānahu} wata'ala) dengan mengira iman dan amalnya. Sabda Nabi (^{sallālahu} 'alaihi wa ^{sallam}): “**Sesungguhnya wanita itu adalah saudara bagi lelaki.**” (H.R Abu Daud). Mereka berhak menuntut hak mereka dan tidak berlaku kezaliman ke atas mereka. Oleh itu ucapan agama yang ditujukan untuk perempuan dan lelaki adalah sama kecuali apa yang telah dinaskan dalam membezakan di antara keduanya. Ia hanyalah beberapa hukum yang sedikit berbanding hukum-hukum agama yang lain. Ini kerana syarak meraikan hak individu lelaki dan wanita dari segi penciptaan dan kemampuannya. Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman dalam surah Al-Mulk:14 **أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ**
Maksudnya: {Allah mengetahui apa yang diciptanya, **sesungguhnya Dia Maha Lembut lagi Maha Mengetahui**}.

Wanita mempunyai tugas yang khusus dan begitu juga lelaki. Apabila seseorang itu mencampuri urusan yang dikhususkan untuk orang lain maka ianya akan mengganggu keseimbangan hidup, bahkan wanita diberikan ganjaran sama seperti lelaki walaupun dia berada di rumah. Daripada Asma' Bt Zaid bahawa dia telah datang kepada Nabi (^{sallālahu} 'alaihi wa ^{sallam}) ketika baginda bersama dengan para sahabatnya, maka Asma' pun berkata: “Ayah dan ibuku adalah tebusanmu. Sesungguhnya aku adalah utusan kaum wanita kepadamu, dan diriku juga adalah tebusanmu. Tiada seorang wanita pun baik di Timur mahupun di Barat yang mendengar ataupun tidak pengaduanku ini melainkan mereka akan sependapat denganku. Sesungguhnya Allah telah mengutusmu dengan kebenaran kepada seluruh lelaki dan wanita, maka kami beriman denganmu dan Tuhanmu yang menghantarmu. Kami para wanita selalu dalam keadaan terbatas. Kami yang menjadi asas rumah kamu, tempat kamu memuaskan syahwat, juga yang mengandungkan anak-anak kamu. Sesungguhnya kamu wahai lelaki telah melebihi kami dengan solat jumaat dan solat jemaah, menziarahi orang yang sakit dan menyaksikan jenazah, haji selepas haji dan yang lebih mulia daripada itu adalah berjihad di jalan Allah. Dan sesungguhnya lelaki dari kalangan kamu apabila telah keluar dalam keadaan dia berhaji, berumrah, dan berjaga di medan perang, maka kami telah menjaga harta-harta kamu, memintal pakaian kamu serta mendidik anak-

anak kamu, maka apakah kami turut sertai kamu di dalam meraih pahala wahai Rasulullah? Dia telah berkata: Maka baginda menoleh dengan seluruh wajahnya kepada para sahabatnya kemudian baginda bersabda: **“Adakah kamu pernah mendengar kata-kata seorang wanita yang lebih baik daripada permintaannya dalam urusan agama?”** Mereka menjawab: Ya Rasulullah, kami tidak pernah menyangka ada wanita yang mampu bertanya seperti dia. Maka baginda menoleh kepada wanita tersebut kemudian bersabda: **“Beredarlah wahai wanita, dan beritahulah para wanita yang lain bahawa ketaatan isteri kepada suami, usahanya untuk memperolehi redanya, dan kepatuhannya terhadap keinginannya menyamai semua itu”**. Lalu wanita itu berpaling meninggalkan tempat itu dalam keadaan bertahlil dan bertakbir membawa berita gembira tersebut. (H.R Al-Baihaqi).
 Telah datang sekumpulan wanita kepada Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) lalu mereka berkata: “Wahai Rasulullah, telah pergi sekumpulan lelaki dengan kebaikan untuk berjihad di jalan Allah. Maka adakah ada amalan untuk kami yang mencapai taraf amalan orang yang berjihad di jalan Allah? Baginda bersabda: **“Tugas kamu di dalam rumah mereka adalah mencapai taraf amalan orang yang berjihad di jalan Allah”**. (H.R Al-Baihaqi). Bahkan perbuatan yang baik kepada kerabat perempuan yang terdekat mempunyai ganjaran pahala yang besar. Baginda (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) bersabda: “Barangsiapa yang berinfak kepada dua anak perempuan, atau dua saudara perempuan, atau dua orang kerabat wanita, yang mana ia berniat menafkahi kedua-duanya sampai Allah (^{subhānahu}_{wai'āla}) memberi kecukupan kepada kedua-duanya daripada kurniaannya, maka kedua-dua itu akan menjadi tirai bagi orang yang berinfak tadi dari api neraka”. (H.R. Ahmad dan at-Thabrani).

Sebahagian hukum-hakam bagi wanita:

✳ Diharamkan bagi lelaki untuk berdua-duaan bersama perempuan melainkan bersamanya mahram¹. Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}) bersabda: **“Tidak boleh berdua-duaan antara lelaki dan perempuan kecuali dengan mahramnya”**. (Muttafaqun Alaihi).

¹ Mahram seorang wanita iaitu mereka yang diharamkan untuk menikah dengannya selama-lamanya; iaitu ayah, datuk dan ke atas, anak lelaki, cucu dan ke bawah, saudara lelaki dan anak-anaknya, anak-anak dari saudara perempuan, pak cik dari sebelah ayah atau ibu, ayah mertua dan ke atas, anak dari suami dan ke bawah, ayah, anak dan saudara susuan, menantu, serta ayah tiri.

- ✳ Disunatkan bagi wanita untuk solat di masjid. Namun jika dia takut menimbulkan fitnah, maka dimakruhkan. Telah berkata Aisyah r.ha: “Jikalau Rasulullah mengetahui apa yang dilakukan oleh para wanita, tentulah Baginda akan melarang wanita untuk pergi ke masjid; seperti mana larangan ke atas wanita bani Israel”. (Muttafaqun Alaihi). Jika solat kaum lelaki di dalam masjid mendapat ganjaran yang berganda maka begitu juga solat wanita di rumah. Seorang wanita telah datang kepada Nabi (*sallallahu 'alaihi wa sallam*), kemudiannya berkata: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku lebih suka bersolat bersama engkau”, maka Nabi menjawab: “Sesungguhnya aku telah mengetahui bahawa engkau lebih suka solat bersamaku. Namun solatmu di rumah adalah lebih baik daripada solatmu di bilik, solatmu di bilik adalah lebih baik daripada solatmu di rumahmu, solatmu di rumah adalah lebih baik dari solat di masjid kaummu, dan solatmu di masjid kaum kamu adalah lebih baik daripada solat di masjid aku” (H.R Ahmad). Sabda Nabi lagi: “Sebaik-baik masjid bagi kaum wanita adalah rumah-rumah mereka”. (H.R Ahmad).
- ✳ Tidak diwajibkan ke atas perempuan untuk mengerjakan haji dan umrah melainkan bersama mahram yang menemaninya, dan tidak digalakkan bermusafir baginya tanpa mahramnya. Sabda Nabi (*sallallahu 'alaihi wa sallam*): “Wanita dilarang bermusafir selama tiga malam kecuali bersama mahramnya”. (Muttafaqun Alaihi).
- ✳ Diharamkan wanita untuk ziarah kubur serta mengiringi jenazah ke kubur. Rasulullah (*sallallahu 'alaihi wa sallam*) bersabda: “Allah melaknat orang perempuan menziarahi kubur”. (H.R Muslim). Telah berkata Ummu Athiyyah r.ha: “Kami ditegah untuk mengikuti urusan pengkebumian namun (larangan itu) tidak begitu ditekankan kepada kami”. (H.R Muslim).
- ✳ Dibolehkan bagi wanita untuk menggayakan rambutnya dengan apa-apa warna dan makruh diwarnakan dengan warna hitam dengan syarat bukan tujuan untuk menipu orang yang melamarnya.
- ✳ Diwajibkan untuk diberikan kepada wanita bahagiannya sepertimana yang telah diwajibkan oleh Allah pada harta warisan, dan menghalangnya daripada haknya adalah diharamkan. Telah diriwayatkan dari Nabi (*sallallahu 'alaihi wa sallam*): “Sesiapa yang memutuskan pusaka warisannya, maka Allah akan memutuskan bahagiannya daripada syurga di hari kiamat”. (H.R Ibnu Majah).

✳️Wajib bagi suami memberi nafkah kepada isteri, iaitu apa yang menjadi keperluan isterinya seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Allah ^(subhānahu wata'āla) berfirman dalam surah At-Talaq, 7:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِۦٓ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُۥ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا ءَاتَاهُ اللَّهُ لَا يَكْفُلُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَأْءَاتَهَا سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

Maksudnya: {Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan}.

Jika suami tidak mampu memberikan nafkah kepada isteri ini, tanggungjawab ini terletak pula diatas bahu ayahnya, atau adik-beradik lelaki, atau anak lelaki sendiri. Jika kesemua tidak mampu, maka kaum kerabat mereka sehingga seluruh manusia perlu membantu. Rasulullah ^(sallāllāhu 'alaihi wa sallam) bersabda: “Orang yang berusaha membantu para janda dan fakir miskin sama tarafnya dengan orang yang berjihad di jalan Allah, atau seperti orang melakukan qiamullail dan berpuasa di siang hari”. (Muttafaquun Alaihi).

✳️Wanita lebih berhak mendapat penjagaan anaknya yang masih kecil selagi dia tidak berkahwin lagi. Si ayah pula wajib memberikan nafkah si anak kepada ibunya, selagi mana anak itu berada di dalam jagaan ibunya.

✳️Tidak digalakkan bagi wanita untuk memulakan salam khususnya jika dia masih muda atau takut mengundang fitnah.

✳️Disunatkan untuk mencukur bulu ari-ari, mencabut bulu ketiak, memotong kuku pada setiap jumaat, dan makruh meninggalkannya lebih dari 40 hari.

✳️Diharamkan mencabut bulu-bulu di muka seperti kening. Sabda Nabi ^(sallāllāhu 'alaihi wa sallam): “Allah melaknat wanita yang mencabut bulu keningnya dan yang meminta dicabut bulu keningnya”. (H.R Abu Daud).

Berkabung: Diharamkan ke atas wanita berkabung melebihi tiga hari atas kematian seseorang kecuali suaminya. Sabda Nabi ^(sallāllāhu 'alaihi wa sallam): “Diharamkan bagi wanita yang beriman kepada Allah dan hari akhirat berkabung di atas seseorang yang meninggal selama tiga hari kecuali atas kematian suaminya”. (H.R Muslim).

Wanita yang kematian suaminya wajib berkabung empat bulan sepuluh hari, dan pada waktu itu dia wajib meninggalkan perhiasan, wangian seperti za'faran, barang kemas termasuk cincin, baju yang berwarna cerah seperti merah dan kuning, tidak memakai inai, alat solek, celak dan minyak wangi. Dibolehkan baginya untuk mencabut bulu, memotong kuku dan mandi. Tidak wajib menghadkan pada suatu warna sahaja seperti hitam. Wajib baginya berada di rumah suaminya yang meninggal ketika dia hidup bersamanya. Tidak boleh berpindah kecuali ada hajat. Jika ada keperluan dia dibenarkan keluar pada siang hari sahaja.

★Diharamkan mencukur rambut kecuali terdesak. Namun, dibolehkan untuk memendekkannya dengan syarat ia tidak menyerupai lelaki. Sabda Nabi (^{sallallahu 'alaihi}_{wa} ^{sallam}): “**Rasulullah melaknat wanita yang menyerupai lelaki dan perempuan kafir**”. (H.R Tarmizi). Sabda baginda lagi: “**Barangsiapa yang menyerupai satu kaum maka dia termasuk dalam golongan mereka**”. (H.R Abu Daud).

★Wajib bagi wanita untuk menutup badannya apabila dia ingin keluar dari rumah dengan jilbab (pakaian) yang mengikut syarat-syarat berikut: **1)** Menutup semua badan. **2)** Bukanlah untuk berhias. **3)** Tidak nipis atau jarang. **4)** Mestilah labuh dan tidak ketat. **5)** Tidak meletak wangi-wangian. **6)** Tidak menyerupai lelaki. **7)** Tidak menyerupai pakaian wanita kafir. **8)** Bukan untuk menunjuk-nunjuk. Diharamkan ke atasnya memakai pakaian yang ada gambar manusia atau haiwan.

★**Aurat wanita dengan orang lain ada tiga bahagian:**

1) Suami: boleh melihat apa yang ingin dilihatnya. **2)** Perempuan dan mahramnya: Apa yang kebiasaannya zahir (muka, rambut, tangan, tumit, lengan dan lain-lain). **3)** Lelaki Ajnabi: Melihat jika ada keperluan sahaja seperti meminang atau tujuan perubatan dan lain-lain. Ini kerana fitnah bagi wanita adalah mukanya. Telah berkata Fatimah bt Munzir r.ha: “**Kami menutup muka kami daripada dilihat lelaki**”. (H.R Al-Hakim). Aisyah r.ha berkata: “**Ada satu ketika dua orang penunggang melalui kami sedangkan kami bersama Rasulullah dalam keadaan ihram. Apabila mereka melintasi kami (isteri-isteri Nabi), kami menurunkan jilbab daripada kepala ke atas wajah, dan apabila mereka telah berlalu kami pun membukanya kembali**”. (H.R Abu Daud).

✳️ **Iddah:** Jenis-Jenisnya: 1) Orang yang hamil: iddah talak dan iddah disebabkan kematian suami ialah sehingga anak dalam kandungannya dilahirkan. 2) Kematian suaminya: empat bulan sepuluh hari. 3) Ketika haid: tiga kali haid dan tamat iddahnya apabila dia suci selepas tiga kali haid. 4) Perempuan yang tidak ada haid: iddanya tiga bulan. Wanita yang beriddah jika ditalak raj'i, maka wajib kekal dengan suaminya terlebih dahulu ketika iddah. Suaminya harus melihat apa sahaja yang dikehendaki daripada isterinya itu, juga boleh berkhalwat (berdua-duaan) dengannya sehinggalah habis tempoh iddahnya. Mudah-mudahan dengan itu, Allah (*subhānahu wata'ālā*) mempersatukan kembali mereka berdua. Jika ia talak raj'i, reda si isteri tidak diperlukan ketika merujuk. Ia cukup dengan kata-kata si suami: "Aku rujuk engkau", ataupun apabila berlakunya perisetubuhan antara keduanya.

✳️ Wanita tidak boleh menikahkan dirinya sendiri. Rasulullah (*sallallāhu 'alaihi wa sallam*) bersabda: "Mana-mana wanita yang bernikah tanpa izin walinya maka pernikahannya adalah batal". (H.R Abu Daud).

✳️ Haram bagi seorang wanita menyambung rambutnya dengan rambut yang lain, atau mentatu tubuhnya. Kedua-duanya adalah dosa besar berdasarkan sabda Rasulullah (*sallallāhu 'alaihi wa sallam*): "Allah melaknat perempuan yang menyambung dan minta disambung rambutnya, juga yang membuat tatu dan minta ditatu". (Muttafaquun Alaihi).

✳️ Haram bagi seorang wanita meminta cerai dari suaminya dengan tanpa sebab. Rasulullah (*sallallāhu 'alaihi wa sallam*): "Mana-mana wanita yang meminta cerai dari suaminya dengan tanpa alasan maka haram baginya bau syurga". (H.R Abu Daud).

✳️ Wajib ke atas seorang wanita mematuhi suaminya dalam perkara kebaikan, khususnya jika dia mengajak melakukan hubungan suami isteri. Sabda Nabi: "Jika suaminya mengajak isterinya ke tempat tidur (untuk bersama) namun dia menolaknya, kemudian suaminya tidur dengan perasaan marah, maka para malaikat melaknatnya sehingga pagi". (Muttafaquun Alaihi).

✳️ Haram seorang wanita memakai minyak wangi jika dia tahu lelaki yang bukan mahramnya melaluinya. Sabda Nabi: "Jika seorang wanita memakai minyak wangi, lalu dia sengaja melalui sekumpulan lelaki supaya mereka dapat menghidunya, maka dia itu begini dan begini; yakni penzina". (H.R Abu Daud).

SOLAT

Azan dan iqamah merupakan fardu kifayah bagi lelaki yang bermukim, dan disunatkan ketika solat bersendirian dan ketika bermusafir, namun ditegah bagi wanita untuk azan dan iqamah. Tidak sah dilaungkan sebelum waktu kecuali solat subuh; dibolehkan untuk melaungkan azan pertama selepas separuh malam.

Syarat-syarat Solat: 1) Islam. 2) Berakal.

3) Tamyiz (akil baligh). 4) Bersuci bagi yang mampu. 5) Masuk waktu.

Waktu zohor bermula dari tergelincir matahari sehingga bayang seseorang itu sama panjang dengan tingginya.

Waktu asar bermula dari bayang seseorang itu lebih panjang dari tingginya yang sebenar sehingga matahari hampir terbenam.

Waktu Maghrib bermula ketika tenggelam matahari sehingga hilang cahaya kemerah-merahan di sebelah barat.

Waktu isyak bermula dari hilang cahaya kemerah-merahan dilangit sehingga separuh dari malam.

Waktu subuh bermula dari terbit fajar hingga terbit matahari.

6) Menutup aurat¹. 7) Suci badan, pakaian dan tempat dari najis.

8) Menghadap kiblat. 9) Niat.

Rukun-rukun solat: terbahagi kepada empat belas: 1) Berdiri betul bagi yang mampu dalam solat fardu. 2) Takbiratul ihram.

3) Membaca al-Fatihah. 4) Rukuk pada setiap rakaat. 5) Bangkit daripadanya. 6) Iktidal (berdiri lurus) setelah rukuk. 7) Sujud dengan tujuh anggota. 8) Duduk diantara dua sujud. 9) Duduk tahiyat akhir.

10) Membaca tahiyat akhir. 11) Membaca selawat kepada Nabi Muhammad (^sallallahu 'alaihi _{wa} ^sallam) pada tahiyat akhir.

12) Memberi salam pertama. 13) Thumakninah (bertenang) dalam setiap pergerakan. 14) Tertib dalam setiap rukun.

¹ Aurat adalah bahagian dari tubuh manusia yang apabila ia terdedah akan menimbulkan rasa malu. Aurat budak lelaki yang berusia tujuh tahun hanya dua kemaluannya; qubul dan dubur. Aurat budak lelaki yang berusia sepuluh tahun adalah antara pusat dan lututnya. Wanita baligh dan merdeka, semua anggota tubuhnya adalah aurat kecuali wajah; maka dimakruhkan menutupnya ketika solat kecuali bila ada lelaki yang bukan mahramnya, maka diwajibkan menutupnya. Apabila seseorang wanita solat atau tawaf sedangkan ada sedikit dari bahagian tubuhnya seperti lengannya terdedah, maka ibadahnya itu tidak sah. Menutup aurat berat (kemaluan dan dubur) hukumnya wajib walaupun di luar solat, dan membukanya tanpa adanya keperluan hukumnya makruh walaupun dalam keadaan gelap atau bersendirian.

Tidak sah solat seseorang tanpa rukun-rukun ini. Dan batal solat apabila meninggalkan salah satu rukun ini sama ada sengaja ataupun tidak.

Perkara wajib dalam solat: terbahagi kepada lapan: **1)** Semua takbir-takbir kecuali takbiratul ihram. **2)** Membaca: (سمع الله لمن حمده) sama ada imam atau berseorangan. **3)** Membaca: (ربنا ولك الحمد) apabila bangkit dari rukuk. **4)** Membaca: (سبحان ربي العظيم) dalam rukuk. **5)** Membaca: (سبحان ربي الأعلى) dalam sujud. **6)** Membaca: (رب اغفر لي) diantara dua sujud. **7)** Tahiyat awal. **8)** Duduk tahiyat.

Ini adalah kewajipan dalam solat; jika meninggalkannya secara sengaja, maka solatnya akan batal. Jika meninggalkannya kerana terlupa, hendaklah dia sujud sahwi.

Sunat dalam bacaan: Membaca doa iftitah, taa'uz (أعوذ بالله), bismillah, membaca Aamiin dengan suara yang kuat, membaca ayat-ayat dari al-Quran selepas membaca al-Fatihah, bacaan kuat dan lantang bagi imam (makmum ditegah membaca dengan kuat; jika solat berseorangan diharuskan), membaca:

(حمدًا كثيرًا طيبًا مباركًا فيه ملء السموات وملء الأرض... الخ) selepas tahmid, apa yang dibaca lebih daripada sekali dalam tasbih rukuk dan sujud, bacaan antara dua sujud serta doa sebelum salam.

Sunat dalam perbuatan: mengangkat kedua-dua tangan ketika takbiratul ihram, ketika rukuk, ketika bangkit dari rukuk, dan ketika bangkit dari duduk tahiyat awal. Meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri kemudian meletakkan di atas dada ketika berdiri. Melihat pada tempat sujud dan merenggangkan sedikit bukaan kaki. Memulakan sujud dengan meletakkan kedua lutut dahulu, kemudian kedua tangan, kemudiaan dahi dan hidung. Menjarakkan lengan dari rusuk, perut dari paha, paha dari betisnya serta menjarakkan kedua-dua lututnya. Menegakkan kedua kaki secara terpisah dan meletakkan perut jari-jari kaki rapat ke bumi. Meletakkan kedua-dua tangan sejajar dengan bahu dalam keadaan membuka telapak tangan dan merapatkan jari-jemari, duduk di atas lipatan kaki dan bertumpu kepada lutut dengan kedua tangan. Duduk Iftirasy pada antara dua sujud dan tahiyat awal. Duduk tawaruk pula pada tahiyat kedua. Meletakkan kedua tangan di atas riba dalam keadaan terbuka dan merapatkan jari-jemari semasa duduk antara dua sujud, begitu juga tasyahhud; cuma jari kelingking dan manis daripada tangan

kanan digenggam, jari hantu dan ibu jari pula dibentuk seperti bulatan serta dilepaskan jari telunjuk semasa menyebut nama Allah dan berdoa; sebagai menunjukkan keEsaan Allah. Menoleh ke kanan dan ke kiri ketika salam dengan mendahulukan yang kanan.

Sujud sahwi: Sunat apabila seseorang membaca dengan satu bacaan yang bukan pada tempatnya seperti membaca al-Quran ketika sujud. Harus apabila meninggalkan perkara sunat. **Wajib jika** ditambah rukuk, sujud, berdiri dan duduk, atau salam sebelum sempurnanya solat, atau salah dalam bacaan sehingga merubah makna bacaan, atau meninggalkan perkara yang wajib, atau syak terdapat pertambahan dalam solat, rakaat ataupun rukun terlebih dahulu sebelum melakukan sujud sahwi. **Batal** solat jika sengaja meninggalkan sujud sahwi yang wajib. Ia boleh dilakukan sebelum daripada salam atau selepasnya. Jika dia terlupa sujud sahwi dalam jarak waktu yang panjang, maka gugurlah kewajibannya.

Sifat solat: Apabila seseorang berdiri untuk solat, maka dia perlu menghadap kiblat dan berkata (Allahuakbar) dengan suara yang kuat bagi imam dan dapat didengari oleh jemaah di belakang dan selain daripada imam hendaklah menyebutnya dengan perlahan. Mengangkat kedua-dua tangan sejajar dengan bahu ketika mula bertakbir. Kemudian meletakkan kedua-dua tangannya dengan tangan kanan menggenggam tangan kiri serta meletakkannya dibawah dada. Kemudian memandang ke tempat sujud. Kemudian membuka dengan doa pembukaan seperti yang dinyatakan dalam sunnah seperti: (سبحانك اللهم ومحمدك وتبارك اسمك وتعالى جدك ولا إله غيرك) “Maha Suci Engkau Ya Allah, dan dengan memuji Engkau, Maha Berkah nama-Mu, Maha Tinggi keagungan-Mu, dan tiada Tuhan yang haq selain Engkau”, kemudian membaca au’zubillah (Taawuz), basmalah dan surah al-Fatihah. Makmum digalakkan untuk membaca pada sela bacaan imam dan pada tempat yang imam tidak membaca dengan kuat ketika solat yang dibacakan dengan kuat, sedangkan dia wajib membacanya pada solat yang dibaca perlahan. Kemudian dia membaca surah-surah dari al-Quran; disunatkan untuk membaca ketika solat subuh surah-surah mufassal yang panjang, ketika solat maghrib surah-surah yang pendek dan solat-solat lain dengan surah-surah yang sederhana panjang. Surah-surah mufassal yang panjang iaitu dari surah Qaff

hingga surah Amma. Surah yang sederhana dari Amma hingga ke surah ad-Dhuha, dan surah pendek dari ad-Dhuha hingga an-Nas. Imam perlu menguatkan bacaan pada solat subuh, dan dua rakaat pertama pada solat maghrib dan isyak dan memperlahankan pada rakaat yang lain. Kemudian bertakbir dan rukuk dengan meletakkan kedua tangannya pada kedua kepala lutut, merenggangkan jari-jemari, meluruskan belakangnya sejajar dengan kepalanya dan membaca: (سبحان ربي العظيم) sebanyak tiga kali, kemudian bangkit dan membaca: (سمع الله لمن حمده), iktidal iaitu berdiri tegak semula selepas rukuk kemudian membaca:

(ربنا ولك الحمد حمداً كثيراً طيباً مباركاً فيه ملء السموات وملء الأرض ما شئت من شيء بعد).
 “Aku memuji-Mu dengan pujian yang banyak, baik dan penuh dengan keberkatan di dalamnya sepenuh langit dan bumi serta sepenuh apa sahaja yang Engkau kehendaki setelah itu”. Kemudian tunduk sujud sambil bertakbir, menjarakkan kedua lengan daripada kedua rusuk dan perut dari kedua paha, menjadikan kedua tangan sejajar dengan bahu, sementara hujung jari kaki dan tangan menghalu ke kiblat, kemudian membaca: (سبحان ربي الأعلى) sebanyak tiga kali. Dia boleh menambahnya dengan doa sujud lain yang warid atau dengan mana-mana doa yang dia kehendaki. Kemudian mengangkat kepala dan menyebut Allahuakbar lalu duduk di atas buku lali kiri, menegakkan kaki kanan serta membengkokkan jari-jari kaki kanan menghadap ke kiblat, atau menegakkan kedua-dua kaki dan jari-jarinya menghadap kiblat serta berdiri di atas kedua-dua tumitnya kemudian membaca: (رب اغفر لي) sebanyak dua kali dan boleh ditambah dengan (وارحمي واجبرني وارزقي وانصرني واهدني وعافني),
 “Dan rahmatilah aku, percukupkanlah aku, angkatkan darjatku, berikan aku rezeki, pertolongan, petunjuk dan kesihatan”. Kemudian sujud kali kedua sepertimana sujud yang pertama tadi. Kemudian mengangkat kepala, menyebut Allahuakbar dan bangkit berdiri untuk memulakan rakaat kedua sebagaimana rakaat pertama. Apabila telah selesai semua sebagaimana rakaat pertama, maka duduk tahiyat iftirasy (tahiyat awal) dengan meletakkan tangan kiri di atas paha kiri dan tangan kanan di atas paha kanan; dengan digenggam jari kelingking dan jari manis, dilingkarkan jari tengah dan ibu jari, serta ditunjuk dengan jari telunjuk.

Kemudian membaca:

(التحيات لله والصلوات والطيبات، السلام عليك أيها النبي ورحمة الله وبركاته السلام علينا وعلى عباد الله الصالحين، أشهد أن لا إله إلا الله، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله)

“Segala penghormatan, pengagungan dan pujian hanyalah milik Allah. Semoga kesejahteraan atasmu wahai Nabi, juga rahmat dan berkat-Nya. Semoga kesejahteraan atas kami dan atas segenap hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya”.

Kemudian bangkit pada kali ketiga dan keempat untuk menyempurnakan solat atau baki rakaat, tetapi bacaan tidak sekuat rakaat pertama dan kedua. Hanya al-Fatihah sahaja yang perlu dibaca pada rakaat ketiga dan keempat. Kemudian duduk tawaruk untuk tahiyat akhir iaitu seperti iftirasy akan tetapi perbezaannya adalah dengan mengeluarkan kaki kiri ke sebelah kanan dengan menyentuhkan punggungnya ke lantai serta menegakkan tapak kaki kanan dengan jari hadapan dihadapkan ke kiblat. (Duduk tawaruk dalam tahiyat akhir solat mempunyai dua tasyahhud). Baca tasyahhud sepertimana tahiyat awal, kemudian disambung dengan:

اللَّهُمَّ صل على محمد وعلى آل محمد كما صليت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم إنك حميد مجيد، اللَّهُمَّ بارك على محمد وعلى آل محمد كما باركت على إبراهيم وعلى آل إبراهيم، إنك حميد مجيد،

“Ya Allah! Anugerahkanlah rahmat atas Muhammad dan keluarganya sebagaimana Engkau telah menganugerahkan rahmat kepada Ibrahim dan keluarganya, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji dan Maha Mulia. Ya Allah! Berkatilah Muhammad dan keluarganya sebagaimana Engkau telah memberkati Ibrahim dan keluarganya, sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia”. dan sunat untuk membaca lagi dengan:

(أعوذ بالله من عذاب النار وعذاب القبر، وفتنة المحيا والممات، وفتنة المسيح الدجال).

“Aku berlindung dengan Allah daripada azab neraka, siksa kubur, fitnah kehidupan dan kematian serta kejahatan fitnah Dajjal”.

Kemudian memberi dua salam bermula dengan kanan dengan menyebut: (السلام عليكم ورحمة الله), diikuti dengan salam kedua di sebelah kiri. Selepas itu disunatkan untuk menyebut doa yang warid¹.

¹ iaitu menyebut:

➤ اللَّهُمَّ (أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ) sebanyak tiga kali.

➤ اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ، وَمِنْكَ السَّلَامُ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ

Solat bagi orang sakit: jika sekiranya seseorang tidak mampu untuk berdiri ataupun merasai kesakitan sekiranya berdiri, maka dibolehkan untuk solat dalam keadaan duduk. Apabila rukuk, memadai dengan menundukkan kepala sehingga dahi setentang dengan tempat sujud. Kemudian sujud boleh dilakukan sama seperti biasa. Jika tidak mampu untuk sujud, memadai dengan menundukkan sedikit badan melebihi tunduk bagi rukuk. Namun jika tidak mampu untuk solat pada setiap waktu disebabkan kesakitan atau kesengsaraan maka boleh untuk menggabungkan (jama') di antara zohor dan asar dan di antara maghrib dan isyak.

Solat Musafir: Sekiranya jarak perjalanan melebihi (85 KM), dan perjalanannya itu untuk perkara yang halal, maka dia diharuskan untuk memendekkan (qasar) dari empat rakaat kepada dua rakaat. Sekiranya seseorang itu berniat untuk tinggal lebih dari empat hari (20 solat fardu), maka ia perlu menyempurnakan (bilangan rakaat) solatnya sejak hari pertama sampai ditempat tersebut dan tidak boleh sama sekali untuk men-qasar-kan solatnya. Jika seorang musafir menjadi makmum kepada imam yang mukim, atau dia terlupa solat ketika dia bermukim dan baru teringat apabila dia bermusafir atau sebaliknya, maka dia wajib menyempurnakan (bilangan rakaatnya). Seseorang yang bermusafir boleh solat dengan rakaat yang sempurna, tetapi memendekkannya adalah lebih afdal.

Solat Jumaat: Ia adalah lebih afdal (baik) dari solat zohor. Ia merupakan solat yang tersendiri dan bukan dipendekkan dari solat zohor. Tidak sah solat dengan melakukan 4 rakaat, ataupun dengan berniat solat zohor. Lanya juga tidak diharuskan untuk

الْمَلِكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ، لَهُ التَّعَبُّةُ
وَلَهُ الْفَضْلُ وَلَهُ الْقَنَاءُ الْحَسَنُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ، اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلَا
(مُعْطِي لِمَا مَنَعْتَ، وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَنَّةِ مِنْكَ الْجَنَّةُ).

- Menyebut selepas solat subuh dan maghrib: (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، لَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ) sebanyak sepuluh kali.
- Kemudian (الحمد لله) 33 kali, (سبحان الله) 33 kali, dan mencukupkan seratus dengan menyebut (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ).
- Kemudian membaca ayat al-Kursi.

Kemudian membaca surah al-Ikhlâs, al-Falaq dan an-Naas. Tiga surah ini diulang sebanyak tiga kali pada setiap selepas solat subuh dan maghrib.

dijama' dengan asar secara mutlak; walaupun terdapat sebab yang membolehkan jama' solat.

Solat witr: Merupakan solat sunat yang dilakukan selepas solat isyak sehingga terbit fajar. Sekurang-kurangnya satu rakaat, dan sebanyak-banyaknya sebelas rakaat. Lebih afdal (baik) untuk memberi salam setiap dua rakaat. Paling pendek adalah tiga rakaat dengan dua salam. Disunatkan untuk membaca surah al-A'la pada rakaat pertama, surah al-Kafirun pada rakaat kedua dan surah al-Ikhlâs pada rakaat ketiga. Disunatkan untuk membaca doa qunut selepas rukuk rakaat ketiga, dan dibaca dengan kuat walaupun dia bersendirian.

Solat jenazah: Memandikan mayat seseorang muslim, mengkafannya, bersolat ke atasnya, membawa ke kubur dan mengebumikannya merupakan **fardu kifayah**, kecuali mereka yang mati syahid dalam peperangan, maka jenazah mereka tidak perlu dimandikan dan dikafankan. Lanya harus untuk disolatkan serta dikebumikan terus dalam keadaan seseorang itu syahid. Bagi jenazah lelaki yang biasa, dikafankan dengan menggunakan tiga lapisan kain putih, manakala jenazah perempuan dengan lima lapisan; sehelai kain sarung, sehelai tudung, sehelai baju dan dua helai kain pembalutnya. **Disunatkan** imam atau individu berdiri di hadapan dan bertentangan dengan dada bagi jenazah lelaki dan pertengahan (pinggang) bagi jenazah perempuan. Solat jenazah dimulakan dengan takbir empat kali termasuk takbiratulihram dengan mengangkat tangan pada setiap takbir. Takbir pertama membaca taa'wuz, bismillah dan membaca al-Fatihah secara perlahan, takbir kedua membaca selawat ke atas Nabi (^{sallallahu 'alaihi}wa ^{sallam}), takbir ketiga membaca doa untuk si mati, dan takbir keempat berhenti sejenak kemudian memberi salam. **Haram** untuk meninggikan kubur lebih dari sejengkal, membuat binaan dan menciumnya, mengasapkan, menulis, duduk atau berjalan di atasnya. **Diharamkan** juga untuk menyalakan pelita di kubur, tawaf pada kubur, membina masjid di atasnya atau kebumikan jenazah di dalam masjid. Dan **wajib** untuk merobohkan kubah yang dibina di atasnya.

✱ Tidak mengapa seseorang itu mengucapkan takziah; antaranya dengan mengatakan: “Semoga Allah menggandakan pahala kamu,

menghilangkan kesedihan kamu serta mengampunkan dosa si mati”. Ketika seorang muslim bertakziah kepada seorang muslim yang lain atas kematian (warisnya) yang kafir, dikatakan: “Semoga Allah menggandakan pahala kamu dan menghilangkan kesedihan”. Haram bagi seseorang muslim untuk mengucapkan takziah kepada orang kafir walaupun (warisnya) yang meninggal adalah seorang muslim.

✳️ Wajib bagi sesiapa yang mengetahui ahli keluarganya akan meratapi kematiannya untuk berwasiat kepada mereka agar meninggalkan perbuatan tersebut. Jika tidak, dia akan diazab dengan tangisan ratapan mereka terhadapnya.

✳️ Telah berkata Imam Syafie rahimahullah: “Makruh untuk duduk-duduk bagi tujuan takziah”; iaitu berkumpul ahli keluarga si mati di rumah untuk menerima kedatangan orang yang ingin bertakziah, bahkan sepatutnya mereka pergi meneruskan urusan masing-masing, sama ada lelaki ataupun perempuan.

✳️ Sunat untuk membuat juadah makanan untuk ahli keluarga si mati, dan makruh hukumnya menjamu juadah mereka atau keluarga si mati menyediakan kepada tetamu yang hadir.

✳️ Sunat untuk menziarahi kubur seorang muslim tanpa perlu bermusafir, dan diharuskan untuk menziarahi kubur orang kafir, serta tidak ditegah seorang kafir daripada menziarahi kubur orang Islam.

✳️ **Sunat bagi mereka yang memasuki kawasan perkuburan untuk memberi salam dengan:**

“السلام عليكم دار قوم مؤمنين - أو أهل الديار من المؤمنين - وإن شاء الله بكم للاحقون،
يرحم الله المستقدمين منا والمستأخرين، نسأل الله لنا ولكم العافية، اللهم لا تحرمنا أجرهم، ولا
تفتننا بعدهم، واغفر لنا وهم”.

“Kesejahteraan utukmu wahai penghuni kubur dari kalangan orang-orang yang beriman. Sesungguhnya kami akan menyusul kalian. Semoga Allah merahmati orang yang mendahului dan yang menyusul kemudian dalam kalangan kita. Kita bermohon untuk diri kita dan kamu semua keselamatan. Ya Allah! Janganlah Engkau menghalang kami daripada pahala mereka, janganlah Engkau menguji kami setelah pemergian mereka, dan ampunkanlah kami dan mereka semua”.

Solat dua hari raya: Merupakan fardu kifayah dan waktu solat bagi kedua-dua solat ini adalah seperti mana waktu solat sunat Dhuha. Bagi mereka yang mengetahui hari raya selepas dari waktu tergelincir matahari (waktu zohor) maka solat hari raya boleh

dilakukan pada keesokan hari secara qada'. Syaratnya adalah sebagaimana solat jumaat kecuali dua khutbah (dibacakan selepas solat hari raya), dan makruh bersolat sunat sebelum atau selepas solat hari raya di tempat solat. Sifat-sifat solat hari raya: mempunyai dua rakaat; pada rakaat pertama, bertakbir enam kali selepas takbiratul ihram dan sebelum taa'wuz, manakala rakaat kedua sebanyak lima kali, dan diangkat tangan pada setiap kali bertakbir. Kemudian dibaca surah al-Fatihah secara kuat dan disusuli dengan bacaan surah al-A'la pada rakaat pertama dan surah al-Ghasyiah pada rakaat kedua. Sejurus selepas itu, khutbah hari raya disampaikan oleh khatib sebagaimana khutbah Jumaat, akan tetapi disunatkan untuk memperbanyakkan takbir. Jika seseorang melakukan solat hari raya seperti solat-solat sunat yang lain, maka solatnya tetap sah kerana takbir-takbir tambahan ini adalah sunat.

Solat gerhana: Solat sunat yang dilakukan ketika bermulanya gerhana matahari atau bulan sehingga hilangnya gerhana tersebut, dan tidak diqada jika gerhananya telah berlalu. Dilakukan sebanyak dua rakaat; pada rakaat pertama, dibaca surah al-Fatihah dan surah yang 'panjang' dengan suara yang kuat, kemudian rukuk dengan rukuk yang lama. Setelah itu, bangun dengan menyebut 'sami'alLahu liman hamidah' dan bertahmid, kemudian tidak terus sujud bahkan dibaca lagi surah al-Fatihah dan surah yang panjang. Kemudian rukuk yang panjang, selepas itu bangun dari rukuk, kemudian barulah sujud dua kali yang panjang. Seterusnya naik untuk rakaat yang kedua dan dilakukan seperti rakaat yang pertama. Setelah itu membaca tasyahhud dan memberi salam. Jika seseorang makmum datang selepas rukuk yang pertama, maka dia dikira tidak sempat dengan rakaat tersebut.

Solat Sunat Istisqa': Disunatkan untuk mengerjakan solat sunat ini sekiranya tanah menjadi gersang atau kurangnya hujan. Waktu, sifat dan hukum solat ini adalah sebagaimana solat sunat hari raya kecuali khutbahnya hanya sekali selepas solat, dan disunatkan membalikkan kain selendang setelah selesai khutbah sebagai tanda optimis akan berubahnya keadaan.

Solat sunat: Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) mengerjakan solat selain dari solat fardu sebanyak 12 rakaat dalam sehari: dua rakaat sebelum solat subuh, empat rakaat sebelum solat zohor, dua rakaat selepasnya,

dua rakaat selepas solat maghrib, dan dua rakaat selepas solat isyak. Diriwayatkan juga daripadanya solat-solat sunat yang lain.

Waktu yang dilarang mengerjakan solat:

Diharamkan sebarang solat sunat pada waktu-waktu yang telah ditetapkan larangannya sebagaimana berikut:

- 1) Ketika terbit fajar sehingga terbitnya matahari (selepas waktu subuh dan sebelum masuknya waktu solat dhuha).
- 2) Ketika matahari berdiri di puncak (sebelum masuknya waktu zohor).
- 3) Selepas solat asar sehingga terbenam matahari. Adapun solat yang bersebab, maka boleh dilakukan pada waktu-waktu ini; seperti solat sunat tahiyatul masjid, solat dua rakaat bagi tawaf, solat sunat fajar, solat jenazah, solat sunat wudu', sujud tilawah dan sujud syukur.

Syarat-syarat masjid: Pembinaannya adalah **wajib** sekadar keperluan dimana ia adalah tempat yang paling dicintai Allah (^{subhānahu} wata'āla)

Diharamkan di dalamnya upacara nyanyian, tepuk tangan, meniup seruling, bersajak dengan sajak yang diharamkan, percampuran diantara lelaki dan perempuan, bersetubuh, dan berjual beli.

Disunatkan untuk berkata kepada orang yang berjual beli: "Allah tidak akan menguntungkan perniagaan kamu". Diharamkan juga mencari barang yang hilang, dan sunat bagi yang mendengarnya untuk berkata: "Allah tidak akan mengembalikan barangmu yang hilang".

Diharuskan untuk mengajar kanak-kanak sekiranya mereka tidak mendatangkan mudarat, begitu juga akad nikah, penghakiman, mengalunkan syair-syair yang diharuskan, tidur di dalamnya bagi orang yang beriktikaf, bertamu, sakit dan qailulah (tidur sebentar pada waktu siang).

Disunatkan untuk memelihara dari hiruk pikuk atau bunyi bising, bertelingkah atau bergaduh, banyak bercakap, meninggikan suara dengan sesuatu yang makruh, atau menjadikannya sebagai laluan tanpa adanya keperluan.

Makruh bercakap-cakap tentang hal keduniaan, dan ditegah untuk menggunakan sejadah atau kelengkapan di dalamnya untuk tujuan lain seperti perkahwinan dan takziah.

Asnaf zakat: Diwajibkan berzakat melalui empat perkara;

Pertama: Binatang ternakan.

Kedua: Hasil tanaman.

Ketiga: Barang berharga (emas dan perak).

Keempat: Harta perniagaan.

Syarat wajib zakat: Tidak wajib zakat kecuali dengan lima syarat yang dinyatakan ini:

Pertama: Islam.

Kedua: Merdeka.

Ketiga: Cukup nisab.

Keempat: Pemilikan penuh.

Kelima: Cukup haul; iaitu tempoh setahun, kecuali zakat hasil tanaman.

Zakat binatang ternakan: Terbahagi kepada tiga jenis iaitu **unta, lembu dan biri-biri**. Kewujudan zakat ini perlu kepada dua syarat:

1) Cukup haul atau hampir. **2)** Diternak untuk tujuan dikembangkan, bukan untuk dijadikan gembala. Sekiranya ia diperniagakan, maka zakatnya adalah mengikut zakat perniagaan.

Zakat unta adalah:

Bil	1-4	5-9	10-14	15-19	20-24	25-35	36-45	46-60	61-75	76-90	91-120
Zakat	Tiada zakat ke atas	Se-ekor biri-biri	Dua ekor biri-biri	Tiga ekor biri-biri	empat ekor biri-biri	<i>Bint makhaad</i>	<i>Bint laboon</i>	<i>hiqqah</i>	<i>Jadha'ah</i>	dua ekor <i>bint laboon</i>	dua ekor <i>hiqqah</i>

Sekiranya bilangan melebihi 120 ekor, kadar bagi setiap 40 ekor bersamaan seekor *bint laboon* dan bagi setiap 50 ekor bersamaan seekor *hiqqah*. **Bint makhaad:** Unta betina yang berusia setahun. **Bint laboon:** Unta betina yang berusia dua tahun. **Hiqqah:** Unta betina yang cukup usia tiga tahun.

Jadha'ah: Unta betina yang berusia empat tahun

Zakat lembu:

Bil	1-29	30-39	40-59
Zakat	Tiada zakat ke atasnya	Tabi' (lembu jantan) Tabi'ah (Lembu betina)	Musinnah

Sekiranya bilangan itu lebih dari 60, maka bagi setiap 30 ekor lembu diwajibkan zakat seekor tabi'. Bagi setiap 40 ekor lembu, maka

diwajibkan zakat seekor musinnah.

Tabi' atau Tabi'ah: Anak lembu yang telah genap umur setahun.

Musinnah: Anak lembu yang cukup umur dua tahun.

Zakat Biri-biri:

Bil	1-39	40-120	121-200	201-399
Zakatnya	Tiada zakat ke atasnya	seekor biri-biri	dua ekor biri-biri	tiga ekor biri-biri

Jika bilangannya melebihi 400 ekor, maka bagi setiap 100 ekor, zakatnya ialah seekor biri-biri. Tidak dikeluarkan daripada zakat ini: kambing jantan, yang sangat tua, yang cacat mata, yang sedang mengasuh anaknya, yang hamil dan yang bernilai tinggi.

Zakat hasil tanaman: Diwajibkan zakat tanaman daripada bijirin dan buah-buahan dengan tiga syarat:

1) Hendaklah tanamannya dari jenis yang boleh ditimbang dan disimpan seperti gandum dari jenis bijian, dan anggur serta kurma dari jenis buah-buahan. Adapun tanaman yang tidak boleh ditimbang dan disimpan seperti sayur-sayuran dan yang sejenisnya, maka ia tidak wajib dizakati.

2) Cukup nisab; iaitu 653 kg atau lebih.

3) Hendaklah tanaman itu dalam pemilikannya ketika waktu dia wajib mengeluarkan zakat; iaitu ketika hasil yang baik mula kelihatan di mana buah-buahan mula menguning dan menjadi kemerah-merahan, dan biji-bijian pula telah mulai padat berisi dan mengering. Kadar zakat untuk hasil pertanian adalah sepuluh peratus (10%) jika diairi tanpa menggunakan tenaga; seperti menggunakan air hujan atau sungai, lima peratus (5%) jika pengairan menggunakan kos dan usaha tenaga seperti air yang dikeluarkan dari telaga dan seumpamanya. Adapun tanaman yang diairi dengan usaha tenaga pada sebahagian waktu dan sebahagian yang lainnya tidak, maka ia hendaklah dilihat kepada cara apa yang lebih banyak digunakan dan dihitung menurut jumlah hari kedua-dua cara tersebut.

Zakat barang berharga: terbahagi kepada dua:

1) **Emas:** tidak dikenakan zakat sehingga berat emas itu sampai 85 gram.

2) **Perak:** tidak dikenakan zakat sehingga berat perak itu sampai 595 gram. Adapun wang syiling dan kertas maka tidak dikenakan zakat sehingga sampai nilainya pada kadar minimum dari nisab emas atau

perak, dan kadar yang dikeluarkan ialah $\frac{1}{4}$ atau 2.5% daripadanya. Barang perhiasan yang dipakai tidak dikenakan zakat, akan tetapi jika ia disewakan atau dijadikan simpanan maka ia diwajibkan zakat. Diharuskan untuk wanita memakai perhiasan emas dan perak yang bersesuaian dengan kebiasaannya. Begitu juga harus diletakkan sedikit perak pada bekas, seperti mana diharuskan untuk lelaki memakai sedikit perak yang terdapat pada cincin, cermin mata dan seumpamanya. Adapun emas, ia adalah diharamkan pada bekas, tetapi dibolehkan untuk lelaki memakai sedikit emas yang dicampur dengan bahan lain seperti pada butang baju atau pengikat gigi, tanpa menyerupai wanita.

Sesiapa yang mempunyai harta yang bertambah dan berkurang, sehingga menyulitkannya untuk mengeluarkan zakat hartanya pada waktunya, maka dia hendaklah mengeluarkan zakatnya pada hari yang dia tetapkan setiap tahun di mana pada hari tersebut dia menghitung jumlah hartanya dan dikeluarkan 2.5% daripadanya, walaupun sebahagian daripada hartanya belum mencapai haulnya.

Bagi orang yang mempunyai gaji tetap atau mempunyai sesuatu yang dia sewakan seperti rumah atau sebidang tanah; jika dia tidak menjadikannya sebagai simpanan, maka tidak wajib zakat baginya walaupun jumlahnya banyak. Namun, jika ia menjadikan hasilnya sebagai simpanan, maka dia hendaklah mengeluarkan zakat setelah cukup haulnya. Jika dia sukar untuk menghitungnya jumlahnya, maka dia boleh menentukan satu hari pada setiap tahun untuk dikeluarkan zakat seperti yang telah diterangkan sebelum ini.

Zakat hutang: Sesiapa yang memberi pinjaman kepada seseorang yang kaya, ataupun mereka yang mampu membayarnya, maka dia wajib mengeluarkan zakat dari tahun-tahun yang telah berlalu apabila dia menerima pembayaran hutang tersebut walaupun jumlahnya besar. Namun jika dia tidak mungkin mendapatkan pinjamannya semula seperti peminjam menjadi muflis, maka dia tidak wajib mengeluarkan zakat kerana dia tidak mampu berbuat apa-apa terhadap wang yang telah dipinjamkan.

Zakat harta perniagaan:

Tidak dikenakan zakat kecuali dengan empat syarat:

- 1) Pemilikan mutlak.
- 2) harta tersebut untuk diperniagakan.
- 3) Nilainya telah mencapai nisab; iaitu nisab minimum emas atau perak.
- 4) Sempurna haulnya. Apabila syarat-syarat ini telah lengkap, maka perlu dikeluarkan zakat dari nilainya. Jika dia memiliki wang tunai, emas atau perak, dia hendaklah mencampurkannya dengan nilai harta perniagaan tadi supaya dia dapat menyempurnakan nisabnya. Jika dia berniat untuk menggunakan harta perniagaannya itu; seperti baju, rumah, kereta dan sebagainya, maka yang tersebut itu tidak dikenakan zakat. Namun jika dia kemudiannya ingin memperniagakan semula harta tersebut, maka dia boleh memulakan semula kiraan haulnya¹.

Zakat fitrah: Zakat fitrah hukumnya wajib atas setiap muslim jika dia memiliki harta yang lebih daripada keperluan makanannya dan ahli keluarganya pada malam dan pagi hari raya Aidil Fitri. Kadarnya ialah dua seperempat kilo dari makanan ruji setempat untuk setiap orang sama ada lelaki mahupun perempuan. Seseorang yang wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya, adalah berkewajipan juga untuk mengeluarkannya bagi orang yang di bawah tanggungannya pada malam hari raya Aidil Fitri jika dia memilikinya. Disunatkan membayar zakat fitrah pada hari raya sebelum solat hari raya, dan tidak boleh melewatkannya sehingga selepas solat. Ia boleh diawalkan sehari atau dua hari sebelum hari raya. Dbolehkan bagi seseorang untuk menerima zakat sekumpulan orang, begitu juga sebaliknya iaitu sekumpulan orang menerima zakat seseorang.

Pengeluaran zakat: Zakat wajib dikeluarkan dengan segera. Sekiranya seseorang itu masih kecil ataupun gila, maka wali mereka wajib mengeluarkannya. Disunatkan menzahirkannya dan mengagihkannya sendiri. Disyaratkan untuk berniat bagi yang telah mukalaf, dan tidak cukup dengan niat sedekah yang umum

¹ Nisabnya bersamaan dengan nilai **85 gram** (nisab emas) atau nilai **595 gram** (nisab perak). Dia boleh memilih nilai paling sedikit antara keduanya pada waktu mengeluarkan zakat.

walaupun dia mengeluarkan keseluruhan hartanya. Yang afdal adalah mengagihkan setiap zakat kepada fakir miskin di tempatnya, namun boleh dipindahkan ke tempat yang lain jika ada keperluannya. Diharuskan dan sah mempercepatkan pengeluaran zakat untuk dua tahun sekaligus apabila telah sempurna nisabnya.

Golongan penerima zakat:

- 1) Orang fakir.
- 2) Orang miskin.
- 3) Amil (pemungut zakat).
- 4) Muallaf (golongan yang masih berjinak-jinak dengan islam).
- 5) Hamba.
- 6) Orang yang dibebani hutang
- 7) Fisabilillah (orang yang berjuang di jalan Allah).
- 8) Ibnu Sabil. Semua golongan ini diberikan zakat sesuai dengan keperluan mereka kecuali Amil yang diberi mengikut upahnya walaupun dia seorang yang kaya. Zakat juga sah diberikan kepada pemberontak yang telah menguasai negerinya, atau apabila diambil oleh penguasa yang adil atau zalim; sama ada secara paksa atau rela. Tidak sah zakat yang diberikan kepada orang kafir, hambanya, orang kaya, orang yang di bawah tanggungannya dan keturunan Bani Hasyim. Apabila seseorang membayar zakatnya kepada orang yang tidak berhak menerimanya dalam keadaan dia tidak tahu, kemudian dia mengetahuinya, maka tidak sah zakatnya, kecuali jika dia memberikannya kepada orang yang dia sangkakan fakir, tapi ternyata dia itu orang yang kaya, maka zakatnya tetap sah.

Sedekah sunat: Rasulullah (^{sallāhu 'alaihī}
_{wa} ^{sallam}) bersabda: *“Amal soleh dan kebaikan yang akan sampai kepada orang beriman selepas kematiannya ialah ilmu yang dipelajari kemudian dikembangkannya, anak yang soleh, naskhah al-Quran yang ditinggalkannya sebagai pusaka, bangunan masjid yang didirikan olehnya, rumah (wakaf) yang dibina untuk para musafir, terusan yang digalinya atau sedekah yang diberi semasa hidupnya ketika dia masih sihat dan hidup, kesemua amalan ini akan mengikutinya selepas dia mati”*. (H.R Ibn Majah).

PUASA

Diwajibkan berpuasa pada bulan Ramadhan bagi semua yang telah cukup syarat: Islam, berakal, baligh, mampu untuk berpuasa, tidak haid dan nifas. Perlu bagi ibu bapa untuk memerintahkan kanak-kanak untuk berpuasa jika mereka mampu, supaya mereka dapat membiasakan diri.

Diketahui tibanya Ramadhan dengan dua perkara.

- 1) Telah nampak anak bulan oleh orang Islam yang adil dan mukalaf walaupun dia seorang wanita.
- 2) Telah sempurna bulan sya'ban 30 hari. Bermula puasa dari terbit fajar sodik hingga terbenam matahari (masuk Maghrib), dan mesti berniat puasa fardu pada bulan Ramadhan sebelum terbit fajar.

Perkara-perkara yang membatalkan puasa:

- 1) **Persetubuhan pada siang hari**; maka perlu bagi mereka untuk qada' puasa dan membayar kafarah iaitu membebaskan seorang hamba, jika tidak mampu maka berpuasa dua bulan berturut-turut, jika tidak mampu maka hendaklah memberi makan 60 orang miskin. Jika tidak mampu juga, maka terlepaslah kewajibannya.
- 2) **Keluar mani**; disebabkan mencium, menyentuh atau beronani. Mani yang keluar disebabkan mimpi tidak membatalkan puasa.
- 3) **Makan atau minum dengan sengaja**, tapi jika terlupa maka puasanya masih sah.
- 4) **Keluar darah** dengan cara berbekam atau derma darah. Darah yang sedikit seperti untuk tujuan ujian makmal atau yang keluar secara tidak sengaja seperti luka atau hidung berdarah, maka ia tidak merosakkan puasa.
- 5) **Muntah dengan sengaja**. Jika ada debu yang terbang dan masuk ke dalam kerongkongnya, atau ketika berkumur dan memasukkan air ke dalam hidung (istinsyaq) lalu ada air yang sampai ke kerongkongnya, atau dia berkhayal sehingga keluar mani, atau bermimpi basah, atau keluar darinya darah atau muntah secara tidak sengaja, maka perkara ini tidak merosakkan puasanya. Barangsiapa yang makan dengan sangkaan hari telah malam kemudian terbukti ianya masih siang, maka dia diwajibkan qada'. Dan sekiranya seseorang itu makan pada malam hari dalam keadaan syak masuknya waktu fajar, maka perkara ini tidak

merosakkan puasanya. Dan sekiranya seseorang makan pada siang hari dalam keadaan syak masuknya waktu berbuka puasa, maka puasanya diwajibkan qada'.

Hukum orang-orang yang tidak berpuasa:

Haram berbuka puasa pada bulan Ramadhan bagi orang yang tiada sebab untuk berbuka.

Wajib berbuka puasa bagi mereka yang haid, nifas dan mereka yang berhajat untuk membebaskan nyawa seseorang daripada bahaya.

Disunatkan berbuka puasa bagi musafir yang diperbolehkan untuk mengqasar solatnya jika puasa itu memberatkannya, dan orang sakit yang takut memudaratkannya.

Diharuskan untuk berbuka puasa bagi orang mukim yang bermusafir di siang hari, ibu mengandung dan menyusui yang takut memudaratkan dirinya atau anaknya dan hanya perlu di qada' sahaja puasa yang telah ditinggalkan pada bulan lain. Namun, jika ibu yang mengandung dan menyusui tidak berpuasa kerana bimbangkan anak di dalam kandungan sahaja, maka selain qada', dia hendaklah memberi makan orang-orang miskin pada setiap hari yang telah ditinggalkan.

Dan bagi mereka yang tidak mampu untuk puasa disebabkan tua atau sakit yang tiada harapan untuk sembuh, maka mereka perlu memberi makan orang miskin bagi setiap hari puasa yang ditinggalkannya dan tidak perlu untuk qada' puasanya. Dan bagi sesiapa yang melewatkan qada' puasanya kerana ada keuzuran sehingga tiba pada bulan puasa seterusnya, maka dia hanya perlu qada' sahaja. Jika seseorang itu tidak mempunyai keuzuran maka dia perlu qada' dan memberi makan orang miskin setiap hari puasa yang ditinggalkannya. Jika seseorang itu belum mengqada' dengan sebab adanya keuzuran lalu dia meninggal dunia, maka tiada apa-apa dikenakan ke atasnya. Namun jika dia mati tanpa mempunyai keuzuran, maka wajib ke atas warisnya untuk memberi makan orang miskin sebanyak hari yang telah dia tinggalkan dan disunatkan bagi warisnya untuk berpuasa diatas kecuaiannya dalam qada' puasa Ramadhan, puasa nazar atau menunaikan setiap nazar yang diniatkan.

Bagi mereka yang tidak berpuasa dengan ada sebab tertentu,

kemudian hilang sebab tersebut daripadanya ketika siang hari di bulan Ramadhan, maka menjadi kewajipan ke atasnya untuk menahan diri dari makan dan minum. Ini terjadi apabila orang kafir menjadi islam, sucinya orang yang haid, sembuhnya orang yang sakit, atau pulangnya orang yang bermusafir, atau kanak-kanak menjadi dewasa (baligh) atau orang gila menjadi waras ketika siang hari di bulan Ramadhan, dan mereka wajib mengqada' walaupun mereka berpuasa pada sisa hari tersebut. Bagi orang yang diperbolehkan untuk meninggalkan puasa Ramadan, maka puasa-puasa yang lain juga tidak dibolehkan.

Puasa sunat: Paling afdal: puasa selang seli; iaitu berpuasa sehari dan berbuka sehari, kemudian puasa hari isnin dan khamis, kemudian puasa tiga hari dalam setiap bulan dan ia digalakkan pada hari-hari putih iaitu (13, 14, 15) pada setiap bulan qamari.

Disunatkan untuk berpuasa pada kebanyakan bulan Muharram dan Sya'ban, hari Asyura', hari Arafah, dan enam hari di bulan syawal (puasa enam).

Dan **makruh** untuk berpuasa secara khusus pada bulan rejab, hari jumaat atau sabtu dan hari syak (iaitu 30 sya'ban).

Diharamkan pula untuk berpuasa pada hari raya aidilfitri, hari raya aidiladha dan hari-hari tashrik kecuali orang yang wajib dam kerana melakukan haji tamattu' atau qiran.

PERHATIAN:

★ Bagi mereka yang berhadas besar seperti berjunub, haid dan nifas yang telah suci sebelum fajar, maka harus hukumnya bagi mereka untuk melewatkan mandi wajib selepas masuknya waktu solat subuh dengan mendahulukan sahur dan puasanya adalah sah.

★ Harus bagi wanita untuk mengambil ubat pencegah haid yang boleh melewatkan kedatangan haid pada bulan Ramadhan dengan niat untuk menyertai orang Muslim lain beribadah jika ubat itu tidak berbahaya baginya.

★ Diharuskan bagi orang berpuasa untuk menelan air liur, atau kahak sekiranya ia masih berada di dalam rongga mulutnya.

★ Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: **“Umatku tidak henti-hentinya berada dalam kebaikan selama mereka segera berbuka puasa dan mengakhirkkan sahur”**. (H.R. Ahmad). Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam)

bersabda lagi: “Agama ini akan sentiasa menang selama mana manusia menyegerakan berbuka, kerana yahudi dan nasrani mengakhirkannya”. (H.R. Abu Daud).

✳ Disunatkan untuk berdoa ketika berbuka. Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “**Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa itu ketika berbuka doa yang tidak akan ditolak**”. (H.R. Ibnu Majah). Antara doa yang warid adalah sabdaannya: “ذهب الظمأ وابتلت العروق وثبت الأجر إن شاء الله.”
Maksudnya: “**Telah hilang rasa haus, dan urat-urat telah basah serta telah pasti mendapat pahala, Insya Allah**”. (H.R Abu Daud).

✳ Sunat untuk berbuka dengan kurma rutab (kurma basah), jika tiada berbukalah dengan Tamar (kurma kering), jika tiada berbukalah dengan air.

✳ Digalakkan bagi orang yang sedang berpuasa untuk mengelakkan memakai celak atau menitikkan air ke dalam mata atau telinga sebagai jalan keluar daripada khilaf. Namun jika ianya suatu keperluan seperti ubat, maka ianya dibolehkan, bahkan sekiranya rasa ubat itu sampai ke kerongkong, puasanya tetap sah.

✳ Disunatkan bersiwak pada setiap waktu berpuasa, dan ianya tidak makruh menurut pendapat yang soheh.

✳ Diwajibkan ke atas orang yang berpuasa untuk mencegah dari bergosip atau mengumpat, mengadu domba, berbohong dan perbuatan buruk yang lain. Apabila dia dicaci dan dimaki oleh seseorang, maka hendaklah dia berkata: “Sesungguhnya aku sedang berpuasa”. Dengan menjaga lisan dan anggota badannya yang lain daripada dosa, dia dapat menjaga puasanya. Rasulullah (sallallahu 'alaihi wa sallam) bersabda: “**Barangsiapa yang tidak meninggalkan ucapan dusta dan berbuat dusta, maka Allah tidak peduli dia meninggalkan makan dan minumannya**”. (H.R. Bukhari).

✳ Disunatkan bagi orang yang mendapat jemputan kenduri sedangkan dia berpuasa untuk mendoakan orang yang telah menjemputnya, sebaliknya jika dia tidak berpuasa, maka hendaklah dia makan.

✳ Malam Lailatul Qadar merupakan sebaik-baik malam dalam setahun. Ia didapati secara khusus pada sepuluh malam terakhir Ramadhan, dan ia sangat diharapkan jatuh pada malam ke-27 Ramadhan. Setiap amalan soleh yang dilakukan pada malam

tersebut adalah lebih baik dari amalan seribu bulan. Diantara tanda-tandanya adalah: Matahari terbit pada paginya dalam keadaan putih tanpa banyak sinaran jalur cahaya. Suhunya adalah sederhana. Boleh jadi seseorang muslim mendapatkannya tanpa dia mengetahuinya. Justeru, yang dituntut daripadanya adalah bersungguh-sungguh beribadah dalam bulan Ramadhan khususnya pada sepuluh malam terakhir, dan berusaha untuk tidak meninggalkan qiamullail pada setiap malam Ramadhan. Sekiranya dia solat sunat tarawikh secara berjemaah, makan janganlah dia beredar sehingga selesai dan sempurna imam memimpin solat sunat tarawikh supaya ditulis baginya pahala mendirikan keseluruhan malam.

★ Barangsiapa yang berpuasa sunat, maka dia disunatkan untuk menyempurnakannya dan ia tidak wajib. Dan sekiranya dia sengaja melakukan perbuatan yang membatalkan puasa maka dia tidak perlu qada' puasa tersebut.

I'tikaf: Iaitu seseorang Muslim yang berakal melazimi masjid untuk beribadah. **Syaratnya** adalah dia perlu sentiasa bersih atau suci dari hadas besar, dan dia tidak keluar dari tempat beri'tikaf kecuali untuk perkara yang menjadi kemestian seperti makan, menunaikan hajat dan mandi wajib. I'tikafnya batal jika dia keluar tanpa hajat atau melakukan jimak. Ia **disunatkan** pada bila-bila masa dan sangat dituntut pada bulan Ramadhan, lebih-lebih lagi pada sepuluh malam terakhir. Tempoh paling singkat untuk beri'tikaf adalah selama sejam. Dan **digalakkan** untuk tidak kurang daripada sehari semalam. Seorang perempuan tidak boleh beri'tikaf melainkan dengan izin suaminya. **Disunatkan** bagi orang yang beri'tikaf untuk menyibukkan diri dengan ibadah atau ketaatan, tidak banyak melakukan perkara yang harus dan sesuatu yang bukan urusannya.

HAJI DAN UMRAH

Diwajibkan haji dan umrah **sekali dalam seumur hidup**.

Syarat-syarat wajibnya adalah: **1) Islam, 2) Berakal, 3) Baligh, 4) Merdeka, 5) Berkemampuan**; iaitu mempunyai bekalan dan kenderaan. Barangsiapa yang cuai (setelah cukup syarat) sampai dia mati, maka perlu dikeluarkan daripada hartanya untuk haji dan umrah. Tidak sah haji dan umrah orang kafir dan orang gila, dan sah apabila dilakukan oleh anak kecil dan hamba, namun ia tidak mengangkat kewajipan haji islam (fardu) untuknya. Bagi mereka yang tidak berkemampuan seperti orang fakir, apabila mereka membuat pinjaman untuk mengerjakan haji, maka hajinya adalah sah.

Bagi mereka yang mengerjakan haji untuk orang lain, sedangkan dia sendiri belum pernah mengerjakan haji, maka haji yang dikerjakan itu dikira sebagai haji fardu untuk dirinya sendiri.

Ihram: Sunat bagi mereka yang ingin berihram untuk mandi, membersihkan diri, memakai wangi-wangian, tidak memakai pakaian yang berjahit, sebaliknya memakai dua helai kain ihram berwarna putih. Kemudian berihram dengan menyebut:

(لبيك اللهم عمرة) atau (حجاً) atau (حجا وعمرة). Sekiranya bimbang ada perkara yang menghalang umrah atau haji, maka dia boleh bersyarat dengan menyebut: (فإن حسني حابس فمحلي حيث حبستني) (Sekiranya sesuatu menghalangku dari menyempurnakannya maka aku bertahallul pada tempat aku dihalang).

Orang yang melakukan ibadah haji boleh memilih salah satu daripada tiga jenis haji: Tamattu', Ifrad dan Qiran. Namun lebih afdal untuk mengerjakan haji **Tamattu'** iaitu berihram untuk umrah pada bulan haji dan bertahallul daripadanya, kemudian berihram pula untuk haji pada tahun yang sama. **Haji Ifrad:** iaitu berihram untuk haji sahaja. **Haji Qiran:** iaitu berniat haji dan umrah serentak atau berniat umrah kemudian memasukkan niat haji sebelum dia memulakan tawaf umrah.

Apabila seseorang yang ingin mengerjakan haji sudah berada di atas kenderaanya, hendaklah dia bertalbiah dengan menyebut:

لبيك اللهم لبيك، لبيك لا شريك لك لبيك، إن الحمد والنعمة لك والملك، لا شريك لك

“Ya Allah, aku sambut panggilan-Mu, aku sambut panggilan-Mu, tiada sekutu bagi-Mu, sesungguhnya pujian, kenikmatan dan juga kekuasaan adalah milik-Mu, tiada sekutu bagi-Mu”.

Dan digalakkan untuk memperbanyakkan talbiah ini dengan suara yang kuat kecuali wanita.

Larangan semasa berihram terbahagi kepada 9:

- 1) Larangan untuk bercukur, memotong atau mencabut rambut (bulu) dengan apa cara sekalipun.
- 2) Memotong kuku.
- 3) Lelaki tidak boleh memakai pakaian yang berjahit, kecuali jika dia tiada kain maka dia boleh memakai seluar, atau dia tiada selipar maka dia boleh memakai khuf (seperti kasut yang menutup buku lali) yang dipotong sehingga menjadi di bawah buku lali, dan tidak dikenakan fidyah.
- 4) Lelaki tidak boleh menutup kepala.
- 5) Tidak boleh memakai wangi-wangian di badan dan pakaian.
- 6) Tidak boleh memburu binatang liar yang halal dimakan dagingnya.
- 7) Akad nikah: hukumnya haram tapi tidak dikenakan fidyah ke atasnya.
- 8) Menaikan syahwat dengan bercumbu-cumbuan atau mengerjakan muqadimmah persetubuhan tanpa memasuki faraj. Bayaran fidyahnya adalah seekor kambing biri-biri atau puasa tiga hari atau memberi makan enam orang miskin.
- 9) Bersetubuh: (larangan ini melibatkan lelaki dan wanita). Jika dilakukan sebelum tahallul awwal maka hajinya batal, dia wajib meneruskan amalan haji, mengqadanya pada tahun berikutnya, serta menyembelih seekor unta dan diagihkan kepada fakir miskin di Makkah. Sekiranya ia berlaku selepas tahallul awwal, hajinya tidak batal tetapi dia dikenakan dam seekor unta. Jika dia melakukan persetubuhan ketika melaksanakan umrah, maka umrahnya batal dan dia dikenakan dam seekor kambing serta dia wajib mengqadanya. Haji dan umrah tidak batal melainkan dengan berlakunya persetubuhan. Wanita adalah sama seperti lelaki dalam pantang larang ini kecuali dia boleh memakai pakaian yang berjahit, serta tidak boleh memakai niqab dan sarung tangan.

Fidyah (Dam): terbahagi kepada dua:

- 1) **Dam takhyir (pilihan):** iaitu dam kerana memotong rambut, memakai wangian, memotong kuku, menutup kepala, atau memakai pakaian berjahit bagi lelaki. Maka dia diberi pilihan antara puasa tiga hari, atau memberi makan enam orang miskin; kadar bagi satu orang miskin ialah setengah gantang (sekilo

setengah), atau menyembelih seekor kambing. Bagi kesalahan memburu binatang pula, dendanya ialah binatang ternak yang semisal dengan yang dibunuh jika ada; jika tiada maka dia hendaklah membayar nilai binatang yang telah dibunuhnya.

2) Dam tertib: iaitu dam seekor kambing bagi haji *tamattu'* atau *qiran* dan seekor unta bagi orang yang melakukan jima'. Jika dia tidak mampu, maka dia hendaklah berpuasa tiga hari ketika haji dan tujuh hari setelah pulang, manakala *hadyu* atau memberi makan orang miskin mestilah diberikan kepada orang miskin di tanah haram.

Masuk ke Makkah: Apabila seseorang yang ingin mengerjakan haji masuk ke masjid Haram, maka hendaklah dia membaca zikir yang disyariatkan untuk dibaca ketika masuk masjid. Kemudian dia memulakan tawaf umrah jika dia mengerjakan haji *tamattu'*, atau tawaf qudum jika dia mengerjakan haji ifrad atau *qiran*. Dia beridhtiba' dengan kain rida'nya; iaitu dengan meletakkan tengah kain di bawah ketiak kanan dan kedua hujung kain di atas bahu kirinya, kemudian dia memulakannya daripada Hajar Aswad dengan mengusap dan menciumnya, ataupun mengisyaratkan sambil berkata: (بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهِ أَكْبَرُ); dia menyebutnya pada setiap permulaan pusingan, menjadikan Ka'bah di sisi kirinya, bertawaf sebanyak tujuh pusingan dan berlari anak (raml) pada tiga pusingan yang pertama sekadar yang mampu serta berjalan biasa pada baki pusingan yang berikutnya, mengusap rukun Yamani jika mampu, berdoa di antara dua rukun (Yamani dan Hajar Aswad):

{ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ } *“Wahai Tuhan kami, berikan kami kebaikan di dunia dan di akhirat, serta peliharalah kami dari siksa api neraka”*, juga berdoa dengan sebarang doa yang diingini pada pusingan-pusingan yang lain. Setelah itu, dia bersolat dua rakat di belakang makam (Nabi Ibrahim ^(*'alaihissalam*).); surah al-Kafirun pada rakaat pertama dan surah al-Ikhlâs pada rakaat kedua. Kemudian disunatkan untuk minum air Zamzam dengan banyak dan kembali mengusap Hajar Aswad jika boleh, serta berdoa di Multazam (antara Hajar Aswad dan pintu Ka'bah). Selepas itu, berjalan menuju ke Bukit Safa dan menaikinya sambil berkata: (أَبْدَأُ بِمَا بَدَأَ اللَّهُ بِهِ), dan membaca ayat al-Quran dari surah al-Baqarah: 158:

﴿إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ سَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطُوفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ حَيْرًا
فَإِنَّ اللَّهَ سَدِيدٌ عَلِيمٌ﴾

“Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian daripada syariat Allah, maka sesiapa yang melakukan haji atau umrah di Baitullah, maka tidak ada dosa baginya mengerjakan sa’i di antara kedua-duanya. Dan barangsiapa yang melakukan kebaikan dengan kerelaan hatinya, maka sesungguhnya Allah Maha Menyukuri kebaikan lagi Maha Mengetahui”, seterusnya bertakbir, bertahlil, menghadap ke arah Ka’bah, mengangkat kedua-dua belah tangan dan berdoa, kemudian turun daripada bukit dan terus berjalan sehingga sampai ke kawasan yang ditandakan dengan lampu hijau, maka disunatkan untuk mempercepatkan langkah, kemudian meneruskan lagi perjalanan sehingga sampai ke bukit Marwah, lalu diulang perbuatan yang sama seperti di bukit Safa -tanpa membaca ayat di atas-, kemudian turun dari bukit dan diulang perbuatan yang sama seperti pusingan pertama sehingga cukup tujuh pusingan. Dari Safa ke Marwah dikira satu pusingan dan dari Marwah ke Safa dikira satu yang lain pula, begitulah seterusnya. Kemudian dia memendekkan rambutnya atau mencukurnya dan mencukur adalah lebih afdal kecuali pada umrah Tamattu’ kerana dia akan melakukan haji selepas umrah itu. Adapun orang yang melakukan haji Qiran dan Ifrad, maka mereka tidak bertahallul selepas tawaf Qudum sehinggalah mereka melontar jamrah Aqabah pada hari raya. Wanita dalam hal ini sama seperti lelaki kecuali mereka tiada berlari anak (raml) ketika tawaf mahupun sa’i.

Sifat haji: Pada hari Tarwiyah (lapan Zulhijjah), sesiapa yang telah bertahallul, berihram dari tempat dia tinggal di Mekkah, kemudian menuju ke Mina untuk mabit (bermalam) di sana pada malam sembilan Zulhijjah. Apabila matahari hari ke-sembilan terbit, dia bergerak menuju ke Arafah pada waktu duha. Kemudian apabila tergelincir matahari, dia bersolat zohor dan asar secara jama’ qasar. Keseluruhan Arafah adalah tempat wuquf kecuali wadi ‘Uranah. Ketika wuquf dia memperbanyakkan menyebut: **لا إله إلا الله (لا وحده لا شريك له له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير)**, serta bersungguh-sungguh berdoa, bertaubat dan meletakkan pengharapan kepada Allah (**subhānahu wata’āla**) Apabila matahari telah terbenam, dia bertolak ke Muzdalifah dengan tenang dan tidak terburu-buru sambil bertalbiyyah dan berzikir kepada Allah (**subhānahu wata’āla**) Apabila sampai di Muzdalifah, solatlah Maghrib dan Isyak secara jama’ qasar,

seterusnya bermalam di situ. Kemudian solat Subuh di awal waktu, dan tetap berdoa di situ sehingga hari mulai terang, kemudian bertolak sebelum matahari terbit. Jika dia melalui wadi Muhassir hendaklah dia mempercepatkan perjalanannya jika mampu, sehinggalah dia tiba ke Mina maka dia terus menuju ke Jamrah Aqabah lalu melontar tujuh biji batu (saiznya antara kacang kuda dan kacang hazel), sambil bertakbir dan mengangkat tangan pada setiap lontaran. Disyaratkan agar batu tersebut masuk ke lubang walaupun tidak mengenai tiangnya. Dengan melontar maka berakhir talbiyyah. Selepas itu, dia menyembelih binatang sembelihannya (hadyu), seterusnya bercukur atau memendekkan rambutnya dan bercukur lebih afdal. Dengan bercukur dan bergunting maka halal baginya semua larangan kecuali berhubungan suami isteri. Inilah yang dinamakan dengan tahallul pertama. Kemudian dia bertolak ke Mekkah untuk tawaf Ifadhah; iaitu tawaf wajib untuk kesempurnaan ibadah haji, kemudian sa'i antara Safa dan Marwah jika dia melakukan haji tamattu', atau jika dia belum melakukan sa'i selepas tawaf qudum. Apabila semua itu telah selesai maka halal baginya semua larangan termasuk hubungan suami isteri, dan ini yang disebutkan dengan tahallul kedua. Kemudian kembali ke Mina dan wajib bermalam di sana beberapa malam. Melontar ketiga-tiga jamrah setelah tergelincir matahari (waktu zohor) pada setiap harinya dengan menggunakan tujuh biji batu pada setiap jamrah; dimulai dari Jamrah Ula dengan tujuh biji batu, kemudian bergerak sedikit ke hadapan untuk berdiri berdoa, seterusnya melontar Jamrah Wusta seperti itu juga dan berdoa selepasnya, kemudian melontar Jamrah Aqabah dan tidak berhenti berdoa selepasnya. Begitulah juga pada hari yang kedua. Jika dia ingin bersegera, dia mesti keluar daripada Mina sebelum matahari terbenam. Jika matahari hari kedua belas terbenam sedangkan dia masih berada di Mina, maka dia wajib kembali bermalam di sana dan melontar untuk keesokan harinya, melainkan orang yang terperangkap di dalam kesesakan dan telah berniat untuk keluar maka tidak mengapa baginya keluar walaupun matahari telah terbenam. Orang yang melakukan haji qiran adalah sama dengan orang yang melakukan haji ifrad, kecuali dia wajib menyembelih hadyu seperti orang

yang melakukan haji tamattu'. Apabila dia ingin kembali kepada keluarganya, dia mestilah menjadikan tawaf sebagai akhir perpisahannya dengan baitullah, melainkan wanita yang haid dan nifas; mereka digugurkan daripada kewajipan tawaf wada'. Jika seseorang itu sibuk berjual beli setelah dia melakukan tawaf, maka hendaklah dia mengulanginya semula. Barangsiapa yang keluar (dari Mekkah) sebelum melakukan tawaf wada', maka dia hendaklah kembali semula jika jaraknya masih dekat, namun jika sudah jauh maka dia diwajibkan dam.

Rukun-rukun Haji terbahagi kepada empat:

- 1) Berihram; iaitu niat memasuki ibadah.
- 2) Wuquf di Arafah.
- 3) Tawaf Ifadah.
- 4) Sa'ie haji.

Wajib haji terbahagi kepada lapan perkara:

- 1) Berihram di Miqat.
- 2) Wuquf di Arafah sampai waktu malam.
- 3) Mabit di Muzdalifah sampai selepas separuh malam.
- 4) Bermalam di Mina pada malam hari Tasyrik.
- 5) Melontar semua Jamrah.
- 6) Mencukur atau memendekkan rambut.
- 7) Tawaf Wada'.
- 8) Menyembelih hadyu bagi haji Tamattu' dan Qiran.

Rukun-rukun Umrah ada tiga;

- 1) Ihram. 2) Tawaf Umrah. 3) Sa'ie Umrah.

Wajib Umrah ada dua:

- 1) Ihram di Miqat. 2) Mencukur atau memendekkan rambut.

*** Barangsiapa yang meninggalkan rukun:**

tidak sempurna Haji kecuali dengan melakukannya.

Barangsiapa yang meninggalkan wajib haji: dikenakan Dam.

Barangsiapa yang meninggalkan sunat haji: tidak dikenakan apa-apa.

Syarat sah Tawaf di Kaabah ada 13:

- 1) Islam, 2) Berakal, 3) Niat yang tertentu,
- 4) Masuknya waktu Tawaf.
- 5) Menutup aurat bagi yang mampu.
- 6) Suci dari hadas kecuali kanak-kanak.

- 7) Sempurna tujuh pusingan dengan yakin.
- 8) Menjadikan Kaabah di sebelah kiri dan mengulangi pusingan yang salah.
- 9) Tidak melawan arah.
- 10) Berjalan bagi yang mampu.
- 11) Berturutan satu pusingan dengan pusingan yang lain.
- 12) Perlu dilakukan di dalam masjid al-Haram.
- 13) Perlu bermula tawaf pada Hajarul Aswad.

Sunat Tawaf: Istilam Hajarul Aswad dan mengucupnya sambil bertakbir, istilam rukun Yamani, beridtiba' dan berlari anak (raml) pada tempatnya, berdoa dan berzikir sepanjang tawaf, mendekati Kaabah, serta mendirikan solat sunat tawaf dua rakaat setelah selesai melakukan tawaf, di belakang Maqam Ibrahim.

Syarat-syarat Sa'i terbahagi kepada sembilan;

- 1) Islam. 2) Berakal. 3) Niat. 4) Berturutan.
- 5) Berjalan bagi yang mampu. 6) Menyempurnakan tujuh pusingan.
- 7) Hendaklah sampai ke penghujung tempat saie di kaki Bukit Marwah dan kaki bukit Safa. 8) Dilakukan selepas Tawaf yang sah.
- 9) Bermula dari Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah.

Sunat-sunat Sa'i: Suci dari hadas kecil dan besar, menutup aurat, berdoa dan berzikir sepanjang bersa'i, mempercepatkan jalan pada tempatnya, mendaki Bukit Safa dan Marwah serta berturutan antara sa'i dan tawaf.

Perhatian: Afdal untuk melontar pada hari yang sama, namun jika dia melewatkannya pada keesokan harinya atau melewatkan semua lontarannya sehingga hari terakhir hari Tasyrik, maka hukumnya adalah sah.

Korban: Sunat muakkad, apabila telah masuk sepuluh Zulhijjah, orang yang ingin berkorban dilarang memotong rambut, kuku atau kulitnya sehinggalah dia menyembelih binatang korbannya.

Aqiqah: Sunat, iaitu dua ekor kambing biri-biri bagi lelaki, dan seekor bagi perempuan. Disembelih binatang tersebut pada hari ketujuh kelahiran. Disunatkan untuk mencukur rambut kepala bayi dan bersedekah dengan perak sekadar berat timbangan rambut tersebut, serta menamakan bayi tersebut. Nama yang paling disukai Allah (^{subhānahu} wata'āla) adalah Abdullah dan Abdul Rahman. Diharamkan menamakan bayi dengan (Abdul) kepada selain dari nama-nama Allah seperti Abdul Nabi atau Abdul Rasul. Jika berbetulan aqiqah

dengan korban, maka salah satunya mencukupi yang lain.

Faedah: Bagi mereka yang memasuki Masjid an-Nabawi, mulakan dengan solat sunat *tahiyatul masjid* dua rakaat. Kemudian mendatangi kubur Nabi (^{ṣallallāhu 'alaihī wa sallam}) dan berdiri setentang dengan wajah Nabi (^{ṣallallāhu 'alaihī wa sallam}) serta membelakangi kiblat, dalam keadaan hati dipenuhi rasa memuliakan seakan-akan melihat baginda, lalu mengucapkan salam sambil berkata: (السلام عليك يا رسول الله); jika ditambah dengan bacaan lain, maka ianya baik, kemudian bergerak ke kanan sekadar hasta lalu mengucapkan:

(السلام عليك يا أبا بكر الصديق، السلام عليك يا عمر الفاروق. اللهم اجزهما عن نبيهما وعن الإسلام خيرًا.)

kemudian menghadap ke arah kiblat dan menjadikan *hujrah* di sebelah kirinya, seterusnya berdoa.

HAJI	TAMATTU'	QIRAN	IFRAD
Permulaan: Ihram & Talbiyyah	Dahulukan Umrah kemudian disusuli dengan Haji	Umrah dan Haji serentak	Haji dahulu
Kemudian	Tawaf Umrah	Tawaf Qudum	Tawaf Qudum
Kemudian	Sa'i Umrah	Sa'i Haji	Sa'i Haji
Kemudian	Memendekkan (Tahallul sempurna)	Kekal dalam berihram	Kekal dalam berihram
Hari ke 8 sebelum zohor	Ihram dengan Haji dari Makkah kemudian bergerak ke Mina	Bergerak ke Mina	Bergerak ke Mina
Hari ke 9 selepas terbit matahari	Begerak ke Arafah, dan solat zohor dan asar secara jama' qasar, kemudian berdoa sehingga terbenam matahari		
Selepas terbenam matahari	Bergerak ke Muzdalifah dan menunaikan solat maghrib dan isya' qasar ketika tiba dan mabit disitu sehingga separuh malam dan sunat sehingga selepas fajar		
Hari ke 10 (hari Raya Aidiladha) selepas fajar sebelum terbit matahari	Bergerak ke Mina dan melontar Jamrah Aqabah		
	Korban	Korban	-
	Cukur atau bergunting, kemudian tawaf rukun. Dengan melakukan dua daripada tiga perkara ini berlakulah tahallul pertama, dan tahallul kedua jika ketiga-tiga sekali		
	Saie haji	-	-
Hari 11/12 dan 13	Melontar Jamrah sughra, kemudian jamrah wusta kemudian jamrah Kubra selepas zawal		
Ketika berangkat pulang	Tawaf wada' dan tidak perlu bagi mereka yang datang haid dan nifas		

FAEDAH YANG PELBAGAI

★ **Kesalahan:** terhapus dan tertebus dosa dengan perkara-perkara berikut: Taubat yang sebenar-benarnya, istighfar, melakukan kebaikan, ujian dengan musibah, sedekah, dan mendoakan orang lain. Jika masih ada dosa yang tersisa, yang belum diampunkan oleh Allah (*subhānahu wata'ālā*), maka dia akan disiksa di kubur, pada hari kiamat atau dalam neraka jahannam sehingga dia menjadi bersih daripada dosanya itu, selepas itu dia akan masuk syurga jika dia mati dalam tauhid. Namun, jika seseorang itu mati dalam keadaan kufur, syirik ataupun nifaq, maka dia akan dikekalkan di dalam neraka jahannam.

★ **Maksiat dan dosa-dosa mempunyai kesan yang besar** ke atas manusia; **kesan ke atas hati:** ia melahirkan rasa keterasingan, kegelapan, kehinaan, kesakitan dan terhalang dari Allah.

Kesan ke atas agama: seperti pengaruhnya terhadap hati, menghalangnya daripada ketaatan, juga doa Rasulullah (*sallāluhu 'alaihi wa sallam*), malaikat dan orang-orang yang beriman. **Kesan ke atas rezeki:** menghalangnya dari rezeki, menghapuskan kenikmatan dan menghilangkan keberkatan dalam harta. **Kesan ke atas individu:** Menghilangkan keberkatan dalam umur, mewarisi kehidupan yang sukar dan sempit, dan kesukaran dalam urusan. **Kesan ke atas pekerjaan:** menghalang dari menerima pekerjaan tersebut.

Kesan ke atas masyarakat: menghapuskan nikmat keamanan, menyebabkan kenaikan harga barang, penindasan para penguasa dan musuh, terhalang turunnya hujan dan lain-lain.

★ **Kebimbangan:** Ketenangan hati dan kegembiraan dan menghilangkan keresahan hati adalah idaman setiap seorang. Dengannya seseorang akan mendapat kehidupan yang baik. Bagi memperolehinya, ia perlu kepada beberapa faktor seperti agama, persekitaran dan pekerjaan, yang mana ia tidak terdapat melainkan pada orang-orang yang beriman. Diantaranya adalah: 1) Beriman kepada Allah, 2) Melakukan perkara yang diperintah dan meninggalkan yang ditegah, 3) Berbuat baik kepada makhluk lain melalui percakapan, perbuatan dan semua kebaikan. 4) Menyibukkan diri dengan pekerjaan, atau ilmu-ilmu yang bermanfaat sama ada ilmu dunia atau agama. 5) Mengelakkan untuk berfikir tentang pekerjaan akan datang atau yang telah lepas, akan tetapi

menyibukkan diri dengan pekerjaan harian. 6) Memperbanyakkan zikir dan mengingati Allah. 7) Bercakap tentang nikmat Allah sama ada zahir ataupun batin. 8) Melihat mereka yang lebih bawah dan sedikit dari kita, dan tidak melihat mereka yang lebih dari segala urusan dunia. 9) Berusaha untuk menghilangkan sebab-sebab yang mendatangkan kebimbangan, dan mendapatkan sebab yang boleh mendatangkan kegembiraan. 10) Kembali kepada Allah dengan doa untuk menghilangkan kebimbangan.

Faedah: Telah berkata Ibrahim al-Khawwas: “Ubat hati ada lima perkara: membaca al-Quran dengan tadabbur, mengosongkan perut (puasa), qiamullail, merendah diri kepada Allah ketika waktu sahur (sebelum masuk waktu subuh), dan mendampingi orang-orang soleh”.

★**Pernikahan: Disunatkan** untuk berkahwin bagi mereka yang bersyahwat tapi tidak khawatir akan berlakunya zina. **Diharuskan** bagi mereka yang tiada nafsu syahwat. **Wajib** bagi mereka yang takut zina, dan ia didahulukan daripada haji yang wajib. **Diharamkan** melihat wanita, juga perempuan tua dan budak lelaki yang belum berjanggut dengan syahwat. Syarat-syarat nikah adalah: 1) Menentukan calon pasangan suami dan isteri. Tidak sah kata-kata dari wali: “Isteri kamu adalah salah satu daripada anak perempuanku sedangkan dia mempunyai lebih dari seorang anak perempuan. 2) Kerelaan suami yang mukallaf dan matang serta kerelaan isteri yang merdeka dan berakal. 3) Wali; tidak sah perempuan mengahwinkan dirinya sendiri dan tidak boleh orang selain walinya mengahwinkannya melainkan walinya enggan mengahwinkan calon yang sekufu dengannya. Orang yang paling berhak dalam pernikahan adalah bapa kandung, kemudian datuk dari bapa kandung, seterusnya saudara kandung, saudara seayah, anak lelaki saudara kandung, anak lelaki saudara seayah, pakcik dan anak pakciknyanya. 4) Saksi; mestilah dua orang lelaki yang berakal, baligh, dan adil. 5) Bebasnya pasangan dari perkara yang menghalang seperti hubungan susuan, nasab atau perkahwinan.

★**Wanita yang haram dinikahi terbahagi kepada dua: Pertama: Haram selamanya; iaitu: a) Nasab:** mereka ialah ibu, nenek dan seterusnya ke atas, anak perempuan, cucu dan seterusnya ke bawah, saudara perempuan secara mutlak, anak perempuan dari

saudara perempuan, anak perempuan dari anak lelaki saudara perempuan atau dari anak perempuan saudara perempuan, anak perempuan dari saudara lelaki secara mutlak; anak perempuan mereka serta anak perempuan kepada anak lelaki dan anak perempuan mereka dan seterusnya ke bawah, serta ibu saudara dari sebelah ibu atau ayah dan seterusnya ke atas. **b)** Susuan; pengharamannya sama seperti hubungan nasab dan perkahwinan. **c)** Musaharah atau hubungan perkahwinan; mereka ialah ibu dan nenek, para isteri dari nasab utama (ayah, datuk) isterinya dan cabang dari anak perempuan yang dinikahi, serta anak-anak perempuan dari isteri yang dinikahi terus ke bawah.

Kedua; haram selama waktu tertentu. Ianya terbahagi kepada dua:

1) Mengumpulkan dua perempuan yang bersaudara atau mengumpulkan seorang perempuan dengan ibu saudaranya.

2) Halangan yang mungkin akan hilang seperti isteri orang lain.

★ **Faedah:** Ibu bapa tidak boleh memaksa anak lelakinya berkahwin dengan orang yang tidak disukainya, dan si anak pula tidak wajib mentaatinya, bahkan ia bukan suatu kederhakaan.

★ **Talak: Haram** menjatuhkan talak ketika perempuan dalam keadaan haid, nifas atau saat suci tapi sudah melakukan persetubuhan dengannya pada masa itu. **Ditegah** menjatuhkan talak tanpa sebab, **diharuskan** menjatuhkan talak bersebab, dan **disunatkan** menjatuhkan talak kerana membahayakan perkahwinan. Tidak wajib taat kepada kedua ibu bapa dalam hal talak. Bagi mereka yang ingin menjatuhkan talak ke atas isterinya, maka haram ke atasnya untuk talak lebih dari sekali, dan isteri itu mestilah dalam keadaan suci dan tidak disetubuhinya. Maka talak satu yang dijatuhkan boleh dirujuk tanpa menambah bilangan talak sehingga habis i'dahnya. Haram bagi wanita yang dijatuhkan talak raj'ie untuk keluar dari rumahnya atau dikeluarkan oleh suaminya sebelum habis i'dahnya. Talak terletak pada lafaz yang disebut, maka ia tidak berlaku dengan sekadar niat sahaja.

★ **Aiman:** diwajibkan kafarah dalam sumpahan dengan empat syarat: **1) memaksudkan sumpah;** tidak berlaku sumpah jika dia menyebut dengan lisannya tanpa memaksudkan sumpah, dan ia

dinamakan dengan sumpahan kosong seperti (لا والله) dan (بلى والله) dalam percakapan. **2) Bersumpah atas sesuatu yang mungkin dan belum berlaku.** Maka ia tidak berlaku atas sesuatu yang telah lepas sedangkan dia tidak tahu, atau menyangka dirinya benar, atau dia berbohong sedangkan dia tahu (ia disebut yamin ghamus-sumpah palsu- dan termasuk dalam dosa besar), atau bersumpah atas sesuatu yang belum berlaku kerana menyangka dirinya benar lalu ternyata sebaliknya. **3) Orang yang bersumpah atas pilihan sendiri** bukan kerana terpaksa. **4) Melanggar sumpahan;** dengan melakukan apa yang disumpah untuk meninggalkannya, atau meninggalkan apa yang disumpah untuk melakukannya. Barangsiapa yang bersumpah dengan ada pengecualian, maka tidak wajib kaffarah dengan dua syarat: a) pengecualian itu bersambung dengan sumpah.

b) Niat menggantungkan sumpah dengan pengecualian seperti katanya: (والله إن شاء الله) “Demi Allah, jika Allah berkehendak”. Barangsiapa bersumpah, lalu dia melihat bahawa kebaikan berada pada yang sebaliknya, sunat baginya untuk membayar kaffarah sumpahnya dan melakukan apa yang lebih baik.

Kafarah bagi sumpahan: Memberi makan sepuluh orang miskin; setiap orang miskin setengah gantang (**1¼ kg**) daripada makanan, atau memberikan mereka pakaian, atau membebaskan hamba. Jika tidak mampu, maka puasa tiga hari berturut-turut. Bagi mereka yang berpuasa sedangkan dia mampu memberi makanan dan pakaian kepada orang-orang miskin, maka tanggungjawabnya belum lagi selesai. Dan diharuskan untuk menyelesaikan kafarah sebelum melanggar sumpah atau selepasnya. Jika sumpahan lebih dari sekali di atas perkara yang sama, maka kafarah tetap satu. Jika ia atas beberapa perkara yang berlainan, maka bertambah kafarahnya.

***Nazar: Jenis-jenis nazar:**

1) Nazar mutlak; seperti mengatakan: “Aku bersumpah ke atas diriku nazar sekiranya aku sembuh”, kemudian dia diam dan tidak menentukan bentuk nazarnya itu, maka ke atasnya kafarah sumpahan sekiranya dia mendapat kesembuhan.

2) Nazar emosi atau kemarahan; iaitu menggantungkan nazar dengan syarat, dengan niat mencegah melakukan sesuatu atau

memaksakan diri melakukannya, seperti ucapannya: “Jika aku berkata sedemikian, maka aku akan berpuasa setahun”. Hukumnya adalah diberi pilihan antara perbuatan yang dia wajibkan ke atas dirinya atau menebus kafarah sumpahan ketika berkata-kata.

3) Nazar yang diharuskan. Contohnya: “Demi Allah aku akan memakai pakaian itu”. Hukumnya: diberi pilihan antara memakai pakaian atau membayar kafarah sumpahan.

4) Nazar Makruh: sebagai contoh: “Demi Allah aku akan talak isteriku”. Hukumnya disunatkan ke atasnya kafarah sumpahan dan hendaklah dia tidak melakukan apa yang dinazarkannya. Namun, jika dia tetap melakukannya, tiada kafarah ke atasnya.

5) Nazar maksiat: contoh: “Demi Allah aku akan mencuri”. Hukumnya adalah haram dan perlu menebus kafarah sumpah. Jika dia melakukan maka dia berdosa dan tidak perlu kafarah ke atasnya.

6) Nazar ketaatan: seperti: “Demi Allah aku akan bersolat nanti” dengan niat mendekati diri kepada Allah. Jika hubungan nazar itu disebabkan untuk menyembuhkan penyakit, maka wajib dia tunaikan jika telah menepati syarat. Jika tiada, maka wajib menunaikannya secara mutlak.

***Susuan:** Haram sesuatu ke atas anak susuan sebagaimana haramnya nasab keturunannya, dengan tiga syarat:

1) Susu tersebut hendaklah keluar disebabkan melahirkan anak.

2) Umur anak yang disusui mestilah di bawah dua tahun selepas kelahiran.

3) Wanita itu perlu menyusui sebanyak lima kali susuan atau lebih dengan yakin. Yang dimaksudkan dengan satu kali susuan adalah seorang bayi yang menyusui sehingga dia melepaskan puting, bukan sehingga kenyang. Penyusuan tidak mewajibkan nafkah dan pewarisan pusaka.

***Wasiat:** Wajib dilaksanakan selepas kematian oleh orang yang telah dipertanggungjawabkan, tanpa harus ada bukti bahawa dia telah diberi wasiat untuk melaksanakannya kepada pemiliknya.

Disunatkan bagi mereka yang mempunyai harta yang banyak untuk mewasiatkan seperlima dari hartanya sebagai sedekah kepada fakir miskin yang ada hubungan kerabat tetapi bukan ahli waris. Jika tidak, ia boleh diberikan kepada orang miskin, orang alim, dan orang soleh.

Makruh berwasiat bagi orang miskin yang mempunyai waris kecuali

warisnya tidak berhajat kepada hartanya, maka **diharuskan**.

Haram memberikan lebih dari sepertiga kepada orang asing, dan haram mewasiatkan sesuatu walaupun sedikit kepada ahli waris, kecuali ahli waris yang lain membenarkannya selepas kematiannya.

Batal wasiat dengan kata-kata dari pewasiat: “saya menarik kembali (wasiat saya)” atau “membatalkan” atau “mengubah” atau yang seerti dengannya.

Digalakkan untuk menulis di permulaan wasiatnya: “Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Ini adalah apa yang diwasiatkan oleh si fulan, bahawasanya dia bersaksi tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu adalah hamba dan pesuruh Allah. Dan sesungguhnya syurga itu benar, neraka itu benar, hari kiamat itu akan tiba dengan tiada keraguan. Dan sesungguhnya Allah akan membangkitkan mereka yang berada di dalam kubur. Dan aku berwasiat kepada sesiapa yang aku tinggalkan dari ahli keluargaku hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan memperelokkan hubungan sesama mereka serta mentaati perintah Allah dan Rasul jika mereka itu orang-orang yang beriman. Dan aku berwasiat kepada mereka sepertimana Nabi Ibrahim dan Nabi Ya’qub berwasiat kepada anak-anaknya:

وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ بَنِيَّ ۚ إِنَّ اللَّهَ صَافِي لِكُلِّ شَيْءٍ ۖ وَإِنَّكُمْ لَمُسْلِمُونَ

Ertinya: “*Hai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini bagimu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu seorang muslim*”. [al-Baqarah: 132].

✳ Disunatkan apabila berselawat kepada Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam) untuk menggabungkan di antara solat dan salam, dan tidak berpada dengan salah satu darinya. Selain para Nabi tidak diselawatkan ke atas mereka, jadi tidak disebut: Abu Bakar

(sallallahu 'alaihi wa sallam) ‘sallallahu alaihi wasallam’ atau ‘alaihihsalam’, kerana hukumnya makruh. Diharuskan menurut ijma’ untuk menyertakan selain daripada Nabi dalam berselawat seperti: “Semoga Allah memberikan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammada (sallallahu 'alaihi wa sallam), ahli keluarga, para sahabat, para isteri dan zuriatnya”.

Disunatkan ucapan meredai dan merahmati ke atas sahabat-sahabat, dan para tabaien, serta orang selepas mereka dari kalangan para ulamak, ahli ibadah dan seluruh ahli kebaikan seperti: “Abu

Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad -Radiallahu anhum-” atau boleh disebut dengan “Rahimahumullah”.

✳ **Menyembelih:** Wajib menyembelih agar haiwan itu boleh dimakan.

Diantara syarat-syaratnya adalah: 1) Haiwan tersebut boleh dimakan.

2) Penyembelih mampu mengawal haiwan tersebut.

3) Mestilah haiwan yang tinggal di daratan.

Penyembelihan terbahagi kepada empat syarat; 1) Penyembelih adalah orang yang berakal. 2) Menggunakan sesuatu alat selain gigi dan kuku; kerana ia tidak sah digunakan sebagai alat penyembelihan. 3) memotong halkum atau kerongkong, urat mari’ (saluran darah) dan salah satu urat lehernya. 4) Membaca bismillah ketika menggerakkan tangan untuk menyembelih, dan ia gugur jika terlupa, boleh melafazkannya dengan selain bahasa Arab, serta disunatkan untuk menyertakannya bersama takbir.

✳ **Memburu: syarat-syarat untuk haiwan buruan adalah:**

1) Haiwan tersebut adalah halal dan boleh dimakan.

2) Haiwan yang liar dan lasak. 3) Haiwan yang tidak mungkin dikawal. Hukumnya; harus untuk diburu, dan makruh jika buruan untuk permainan atau hiburan. Jika pemburuan yang berterusan boleh menyebabkan gangguan terhadap manusia, maka ia menjadi haram.

Diharuskan untuk memburu dengan empat syarat:

1) Pemburu mestilah yang tahu menyembelih.

2) Alat memburu adalah yang halal untuk penyembelihan, seperti anak panah dan lembing. Jika memburu dengan binatang seperti helang dan anjing, maka ia mestilah dari jenis yang terlatih.

3) Niat dalam perbuatan; iaitu melepaskan alat untuk tujuan memburu. Jika tiada niat memburu, maka binatang itu tidak halal dimakan.

4) Menyebut ‘bismillah’ ketika melepaskan alat buruan, dan ia (kewajipannya) tidak gugur walaupun terlupa, maka hasil buruan haram untuk dimakan tanpa menyebut ‘bismillah’.

✳ **Makanan:** iaitu semua yang boleh dimakan dan diminum, dan asal hukum baginya adalah halal.

Makanan menjadi halal dengan tiga syarat: 1) Makanan itu bersih.

2) Makanan itu tidak mendatangkan mudarat. 3) Makanan itu tidak kotor.

Diharamkan semua makanan yang najis seperti darah dan bangkai, dan apa yang memberi mudarat dan berbahaya seperti racun, dan

yang tercemar seperti najis, air kencing, kutu dan virus.

Diharamkan dari binatang-binatang daratan seperti: keldai, yang mempunyai taring seperti singa, harimau, serigala, harimau kumbang, anjing, khinzir, monyet, kucing walaupun jinak, musang dan tupai kecuali dubuk. **Haram bagi burung yang memburu dengan menggunakan cakaran** seperti burung helang dan jenis-jenisnya, serta burung hantu, begitu juga **burung pemakan bangkai** seperti burung nasar, burung hering dan burung botak. **Begitu juga semua binatang yang dianggap jijik oleh orang arab yang tinggal di bandar** seperti kelawar, tikus, tebuian, lebah, lalat, kupu-kupu, burung belatok, landak, ular, serangga, cacing, kumbang dan cicak. Semua yang diperintahkan oleh syara' untuk membunuhnya seperti kalajengking atau mencegah dari membunuhnya seperti semut. Begitu juga haiwan yang dilahirkan dari binatang yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan seperti *simi`*; anak kacukan dubuk dan serigala. Tidak diharamkan anak daripada kacukan yang halal seperti kuda dan kuda belang. Selain yang telah disebutkan adalah halal seperti binatang ternakan dan kuda, juga **binatang liar** seperti zirafah, arnab, marmot, jerboa, biawak pasir dan rusa. Burung-burung seperti burung unta, ayam, burung merak, burung kakak tua, merpati, burung pipit, itik, angsa, dan semua burung-burung air. Haiwan-haiwan air kecuali katak, ular air dan buaya. Pengairan dan pembajaan dengan najis kepada tanaman dan buah-buahan harus dimakan kecuali apabila jelas rasa dan bau najis padanya, maka haram untuk dimakannya. Makruh memakan arang, tanah, tanah liat, bawang merah, bawang putih, dan sepertinya kecuali selepas dimasak. Walaubagaimanapun, jika kelaparan dan terpaksa, wajib untuk dia makan apa-apa sekadar yang boleh menyelamatkan jiwanya sahaja.

***Haram** untuk mengucapkan tahniah kepada orang kafir dengan ketibaan perayaan mereka dan mengunjungi rumah mereka serta memulakan ucapan salam. Jika mereka yang memulakan salam, wajib untuk menjawab dengan ucapan: “dan ke atas kamu juga”. Diharamkan berdiri untuk mereka dan ahli bidaah serta makruh bersalaman dengan mereka. Adapun mengucapkan takziah dan menziarahi mereka, ia adalah haram kecuali untuk suatu maslahat syarie.

RUKYAH SYAR'IYYAH

Sesungguhnya orang yang memerhatikan peraturan Allah (*subhānahu wata'āla*) pasti mengetahui bahawa ujian adalah peraturan ciptaan-Nya yang telah ditentukan sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah: 155: ﴿وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالشَّرْمَلِ ۗ وَبَسْرٍ ٱلْأَبْصَارِ ۗ﴾ “Dan sungguh Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berilah berita gembira kepada orang-orang yang sabar”. Dan salah bagi mereka menganggap bahawa orang-orang yang soleh jauh dari ujian, bahkan ujian itu adalah dalil bagi keimanan. Telah bertanya seseorang kepada Rasulullah (*sallallāhu 'alaihi wa sallam*): “Manusia manakah yang paling banyak ujian? Baginda berkata: Para Nabi, kemudian orang soleh, kemudian orang yang terbaik selepas orang yang terbaik dari kalangan manusia. Seseorang itu diuji sesuai dengan agamanya; jika agamanya teguh, maka akan bertambah ujiannya, sebaliknya jika imannya lemah, maka akan diringkankan ujiannya”. (H.R Ibnu Majah). Ia adalah tanda-tanda kasih sayang Allah (*subhānahu wata'āla*) ke atas hamba-Nya. Sabda Rasulullah (*sallallāhu 'alaihi wa sallam*): “Sesungguhnya Allah apabila Dia menyayangi sesuatu kaum itu, akan diberi ujian ke atas mereka”. (H.R Ahmad). Ia juga tanda Allah (*subhānahu wata'āla*) menginginkan kebaikan untuk hamba-Nya. Rasulullah (*sallallāhu 'alaihi wa sallam*) bersabda: “Jika Allah menginginkan kebaikan untuk hamba-Nya, maka Dia menyegerakan ke atasnya hukuman atau balasan di dunia. Dan jika Allah menginginkan keburukan untuk hamba-Nya, maka Dia akan menahan (hukuman) dosanya, sehinggalah dia akan mendapatkan keseluruhan hukuman (dosanya) pada hari kiamat”. (H.R Tirmizi). Ia juga menjadi kafarah kepada dosa-dosa; Rasulullah (*sallallāhu 'alaihi wa sallam*) bersabda: “Tidaklah seseorang Muslim itu terkena perkara yang menyakitkan iaitu duri atau yang lebih sakit lagi darinya kecuali Allah mengampuni kesalahan-kesalahannya seperti pohon yang menggugurkan daun-daunnya”. (Muttafaquun alaihi). Oleh yang demikian, sesungguhnya seseorang Muslim yang diuji -jika dia seorang yang soleh- maka ujian itu menghapuskan kesalahan-kesalahannya yang lalu, atau meninggikan darjat mereka. Jika dia seorang pelaku maksiat, maka ianya menebus perbuatan buruk mereka, dan menjadi peringatan akan bahaya perbuatannya itu. Allah (*subhānahu wata'āla*) berfirman dalam surah ar-Rum:

41 yang bermaksud: {Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)}.

Jenis-jenis ujian: Ujian dengan kebaikan; seperti bertambahnya harta, dan ujian dengan keburukan; seperti ketakutan, kelaparan dan kekurangan harta. Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman dalam surah al-Anbiya':35 yang bermaksud: {Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan}. Dan darinya juga ujian dengan kesakitan dan kematian yang mana sebab terbesarnya ialah sihir dan 'ain yang lahir dari sifat hasad. Rasulullah (^{sallāluhu} 'alaihi ^{sallam} wa) bersabda: "Kebanyakan mereka yang meninggal dari kalangan umatku selepas qada dan qadar Allah adalah disebabkan penyakit Ain". (H.R al-Toyalisi).

Mencegah dari penyakit Ain dan sihir: Mencegah lebih baik dari mengubati, maka wajib ke atas kita untuk mengawalinya. Di antara perkara yang penting ialah:

- ★ Memperkuatkan diri dengan tauhid, dan beriman bahawa pengurus alam ini ialah Allah, serta memperbanyakkan membuat kebaikan.
- ★ Bersangka baik kepada Allah dan bertawakkal kepadaNya; maka hendaklah seseorang itu tidak mengandaikan adanya penyakit atau 'ain atas sesuatu yang menimpa diri kerana 'waham' (sangkaan) sendiri adalah suatu penyakit¹.
- ★ Apabila seseorang itu dikenali oleh masyarakat sebagai penyebab 'ain dan tukang sihir, maka hindarilah mereka sebagai mengambil sebab, bukan kerana takut kepadanya.
- ★ Mengingati Allah dan mengucapkan 'tabriik' (doa keberkatan) ketika melihat perkara yang menakjubkan. Rasulullah (^{sallāluhu} 'alaihi ^{sallam} wa) bersabda: "Apabila salah seorang di antara kalian melihat dalam dirinya atau hartanya atau saudaranya sesuatu yang mengagumkannya, hendaklah dia mendoakannya dengan

¹ Menurut para doktor dan pakar bahawa lebih dari dua pertiga penyakit fizikal timbul kerana faktor psikologi yang merasa adanya penyakit, sedangkan penyakit itu tidak ada sebenarnya.

keberkatan kerana ‘ain itu benar-benar ada”. (H.R Hakim); (Mendoakan dengan keberkatan adalah seperti: “بَارَكَ اللهُ لَكَ” bukan dengan menyebut: “تَبَارَكَ اللهُ”).

★ Memakan pada waktu pagi tujuh biji tamar (‘ajwah) dari Madinah.
 ★ Bersandar kepada Allah, bertawakkal kepadaNya, bersangka baik denganNya, memohon perlindungan dariNya dari ‘ain dan sihir, dan menjaga zikir dan ta’awidz (bacaan perlindungan) pada setiap pagi dan petang. Zikir-zikir ini mempunyai kesan yang bertambah dan berkurang dengan keizinan dari Allah dengan dua perkara:

- 1) Beriman bahawa apa yang disebut tentang zikir-zikir ini adalah benar, dan ianya memberi manfaat dengan izin Allah.
- 2) Menyebutnya dengan lidah, mendengar dengan telinga dan hadirkan dalam hati, kerana ianya adalah doa. Doa tidak akan diterima sekiranya hati lalai dariNya, sebagaimana dalam riwayat sahih daripada Rasulullah (^{sallallahu ‘alaihi}
_{wa} ^{sallam})

Waktu zikir dan ta’awidz:

Zikir subuh dibaca selepas solat subuh, manakala zikir petang dibaca selepas solat asar. Sekiranya seseorang Muslim itu terlupa untuk menyebutnya atau lalai, maka sebutlah apabila dia ingat.

Tanda-tanda terkena penyakit ‘ain dan selainnya: Tiada percanggahan diantara doktor dan perubatan Islam. Sesungguhnya al-Quran di dalamnya terdapat ubat untuk penyakit-penyakit jasmani dan penyakit rohani. Jika seseorang itu tidak mempunyai penyakit-penyakit jasmani, maka tanda-tanda (penyakit ‘ain) kebiasaannya ialah dalam bentuk sakit kepala yang berpindah-pindah, kekuningan pada wajah, banyak berpeluh dan kencing, hilang selera, kebas atau kepanasan atau kesejukan pada hujung-hujung anggota, degup jantung tidak teratur, rasa sakit yang berpindah-pindah dari bawah punggung dan bahu, sedih dan sempit dalam dada, tidak dapat tidur pada waktu malam, tindak balas emosi yang dahsyat seperti ketakutan dan kemarahan yang luar biasa, banyak sendawa dan mengeluh, suka mengasingkan diri, lembab dan malas, suka tidur, serta masalah kesihatan lain yang tiada penjelasan dari segi perubatan. Kemungkinan untuk wujudnya tanda-tanda ini bergantung kepada kuat dan lemahnya kesakitan itu.

Perlu bagi seseorang Muslim untuk kuat Iman dan hati, tidak

dipengaruhi was-was, dan tidak membayangkan dirinya ditimpa sesuatu penyakit hanya kerana dia merasakan adanya salah satu tanda-tanda ini, kerana *'waham'* adalah antara penyakit yang paling sukar diubati. Boleh jadi wujud sebahagian tanda-tanda ini sedangkan dia sihat, dan boleh jadi juga tanda-tanda itu wujud tetapi ia berpunca dari penyakit jasmani, juga boleh jadi ia berpunca dari lemahnya iman seperti sesak dada, sedih dan lembab, maka hendaklah dia memeriksa hubungannya dengan Allah.

Apabila sakit disebabkan 'ain¹, maka ada dua cara untuk mengubatnya dengan izin Allah:

1) Jika diketahui pelaku 'ainnya, maka hendaklah engkau menyuruh dia mandi, kemudian engkau mengambil air itu atau bekasnya² untuk dijadikan air mandian atau minuman.

2) Jika pelaku 'ain tidak diketahui: maka rawatan dilakukan melalui rukyah, doa dan bekam.

Adapun jika sakit itu disebabkan sihir³, maka rawatan -dengan izin Allah (^{subhānahu} wata'ala) - dapat dilakukakan dengan salah satu cara tersebut:

1) Mengetahui tempat sihir: Jika telah terjumpa tempat sihir itu, maka perlu dirungkaikan ikatan dengan membaca al-mu'awwidzatain (surah al-Falaq dan an-Nas), kemudian membakarnya.

2) Rukyah syar'iyah: Dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran

¹ 'Ain adalah penyakit dari jin, terjadi dengan izin Allah pada orang yang terkena 'ain, dengan sebab pelaku 'ain menyifatkan dan mengagumi ketika datangnya para syaitan dan tiadanya pendinding (seperti zikir, solat dan lain-lain). Ia dikuatkan oleh hadis: "*'Ain itu sesuatu yang benar*". [H.R. al-Bukhari]. Dalam riwayat yang lain: "*'Ain didatangkan oleh syaitan dan perasaan hasad anak Adam*". [H.R. Ahmad]. Dinamakan dengan 'ain (mata) kerana ia adalah alat untuk menyifatkan, bukan kerana ia yang menyebabkan bahaya, dengan dalil bahawa orang buta juga dapat menyebabkan 'ain pada orang lain sedangkan dia tidak dapat melihatnya.

² Sesuatu yang disentuh oleh pelaku 'ain seperti sisa minuman, makanan atau apa yang disentuhnya lalu diambil darinya atau diusap dengan tisu dan sejenisnya, kemudian ditambah dengan air lalu disiramkan kepada orang yang terkena 'ainnya dan diberi minum sebahagian darinya.

³ Sihir adalah jampi dan mantra serta perkataan yang diucapkan, atau menggunakan sesuatu yang dapat mempengaruhi badan, hati atau akal orang yang terkena sihir secara langsung. Ia sesuatu yang realiti; ada yang membunuh, ada yang menyebabkan sakit, ada yang menghalang seorang lelaki menggauli isterinya dan memisahkan kedua-duanya. Ada sihir yang syirik, kufur dan dosa besar.

khususnya al-mu'awwidzatain dan al-Baqarah seterusnya dengan doa-doa yang akan dinyatakan nanti.

3) An-Nusyrah (pengubatan sihir) ada dua jenis: i) Haram; iaitu mengeluarkan sihir dengan sihir, dan pergi kepada tukang sihir untuk merungkaikannya. **ii) Harus; antaranya ialah** mengambil tujuh helai daun bidara dan menumbuknya sehingga halus, kemudian, membaca surah (al-Kafirun, al-Ikhlash, al-Falaq, dan an-Nas) sebanyak tiga kali ke atas daun bidara tersebut seterusnya diletakkan di dalam air untuk diminum dan dijadikan mandian. Ulang beberapa kali sehingga sembuh dari sihir tersebut dengan izin Allah. (Diriwayatkan oleh Abdul Razak dalam al-Musannaf).

4) Mengeluarkan sihir: memuntahkan dengan menggunakan ubat cecair sekiranya sihir itu di dalam perut dan membekam¹ sekiranya sihir di anggota yang lain.

Rukyah: Syarat-syaratnya: 1) Perlu menggunakan ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang dibenarkan dalam Islam.

2) Dengan menggunakan bahasa Arab namun harus menggunakan bahasa lain ketika berdoa.

3) Yakin bahawa rukyah tidak akan menyembuhkan seseorang kecuali dengan izin Allah, kerana penawar hanya daripadanya. Agar ia lebih berkesan, digalakkan untuk membaca ayat-ayat suci al-Quran dengan niat untuk menyembuhkan penyakit dan hidayah² untuk manusia dan jin. Ini kerana al-Quran diturunkan sebagai petunjuk dan penawar, dan tidak dibaca dengan niat untuk membunuh jin kecuali ketika jin tersebut sukar untuk

¹ Rasulullah (ﷺ) bersabda: *“**Sesungguhnya cara perubatan yang terbaik adalah bekam**”*. Allah (ﷻ) telah menyembuhkan dengannya penyakit-penyakit fizikal, atau yang berpunca daripada ‘ain dan sihir seperti kanser dalam beberapa kejadian yang benar.

² Niat hidayah: suatu dakwah terhadap orang yang mendengar al-Quran kepada agama Allah, berbuat baik dan meninggalkan kejahatan. Niat ini sangat memberi kesan sepertimana yang telah dicuba, sehinggakan seringkali jin akan terkesan dengan al-Quran kemudian berhenti daripada kejahatannya kepada orang yang sakit itu dengan segera. Ia berbeza dengan niat membunuh (jin) yang menyebabkan jin itu bertambah degil dan sombong, lalu ia memudaratkan pengubat dan pesakit. Nabi (ﷺ) bersabda: *“**Sesungguhnya Allah (ﷻ) itu Maha Lembut dan sukakan kelembutan. Dia memberikan pada sifat kelembutan apa yang Dia tidak berikan pada sifat kekerasan..**”* [H.R. Muslim].

dikeluarkan seperti yang telah disebutkan.

Syarat-syarat bagi orang yang merawat:

- 1) Perlu seorang muslim yang soleh dan bertaqwa kerana kesannya lebih kuat.
- 2) Hendaklah benar-benar bergantung harap kepada Allah ketika melakukan rawatan, di mana lidah dan hati sama-sama menyatu. Yang lebih baik ialah seseorang itu merawat dirinya sendiri kerana kebiasaannya orang lain hatinya lebih sibuk, juga kerana tiada seorang pun yang merasai desakan dan keperluan (kepada kesembuhan) sepertinya, justeru orang yang meminta dalam keadaan terdesak dijanjikan Allah dengan istijabah (terjawabnya permintaannya).

Syarat-syarat orang yang dirawat.

- 1) Digalakkan untuk orang beriman yang soleh, dan di atas kadar keimanannya ia akan memberi kesan. Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) berfirman dalam surah al-Isra': 82 **وَنَزَّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ** . Maksudnya: *{Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya, dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan bagi orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua}.*
- 2) Bergantung kepada Allah dengan bersungguh-sungguh bahawa Dia akan menyembuhkannya.
- 3) Tidak merasa lambat untuk sembuh dari penyakit tersebut kerana rukyah adalah doa. Jika seseorang itu tidak sabar untuk mendapat jawapan (kesembuhan), maka doa yang dipohon itu tidak diterima oleh Allah. Rasulullah (^{sallāllāhu}_{wa} ^{'alaihi}_{sallam}) bersabda: *“Doa kamu akan dimakbulkan selagi kamu tidak berputus asa dengan mengatakan: Aku telah berdoa kepada Tuhanku, tetapi Dia tidak menerimanya”.* (Muttafaqun Alaihi).

Cara-cara rukyah:

- 1) Membaca rukyah sambil menghembus air liur (meludah sedikit).
- 2) Membaca rukyah tanpa meludah.
- 3) Mengambil air liur dengan tangan dan mencampurkan dengan tanah, kemudian sapu ditempat yang sakit.
- 4) Membaca rukyah serta menggosok di tempat yang sakit.

Ayat-ayat dan hadis-hadis merawat pesakit: (Surah al-Fatihah), Surah (Al-Kafirun), (Al-Ikhlās), (Al-Falaq), (An-Nas),

(Ayat Kursi):

﴿اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ﴾

(Dua ayat terakhir surah al-Baqarah):

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ ۖ وَاللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾¹
 ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا مَالَ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ بِمَا هُوَ حَقٌّ مِّنْهُم يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ لِلَّذِينَ آمَنُوا الْوَالِدُونَ وَالْأَقْرَبُونَ بِالْإِحْسَانِ وَالْحَقِّ ۚ وَالَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِمْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لِطَاقَةِ لَنَا بِهِ ۖ وَاعْتَمِدْنَا عَلَى اللَّهِ وَاعْتَمِدْنَا عَلَىٰ أَعْقَابِنَا وَارْحِمْنَا ۖ إِنَّتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَىٰ الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ﴾²

﴿فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ﴾³
 ﴿يَقَوْمَنَا أَجِيبُوا دَاعِيَ اللَّهِ وَآمِنُوا بِهِ، يَعْفِرْ لَكُمْ مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُمْ مِّنْ عَذَابِ أَلِيمٍ﴾⁴
 ﴿وَنَزَّلَ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا﴾⁵
 ﴿أَمْ يَحْسُدُونَ النَّاسَ عَلَىٰ مَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ﴾⁶ ﴿وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ﴾⁷
 ﴿وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ﴾⁸ ﴿قُلْ هُوَ الَّذِي هَدَىٰكُمْ لِكَلِمَاتِ هَذِهِ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾

¹ Maksudnya: {...Maka Allah akan memelihara kamu dari mereka. Dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui}. Surah Al-Baqarah: 137

² Maksudnya: {Wahai kaum kami! Sahutlah (seruan) Rasul (Nabi Muhammad) yang mengajak ke jalan Allah, serta berimanlah kamu kepadanya, supaya Allah mengampunkan sebahagian dari dosa-dosa kamu dan menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya}. Surah Al-Ahqaf: 31

³ Maksudnya: {Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya, dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan bagi orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua}. Surah Al-Isra': 82

⁴ Maksudnya: {Atau patutkah mereka dengki kepada manusia (Nabi Muhammad dan umatnya) disebabkan nikmat (pangkat Nabi dan agama Islam) yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka dari limpah kurniaNya?}. Surah An-Nisa': 54

⁵ Maksudnya: {Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku}. Surah Ash-Shu'ara': 80

⁶ Maksudnya: {dan Dia akan memuaskan hati orang-orang yang beriman}. Surah At-Tawbah: 14

⁷ Maksudnya: {Katakanlah (wahai Muhammad): Al-Quran itu, menjadi

﴿لَوْ أَنزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَىٰ جَبَلٍ لَّرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ﴾¹
 ﴿فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَىٰ مِنْ فُطُورٍ﴾²
 ﴿وَإِنْ يَكَادُ الَّذِينَ كَفَرُوا لَيُزْلِقُونَكَ بِأَبْصَرِهِمْ لَمَّا سَمِعُوا الذِّكْرَ وَيَقُولُونَ إِنَّهُ لَمَنْجُونٌ﴾³
 ﴿وَأَرْحَبِنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَلْقَىٰ عَصَاكَ إِذْ آتَاهَا تَلْقَفُ مَا يَأْفِكُونَ﴾⁴ ﴿١١٧﴾ الْحَقُّ وَبَطْلٌ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ
 ﴿فَعَلِبُوا هُنَالِكَ وَانْقَلَبُوا صَنِيعِينَ﴾⁵ ﴿١١٨﴾
 ﴿قَالُوا يَا مُوسَىٰ إِمَانًا تَلْفِي وَإِمَانًا تَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَلْقَىٰ﴾⁶ ﴿١١٩﴾ قَالَ بَلِ الْقَوْمُ إِذْ آتَاهُمْ وَعَصَاهُمْ يُجْحِلُ
 إِلَيْهِ مِنْ سِحْرِهِمْ أَنَّهُ تَسْعَىٰ﴾⁷ ﴿١٢٠﴾ فَأَوْحَسَ فِي نَفْسِهِ خِيفَةَ مُوسَىٰ ﴿١٢١﴾ فَلَمَّا لَا تَخَفُ أَنْتَ الْأَعْلَىٰ﴾⁸ ﴿١٢٢﴾
 ﴿وَأَلْقَىٰ مَا فِي يَمِينِكَ تَلْقَفُ مَا صَنَعُوا إِنَّمَا صَنَعُوا كَيْدٌ سِحْرٍ وَلَا يُفْلِحُ السَّاحِرُ حَيْثُ أَتَىٰ﴾⁹

(cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman}.

Surah Fussilat: 44

- ¹ Maksudnya: {Sekiranya Kami turunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah}. Surah Al-Hashr: 21
- ² Maksudnya: {maka ulangilah pandanganmu; dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan?}. Surah Al-Mulk: 3
- ³ Maksudnya: {Dan sesungguhnya orang-orang yang kafir itu, hampir-hampir menggelincir dan menjatuhkanmu dengan pandangan mereka (yang penuh dengan permusuhan dan kebencian), semasa mereka mendengar Al-Quran sambil berkata: Sebenarnya (Muhammad) itu, benar-benar seorang yang gila}. Surah Al-Qalam: 51
- ⁴ Maksudnya: {Dan Kami wahyukan kepada Nabi Musa: Campakkanlah tongkatmu! Maka tiba-tiba tongkat itu menelan apa yang mereka pura-pura adakan (dengan sihir mereka). Maka sabitlah kebenaran (mukjizat Nabi Musa) dan batallah (sihir) yang mereka telah lakukan. Oleh itu, kalahlah Firaun dan ketua-ketua kaumnya di situ dan kembalilah mereka dalam keadaan yang hina}. Surah Al-A'raf: 117-119
- ⁵ Maksudnya: {Mereka berkata: Wahai Musa! Engkaulah yang akan mencampak lebih dahulu atau kamikah yang mula-mula mencampak? Nabi Musa menjawab: Bahkan kamu campaklah dahulu. Tiba-tiba tali-tali mereka dan tongkat-tongkat mereka terbayang-bayang kepadanya seolah-olah benda-benda berjalan, disebabkan sihir mereka. Maka yang demikian menjadikan Nabi Musa merasa takut sedikit dalam hatinya. Kami berfirman kepadanya: Janganlah engkau takut (wahai Musa)! Sesungguhnya engkaulah yang tertinggi mengatasi mereka dengan kemenangan. Dan campakkanlah apa yang ada di tangan kananmu, nescaya ia menelan segala (benda-benda sihir) yang mereka lakukan, kerana sesungguhnya apa yang mereka lakukan itu hanyalah tipu daya ahli sihir; sedang ahli sihir itu tidak akan beroleh kejayaan, di mana sahaja dia berada}. Surah Taha: 65-69

﴿ثُمَّ أَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ﴾¹
 ﴿فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَيْهِ وَأَيَّدَهُ بِجُودٍ لَمْ تَرَوْهَا﴾²
 ﴿فَأَنْزَلَ اللَّهُ سَكِينَتَهُ عَلَى رَسُولِهِ وَعَلَى الْمُؤْمِنِينَ وَالزَّمَهُمْ كَلِمَةَ النُّقُوتِ﴾³
 ﴿لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ﴾
 ﴿عَلَيْهِمْ وَأَنْذَبَهُمْ فَتَحَقَّ قَرِيبًا﴾⁴
 ﴿هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ لِيَزِدُوا إِيمَانًا مَعَ إِيمَانِهِمْ﴾⁵

Hadis-hadis:

➤ **7 kali.** (أَسْأَلُ اللَّهَ الْعَظِيمَ رَبَّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ أَنْ يَشْفِيكَ)

Maksudnya: “Aku memohon kepada Allah Yang Maha Agung, Penguasa Arasy yang agung agar Dia menyembuhkanmu”.

➤ **3 kali.** (أَعِيدُكَ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَامَّةٍ)

Maksudnya: “Aku memohon perlindungan bagimu dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna dari setiap syaitan dan binatang berbisca serta dari setiap pandangan mata yang hasad.

➤ (اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهَبِ الْبَاسِ إِشْفِ أَنْتَ الشَّافِي لَا شِفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ شِفَاءً لَا يُعَادِرُ سَقَمًا)

¹ Maksudnya: {Kemudian Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman}. Surah At-Taubah: 26

² {Maka Allah menurunkan ketenangan-Nya kepada Muhammad dan membantunya dengan tentara yang kamu tidak melihatnya}(QS. At-Taubah: 40)

³ Maksudnya: {lalu Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada RasulNya dan kepada orang-orang yang beriman (sehingga tercapailah perdamaian), serta meminta mereka tetap berpegang kepada “kalimah Takwa”, sedang mereka (di sisi Allah) adalah orang-orang yang sangat berhak dengan “kalimah Takwa”}. Surah Al-Fath: 26

⁴ Maksudnya: {Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang-orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyah); maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahuinya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu Dia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya}. Surah Al-Fath

⁵ Maksudnya: {Dialah yang menurunkan semangat tenang tenteram ke dalam hati orang-orang yang beriman (semasa mereka meradang terhadap angkara musuh) supaya mereka bertambah iman dan yakin beserta dengan iman dan keyakinan mereka yang sedia ada}. Surah Al-Fath: 4

3 kali. Maksudnya: “Ya Allah, Tuhan manusia, hilangkanlah rasa sakit, sembuhkanlah, Engkau adalah Penyembuh, tidak ada kesembuhan kecuali dengan kesembuhanMu, kesembuhan yang tidak membekaskan penyakit”.

➤ (اللَّهُمَّ أَذِيبْ عَنْهُ حَرَّهَا وَبَرِّدْهَا وَوَصِّبْهَا) **satu kali.**

Maksudnya: “Ya Allah, hapuskanlah daripadanya rasa panas, rasa dingin dan rasa sakit yang terus-menerus”.

➤ (حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ) **7 kali.**

Maksudnya: “Cukuplah Allah bagiku, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, kepadaNya aku bertawakal, dan Dia adalah Penguasa ‘Arasy yang agung”.

➤ (بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ مِنْ كُلِّ دَاءٍ يُؤْذِيكَ وَمِنْ شَرِّ كُلِّ نَفْسٍ أَوْ عَيْنٍ حَاسِدٍ، اللَّهُ يَشْفِيكَ بِسْمِ اللَّهِ أَرْقِيكَ)

3 kali. Maksudnya: “Dengan menyebut nama Allah, aku menjampimu dari setiap yang menyakitimu, dari kejahatan setiap jiwa atau mata yang dengki. Allah-lah yang memberimu kesembuhan, dengan menyebut nama Allah aku menjampimu”.

➤ Letak tangan ke atas tempat sakit dan baca: (بِسْمِ اللَّهِ) **3 kali.**

(أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَحْدُ وَأَحَازِرُ) **7 kali.**

Maksudnya: “Dengan nama Allah (tiga kali). Aku berlindung kepada kemuliaan dan kekuasaan Allah dari segala kejahatan yang aku temui dan aku khawatirkan”.

Perhatian:

1) Tidak boleh mempercayai khurafat-khurafat yang berkaitan dengan pelaku ‘ain seperti minum air kencingnya, atau kesannya menjadi tidak berguna jika dia mengetahuinya.

2) Tidak boleh meletakkan azimat dari kulit, gelang, rantai sebagai pelindung dan takut kepada datangnya ‘ain. Rasulullah (sallallahu ‘alaihi wa sallam) bersabda: “Barangsiapa yang menggantungkan sesuatu (dengan anggapan bahawa barang tersebut bermanfaat atau dapat melindungi dirinya), maka dia telah bergantung kepadanya”. (H.R Tarmizi).

3) Menulis ‘Ma sha Allah TabarakAllah’, atau melukis pedang, pisau, mata, atau meletakkan al-Quran dalam kereta atau potongan ayat-ayat al-Quran dalam rumah, kesemua itu tidak menahan dari penyakit ‘ain, bahkan ianya lebih kepada azimat yang diharamkan.

4) Wajib kepada pesakit untuk meyakini terakbulnya doa, dan tidak

berasa lambatnya kesembuhan. Sekiranya dikatakan kepada seseorang itu bahawa kesembuhannya adalah dengan ubat yang perlu diambil sepanjang hayat, dia tidak berasa cemas. Akan tetapi dia merasa cemas apabila rawatan rukyah mengambil masa yang lama, sedangkan ditulis baginya untuk setiap huruf yang dibacanya dengan satu kebaikan dan satu kebaikan digandakan dengan sepuluh kebaikan sepertinya. Perlu kepada seseorang itu untuk sentiasa berdoa, beristighfar, dan memperbanyakkan sedekah kerana ia antara perkara yang dapat menyembuhkan penyakit itu.

5) Membaca rukyah secara berjamaah adalah bertentangan dengan Sunnah dan kesannya adalah lemah. Begitu juga dengan hanya bergantung kepada alat rakaman; kerana tidak berlaku niat dengan cara tersebut sedangkan ia adalah syarat yang mesti ada pada orang yang merukyah, walaupun dengan hanya mendengarnya adalah baik. Disunatkan untuk mengulang-ulang sehingga sembuh, melainkan jika ia memenatkannya maka hendaklah dia mengurangkannya supaya dia tidak berasa jemu. Adapun mengulang-ulang ayat dan doa dengan bilangan tertentu, ianya adalah tidak sah kecuali dengan adanya dalil.

6) Terdapat beberapa tanda yang jelas menunjukkan pengamal perubatan rukyah menggunakan sihir dan bukannya ayat-ayat al-Quran. Kamu janganlah tertipu dengan penampilan agamanya. Boleh jadi dia memulakan proses rawatan menggunakan ayat al-Quran kemudian menukarnya dengan jampi-jampi lain. Boleh jadi juga dia seorang yang melazimi masjid sebagai mengaburi mata manusia lain dan mungkin juga engkau melihat dia banyak berzikir dan mengingati Allah di hadapan kamu. Oleh itu, jangan mudah terpedaya dengan mereka.

Diantara tanda-tanda sihir ahli-ahli sihir:

- * Bertanya kepada pesakit namanya atau nama ibunya; kerana mengetahui nama atau tidak sebenarnya tidak akan mengubah proses rawatan walau sedikit.
- * Memohon sesuatu daripada pakaian pesakit seperti baju atau pakaian dalam.
- * Memohon dari pesakit haiwan dengan sifat-sifat tertentu untuk disembelih kepada jin, dan boleh jadi dia melumur pesakit

dengan darah sembelihan tersebut.

- ✳ Menulis dan membaca azimat yang tidak difahami bahkan tiada maksud yang terkandung di dalamnya.
- ✳ Memberikan kepada pesakit sehelai kertas yang terdapat padanya garisan empat segi dan terkandung di dalamnya huruf-huruf dan nombor-nombor yang dinamakan dengan (al-Hijab).
- ✳ Memerintahkan pesakit untuk tidak berjumpa dengan sesiapa dalam tempoh tertentu dan perlu berada di dalam bilik yang gelap; ia dinamakan al-Hajabah.
- ✳ Memerintahkan pesakit untuk tidak terkena air atau menyentuh air dalam tempoh tertentu.
- ✳ Memberikan pesakit sesuatu yang perlu di tanam di dalam bumi, atau kertas yang perlu dibakar dan diperasapkan.
- ✳ Memberitahu pesakit tentang maklumat peribadinya yang tidak diketahui oleh sesiapaupun, atau dengan menyebut namanya atau negaranya atau penyakitnya sebelum memulakan percakapan.
- ✳ Diagnosis atau memeriksa keadaan pesakit hanya ketika pesakit masuk bertemunya, atau melalui telefon atau e-mail.

7) Mazhab ahli Sunnah berkata bahawa jin boleh merasuk manusia (masuk ke dalam manusia). Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman dalam surah Al-Baqarah: 275:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِينِ

Maksudnya: {Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila}.

Para ahli tafsir bersependapat yang perkataan المس dalam ayat ini membawa maksud tekanan iaitu penyakit gila yang berlaku kepada manusia disebabkan jin telah masuk ke dalam dirinya.

Kesimpulan: sihir: Ia wujud, dan kesannya sabit berdasarkan al-Quran dan Sunnah. Ia adalah haram, dan dosa yang sangat besar. Rasulullah (^{sallallahu} 'alaihi ^{sallam} wa) bersabda: “Hendaklah kamu jauhi tujuh perkara yang membinasakan. Sahabat-sahabat bertanya: apakah dia perkara-perkara itu wahai Rasulullah? Baginda berkata: “Iaitu menyekutukan Allah, sihir, ...”. (Muttafaqun Alaihi).

Allah (^{subhānahu} wata'ala) berfirman dalam surah Al-Baqarah: 102:

وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: {Demi, sesungguhnya mereka telah meyakini bahawa barang siapa yang menukarnya (kitab Allah) dengan sihir itu, tiadalah baginya keuntungan di akhirat}.

Sihir terbahagi kepada dua: **1)** Simpulan dan jampi yang digunakan oleh tukang sihir untuk mendapatkan bantuan syaitan-syaitan ketika dia ingin memudaratkan orang yang ingin disihir. **2)** Ubat-ubatan yang memberi kesan ke atas badan orang yang disihir, otak dan kecenderungannya. Ianya dikenali dengan 'sharaf' dan 'athaf'. Lalu orang yang disihir seolah-olah melihat sesuatu benda itu terbalik, atau bergerak, atau berjalan dan seumpamanya. Bentuk sihir yang pertama adalah syirik kerana syaitan tidak akan membantu penyihir sehingga dia kufur kepada Allah. Bentuk kedua pula adalah dosa dari dosa-dosa besar. Walaubagaimanapun, semua itu berlaku dengan takdir Allah (^{subhānahu} wata'ala).

DOA

Semua makhluk memerlukan Allah (*subhānahu wata'āla*). Mereka berhajatkan apa yang ada di sisiNya sedangkan Allah tidak berhajat langsung kepada mereka. Allah mewajibkan hambaNya untuk berdoa sebagaimana firmanNya dalam surah Ghafir: 60:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: {Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina}.

Rasulullah (*sallāluhū 'alaihī wa sallam*) bersabda: **“Sesiapa yang tidak meminta (berdoa) kepada Allah (*subhānahu wata'āla*), pasti Allah akan murka kepadanya”**. (H.R Ibn Majah). Oleh itu kita dapat lihat disini, Allah (*subhānahu wata'āla*) sangat gembira dengan permintaan (doa) dari hambaNya, dan menyukai orang yang berterusan berdoa kepadaNya serta mendekatkan mereka kepadaNya.

Para sahabat Nabi Muhammad (*sallāluhū 'alaihī wa sallam*) sangat menghayati perkara ini, justeru setiap dari mereka tidak memperkecilkan sesuatu perkara untuk dipinta kepada Allah (*subhānahu wata'āla*). Mereka juga tidak meletakkan permintaan mereka kepada sesiapapun dari kalangan makhlukNya. Ia tidak lain kerana pergantungan mereka kepada Tuhan mereka, mereka hampir kepadaNya dan Dia juga hampir kepada mereka sepertimana firman Allah (*subhānahu wata'āla*) dalam surah Al-Baqarah: 186: وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ ﴿١٨٦﴾

Maksudnya: {Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahawasanya Aku adalah dekat}.

Doa merupakan kedudukan yang paling tinggi disisi Allah (*subhānahu wata'āla*) serta perkara yang paling mulia pada Allah serta dapat mengubah qada' Allah (*subhānahu wata'āla*) terhadap hambaNya. Semua doa yang dipohon oleh hambanya akan diterima oleh Allah jika cukup segala syaratnya dan tiada perkara yang menghalangnya. Rasulullah (*sallāluhū 'alaihī wa sallam*) telah berikan kepada orang yang berdoa beberapa perkara melalui sabdanya: **“Tidaklah seorang muslim memanjatkan doa yang tidak mengandungi dosa dan tidak pula memutuskan hubungan silaturrahim, melainkan Allah akan memberikannya salah satu dari tiga perkara: sama ada doanya terus dimakbulkan, atau disimpan baginya pada hari akhirat, atau**

dirinya akan dijauhi dari keburukan yang senilai dengan permohonan yang dipintanya. Para sahabat berkata; kalau begitu kami akan banyak berdoa. Rasulullah berkata: Allah lebih banyak (untuk mengabulkan doa kamu)". (H.R Ahmad).

Jenis-jenis doa: terbahagi kepada dua: 1) Doa ibadah seperti solat dan puasa. 2) Doa permintaan dan permohonan.

Amalan-amalan yang afdal: Adakah membaca al-Quran lebih baik, atau berzikir, ataupun doa dan permohonan? Membaca al-Quran merupakan sebaik-baik amalan, kemudian zikir dan puji-pujian kepada Allah, kemudian doa dan permohonan kepada Allah. Ini adalah secara umum. Akan tetapi ada situasi yang menjadikan amalan yang kurang afdal menjadi lebih afdal seperti berdoa di Arafah lebih afdal dari membaca al-Quran, dan menyibukkan diri dengan zikir-zikir yang warid selepas solat afdal dari membaca al-Quran.

Sebab-sebab doa diterima: Sebab zahir dan sebab batin

Sebab-sebab zahir: mendahulukan (doa) dengan amalan-amalan soleh seperti sedekah, berwudu', solat, menghadap kiblat, mengangkat kedua-dua tangan, memuji Allah dengan apa yang layak bagiNya, menggunakan nama-nama Allah dan sifat-sifatNya yang sesuai dengan permintaanya. Sekiranya berdoa memohon syurga Allah (^{subhānahu} wata'āla) perlu bagi seseorang itu berdoa dengan kurniaan Allah (^{subhānahu} wata'āla) dan kerahmatannya. Jika berdoa kepada orang berbuat zalim misalnya, janganlah menggunakan nama Ar-Rahman Al-Karim, tetapi gunalah nama Allah Al-Jabbar atau Al-Qahhar. Diantara sebab-sebabnya lagi: Selawat ke atas Nabi Muhammad (^{sallāllāhu} wa ^{'alaihi} ^{sallam}) pada permulaan, pertengahan dan penghujung doa. Mengakui dosa-dosa yang telah dilakukan. Bersyukur kepada Allah atas nikmatnya. Memanfaatkan masa-masa terbaik untuk berdoa yang disebut oleh dalil bahawa ia waktu-waktu doa diterima, Antaranya:

*Siang hari dan malam; dua pertiga akhir malam ketika mana Allah (^{subhānahu} wata'āla) turun ke langit dunia, antara azan dan iqamah, selepas berwudu', ketika sujud, sebelum salam ketika solat, selepas solat ketika khatam al-Quran, ketika ayam jantan berkokok, ketika bermusafir, ketika dizalimi, ketika dalam

kesusahan, doa orang tua kepada anaknya, doa seorang muslim kepada saudaranya tanpa diketahui, dan ketika bertemu musuh di medan perang.

*Dalam mingguan: Hari Jumaat; khususnya jam-jam terakhir.

*Dalam bulanan: Bulan Ramadhan ketika berbuka puasa dan ketika bersahur, malam lailatul qadar, dan hari Arafah.

*Di tempat-tempat yang mulia: Di masjid-masjid secara umum, di Kaabah, khususnya Multazam, di maqam Nabi Ibrahim (^{'alaihissalam}), di atas bukit Sofa dan Marwah, di Arafah, Muzdalifah, Mina pada hari-hari Haji, ketika minum air zam-zam dan lain-lain.

Sebab-sebab dalaman (batin): Sebelum berdoa; bertaubat dengan sebenar-benarnya, memulangkan hak orang yang dizalimi, makan, minum, pakaian dan tempat tinggal dari sumber yang halal, memperbanyakkan ketaatan, menjauhi perkara haram, serta menjaga diri dari perkara syubhat dan bersyahwat.

Ketika berdoa: Menghadirkan hati, yakin kepada Allah, kuat pengharapan, penyerahan diri kepada Allah, merendah diri, bersungguh-sungguh, menyerahkan urusan kepadaNya, tidak melihat kepada selain daripadaNya, serta yakin Allah akan memakbulkan.

Penghalang doa dimakbulkan: Boleh jadi seseorang itu berdoa tapi tidak diterima oleh Allah (^{subhānahu} ^{wata'ala}), atau lewat dimakbulkan. Diantara sebab-sebabnya adalah: *Mensyirikkan Allah dalam berdoa. *Memperincikan doa seperti memohon perlindungan dari kepanasan api neraka Jahannam, kesempitan dan kegelapannya, sedangkan sudah memadai baginya memohon perlindungan dari api neraka sahaja. *Doa kemudahan seorang muslim keatas dirinya atau orang lain secara zalim. *Doa yang mengandungi dosa dan bermaksud memutuskan silaturrahim. *Menggantungkan doa dengan 'kehendak' seperti: "Ya Allah, ampunilah dosaku jika Engkau berkehendak". *Tergesa-gesa ingin doa dikabulkan seperti: "Aku telah berdoa, tapi belum lagi diperkenankan". *Jemu (*istihisar*): iaitu meninggalkan doa kerana merasa letih dan bosan. *Berdoa dengan hati yang lalai. *Tidak beradab ketika memohon kepada Allah: Rasulullah (^{sallallahu} ^{'alaihi} ^{sallam}) telah mendengar seorang lelaki berdoa dalam solatnya. Lelaki itu tidak berselawat ke atas Nabi Muhammad (^{sallallahu} ^{'alaihi} ^{sallam}) Maka Nabi bersabda: "Lelaki ini

tergesa-gesa. Rasulullah lalu memanggil lelaki tersebut kemudian menasihatnya: Jika salah seorang diantara kamu berdoa, mulakanlah dengan memuji Allah, kemudian berselawatlah, kemudian baru mula dengan doa apa yang diinginkan". (H.R Tarmizi). *Berdoa dengan sesuatu perkara yang telah selesai seperti berdoa untuk kekal hidup di dunia. *Bersusah payah berdoa dalam bentuk sajak. Allah (^{subhānahu wata'āla}) berfirman dalam surah Al-A'raf: 55:

﴿أَدْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ﴾

Maksudnya: {Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas}.

Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas (^{radhiyallahu 'anhu}) dalam wasiat beliau kepada hambanya Ikrimah: "Telitilah sajak dalam doa, (apabila telah dipastikan) maka hindarilah dia, kerana aku dapati Rasulullah dan para sahabat tidak lakukan kecuali itu sahaja iaitu: menjauhi doa yang terlalu berpuitis". (Riwayat Bukhari).

*Berlebihan mengangkat suara ketika berdoa: Allah (^{subhānahu wata'āla}) berfirman dalam surah Al-Isra': 110

﴿قُلْ أَدْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ وَلَا تَجْهَرُوا بِصَلَاتِكُمْ وَلَا تَخَافُوا يَهَا وَأَنْتُمْ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا﴾

Maksudnya: {Katakanlah (wahai Muhammad): Serulah nama "Allah" atau nama "Ar-Rahman", yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu}.

Kata Aisyah (^{radhiyallahu 'anhu}): "Ayat ini diturunkan dalam (masalah) berdoa".

Lebih baik jika seseorang yang berdoa menyusun doanya seperti berikut: Pertama: Puji-pujian. Kedua: Selawat ke atas Rasul (^{ṣallāhū 'alaihi wa sallam}) Ketiga: Taubat dan mengakui dosa yang telah dilakukan. Keempat: Syukur kepada Allah atas nikmat yang diberikan. Kelima: Memulakan doa dan berusaha membaca doa-doa yang lengkap dan yang sabit dari Nabi Muhammad (^{ṣallāhū 'alaihi wa sallam}) atau ulama' salaf. Keenam: Menutup doa dengan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad (^{ṣallāhū 'alaihi wa sallam})

DOA-DOA PENTING YANG PATUT DIHAFAL

KEADAAN	DOA: SEBAGAIMANA SABDA BAGINDA (ﷺ wa salam)
Sebelum dan selepas tidur	<p>(بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ أَمُوتُ وَأَحْيَا) “Dengan menyebut namaMu ya Allah, aku mati dan daku hidup” [Muttafaqun alaihi], ketika bangkit dari tidur: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَمَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ “Segala puji bagi Allah yang telah menghidupkan kami setelah mematikan (menidurkan) kami, dan hanya kepadaNya tempat kembali” [Muttafaqun alaihi].</p>
Bermimpi yang buruk	<p>(أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ غَضَبِهِ وَعِقَابِهِ وَمِنْ شَرِّ عِبَادِهِ وَمِنْ هَمَزَاتِ الشَّيَاطِينِ وَأَنْ يَخْضُرُونَ) “ Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna, dari kemurkaannya, kejahatan para hambaNya, dari bisikan syaitan serta dari kedatangan mereka kepadaku”. [Abu Daud].</p>
Jika melihat seseorang yang tidur bermimpi	<p>“Apabila seseorang darimu melihat mimpi yang menggembirakannya; nescaya ia adalah dari Allah, maka hendaklah dia mengucapkan Alhamdulillah dan ceritakannya kepada orang yang lain, dan sebaliknya apabila dia melihat mimpi yang mendukacitakannya, maka mimpi itu adalah dari syaitan, kerana itu hendaklah dia mengucapkan Isti'azah dan jangan ceritakannya kepada orang lain kerana mimpi itu tidak mendatangkan mudarat kepadanya”. [Muslim].</p>
Masuk masjid	<p>Apabila masuk ke dalam masjid, dahulukan kaki kanan dan menyebut: بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامِ عَلَيَّ رَسُولَ اللَّهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ “Dengan nama Allah, dan salam sejahtera semoga tercurah atas Rasulullah. Ya Allah, ampunilah dosa-dosaku, dan bukannya untukku pintu-pintu rahmatMu”. [Muslim].</p>
Keluar dari rumah	<p>(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَضِلَّ أَوْ أَضَلَّ، أَوْ أَزِلَّ أَوْ أَزَلَ، أَوْ أَظْلِمَ أَوْ أَظْلَمَ، أَوْ أَجْهَلَ أَوْ يُجْهَلَ عَلَيَّ). “Ya Allah, sesungguhnya aku memohon perlindungan kepadaMu dari tersesat atau disesatkan, dari tergelincir atau digelincirkan, dari menganiaya atau dianiaya, atau dari tindakan bodoh atau dibodohi”. [Abu Daud dan Tirmizi]. (بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ). “Dengan nama Allah, aku bertawakal kepada Allah, tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah”. [Abu Daud dan Tirmizi].</p>
Keluar dari	<p>Apabila keluar masjid, dahulukan kaki kiri dan menyebut: (بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامِ عَلَيَّ رَسُولَ اللَّهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ فَضْلِكَ)</p>

masjid	“Dengan nama Allah, dan salam sejahtera semoga tercurah atas Rasulullah. Ya Allah, ampunilah dosa-dosaku, dan buakanlah untukku pintu-pintu kurniaanMu”. [Muslim].
Pasangan baru berkahwin	(بَارَكَ اللهُ لَكَ، وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ) “Semoga Allah memberkati untukmu, semoga Allah memberkati atasmu, dan semoga Dia menyatukan kamu berdua dalam kebaikan”. [Abu Daud dan Tirmizi].
Mendengar ayam berkokok atau suara haiwan seperti anjing	“Apabila kalian mendengar ringkikan keldai, maka mohonlah perlindungan kepada Allah (subhānahu wata’āla) dari syaitan; kerana sebenarnya keldai itu telah melihat syaitan. Apabila kalian mendengar ayam berkokok, maka mohonlah kepada Allah kurniaanNya; kerana ayam itu sebenarnya telah melihat malaikat. [Muttafaqun alaihi]. Apabila kalian mendengar lolongan anjing dan ringkikan keldai di malam hari, maka mohonlah perlindungan kepada Allah (subhānahu wata’āla); kerana sesungguhnya haiwan-haiwan itu melihat makhluk yang tidak dapat kalian melihatnya”. [Ahmad dan Abu Daud].
Doa apabila mencintai seseorang kerana Allah	Daripada Anas RA bahawa seorang sahabat yang sedang berada di sisi Nabi (sallāllāhu ‘alaihi wa sallam), kemudian seseorang lalu di hadapan mereka. Sahabat ini mengatakan: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku benar-benar mencintai orang ini”. Maka Nabi pun berkata kepadanya: “Apakah engkau telah memberitahukan rasa cintamu kepadanya?” Dia berkata: “Belum”. Baginda berkata: “Jika demikian, pergilah dan beritahukan kepadanya”. Maka ia terus berjumpa orang itu dan mengatakan: “Inni uhibbuka fillah” (sesungguhnya aku mencintaimu kerana Allah), lalu orang tersebut menjawab: “Ahabbakalladzi ahbabtani lahu” (Semoga Allah mencintaimu, Zat yang telah menjadikanmu mencintai aku kerana-Nya). [Abu Daud].
Apabila bersin dan mendengar seseorang itu bersin	Apabila seseorang bersin, hendaklah dia berkata: (الْحَمْدُ لِلَّهِ)- “Segala puji bagi Allah”, saudaranya pula mengucapkan kepadanya: (يَرْحَمُكَ اللهُ)- “Semoga Allah merahmatimu”, maka (yang bersin) hendaklah menjawab: (يَهْدِيكُمُ اللهُ) - (وَيُصَلِّحُ بِأَلْسِنَتِكُمْ)- “Semoga Allah memberi kalian petunjukNya, dan memperbaiki keadaan kalian”. [Bukhari].

Jika seorang yang kafir bersin dan memuji Allah, maka ucapkan padanya: (يَهْدِيكُمْ اللَّهُ) - “Semoga Allah memberi kalian petunjukNya”, dan tidak diucap: (يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ) - “Semoga Allah merahmatimu”.

Doa ketika dalam kesedihan

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَرَبُّ الْأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ).

“Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Maha Agung dan Maha Penyantun. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Tuhan Arasy yang agung. Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Tuhan langit dan Tuhan bumi serta Tuhan Arasy yang mulia”.

[Muttafaqun alaihi].

(اللَّهُ اللَّهُ رَبِّي، لَا أَشْرُكَ بِهِ شَيْئًا).

“Allah Allah Tuhanku, aku tidak menyekutukanNya dengan sesuatu pun”. [Abu Daud].

(يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ)

“Wahai Yang Maha Hidup lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmatMu aku memohon pertolongan”. [Tirmizi].

“(سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ) “Maha Suci Allah Yang Maha Agung”.

Doa kepada musuh

(اللَّهُمَّ مَنْزِلَ الْكِتَابِ وَمُجْرِي السَّحَابِ سَرِيعَ الْحِسَابِ أَهْزِمِ الْأَحْزَابَ، اللَّهُمَّ أَهْزِمُهُمْ وَزَلْزِلْهُمْ).
“Ya Allah Yang menjalankan awan, Yang menurunkan kitab, Yang amat cepat hisabNya. Ya Allah, kalahkanlah pasukan gabungan itu. Ya Allah, kalahkanlah dan porak perandakan mereka”. [Muslim].

Doa ketika bangkit dari tidur pada waktu malam

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلِيمٌ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ).

“Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagiNya, bagiNya seluruh kerajaan, dan bagiNya pula segala pujian, Dia sangat berkuasa atas segala sesuatu, segala puji bagi Allah, Maha Suci Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah selain Allah, Allah Maha Besar, tiada daya dan upaya kecuali dengan izin Allah”.

Kemudian berkata: (اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي) - “Ya Allah ampuni dosa-dosaku”, atau berdoa maka doanya akan diterima. Jika dia berwudhu` dan bersolat maka akan diterima solatnya. [Bukhari].

Doa dipermudahkan segala urusan

(اللَّهُمَّ لَا سَهْلَ إِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا وَأَنْتَ تَجْعَلُ الْحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلًا).
“Ya Allah, tiada kemudahan kecuali apa yang Engkau jadikan mudah, dan jika Engkau berkehendak,

	Engkau jadikan yang sulit itu mudah”. [Ibnu Hibban].
Doa bebas dari hutang	(اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَضَلَعِ الدِّينِ، وَعَلَبَةِ الرَّجَالِ) “Ya Allah, sesungguhnya aku memohon perlindunganMu daripada kerunsingan dan kesedihan, sifat lemah dan malas, sifat pengecut dan bakhil, serta beban hutang dan penindasan orang”. [Bukhari].
Masuk dan keluar tandas	Masuk: (اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْخُبْثِ وَالْخَبَائِثِ) - “Ya Allah, sesungguhnya aku memohon perlindunganMu daripada syaitan jantan dan betina”. [Muttafaquun alaihi]. keluar: (غُفْرَانَكَ) - “Aku mohon keampunanmu”. [Abu Daud dan Tirmizi].
Waswas dalam solat	(أَعُوذُ بِاللَّهِ). Ludah ke kiri tiga kali. [Muslim].
	Dalam sujud
	(اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي كُلَّهُ دِقَّةً، وَجِلَّةً، وَأَوَّلَهُ وَآخِرَهُ وَعَمَلَاتِيَّتَهُ وَسِرَّهُ). “Ya Allah, ampunilah dosaku seluruhnya, baik yang kecil, yang besar, yang awal, yang terakhir, yang nyata, dan yang tersembunyi”. [Muslim]. (سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي). “Maha suci Engkau ya Allah wahai Tuhan kami, ya Allah ampunkan kami”. [Muttafaquun alaihi]. (اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمَعْفَاتِكَ مِنْ عِقَابِكَ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لَا أَحْصِي ثَمَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَنْتَ عَمَّا أَنْتَ). “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan keredaanMu dari kemurkaanMu, dengan keampunanMu dari siksaanMu. Aku berlindung denganMu daripadaMu. Aku tak dapat menghitung sanjungan atasMu, Engkau sebagaimana sanjunganMu ke atas DiriMu sendiri”. [Muslim].
Sujud Tilawah	(اللَّهُمَّ لَكَ سَجَدْتُ وَبِكَ آمَنْتُ وَلَكَ أَسَلْتُ سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ وَسَقَى سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ تَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ). “Ya Allah, hanya untukMu aku bersujud, hanya kepadaMu aku beriman, dan hanya kepadaMu aku berserah diri. Wajahku bersujud kepada Tuhan yang menciptakannya, membentuknya, dan yang membelah pendengaran serta penglihatannya, Maha Suci Allah sebaik-baik Pencipta”. [Muslim].
Doa istiftah dalam solat	(اللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ، كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ، اللَّهُمَّ بَقِي مِنْ الْخَطَايَا كَمَا يُتَّقَى التَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، اللَّهُمَّ اغْسِلْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالطَّلْحِ وَالْبَرَدِ). “Ya Allah, jauhkanlah antara aku dan dosa-dosaku sebagaimana Engkau jauhkan antara timur dan barat. Ya Allah, bersihkanlah aku dari dosa-dosaku sebagaimana

	dibersihkan kain putih dari kotoran. Ya Allah, cucilah aku dari segala kesalahanku dengan salji, air dan embun”. [Muttafaqun alaihi].
Doa akhir solat	(اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، فَأَعِزَّنِي لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَأَرْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ). “Ya Allah, sesungguhnya aku menzalimi diriku dengan kezaliman yang banyak dan tiada yang dapat mengampuni segala dosa selain Engkau, kerana itu ampunkanlah aku dengan keampunan dari sisiMu dan kasihanilah aku, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Pengasih”. [Muttafaqun alaihi].
Doa sejurus selesai solat	(اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ). “Ya Allah, berilah aku pertolongan agar aku dapat selalu berzikir, bersyukur dan beribadah dengan baik kepadaMu”. [Abu Daud]. (اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ). “Ya Allah, sesungguhnya aku memohon perlindungan kepadaMu daripada kekufuran, kefakiran dan azab kubur”. [Nasaie].
Doa berterima kasih	Siapa yang dilakukan kepadanya suatu kebaikan lalu dia mendoakan kepada pelakunya: (جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا)- “Semoga Allah membalasmu dengan yang lebih baik”, sungguh dia telah memberi pujian yang paling tinggi. [Tirmizi]. Dan orang yang didoakan itu hendaklah menjawab: (وَجَزَاكَ)- “Dan semoga Allah juga membalasmu”, atau (وَأِيَّاكَ)- “Dan juga kepadamu”.
Apabila melihat hujan	(اللَّهُمَّ صَيِّبًا نَافِعًا). “Ya Allah, curahkanlah hujan yang bermanfaat” (dua atau tiga kali). [Bukhari]. (مُطْرِنَا بِقَضَلِ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ). “Kami diberi hujan dengan kurniaan dan rahmat Allah”, kemudian berdoa apa sahaja; kerana doa mustajab ketika hujan turun. [Muttafaqun alaihi].
Doa ketika terjadi angin kencang	(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِهَا وَخَيْرِ مَا فِيهَا وَخَيْرِ مَا أُرْسِلَتْ بِهِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ مَا فِيهَا وَشَرِّ مَا أُرْسِلَتْ بِهِ). “Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu kebaikan angin ini, dan kebaikan yang ada padanya, serta kebaikan tujuannya ditiupkan. Aku berlindung kepadaMu dari

	keburukan angin ini, dan keburukan yang ada padanya, serta keburukan tujuannya ditiupkan”. [Muttafaqun alaihi].
Doa ketika melihat bulan sabit	(اللَّهُمَّ أَهْلُهُ عَلَيْنَا بِالْيَمَنِ وَالْإِيمَانِ، وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ، هِلَالٌ خَيْرٌ وَرُشِدٌ، رَتَى وَرَبِّكَ اللَّهُ). “Ya Allah, tampakkanlah bulan itu di atas kami dengan membawa keberkatan, keimanan, keselamatan dan keislaman. Semoga ia adalah bulan sabit kebaikan dan kebenaran, Tuhan saya dan kamu adalah Allah”. [Tirmizi].
Doa orang bermusafir kepada orang yang ditinggalnya	
Orang ramai kepada orang yang akan musafir: (أَسْتَوِدِعُ اللَّهَ دِينَكَ وَأَمَانَتَكَ وَخَوَاتِيمَ وَعَمَلِكَ) “Aku menyerahkan kepada Allah agamamu, amanatmu, dan segala kesudahan amalanmu” [Ahmad dan Tirmizi].	
orang bermusafir menjawab kepada orang yang ditinggalkan: (أَسْتَوِدِعُكُمْ اللَّهُ الَّذِي لَا تَضِيْعُ وَدَائِعُهُ) “Aku juga menyerahkan kalian kepada Allah yang tidak akan tersiasia serahanNya”. [Ahmad].	
Doa melihat perkara yang disukai dan perkara yang tidak disukai	
Apabila Nabi (sallallahu wa 'alaihi sallam) melihat sesuatu yang disukai, baginda mengucapkan: (الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَمَّ الصَّالِحَاتُ). “Segala puji bagi Allah yang dengan nikmatNya, menjadi sempurna segala kebaikan”.	
Apabila baginda melihat sesuatu yang tidak disukai, baginda menyebut: (الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ). “Segala puji bagi Allah dalam setiap keadaan”. [Hakim].	
Doa bermusafir	
(اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي سَفَرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَى، وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى، اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرَنَا هَذَا وَطَوِّبْ عَنَّا بَعْدَهُ، اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ، وَالْحَلِيقَةُ فِي الْأَهْلِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُكَ مِنْ وَعَثَاءِ السَّفَرِ، وَكَآبَةِ الْمَنْظَرِ وَسَوْءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ). “Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Maha Suci Allah yang telah memudahkan semua ini bagi kami, padahal kami sebelumnya tidak mampu menguasainya, dan sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami. Ya Allah, sungguh kami memohon kepadaMu dalam perjalanan kami ini kebaikan dan ketakwaan, serta perbuatan yang Engkau redai. Ya Allah, mudahkanlah perjalanan kami ini, dan dekatkanlah bagi kami jaraknya yang jauh. Ya Allah, Engkaulah Pendamping dalam perjalanan, dan Pelindung bagi	

عَصَى نُورًا، وَفِي لَحْمٍ، نُورًا، وَفِي دَمِي نُورًا، وَفِي شَعْرِي نُورًا، وَفِي بَشْرِي نُورًا).

“Ya Allah, jadikanlah di hatiku cahaya, di lisanku cahaya, di pendengaranku cahaya, di penglihatanku cahaya, di atasku cahaya, di bawahku cahaya, jadikanlah di kananku cahaya, di kiriku cahaya, di hadapanku cahaya, di belakangku cahaya, jadikanlah dalam diriku cahaya, perbesarlah bagiku cahaya, agungkanlah bagiku cahaya, jadikanlah bagiku cahaya, dan jadikanlah diriku cahaya. Ya Allah, berikanlah padaku cahaya, jadikanlah pada urat sarafku cahaya, pada dagingku cahaya, pada darahku cahaya, pada rambutku cahaya, dan pada kulitku cahaya”. [Muttafaquun alaihi].

Doa Istikharah

Jika seseorang itu ingin melakukan sesuatu, maka hendaklah dia solat dua rakaat sunat yang bukan fardu, kemudian membaca doa ini:

(اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا أَقْدِرُ وَتَعْلَمُ وَلَا أَعْلَمُ وَأَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ. اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ خَيْرٌ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أُمْرِي - أَوْ عَاجِلِ أَمْرِي وَآجِلِهِ - فَاقْدِرْهُ لِي وَيَسِّرْهُ لِي ثُمَّ بَارِكْ لِي فِيهِ، وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ شَرٌّ لِي فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أُمْرِي - أَوْ فِي عَاجِلِ أَمْرِي وَآجِلِهِ - فَاصْرِفْهُ عَنِّي وَاصْرِفْ عَنِّي وَاقْدِرْ لِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ رَضِّنِي بِهِ).

“Ya Allah, sesungguhnya aku mohon pilihan kepadaMu dengan ilmuMu, aku mohon kekuatan kepadaMu dengan kekuasaanMu, dan aku memohon kepadaMu sesuatu dari kurniaanMu, sesungguhnya Engkau Maha Kuasa sedang aku tiada kuasa, Engkau Maha Mengetahui sedang aku tidak mengetahui, dan Engkau Maha Mengetahui hal-hal yang ghaib. Ya Allah, jika Engkau mengetahui bahawa perkara ini (sebutkan perkara tersebut) baik bagiku pada agamaku, kehidupanku, dan kesudahan urusanku”, -atau dikatakan: “untuk masa sekarang atau akan datang”- maka takdirkanlah ia untukku, mudahkanlah jalannya untukku, kemudian berkatilah aku padanya. Namun, jika Engkau mengetahui bahawa perkara ini buruk untukku pada agamaku, kehidupanku, dan kesudahan urusanku, - atau dikatakan: “untuk masa sekarang atau akan datang”-, maka jauhkanlah ia daripadaku, dan jauhkan pula aku daripadanya dan takdirkanlah kebaikan bagiku di mana sahaja kebaikan itu berada, kemudian kurniakanlah keredaan bagiku untuk dapat menerimanya”. [Bukhari].

Doa kepada jenazah

(اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ وَأَكْرِمْ نُزُولَهُ وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ وَاعْسَلْهُ بِمَاءٍ وَّثَلْجٍ وَبَرَدٍ وَتَقَّهِ)

من الخطايا كما يُنْتَمَى التَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ وَأَبْدَلُهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ وَقِهِ فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَعَذَابَ النَّارِ).

“Ya Allah, ampunilah dia, kasihanilah dia, berikanlah kepadanya keselamatan dan maafkanlah dia, muliakanlah tempat tinggalnya dan luaskanlah tempat masuknya, mandikanlah dia dengan air, salji dan embun, dan sucikanlah dia dari segala kesalahan sebagaimana Engkau mensucikan pakaian putih dari noda, gantilah untuknya rumah yang lebih baik dari rumahnya, keluarga yang lebih baik dari keluarganya, isteri yang lebih baik dari isterinya, masukkanlah dia ke dalam syurga, dan lindungilah dia dari siksa kubur serta azab api neraka”. [Muslim].

Doa menghilangkan keresahan dan kesedihan

Tidaklah seorang pun yang ditimpa keresahan dan kesedihan, lalu dia mengucapkan:

(اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ وَإِبْنُ عَبْدِكَ وَإِبْنُ أُمَّتِكَ، نَاصِيحٌ بِيَدِكَ مَاضٍ فِيَّ حُكْمُكَ عَدْلٌ فِيَّ فَضَاؤُكَ. أَسْأَلُكَ بِكُلِّ اسْمٍ هُوَ لَكَ سَمِيَتْ بِهِ نَفْسِكَ أَوْ أَنْزَلْتَهُ فِي كِتَابِكَ أَوْ عَلَّمْتَهُ أَحَدًا مِنْ خَلْقِكَ أَوْ اسْتَأْذَنْتَ بِهِ فِي عِلْمِ الْغَيْبِ عِنْدَكَ أَنْ تَجْعَلَ الْقُرْآنَ رَبِيعَ قَلْبِي وَنُورَ صَدْرِي وَجَلَاءَ حُزْنِي وَذَهَابَ هَمِّهِ. إِلَّا أَذْهَبَ اللَّهُ هَمَّهُ وَحُزْنَهِ وَأَبْدَلَهُ مَكَانَهُ فَرِحًا).

“Ya Allah, sesungguhnya aku adalah hambaMu, anak hambaMu (Adam) dan anak hamba perempuanMu (Hawwa). Uzun-ubunku di tanganMu, hukumMu berlaku kepadaku, qadaMu kepadaku adalah adil. Aku memohon kepadaMu dengan setiap nama (baik) yang telah Engkau gunakan untuk diriMu, yang Engkau turunkan dalam kitabMu, Engkau ajarkan kepada seseorang dari makhlukMu atau yang Engkau khususkan untuk diriMu dalam ilmu ghaib di sisiMu, hendaklah Engkau jadikan al-Quran sebagai penenang hatiku, cahaya di dadaku, pelenyap duka dan kesedihanku”, melainkan Allah (^{subhānahu} wata'ala) akan menghilangkan keresahan dan kesedihannya, serta menggantikannya dengan kebahagiaan. [Ahmad].

PERNIAGAAN YANG MENGUNTUNGKAN

Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) telah memuliakan manusia melebihi semua makhluk-makhluk lain khususnya dengan nikmat berkata-kata, dan menjadikan lidah sebagai alat bagi percakapan. Nikmat ini membolehkan manusia melakukan kebaikan dan juga keburukan. Sekiranya mereka menggunakan ke arah kebaikan, maka mereka akan menerima kebahagiaan di dunia, dan tempat tinggal yang mulia di dalam syurga. Tetapi jika mereka menggunakan selain dari itu, maka balasan yang buruk akan diterima. Sebaik-baik perkara yang dilakukan untuk memanfaatkan masa selepas membaca al-Quran adalah berzikir.

Kelebihan berzikir mengingati Allah: Terdapat banyak hadis yang menyebut tentang kelebihanannya antaranya sabda Nabi Muhammad (^{ṣallāllāhu}_{wa} ^{'alaihi}_{sallam}): “Mahukah kamu aku beritahu tentang amalan kamu yang terbaik dan paling tinggi darjatnya, paling baik daripada menginfakkan emas dan perak, paling baik daripada situasi di mana kamu bertemu musuh lalu kamu penggal leher mereka atau mereka memanggal leher kamu?” Para sahabat baginda menjawab: “Mahu wahai Rasulullah”. Baginda berkata: “Amalan itu ialah zikrullah”. (H.R Tarmizi). Rasulullah (^{ṣallāllāhu}_{wa} ^{'alaihi}_{sallam}) bersabda: “Perumpamaan orang yang berzikir kepada Allah dengan orang yang tidak berzikir adalah seperti orang yang hidup dan orang yang mati”. (Muttafaqun Alaihi). Allah (^{subhānahu}_{wata'ala}) berfirman dalam hadis qudsi: “Aku berada pada sangkaan hambaKu, Aku selalu bersamanya jika ia mengingatiKu, jika ia mengingatiKu pada dirinya, maka Aku mengingatnya pada diriKu, jika ia mengingatiKu dalam suatu kaum, maka aku mengingatnya dalam satu kaum yang lebih baik darinya, dan jika dia mendekatkan diri kepadaKu satu jengkal, Aku akan mendekat padanya satu hasta, jika dia mendekatkan kepadaKu satu hasta, Aku mendekat padanya satu depa, jika dia datang kepadaKu dengan berjalan kaki, maka Aku akan datang kepadanya dengan berlari”. (H.R Bukhari). Rasulullah (^{ṣallāllāhu}_{wa} ^{'alaihi}_{sallam}) bersabda: “Al-Mufarridun telah mendahului”, para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah al-Mufarridun? Nabi Menjawab: “Lelaki dan para wanita yang banyak berzikir kepada Allah”. (H.R Muslim). Rasulullah (^{ṣallāllāhu}_{wa} ^{'alaihi}_{sallam}) memberi wasiat kepada salah seorang sahabatnya: “Jangan biarkan lidah kamu

kering dari mengingat Allah”. (H.R Tarmizi).

Ganjaran Berganda: Ganjaran berganda bagi amalan-amalan soleh seperti membaca al-Quran terbahagi kepada dua perkara:

1) Bergantung kepada apa yang ada di dalam hati dari sudut keimanan, keikhlasan, kasih sayang kepada Allah dan lain-lain.

2) Bergantung kepada hati yang bertafakkur dengan zikir dan kesibukan dengannya, bukan hanya pada lidah semata-mata. Jika ianya sempurna, maka Allah akan menebus segala keburukannya dan memberinya ganjaran yang sempurna. Begitu juga pengurangan pahala adalah bergantung kepada keadaan amalan tersebut.

Faedah-faedah berzikir: Telah berkata Syeikhul Islam: Zikir dalam hati umpama air kepada ikan. Bagaimana keadaan ikan apabila ketiadaan air?

✳Mewarisi kasih sayang Allah, dekat denganNya, redanya, kawalanNya, keagunganNya, taubat dan kembali kepadaNya serta membantu dalam mentaatinya.

✳Menghilangkan kebimbangan dan kesedihan dari hati dan mendatangkan kegembiraan, serta membuat hati menjadi hidup, kuat dan suci.

✳Dalam hati terdapat kekurangan dan keperluan yang tidak akan dipenuhi melainkan dengan zikir kepada Allah, juga kekerasan yang tidak dapat dicairkan dan dilembutkan kecuali dengan zikir kepada Allah.

✳Ia adalah penyembuh, penawar, makanan dan kelazatan yang tiada tandingannya untuk hati sedangkan kelalaian itu adalah penyakitnya.

✳Kurang berzikir adalah tanda kemunafikan. Banyak berzikir pula tanda kekuatan iman serta kecintaan kepada Allah yang sebenarnya, kerana sesiapa yang mencintai sesuatu, dia akan menyebutnya selalu.

✳Seorang hamba apabila mengingat Allah dengan berzikir ketika senang, Allah akan mengingatkannya ketika dia susah, khususnya ketika tiba saat kematian dan sakaratul maut.

✳Berzikir adalah sebab keselamatan dari azab Allah, diturunkan kepadanya ketenangan, datangnya kerahmatan yang berterusan dan dipohon keampunan oleh para malaikat.

✳Menyibukkan lidah daripada perkara lalai, umpatan, mengadu domba, menipu dan lain-lain perkara yang makruh dan haram.

- ★ Ibadat yang paling mudah, paling agung dan afdal. Ia juga sebagai semaian untuk syurga Allah (*subhānahu wata'āla*).
- ★ Zikir memakaikan orang yang berzikir dengan kemuliaan, kemanisan, dan keceriaan wajah. Ia merupakan cahaya di dunia, di dalam kubur dan di akhirat.
- ★ Allah dan malaikat berdoa kepada orang yang berzikir. Allah berbangga dengan para penzikir kepada malaikatNya.
- ★ Sebaik-baik orang yang beramal adalah yang paling banyak berzikir kepada Allah. Maka sebaik-baik orang yang berpuasa dari kalangan mereka adalah yang paling banyak berzikir ketika berpuasa.
- ★ Zikir dapat mempermudah segala kesusahan, meringankan kesengsaraan, mendatangkan rezeki dan memberi kekuatan kepada badan.
- ★ Menyingkirkan syaitan, menundukkan, menghina dan memalukannya.

WIRID HARIAN PAGI DAN PETANG

B	WIRID HARIAN	BILANGAN DAN WAKTU	KESAN DAN FADILAT
1	<p>Ayat kursi</p> <p>اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ</p> <p style="color: red;">[Bukhari].</p>	<p>Pagi dan petang. Sebelum tidur. Selepas solat fardu.</p>	<p>Syaitan tidak mendekati. Sebab untuk masuk ke syurga.</p>
2	<p>Dua ayat terakhir surah al-Baqarah</p> <p>عَاصِمٌ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرُسُلِهِ لَئِن تَفَرَقَ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِنَّكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٥٥﴾</p> <p>لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفُرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٥٦﴾</p> <p style="color: red;">[Muttafaqun alaihi].</p>	<p>Sekali pada setiap malam. Di baca di dalam rumah pada bila-bila masa.</p>	<p>Cukup untuk mengelakkan kejahatan atau keburukan</p>
3	<p>Surah al-Ikhlās, Surah al-Falaq dan Surah an-Nās</p> <p style="color: red;">[Abu Daud dan Tirmizi].</p>	<p>3 kali pada waktu pagi. 3 kali pada sebelah petang</p>	<p>Mencukupi dari yang lain</p>

4	<p>بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يُضَرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ</p> <p>“Dengan nama Allah yang dengan namaNya tidak ada sesuatu di bumi dan di langit dapat memudaratkan, dan Dialah yang Maha Mendengar dan Maha Mengetahui”. [Abu Daud].</p>	<p>3 kali pada waktu pagi.</p> <p>3 kali pada sebelah petang</p>	<p>Mengelakkan musibah yang tiba-tiba dan tiada sesuatu boleh memudaratkannya.</p>
5	<p>أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ</p> <p>Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna daripada kejahatan (makhluk yang) Dia ciptakan”. [Ahmad dan Nasaie].</p>	<p>3 kali pada waktu pagi. 3 kali pada sebelah petang.</p> <p>Apabila singgah ke sesuatu tempat.</p>	<p>Melindungi sesuatu tempat dari perkara yang memudaratkan</p>
6	<p>حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ</p> <p>“Cukuplah Allah bagiku, tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia. KepadaNya aku berserah diri, dan Dialah Tuhan Arasy yang agung”. [Abu Daud].</p>	<p>7 kali pada waktu pagi.</p> <p>7 kali pada sebelah petang</p>	<p>Allah (^{subhānahu} wata'ala) mempercukupkan keperluan dunia dan akhiratnya.</p>
7	<p>رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا</p> <p>“Aku reda Allah sebagai Tuhanku, Islam sebagai agamaku, dan Muhammad sebagai nabiku”. [Abu Daud dan Tirmizi].</p>	<p>3 kali pada waktu pagi.</p> <p>3 kali pada sebelah petang</p>	<p>Allah pasti akan meredainya.</p>
8	<p>Pagi: اللَّهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا وَبِكَ أَمْسَيْنَا وَبِكَ نَحْيَا وَبِكَ نَمُوتُ وَإِلَيْكَ النُّشُورُ.</p> <p>“Ya Allah, hanya denganMu kami memasuki waktu pagi, dan hanya denganMu kami memasuki waktu petang. Hanya denganMu kami hidup dan hanya denganMu kami mati dan hanya kepadaMulah kami dibangkitkan”. [Tirmizi].</p> <p>Petang: اللَّهُمَّ بِكَ أَمْسَيْنَا وَبِكَ أَصْبَحْنَا وَبِكَ نَحْيَا وَبِكَ نَمُوتُ وَإِلَيْكَ النُّصَيْرُ.</p> <p>“Ya Allah, hanya denganMu kami memasuki waktu petang, dan hanya denganMu kami memasuki waktu pagi. Hanya denganMu kami hidup dan hanya denganMu kami mati dan hanya kepadaMulah tempat kembali”. [Tirmizi].</p>	<p>Pagi dan petang</p>	<p>Wirid yang sangat dituntut</p>
9	<p>أَصْبَحْنَا عَلَىٰ فِطْرَةِ الْإِسْلَامِ، وَكَلِمَةِ الْإِخْلَاصِ، وَدِينِ نَبِيِّنَا</p>	<p>Waktu</p>	<p>Sesungguhnya</p>

<p>مُحَمَّدٍ صَبًا، اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَمَلَّةَ ابْنِ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ.</p> <p>“Kami memasuki waktu pagi di atas fitrah Islam, kalimat ikhlas, agama nabi kami Muhammad -sallallahu alaihi wa sallam-, dan agama bapa kami, Ibrahim, yang sentiasa dalam keadaan lurus dan berserah diri, dan dia tidak termasuk dalam kalangan orang musyrik”. [Ahmad].</p>	pagi	<p>Nabi Muhammad (<small>sallallahu 'alaihi wa sallam</small>) berdoa dengannya.</p>
<p>اللَّهُمَّ مَا أَصْبَحَ بِي مِنْ نِعْمَةٍ أَوْ بِأَحَدٍ مِنْ خَلْقِكَ فَمِنْكَ وَحَدِّكَ لَا شَرِيكَ لَكَ فَالْحَمْدُ لَكَ الشُّكْرُ.</p> <p>“Ya Allah, pada pagi hari ini, apa pun nikmat yang ada padaku, atau pada seseorang dari makhlukMu, maka hanyalah dariMu semata, tiada sekutu bagiMu. Kerana itu, hanya milikMu segala puji dan syukur”</p> <p>اللَّهُمَّ مَا أَمْسَى بِي مِنْ نِعْمَةٍ أَوْ بِأَحَدٍ مِنْ خَلْقِكَ فَمِنْكَ وَحَدِّكَ لَا شَرِيكَ لَكَ فَالْحَمْدُ لَكَ الشُّكْرُ.</p> <p>Apabila petang dibaca: “Ya Allah, pada petang hari ini ...”. [Abu Daud].</p>	Pagi dan petang	<p>Dia menunaikan rasa syukurnya untuk siang dan malam hari itu.</p>
<p>اللَّهُمَّ إِنِّي أَصْبَحْتُ أَشْهَدُكَ وَأَشْهَدُ حَمَلَةَ عَرْشِكَ وَمَلَائِكَتَكَ وَأَنْبِيَاءَكَ وَجَمِيعَ خَلْقِكَ بِأَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُكَ وَرَسُولُكَ.</p> <p>“Ya Allah, pada pagi hari ini aku persaksikan kepadaMu, para malaikat pemikul ArasyMu, para malaikatMu, para NabiMu, dan semua makhlukMu, bahawa Engkaulah Allah, tiada Tuhan yang berhak disembah selain Engkau, dan bahawa Muhammad adalah hamba dan utusanMu”. [Abu Daud].</p> <p>اللَّهُمَّ إِنِّي أَمْسَيْتُ أَشْهَدُكَ وَأَشْهَدُ حَمَلَةَ عَرْشِكَ وَمَلَائِكَتَكَ وَأَنْبِيَاءَكَ وَجَمِيعَ خَلْقِكَ بِأَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُكَ وَرَسُولُكَ.</p>	4 kali pada waktu pagi. 4 kali pada sebelah petang.	<p>Sesiapa yang menyebutnya 4 kali, Allah akan membebaskannya dari api neraka.</p>
<p>اللَّهُمَّ فَاطِرَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ عَالِمَ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ رَبَّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِيكَهُ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ يَسْرِّ نَفْسِي وَمِنْ شَرِّ الشَّيْطَانِ وَبَشْرِكِهِ وَأَنْ أَقْتَرَفَ عَلَى نَفْسِي سُوءًا أَوْ أَجْرَهُ إِلَى مُسْلِمٍ.</p> <p>“Ya Allah, Pencipta langit dan bumi, Yang mengetahui semua yang ghaib dan yang nampak, Tuhan segala sesuatu dan Penguasanya. Aku bersaksi tiada Tuhan yang</p>	Pagi, petang dan ketika hendak tidur.	<p>Melindungi dari waswas syaitan.</p>

	berhak disembah selain Engkau. Aku berlindung kepadaMu dari kejahatan diriku, juga kejahatan syaitan dan sekutunya. Dan (aku berlindung kepadaMu) dari bertindak buruk atas diriku, atau menjerumuskan seorang muslim kepadanya”. [Abu Daud].		
13	<p>اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ غَلْبَةِ الدَّيْنِ، وَقَهْرِ الرِّجَالِ</p> <p>“Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari kesusahan dan kesedihan, aku berlindung kepadaMu dari sifat lemah dan malas, aku berlindung kepadaMu dari sifat penakut dan kikir, dan aku berlindung kepadaMu dari beban hutang dan penindasan orang”. [Bukhari].</p>	Sekali pada pagi dan sekali pada waktu petang	Menghilangkan kegelisahan, keresahan dan belunggu hutang.
14	<p>اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتَ أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُتُوبُ إِلَيْكَ بِذُنُوبِي فَاعْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.</p> <p>Ya Allah, Engkau adalah Tuhanku, tiada Tuhan yang berhak disembah selain Engkau, Engkau menciptakan aku. Aku adalah hambaMu. Aku akan setia pada perjanjianku denganMu semampuku. Aku berlindung kepadaMu dari kejahatan yang kulakukan. Aku mengakui nikmatMu kepadaku dan aku mengakui dosaku kepadaMu. Oleh kerana itu, ampunilah daku; sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa melainkan Engkau”. [Bukhari].</p>	Penghulu segala istighfar. Pagi dan petang	Sesiapa yang menyebutnya dengan penuh keyakinan pada siang hari kemudian mati pada hari tersebut, atau pada malam dan mati pada malam tersebut, maka dia merupakan ahli syurga.
15	<p>يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ أَصْلِحْ لِي شَأْنِي كُلَّهُ وَلَا تَكِلْنِي إِلَى نَفْسِي طَرْفَةَ عَيْنٍ.</p> <p>“Wahai Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmatMu aku memohon pertolongan. Perbaikilah segala urusanku, maka janganlah Engkau serahkan aku kepada diriku sendiri walau sekelip mata”. [Nasaie].</p>	Pagi dan petang	Nabi Muhammad (<small>sallallahu 'alaihi wa sallam</small>) telah mewasiatkan wirid ini kepada Fatimah R.hA
16	اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَدَنِي، اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي سَمْعِي، اللَّهُمَّ عَافِنِي فِي بَصَرِي،	3 kali	Nabi

	<p>اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.</p> <p>“Ya Allah, anugerahkanlah kesihatan pada tubuh badanku, ya Allah berikanlah kesihatan pada pendengaranku, ya Allah berikanlah kesihatan pada pandanganku, ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari kufur dan kefakiran, ya Allah sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari siksa kubur, tiada Tuhan yang berhak disembah selain Engkau”. [Abu Daud].</p>	<p>pada waktu pagi. 3 kali pada sebelah petang</p>	<p>Muhammad (<i>ṣallallāhu 'alaihi wa sallam</i>) berwirid dan berdoa dengannya .</p>
17	<p>اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايَ وَأَهْلِي وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتِرْ عَوْرَاتِي وَأَمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيْ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي وَمِنْ فَوْقِي وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي.</p> <p>“Ya Allah, aku memohon kepadaMu keselamatan agama, dunia, keluarga serta harta bendaku. Ya Allah, tutuplah auratku dan peliharalah aku dari ketakutan. Ya Allah, peliharalah diriku dari depan, belakang, kanan, kiri, serta atas, dan aku berlindung dengan keagunganMu daripada ditelan dari bawah”. [Abu Daud].</p>	<p>Pagi dan petang</p>	<p>Rasulullah (<i>ṣallallāhu 'alaihi wa sallam</i>) tidak pernah meninggalkan doa ini pada setiap pagi dan petang</p>
18	<p>سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ عَدَدَ خَلْقِهِ، وَرِضَا نَفْسِهِ، وَزِينَةَ عَرْشِهِ، وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ</p> <p>Maha suci Allah dan segala puji bagiNya sebanyak makhlukNya, sereda diriNya, seberat ArasyNya, dan sebanyak kalimatNya”. [Muslim].</p>	<p>3 kali pada waktu pagi</p>	<p>Lebih baik daripada duduk berzikir daripada waktu fajar sehingga ke petang.</p>

PERCAKAPAN DAN PERBUATAN YANG BERPAHALA BESAR

BIL	PERCAKAPAN ATAU AMALAN YANG MULIA	GANJARAN DAN PAHALA BERDASARKAN SUNNAH, SEBAGAIMANA SABDA RASULULLAH (<small>ṣallāllāhu 'alaihi wa sallam</small>)
1	<p>لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير (Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu baginya. Baginya kerajaan, dan baginya segala pujian serta Dialah yang Maha Kuasa atas segala sesuatu)</p>	<p>Sesiapa yang menyebut: لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير sebanyak 100 kali dalam sehari, baginya menyamai dengan memerdekakan 10 orang kanak-kanak, ditulis kepadanya 100 kebaikan dan dihapuskan 100 kejahatan, dan dipelihara dari syaitan pada hari tersebut sehingga keesokan harinya. Dan tiada seorang pun yang membawa amalan yang lebih baik daripada apa yang dibawanya itu kecuali seseorang yang melakukan lebih banyak dari itu. [Muttafaquun alaihi].</p>
2	<p>سبحان الله العظيم ومحمده (Maha Suci Allah yang Maha Agung dan baginya segala pujian)</p>	<p>Sesiapa yang menyebut: (سبحان الله العظيم ومحمده) ditanamkan untuknya sebatang pohon kurma di dalam syurga. [Tirmizi dan Hakim].</p>
3	<p>سبحان الله ومحمده سبحان الله العظيم (Maha Suci Allah dan baginya segala pujian. Maha Suci Allah yang Maha Agung)</p>	<p>Sesiapa yang menyebut: (سبحان الله ومحمده) seratus kali, diampunkan segala dosanya walaupun dosa itu seperti buih di lautan. Dan tiada seorang pun yang datang pada hari kiamat dengan sesuatu yang lebih afdal daripadanya melainkan orang yang menyebut sepertinya atau lebih banyak dari itu. [Muttafaquun alaihi]. Dua kalimat yang ringan di lisan namun berat dalam timbangan, dan disukai oleh Zat yang Maha Pengasih: (سبحان الله ومحمده سبحان الله العظيم). [Muttafaquun alaihi].</p>
4	<p>لا حول ولا قوة إلا بالله (Tiada daya dan upaya melainkan dari Allah)</p>	<p>Rasulullah (<small>ṣallāllāhu 'alaihi wa sallam</small>) bersabda: “Mahukah aku tunjukkan kamu suatu pintu daripada pintu-pintu syurga?” Jawabku (Abu Musa al-Asy’ari (<small>radīyallāhu 'anhu</small>)): Ya. Sabda baginda: “لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ”. [Muttafaquun alaihi].</p>
5	<p>Memohon dimasukkan ke syurga dan perlindungan</p>	<p>Sesiapa berdoa memohon syurga sebanyak tiga kali, maka syurga akan mengatakan: “Ya Allah, masukkanlah dia ke dalam syurga”, dan barangsiapa yang memohon perlindungan dari api neraka sebanyak</p>

	dari api neraka	tiga kali, maka neraka akan mengatakan: “Ya Allah, hindarkanlah dia dari neraka”. [Tirmizi dan Nasaie].
6	Kafaratul majlis	“Sesiapa yang berada di dalam majlis, banyak di dalamnya perkataan-perkataan lagha atau dosa, lalu sebelum bersurai dia membaca: سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ (Segala puji bagiMu ya Allah, kepadaMu kami memuji. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Engkau. Aku memohon keampunan dan taubat daripadaMu) melainkan diampunkan untuknya dosa-dosa ketika dalam majlis tersebut”. [Abu Daud dan Tirmizi].
7	Menghafal ayat-ayat dari surah al-Kahfi	Barangsiapa yang menghafal sepuluh ayat yang pertama dari surat al-Kahfi akan dilindungi dari Dajjal. [Muslim].
8	Selawat ke atas Nabi Muhammad (sallallahu 'alaihi wa sallam)	Sesiapa yang berselawat kepadaku sekali, maka Allah berselawat kepadanya sepuluh kali, menghapuskan daripadanya sepuluh dosa, dan mengangkat darinya sepuluh darjat. [Ahmad dan Nasaie].
9	Membaca surah-surah dan ayat-ayat al-Quran	Barangsiapa yang membaca lima puluh ayat dalam sehari semalam, maka dia tidak dicatat sebagai seorang yang lalai. Barangsiapa yang membaca seratus ayat, maka dia dicatat sebagai orang yang taat. Barangsiapa yang membaca dua ratus ayat maka dia tidak akan dibantah oleh al-Quran pada hari kiamat. Dan barang siapa yang membaca lima ratus ayat, maka dicatat baginya perbendaharaan harta berupa pahala. [Abu Daud]. Membaca surah al-Ikhlâs menyamai satu pertiga al-Quran. [Muttafaqun alaihi].
10	Pahala orang azan	Sesungguhnya tidaklah jin, manusia dan setiap sesuatu yang mendengar seruan azan melainkan mereka menjadi saksi di hari kiamat. [Bukhari]. Para muazin adalah orang yang paling panjang lehernya di hari kiamat. [Muslim].
11	Doa selepas azan	Sesiapa yang berkata ketika mendengar azan: اللَّهُمَّ رَبِّ هَذِهِ الدَّعْوَةُ التَّامَّةُ، وَالصَّلَاةُ التَّامَّةُ، أَسْأَلُكَ بِمُحَمَّدٍ الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ، وَأَبِيعْتَهُ مَقَامًا مُحَمَّدًا الَّذِي وَعَدْتَهُ، (Ya Allah, Tuhan yang menguasai seruan yang sempurna ini, dan solat yang akan didirikan ini, kurniakanlah Muhammad wasilah (syurga) dan keutamaan, serta utuslah baginda ke tempat yang

		terpuji, yang telah Engkau janjikan kepadanya) mereka akan mendapat syafaatku pada hari kiamat. [Bukhari].
12	Kesempurnaan wudu'	Sesiapa yang berwudu' dengan wudu' yang paling sempurna, maka keluar kotoran (keburukan) dari tubuhnya sehingga dari celah kuku-kukunya. [Muslim].
13	Doa selepas wudu'	Tiada orang yang berwudu' dengan sempurna kemudian berkata: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ (Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba Allah dan utusanNya) melainkan dibuka lapan pintu syurga kepadanya dan dia akan masuk dari mana-mana pintu yang dikehendaknya. [Muslim].
14	Solat dua rakaat selepas wudu'	"Tidaklah seorang Muslim berwuduk dengan sebaik-baiknya kemudian mengerjakan solat dua rakaat dengan menghadirkan hati dan menghadapkan wajahnya, melainkan telah wajib baginya syurga". [Abu Daud].
15	Banyak berjalan ke masjid	Barangsiapa berjalan ke masjid Jami', maka satu langkah menghapus satu keburukan dan satu langkah ditulis satu kebaikan, di saat pergi dan pulang. [Ahmad].
16	Persediaan untuk solat Jumaat	"Barangsiapa yang bersuci dan mandi, kemudian bergegas berangkat dengan berjalan, tidak menaiki kenderaan dan mendekat dengan imam, lalu mendengar khutbah dan tidak berbuat sia-sia, maka baginya bagi setiap langkah pahala satu tahun puasa dan solat malamnya". [Tirmizi]. "Tidaklah seseorang mandi pada hari Jumaat, membersihkan diri semampunya, memakai minyak rambut atau memakai minyak wangi kemudian keluar menuju solat Jumaat dengan tidak memisahkan antara dua orang, lalu solat yang telah ditentukan untuknya dan diam ketika imam (khatib) berbicara/berkhutbah kecuali diampuni (dosa) di antara Jumaat itu dengan Jumaat yang lainnya." [Bukhari].
17	Mendapat takbiratul ihram bersama imam.	Barangsiapa solat berjemaah 40 hari dan mendapat Takbiratul Ihram (bersama Imam), akan ditulis kepadanya 2 perkara; dia akan selamat dari Api Neraka dan dia akan selamat dari Nifaq (munafik). [Tirmizi].
18	Solat fardu berjemaah	Solat berjemaah lebih afdal dari solat bersendirian dengan 27 pahala. [Muttafaqun alaihi].
19	Solat isyak	Sesiapa yang solat isyak secara berjemaah, dia

	dan subuh berjemaah	umpama telah solat separuh malam. Dan sesiapa solat subuh berjemaah, dia umpama solat sepanjang malam. [Muslim].
20	Solat di saf awal	Jikalau manusia mengetahui akan kelebihan azan dan saf awal, dan mereka tidak mendapat keputusan siapakah yang layak melainkan dengan cara undi, nescaya mereka akan mengundi. [Muttafaqun alaihi].
21	Menjaga sunat rawatib	Sesiapa yang solat pada siang dan malam 12 rakaat, dibina kepadanya rumah di dalam syurga; 4 rakaat sebelum zohor, 2 rakaat selepas zohor, 2 rakaat selepas maghrib, 2 rakaat selepas Isyak' dan 2 rakaat sebelum subuh. [Muslim].
22	Memperbanyakkan solat sunat, dan bersungguh-sungguh menyembunyikannya	“Perbanyakkanlah sujud kepada Allah, kerana sesungguhnya tidaklah engkau bersujud satu kali melainkan Allah angkat kedudukanmu satu darjat dengan sujud tersebut. Serta, Allah akan hapuskan satu dosamu dengan sujud itu pula.” [Muslim]. “Solat sunat yang dikerjakan seseorang di tempat yang tidak dilihat orang lain, senilai 25 kali ganda solat sunat yang dia kerjakan di tempat ramai orang.” [Abu Ya`la].
23	Solat rawatib sebelum subuh dan solat fardu subuh	2 rakaat solat sunat sebelum subuh lebih baik dari dunia dan isinya. [Muslim]. Sesiapa yang solat subuh, maka dia berada dalam jaminan Allah. [Muslim].
24	Solat sunat Dhuha	Pada setiap pagi, setiap sendi tubuh Bani Adam harus bersedekah. Setiap tasbih akan menjadi sedekah. Setiap tahmid akan menjadi sedekah. Setiap tahlil akan menjadi sedekah. Setiap takbir akan menjadi sedekah. Setiap amar ma'ruf nahi munkar juga akan menjadi sedekah. Semua itu dapat digantikan dengan dua rakaat yang dilakukan pada waktu Dhuha. [Muslim].
25	Sesiapa yang duduk di tempat solat dan berzikir kepada Allah	Para malaikat akan mendoakan salah seorang di antara kalian selama dia berada di tempat solatnya, tidak berhadas: “Ya Allah, ampunilah dia, Ya Allah, rahmatilah dia”. [Muttafaqun alaihi].
26	Zikir selepas solat subuh berjemaah	Sesiapa yang solat subuh secara berjemaah, kemudian terus berzikir kepada Allah sehingga terbit matahari. Kemudian solat dua rakaat sejurus selepas terbit matahari, dia akan mendapat pahala haji dan umrah

		secara sempurna. [Tirmizi].
27	Sesiapa yang bangun dari tidur pada malam hari bersolat dan mengejutkan isterinya	Sesiapa yang bangun dari tidur pada malam hari dan mengejutkan isterinya kemudian solat dua rakaat secara berjemaah, maka dicatat sebagai orang-orang yang banyak mengingati Allah. [Abu Daud].
28	Mereka yang berniat solat malam, kemudian tertidur	Tidaklah seseorang yang biasa mengerjakan solat malam, kemudian dia tertidur (tidak mengerjakannya) melainkan akan dicatat baginya pahala solat malam, dan tidurnya dikira sedekah baginya. [Abu Daud dan Ahmad].
29	Doa bagi mereka yang masuk ke pasar	لا إله إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد يحيى ويميت وهو حي لا يموت بيده الخير وهو على كل شيء قدير Dicatat kepadanya sejuta kebaikan, dihapuskan sejuta keburukan dan ditinggikan sejuta darjat. [Tirmizi dan Hakim].
30	33 kali Dan menutupnya dengan سبحان الله، والحمد لله، والله أكبر لا إله إلا الله	Sesiapa yang bertasbih selepas solat 33 kali, bertahmid 33 kali, dan bertakbir 33 kali, semua sekali 99 dan dicukupkan 100 dengan: لا إله إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير diampunkan dosa-dosanya walaupun dosanya seperti buih di lautan. [Muslim].
31	Membaca ayat kursi selepas selesai solat fardu	Barangsiapa yang membaca ayat kursi setiap kali selesai solat fardu, maka tiada yang dapat menghalang dia untuk masuk syurga kecuali mati. [Nasaie].
32	Ziarah orang sakit	Mana-mana dari kalangan orang Islam yang menziarahi orang Islam lain yang sakit pada waktu pagi, maka 70 ribu malaikat akan mendoakannya sehingga ke petang. Manakala jika dia menziarahinya pada waktu petang, maka 70 ribu malaikat akan mendoakannya sehingga pagi dan baginya kebun di syurga. [Ahmad dan Tirmizi].
33	Doa kepada orang yang ditimpa musibah	Sesiapa yang melihat orang yang sedang diuji dengan suatu musibah lalu dia berkata: الحمد لله الذي عاقبني مما ابتلاك به وفضلني على كثير ممن خلق تفضيلاً “Segala puji hanya milik Allah yang menyelamatkan aku dari musibah yang menimpamu, dan telah memuliakan aku lebih dari orang-orang lain yang lebih ramai”, maka dia tidak akan ditimpa dengan musibah tersebut. [Tirmizi].

34	Takziah atas musibah	Siapa saja yang mengucapkan takziah kepada orang-orang yang ditimpa musibah, maka dia akan mendapat pahala seperti orang yang ditimpa musibah tersebut. [Tirmizi] . Seorang Muslim yang mengucapkan takziah kepada saudaranya yang ditimpa musibah akan dipakaikan oleh Allah (^{subhānahu} wata'āla) dengan perhiasan kemuliaan pada hari kiamat. [Ibnu Majah dan Ahmad] .
35	Solat jenazah dan mengiringinya ke kubur	Barangsiapa yang menyaksikan jenazah, kemudian mensolatkannya, maka dia mendapat pahala satu <i>qirath</i> . Dan barangsiapa yang mengiringi jenazah hingga ke kubur, maka dia mendapat dua <i>qirath</i> . Mereka (sahabat) bertanya: “Apakah yang dimaksudkan dengan <i>qirath</i> ?” Nabi Muhammad (^{sallāluhu ‘alaihi wa} sallam) menjawab: “Ia sama dengan dua gunung besar”. [Muslim] . Kata Ibnu Umar RA: “Kami telah mensia-siakan banyak <i>qirath</i> ”.
36	Bina masjid kerana Allah	Sesiapa yang membina masjid kerana Allah walaupun sebesar sarang burung untuk bertelur, ganjarannya Allah akan membina sebuah rumah untuknya di dalam syurga. [Ibnu Majah] .
37	Infak	Setiap datang waktu pagi, ada dua malaikat yang turun dan keduanya berdoa. Malaikat pertama memohon kepada Allah: “Ya Allah, berikanlah ganti bagi orang yang memberi nafkah/berinfak”. Sementara malaikat yang satu lagi berdoa: “Ya Allah, berikan kehancuran bagi orang yang memegang (tidak mahu berinfak). [Muttafaqun alaihi] .
38	Sedekah	Satu dirham telah mendahului seratus ribu. Sahabat meminta penjelasan: "Wahai Rasulullah, bagaimana (demikian)?" Nabi (^{ṣallāluhu ‘alaihi wa} sallam) bersabda: "Seorang lelaki hanya ada dua dirham, lalu dia bersedekah dengan salah satu dirhamnya. Dan seorang lagi punya harta yang banyak lalu diambil dari gudang hartanya seratus ribu dirham untuk disedekahkan". [Nasaie] . Tidaklah seorang muslim menanam tanaman atau menabur benih, lalu tanaman itu dimakan oleh burung atau manusia atau juga binatang ternak, kecuali yang demikian itu sebagai sedekah darinya. [Bukhari] .
39	Pinjaman tanpa faedah	Seseorang muslim (mereka) yang meminjamkan muslim (lainnya) dua kali kecuali dia seperti telah bersedekah satu kali. [Ibnu Majah] .
40	Bersabar dengan	Barang siapa yang memberi tempoh kepada orang yang belum mampu membayar hutang, maka dicatat setiap

	orang yang berhutang	harinya seperti orang yang bersedekah sebesar barang yang dihutang sampai dibayar hutang itu. Jika tiba waktu seseorang itu membayar hutangnya, kemudian pemberi hutang tersebut memberi tempoh lagi, maka setiap harinya ia seperti bersedekah dua kali dari harta yang dihutang. [Ahmad] .
41	Berpuasa sehari di jalan Allah	Barangsiapa yang berpuasa sehari di jalan Allah, Dia akan menjauhkan wajahnya dari api neraka sejauh 70 musim. [Muttafaqun alaihi] .
42	Berpuasa tiga hari setiap bulan, puasa Arafah dan puasa hari Asyura	Puasa tiga hari daripada setiap bulan seumpama puasa setahun. [Muttafaqun alaihi] . Rasulullah ditanya tentang puasa hari Arafah, baginda menjawab : “Menghapuskan dosa tahun yang lalu dan tahun depannya”. [Muslim] . Dan baginda ditanya tentang puasa ‘Asyura, maka baginda menjawab: “Menghapuskan dosa setahun yang lalu”. [Muslim] .
43	Puasa enam hari bulan Syawal	Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan, kemudian diikuti enam hari di bulan Syawal, dia umpama telah berpuasa selama setahun. [Muslim] .
44	Solat tarawih bersama imam sehingga selesai	Sesungguhnya jika seseorang itu bersolat (tarawih) bersama imam sehingga selesai, maka dikira dia mendirikan sepanjang malam. [Abu Daud dan Tirmizi] .
45	Umrah di bulan Ramadhan	Umrah di bulan Ramadhan adalah seperti ibadah Haji. [Bukhari] . Sesiapa yang tawaf di baitullah sebanyak tujuh kali, kemudian solat dua rakaat, ia seperti memerdekakan seorang hamba. [Ahmad dan Ibnu Majah] .
46	Haji Mabru	Barang siapa yang mengerjakan Haji ke Baitullah, tidak membuat maksiat dan berlaku fasiq, dia pulang umpama bayi yang baru dilahirkan dari ibunya (tanpa dosa). [Muttafaqun alaihi] . Haji yang mabru ganjarannya adalah syurga. [Muttafaqun alaihi] .
47	Melakukan amalan soleh pada 10 awal bulan Dzulhijjah	Tiada hari yang lebih disukai oleh Allah selain dari hari-hari ini iaitu sepuluh hari dari bulan Dzulhijjah. Mereka bertanya: Wahai Rasulullah, tidakkah berjihad di jalan Allah (lebih utama)? Rasulullah bersabda: Tidak juga berjihad di jalan Allah kecuali mereka yang keluar berjihad dengan jiwa dan hartanya dan tidak kembali dari berjihad dengan sesuatu apa-apapun (gugur syahid). [Bukhari] .

49	Ganjaran orang yang menuntut ilmu dan kelebihanannya	“Kelebihan orang yang berilmu berbanding ahli ibadah adalah seperti kelebihanku berbanding orang yang paling rendah dalam kalangan kamu”. Kemudian Rasulullah (^{salallahu} wa ^{alaihi} sallam) bersabda: “Sesungguhnya Allah, malaikat, penghuni langit dan bumi sehingga semut di dalam lubanganya, dan ikan di lautan semuanya berdoa kepada guru yang mengajar manusia tentang kebaikan. [Tirmizi].
50	Meminta mati syahid kepada Allah dengan bersungguh-sungguh	Sesiapa yang meminta kepada Allah (^{subhanahu} wata'ala) dengan bersungguh-sungguh untuk mati syahid, Allah akan meletakkannya di kedudukan orang-orang yang syahid sekalipun dia mati di atas katilnya. [Muslim].
51	Menangis kerana takutkan Allah, dan berkawal di jalan Allah	Dua mata yang tidak akan disentuh api neraka; mata yang menangis kerana takutkan Allah dan mata yang sentiasa berkawal di jalan Allah. [Tirmizi].
52	Bertawakal kepada Allah dengan meninggalkan iktiwa', istirqa' dan tathayyur	Diperlihatkan kepada Nabi (^{salallahu} wa ^{alaihi} sallam) di dalam tidurnya golongan umat, lalu baginda melihat umatnya dan terdapat tujuh puluh ribu orang di kalangan mereka yang akan masuk syurga tanpa hisab dan tanpa azab. Mereka adalah orang yang tidak berubat dengan kayy (besi panas), tidak meminta diruqyah (dijampi), dan tidak melakukan tathayyur (percaya pada nasib malang). Mereka hanya bertawakal kepada Allah sahaja. [Muttafaqun alaihi].
53	Ganjaran orang yang kematian anak yang masih kecil	Tidak ada seorang muslim pun yang kematian tiga orang anaknya yang masih belum baligh melainkan Allah akan memasukkannya ke dalam syurga dengan rahmatNya kepada mereka. [Muttafaqun alaihi].
54	Kehilangan penglihatan dan bersabar terhadapnya	Sesungguhnya Allah berfirman: “Apabila Aku menguji hamba-Ku dengan dua kesayangannya (kedua matanya), dan dia tetap bersabar, maka Aku akan gantikannya dengan syurga. [Muttafaqun alaihi].
55	Meninggalkan sesuatu kerana takutkan Allah	Sesungguhnya kamu tidak meninggalkan sesuatu kerana takutkan Allah (^{subhanahu} wata'ala), melainkan Allah (^{subhanahu} wata'ala) akan mengurniakan yang lebih baik daripadanya. [Ahmad].
56	Menjaga kemaluan	- “Barang siapa yang boleh memberikan jaminan kepadaku (untuk menjaga) sesuatu yang ada di antara

	dan lidah	dua janggutnya dan dua kakinya, kuberikan kepadanya jaminan masuk syurga.” Yang dimaksud dengan “sesuatu yang ada di antara dua janggutnya” adalah mulut, sedangkan “sesuatu yang ada di antara dua kakinya” adalah kemaluannya. -Siapa yang diam dia akan selamat. [Ahmad dan Tirmizi].
57	Menyebut nama Allah ketika masuk rumah dan ketika makan	- “Apabila ada orang yang masuk rumah, kemudian dia mengingati Allah ketika masuk, dan ketika makan, maka syaitan akan mengatakan (kepada temannya): “Tidak ada tempat menginap dan tidak ada makan malam untuk kamu”. Tapi apabila dia tidak mengingati Allah ketika masuk, maka syaitan mengatakan: “Kamu akan mendapatkan tempat menginap”. Apabila dia tidak mengingati Allah ketika makan, syaitan berkata: “Kamu mendapat tempat menginap dan makan malam”. [Muslim].
58	Doa selepas makan dan pakai baju baru	-“Sesiapa yang makan makanan kemudian mengucapkan: الحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنِي هَذَا وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلَا قُوَّةَ (Segala puji bagi Allah yang telah memberiku makanan ini, dan merezekikan kepadaku tanpa daya serta kekuatan dariku), maka diampuni dosanya yang telah lalu. [Abu Daud dan Tirmizi]. - sekiranya memakai baju baru الحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي كَسَانِي هَذَا وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلَا قُوَّةَ (Segala puji bagi Allah yang telah memberiku pakaian ini, dan merezekikan kepadaku tanpa daya serta kekuatan dariku), maka diampuni dosanya yang telah lalu”. [Abu Daud dan Tirmizi].
59	Siapa yang inginkan keringangan dari kerja berat yang dilakukannya	Fatimah Rha meminta kepada Nabi ^(sallallahu 'alaihi wa sallam) seorang pembantu, maka baginda bertanya kepadanya dan Ali ^(radiyallahu 'anhu) : “Mahukah aku ajarkan kamu sesuatu yang lebih baik daripada apa yang kamu minta daripadaku? Jika kamu berdua berbaring hendak tidur bertakbirlah 34 kali, bertasbih 33 kali, bertahmid 33 kali, maka ia lebih baik untuk kamu berdua dari seorang pembantu”. [Muttafaqun alaihi].
60	Berdoa sebelum bersetubuh	Jika sesungguhnya seorang daripada kamu akan menjimak isterinya, lalu dia mengucapkan: Dengan nama Allah, ya Tuhan kami, jauhkanlah syaitan dari kami, dan jauhkanlah syaitan itu daripada apa yang engkau kurniakan kepada kami berdua. Sesungguhnya jika Allah mentakdirkan anak untuk mereka berdua, maka syaitan tidak akan dapat

		menggangunya selama-lamanya. [Muttafaqun alaihi] .
61	Keredaan suami kepada isterinya	Apabila seseorang wanita solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menjaga kemaluannya, mentaati suaminya, maka dikatakan kepadanya, masuklah kamu ke dalam syurga dari mana-mana pintu yang kamu suka. [Ahmad] . Jika seorang wanita meninggal dan dia diredai oleh suaminya, maka dia akan masuk ke syurga. [Tirmizi] .
62	Mentaati ibu bapa dan menghubungkan silaturrahim	Keredaan Allah terletak pada keredaan kedua ibu bapanya. [Tirmizi] . Sesiapa yang suka untuk dipermudahkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya, maka hendaklah dia menyambung silaturrahim. [Bukhari] .
63	Pengasuh anak yatim	Aku dan pengasuh anak yatim berada di syurga seperti ini; Baginda menunjukkan isyarat dengan jari telunjuk dan jari tengahnya. [Bukhari] .
64	Akhlak yang baik	Seseorang Muslim yang mempunyai akhlak yang baik, dia dapat mencapai darjat orang yang gemar berpuasa dan gemar bersolat malam. [Ahmad dan Abu Daud] . Aku menjamin sebuah rumah di syurga yang paling tinggi bagi orang yang memperelokkan akhlaknya. [Abu Daud] .
65	Rahmat dan kasih sayang Allah	Sesungguhnya Allah kasih kepada hamba-hambanya yang pengasih. [Muttafaqun alaihi] . Kasihilah semua makhluk yang di bumi nescaya semua makhluk yang di langit akan mengasihimu semua.
66	Mencintai kebaikan sesama Muslim	Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga dia mencintai saudaranya seperti mana dia mencintai dirinya sendiri. [Muttafaqun alaihi]
67	Malu	Malu itu tidak datang kecuali dengan kebaikan. [Muttafaqun alaihi] . Malu itu sebahagian daripada iman. [Muttafaqun alaihi] . 4 perkara daripada sunnah para rasul iaitu malu, memakai minyak wangi, bersugi dan berkahwin. [Tirmizi] .
68	Memulakan salam	Seorang lelaki datang kepada Rasulullah (^{shallallahu} wa ^{'alaihi} sallam) dan memberi salam: "Assalamualaikum". Nabi bersabda: "Sepuluh". Kemudian datang lelaki lain dan memberi salam: "Assalamualikum warahmatullah". Nabi bersabda: "Dua puluh". Kemudian datang lagi seorang lelaki dan memberi salam: "Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh". Nabi bersabda: "Tiga puluh", yakni: kebaikan. [Ahmad dan Tirmizi] .
69	Bersalaman ketika	Tiada dua orang muslim yang berjumpa kemudian bersalaman, melainkan diampunkan dosa-dosa kedua

	berjumpa	mereka sebelum mereka berpisah (beredar). [Ahmad dan Abu Daud].
70	Mempertahankan maruah Muslim	Sesiapa yang mempertahankan maruah saudaranya, maka Allah akan memalingkan mukanya dari api neraka pada hari kiamat kelak. [Tirmizi].
71	Mecintai orang-orang soleh dan majlis mereka	Kamu bersama-sama dengan orang yang kamu cintai. [Muslim]. Anas bin Malik berkata: “Tidak ada kegembiraan bagi para sahabat melebihi kegembiraan mereka terhadap hadis ini”.
72	Orang yang saling mencintai kerana Allah	Allah berfirman dalam hadis Qudsi: “Orang-orang yang saling mencintai kerana keagunganKu, bagi mereka mimbar-mimbar dari cahaya yang membuat cemburu para nabi dan syuhada”. [Tirmizi].
73	Doa kepada orang muslim	Doa seorang muslim untuk saudaranya yang tiada bersamanya adalah mustajab. Di kepalanya terdapat malaikat yang ditugaskan untuk menjaganya. Setiap kali dia berdoa kebaikan kepada saudaranya, maka malaikat yang menjaganya tersebut berkata: “Amiin, dan bagimu perkara yang sama”. [Muslim].
74	Memohon keampunan untuk orang-orang beriman	Sesiapa yang memohon keampunan untuk orang-orang beriman sama ada lelaki atau wanita, Allah akan tulis untuknya satu kebaikan bagi setiap seorang mukmin dan mukminat. [Tabrani].
75	Menghilangkan halangan di tengah jalan	Aku telah melihat seorang lelaki bersenang-senang di syurga disebabkan dia memotong sebuah pohon di jalan yang mengganggu kaum muslimin. [Muslim].
76	Meninggalkan pertengkaran dan penipuan	Aku menjamin dengan rumah di pinggir syurga bagi orang yang meninggalkan pertengkaran walaupun dia di pihak yang benar. Aku menjamin dengan rumah di tengah syurga bagi orang yang meninggalkan dusta walaupun untuk bergurau. Aku menjamin dengan rumah di syurga yang paling tinggi bagi orang yang baik akhlaknya. [Abu Daud].
77	Menahan kemarahan	Sesiapa yang mampu menahan kemarahan sedangkan dia mampu melepaskannya, maka Allah akan memanggilnya di hadapan seluruh makhluk pada hari kiamat hingga Allah mempersilakannya untuk memilih bidadari-bidadari yang mana disukainya. [Abu Daud dan Tirmizi].
78	Pujian kebaikan	Jenazah yang kamu puji-puji dengan kebaikan maka wajiblah syurga baginya, dan sekiranya jenazah yang

	dan keburukan	kalian sebut dengan keburukan maka wajiblah neraka baginya. Kamu semua adalah saksi Allah di atas muka bumi. [Muttafaqun alaihi].
79	Tolong menolong dan menutup aib sesama muslim	Sesiapa yang melepaskan seseorang mukmin dari kesusahan-kesusahan dunia, maka Allah (<i>subhānahu wata'āla</i>) akan melepaskan dirinya dari kesusahan-kesusahan pada hari kiamat. Dan sesiapa yang memudahkan orang yang dilanda kesusahan, maka Allah akan memudahkan untuknya di dunia dan akhirat. Dan sesiapa yang menutup aib seseorang Muslim itu, maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan di akhirat. [Muslim].
80	Mendahulukan Akhirat	Barangsiapa yang tujuan hidupnya adalah akhirat, maka Allah akan menjadikan kekayaannya dalam hatinya dan menghimpun kekuatannya, serta dunia akan mendatangnya dalam keadaan hina. [Ahmad dan Ibnu Majah].
81	Pemimpin yang adil Pemuda yang soleh Terpaut pada masjid Cinta kerana Allah	7 golongan manusia yang akan dinaungi oleh Allah di bawah naunganNya; tiada naungan pada hari itu kecuali naunganNya: 1. Pemimpin yang adil, 2. Pemuda yang membesar dengan beribadah kepada Allah, 3. Pemuda yang jiwanya sentiasa terpaut pada masjid-masjid, 4. Dua pemuda yang saling kasih mengasihi kerana Allah iaitu mereka berkumpul dan berpisah kerana Allah, 5. Seorang lelaki yang diundang oleh seorang perempuan yang mempunyai kedudukan dan rupa paras yang elok untuk melakukan kejahatan tetapi dia berkata: “Aku takut kepada Allah”. 6. Seorang yang memberi sedekah tetapi dia merahsiakannya seolah-olah tangan kanannya tidak mengetahui apa yang diberikan tangan kirinya. 7. Seorang yang mengingati Allah ketika menyendiri sehingga mengalir air mata dari kedua matanya. [Muttafaqun alaihi].
82	Istighfar	Barangsiapa yang senantiasa beristighfar, maka Allah akan memberikan jalan keluar dari kesempitannya, penyelesaian bagi setiap kerisauannya, dan diberi rezeki dari jalan yang tidak disangka. [Ahmad dan Abu Daud].

PERKARA-PERKARA YANG DITEGAH MELAKUKANNYA

BI L	PERKARA YANG DITEGAH	RASULULLAH (<small>sallallāhu 'alaihi wa sallam</small>) BERSABDA
1	Beramal kerana manusia	Allah (<small>subhānahu wata'āla</small>) berfirman; “Aku paling tidak memerlukan kepada sekutu. Sesiapa yang menyekutukan Aku dengan sesuatu yang lain, akan Aku tinggalkan mereka bersama kesyirikannya. [Muslim].
2	Menzahirkan amalan soleh, melakukan kejahatan secara dalaman	Sungguh aku mengetahui sekelompok manusia daripada umatku yang datang pada hari kiamat dengan kebaikan umpama gunung Tihamah berwarna putih, lalu Allah menjadikan (kebaikan mereka itu) debu-debu yang berterbangan. Tsauban berkata: Wahai Rasulullah, ceritakan ciri-ciri mereka kepada kami supaya kami tidak termasuk dalam kalangan mereka tanpa kami sedari. Rasulullah (<small>sallallāhu 'alaihi wa sallam</small>) bersabda: Mereka itu adalah saudara kamu, dan daripada jenis kamu. Mereka menggunakan waktu malam sebagaimana kamu, melainkan mereka ini suatu kaum yang jika mereka bersunyi-sunyian dengan perkara yang Allah haramkan, mereka akan melakukannya. [Ibnu Majah].
3	Takabbur	Tidak masuk syurga seorang yang ada sifat takabbur dalam hatinya walau sebiji sawi. Takabbur itu: menolak kebenaran dan memperlekehkan manusia. [Muslim].
4	Melabuhkan kain (Isbal)	Isbal ialah melabuhkan kain, pakaian dan serban. Sesiapa yang memanjangkannya dengan sombong, maka Allah tidak akan melihatnya di hari kiamat. [Abu Daud dan Nasaie].
5	Hasad	Jauhi dirimu dari perbuatan hasad. Ini kerana perbuatan hasad akan memakan kebajikan sebagaimana api memakan kayu bakar atau memakan rumput. [Muttafaqun alaihi].
6	Riba	Rasulullah (<small>sallallāhu 'alaihi wa sallam</small>) melaknat orang yang memakan riba dan memberi riba. [Muslim]. Satu dirham riba yang diambil oleh seseorang sedangkan dia tahu, adalah lebih teruk dari 36 kali berzina. [Ahmad].
7	Minum Arak	Tidak masuk syurga mereka yang ketagih arak, orang yang percaya kepada sihir dan mereka yang memutuskan tali pesaudaraan. [Ibnu Hibban]. Sesiapa yang minum arak, solatnya tidak akan diterima

		selama 40 hari 40 malam. [Ahmad dan Tirmizi].
8	Berdusta	Celaka bagi mereka yang menceritakan suatu cerita dengan tujuan membuat orang ketawa walaupun dengan cara berdusta. Celakalah dia! Celakalah dia! [Ahmad dan Abu Daud].
9	Mengintip	Sesiapa yang mencuri dengar berita (perkataan) dari suatu kaum, sedangkan mereka membencinya, maka telinganya akan disiram dengan timah api neraka pada hari kiamat. [Bukhari].
10	Melukis	Sesungguhnya orang yang mendapat siksa paling berat pada hari kiamat adalah para pelukis. [Muttafaqun alaihi]. Malaikat tidak akan memasuki rumah yang terdapat padanya anjing dan gambar makhluk yang bernyawa. [Muttafaqun alaihi].
11	Mengadu domba	Tidak masuk syurga orang yang mengadu domba; iaitu menyebarkan gosip dengan tujuan untuk melakukan kerosakan. [Muslim].
12	Mengumpat	Adakah kamu tahu apa makna ghibah? Mereka berkata: Allah dan Rasul sahaja yang tahu. Baginda bersabda: Kamu menyebut sesuatu mengenai saudara kamu dengan perkara yang tidak disukainya. Dikatakan: Apa pendapatmu sekiranya apa yang aku katakan itu ada pada saudaraku? Baginda menjawab: sekiranya ada padanya apa yang kamu katakan, maka kamu telah mengumpatnya. Jika tiada apa yang kamu katakan, kamu telah menfitnahnya. [Muslim].
13	Melaknat	Melaknat sesama muslim sama seperti membunuhnya. [Muttafaqun alaihi]. Jangan kamu melaknat angin, sesungguhnya ia melaksanakan perintah Allah. Dan sesiapa yang melaknat sesuatu yang bukan sepatutnya dilaknat, maka apa yang dilaknat itu akan kembali kepadanya. [Tirmizi].
14	Menyebarkan rahsia	Seburuk-buruk darjat seseorang di sisi Allah pada hari kiamat adalah seorang suami yang bersetubuh dengan isterinya, kemudian dia menceritakan rahsia hubungannya. [Muslim].
15	Kemungkaran	Manusia yang paling buruk kedudukannya di sisi Allah pada hari kiamat nanti ialah seseorang yang

		dijauhi manusia kerana takut akan kejahatannya. [Muttafaqun alaihi] . Kebanyakan kesalahan anak Adam adalah pada lidahnya. [Tabrani] .
16	Mengkafirkan sesama Muslim	Sesiapa yang berkata pada saudaranya, “Hai Kafir! Maka tuduhan itu kembali kepada salah satu di antara keduanya; sama ada ia benar seperti yang dituduh, atau tuduhan itu kembali kepada penuduh. [Muttafaqun alaihi] .
17	Menasabkan bukan daripada ayah	Sesiapa yang mengaku (menasabkan dirinya) kepada selain bapanya sedangkan dia tahu, maka syurga haram untuknya. [Muttafaqun alaihi] . Jangan kamu membenci ayah-ayah kamu, sesiapa yang membencinya, maka dia telah kafir. [Muttafaqun alaihi] .
18	Memberi ketakutan kepada seseorang	Tidak halal bagi seseorang membuat/memberi ketakutan kepada seorang muslim yang lain. [Abu Daud] . Sesiapa yang mengacukan senjata tajam kepada saudaranya, maka para malaikat melaknatnya sehingga dia meletakkannya. [Muslim] .
19	Membunuh orang kafir Mu’ahid di negara Islam	Sesiapa yang membunuh orang kafir mu’ahid (yang ada perjanjian) dengan tanpa haknya, maka dia tidak akan mencium bau syurga. Sesungguhnya bau syurga itu dapat dihidu dari jarak seratus tahun perjalanan. [Ibnu Hibban] .
20	Memusuhi wali-wali Allah	Allah (^{subhanahu wata’ala}) berfirman dalam hadis Qudsi: “Sesiapa yang memusuhi wali-wali Aku, maka Aku telah mengumumkan perang dengannya”. [Bukhari] .
21	Memanggil munafik dan fasik dengan “tuan”	Jangan kamu berkata kepada orang munafik: “Wahai tuan”, kerana sekiranya dia memang tuan, maka kamu telah membuat Allah murka. [Abu Daud] .
22	Menipu rakyat	Mana-mana hamba yang Allah berikan jawatan ketua (pemerintah) kepada orang ramai (rakyat) dan dia mati dalam keadaan menipu, maka Allah akan mengharamkan syurga daripadanya. [Muttafaqun alaihi] .
23	Berfatwa	Sesiapa yang berfatwa tanpa ilmu, maka dosanya

	tanpa ilmu	bagi mereka yang memberi fatwa. [Abu Daud].
24	Meninggalkan solat Jumaat atau asar	Sesiapa yang meninggalkan solat Jumaat tiga kali berturut-turut kerana meremehkannya, maka Allah akan tutup hatinya. [Abu Daud dan Tirmizi]. Sesiapa yang meninggalkan solat asar, maka terhapuslah amalannya. [Bukhari].
25	Mengabaikan solat dan meninggalkannya	Perjanjian diantara kami dan antara kamu adalah solat. Sesiapa yang meninggalkannya, maka ia telah menjadi kafir. [Ahmad dan Abu Daud]. Batasan antara seseorang dan kesyirikan adalah meninggalkan solat. [Muslim].
26	Larangan melintas di hadapan orang solat	Sekiranya seseorang melintas di hadapan orang yang sedang solat mengetahui akibat yang akan ditanggung, sudah tentu berdiri selama empat puluh lebih baik baginya daripada dia melintas di hadapan orang yang sedang solat. [Muttafaqun alaihi].
27	Gangguan kepada orang yang bersolat	Sesiapa yang memakan bawang merah, bawang putih, dan daun bawang, maka janganlah mendekati masjid kami. Sesungguhnya malaikat merasa terganggu sebagaimana anak Adam juga terganggu dengannya. [Muslim].
28	Larangan mengambil tanah	Sesiapa yang mengambil tanah sejengkal/sedikit dari tanah orang lain secara aniaya, maka Allah akan mengalungkannya dari tujuh bumi pada hari kiamat. [Bukhari].
29	Bicara yang dimurkai Allah	Sesungguhnya seseorang hamba berbicara dengan kata-kata yang dimurkai Allah tanpa memikirkannya, maka dia akan terjerumus ke dalam neraka jahannam selama tujuh puluh musim. [Bukhari].
30	Banyak bercakap tanpa mengingati Allah	Jangan kamu banyak bercakap tanpa mengingati Allah, kerana banyak bercakap tanpa mengingati Allah akan mengeraskan hati.
31	Bangga dengan percakapannya	Sesungguhnya perangai yang paling aku benci di antara kamu, dan orang yang jauh dari majlisku pada hari kiamat adalah: orang yang berlebihan dalam berbicara, orang yang berucap dengan sepenuh mulutnya (untuk menunjukkan kefasihannya) dan

		orang yang sombong dalam ucapannya. [Tirmizi].
32	Lalai dari mengingati Allah	Tidak duduk sesuatu kaum dalam majlis, mereka tidak mengingati Allah dan tidak berselawat kepada Nabi melainkan majlis itu tiada keberkatan. Sekiranya Allah inginkan, mereka akan diseksa, dan jika Allah inginkan, mereka diberi keampunan. [Tirmizi].
33	Menampakkan kegembiraan atas bencana yang menimpa seorang muslim	Janganlah kamu menampakkan kegembiraan atas bencana yang menimpa saudaramu; kerana mungkin Allah akan merahmatinya dan kemudian mengujimu dengan hal yang sama. [Tirmizi]. Barangsiapa yang mencela saudaranya disebabkan suatu dosa, dia tidak akan mati sehingga dia melakukan dosa tersebut. [Tirmizi].
34	Pemuluan diantara muslim	Tidak halal bagi seseorang muslim untuk tidak bertegur sapa dengan saudaranya melebihi tiga hari. Maka sekiranya melebihi tiga hari, matinya akan masuk neraka. [Abu Daud].
35	Melakukan maksiat secara terang-terangan	Semua umatku akan dimaafkan kecuali mereka yang betenang-terangan (dengan maksiat). [Muttafaqun alaihi].
36	Akhlag buruk	Akhlag yang buruk merosakkan amalan sebagaimana rosaknya madu disebabkan cuka. [Tabrani].
37	Mengambil balik pemberian	Orang yang mengambil balik pemberiannya, samalah seperti anjing yang muntah lalu ia menjilat balik muntahnya. [Muttafaqun alaihi]. Tidak halal bagi seorang lelaki yang memberikan sesuatu pemberian, kemudian mengambil balik apa yang diberikan. [Abu Daud].
38	Menzalimi jiran	Seorang yang berzina dengan sepuluh orang wanita lebih ringan dosanya daripada dia berzina dengan isteri jirannya. Seorang yang mencuri di sepuluh rumah, dosanya lebih ringan daripada dia mencuri di rumah jirannya. [Ahmad].
39	Melihat perkara yang diharamkan	Sudah ditulis untuk anak Adam bahagian tertentu pada anggota yang tidak boleh dihindarkan dari perbuatan zina. Kedua mata zinanya adalah pandangan, kedua telinga zinanya adalah pendengaran. Zina tangan

		adalah dengan menggunakan kekerasan, zina kaki adalah dengan langkahnya, sedangkan hati menyukai sesuatu dengan berangan-angan seterusnya kemaluan membenarkan atau mengingkari kesemuanya itu. [Ahmad].
40	Seorang lelaki menyentuh perempuan yang tidak halal untuknya	Jika seorang daripada kamu dicucuk kepalanya dengan jarum daripada besi lebih baik baginya daripada bersalaman dengan wanita yang tidak halal baginya. [Tabrani]. Aku tidak bersalaman dengan wanita. [Ahmad].
41	Kahwin syighar	Rasulullah (^{sallāhu 'alaihi wa sallam}) melarang nikah syighar, iaitu seorang ayah menikahkan puterinya dengan orang lain, dengan syarat orang lain tersebut menikahkan puterinya dengan ayah dari calon isterinya tersebut tanpa sebarang mahar antara keduanya. [Bukhari].
42	Meratapi	Sesiapa yang diratapi, maka ia akan disiksa pada hari kiamat dengan apa yang menyebabkan ratapan tersebut. [Muslim]. Seorang yang mati akan diazab di dalam kuburnya dengan apa yang diratapi ke atasnya. [Bukhari].
43	Bersumpah dengan selain dari Allah	Sesiapa yang bersumpah dengan selain dari Allah, maka dia telah syirik dan kufur. [Ahmad]. Sesiapa yang ingin bersumpah, maka bersumpahlah dengan nama Allah atau jika tidak maka diamlah. [Bukhari]. Sesiapa yang bersumpah dengan amanah, dia bukan daripadaku. [Abu Daud].
44	Bersumpah dengan pendustaan	Sesiapa yang mengambil hak sesorang Muslim dengan sumpahannya yang dusta, dan dia telah menzaliminya, maka dia akan bertemu Allah dalam keadaan Allah murka kepadanya. [Bukhari].
45	Bersumpah dalam jual beli	Hindarilah dari banyak bersumpah dalam urusan jual beli, kerana sumpahan itu dapat melariskan perniagaan, tetapi kemudian melenyapkan. [Muslim]. Sumpah itu dapat melariskan perniagaan, tetapi melenyapkan keberkatan. [Bukhari].
46	Menyerupai orang kafir	Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk dalam golongan mereka. [Abu Daud].

	Bukan daripada kami mereka yang menyerupai selain kami. [Tirmizi] .
47 Pembinaan atas kubur	Rasulullah (^{sallallahu} wa ^{alaih} sallam) melarang untuk melapiskan kubur dengan kapur putih, duduk di atasnya dan membuat binaan di atasnya. [Muslim] .
48 Khianat	Apabila Allah (^{subhanahu} wata'ala) menghimpunkan sekalian manusia awal dan akhirnya pada hari kiamat nanti, diangkat bagi setiap pengkhianat benderanya masing-masing lalu dikatakan: Ini adalah pengkhianatan si fulan bin fulan. [Muslim] .
49 Duduk di atas kubur	Lebih baik salah seorang di antara kamu duduk di atas bara api hingga membakar pakaian dan kulitnya daripada duduk di atas kubur. [Muslim] .
50 Orang yang suka dihormati	Sesiapa yang suka dihormati manusia dengan cara berdiri untuknya, maka hendaklah dia menempah tempat di dalam neraka. [Ahmad dan Abu Daud] .
51 Meminta-minta tanpa sebab	Tidaklah seseorang hamba itu membuka pintu meminta-minta melainkan Allah s.w.t membuka untuknya pintu kemiskinan". [Tirmizi] . Sesiapa yang suka meminta-minta harta manusia untuk dikumpulkan (memperbanyakkan harta), maka sesungguhnya dia hanya meminta bara api. Maka terserah padanya untuk mengurangkan atau memperbanyakkannya. [Muslim] .
52 Tipu menipu dalam jual beli	Janganlah penduduk bandar menjual barangan penduduk kampung (lalu dia ditipu kerana tidak mengetahui harga pasaran), jangan menipu dalam tawar menawar (najsy), dan janganlah kamu menjual barangan atas jualan orang lain. [Muttafaqun alaihi] .
53 Mengumumkan barang hilang di dalam masjid	Sesiapa yang mendengar lelaki mengumumkan barang yang hilang di dalam masjid, maka katakanlah: semoga Allah tidak mengembalikannya kepada kamu. Sesungguhnya masjid-masjid bukanlah dibina untuk ini. [Muslim] .
54 Mencela syaitan	Janganlah kamu mencela syaitan dan berlindunglah dari kejahatannya. Berkata seorang sahabat: "Suatu ketika aku membonceng

		Nabi (^{sallallahu 'alaihi} _{wa} ^{sallam}), tiba-tiba haiwan tunggangan itu jatuh, maka aku berkata: “Celaka syaitan”. Baginda bersabda: “Janganlah engkau berkata celaka syaitan kerana ia akan menjadikan dia sombong sehingga seperti rumah dan mengatakan: dengan kekuatanku, sebaliknya katakanlah: Bismillah, kerana jika engkau berkata demikian, syaitan akan mengecil hingga seperti lalat”. [Ahmad dan Abu Daud].
55	Mencela demam	Janganlah kamu mencela demam, kerana demam itu akan menghilangkan kesalahan (dosa-dosa) anak adam, sebagaimana alat pemanas besi mampu menghilangkan karat. [Muslim].
56	Menyebarkan perkara haram dan mengajak untuk melakukannya	Sesiapa yang mengajak kepada kesesatan, sesungguhnya dosa-dosa yang ditanggungnya sepertimana dosa-dosa pengikutnya. Tidak kurang sedikit pun dari dosa-dosa yang diperolehi mereka. [Muslim].
57	Perkara yang dilarang ketika minum	Rasulullah (^{sallallahu 'alaihi} _{wa} ^{sallam}) melarang meminum air terus dari mulut cerek atau teko. [Bukhari]. Baginda melarang minum sambil berdiri. [Muslim]. Baginda juga melarang meniup ke dalam minuman. [Tirmizi].
58	Larangan menggunakan piring/gelas dari emas atau perak	Dan janganlah kamu minum dari gelas emas atau perak, dan jangan pula memakai pakaian yang dibuat daripada sutera dan ‘dibaj’ (sejenis sutera juga); ini kerana semua itu untuk mereka bukan Islam di atas dunia dan bagi kamu di akhirat nanti. [Bukhari].
59	Minum dengan tangan kiri	Janganlah kamu makan dengan tangan kiri dan minum dengannya kerana syaitan makan dan minum dengan tangan kiri. [Muslim].
60	Memutuskan silaturrahim	Tidak masuk syurga mereka yang memutuskan (tali persaudaraan). [Muttafaqun alaih].
61	Meninggalkan selawat ke atas nabi	Sungguh hina wajah seseorang ketika namaku disebut di sisinya namun dia tidak berselawat ke atasku. [Muslim]. Kedekut/ bakhil itu seseorang yang disebut namaku di hadapannya namun dia tidak berselawat ke atasku. [Tirmizi].

62	Memelihara anjing	Sesiapa yang memelihara anjing selain anjing untuk menjaga binatang ternak dan anjing untuk berburu, maka pahala amalannya akan berkurang setiap hari sebanyak dua qiroth (satu qiroth bersamaan sebesar bukit uhud). [Muslim].
63	Mendera binatang	Seorang wanita diazab kerana seekor kucing yang dikurungnya sampai mati; maka dia masuk neraka dengan sebab perbuatannya itu. [Muttafaqun alaih]. Janganlah kamu menjadikan sesuatu yang bernyawa sebagai sasaran (panah atau tembak sebagai suatu hobi). [Muslim].
64	Menggantung loceng pada haiwan peliharaan	Malaikat tidak akan menemani suatu rombongan yang ada padanya anjing dan loceng. [Muslim].
65	Orang yang melakukan maksiat, tapi diberi kenikmatan	Apabila kamu melihat Allah memberi kepada hambanya apa yang disukainya daripada dunia sedangkan dia melakukan maksiat, ketahuilah sesungguhnya itu istidraj (penundaan). Kemudian baginda membaca firman Allah (^{subhānahu} wata'ala) dalam surah Al-An'am: 44: قَلَمَّا نَسُوا مَا ذُكِّرُوا بِهِ فَتَحْنَا عَلَيْهِمَ أَبْوَابَ كُلِّ شَيْءٍ حَتَّى إِذَا فَرِحُوا بِمَا أُوتُوا أَخَذْنَاهُمْ بَغْتَةً فَإِذَا هُمْ مُبْلِسُونَ ﴿٤٤﴾ Maksudnya: Kemudian apabila mereka melupakan apa yang telah diperingatkan mereka dengannya, Kami bukakan kepada mereka pintu-pintu segala kemewahan dan kesenangan, sehingga apabila mereka bergembira dan bersuka ria dengan segala nikmat yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka secara mengejut (dengan bala bencana yang membinasakan), maka mereka pun berputus asa (dari mendapat sebarang pertolongan). [Ahmad].
66	Mendahulukan dunia	Sesiapa yang menjadikan dunia sebagai tujuan utamanya, maka Allah akan menceraikan-beraikan urusannya dan menjadikan kefakiran ada di hadapannya. Padahal dia tidak mendapatkan daripada dunia ini kecuali apa yang telah Allah tetapkan untuknya. [Ahmad dan Tizmi].

PERJALANAN ABADI

JALAN ENKAU KE SYURGA ATAU KE NERAKA.

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ﴾

“Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang dia telah sediakan untuk hari esok”. [al-Hasyr: 18].

*****Alam Kubur:** Tempat persinggahan menuju ke akhirat yang pertama. Lubang neraka bagi orang kafir dan orang munafik, namun taman bagi orang mukmin. Terdapat siksa di dalam kubur atas beberapa maksiat seperti: tidak membersihkan diri dari air kencing, melaga-lagakan orang, berkhianat dalam hal rampasan perang, dusta, tidur sehingga lalai mengerjakan solat, tidak membaca al-Quran, zina, homoseksual, riba, tidak membayar hutang dan sebagainya. Yang dapat menyelamatkan dari siksa kubur adalah: amal soleh yang ikhlas kerana Allah, berlindung kepada Allah dari siksa kubur, membaca surah al-Mulk dan sebagainya. Yang dilindungi dari siksa kubur adalah: orang yang mati syahid, orang yang menjaga perbatasan dari musuh, orang yang meninggal pada hari Jumaat, orang yang meninggal kerana menderita sakit perut dan sebagainya.

*****Tiupan Sangkakala:** laitu sangkakala besar yang dikulum oleh Israfil, dan menunggu masa diperintahkan untuk meniupnya; tiupan *al-faza'* (kematian), berdasarkan firman Allah ^(subhanahu wata'ala):

﴿وَيَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ فَقَرَعَ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَنْ شَاءَ اللَّهُ﴾

“Dan (ingatlah) hari (ketika) ditiup sangkakala, maka terkejutlah segala yang di langit dan segala yang di bumi, kecuali siapa yang dikehendaki Allah”. [an-Naml: 87].

Maka hancurlah alam semesta. Kemudian setelah empat puluh masa ditiuplah dengan tiupan *al-ba'ts* (kebangkitan), berdasarkan firman Allah ^(subhanahu wata'ala): ﴿ثُمَّ نُفِخُ فِيهِ أُخْرَىٰ فَإِذَا هُمْ قِيَامٌ يَظُنُّونَ﴾ “Kemudian ditiup sangkakala itu sekali lagi maka tiba-tiba mereka berdiri menunggu (keputusannya masing-masing)”. [az-Zumar: 68].

*****Hari Kebangkitan:** Kemudian Allah menurunkan hujan, lalu tumbuhlah jasad-jasad (dari tulang sulbi) sebagai suatu ciptaan baru yang tidak mati. Mereka dibangkitkan dalam keadaan tidak beralas kaki dan tidak berpakaian, dapat melihat para malaikat dan jin serta dibangkitkan mengikut amal perbuatan masing-masing.

✱✱✱ **Padang Mahsyar:** Allah mengumpulkan semua makhluk untuk dihisab. Mereka semua berada dalam ketakutan seperti orang mabuk, pada hari yang agung masanya bersamaan dengan lima puluh ribu tahun, seolah-olah dunia mereka hanyalah sesaat. Matahari mendekat pada jarak satu batu, lalu manusia tenggelam dalam keringat mereka mengikut kadar amal perbuatan mereka. Pada hari itu terjadi permusuhan antara orang-orang yang lemah dan para pembesar mereka (ketika di dunia). Orang kafir bermusuhan sesama mereka, juga dengan syaitan dan anak buahnya; saling melaknati. Orang zalim akan menggigit kedua-dua tangannya. Neraka Jahannam diheret dengan tujuh puluh ribu tali kekang, setiap tali kekang ditarik oleh tujuh puluh ribu malaikat. Jika orang kafir melihatnya, dia berharap menjadikan dirinya sebagai tebusan atau menjadi debu. Adapun para pelaku maksiat; orang yang enggan membayar zakat, maka hartanya dilembarkan pada api untuk diseterika padanya. Manakala orang-orang yang sombong, mereka dihimpunkan bagaikan semut. Diungkapkan perbuatan orang yang melanggar janji, pengkhianat dan perampas harta orang lain, pencuri datang dengan barang curiannya itu, dan terzahirlah segala sesuatu yang tersembunyi. Adapun orang-orang yang bertakwa, hal itu tidak menjadikan mereka takut, bahkan ianya berlalu bagaikan solat zohor.

✱✱✱ **Syafaat:** Syafaat 'Uzma (agung): khusus bagi Nabi kita (ṣallāllāhu 'alaihi wa sallam) untuk semua umat manusia pada hari mahsyar agar dibebaskan dari malapetaka yang hebat dan segera dihisab. Adapun Syafaat 'Ammah (umum) adalah bagi Nabi (ṣallāllāhu 'alaihi wa sallam) dan selain baginda; seperti mengeluarkan orang-orang yang beriman daripada neraka dan mengangkat darjat mereka.

✱✱✱ **Hisab (Perhitungan):** Manusia dihadapkan kepada Tuhan mereka dengan berbaris-baris. Kemudian diperlihatkan amal perbuatan mereka lalu dipersoalkan tentangnya; begitu juga umur, masa muda, harta benda, ilmu, janji, kenikmatan, pendengaran, penglihatan dan hati. Orang kafir dan munafik akan dihisab di hadapan seluruh makhluk, supaya mereka dipermalukan, ditegakkan hujah ke atas mereka, dan seluruh manusia, bumi, siang dan malam, harta benda, malaikat serta seluruh anggota badan menjadi saksi atas diri mereka, sehingga

terbukti dosa-dosa mereka dan mereka pun mengakuinya. Sedangkan orang mukmin, Allah akan menghisabnya secara bersendirian; dia akan mengakui dosa-dosanya sehingga dia melihat dirinya akan binasa, lalu Allah (^{subhānahu wata'āla}) berfirman kepadanya: “Aku telah menutupi dosa-dosamu itu di dunia, dan Akulah juga yang mengampunkannya bagimu pada hari ini”. Umat pertama yang dihisab adalah umat Muhammad (^{sallāluhu 'alaihi wa sallam}), dan amalan yang pertama dihisab adalah solat, sedangkan hukum yang pertama diputuskan adalah perkara pertumpahan darah.

*** **Catatan Amal:** Kemudian catatan amal bertebaran, lalu mereka mengambil suatu kitab yang “*tidak meninggalkan sesuatu yang kecil dan tidak (pula) sesuatu yang besar, melainkan ia mencatat semuanya*” [al-Kahfi: 49]. Orang mukmin menerimanya dengan tangan kanan, sedang orang kafir dan munafik menerimanya dengan tangan kiri dan belakangnya.

*** **Mizan (Neraca):** Kemudian amal perbuatan semua makhluk ditimbang untuk diberikan kepada mereka balasannya, dengan timbangan yang hakiki dan teliti sekali. Neraca ini mempunyai dua penimbang; di mana yang memberatkannya adalah amal perbuatan yang bertepatan dengan syariat dan ikhlas kerana Allah (^{subhānahu wata'āla}). Antara yang memberatkannya juga adalah kalimat “لا إله إلا الله”, akhlak yang baik, zikir seperti: “الحمد لله”, “سبحان الله وبحمده سبحان الله العظيم”. Umat manusia menerima hukuman yang sesuai dengan kebaikan dan kejahatan mereka.

*** **Haudh (Telaga):** kemudian orang-orang mukmin mendatangi *haudh* (telaga). Siapa yang meminum daripadanya maka dia tidak akan merasa haus selama-lamanya. Setiap Nabi mempunyai *haudh* (telaga), yang paling agung adalah *haudh* Nabi Muhammad (^{sallāluhu 'alaihi wa sallam}). Airnya lebih putih dari susu, lebih manis dari madu, dan lebih wangi dari minyak kasturi. Bejananya dari emas dan perak, sebanyak bilangan bintang. Panjangnya lebih jauh dari jarak antara kota Ailah di Jordan dan kota 'Aden di Yaman. Airnya mengalir dari Sungai *al-Kautsar*.

*** **Ujian bagi orang-orang yang beriman:** Pada hari akhir di padang Mahsyar, orang-orang kafir mengikuti tuhan-tuhan yang mereka sembah, lalu ia menghantar mereka ke neraka secara

berbondong-bondong seperti kawanan binatang ternak, di atas kaki-kaki mereka atau di atas wajah-wajah mereka. Tidak ada yang tersisa kecuali orang-orang mukmin dan orang-orang munafik. Kemudian datanglah Allah ^(subhānahu wata'āla) kepada mereka dan berfirman: “Apakah yang kalian tunggu?”. Mereka menjawab: “Kami menunggu Tuhan kami”. Maka mereka mengetahuiNya ketika betisNya disingkap, lalu mereka tunduk sujud kecuali orang-orang munafik. Allah ^(subhānahu wata'āla) berfirman:

﴿يَوْمَ يُكْشَفُ عَنْ سَاقٍ وَيُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُودِ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ﴾ , *“(Ingatlah) pada hari betis disingkapkan dan mereka dipanggil untuk bersujud; maka mereka tidak mampu”*. [al-Qalam: 42]. Lalu mereka mengikuti Tuhan mereka. Dia pun membentangkan titian sirat untuk mereka lewati. Orang-orang mukmin pada saat itu diberi cahaya olehNya, manakala cahaya orang-orang munafik dipadamkan.

✱ **Titian Sirat:** Berupa jambatan yang membentang di atas neraka Jahannam, untuk diseberangi oleh orang-orang mukmin menuju ke syurga. Nabi ^(sallāluhu 'alaihi wa sallam) menggambarkan bahawa titian sirat itu: *(مَدْحَضَةٌ مَرَلَةٌ عَلَيْهِ خَطَائِيفٌ وَكَلَالِيبٌ كَشَوْكِ السَّعْدَانِ، أَدْقُ مِنَ الشَّعْرَةِ وَأَجْدُ مِنَ السَّيْفِ)* - *“Licin dan menggelincirkan, di atasnya terdapat cakuk-cakuk seperti duri pohon Sa’dan, lebih halus dari rambut dan lebih tajam dari pedang”* [HR Muslim].

Di tempat inilah orang-orang mukmin diberikan cahaya sesuai dengan amalan mereka. Yang paling tinggi dari kalangan mereka besar cahayanya seperti gunung, dan yang paling rendah dari kalangan mereka cahayanya hanya terdapat pada hujung ibu jari kakinya. Cahaya itu menyinari mereka sehingga mereka menyeberangi titian sirat dengan mengikut kadar amalan mereka; orang mukmin menyeberangi seperti kerdipan mata, seperti kilat, seperti angin, seperti burung, seperti kuda dan unta tunggangan terbaik, “maka ada yang selamat tanpa cacat, ada yang tercalar tetapi masih selamat, dan ada pula yang terjatuh ke dalam neraka jahannam” [Muttafaqun ‘alaih].

Adapun orang-orang munafik, tiada cahaya untuk mereka. Mereka kembali (ke belakang), kemudian didirikan pagar pemisah antara mereka dan orang-orang mukmin. Kemudian mereka ingin menyeberangi titian sirat lalu berjatuhlah mereka ke dalam api neraka.

*** **Neraka:** la dimasuki oleh orang-orang kafir, kemudian orang-orang mukmin yang berdosa, kemudian orang-orang munafik. 999 daripada setiap 1000 orang akan masuk ke dalamnya. Ia mempunyai tujuh pintu. Apinya tujuh puluh kali lebih panas daripada api dunia. Tubuh orang kafir di dalam neraka menjadi besar agar mereka merasa pedihnya siksaan; jarak antara kedua bahunya menjadi sejauh perjalanan tiga hari, gigi gerahamnya sebesar gunung uhud, kulitnya menjadi tebal, setiap kali kulit itu hangus, maka akan diganti dengan kulit yang lain supaya mereka merasa azab. Minuman mereka adalah air yang sangat panas, yang menghancurkan isi perut mereka. Makanan mereka adalah pohon *Zaqqum* (sejenis pohon yang tumbuh di neraka), *Ghislin* (darah dan nanah yang keluar dari daging penghuni neraka), dan *Shadid* (darah yang bercampur dengan nanah). Yang paling ringan siksaannya adalah orang yang kedua telapak kakinya beralaskan bara api sehingga menggelegak otaknya. Di dalamnya terdapat pembakaran kulit, pinglehan, penghangusan, penyeretan, belunggu dan rantai. Neraka dasarnya sangat dalam sekali, sekiranya seorang anak yang baru lahir dilemparkan ke dalamnya, setelah tujuh puluh tahun baru mencapai dasarnya. Bahan bakarnya adalah orang-orang kafir dan batu, udaranya adalah angin yang sangat panas, naungannya adalah asap yang hitam pekat, pakaiannya api yang memakan segala sesuatu tanpa meninggalkan sisa. Ia menggeram, menggertak dan membakar kulit hingga sampai ke tulang dan jantung.

*** **Qanjarah (Jambatan): Nabi** (^ṣallāhu 'alaihi wa sallam) **bersabda:**

يَخْلُصُ الْمُؤْمِنُونَ مِنَ النَّارِ فَيُحْسَبُونَ عَمَّا قَنَطَرَةً بَيْنَ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ فَيَقْصُصُ لِبَعْضِهِمْ مِنْ بَعْضِ مَظَالِمِ كَانَتْ بَيْنَهُمْ فِي الدُّنْيَا حَتَّى إِذَا هَدَّبُوا وَنُقُوا إِذَنْ لَهُمْ فِي دُخُولِ الْجَنَّةِ قَوْلَ الَّذِي نَفَسَ مُحَمَّدٌ بِيَدِهِ لِأَحَدِهِمْ أَهْدَى بِمَنْزِلِهِ فِي الْجَنَّةِ مِنْهُ بِمَنْزِلِهِ كَأَنَّ فِي الدُّنْيَا

“Orang mukmin selamat dari neraka, kemudian dihisab di atas jambatan antara syurga dan neraka, sehingga kezaliman sesama mereka di dunia diqisas antara satu sama lain, sehingga jika mereka telah bersih dan suci, mereka dipersilakan masuk syurga. Demi Zat yang jiwaku berada di Tangan-Nya, sungguh mereka lebih kenal tempat tinggal mereka di syurga, berbanding tempat tinggal mereka ketika di dunia”. [HR Bukhari].

✱ **Syurga:** Ia adalah tempat kediaman bagi orang-orang mukmin. Bangunannya dibuat dari perak dan emas, adukannya dari minyak kasturi, kerikilnya dari mutiara dan batu permata, serta debunya dari *za'faran*. Syurga mempunyai lapan pintu, setiap pintu lebarnya sejauh tiga hari perjalanan, akan tetapi pintu tersebut penuh sesak. Syurga mempunyai seratus tingkat; jarak antara satu tingkat dengan tingkat yang lain seperti jarak antara langit dan bumi. Tingkat yang paling tinggi adalah *Firdaus*. Dari *Firdaus* inilah mengalirnya sungai-sungai syurga. *Atap Firdaus* ini adalah *Arasy ar-Rahman*.

Sungai-sungai syurga adalah madu, susu, arak dan air yang mengalir tanpa arus. Orang mukmin mengalirkannya sekehendak hatinya. Buahnya tiada henti; dapat dipetik dari dekat dan mudah. Di dalam syurga ada khemah berongga yang dibuat dari mutiara, lebarnya enam puluh batu. Pada setiap sudutnya ada penghuni, tubuhnya mulus, tidak berbulu, tidak berkumis, dan mata mereka seakan-akan memakai celak. Kemudaan dan pakaian mereka tidak menjadi luntur. Mereka tidak membuang air kecil mahupun besar, dan juga tidak kotor. Sikat mereka daripada emas, dan peluh mereka bagaikan minyak kasturi. Bidadari syurga semuanya cantik jelita, sentiasa perawan, gadis-gadis yang sebaya umurnya. Yang pertama sekali masuk ke syurga adalah Nabi Muhammad (sallalāhu 'alaihi wa sallam) dan para nabi. Ahli syurga yang paling rendah tingkatannya adalah orang yang inginkan sesuatu lalu diberi sepuluh kali ganda daripadanya. Para pelayan syurga adalah anak-anak muda yang tetap muda. Mereka bagaikan mutiara yang bertaburan. Adapun nikmat syurga yang paling agung adalah melihat Allah dan keredaannya, serta hidup yang kekal abadi.

Beberapa kejadian besar yang akan dialami oleh seseorang:

- ✱ mukmin,
- ✱ munafik,
- ✱ kafir

TATA CARA BERWUDHU

Tidak boleh berwudhu melainkan dengan air yang suci, yakni air yang masih kekal dalam keadaan asal penciptaannya, atau yang telah berubah warna, bau, atau rasanya dengan sesuatu yang suci seperti air yang berubah kerana lama bertakung.

- Makruh berwudhu dengan air yang sejuk atau panas, begitu juga bercakap-cakap ketika sedang berwudhu.
- Air yang sedikit apabila terkena najis, terus menjadi najis. Adapun air yang banyak (lebih kurang 210 liter), tidak menjadi najis kecuali jika berubah warna, bau atau rasanya.



1- Wudhu dimulakan dengan membaca 'basmalah', dan disunatkan untuk membasuh kedua tapak tangan pada setiap wudhu. Bagi orang yang baru bangun daripada tidur malam, dituntut untuk membasuhnya sebanyak tiga kali.

- Jika terlupa membaca 'basmalah' wudhunya tetap sah. Jika dia teringat untuk membacanya ketika dia sedang berwudhu, hendaklah dia lakukan dan tidak perlu bermula dari awal.
- Makruh membasuh kesemua anggota wudhu lebih daripada tiga kali.



2- Kemudian berkumur sekali; mesti menggerakkan air di dalam mulut, dan disunatkan sebanyak tiga kali.

- Tidak sah berkumur melainkan seperti yang telah disebutkan.
- Tidak makruh menelan air selepas berkumur.
- Disunatkan bersugi ketika berkumur.
- Disunatkan menghimpunkan antara berkumur dan beristinsyaq (memasukkan air ke dalam hidung) dalam satu cedokan air; sebahagiannya untuk dikumur dan selebihnya untuk istinsyaq.



3- Kemudian beristinsyaq sekali; mesti menyedut air dengan menggunakan nafas sehingga ke dalam rongga hidung, dan disunatkan sebanyak tiga kali.

- Tidak sah beristinsyaq melainkan seperti yang telah disebutkan.
- Disunatkan memasukkan air dengan tangan kanan dan mengeluarkannya dengan tangan kiri.
- Disunatkan melebihkan berkumur dan beristinsyaq bagi orang yang tidak berpuasa.



4- Kemudian membasuh mukanya iaitu dari telinga ke telinga yang satu lagi dan dari anak rambut ke dagu.

- Wajib menyela janggut jika ianya tidak lebat dan sunat jika ianya lebat.
- Tidak sah dengan hanya menyapu muka tanpa membasuhnya.
- Disunatkan mendahulukan berkumur dan beristinsyaq sebelum membasuh muka.
- Makruh membasuh bahagian dalam mata ketika membasuh muka.



➤ Disunatkan lebihkan air tanpa membazir ketika membasuh muka.
5- Kemudian membasuh kedua tangannya dari hujung jari hingga kedua siku.

- Disunatkan mendahulukan anggota kanan ketika membasuh dan menggosoknya.
- Membasuh kedua tapak tangan di permulaan wudhu adalah sunat, namun di sini hukumnya wajib.
- Disunatkan menyela jari-jemari.



6- Kemudian menyapu keseluruhan permukaan kepalanya bermula dari permulaan rambut sampai ke leher, kemudian berpatah balik ke permulaan rambut dengan tidak ditinggalkan sesuatu pun daripadanya, seterusnya memasukkan jari telunjuknya ke lubang telinga dan menyapu belakang telinganya dengan ibu jarinya. Bagaimana sekali cara dia menyapu adalah harus.

- Tidak wajib menyapu bahagian rambut yang terurai.
- Disapu kulit kepala jika tiada rambut.
- Wajib menyapu bahagian antara rambut dan kedua telinga kerana ia termasuk daripada kepala.
- Makruh mengulang sapu lebih dari sekali.
- Makruh membasuh rambut sebagai ganti kepada sapu, namun ianya tetap sah.



7- Kemudian menyapu kedua kakinya berserta buku lali.

- Disunatkan mendahulukan anggota kanan ketika membasuh dan menggosoknya.
- Disunatkan menyela jari-jemari.



Disyaratkan:

- Tertib antara anggota wudhu; maka dimulakan dengan berkumur, beristinsyaq dan membasuh muka, kemudian membasuh kedua tangan, kemudian menyapu kepala, kemudian membasuh kedua kaki.
- Berturutan antara anggota; iaitu tidak dilewatkan membasuh sesuatu anggota sehingga kering anggota sebelumnya.

Diharuskan mengeringkan anggota selepas berwudhu, namun lebih afdal ia tidak dilakukan. Makruh menempiaskan air daripada anggota wudhu.

Tidak sah wudhu dengan membasuh kesemua anggota wudhu sekali gus; seperti berendam di dalam bekas dan meniatkannya sebagai wudhu.

Setelah berwudhu disunatkan menyebut:

(أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ) - “Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah semata-mata, tiada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahawa Muhammad s.a.w. adalah hamba-Nya dan rasul-Nya”. Disunatkan juga bersolat dua rakaat selepas berwudhu.

TATA CARA SOLAT

Apabila seseorang berdiri untuk solat, maka dia perlu memulakannya dengan berkata: "Allahu akbar"; imam mengeraskan suara pada semua jenis takbir supaya dapat didengari oleh jemaah di belakang dan selain daripada imam hendaklah menyebutnya dengan perlahan. Mengangkat kedua-dua tangan dengan merapatkan jari-jemari sejajar dengan bahu ketika mula bertakbir, sedangkan makmum bertakbir setelah imam selesai bertakbir.



- Wajib bagi orang yang solat untuk berdiri tegak ketika mengangkat takbiratul ikrām. Ia tidak sah dalam keadaan bongkok atau duduk melainkan bagi orang yang tidak mampu berdiri.
- Disunatkan bagi orang yang bersolat untuk meletakkan bagi dirinya penghadang dan berada dekat dengannya. Penghadang imam sudah memadai bagi makmum.
- Tempat niat adalah di hati, maka tidak wajib menyebutnya dengan kuat.
- Tidak berlebihan atau meringankan ketika mengangkat kedua tangan untuk bertakbir.
- Wajib mengeraskan suara pada bacaan rukun dan wajib sekadar yang dapat didengari oleh dirinya sendiri sekalipun dalam solat sirr (solat yang dibaca perlahan). Serendah-rendah suara adalah mendengarkan bacaan pada dirinya sendiri.
- Makruh menoleh, mengangkat pandangan, memejam mata, berdiri sambil meletakkan tangan di tengkuk atau di pinggang, berdiri dengan salah satu kaki tanpa adanya keperluan, melekatkan kaki, dan merenggangkan kaki dengan luas.

Kemudian tangan kanannya menggenggam belakang atau pergelangan tangan kiri lalu diletakkan di bawah dada serta matanya melihat ke tempat sujud. Kemudian membaca doa iftitah (pembukaan) seperti yang warid daripada sunnah, kemudian membaca au'zubillah (Ta'awuz) serta basmalah secara perlahan. Kemudian membaca surah al-Fatihah dan apa yang mudah daripada ayat al-Quran yang lain. Imam perlu menguatkan bacaan pada solat subuh, dan dua rakaat pertama pada solat maghrib dan isyak dan memperlahankan pada rakaat yang lain.



- Makruh mengulang al-Fatihah dalam rakaat yang sama. Makruh juga berpada dengan al-Fatihah pada dua rakaat pertama.
- Makmum tidak wajib membaca ketika imam membaca kuat kerana ia sudah di bawah tanggungan imam. Walaubagaimana pun, makmum disunatkan membaca al-Fatihah pada sela bacaan imam.
- Tidak makruh membaca surah yang sama atau surah yang berbeza

pada dua rakaat, begitu juga membaca lebih daripada satu surah pada satu rakaat. Tidak makruh juga membaca daripada akhir, atau pertengahan surah, atau melazimi surah tertentu sedangkan dia berpegang kepada keharusan membaca surah-surah yang lain.

➤ Disunatkan membaca surah mengikut susunan mushaf dan dimakruhkan sebaliknya serta diharamkan menterbalikkan turutan perkataan atau ayat dalam satu surah.

Kemudian bertakbir, mengangkat tangan dan rukuk dengan meletakkan kedua tangannya pada kedua kepala lutut, merenggangkan jari-jemari, meluruskan belakangnya sejajar dengan kepalanya dan membaca: (سبحان ربي العظيم) sebanyak tiga kali dan makruh dibaca sekali sahaja.

➤ Wajib menyebut takbir dan (سمع الله لمن حمده) ketika berpindah rukun. Tidak sah menyebutnya sebelum atau selepasnya kerana ia bukan pada tempatnya.

➤ Kadar sah bagi rukuk adalah dia mampu menyentuh lututnya pada kadar yang pertengahan.

➤ Dikira suatu rakaat apabila seseorang itu sempat rukuk bersama imam, sebelum imam mengangkat kepalanya.

➤ Jika seseorang yang ingin solat masuk ke dalam masjid sedangkan imam telah bangun daripada rukuk, maka disunatkan untuk dia menyertai imam dan mengganti rakaat tersebut.

➤ Makruh membaca al-Quran ketika rukuk dan sujud, melainkan dia memaksudkan doa, maka tidak mengapa seperti: (ربنا آتانا في الدنيا حسنة وفي الآخرة حسنة).

Kemudian bangkit dan membaca: (سمع الله لمن حمده), serta mengangkat kedua tangan. Apabila telah berdiri tegak semula dia membaca:

(ربنا ولك الحمد حمداً كثيراً طيباً مباركاً فيه ملء السموات وملء الأرض ما شئت من شيء بعد.) **“Aku memuji-Mu dengan pujian yang banyak, baik dan penuh dengan keberkatan di dalamnya sepenuh langit dan bumi serta sepenuh apa sahaja yang Engkau kehendaki setelah itu”.**

➤ Tidak menyebut (ربنا ولك الحمد) kecuali setelah berdiri lurus. Tidak dimulakan daripada sebelumnya kerana ia hanya disebut setelah berdiri lurus.

➤ Dia boleh melepaskan tangannya atau meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri.

➤ **Empat lafaz tahmid yang sah daripada Nabi s.a.w.:**

1- (ربنا ولك الحمد), 2- (ربنا لك الحمد), 3- (اللَّهُمَّ ربنا ولك الحمد),

4- (اللَّهُمَّ ربنا لك الحمد); disunatkan mempelbagaikan dengan lafaz-lafaz ini.

Kemudian tunduk sujud sambil bertakbir, menjarakkan kedua lengan daripada kedua rusuk dan perut dari kedua paha, menjadikan kedua tangan sejajar dengan bahu, sementara hujung jari kaki dan tangan menghala ke kiblat, kemudian membaca: (سبحان ربي الأعلى) sebanyak tiga kali (sangat). Dia boleh menambahnya dengan doa sujud lain yang warid atau dengan mana-mana doa yang dia



kehendaki.

- Makruh merapatkan lengan dengan lantai ketika sujud.
- Sunat menjarakkan lengan dengan syarat tidak mengganggu orang yang disebelahnya. Boleh juga menongkat siku ke paha jika lama sujudnya.
- Wajib bersujud di atas tujuh anggota: kedua hujung kaki, kedua lutut, kedua tapak tangan, dahi serta hidung. Batal solatnya jika meninggalkan sujud di atas salah satu anggota ini dengan sengaja.


Kemudian mengangkat kepala dan menyebut Allahuakbar lalu duduk di atas buku lali kiri, menegakkan kaki kanan serta membengkokkan jari-jari kaki kanan menghadap ke kiblat, atau menegakkan kedua-dua kaki dan jari-jarinya menghadap kiblat serta berdiri di atas kedua-dua tumitnya kemudian membaca: (رب اغفر لي) sebanyak tiga kali dan boleh ditambah dengan

(وارحمي، واجبرني وارفعني، وارزقني، وانصرني واهدني وعافني، واعف عني). “Dan rahmatilah aku, percukupkanlah aku, angkatkan darjatku, berikan aku rezeki, pertolongan, petunjuk, kesihatan dan maafkanlah aku”. Kemudian sujud kali kedua sepertimana sujud yang pertama tadi. Kemudian mengangkat kepala, menyebut Allahuakbar dan bangkit berdiri untuk memulakan rakaat kedua sebagaimana rakaat pertama.

- Makruh duduk selain dua cara yang ditunjukkan ini kerana selainnya adalah tidak warid.
- Boleh duduk berehat ketika bangun untuk rakaat yang seterusnya. Ia seperti duduk di antara dua sujud, cuma ia hanya sekejap dan terus bangun selepasnya. Hendaklah dia bertakbir ketika akan duduk berehat dan dia tidak perlu bertakbir lagi untuk bangun selepasnya.
- Tidak dibaca al-Fatihah melainkan setelah sempurna berdiri kerana tempatnya adalah ketika berdiri. Jika seseorang itu membacanya sebelum sempurna berdiri, hendaklah dia mengulanginya semula daripada awal setelah dia sempurna berdiri atau solatnya akan batal.

Apabila telah selesai semua sebagaimana rakaat pertama, maka duduk tahiyat iftirasy (tahiyat awal) dengan meletakkan tangan kiri di atas paha kiri dan tangan kanan di atas paha kanan; dengan digenggam jari kelingking dan jari manis, dilingkarkan jari tengah dan ibu jari, serta ditunjuk dengan jari telunjuk. Kemudian membaca: (التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ ... وَالصَّلَاةُ وَالطَّيِّبَاتُ ...), kemudian bangkit pada kali ketiga dan keempat untuk menyempurnakan solat atau baki rakaat, tetapi bacaan tidak sekuat rakaat pertama dan kedua. Hanya al-Fatihah sahaja yang perlu dibaca pada rakaat ketiga dan keempat.

- Sunat meletakkan pandangan ke jari telunjuk kanan ketika tasyahhud.
- Sunat mengangkat jari telunjuk dan menundukkannya sedikit ketika



tasyahhud.

➤ Sunat untuk tidak memanjangkan duduk lebih daripada kadar menyempurnakan tahiyyat.

Kemudian duduk tawaruk untuk tahiyyat akhir dan ia mempunyai tiga cara yang sah. Ia dilakukan pada duduk yang terakhir daripada solat, yang mempunyai dua tasyahhud. Kemudian membaca:

(التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ...), kemudian berselawat ke atas nabi:

(اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيَّ مُحَمَّدًا وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ), kemudian berdoa apa sahaja.

➤ **Cara duduk tawarruk: 1-** membentangkan kaki kiri dan mengeluarkan telapaknnya dari bawah betis kaki kanan, serta menegakkan telapak kaki kanan sementara punggungnya menyentuh tanah. **2-** seperti cara pertama, tetapi kaki kanan dibentangkan. **3-** seperti cara pertama juga, tetapi kaki kiri diletakkan di antara betis dan pahanya.

➤ Sunat membaca dengan apa yang warid antaranya:

(أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ عَذَابِ النَّارِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ، وَفِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَفِتْنَةِ الْمَسِيحِ التَّجَالِ).
 “Aku berlindung dengan Allah daripada azab neraka, siksa kubur, fitnah kehidupan dan kematian serta kejahatan fitnah Dajjal”.

(اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي، ظُلْمًا كَثِيرًا وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ فَاعْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ وَارْحَمْنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ).


“Ya Allah! Sesungguhnya aku telah menzalimi diriku dengan kezaliman yang banyak dan tiada yang dapat mengampunkan dosa-dosa tersebut melainkan Engkau. Maka ampunkan daku dengan keampunan dari-Mu, dan kasihanilah daku. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”.

➤ Makruh bertongkat dengan tangan tanpa adanya keperluan ketika duduk tahiyyat.

Kemudian memberi dua salam bermula dengan kanan dengan menyebut: (السلام عليكم ورحمة الله), diikuti dengan salam kedua di sebelah kiri. Selepas itu hendaklah dia membaca doa yang warid dalam keadaan dia tetap duduk di tempat solatnya.

➤ Sunat menoleh ketika mengucapkan salam dengan mendahulukan sebelah kanan sebelum kiri. Makruh mendahulukan sebelah kiri.

➤ Makruh membolak-balikkan tangan ketika memberi salam.



ILMU MENUNTUT PENGAMALAN

Wahai saudaraku muslim dan muslimah!

Allah (^{subhānahu}
wata'ala

) telah memberikan kemudahan bagi anda untuk membaca buku yang bermanfaat ini. Sekarang yang tinggal adalah buah dari bacaan tersebut; iaitulah beramal dengan kandungannya.

❖ Anda telah membaca beberapa ayat dari al-Quran berserta tafsirnya, maka berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengamalkan apa yang telah anda ketahui dari makna ayat-ayat ini. Sungguh, para sahabat Nabi (^{sallālahu 'alaihi}
wa

) mempelajari sepuluh ayat al-Quran dari Rasulullah (^{sallālahu 'alaihi}
wa) maka mereka tidak akan menambah sepuluh ayat yang lain sehinggalah mereka mengetahui tentang ilmu dan amal yang terkandung di dalamnya. Mereka mengatakan: “Maka kami telah mengetahuinya ilmu dan pengamalannya”. Sebagaimana syarak juga menganjurkan perkara tersebut. Ibnu Abbas RA ketika mentafsirkan firman Allah

(^{subhānahu}
wata'ala

): ﴿يَتْلُونَهُ حَقَّ تِلَاوَتِهِ﴾ “*Mereka membacanya dengan bacaan yang sebenarnya*”. [al-Baqarah: 121], beliau berkata: “Yakni mengikutinya dengan sebenar-benarnya”. Al-Fudhail RAH berkata: “Sesungguhnya al-Quran diturunkan hanyalah untuk diamalkan, maka manusia pun menjadikan bacaannya sebagai pengamalan”.

❖ Anda juga telah membaca beberapa hadis daripada Nabi (^{sallālahu 'alaihi}
wa

), maka segeralah menunaikan dan mengamalkannya.

Ilmu yang tidak diamalkan, dicela oleh Allah, RasulNya dan orang-orang beriman. Allah (^{subhānahu}
wata'ala

) berfirman: “*Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang kamu tidak lakukan. Amat besar kebencian di sisi Allah apabila kamu mengatakan apa yang tidak kamu kerjakan*”. [as-Shaf: 2-3].

Abu Hurairah (^{radhyallāhu}
anhu

) berkata: “Perumpamaan ilmu yang tidak diamalkan seperti harta yang tidak dinafkahkan di jalan Allah”.

Al-Fudhail RAH berkata: “Seorang alim masih dianggap jahil atas apa yang dia tahu sehingga dia mengamalkannya”.

Malik bin Dinar RAH berkata: “(Boleh sahaja) anda menjumpai seorang lelaki yang tidak tersalah walau satu huruf dalam percakapannya, namun seluruh perbuatannya bersalahan (dengan percakapannya).

Sesungguhnya para salihin dari umat ini, mereka tidak mempelajari sesuatu kecuali mereka berlumba-lumba mempraktikkan dan mendakwahnya, sebagai melaksanakan sabdaan Nabi (ﷺ): **“Jika aku memerintahkan kamu dengan suatu perkara, maka lakukanlah mengikut kemampuanmu, dan apa yang aku melarang kamu daripadanya, maka tinggalkanlah”**. [HR al-Bukhari dan Muslim].

Juga kerana takut kepada siksa Allah (ﷻ) yang pedih, sebagaimana firman Allah (ﷻ):

﴿فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ﴾

“Maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintahNya takut akan ditimpa cubaan atau azab yang pedih”. [an-Nur: 63].

Antara contoh-contoh dalam hal ini:

- **Ummul mukminin Ummu Habibah Rha** meriwayatkan hadis: “Sesiapa yang solat dua belas rakaat (*rawatib*) dalam sehari semalam, maka akan dibangunkan untuknya dengan solat-solat itu rumah di dalam syurga”. [HR Muslim].
- **Ibnu Umar RA** meriwayatkan hadis: “Tidaklah patut seorang muslim yang mempunyai sesuatu yang ingin diwasiatkan untuk bermalam selama dua malam melainkan wasiatnya hendaklah siap tertulis di sisinya”. [HR Muslim]. Kemudian Ibnu Umar berkata: “Tidak berlalu satu malam pun semenjak aku mendengar Rasulullah (ﷺ) mengatakan hal itu melainkan wasiatku berada di sisiku”.
- **Imam Ahmad RAH** berkata: “Aku tidak menulis satu hadis kecuali aku telah mengamalkannya, sehingga pernah aku mendapati satu hadis bahawa Nabi (ﷺ) berbekam dan memberi kepada Abu Thaibah satu dinar, maka aku pun memberi kepada tukang bekam satu dinar apabila aku berbekam”.
- **Imam al-Bukhari RAH** berkata: “Aku tidak pernah mengumpat sesiapa pun setelah aku mendengar bahawa mengumpat itu haram. Sungguh, aku berharap berjumpa Allah (ﷻ) dan Dia tidak menghisabku bahawa aku telah mengumpat seseorang”.
- **Dinyatakan dalam hadis:** “Sesiapa yang membaca ayat al-Kursiy setiap selepas solat, tidak ada yang mencegahnya masuk ke syurga kecuali mati”. [HR an-Nasaie]. **Ibnul Qayyim RAH**

berkata: “Telah sampai kepadaku bahawa Syaikhul Islam berkata: “Aku tidak pernah meninggalkannya setiap selepas solat kecuali kerana lupa atau sebab lainnya”.

❖ Setelah ilmu dan amal, maka harus berdakwah kepada nikmat yang telah Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}) kurniakan kepada anda, dan janganlah anda menahan diri anda dari ganjaran dan diri orang lain dari kebaikan. Nabi (^{ṣallāllāhu}_{wa} ^{'alaihi}_{sallam}) bersabda: “*Sesiapa yang menunjukkan kepada kebaikan, maka baginya pahala seperti orang yang melakukan kebaikan tersebut*”. [HR Muslim]. Sabdanya lagi: “Sebaik-baik kalian adalah yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya”. [HR al-Bukhari]. Begitu juga sabdanya: “Sampaikan dariku walaupun satu ayat”. [Muttafaqun alaih]. Semakin banyak anda menyebarkan kebaikan, maka semakin banyak dan besar pahala anda, bahkan kebaikan itu akan terus mengalir pahalanya untuk anda; ketika masih hidup mahupun sesudah mati. Rasulullah (^{ṣallāllāhu}_{wa} ^{'alaihi}_{sallam}) bersabda: “*Jika manusia mati maka putuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, atau anak soleh yang mendoakannya*”. [HR Muslim].

❖ **Pencerahan:** Kita membaca surah al-Fatihah lebih dari tujuh belas kali dalam sehari semalam. Dalam bacaan itu, kita memohon perlindungan dari “Jalan orang-orang yang dimurkai (Yahudi)” dan “jalan mereka yang sesat (Nasrani)”, kemudian kita menyerupai mereka dalam perbuatan mereka. Kita meninggalkan belajar untuk beramal atas dasar kebodohan, maka kita serupa dengan orang-orang Nasrani yang sesat. Atau kita belajar dan tidak mengamalkannya, maka kita serupa dengan orang-orang Yahudi yang dimurkai.

Kami memohon kepada Allah (^{subhānahu}_{wata'āla}) agar menganugerahi kami dan anda ilmu yang bermanfaat dan amalan yang baik. Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui. Selawat dan Salam semoga tercurah kepada junjungan dan kekasih kita Muhammad (^{ṣallāllāhu}_{wa} ^{'alaihi}_{sallam}) berserta keluarga dan para sahabatnya.

MELAYU



ويليه

أحكام فقه المسلم

ترجم إلى أكثر من ٦٠ لغة

www.tafseer.info

www.islamic-invitation.com

TAFSIR SEPERSEPULUH YANG TERAKHIR